



JABATAN PERDANA MENTERI

TERAJU

PENERAJU BUMIPUTERA

TPB
2030

**TINDAKAN
PEMBANGUNAN
BUMIPUTERA**





PRAKATA OLEH YAB PERDANA MENTERI

Mengorak langkah ke arah pemerkasaan agenda pembangunan Bumiputera sedekad akan datang, Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) adalah satu hala tuju baru demi memastikan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif dalam kalangan Keluarga Malaysia. Ini meliputi semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan di mana ia menjadi batu asas utama kepada pembentukan TPB2030.

TPB2030 yang juga mendokong sebahagian intipati Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) adalah satu hala tuju yang jelas, berlandaskan perkembangan teknologi dan maklumat serta ekonomi global. Tujuan utama TPB2030 adalah untuk menyemarakkan agenda pembangunan Bumiputera dalam pelbagai sektor utama ekonomi sebagai asas untuk memastikan sosioekonomi, taraf hidup, kedudukan dan kelestarian Bumiputera dilonjakkan ke peringkat lebih tinggi. Untuk itu, penglibatan secara aktif dalam ekonomi digital berteraskan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) diberi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk memacu penglibatan Bumiputera dalam sektor ekonomi kini dan masa akan datang.

Pembangunan Bumiputera melalui modal insan dan kerohanian akan melahirkan generasi yang berwibawa, berpaksikan nilai-nilai murni. Sahsiah jati diri dan etika adalah pemangkin perubahan ke arah peningkatan tadbir urus Bumiputera yang berintegriti dan berkualiti. Perubahan ini sangat penting demi membina generasi pelapis yang akan mewarisi dan mengemudi naskhah hala tuju sedekad akan datang seperti yang digariskan dalam TPB2030.

Taraf hidup Bumiputera perlu ditingkatkan dari segi pemilikan kekayaan, pemilikan aset bukan kewangan dan pemilikan ekuiti. Peningkatan taraf hidup ini juga bergerak seiring dengan peningkatan kebolehan dan keupayaan modal insan, termasuk peningkatan pendidikan, kemahiran dan kebolehpayaan teknologi di semua peringkat. Adalah amat penting untuk memberi peluang serta ruang kepada Bumiputera dalam meningkatkan keupayaan dan kapasiti mereka demi melahirkan generasi akan datang yang berdikari dan berwawasan.

Harapan saya, agar dalam tempoh 10 tahun akan datang, TPB2030 dapat menjulang matlamat besar pemerkasaan sosioekonomi demi memartabatkan maruah Bumiputera dalam membina negara bangsa.

#KeluargaMalaysia
#BekerjaBersamaRakyat



YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob
Perdana Menteri



ABD. LATIFF

PRAKATA OLEH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Pemerkasaan agenda Bumiputera bermula dari Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1970, yang mana merupakan satu strategi penyusunan semula masyarakat bagi memperbetulkan ketidaksamaan ekonomi. Usaha di bawah DEB diteruskan dengan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) berlandaskan pencapaian pembangunan yang mampan serta pengagihan ekonomi yang seimbang untuk masyarakat majmuk di Malaysia.

Menyedari hakikat bahawa pembangunan ekonomi merupakan satu usaha yang berterusan, Kerajaan kemudian memperkenalkan Pelan Transformasi Bumiputera dan Transformasi Kesejahteraan Bumiputera. Kedua-dua pelan ini diselaraskan mengikut keperluan dan kehendak ekonomi pada ketika itu, telah menjadi tunjang kepada pembangunan Bumiputera demi mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Kini, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) telah diperkenalkan sebagai rancangan jangka masa panjang negara yang merupakan kesinambungan agenda Wawasan 2020. WKB2030 bermatlamat menjadikan Malaysia sebuah negara yang lestari melalui pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.


Menyedari kepentingan penglibatan Bumiputera dalam WKB2030, Kerajaan telah melahirkan satu hala tuju baharu, Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) bagi menyusun semula dan membentuk keseimbangan di dalam sektor sosioekonomi. Matlamat TPB2030 ini akan tercapai sekiranya keseluruhan kekayaan Bumiputera dapat ditingkatkan dengan ketara menerusi pengukuhan keupayaan dan penambahan penyertaan Bumiputera dalam sektor ekonomi bernilai tambah tinggi, terutamanya melalui

penerokaan dalam sektor-sektor industri baharu dan strategik. Akhirnya, Bumiputera akan turut bersama menjadi pemangkin kepada pembangunan negara.

Namun, dalam kita mengorak langkah dan meneruskan pelaksanaan TPB2030, Malaysia dan dunia amnya sedang mendepani cabaran pandemik COVID-19 yang hampir melumpuhkan kestabilan lanskap sosial, ekonomi dan politik sejagat. Negara kita turut terkesan di dalam situasi yang getir ini, di mana rakyat terpaksa menerus dan memastikan kelangsungan hidup. Oleh itu, TPB2030 turut menyediakan pelan bagi memulih, menjana, dan memperbaharui ekonomi negara. Tindakan-tindakan dalam TPB2030 akan memberi fokus kepada sektor, proses-proses tertentu yang boleh menjadikan impak yang jelas.

Sesungguhnya, tiada matlamat yang mustahil untuk kita capai, jika kita bersama membulat tekad menjadikan Malaysia sebagai kuasa besar ekonomi serantau. Bersama-sama kita menjayakan aspirasi yang terkandung di dalam TPB2030.

Kejayaan hala tuju ini adalah kejayaan Bumiputera keseluruhannya.



YB Datuk Dr Abd Latiff Ahmad
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Tugas-Tugas Khas)



PRAKATA OLEH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF TERAJU

Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) akan membuka lembaran baru kepada agenda pemeraksanaan Bumiputera bagi tempoh 10 tahun akan datang, merentasi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13). TPB2030 akan memperkenalkan perancangan strategik berimpak tinggi yang berupaya menghasilkan transformasi generasi baru Bumiputera yang bersatu berdikari serta berwibawa dan bermaruah.

Situasi pandemik COVID-19 mengajar kita tentang betapa pentingnya menjadi sebuah negara yang berdaya tahan dan mampu berubah mengikut keperluan semasa. TPB2030 menggariskan perancangan-perancangan strategik yang akan membuka jalan kepada pembangunan Bumiputera terutamanya dalam sektor ekonomi berkepentingan melalui pelaksanaan pelbagai program pembangunan dan inisiatif bertrajektori tinggi, pasca pandemik. Tumpuan diberi kepada usahasama menggembelng sumber bahan mentah dan modal insan bertemakan keupayaan teknologi dan intelek.

TPB2030 memberi fokus kepada 7 Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) iaitu Pertanian dan Komoditi, Ekonomi Digital, Hab Halal dan Makanan, Logistik, Pengangkutan & Mobiliti Lestari, Hab Kewangan Islam 2.0, Pembuatan dan Pelancongan serta 3 Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA) iaitu sektor Pertahanan & Keselamatan, Pembinaan Moden: IBS, dan Aeroangkasa. Selain daripada itu, 7 Bidang Keutamaan (PA) juga diberi fokus dengan penekanan terhadap industri berteknologi dan bernilai tambah tinggi.

Peranan kritikal TERAJU jelas, selaku sekretariat kepada Majlis Kemakmuran

Bumiputera (MKB), platform tertinggi agenda pemeraksanaan Bumiputera. TERAJU juga menyelaraskan agenda Bumiputera di peringkat Jawatankuasa Pemandu MKB (JPMKB) dan Jawatankuasa Kerja MKB (JKMKB). Dengan mandat yang diberikan oleh Kerajaan, TERAJU komited untuk terus mencipta nilai, menjalankan intervensi strategik, membolehkan cara dan mengubah minda generasi sekarang dan akan datang kepada pelbagai peluang baru dan sedia ada dari sudut pandang berbeza dan terbuka.

TERAJU beriltizam untuk memastikan inisiatif yang digariskan dalam dokumen ini akan digalas bersama dengan baik, serta mendapat sokongan daripada semua pihak demi melaksanakan amanah setiap misi dan visi ini dengan sempurna. Semoga TPB2030 ini menjadi sumber rujukan dan pelan tindakan yang memberi impak positif kepada generasi Bumiputera akan datang.

Terima kasih kepada semua pemegang taruh dari pihak Kerajaan dan swasta yang sama-sama menjayakan agenda pemeraksanaan Bumiputera ini.



Md Silmi Abd Rahman
Ketua Pegawai Eksekutif, TERAJU







PROLOG

Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan rancangan ekonomi telah membawa banyak kemajuan kepada ekonomi negara. Namun begitu, masih terdapat keperluan untuk menangani isu ketidakseimbangan semasa dalam penglibatan ekonomi dan penciptaan kekayaan. Beberapa cabaran masih dihadapi oleh komuniti Bumiputera, termasuk kesenjangan pendapatan yang melebar, pemilikan ekuiti korporat yang rendah, kekurangan penglibatan bakat keusahawanan dan kelemahan daya saing perniagaan Bumiputera.

Menurut data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kesenjangan pendapatan penengah bulanan isi rumah antara Bumiputera dan bukan Bumiputera masih besar. Misalnya, ketidaksamaan pendapatan penengah bulanan isi rumah antara kaum Bumiputera dan kaum Cina meningkat hampir empat (4) kali ganda daripada RM497 pada tahun 1989 kepada RM1,971 pada tahun 2019. Jurang pendapatan ini tidak hanya wujud dalam kalangan etnik, tetapi juga ketara pada peringkat negeri. Analisis peringkat negeri menunjukkan Bumiputera membentuk majoriti terbesar dalam kumpulan isi rumah berpendapatan B40.⁰¹ Lebih daripada 50% isi rumah di negeri seperti Kelantan, Perak, Pahang, Perlis, Kedah, Terengganu, Sabah dan Sarawak tergolong dalam kategori B40.

Pada peringkat nasional, Bumiputera membentuk peratusan tertinggi isi rumah dengan pendapatan bulanan antara RM2,000 - RM3,000 dan peratusan terendah untuk pendapatan bulanan lebih daripada RM20,000. Dalam aspek pemilikan ekuiti pula, Bumiputera jauh ketinggalan di belakang bukan Bumiputera dan warga asing sejak 50 tahun lalu dan tidak mencapai sasaran 30% pemilikan ekuiti seperti yang telah ditetapkan di dalam DEB. Sejak dekad lepas, pemilikan ekuiti Bumiputera menurun daripada 22% (2008) kepada 17.2% (2019), berbanding pemilikan asing yang meningkat daripada 37.9% kepada 45.5% dalam tempoh yang sama seperti yang dilaporkan di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

⁰¹ B40 (Terendah 40%) merujuk kepada kelompok 40% pendapatan terendah dengan pendapatan isi rumah di bawah RM4,849, M40 (Pertengahan 40%) pula mempunyai pendapatan isi rumah antara RM4,850 dan RM10,959. T20 (Teratas 20%) mempunyai pendapatan isi rumah RM10,961 dan ke atas - Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Berdasarkan data daripada Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), urus niaga aset bukan kewangan Bumiputera hanya mewakili 33% daripada jumlah keseluruhan urus niaga aset bukan kewangan pada 2018 untuk pasaran utama dan sekunder, dengan penumpuan tertinggi dalam kategori harta tanah kediaman. Dalam aspek harta tanah komersial, pasaran melibatkan Bumiputera hanya menyumbang 12% kepada keseluruhan urus niaga pasaran komersial dan 6% urus niaga pasaran industri.

Dalam komitmen berterusan Kerajaan untuk menangani cabaran dihadapi masyarakat Bumiputera, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) menggunakan pendekatan rundingan bagi tujuan membangunkan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030). TPB2030 adalah hala tuju 10 tahun yang menggariskan strategi jelas melalui program pembangunan terperinci serta inisiatif yang boleh memperlihatkan kesan signifikan yang bermakna kepada Bumiputera. Tujuh (7) Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA), tiga (3) Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA) dan 7 Bidang Keutamaan (PA), telah dikenal pasti untuk mencapai sasaran dan matlamat agenda Bumiputera sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) dan RMKe-12. Pelaksanaan TPB2030 akan merentasi dua (2) tempoh pelaksanaan rancangan pembangunan negara: RMKe-12 dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13).

KEGA dan PA di dalam TPB2030 diilhamkan menerusi WKB2030 dan RMKe-12 dengan potensi untuk memangkin peluasan pembangunan ekonomi masa hadapan. Penggerakan sektor ini membolehkan usaha Kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi terlaksana sepanjang TPB2030 sebagai inisiatif berpusat, seterusnya membangunkan pengukuhan kedudukan Bumiputera menerusi rantai bekalan industri yang terlibat. TPB2030 meneruskan usaha dasar dan pelan Bumiputera terdahulu yang bermatlamatkan pemeraksanaan kemampanan dan ekuiti ekonomi Bumiputera, selaras dengan WKB2030 supaya tiada Bumiputera yang ketinggalan dalam pembangunan negara.

Pada tahun 2020, TERAJU mengadakan satu siri libat urus dengan pelbagai pihak

berkepentingan melibatkan 694 peserta selama 4 bulan untuk mengenal pasti program pembangunan dan inisiatif untuk mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah TPB2030. Ia berhasil mengenal pasti 142 program pembangunan dan inisiatif untuk memacu pembangunan sosioekonomi Bumiputera dengan sumbangan Lebihan Kendalian Kasar (GOS) berjumlah RM201.53 bilion pada tahun 2030 dan mencipta 406,995 pekerjaan. Pembiayaan berjumlah RM106.47 bilion daripada sektor awam dan swasta akan disuntik ke dalam program pembangunan dan inisiatif yang dikenal pasti untuk mencapai sasaran akhir KEGA dan PA di bawah TPB2030.

Bagi memastikan semua objektif TPB2030 dicapai, Majlis Kemakmuran Bumiputera (MKB) telah ditubuhkan pada Januari 2021 untuk menetapkan hala tuju serta menyelia kemajuan keseluruhan pembangunan sosioekonomi Bumiputera di negara ini. TERAJU, selaku Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri dipertanggungjawab oleh MKB sebagai penyelarar utama TPB2030, menyelia dan memastikan semua sasaran agenda Bumiputera di bawah WKB2030 dan RMKe-12 dipenuhi. Selain itu, TERAJU akan memastikan kelancaran pemudahcaraan berpusat program pembangunan dan inisiatif di bawah TPB2030 dan penyelarasan program Bumiputera serta integrasi pangkalan data Bumiputera. Ia juga akan bertindak sebagai sekretariat Jawatankuasa Pemandu MKB (JPMKB), Jawatankuasa Kerja MKB (JKMKB) dan Jawatankuasa Khas Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) (JKHAS), yang akan melapor kemajuan dan menyediakan cadangan kepada MKB. Program pembangunan dan inisiatif akan dipantau oleh sebuah unit Khas Bumiputera di peringkat Kementerian iaitu Unit Pemeraksanaan Agenda Bumiputera (UPAB) mengguna pakai sistem pengurusan prestasi yang rapi.

TERAJU akan memantau keberhasilan program pembangunan dengan menggunakan pendekatan *top down*. Dengan menggunakan kerangka Petunjuk Prestasi Utama (KPI) TPB2030, TERAJU akan mampu menjejak perkembangan dan pencapaian semasa program pembangunan. Hasil pemantauan akan digunakan untuk makluman dan penyelarasan usaha penyelesaian masalah dalam kalangan

pihak berkepentingan dan pemilik program pembangunan. UPAB akan melaksanakan pemantauan program pembangunan dan inisiatif melalui pendekatan *bottom up*. Dengan menggunakan pelan pelaksanaan program pembangunan dan inisiatif, UPAB akan membantu pelaksana untuk menggerakkan program pembangunan dan inisiatif mereka dengan pematuhan kepada tempoh masa yang dipersetujui, butiran pelan pelaksanaan, dan semua KPI. Ini akan membolehkan UPAB untuk menilai perkembangan setiap program pembangunan atau inisiatif, seterusnya menawarkan sokongan sewajarnya kepada rakan pelaksana.

Dengan penetapan garis panduan yang jelas kepada program pembangunan dan inisiatif serta keteguhan pelaksanaan dan mekanisme pengurusan prestasi, TPB2030 akan menjadi pemangkin perubahan status sosioekonomi Bumiputera.

LANSKAP

Permulaan dekad baharu menyaksikan dunia berdepan cabaran terbesar dalam sejarah moden iaitu pandemik COVID-19. Usaha untuk mengekang penularan pandemik menyebabkan industri berada di dalam ketidakpastian dan mencetuskan halangan dalam perkembangan sosioekonomi Malaysia, tidak terkecuali komuniti Bumiputera. TPB2030 adalah hala tuju untuk memacu negara keluar daripada persekitaran semasa sosioekonomi dan menjadi langkah proaktif bagi melindungi Malaysia daripada cabaran dan halangan yang mungkin berlaku dalam tempoh 10 tahun akan datang.

TPB2030 dibentuk untuk mengiringi WKB2030, dalam usaha menjajarkan penglibatan ekonomi Bumiputera bagi mencapai matlamat visi nasional. Ia adalah kesinambungan dasar Bumiputera terdahulu dan memfokuskan matlamat utamanya kepada pengukuhan kebajikan sosioekonomi Bumiputera.

Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera

1.0 (BETR 1.0) yang dilancarkan pada tahun 2011 bertujuan menyampaikan 2 matlamat utama iaitu untuk membentuk barisan bakat Bumiputera yang mempunyai keupayaan dan daya saing bagi memenuhi keperluan pekerjaan berkemahiran tinggi kepada Malaysia yang berpendapatan tinggi; dan mengubah perusahaan milik Bumiputera daripada beroperasi dalam skala kecil dan tidak bersepadu, kepada syarikat yang kukuh dengan kemampuan dan daya saingnya di peringkat antarabangsa.

Hala tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 (BETR 2.0) yang telah dilancarkan pada tahun 2017 seterusnya memperluas lagi BETR 1.0, dengan tumpuan kepada peningkatan pendapatan purata isi rumah Bumiputera. Ia memerlukan usaha bersepadu untuk mempersiapkan aspek permintaan dan bekalan pasaran tenaga kerja bagi menempatkan bakat berkemahiran tinggi Bumiputera ke dalam bidang kerjaya berpendapatan tinggi.

BETR 2.0 memberi fokus kepada program pembangunan dan inisiatif untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam sektor ekonomi yang berbeza. Ia juga bertindak sebagai pelan untuk memperluas skop Kementerian bagi mengukuhkan penyampaian perkhidmatan. Antara aspek penting yang lain untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam ekonomi termasuklah penciptaan kekayaan, penyertaan dalam industri bernilai tambah tinggi dan pembangunan bakat keusahawanan.

Bagi memangkin perubahan ini, Kerajaan telah memperkenalkan dasar *Carve-Out and Compete*, di mana sekurang-kurangnya 40% hingga 50% nilai kontrak, pembekal atau peluang perniagaan untuk projek berskala besar ditawarkan kepada perusahaan Bumiputera.

Berpandukan WKB2030, TPB2030 direka bentuk daripada kejayaan BETR 1.0 dan BETR 2.0 serta kesinambungan usaha Kerajaan dalam memperkasa agenda Bumiputera sejak lebih 50 tahun lalu di bawah DEB.

Kotak Maklumat 1 : Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)

WKB2030 menzahirkan komitmen Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mencapai pertumbuhan mampan seiring dengan pengagihan adil dan saksama merentasi kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Komitmen ini bertujuan untuk mengukuhkan kestabilan politik, menambah kemakmuran negara, dan memastikan perpaduan rakyat dalam meraikan kepelbagaian etnik dan budaya yang menjadi asas negara bangsa kita. Ia ditujukan untuk mencapai 3 matlamat.

1 PEMBANGUNAN UNTUK SEMUA

Menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat.



Menstruktur
Ekonomi

2 MENANGANI JURANG KEKAYAAN & PENDAPATAN

Menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah dan rantaian bekalan untuk membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan.



Menangani
Ketidaksamaan

3 NEGARA BERSATU, MAKMUR & BERMARUAH

Menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.



Membina
Negara

Dengan 15 Prinsip Panduan disokong oleh 7 Teras Strategik, WKB2030 digerakkan untuk memastikan kesaksamaan sosioekonomi kepada semua rakyat Malaysia.

15 PRINSIP PANDUAN

- Kemakmuran Berterusan
- Kesaksamaan Keberhasilan
- Pertumbuhan Saksama
- Ekonomi Teragih
- Keterangkuman

- Masyarakat Peribelajar
- Ekonomi Masa Hadapan
- Pendekatan Ekonomi Keperluan
- Ekonomi Politik Berinstitusi
- Model Kesepaduan Sosial

- Paksi Ekonomi Asia
- Demokrasi & Kestabilan
- Integriti & Tadbir Urus Yang Baik
- Perpaduan dalam Kepelbagaian
- Kedaulatan & Kelestarian

7 Teras Strategik

1. EKOSISTEM PERNIAGAAN & INDUSTRI

Contoh Sasaran:

- Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan perniagaan mikro menyumbangkan 50% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)
- Mewujudkan 30% daripada jumlah syarikat PKS dalam bidang teknologi tinggi yang intensif dalam subsektor pembuatan dan perkhidmatan
- Sekurang-kurangnya 20% PKS Bumiputera dalam setiap subsektor berintensifkan teknologi tinggi
- PKS Bumiputera menyumbang sebanyak 20% kepada KDNK

2. AKTIVITI PERTUMBUHAN EKONOMI UTAMA (KEGA)

Contoh Sasaran:

- Pelaburan dalam jentera dan peralatan adalah 2/5 daripada jumlah pelaburan
- Sumbangan subsektor berteknologi tinggi kepada sektor berkaitan meningkat:
 - Pembuatan: 50%
 - Perkhidmatan: 30%
- Malaysia membangunkan aktiviti baharu utama yang kukuh seperti berikut:
 - Hab Kewangan Islam 2.0
 - Tenaga Boleh Baharu
 - Ekonomi Hijau
 - Komoditi Malaysia 2.0
 - Pusat Kecemerlangan
 - Hab ASEAN

3. MODAL INSAN

Contoh Sasaran:

- 35% pekerja berkemahiran tinggi dalam guna tenaga
- Majoriti tenaga kerja dalam pekerjaan berkemahiran tinggi dan sektor ekonomi masa hadapan adalah Bumiputera
- 40% latihan PENJANA Kementerian

Sumber Manusia (HRDF) merupakan kemahiran yang berkait dengan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR)

- Sekurang-kurangnya 60% lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pelajaran dalam bidang Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional (TVET)
- Penawaran program di universiti dan institut latihan akan diselaras dengan kehendak dan keperluan industri
- Meningkatkan pekerja tempatan dan Bumiputera dalam pengurusan dan profesional Syarikat Multinasional (MNC)

4. PASARAN BURUH & PAMPASAN PEKERJA

Contoh Sasaran:

- Pasaran buruh Malaysia bebas daripada diskriminasi ke atas umur, gender, etnik dan agama
- Purata kenaikan gaji kepada 3/4 nilai produktiviti meningkat setiap tahun
- Tindakan sabotaj ekonomi dan diskriminasi ditangani
- Meningkatkan pertumbuhan produktiviti buruh selari dengan kualiti teknologi dalam industri mengikut sektor
- Pengurangan jumlah pekerja asing dengan melaksanakan ambang mengikut sektor tenaga kerja
- Meningkatkan sumbangan bahagian pampasan pekerja (CE) Bumiputera kepada KDNK

5. KESEJAHTERAAN SOSIAL

Contoh Sasaran:

- Kesamaan nisbah gaji penengah berdasarkan merit
- Mengukur tahap kemiskinan menggunakan kemiskinan relatif
- Membina pusat jagaan harian di setiap lokaliti
- Nilai rumah mampu milik berdasarkan kos

pembelian rumah berjumlah 30% daripada pendapatan penengah isi rumah di Malaysia

6. KETERANGKUMAN WILAYAH

Contoh Sasaran:

- Sistem pengangkutan awam bersepadu antara bandar ke desa
- 10 syarikat tersenarai (separuh daripada mereka adalah syarikat Bumiputera) di setiap negeri membangun
- Mengurangkan perbezaan pendapatan antara wilayah 0.5 kali
- Penilaian semula kuantiti dan kualiti tanah rizab Melayu
- Pengenalan wilayah panas ekonomi baharu khususnya di kawasan di luar Lembah Klang
- Memastikan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kritikal Negara (hospital, sekolah, jambatan) dipenuhi

7. MODAL SOSIAL

Contoh Sasaran:

- Mencapai peningkatan positif bagi indeks berikut:
 - Indeks Perpaduan
 - Petunjuk Integriti dan Anti Rasuah
 - Indeks Keharmonian Agama
 - Indeks Perubahan Alam Sekitar dan Iklim
 - Indeks Anti Dadah
 - Indeks Pencegahan Jenayah
 - Indeks Keharmonian Kejiranan
 - Indeks Kesihatan Rakyat
 - Indeks Kesejahteraan Keluarga

Tambahan pula usaha WKB2030 ke arah pertumbuhan adil, saksama dan mampan untuk semua, status dan pemerksaan Bumiputera terus diberi penekanan. WKB2030 mempertimbang semua situasi yang dihadapi Bumiputera dan menggariskan strategi utama untuk menambah baik kebajikan sosioekonomi Bumiputera.

Petunjuk Utama berikut mempertimbangkan kedudukan kebajikan sosioekonomi Bumiputera:


Pertumbuhan Kesenjangan Pendapatan Bulanan Isi Rumah

Antara tahun 1989 dan 2019, kesenjangan pendapatan isi rumah kumpulan T20⁰² dan

B40 semakin meluas dalam tempoh 27 tahun disebabkan kepelbagaian pertumbuhan sosioekonomi. Pada 1989, jurang purata pendapatan bulanan antara kumpulan T20 dan B40 adalah RM1,935 berbanding RM12,135 pada tahun 2019, peningkatan sebanyak 527%.⁰³

⁰² B40 (Terendah 40%) merujuk kepada kelompok 40% pendapatan terendah dengan pendapatan isi rumah di bawah RM4,849, M40 (Pertengahan 40%) pula mempunyai pendapatan isi rumah antara RM4,850 dan RM10,959. T20 (Teratas 20%) mempunyai pendapatan isi rumah RM10,961 dan ke atas - Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, DOSM.
⁰³ DOSM

Rajah 2: Pendapatan Penengah mengikut Kumpulan Isi Rumah (1989-2019)
Purata Bulanan Pendapatan Isi Rumah (RM)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM); Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)

Salah satu aspek kesenjangan pendapatan paling ketara dapat dilihat antara pendapatan isi rumah Bumiputera dan bukan Bumiputera misalnya kaum Cina yang meningkat secara berterusan dari semasa ke semasa. Menurut data yang dikeluarkan DOSM, ketidaksamaan

purata pendapatan bulanan isi rumah antara Bumiputera dan kaum Cina meningkat daripada RM497 pada tahun 1989 kepada RM1,971 pada tahun 2019, peningkatan hampir empat kali ganda.


Rajah 3: Kesenjangan Pendapatan Penengah antara Kumpulan Isi Rumah Bumiputera dan Etnik Cina (1989-2019)
Pendapatan Penengah Isi Rumah (RM)



Sumber: DOSM; WKB2030

Statistik menunjukkan negeri yang mempunyai lebih ramai penduduk Bumiputera mempunyai peratusan kategori pendapatan B40 yang lebih tinggi. Negeri-negeri seperti Kelantan, Perak, Pahang, Perlis, Kedah, Terengganu, Sabah dan Sarawak mempunyai lebih daripada 50% isi rumah kategori B40. Ini boleh dilihat daripada tahap pelaburan dan pembangunan yang lebih rendah di negeri-negeri tersebut bertahun lamanya. Bandar-bandar seperti Kuala Lumpur dan Lembah Klang, Johor Bahru, Melaka, Putrajaya, dan Pulau Pinang pula mengalami proses urbanisasi mendadak dengan tarikan penghijrahan dari kawasan lain.⁰⁴

Rajah 4: Peratusan B40, M40, dan T20 Mengikut Negeri (2019)



Sumber: DOSM; WKB2030

Perolehan Pendapatan Isi Rumah Terendah mengikut Kaum

Pada peringkat nasional, Bumiputera membentuk peratusan tertinggi isi rumah yang berpendapatan antara RM2,000 hingga RM3,000 sebulan dan peratusan terendah untuk pendapatan lebih daripada RM20,000 sebulan.

Rangkuman

Berdasarkan data daripada DOSM, peratusan isi rumah tertinggi adalah daripada kumpulan berpendapatan RM2,000 - RM3,999. Trend yang sama berlaku dalam kumpulan etnik yang lain tetapi ia lebih ketara dalam kalangan Bumiputera. Pada tahun 2019, terdapat 27% isi rumah etnik Bumiputera, 18% isi rumah etnik Cina dan 24% isi rumah etnik India yang terperangkap dalam kumpulan pendapatan RM2,000 hingga RM3,999.

Bagaimanapun, peratusan isi rumah dengan pendapatan kurang daripada RM6,000 untuk semua kumpulan etnik merekodkan penurunan dalam tempoh tahun 2016 hingga tahun 2019.

Tetapi, pada tahun 2019, ketiga-tiga kumpulan etnik mencatatkan peningkatan untuk

Rajah 5: Taburan Isi Rumah Mengikut Pendapatan dan Kumpulan Etnik di Malaysia (2016 vs 2019)




Sumber: DOSM; WKB2030

kumpulan pendapatan RM20,000 dan ke atas. Isi rumah etnik Cina merekodkan peratusan tertinggi kumpulan pendapatan lebih RM20,000 dengan 8.7%, diikuti oleh isi rumah etnik India sebanyak 5.5% dan isi rumah etnik Bumiputera dengan 3.3%.⁰⁵

Dari sudut pandangan ekonomi pula, Bumiputera sangat bergantung kepada GLC untuk sumbangan ekonomi yang bermakna.

Pada tahun 2014, GLC yang majoritinya dikuasai Bumiputera membentuk 46% sumbangan GOS kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Bagaimanapun, selepas menolak sumbangan GLC, sumbangan sebenar GOS Bumiputera hanyalah 28%. Dengan mengambil kira GOS korporat nasional sebanyak RM727 bilion,

Rajah 6: Anggaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mengikut Kumpulan Etnik Bumiputera (2014)



¹Termasuk perolehan Cukai & Subsidi

²Lebih Kendalian Kasar (GOS)

³Pampasan Majikan (CE)

Sumber: Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah & Kemudahan Asas 2019

hanya RM81 bilion disumbangkan oleh syarikat Bumiputera, seperti digambarkan dalam Rajah 6. Jurang nyata antara perusahaan Bumiputera dan bukan Bumiputera sangat ketara, seterusnya mencipta monopoli dan jurang ekonomi yang membimbangkan.

Menurut WKB2030, sasaran 30% pemilikan ekuiti korporat Bumiputera digariskan DEB masih belum tercapai. Ini terbukti dalam Laporan Pemilikan Ekuiti Korporat diterbitkan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri yang mendedahkan tahap pemilikan ekuiti korporat Bumiputera hanyalah sebanyak 17.2% pada tahun 2019. Ini boleh dikaitkan dengan trend peningkatan pemilikan pemilikan asing dan nomini, yang mana telah meningkat daripada 37.9% dan 3.5% pada tahun 2008 kepada 45.5% dan 12.3% pada tahun 2019.

Kemerosotan Pemilikan Ekuiti Korporat


Dalam isu pemilikan ekuiti korporat, Bumiputera ketinggalan di belakang bukan Bumiputera dan warga asing sejak 50 tahun lalu, dan tidak mencapai sasaran 30% pemilikan ekuiti ditetapkan DEB.

Tambahan lagi, sejak sedekad lepas, pemilikan ekuiti Bumiputera telah mengalami kemerosotan mendadak daripada 21.9% (tahun 2008) kepada 17.2% (tahun 2019), jauh berbeza dengan pemilikan asing yang meningkat daripada 37.9% (tahun 2008) kepada 45.5% (tahun 2019), seperti digambarkan dalam Rajah 7.

⁰⁴ DOSM; Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)

⁰⁵ DOSM

Rajah 7: Peratusan Pemilikan Ekuiti Sektor Korporat Malaysia (1970,1990, 2008, 2011, 2015, 2018, 2019)
Pemilikan Ekuiti, %



Sumber : DOSM; Ucapan YAB Perdana Menteri (2021); Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)


Penurunan dalam Pemilikan Aset Bukan Kewangan (Kediaman, Komersial, Industri)

Urus niaga aset bukan kewangan Bumiputera masih kecil terutamanya dalam pasaran komersial dan industri. Berdasarkan data daripada NAPIC dalam Rajah 8, urus niaga

aset bukan kewangan Bumiputera hanya mewakili 33% daripada keseluruhan urus niaga aset bukan kewangan pada tahun 2018 untuk pasaran utama dan sekunder, dengan fokus utama dalam harta tanah kediaman.

Rajah 8: Transaksi Aset Bukan Kewangan - Pasaran Utama & Sekunder (2018)

Nilai Transaksi
RM Juta



Dalam harta tanah komersial, penglibatan Bumiputera dalam pasaran hanya menyumbang 13% daripada keseluruhan urus niaga pasaran komersial dan 6% urus niaga pasaran industri. Faktor-faktor yang menyumbang kepada urus niaga rendah Bumiputera antaranya liberalisasi Tanah Rizab Melayu (TRM), kekurangan perumahan mampu milik, dan tahap simpanan yang rendah yang menyekat kemampuan Bumiputera untuk membayar deposit yang diperlukan dalam memenuhi kelayakan mendapat pinjaman perumahan.

WKB2030 menggariskan strategi utama

untuk mempertingkatkan kebajikan sosioekonomi Bumiputera berdasarkan petunjuk prestasi utama (KPI) yang menggambarkan cabaran yang dihadapi Bumiputera.

Seperti ditunjukkan dalam Kotak Maklumat 9, RMKe-12 juga menggariskan strategi utama dalam pengurangan jurang dan memastikan pengagihan saksama hasil kekayaan, seiring dengan matlamat WKB2030.


Kotak Maklumat 9: Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)

- **RMKe-12 2021-2025 adalah fasa pertama dalam WKB2030 dan akan terus dijarjar kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di bawah Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan (Agenda 2030).** Sepanjang tempoh ini, Malaysia akan diberi nafas baru dan menempatkan semula kedudukan dalam ekonomi global. Keutamaannya adalah untuk memastikan pemulihan ekonomi, memangkin pertumbuhan dan pembentukan semula masa hadapan negara bagi mencapai kemakmuran, kebersamaan dan kemampanan.
- Pelan ini berlandaskan semangat **Keluarga Malaysia**. **Keluarga Malaysia** merupakan sebuah konsep yang inklusif dan berlandaskan **Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran**. Ia merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum serta dapat menyatukan Malaysia sebagai sebuah keluarga yang besar. Bersama kemajuan ekonomi, pengagihan kekayaan yang adil dan sama rata dapat diperoleh walaupun terdapatnya perbezaan dari segi pendapatan, kaum, lokasi, dan rantaian bekalan. Pada masa yang sama, kelestarian alam sekitar juga dapat dikecapi.
- Pelaksanaan RMKe-12 akan turut memastikan manfaat pertumbuhan dinikmati semua. **Kumpulan B40 dan rentan lain akan terus dilindungi bagi memastikan tiada siapa yang ketinggalan.** Perniagaan, terutamanya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) akan menerima manfaat besar daripada penerimgunaan teknologi termaju dan digitalisasi, meletakkan diri mereka sebagai pesaing peringkat global.
- Pekerja sebagai penyumbang utama pembangunan, akan turut menerima manfaat limpahan ekonomi yang saksama. **Di bawah RMKe-12, Malaysia akan meraikan norma baharu bagi memastikan keberterusan pembinaan negara dan pembangunan sosioekonomi.**

3 Tema, 4 Pemangkin Dasar serta 14 Pemacu Perubahan diperkenalkan dalam RMKe-12 sebagai panduan pembinaan negara untuk 5 tahun akan datang bermula pada tahun 2021 sehingga tahun 2025.

3 Tema	14 Pemacu Perubahan
<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjana Semula Ekonomi 2. Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti 3. Melonjakkan Kemampanan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kepentingan Melaksanakan Pembaharuan dan Transformasi 2. Memangkin Industri Strategik dan Berimpak Tinggi bagi Melonjakkan Pertumbuhan Ekonomi 3. Mentransformasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana sebagai Pemacu Baharu Pertumbuhan 4. Memantapkan Keselamatan dan Perpaduan Negara untuk Pembinaan Negara Bangsa 5. Memperkukuh Sistem Penjagaan Kesihatan bagi Memastikan Negara yang Sihat dan Produktif 6. Mentransformasi Pendekatan bagi Membasmi Kemiskinan Tegar 7. Menggandakan Pertumbuhan Negeri Kurang Membangun terutama di Sabah dan Sarawak bagi Merapatkan Jurang Pembangunan 8. Menerima Guna Ekonomi Kitaran 9. Mempergiat Penerimgunaan Pengurusan Sumber Air Bersepadu 10. Menambah Baik Ekosistem TVET bagi Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan 11. Meningkatkan Ketersambungan Digital untuk Pembangunan Inklusif 12. Menjajarkan Penyelidikan dan Pembangunan untuk Pengkomersialan, Penjana Kekayaan dan Pertumbuhan Ekonomi 13. Mentransformasi Ekosistem Logistik bagi Meningkatkan Kecekapan 14. Mentransformasi Perkhidmatan Awam melalui Pendekatan Keseluruhan Kerajaan
4 Pemangkin Dasar	
<ol style="list-style-type: none"> 1. Membangunkan Bakat Masa Hadapan 2. Mempercepat Penerimgunaan Teknologi dan Inovasi 3. Menambah Baik Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan 4. Memperkukuh Perkhidmatan Awam 	

Agenda Bumiputera dilibatkan dalam Tema 2, Bidang Keutamaan D, dengan 7 strategi utama dikenal pasti dalam RMKe-12.



TPB2030 menggariskan hala tuju untuk memandu usaha meningkatkan kebajikan sosioekonomi Bumiputera di sepanjang pelaksanaan RMKe-12 dan RMKe-13.

Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030)

Dalam sebahagian komitmen berterusan Kerajaan untuk menangani cabaran dihadapi oleh Bumiputera, TERAJU menggunakan pendekatan rundingan untuk membangunkan TPB2030. Secara asasnya, TPB2030 adalah hala tuju 10 tahun yang menggariskan strategi

telus melalui program pembangunan dan inisiatif terperinci yang boleh menghasilkan impak bermanfaat kepada Bumiputera. Ia berpaksikan kepada 7 KEGA, 3 BETA, dan 7 PA. KEGA dan PA dipilih daripada WKB2030 dan RMKe-12 yang berpotensi untuk mempercepat peluasan pembangunan ekonomi masa hadapan. Dengan semua sektor ini digerakkan, usaha Kerajaan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi akan dapat dilaksanakan menerusi TPB2030 sebagai sebuah inisiatif berpusat, seterusnya mengukuhkan penglibatan Bumiputera di sepanjang rangkaian bekalan industri terlibat.

Rajah 10: Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) dan Bidang Keutamaan (PA) yang dipilih daripada Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama

Teras Strategik 2:
Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA)

● Akan diterapkan di dalam TPB2030

KEGA 1	Hab Kewangan Islam 2.0	KEGA 9	Ekonomi Pesisiran dan Maritim (Laut Antarabangsa)
KEGA 2	Ekonomi Digital	KEGA 10	Pusat Kecemerlangan
KEGA 3	Revolusi Industri Keempat (Pembuatan, Bekalan dan Perkhidmatan)	KEGA 11	Tenaga Boleh Baharu
KEGA 4	Industri Kandungan	KEGA 12	Ekonomi Hijau
KEGA 5	Hab ASEAN	KEGA 13	Pertanian Pintar dan Bernilai Tinggi
KEGA 6	Hab Halal dan Makanan	KEGA 14	Perkhidmatan Termaju dan Moden
KEGA 7	Komoditi Malaysia 2.0	KEGA 15	Pelancongan
KEGA 8	Pengangkutan, Logistik, dan Mobiliti Lestari		

Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)

Tema 2:
Memperkuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti


D1	Mempercepat Pembangunan Sosioekonomi Bumiputera
D2	Menambah Baik Tadbir Urus dan Memperkuh Penyampaian Perkhidmatan
D3	Memperkuh Pendidikan dan Memperkasa Modal Insan
D4	Meningkatkan Daya Tahan dan Kemampuan Perniagaan Bumiputera
D5	Meningkatkan Penciptaan Kekayaan Bumiputera
D6	Memfaatkan Sepenuhnya Tanah Rizab Melayu dan Instrumen Wakaf
D7	Memastikan Pemilikan Ekuiti Korporat yang Mampan

Susulan proses yang digerakkan TPB2030, TERAJU akan menerajui pembangunan dan penyampaian program pembangunan yang dikenal pasti di dalam 7 KEGA, 3 BETA dan 7 PA terpilih, seperti ditunjukkan dalam Rajah 11. Kesemua tema ini digerakkan untuk mengangkat status sosioekonomi Bumiputera secara keseluruhan, selaras dengan aspirasi WKB2030 dan RMKe-12.

Untuk menyokong program pembangunan yang berada di dalam pelbagai KEGA, BETA

pula dibangunkan untuk industri dan sektor sasaran di mana Bumiputera boleh melakukan sumbangan ekonomi lebih besar pada masa hadapan. Sektor berimpak tinggi ini secara relatifnya sedang diteroka oleh Bumiputera. Saranan yang dikenal pasti melalui BETA akan membolehkan syarikat Bumiputera memanfaatkan potensi industri. Ia akan menjadi perintis yang boleh mengurangkan halangan masukan dan membolehkan bakat Bumiputera yang lain untuk terlibat dalam rantai bekalan bernilai tinggi pada masa hadapan.

Rajah 11: 7 KEGA, 3 BETA dan 7 PA yang Terpilih di dalam TPB2030



Nota: BETA = Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA) dikenal pasti dan dibangunkan untuk menyokong 7 KEGA semasa dalam industri dan ini merupakan sektor yang boleh diteroka dengan peluang untuk mencapai sumbangan ekonomi yang lebih besar di masa hadapan

Rajah 12: Tinjauan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030)

Objektif Keseluruhan							
Untuk meningkatkan status sosioekonomi Bumiputera melalui TPB2030 dengan mencapai sasaran yang dikenalpasti dari WKB2030 dan RMKe-12 (2025)							
Sasaran awal dibawah WKB2030 1. Sumbangan Lebihan Kendalian Kasar (GOS) perusahaan Bumiputera sebanyak 20% kepada KDNK: RM438 bilion* 2. Nisbah penengah gaji upah mengikut etnik (B:C:I = 1:1:1): RM5,169.12 3. Nisbah penengah pendapatan isi rumah mengikut etnik (B:C:I = 0.9:1:1): RM18,402.68 4. Nisbah kadar pulangan aset kewangan per kapita mengikut etnik (B:C= 0.6:1): RM4,495.65				Sasaran dibawah RMKe-12 (2025)* 1. Bumiputera dalam pekerjaan mahir: 3,248,920 2. Pemilikan kediaman Bumiputera : 4,758,469			
Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA)	KEGA 1: Pertanian dan Komoditi	KEGA 2: Ekonomi Digital	KEGA 3: Hab Halal dan Makanan	KEGA 4: Hab Kewangan Islam 2.0	KEGA 5: Logistik, Pengangkutan & Mobiliti Lestari	KEGA 6: Pembuatan	KEGA 7: Pelancongan
	Sasaran: Sumbangan GOS Bumiputera: RM25.06 bilion Subsektor yang berpotensi: • Pertanian Pintar • Pembangunan Usahawan Tani	Sasaran: Sumbangan GOS Bumiputera: RM65.17 bilion Subsektor yang berpotensi: • e-Dagang • e-Sukan	Sasaran: Sumbangan GOS Bumiputera: RM11.75 bilion Subsektor yang berpotensi: • Rantaian Nilai Halal • Pengkomersialan Halal	Sasaran: Sumbangan GOS Bumiputera: RM17.63 bilion Subsektor yang berpotensi: • Takaful • Bank Digital Islam	Sasaran: Sumbangan GOS Bumiputera: RM15.86 bilion Subsektor yang berpotensi: • Kereta Elektrik • Penyelesaian Logistik	Sasaran: Sumbangan GOS Bumiputera: RM29.59 bilion Subsektor yang berpotensi: • Farmaseutikal • Pengurusan Sisa	Sasaran: Sumbangan GOS Bumiputera: RM36.45 bilion Subsektor yang berpotensi: • Pelancongan Bebas COVID-19 • Pelancongan Mesra Muslim • Taman Tema
Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA)	Pertahanan & Keselamatan Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam Industri Pertahanan & Keselamatan untuk memperhebat keupayaan tempatan		Pembinaan Moden: IBS Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri Pembinaan melalui penggunaan kaedah dan teknologi pembinaan moden seperti IBS		Aeroangkasa Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri Aeroangkasa bagi mencapai sasaran yang digariskan dalam Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030		
	Bidang Keutamaan (PA)	PA 1: Mempercepat Pembangunan Sosioekonomi Bumiputera	PA 2: Menambah Baik Tadbir Urus dan Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan	PA 3: Memperkukuh Pendidikan dan Modal Insan	PA 4: Meningkatkan Daya Tahan dan Kemampunan Perniagaan Bumiputera	PA 5: Meningkatkan Penciptaan Kekayaan Bumiputera	PA 6: Memanfaatkan Sepenuhnya Tanah Rizab Melayu dan Instrumen Wakaf
Sasaran: Mencapai Sasaran sosioekonomi WKB2030 & RMKe-12 Komponen berpotensi: • Melaksanakan Hala Tuju TPB2030		Sasaran: Menetapkan ketelusan dan akauntabiliti keberhasilan Bumiputera Komponen berpotensi: • Mewujudkan pangkalan data dan sistem pengurusan	Sasaran: Melahirkan tenaga kerja mahir Bumiputera Komponen berpotensi: • Mewujudkan kesaksamaan untuk pendidikan dan latihan di semua peringkat	Sasaran: Menambah baik GOS Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera Komponen berpotensi: • Menyelaras peranan Syarikat Milik Kerajaan (SOE) & Organisasi Pembangunan Usahawan (EDO) untuk tingkatkan peranan Bumiputera	Sasaran: Meningkatkan jumlah pemilikan kediaman isi rumah Bumiputera Komponen berpotensi: • Kesedaran mengenai kepentingan pemilikan kekayaan	Sasaran: Membangunkan harta tanah dan kediaman di TRM dan tanah wakaf Komponen berpotensi: • Meningkatkan nilai Tanah Rizab Melayu	Sasaran: Meningkatkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera Komponen berpotensi: • Mewujudkan pertumbuhan yang mampan dalam pemilikan ekuiti korporat

Nota: (*) Tertakluk kepada perubahan sasaran dibawah WKB2030 dan kajian separuh penggal (Mid Term Review)

Tedapat 4 sasaran daripada WKB2030 dan 2 sasaran daripada RMKe-12 diguna pakai untuk TPB2030.⁰⁶

Rajah 13: 4 Sasaran daripada WKB2030 dan 2 Sasaran daripada RMKe-12 Diguna Pakai untuk TPB2030

Sasaran Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)
Sasaran Terpilih
Sumbangan Enterpris Bumiputera sebanyak 20% kepada KDNK
Nisbah Gaji Penengah Bulanan mengikut Etnik (B:C:I = 1:1:1)
Nisbah Penengah Pendapatan Isi Rumah mengikut Etnik (B:C:I = 0.9:1:1)
Nisbah Aset Kewangan per Kapita mengikut Etnik (B:C = 0.6:1)
Sasaran Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)
Sasaran Terpilih
Penyertaan Bumiputera dalam Kategori Pekerjaan Mahir : sekurang-kurangnya 65%
Peratusan Isi Rumah Bumiputera yang Memiliki Seunit Kediaman : sekurang-kurangnya 75%

• Sindikasi Pelbagai Pihak Berkepentingan

Pembangunan TPB2030 bermula daripada pembangunan tema agenda Bumiputera di bawah RMKe-12 melibatkan pelbagai perbincangan kumpulan sasar melalui Kumpulan Perancangan Antara Agensi (IAPG), Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) dan Kumpulan Sasar (FG) daripada 18 Kementerian dan 40 Agensi. Jawatankuasa meneliti isu struktur dan sistem yang membelenggu komuniti Bumiputera terutamanya dalam bidang sumber manusia dan pendidikan, pemilikan ekuiti korporat, aset bukan kewangan, keusahawanan dan perniagaan dan sistem

penyampaian perkhidmatan Kerajaan, GLC dan GLIC, rantaian bekalan dan pangkalan data Bumiputera, TRM dan nilai moral dan etika. Kesemua ini menjadi keutamaan yang dimasukkan ke dalam 7 tema di bawah agenda Bumiputera dalam RMKe-12 yang menjadi kerangka untuk 7 PA di bawah TPB2030.

Susulan itu, TERAJU meletakkan keutamaan kepada 7 KEGA, 3 BETA dan 7 PA untuk mencapai sasaran dan matlamat dikenal pasti dalam WKB2030 dan RMKe-12. Pada suku keempat tahun 2020, satu siri sesi libat urus pelbagai pihak dijalankan melibatkan 694 peserta selama 4 bulan. Matlamat bengkel adalah untuk mengenalpasti program pembangunan dan inisiatif utama yang akan mengangkat status sosioekonomi Bumiputera dengan pencapaian sasaran ditetapkan di bawah setiap KEGA, BETA dan PA,⁰⁷ secara berkesan dan cekap. Daripada bengkel pelbagai pihak berkepentingan ini, 155 projek pemula dikenal pasti di bawah 7 KEGA yang akan menyumbang RM780.7 bilion GOS Bumiputera pada tahun 2030, melepasi sasaran awal sebanyak RM438 bilion. Bagaimanapun, sasaran ini telah diperhalusi dan disahkan di mana ianya telah diterima seperti di Rajah 13.

Rajah 14 menunjukkan senarai Kementerian, Jabatan, Agensi dan sektor swasta yang terlibat dalam sindikasi pelbagai pihak berkepentingan pada suku keempat tahun 2020.

⁰⁶ Sasaran ini diguna pakai secara langsung daripada WKB2030 dan RMKe-12 dan boleh ditambah baik sepanjang pelaksanaan TPB2030. Sekiranya wujud penambahbaikan, laporan tahunan TPB2030 akan menggambarkan sasaran dan perkembangan terkini bagi memastikan keselarasannya dengan pelan negara.

⁰⁷ Sasaran WKB2030 akan secara rasmi disemak semula oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU). Sasaran selanjutnya akan melalui semakan dan pindaan semula semasa penilaian tengah penggal.

Rajah 14: Senarai Kementerian, Jabatan, Agensi dan Sektor Swasta yang Terlibat dalam Sindikasi Pelbagai Pihak Berkepentingan Pada Suku Keempat Tahun 2020

Badan Berkaitan Kerajaan Pemain Industri

- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)
- Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
- Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC)
- Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)
- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
- Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH)
- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS)
- Malaysia Productivity Corporation (MPC)
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)
- Halal Development Corporation (HDC)
- Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
- Tourism Malaysia
- Bank Negara Malaysia (BNM)
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
- Majlis Perundingan Melayu (MPM)
- Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB)
- Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC)
- Keretapi Tanah Melayu (KTM)
- Sarawak Multimedia Authority (SMA)
- Digital Perak Corporation Holdings (DPCH)
- Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)
- Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
- Lembaga Lada Malaysia (MPB)
- Lembaga Koko Malaysia (LKM)
- SME Corporation Malaysia (SME Corp)
- Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
- Malaysian Bioeconomy Development Corporation
- Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)
- Lembaga Getah Malaysia (LGM)
- Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Agrobank

Pemain Industri

- Biforst Logistics
- Perodua
- Malaysia Airports Holdings (MAHB)
- ASP PRO
- Go Automobile Manufacturing
- Mesra Galian
- BorderPass
- Moovby
- FCA Capital
- MyAngkasa Digital Services
- Malaysian Takaful Association
- Lembaga Tabung Haji
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
- Komeps Fintech
- CIMB Islamic Bank
- International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- Lembaga Zakat Selangor
- Medika Natura
- Tenaga Nasional Berhad (TNB)
- Agro-Jauhari Corporation
- Hayat Tema Maju Resources
- PETRONAS
- Tekno-RE Consulting
- Pharmaniaga
- Syngas
- Innopeak
- Macro Tech Ventures (DROPEE)
- Meddecca
- Sedania Innovator
- KAT Technologies
- BETA Foundation
- Telekom Malaysia
- Ramly Food
- QSR Brands Group
- Duopharma Biotech
- Rozi Osman International
- Sri Sutra Travel
- Persatuan Pengusaha Pelancongan Bumiputera Perak
- Malaysian Geoarchaeology Heritage Club
- Malaysia Kampungstay and Homestay Association (MKHA)
- GISB Holdings

Sehubungan itu, usaha sama digerakkan dengan Kementerian, Jabatan dan Agensi telah dilaksanakan bermula 4 Mei 2021 untuk penyelarasan pemilikan, KPI, belanjawan dan pelaksanaan program pembangunan dan inisiatif. Maklum balas daripada Kementerian, Jabatan dan Agensi direkod dan digunakan dalam memperhalusi lagi program pembangunan dan inisiatif di bawah TPB2030. Rajah 15 menunjukkan senarai Kementerian, Jabatan dan Agensi terlibat dalam usaha sama itu pada Mei dan Jun 2021.

Rajah 15: Senarai Kementerian, Jabatan dan Agensi Terlibat dalam Usaha Sama pada Mei dan Jun 2021

MOT	MIDA	MPIC	YPPB
KPLB	MOSTI	KeTSA	MPRC
MEDAC	KBS	MOE	KPKT
MOH	MATRADE	KKR	MOTAC
MINDEF	EPU	MDEC	MPIC
KKMM	MAFI	SC	MOF
MITI			

Tinjauan Awam Penerima Manfaat

Susulan sindikasi pelbagai pihak berkepentingan, satu tinjauan awam dilakukan bagi memastikan kata sepakat dan sudut pandang holistik daripada pandangan penerima manfaat. Terdapat 4 kategori soalan, seperti ditunjukkan dalam Rajah 16 dibentuk untuk mengukur persepsi Bumiputera ke atas inisiatif sedia ada dan perancangan masa hadapan.

Rajah 16: Kategori Soalan

24 Soalan

<p>Wawasan dan Hala Tuju</p> <p>Untuk memahami keperluan Bumiputera dalam pelan jangka panjang agenda Bumiputera dan sektor utama dan bidang yang perlu difokuskan.</p>	<p>Dasar dan Intervensi</p> <p>Memahami persepsi Bumiputera terhadap dasar dan intervensi sedia ada untuk penambahbaikan</p>
<p>Tadbir Urus dan Penyelarasan</p> <p>Memahami keutamaan Bumiputera mengenai mekanisme tadbir urus dan pendekatan penyelarasan untuk meningkatkan penyampaian dasar</p>	<p>Impak Intervensi Sedia Ada</p> <p>Memahami persepsi Bumiputera terhadap kesan dasar, strategi dan inisiatif sedia ada ke arah kebajikan mereka secara keseluruhan</p>

Dapatan tinjauan menunjukkan bahawa:


- 97% responden merasakan TPB2030 akan menjadi titik rujukan penting untuk kemajuan kedudukan Bumiputera dalam tempoh 10 tahun akan datang, dengan 98% responden mahukan pelan tindakan untuk pengukuhan bidang keutamaan Bumiputera dan sektor ekonomi.
- Dalam menilai program intervensi Bumiputera, 96% responden bersetuju yang inisiatif akan datang perlu meliputi kebajikan untuk semua kumpulan pendapatan (T20, M40 dan B40), dan 96% berpendapat yang intervensi baharu perlu mengambil kira trend terkini dalam perkembangan dan pembangunan teknologi dalam sektor ekonomi.
- Dari sudut tadbir urus dan pelaksanaan, 94% responden merasakan perlunya sebuah Agensi penyelarasan pusat yang meneraju, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan agenda Bumiputera; dengan 93% responden menekankan keperluan penubuhan sebuah unit pemantauan Bumiputera dalam Kementerian, Agensi, GLC dan GLIC yang berkaitan.
- Dalam menilai kesan keseluruhan intervensi sedia ada, 96% responden berpendapat bahawa tindakan afirmatif Bumiputera diperlukan untuk menangani ketidakseimbangan sosioekonomi antara kaum. Dari perspektif kelas pendapatan, 93% melihat wujud keperluan untuk meneruskan tindakan afirmatif untuk Bumiputera luar bandar dalam usaha melindungi kebajikan sosial dan ekonomi mereka.

ASPIRASI

Sejak DEB, agenda Bumiputera menyasarkan kesamarataan ekonomi untuk Bumiputera menerusi bidang yang memberi kesan kepada pendapatan dan kekayaan. PA bertindak sebagai pemboleh daya KEGA dan BETA yang

Rajah 17: Sumbangan Kendalian Operasi Kasar (GOS) (2030)
RM Bilion

● Pekerjaan, 2030
● Jumlah Pekerjaan



akan memacu aspirasi TPB2030 ke hadapan menerusi pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi. Perubahan ini menggunakan pendekatan holistik dengan menangani kedua-dua faktor aspek bekalan (sebagai contoh, peningkatan kemahiran tenaga kerja semasa) dan aspek permintaan (sebagai contoh, sasaran terpilih


untuk penggajian secara menyeluruh), antara lainnya. Sasaran TPB2030 adalah untuk mencapai pendapatan penengah bulanan Bumiputera sebanyak RM5,169.12, selaras dengan WKB2030. Teras TPB2030 ini dibangunkan dengan jangkaan ekonomi baharu yang dibawa oleh Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0).

Menyedari bahawa kesan pandemik COVID-19 kini mempengaruhi semua aspek kehidupan harian rakyat Malaysia, TPB2030 menyesuaikan strategi ekonominya dengan pertimbangan sosial untuk melindungi kekuatan dan semangat sebuah negara merentasi tempoh pemulihan. Penguatan wawasan negara, identiti kebangsaan, dan kemakmuran bersama adalah asas penguatan sebuah bangsa negara. Pemboleh daya yang terdapat dalam


TPB2030 memberi tumpuan kepada pembangunan sosial, impak berasaskan keberhasilan, dan pembentukan kesedaran masyarakat untuk mewujudkan perpaduan sosial.

Pada tahun 2030, program-program pembangunan yang dikenal pasti di bawah TPB2030 dijangka akan mencatatkan sumbangan GOS sebanyak RM201.53 bilion dan mencipta 406,995 pekerjaan langsung.

Rajah 18: Dana Awam dan Swasta Diperlukan bagi Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) (2021-2030)
RM Bilion



Rajah 19: Dana Awam dan Swasta Diperlukan Bagi Bidang Keutamaan (PA) (2021-2030)
RM Juta



Sejumlah RM101.27 bilion pelaburan daripada sektor awam dan swasta akan disuntik ke dalam program pembangunan yang dikenalpasti untuk merealisasikan hasil yang disasarkan daripada 7 KEGA.

Tambahan lagi, sejumlah RM5.2 bilion pembiayaan awam dan swasta akan diperlukan untuk menggerakkan dan melaksanakan inisiatif digariskan merentasi semua 7 PA.

Rajah 20: 106 Program Pembangunan Telah Ditempatkan dalam 7 KEGA dan 36 Inisiatif Merentasi 7 PA

KEGA

Jumlah 106 Program Pembangunan, GOS: RM201.53 bilion

PERTANIAN DAN KOMODITI



29

Program Pembangunan
RM25.06 bilion
GOS

EKONOMI DIGITAL



30

Program Pembangunan
RM65.17 bilion
GOS


HAB HALAL DAN MAKANAN



11

Program Pembangunan
RM11.75 bilion
GOS

HAB KEWANGAN ISLAM 2.0



6

Program Pembangunan
RM17.63 bilion
GOS

LOGISTIK, PENGANGKUTAN & MOBILITI LESTARI



11

Program Pembangunan
RM15.86 bilion
GOS

PEMBUATAN



10

Program Pembangunan
RM29.59 bilion
GOS

PELANCONGAN



9

Program Pembangunan
RM36.45 bilion
GOS

PA

Jumlah 36 Inisiatif

SOSIOEKONOMI BUMIPUTERA



1

Inisiatif

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN



9

Inisiatif

MODAL INSAN



10

Inisiatif

PERNIAGAAN BUMIPUTERA



4

Inisiatif

KEKAYAAN BUMIPUTERA



3

Inisiatif

TANAH RIZAB MELAYU DAN INSTRUMEN WAKAF



4

Inisiatif

EKUITI KORPORAT



5

Inisiatif



KEGA 1: PERTANIAN DAN KOMODITI


Industri pertanian dan komoditi membentuk tulang belakang masyarakat moden hari ini kerana ia membekalkan barangan dan keperluan asas seperti tanaman, perikanan, haiwan ternakan, serta komoditi utama dan mineral untuk kegunaan tenaga kita. TPB2030 meletakkan KEGA Pertanian dan Komoditi sebagai komponen penting kepada agenda Bumiputera negara. Ia memainkan peranan dalam memandu kejayaan TPB2030, bergerak seiring dengan matlamat ditetapkan WKB2030 dan RMKe-12.

Dalam menggariskan wawasan Malaysia, WKB2030 juga mengiktiraf kepentingan kelestarian alam sekitar bagi membawa Malaysia ke arah sektor pertanian, perladangan dan komoditi yang lebih mampan, selari dengan komitmen Malaysia kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ia membuka jalan penting bagi memastikan sektor pertanian dan komoditi Malaysia kekal berdaya saing dan dilindungi, menyedari pertambahan populasi penduduk yang akan meningkatkan permintaan sumber dan pengeluaran sisa.

RM25.06 bilion
GOS 2030

11,156
PEKERJAAN LANGSUNG

RM15.59 bilion
JUMLAH PELABURAN



Tema 1:
**MENGEMBANGKAN PRODUK
PERTANIAN BAHARU BERNILAI
TAMBAH TINGGI**

Program Pembangunan #1:

Membangunkan Ubat-Ubatan Botanik dan Produk Herba Bernilai Tinggi

Program Pembangunan #2:

Menubuhkan Sebuah Lembah Minyak Pati

Program Pembangunan #3:

Inisiatif Pemodenan Fiber Kenaf

Pemboleh Daya #1:

Kerjasama dengan Institusi Penyelidikan

Pemboleh Daya #2:

Penciptaan Solusi untuk Produk Herba

Tema 2:

MENAWAN PASARAN PREMIUM

Program Pembangunan #4:

Menubuhkan Sebuah Pusat Florikultur dan Hortikultur

Program Pembangunan #5:

Membina Taman-Taman Akuakultur

Program Pembangunan #6:

Membina Kilang Tanaman Skala Besar untuk Tanaman Nilai Tinggi

Program Pembangunan #7:

Membangunkan Industri Benih Bunga Bermusim Malaysia

Program Pembangunan #8:

Memperhebat Perikanan dan Akuakultur Bumiputera

Pemboleh Daya #3:

Menerima Pakai Amalan Terbaik

Tema 3:

**MELINDUNGI JAMINAN
MAKANAN MALAYSIA**

Program Pembangunan #9:

Menubuhkan Pusat Kecemerlangan Kebangsaan Ternakan Lembu

Program Pembangunan #10:

Menubuhkan Pusat Kecemerlangan Kebangsaan Akuaponik

Program Pembangunan #11:

Menubuhkan Syarikat Biji Benih Bumiputera

Pemboleh Daya #4:

Membangunkan Usahawan Tani Generasi Baharu

Pemboleh Daya #5:

Menggerakkan Model Ladang yang Berjaya

Tema 4:

**MEMPERKUKUH DAN
MENYEPADUKAN RANTAIAN
NILAI PERTANIAN**

Program Pembangunan #12:

Membangunkan Rantainya Nilai Sistem Platform Pertanian

Program Pembangunan #13:

Menubuhkan Pusat Rujukan Kecemerlangan Produk Hutan

Pemboleh Daya #6:

Menerima Pakai Teknologi dan Kesedaran

Tema 5:

**MEMANFAATKAN KOMODITI
BERNILAI TINGGI**

Program Pembangunan #14:

Menubuhkan Syarikat Unsur Nadir Bumi (REE) Bumiputera

Program Pembangunan #15:

Meningkatkan Kemampuan Penanaman Lada Hitam

Pemboleh Daya #7:

Tindakan Afirmatif dan Penyelarasan Kukuh oleh Kerajaan



KEGA 2: EKONOMI DIGITAL

Keperluan untuk menggunakan teknologi digital semakin mendesak hari demi hari, terutamanya dengan kemunculan pandemik COVID-19. Situasi yang tidak pernah berlaku ini menjadi petunjuk kepentingan digitalisasi untuk mengharungi krisis mencabar, serta bertindak sebagai modus utama dalam operasi kestabilan. Dengan kesalinghubungan global yang bertambah baik dan kemahiran digital yang digunakan merentas komuniti, banyak negara mampu berinovasi merentasi halangan yang terhasil akibat COVID-19.

Sebagai sebuah negara membangun, sektor ekonomi digital Malaysia berkembang dengan baik. Menurut hala tuju digariskan dalam Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), Malaysia dijangka menjadi ekonomi bernilai tambah tinggi dan mengeksport lebih banyak teknologi yang dibina di dalam negara dan penyelesaian digital menjelang hujung dekad ini. Tumpuan yang diberikan ke atas KEGA ini menggambarkan potensi mengungguli sektor ini dan keupayaannya untuk memacu penyampaian aspirasi Kerajaan yang digariskan dalam WKB2030 dan RMKe-12.

Menerusi semua program pembangunan ini, pemain Bumiputera akan mampu meluaskan tawaran perkhidmatan digital mereka, menerokai ruang digital baharu, terlibat dalam program pembangunan diterajui Kerajaan dan menyokong penyampaian perkhidmatan awam. Asasnya, KEGA ini merungkai sepenuhnya kemampuan perusahaan Bumiputera selaku pesaing global dalam ruang digital, dan menyokong pertumbuhan ekonomi digital Malaysia.

RM65.17 bilion
GOS 2030

214,143
PEKERJAAN LANGSUNG

RM12.83 bilion
JUMLAH PELABURAN



Tema 1: **MEMBANGUNKAN JUARA** **DIGITAL BUMIPUTERA**

Program Pembangunan #1:

Platform Saluran Media untuk Membantu Penerbit Tempatan Memasarkan Kandungan Kreatif

Program Pembangunan #2:

Platform Perkhidmatan Digital untuk Perkhidmatan Awam

Program Pembangunan #3:

Platform Digital untuk Mengoptimumkan Program Peruntukan Kerajaan

Pemboleh Daya #1:

Menubuhkan Dana Teknologi Global Diterajui Kerajaan

Pemboleh Daya #2:

Memulakan Semula Geran Idea dan Suntikan Modal Pemula

Tema 2: **MENGGALAKKAN BUMIPUTERA** **MELANGKAUI SEMPADAN**

Program Pembangunan #4:

Program Bandar Pintar

Program Pembangunan #5:

Menjadi Hab Serantau untuk e-Sukan dan Kandungan Permainan Video (GVC)

Program Pembangunan #6:

Platform Pendidikan Abad Ke-21

Pemboleh Daya #3:

Mendidik Perniagaan dan Orang Awam tentang Celik Digital

Tema 3:

MEMPERCEPAT PENGUKUHAN **ASAS DIGITAL**

Program Pembangunan #7:

Merapatkan Jurang Hubungan Internet dan Isi Kandungan

Program Pembangunan #8:

Program Digital PKS Bumiputera

Pemboleh Daya #4:

Capaian kepada Internet Mampu Milik, Andal dan Berkelajuan Tinggi



KEGA 3: HAB HALAL DAN MAKANAN

Sebagai negara yang mempunyai hubungan diplomatik yang kukuh dengan negara Islam yang lain dan mempunyai majoriti penduduk beragama Islam, Malaysia sudah berhasil menjulang reputasinya sebagai peneraju perdagangan Halal. Melalui Pusat Penyelidikan di Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri - kini dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) - Malaysia telah pun menubuhkan badan pensijilan Halal pertama dan merintis proses pensijilan Halal sejak tahun 1974. Selain menyelia urusan hal ehwal Islam negara, JAKIM meneroka lapangan baharu dengan membangunkan dokumentasi sistematik sistem jaminan Halal. Sektor makanan Halal, farmaseutikal dan sub sektor perkhidmatan makanan telah dikenal pasti sebagai industri berpotensi untuk memacu pencapaian matlamat KEGA. Usaha untuk memandu sub sektor ini akan memberi tumpuan kepada pembinaan keupayaan, pengantarabangsaan pemegang sijil Halal Bumiputera, dan penyelarasan bantuan dan program Kerajaan seiring dengan sasaran yang ditetapkan didalam WKB2030 dan RMKe-12.

Dalam pelaksanaan strategi ini, Kerajaan akan menumpukan usahanya untuk mengukuhkan dan membangunkan rantaian bekalan moden Halal bersesuaian dengan abad ke-21 dan IR4.0. Program pembangunan akan memberi tumpuan kepada pembangunan produk Halal bernilai tinggi, perkhidmatan, keupayaan dan kemampuan seperti yang digariskan di dalam 3 tema di KEGA ini.

RM11.75 bilion
GOS 2030

10,924
PEKERJAAN LANGSUNG

RM1.15 bilion
JUMLAH PELABURAN



Tema 1:
MEMBANGUNKAN PRODUK HALAL BERNILAI TAMBAH TINGGI

Program Pembangunan #1:

Menaik Taraf Kemudahan Vaksin Halal dan Kemudahan Biologik

Program Pembangunan #2:

Pengkomersialan Produk Halal Bernilai Tinggi

Pemboleh Daya #1:

Sokongan dan Mudahcara oleh Kerajaan

Tema 2:
MENTRANSFORMASI PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM INDUSTRI HALAL

Program Pembangunan #3:

Program Peningkatan Keupayaan dan Kemampuan

Pemboleh Daya #2:

Capaian Program Keupayaan dan Kemampuan

Tema 3:


MENUBUHKAN RANTAIAN MODEN BEKALAN HALAL

Program Pembangunan #4:

Mengukuhkan Rantaian Bekalan Halal

Pemboleh Daya #3:

Capaian Pembiayaan untuk Pembangunan Rantaian Moden Bekalan Halal



KEGA 4: HAB KEWANGAN ISLAM 2.0

Malaysia telah diiktiraf sebagai negara termaju dalam Kewangan Islam setakat 2020. Ini meletakkan Malaysia di hadapan Indonesia dan Negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC) seperti Bahrain, Emiriah Arab Bersatu (UAE), dan Arab Saudi.⁰⁹ Menurut Petunjuk Pembangunan Kewangan Islam (IFDI) 2020, aset Kewangan Islam terkumpul Malaysia berjumlah ASD570 bilion pada 2019, meletakkannya sebagai pasaran ketiga terbesar Kewangan Islam dunia (pada masa ini, aset Kewangan Islam global berjumlah ASD2.9 trilion).¹⁰ Malaysia juga merupakan peneraju global dalam jumlah penerbitan Sukuk, aset perbankan Islam, aset Takaful dan pembiayaan Islam; berada dalam kedudukan 3 teratas dalam pelbagai ukuran global.

Bagaimanapun, masih wujud pelbagai cabaran yang perlu diatasi dalam industri Kewangan Islam tempatan bagi menjamin kelangsungan dan kemampanan pertumbuhan sektor. Ini termasuklah perkembangan pantas penyeliaan, dan keterbatasan penerimapaikain digital dalam kalangan PKS.

Berlandaskan pertimbangan ke atas semua halangan ini serta krisis COVID-19, ekonomi Malaysia terdedah kepada kerentanan. Akibatnya, PKS yang menjadi tulang belakang ekonomi Malaysia mengambil langkah berwaspada untuk menerokai bidang pertumbuhan baharu akibat ketidakstabilan pasaran semasa.

Di dalam KEGA ini, 4 tema telah direka bentuk untuk menangani setiap satu cabaran utama yang telah dikenal pasti. KEGA ini menggerakkan usaha perubahan Malaysia menjadi Hab Kewangan Islam yang menarik pelabur dan pencari dana.

RM17.63 bilion

GOS 2030

11,257

PEKERJAAN LANGSUNG

RM10.72 bilion

JUMLAH PELABURAN



⁰⁹ Refinitiv and the Islamic Corporation for the Development of Private Sector (ICD).

¹⁰ Islamic Finance Development Indicator (IFDI) 2020

Tema 1:
**MEMPERLUAS CAPAIAN
KEWANGAN ISLAM**

Program Pembangunan #1:
Menerbitkan Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI)

Pemboleh Daya #1:
Menubuhkan SPV sebagai Ejen atau Tabung Amanah Bagi Pihak Pemegang Sukuk

Tema 2:
**PENDIGITALAN KEWANGAN
ISLAM**

Program Pembangunan #2:
Penubuhan Bank Digital Islam

Pemboleh Daya #2:
Meletakkan Teknologi Kewangan sebagai Pemangkin Keterangkuman Kewangan

Tema 3:
**MENUBUHKAN HAB KEWANGAN
ISLAM SERANTAU**

Program Pembangunan #3:
Sistem Pembayaran dan Penukaran Serantau D-8


Program Pembangunan #4:
Menubuhkan Platform Penyelesaian Perdagangan Serantau menggunakan Mata Wang Kripto Bersandarkan Emas

Pemboleh Daya #3:
Sokongan Kerajaan

Tema 4:
**MEMPERKASA KOMUNITI
BUMIPUTERA**

Program Pembangunan #5:
Pemeriksaan Ekonomi Koperasi Masjid & Pembangunan Tahfiz (KojiD Preneur)

Pemboleh Daya #4:
Pendidikan dan Kesedaran



KEGA 5: LOGISTIK, PENGANGKUTAN & MOBILITI LESTARI

Anjakan trend global, perkembangan keperluan pengguna dan dinamik lanskap politik dan ekonomi telah mengubah sektor logistik sejak sedekad lepas. Walaupun berdepan dengan perubahan ini, serta kesan pandemik COVID-19, industri ini masih kekal bertahan.

Beberapa inisiatif seperti Program Transformasi Kerajaan (NTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah diperkenalkan sejak beberapa tahun lalu, menyediakan persekitaran perniagaan kondusif yang menyokong pertumbuhan sektor. Di sepanjang sejarah negara, Malaysia menggunakan kelebihan lokasi geografinya untuk meletakkan dirinya sebagai peneraju perdagangan maritim. Sehingga kini, lokasi strategik Malaysia membolehkan ketersambungan ke seluruh rantau. Selain itu, kehadiran pemain utama perkapalan dan logistik serta kestabilan landskap politik; ekonomi; dan sosial negara Malaysia telah menyumbang kepada pertumbuhan sektor logistik negara.

Di bawah 3 tema KEGA ini, TPB2030 bermatlamat untuk mewujudkan hab logistik serantau diterajui Bumiputera, meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam industri maritim dan perkapalan, serta menyediakan peluang penerokaan lapangan baharu dalam segmen kelestarian mobiliti.

RM15.86 bilion
GOS 2030

5,883
PEKERJAAN LANGSUNG

RM31.88 bilion
JUMLAH PELABURAN



Tema 1:
MEMBANGUNKAN JUARA LOGISTIK BUMIPUTERA DAN MENJADIKAN MALAYSIA HAB LOGISTIK SERANTAU

Program Pembangunan #1:
 Membangunkan Juara Logistik dan Menjadikan Malaysia sebagai Hab Serantau

Program Pembangunan #2:
 Hab Logistik Utara - Pelabuhan Darat Perlis (PIP)

Pemboleh Daya #1:
 Mengguna Pakai Mod Pengangkutan Alternatif dari Luar Bandar sehingga ke Pelabuhan Utama

Tema 2:
MENINGKATKAN RUANGAN BAHARU DALAM MOBILITI LESTARI

Program Pembangunan #3:
 Penggunaan Teknologi Hidrogen

Program Pembangunan #4:
 Pusat Bateri Malaysia

Program Pembangunan #5:
 Menerajui Mobiliti Hijau

Pemboleh Daya #2:
 Memperhebat Pembangunan Modal Insan

Pemboleh Daya #3:
 Mengguna Pakai Teknologi Baharu

Tema 3:
MENINGKATKAN PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM INDUSTRI MARITIM, PERKAPALAN DAN FERI


Program Pembangunan #6:
 Penyatuan dan Pengaktifan Semula Kapal Peronda Pesisir Pantai (OSV) yang Tersadai

Program Pembangunan #7:
 Peluasan dan Pemodenan Perkapalan dan Kapal Tangki Minyak

Program Pembangunan #8:
 Menggerakkan Perkhidmatan Feri Bumiputera antara pelabuhan Malaysia dan Indonesia

Program Pembangunan #9:
 Membangunkan Sebuah Syarikat Pengendali Kapal Korek Milik Bumiputera yang Tersohor

Pemboleh Daya #4:
 Membentuk Konsortium untuk Membolehkan Rangkaian Lebih Besar bagi PKS Bumiputera



KEGA 6: PEMBUATAN

Sektor pembuatan memainkan peranan penting dalam transformasi ekonomi Malaysia. Jumlah besar pelaburan asing dan tempatan telah berjaya ditarik merentasi lanskap pembuatan disebabkan kepesatan mempelbagaian ekonomi Malaysia, asas kukuh pembuatan, pembangunan infrastruktur dan kesalinghubungan, dasar progresif Kerajaan, dan komitmen tenaga kerja. Bagaimanapun, ketika persaingan semakin berkembang dalam sektor ini, penglibatan perusahaan Bumiputera kekal rendah disebabkan keterbatasan sumber untuk berkembang.


Pandemik COVID-19 telah menjejaskan ekonomi global - Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) melaporkan KDNK nyata global menguncup sebanyak 3.4% pada tahun 2020. Walaupun begitu, OECD menjangkakan pelonjakan pertumbuhan ekonomi KDNK kepada 5.6% dan 4%, masing-masing pada 2021 dan 2022. Walaupun KDNK Malaysia menguncup sebanyak 5.6% pada tahun 2020, sektor pembuatan kekal bertahan, menjadi sektor kedua paling kurang terkesan pada tahun itu. Paling ketara, sektor pembuatan sarung tangan, peralatan perlindungan peribadi (PPE) dan peralatan perubatan merekodkan lonjakan jualan dalam tempoh sama.

Di bawah KEGA ini, usaha akan ditumpukan untuk memperkasa perusahaan Bumiputera tempatan di sektor pembuatan untuk membangunkan penyelesaian pintar, produk pembuatan bernilai tambah tinggi untuk eksport dan pengubah sisa pembuatan kepada tenaga.

RM29.59 bilion
GOS 2030

145,225
PEKERJAAN LANGSUNG

RM19.08 bilion
JUMLAH PELABURAN



Tema 1:
**MEMBANGUNKAN PRODUK
PEMBUATAN BERNILAI TAMBAH
TINGGI**

Program Pembangunan #1:
Mengeksport Produk Farmaseutikal ke
Negara-Negara OIC

Program Pembangunan #2:
Memastikan Pendaftaran Perubatan
Galenikal yang Dikeluarkan Kerajaan

Program Pembangunan #3:
NAP 2020 - Pembangunan Kenderaan
Generasi Masa Depan (NxGV)

Program Pembangunan #4:
Malaysia Sebagai Hab Pembuatan 3D

Pemboleh Daya #1:
Sokongan dan Intervensi Kerajaan

Tema 2:
**MENUKAR SISA KEPADA
TENAGA**

Program Pembangunan #5:
Penukaran Sisa Perbandaran kepada
Tenaga (*Waste to Energy*)

Program Pembangunan #6:
Penukaran Sisa kepada Bahan (*Waste to
Materials*) dan Tenaga (*Waste to Energy*)

Program Pembangunan #7:
Penukaran Sisa Plastik kepada Bahan
Bakar

Pemboleh Daya #2:
Sokongan Perbelanjaan Modal (*CAPEX*)

Pemboleh Daya #3:
Dana Teknologi Hijau


Pemboleh Daya #4:
Infrastruktur Hijau

Tema 3:
**MEMPERKASA PENGELUAR
BUMIPUTERA TEMPATAN**

Program Pembangunan #8:
Penghasilan Penyelesaian AnanoCoat
sebagai Penyah Kuman yang Berkesan
untuk Memerangi Patogen Udara

Program Pembangunan #9:
Menaik Taraf Lampu Jalan Perbandaran
dengan Lampu Jalan LED Menggunakan
Teknologi Pembuatan Tempatan

Pemboleh Daya #5:
Sokongan Kerajaan



KEGA 7: PELANCONGAN

Malaysia sering dikaitkan dengan sektor pelancongan, sebagai salah satu sektor utama yang memacu ekonomi negara. Senada dengan trend global, Malaysia merekodkan pertumbuhan kukuh sektor pelancongan sejak bertahun-tahun dengan Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompoun (CAGR) terimaan pelancongan 4.06% dari tahun 2007 hingga tahun 2019. Walaupun sektor pelancongan Malaysia kukuh membangun, penglibatan perusahaan Bumiputera kekal rendah. Pada 2019, perusahaan Bumiputera hanya menyumbang sekitar 9.89% kepada KDNK pelancongan dan berada di kedudukan terbawah dalam rantai nilai industri. Ini bersamaan dengan RM23.75 bilion daripada jumlah RM242.2 bilion.

Walaupun prestasinya konsisten, krisis perubatan dan kemanusiaan akibat pandemik COVID-19 telah menggugut sektor pelancongan tempatan dan global. Dalam usaha mengekang penularan virus, Kerajaan seluruh dunia menutup sempadan negara mereka. Kerajaan Malaysia juga menutup sebahagian besar sektor ekonomi dalam skala yang tidak pernah disaksikan sebelum ini. Malaysia mencatatkan penurunan sebanyak 83.4% ketibaan antarabangsa pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya. Akibat penutupan sempadan, sektor pelancongan Malaysia mengalami kerugian kira-kira RM73.4 bilion pada 2020, dan industri ini dijangka akan terus terjejas sehingga 2024.¹¹

Di bawah 4 tema KEGA ini, TPB2030 menyasarkan untuk mengangkat kedudukan Bumiputera dalam sektor pelancongan, dan membuka laluan kepada pembangunan pemulihan dan transformatif bagi industri ini.

RM36.45 bilion
GOS 2030

8,367
PEKERJAAN LANGSUNG

RM10 bilion
JUMLAH PELABURAN



¹¹ *Tourism Malaysia*



Tema 1:
**PENDIGITALAN PELANCONGAN
DI MALAYSIA**

Program Pembangunan #1:
Membangunkan Platform Dalam Talian

Pemboleh Daya #1:
Penyertaan Hotel Tempatan, Penyedia
Perkhidmatan Hiburan, dan Lain-Lain

Tema 2:
**PENGUKUHAN PRODUK
PELANCONGAN TEMPATAN**

Program Pembangunan #2:
Membangunkan Taman Tema Kandungan
Tempatan

Pemboleh Daya #2:
Jalinan Kerjasama dengan Pengusaha
Pelancongan Tempatan

Pemboleh Daya #3:
Pemasaran Berterusan dan Berfokus

Tema 3:
**MEMANFAATKAN KELEBIHAN
DAYA SAING MALAYSIA DI
PERINGKAT GLOBAL**

Program Pembangunan #3:
Pelayaran Mesra Muslim

Program Pembangunan #4:
Menjadikan Malaysia Hab Transit Umrah

Program Pembangunan #5:
Transformasi Langkawi Sebagai Pulau
Bebas COVID-19


Pemboleh Daya #4:
Sokongan dan Mudahcara daripada
Kerajaan

Tema 4:
**MENINGKATKAN PENYERTAAN
BUMIPUTERA DALAM SEKTOR
PELANCONGAN**

Program Pembangunan #6:
Penganugerahan Konsesi Perkhidmatan
Dalam Kluster Ekopelancongan dan
Taman Negara

Program Pembangunan #7:
Program *Carve-Out and Compete*
daripada Acara Perniagaan dan Acara
Utama

Pemboleh Daya #5:
Menambahbaik Proses Kelulusan




BETA:

INDUSTRI PERTAHANAN DAN KESELAMATAN

Pertahanan Ketenteraan

BETA ini merupakan komitmen Malaysia kepada perlindungan kedaulatan negara dan integriti wilayah selaras dengan kesan pacuan industri pertahanan kepada ekonomi negara. Peranan industri dalam memastikan kestabilan ekonomi membuka peluang kepadanya untuk dikenal pasti sebagai salah satu bidang pertumbuhan berpotensi untuk Bumiputera di bawah TPB2030. Potensi sektor ini masih tidak dioptimumkan mewujudkan ruang penerokaan dan peluang penglibatan untuk Bumiputera. Bagi mempersiap mereka untuk memainkan peranan lebih besar dalam industri pertahanan, usaha pemerksaan syarikat dan bakat Bumiputera akan dipergiat.

Selaras dengan perkembangan kemajuan teknologi, industri pertahanan terus menjadi kunci utama ekonomi negara dengan CAGR yang meyakinkan, iaitu 7.56%, sejak tahun 1960.¹²



¹² *Bank Dunia*

SARANAN DAN STRATEGI UTAMA

Saranan #1:

Dasar *Carve-Out and Compete* untuk Bumiputera bagi Penyelenggaraan dan Naik Taraf Aset Pertahanan Sedia Ada

Saranan #2:

Penyediaan Sokongan kepada Bumiputera untuk Peluasan Pasaran Eksport kepada Kenderaan Berperisai

Saranan #3:

Peningkatan Penglibatan Bumiputera dalam Pembekalan Latihan Simulasi untuk Sektor Pertahanan



BETA: INDUSTRI PERTAHANAN DAN KESELAMATAN

Keselamatan Siber

Pasaran keselamatan siber global adalah industri yang pesat berkembang. Ia dijangka mencapai jumlah keseluruhan pasaran sebanyak ASD400.2 bilion menjelang 2030, dan dijangka meningkat pada CAGR 9.4% antara tahun 2020-2030, dengan komponen perkhidmatan mendahului pertumbuhan pada kadar CAGR 11.2% dalam tempoh yang sama.¹³ Pertumbuhan pasaran keselamatan siber di Malaysia mencerminkan trend global dan serantau di mana nilai keseluruhan pasaran sekuriti Malaysia dianggarkan pada tahun 2021 adalah ASD632.6 juta.¹⁴ Dengan percambahan ekonomi digital, pembangunan keselamatan siber memainkan peranan penting dalam pembentukan kelebihan daya saing.

Bersama-sama dengan pengusaha tempatan yang lain, sekumpulan kecil syarikat Bumiputera mengambil peluang memasuki pasaran keselamatan siber ketika pendigitalan operasi perniagaan dan data semakin pesat berlaku. Antara produk yang berpotensi untuk ditawarkan oleh pemain Bumiputera tempatan ialah perundingan keselamatan siber, pembangunan teknologi menerusi platform unik serta penubuhan Pusat Pembangunan Rantaian Sekuriti. Disebabkan kepentingannya semakin ketara, institusi yang memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan seperti Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) juga mewujudkan program pengkhususan teknologi, yang turut meliputi program keselamatan siber.

¹³ *Allied Market Research Global Cyber Security Market, 2020-2027, diekstrapolasi ke tahun 2030*

¹⁴ *IDC Market Security Product and Services Forecast, 2H16, MDEC*



SARANAN DAN STRATEGI UTAMA

Saranan #1:

Meningkatkan Penglibatan Bumiputera dalam Segmen Perkhidmatan Keselamatan Siber



BETA: PEMBINAAN MODEN : IBS

Industri pembinaan memainkan peranan terpenting dalam ekonomi, termasuklah kepada industri lain dan masyarakat secara keseluruhannya. Jumlah perolehan tahunan global industri pembinaan hampir mencecah ASD10 trilion, dengan nilai tambah ASD3.6 trilion. Selain itu, industri pembinaan menyumbang kira-kira 6% kepada KDNK global.¹⁵ Sumbangan sektor ini telah dianggarkan pada 5% daripada jumlah KDNK di negara-negara maju, manakala ia menyumbang kira-kira 8% daripada KDNK di negara-negara membangun.¹⁶

Apabila pandemik COVID-19 menjejaskan KDNK global, industri pembinaan juga terkesan disebabkan kerentanannya terhadap kitaran ekonomi. Bagaimanapun, industri ini juga memiliki potensi besar untuk merangsang pemulihan disebabkan keupayaannya untuk mencipta peluang pekerjaan.¹⁷ Walaupun terkesan dengan pandemik, industri pembinaan global dijangka mencecah nilai ASD10.5 trilion menjelang 2023, dan diramalkan untuk terus meningkat pada CAGR 4.2% dalam tempoh 2018-2023. Disebabkan peningkatan urbanisasi dan pertumbuhan penduduk dunia, sektor pembinaan kediaman dijangka akan terus kekal sebagai segmen terbesar industri.¹⁸

Industri pembinaan telah dikenal pasti sebagai salah satu bidang transformasi Bumiputera yang berpotensi di bawah TPB2030 kerana industri ini merupakan salah satu penyumbang utama KDNK negara dan berpotensi untuk menyumbang lebih jauh dalam agenda Bumiputera dalam tempoh 10 tahun akan datang. Kerajaan telah mengakui Sistem Binaan Berindustri (IBS), yang merupakan satu bentuk pembinaan moden, sebagai penggerak utama untuk mengatasi masalah jangkauan dan kebergantungan pekerja asing dalam sektor perumahan serta pembinaan. Pada masa yang sama, IBS berpotensi memainkan peranan penting untuk meningkatkan akses kepada rumah kediaman yang berkualiti dengan harga yang lebih berpatutan, di samping memberi peluang kepada kontraktor Bumiputera untuk mengukuhkan kedudukan dan peralihan mereka kepada segmen moden dan bernilai tinggi dalam industri pembinaan.

¹⁵ *Bank Dunia*

¹⁶ *Ibid*

¹⁷ *Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Sectoral Brief*

¹⁸ *Lucintel, 'Growth Opportunities in the Global Construction Industry 2018-2023: Trends, Forecast, and Opportunity Analysis', 2020*



SARANAN DAN STRATEGI UTAMA

Saranan #1:

Melaksanakan Dasar 'Carve-Out and Compete'

Saranan #2:

Menguatkuasakan Keperluan IBS dalam Projek

Saranan #3:

Melantik Syarikat Gergasi Peneraju untuk Projek Perumahan Awam

Saranan #4:

Pengumpulan Bahan Mentah Secara Pukal untuk Mengurangkan Kos Melalui Syarikat Tujuan Khas

Saranan #5:


Pengenalan Insentif Baharu untuk Mempromosikan Penerapan IBS oleh Syarikat Bumiputera

Saranan #6:

Menggalakkan Kenaikan Gred Kontraktor G1-G3

Saranan #7:

Menyeragamkan Reka Bentuk dan Spesifikasi




BETA: AEROANGKASA

Industri aeroangkasa di Malaysia adalah bidang besar meliputi dua sektor - penerbangan komersial dan awam; dan angkasa. Pada tahun 1997, Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia dilancarkan. Sebagai pelan induk aeroangkasa pertama negara, ia menetapkan inisiatif perubahan untuk Malaysia menjadi negara dengan keupayaan aeroangkasa di peringkat rantau dan dunia menjelang tahun 2015. Enam (6) daripada 45 cadangan dikenal pasti sebagai inisiatif utama iaitu untuk penyediaan Kerangka Industri Aeroangkasa, penubuhan Majlis Aeroangkasa Malaysia, penubuhan Pihak Berkuasa Penerbangan Malaysia, penubuhan Badan Penyelaras Aeroangkasa Kebangsaan, Tinjauan Inventori Industri Aeroangkasa, dan Kajian Pembangunan Tenaga Manusia Industri Aeroangkasa. Sepanjang 17 tahun pelaksanaan pelan induk tersebut, 43 daripada 45 cadangan telah digerakkan.

Sepanjang tempoh itu, Majlis Aeroangkasa Malaysia memainkan peranan penting dalam mengemudi pertumbuhan sektor ini. Menjelang 2014, industri ini telah berkembang pesat dengan perolehan industri mencecah RM11.8 bilion berbanding RM900 juta pada 1998, dengan CAGR 17.45%.¹⁹

Sejak itu, industri aeroangkasa telah dilibatkan merentasi kesemua pelan pembangunan ekonomi negara termasuklah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), ETP, dan Pelan Induk Industri Aeroangkasa 2030. Penglibatan industri aeroangkasa di dalam pelan pembangunan ekonomi negara jelas menunjukkan kepentingan sektor ini kepada ekonomi Malaysia.

Industri aeroangkasa merupakan industri yang luas merangkumi aktiviti di atmosfera dan juga angkasa, telah dikenal pasti sebagai salah satu bidang transformasi ekonomi berpotensi tinggi di bawah TPB2030 kerana sektor ini memainkan peranan penting kepada ekonomi Malaysia. Industri ini telah menunjukkan pertumbuhan yang stabil selama bertahun-tahun, dan mempunyai kemampuan untuk berkembang dan menyumbang lebih jauh untuk Malaysia kerana potensi untuk menjadi bidang yang sangat menguntungkan. Untuk membuka potensi dan menyumbang lebih jauh ke dalam agenda Bumiputera di Malaysia, terdapat beberapa saranan dan strategi utama yang dapat diguna pakai untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri aeroangkasa.



¹⁹ Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI); *Malaysia's Aerospace Industry Sets To Soar To Greater Heights, Mac 2016*

SARANAN DAN STRATEGI UTAMA

Saranan #1:


Memperluas Penyertaan Bumiputera dalam Produk dan Perkhidmatan Menjana Nilai Lebih Tinggi

Saranan #2:

Kerjasama Industri dengan Institusi Akademik untuk Pelajar Bumiputera

Saranan #3:

Penyediaan Latihan Pengurusan kepada Eksekutif Bumiputera bagi Mengendalikan Pelanggan Antarabangsa




BIDANG KEUTAMAAN 1: MEMPERCEPAT PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI BUMIPUTERA

Strategi utama pemacuan agenda Bumiputera dalam WKB2030 bermatlamat untuk meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi Bumiputera dengan mengurangkan kesenjangan ekonomi dan memastikan pengagihan saksama pendapatan menerusi 15 prinsip panduan, 7 teras strategik dan 8 pemboleh daya. TPB2030 dibangunkan untuk memastikan strategi Bumiputera digariskan dalam WKB2030 dapat dilaksanakan dengan penglibatan kerjasama pemain industri utama dengan tumpuan kepada 7 KEGA yang disokong oleh 7 PA.

Bidang Keutamaan 1 (PA1) akan tertumpu kepada usaha pengukuhan kesejahteraan sosioekonomi Bumiputera dan pada masa sama memastikan pengagihan saksama dan mampan kekayaan.


Pelaksanaannya akan didasari oleh 1 tema dan 1 inisiatif bagi memastikan usaha memacu pembangunan sosioekonomi Bumiputera dijayakan dan lebih banyak kemakmuran ekonomi saksama dicapai. PA1 meliputi, antara lain, program pembangunan, tadbir urus dan pelaksanaan serta pemantauan TPB2030.





Tema 1:
TINDAKAN PEMBANGUNAN
BUMIPUTERA 2030 (TPB2030)

Inisiatif #1:
Pembangunan Program TPB2030




BIDANG KEUTAMAAN 2: MENAMBAH BAIK TADBIR URUS DAN MEMPERKUKUH PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Bagi menambah baik tadbir urus dan mengukuhkan perkhidmatan penyampaian kepada Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC), adalah penting untuk mencapai aspirasi Bidang Keutamaan 2 (PA2) untuk mewujudkan pangkalan data berpusat dan membangunkan sistem pengurusan prestasi. Pada masa yang sama, PA2 menjunjung hasrat pengagihan akses yang saksama kepada peluang ekonomi yang akan dipenuhi menerusi semakan proses pemerolehan awam dan memperkenalkan perundangan untuk mengekang amalan menyimpang secara berkesan.

Tadbir urus yang kukuh dan pendekatan *top down* adalah faktor utama kejayaan dalam penyampaian inisiatif untuk kelompok sasaran penerima manfaat dan mencapai matlamatnya. Memandangkan perkhidmatan penyampaian program melibatkan kerjasama merentas pelbagai sektor, industri dan tahap tadbir urus, penglibatan langsung dan berdedikasi pengurusan atasan bagi menyokong pasukan bertindak adalah sangat mustahak. Dengan menggunakan pendekatan pemanduan *top down*, mandat pelaksanaan agensi terlibat akan membolehkan penyampaian program dilakukan secara cekap dan berkesan.

PA2 telah mengenal pasti inisiatif yang akan digerakkan di bawah 3 tema untuk menangani cabaran bagi memastikan kejayaan penyampaian program Bumiputera di bawah WKB2030 dan RMKe-12.



Tema 1:
**MENERIMA PAKAI TEKNOLOGI
 DIGITAL DAN SISTEM
 BERSEPADU UNTUK MEMBUAT
 KEPUTUSAN YANG LEBIH
 EFEKTIF DAN PENGURUSAN
 PROGRAM**

Inisiatif #1:

Mewujudkan Analitik Data Raya Bumiputera (BBDA)

Tema 2:

**MEMPERKENAL TADBIR URUS
 DIPACU PRESTASI DI PERINGKAT
 INSTITUSI BUMIPUTERA**

Inisiatif #2:

Penyelarasan Badan Kerajaan serta Penghasilan Kad Skor bagi Mencapai Keberhasilan Bumiputera yang Lebih Besar

Tema 3:


**PENGARASAN LAPANGAN SAING
 BAGI PERNIAGAAN BUMIPUTERA
 UNTUK MEMBENTUK EKOSISTEM
 YANG BERDAYA SAING**

Inisiatif #3:

Memastikan Pengagihan Saksama Kontrak Dalam Kalangan Pembekal Bumiputera

Inisiatif #4:

Cadangan Peluasan Akta Sedia Ada



BIDANG KEUTAMAAN 3: MEMPERKUKUH PENDIDIKAN DAN MEMPERKASA MODAL INSAN


TPB2030 bermatlamat untuk menjalankan sepenuhnya 10 inisiatif di bawah 3 tema untuk memperkasa modal insan Bumiputera menggunakan pelbagai pendekatan dalam usaha mengangkat status sosioekonomi Bumiputera.

Penglibatan pemain industri dan keperluan untuk pendidikan berkualiti dan latihan kemahiran adalah penting bagi kejayaan Bidang Keutamaan 3 (PA3). Penghantaran lebih 780,000 pekerja mahir Bumiputera ke dalam pasaran kerja Malaysia terutamanya, akan memerlukan semua pihak serta semua faktor utama kejayaan yang disebut sebelum ini.

Panduan kerjaya dan perkhidmatan penempatan pekerjaan untuk pelatih juga akan dilaksanakan oleh pemain industri, menggunakan sepenuhnya pemahaman tentang industri mereka. Di samping itu, pemain industri dapat memastikan penempatan pekerjaan untuk graduan sekaligus meningkatkan kadar penembusan Bumiputera ke dalam pasaran kerja.

Memastikan capaian kepada pendidikan berkualiti dan latihan kemahiran terkini juga penting kepada perkembangan modal insan Bumiputera. Selain isu kebolehpasaran, program pembangunan dan sukatan pelajaran serta bahan latihan juga perlu kekal konsisten dengan permintaan semasa pasaran bagi menghasilkan bakat Bumiputera dengan kebolehpasaran yang tinggi.

Bagi mendapatkan hasil yang disasarkan, tema PA3 akan ditumpukan kepada peningkatan penglibatan Bumiputera dalam kerjaya mahir, meningkatkan kualiti dan capaian kepada pendidikan dan mempertingkatkan kebolehpasaran modal insan Bumiputera. Kesemua ini akan disokong oleh inisiatif pemangkin perubahan dalam bidang strategik terpilih.



Tema 1:
MENINGKATKAN PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM KERJAYA BERKEMAHIRAN TINGGI

Inisiatif #1:

Meningkatkan Penglibatan Bumiputera dalam Program Kemahiran Digital yang Sedia Ada

Inisiatif #2:

Program Pembangunan Kontraktor Pelabuhan

Inisiatif #3:

Pelayar Bumiputera Menjelajah Dunia

Inisiatif #4:

Memperkasa Ekosistem Kewangan Islam

Inisiatif #5:

Memperhebat Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk Bakat Bumiputera

Tema 2:

MENINGKATKAN KUALITI DAN CAPAIAN PENDIDIKAN

Inisiatif #6:

Peluang dan Capaian Saksama untuk Sumber Manusia Bumiputera

Inisiatif #7:

Pusat Kecemerlangan Bumiputera (CoE)

Tema 3:

**MEMPERHEBAT
KEBOLEHPASARAN MODAL
INSAN BUMIPUTERA**

Inisiatif #8:


Memperkukuh Kebolehpasaran Modal Insan Bumiputera

Inisiatif #9:

Merencanakan Laluan Pendidikan dan Kerjaya untuk Pelajar Tahfiz

Inisiatif #10:


Mempromosi Peluang Pekerjaan yang Saksama di dalam MNC, SOE dan Sektor Swasta



BIDANG KEUTAMAAN 4: MENINGKATKAN DAYA TAHAN DAN KEMAMPUAN PERNIAGAAN BUMIPUTERA

TPB2030 akan menggerakkan usaha pemerksaan usahawan Bumiputera melalui program pembangunan keupayaan holistik bagi memperhebat keupayaan dan daya saing mereka. Program pembangunan ini juga akan menerapkan kecerdasan sumber bagi merangsang ketahanan mereka dalam pasaran. Inisiatif berstrategi dengan kerjasama rakan industri juga akan membolehkan pemacuan mereka ke dalam industri masa hadapan dan sektor berimpak tinggi yang sedang berkembang pesat. Pendekatan berasaskan merit dan keperluan akan diguna pakai untuk meluaskan peluang pelatihan, perundingan, pembiayaan dan pemudahan rangkaian hubungan kepada PKS Bumiputera.

Matlamat utama Bidang Keutamaan 4 (PA4) adalah untuk meningkatkan penglibatan usahawan Bumiputera dalam ekonomi Malaysia, dengan penekanan khas kepada 7 KEGA terpilih. Di dalam PA ini, 4 inisiatif akan digerakkan ke arah pengukuhan ekosistem pembangunan keusahawanan Bumiputera, mendorong perniagaan Bumiputera ke arah sektor bernilai tinggi, mewujudkan hab pemecutan, dan meningkatkan penglibatan menerusi peluasan dasar *Carve-Out and Compete*.



Tema 1:
**PENGGARISARUSAN EKOSISTEM
 PEMBANGUNAN
 KEUSAHAWANAN BUMIPUTERA**

Inisiatif #1:

Pusat Penyelarasan dan Pengurusan
 Pangkalan Data Ekosistem Keusahawanan
 Bumiputera oleh TERAJU

Tema 2:
**MEMACU USAHAWAN
 BUMIPUTERA KE SEKTOR
 BERNILAI TINGGI**

Inisiatif #2:

Memudah Cara Usahawan Bumiputera
 untuk Meningkatkan Kedudukan Rantaian
 Nilai serta Menyertai Projek Negeri dan
 Koridor Ekonomi

Inisiatif #3:

Menubuhkan Hab Pemacu di Negeri

Membangun

Tema 3:
**MENINGKATKAN PENGLIBATAN
 MENERUSI PELUASAN DASAR
 CARVE-OUT AND COMPETE**

Inisiatif #4:


Peluasan Dasar *Carve-Out and Compete*
 untuk Perlesenan dan Konsesi untuk
 Usahawan Bumiputera yang Layak



BIDANG KEUTAMAAN 5: MENINGKATKAN PENCIPTAAN KEKAYAAN BUMIPUTERA

Di bawah Bidang Keutamaan 5 (PA5), isu mendasari kemampuan perumahan akan diberikan penekanan bagi memastikan penawaran perumahan bukan sahaja mencukupi, tetapi juga mampu milik. Penyelesaian yang dicadangkan akan memberi tumpuan kepada peningkatan kecekapan dan kemampuan pasaran perumahan, menangani jurang pendapatan, serta kos sara hidup dan sistem sokongan sosioekonomi. Matlamat akhir adalah untuk membentuk ekosistem perumahan nasional yang kondusif sekaligus mendorong penciptaan kekayaan dalam kalangan Bumiputera menerusi pemilikan aset kediaman, komersial dan industri.

Di dalam PA ini, 3 tema sudah dikenal pasti bagi memastikan pelaksanaan dan kejayaan inisiatif ini di dalam PA5 dan akan disokong oleh 3 inisiatif yang akan memacu pemilikan kejayaan Bumiputera.



Tema 1:
**MEMBANGUNKAN SATU KAJIAN
 KEPERLUAN PERUMAHAN
 BUMIPUTERA UNTUK
 PENAMBAHBAIKAN DASAR**

Inisiatif #1:

Melaksanakan Kajian Keselanjutan Keperluan Perumahan (*Housing Needs Continuum*)

Tema 2:

**MENGGALAKKAN PEMILIKAN
 KEKAYAAN OLEH BUMIPUTERA**

Inisiatif #2:


Peluasan Skim Sewa-untuk-Beli (RTO)

Tema 3:

**MENINGKATKAN NILAI ASET
 MILIK BUMIPUTERA**

Inisiatif #3:

Melakukan Analisis Menyeluruh Pasaran '*Bumiputera Big Box*' (3B)




BIDANG KEUTAMAAN 6: MEMANFAATKAN SEPENUHNYA TANAH RIZAB MELAYU DAN INSTRUMEN WAKAF

TRM mempunyai potensi besar, terutamanya dalam pembangunan tanah rizab yang terletak di kawasan bandar dan pinggir bandar. Pembangunan tanah ini seterusnya akan melonjakkan nilai ekonomi tanah tersebut. Bagi memaksimumkan nilainya, pihak berkuasa berkaitan akan bekerjasama dalam penyampaian inisiatif di bawah Bidang Keutamaan 6 (PA6) bagi membolehkan pemilik tanah Bumiputera memperoleh kekayaan daripada aset bukan kewangan mereka.

Dasar dan Peraturan; dan Mekanisma Penyampaian adalah faktor utama kejayaan untuk PA6. Justeru, inisiatif untuk mengintergrasikan dasar tanah Bumiputera ke dalam pelbagai tahap tadbir urus akan bertindak sebagai asas yang akan memudahkan pencapaian tema yang digariskan.

Bagi mengoptimumkan potensi dan meningkatkan nilai TRM untuk manfaat Bumiputera, 2 tema telah digubal di bawah PA6. Ia selari dengan matlamat RMKe-12 yang berhasrat untuk meningkatkan pemilikan kediaman dan menjana kekayaan untuk Bumiputera.





Tema 1:
**MENINGKATKAN NILAI TANAH
RIZAB MELAYU**

Inisiatif #1:

Dasar dan Tadbir Urus Bersepadu Tanah Bumiputera

Inisiatif #2:

Tabung Amanah dan Insentif Pembangunan Tanah Bumiputera


Inisiatif #3:

Projek Pembangunan Bumiputera di Peringkat Nasional

Tema 2:
**MENGEWANGKAN
(MONETISING)
TANAH RIZAB MELAYU**

Inisiatif #4:

Platform Pertukaran (*Exchange Platform*) Harta Tanah Bumiputera



BIDANG KEUTAMAAN 7: MEMASTIKAN PEMILIKAN EKUITI KORPORAT YANG MAMPAN

Untuk membangunkan PKS Bumiputera yang berpotensi tinggi, intervensi bersasar digariskan dalam Bidang Keutamaan 7 (PA7) akan menangani masalah pembiayaan untuk peluasan, penggabungan dan pengambilalihan (M&A) dan kemudahan kemasukan ke pasaran baharu. Ia berfungsi untuk melonjakkan daya saing PKS Bumiputera.

Peluang pemangkin, seperti pembangunan teknologi, boleh ditawarkan oleh Kerajaan, GLC dan GLIC untuk meningkatkan perolehan PKS Bumiputera. Trajektori dan kemasukan pasaran baharu oleh PKS Bumiputera akan dimudahkan untuk menggalakkan pertumbuhan PKS Bumiputera dan pada masa yang sama mengurangkan kebergantungan mereka kepada Kerajaan.


Pengalaman kejayaan penyenaian awam di Amerika Syarikat (AS) oleh salah satu syarikat permulaan paling bernilai di Asia Tenggara, Grab Holdings Inc., boleh dijadikan panduan. Ia adalah unikon teknologi pertama Asia Tenggara yang disenarai awam menerusi syarikat pemerolehan tujuan khas (SPAC), membolehkannya meluaskan capaian ke seluruh rantau itu. Satu lagi contoh kejayaan adalah Hibiscus Petroleum Berhad yang baru-baru ini mengambilalih keseluruhan ekuiti berkepentingan dalam Fortuna International Petroleum Corporation (FIPC) bernilai ASD212.5 juta tunai, membolehkannya memperluaskan pengeluarannya.²⁰ Carsome Sdn. Bhd. yang berpangkalan di Kuala Lumpur juga menjalankan pembiayaan pra tawaran awam awal (IPO) bagi memenuhi perancangannya untuk disenaraikan di pasaran saham awam AS menerusi SPAC.²¹

PA7 mempunyai 2 tema yang telah dikenal pasti untuk merangsang pertumbuhan pesat syarikat pemula dan meningkatkan pertumbuhan dan nilai PKS Bumiputera. Menerusi 5 inisiatif yang dibangunkan untuk penyelarasan bersama matlamat WKB2030 dan RMKe-12, kemampuan peningkatan ekuiti serta penambahbaikan berterusan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera akan dapat dicapai.



²⁰ Ronnie Teo, 'Hibiscus Petroleum Expands Production with New Acquisition', *The Borneo Post*, 3 Jun 2021

²¹ *The Star*, 'Malaysia's Carsome Weighs US Listing with SPAC as Option', 18 Jun 2021



Tema 1:
**MERANGSANG PERKEMBANGAN
PESAT SYARIKAT PEMULA**

Inisiatif #1:
Mengukuhkan Platform Pembiayaan
Alternatif untuk PKS Bumiputera

Tema 2:
**MENINGKATKAN PERTUMBUHAN
DAN NILAI PERUSAHAAN KECIL
DAN SEDERHANA (PKS)
BUMIPUTERA MENERUSI
INISIATIF BERSTRATEGI**

Inisiatif #2:
Memudah Cara Pengambilalihan Aset
Bukan Teras Oleh Usahawan Bumiputera

Inisiatif #3:
Menjalinkan Kerjasama Strategik dengan
Pelabur Asing untuk Pembangunan PKS
Bumiputera

Inisiatif #4:
Pengembangan Program untuk
Memudahkan Penyenaiaan dan
Penggabungan & Pengambilalihan (M&A)

Inisiatif #5:
Menggalakkan Usaha Sama dengan
Syarikat Bukan Bumiputera



STRUKTUR TADBIR URUS

Tadbir urus TPB2030 direka untuk melibatkan semua Kementerian utama. Pengukuhan struktur tadbir urus dilaksanakan menerusi penubuhan MKB, terdiri daripada Menteri Kabinet dan tokoh-tokoh Bumiputera daripada pelbagai sektor keusahawanan, ekonomi dan pendidikan.


MKB dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia dan ditubuhkan pada Januari 2021 untuk memacu agenda Bumiputera. TERAJU diberi mandat untuk memainkan peranan sebagai sekretariat kepada MKB dan dipertanggungjawab sebagai penyelarasa utama agenda Bumiputera.

Kewujudan struktur tadbir urus menyeluruh akan membolehkan pelaksanaan, pemantauan dan semakan berterusan intervensi strategik yang akan dijalankan sepanjang 10 tahun

pelaksanaan TPB2030 dalam mencapai pembangunan mampan sosioekonomi Bumiputera.

Di bawah PA1, struktur tadbir urus dikategorikan kepada 2 platform berkaitan: platform strategik dan platform operasi. Platform strategik meliputi struktur organisasi MKB. Ia menetapkan hala tuju dan menyelia keseluruhan perkembangan agenda Bumiputera. Platform operasi pula akan bertanggungjawab ke atas pelaksanaan dan penyampaian program pembangunan dan inisiatif yang dikenal pasti dalam TPB2030. Ia terdiri daripada Pasukan Pengurusan Program TPB2030 TERAJU, Jawatankuasa Pemeraksanaan Agenda Bumiputera (JPAB) dan UPAB. Kedua-dua platform ini akan bergerak seiring bagi memastikan pemudahcaraan, penyeliaan program pembangunan dan inisiatif di bawah TPB2030 mampu memberikan keberhasilan yang menetapi sasaran selari dengan agenda Bumiputera, seperti ditunjukkan dalam Rajah 21.

Rajah 21: Struktur Tadbir Urus Dikategorikan kepada 2 Platform : Platform Strategik dan Platform Operasi



Nota: Unit Pemeraksanaan Agenda Bumiputera (UPAB)

*tertakluk kepada perubahan



AHLI MKB

Ahli MKB

MKB akan melibatkan penyertaan Menteri Kabinet dan tokoh-tokoh Bumiputera daripada pelbagai sektor seperti keusahawanan, ekonomi dan pendidikan.

Ahli Jawatankuasa Pemandu MKB (JPMKB)

JPMKB ini melibatkan Ketua Setiausaha Kementerian berkaitan dan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) GLC dan GLIC.

Ahli Jawatankuasa Khas (JKHAS)

JKHAS akan melibatkan penyertaan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian berkaitan, KPE GLC dan KPE GLIC.

Ahli Jawatankuasa Kerja MKB (JKMKB)

JKMKB akan melibatkan penyertaan KPE Agensi dan institusi kewangan. Ia juga akan disertai Ketua Setiausaha Negeri Sabah dan Ketua Setiausaha Negeri Sarawak.

*tertakluk kepada perubahan



BERGERAK KE HADAPAN

TPB2030 adalah penzahiran komitmen berterusan Kerajaan untuk menyediakan tahap sosioekonomi yang seimbang, saksama dan terangkum; dengan agenda Bumiputera memainkan peranan terpenting. Walaupun RMKe-11 memberi tumpuan kepada pemerkasaan BEC dan peningkatan pemilikan kekayaan, masih banyak usaha perlu dilaksanakan untuk menggerakkan modal insan Bumiputera dan perusahaan ke arah sektor bernilai tambah tinggi. Kesan pertumbuhan pesat IR4.0 serta cabaran yang tercetus disebabkan pandemik COVID-19 mewujudkan petunjuk ketara tentang keperluan untuk TPB2030 dan bakat Bumiputera mengguna pakai pendekatan yang transformatif.

Agenda Bumiputera akan meneruskan usaha melonjakkan pertumbuhan dan kesetaraan ekonomi bagi menangani isu ketakseimbangan sosioekonomi yang menjejaskan Bumiputera. Bergerak ke hadapan, TPB2030 akan menerajui agenda Bumiputera, menyelaraskan aspirasi bersama RMKe-12. Bagi memperhebat status sosioekonomi Bumiputera, TPB2030 akan bergerak ke arah meningkatkan pendapatan penengah isi rumah Bumiputera dan pemilikan kekayaan bagi membolehkan Bumiputera terlibat secara proaktif menempuh dinamik ekonomi semasa. Langkah yang diambil akan memberi penekanan kepada menambah baik perkhidmatan penyampaian dan melengkapinya mekanisma pelaporan, pembangunan sumber manusia menerusi penambahbaikan kemampuan dan keupayaan serta penyuburan daya tahan perusahaan Bumiputera. Kekayaan Bumiputera akan dijana menerusi pemilikan aset bukan kewangan, serta pemilikan ekuiti korporat. Usaha ini akan berpaksikan pendekatan holistik bagi mencapai matlamat TPB2030 dengan menyelaraskan KEGA dengan PA yang dikenal pasti, seterusnya dengan BETA.

TPB2030 dibentuk ketika ekonomi global diuji oleh ketidakpastian yang tidak pernah wujud sebelum ini. Maka, program pembangunan dan inisiatifnya telah mempertimbangkan kebolehlenturan yang diperlukan supaya TPB2030 dapat terus berkhidmat dengan cekap kepada Bumiputera pada semua peringkat pendapatan walaupun berdepan dengan pelbagai halangan. Ia akan digerakkan ke arah pembinaan semula ekonomi menerusi RMKe-12 untuk pemulihan daripada pandemik dan menjadi sebuah negara yang lebih kukuh, seterusnya memacu pertumbuhan Bumiputera. Pada akhirnya, TPB2030 bermatlamat untuk membina semula ekonomi menerusi pemacuan pertumbuhan Bumiputera; dengan Bumiputera bebas daripada ketidakpastian dan menjadi sebuah masyarakat yang kukuh, berdaya saing dan pengusaha masa hadapan dalam kerangka kesejahteraan dan kebersamaan sebuah negara seperti diaspirasikan WKB2030.



Pertanian dan Komoditi



29
Program
Pembangunan

RM25.06
bilion
GOS 2030

11,156
Pekerjaan
Langsung

RM15.59
bilion
Jumlah
Pelaburan

01




Tema 1:
**MENGEMBANGKAN PRODUK
PERTANIAN BAHARU BER-
NILAI TAMBAH TINGGI**

Tema 2:
**MENAWAN PASARAN
PREMIUM**

Tema 3:
**MELINDUNGI JAMINAN
MAKANAN MALAYSIA**

Tema 4:
**MEMPERKUKUH DAN
MENYEPADUKAN RANTAIAN
NILAI PERTANIAN**

Tema 5:
**MEMANFAATKAN KOMODITI
BERNILAI TINGGI**



RINGKASAN EKSEKUTIF



Pertanian dan komoditi adalah sektor yang telah dikenal pasti sebagai Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030). Industri ini menjadi tulang belakang masyarakat moden hari ini kerana ia membekalkan barangan asas seperti tanaman, perikanan, ternakan, kenaf, serta komoditi utama dan mineral terma-

suk penggunaan tenaga kita. Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) telah mengangkat KEGA Pertanian dan Komoditi sebagai komponen penting dalam agenda Bumiputera. KEGA ini memainkan peranan penting untuk memacu kejayaan TPB2030, seiring dengan objektif yang ditetapkan oleh WKB2030 dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Melalui strategi yang dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Program Transformasi Negara (NTP), sektor pertanian Malaysia mencatat pertumbuhan yang konsisten dari tahun 2013 hingga tahun 2019. Dalam tempoh tersebut, sektor ini menyumbang RM102 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), dan menyumbang 7.4% kepada pendapatan Malaysia pada tahun 2020. Dalam tempoh yang sama, Malaysia juga berjaya memanfaatkan kelebihan daya saing di rantau ini sebagai pengeksport minyak utama. Walau bagaimanapun, pada tahun 2020, industri ini menghadapi cabaran yang belum pernah terjadi, apabila ekonomi dunia menyaksikan penurunan mendadak akibat impak COVID-19. Selain itu, trend yang muncul pada awal dekad ini - terutama dalam perubahan demografi, peningkatan penggerak kemampanan dan perubahan iklim, serta perkembangan teknologi termaju telah menuntut industri ini untuk memperkuat keupayaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan mampu menyesuaikan diri dengan pantas selaras dengan perubahan global agar ia kekal kompetitif.

Bagi menghadapi cabaran tersebut, TPB2030 telah mengenal pasti 29 program pembangunan dan tujuh (7) pemboleh daya di bawah KEGA Pertanian dan Komoditi; bersama 7 pemboleh daya yang telah digariskan menerusi lima (5) tema bagi KEGA ini.

Kejayaan pelaksanaan program pembangunan di bawah KEGA Pertanian dan Komoditi akan menyumbang RM25.06 bilion dalam Lebihan Kendalian Kasar (GOS) perusahaan Bumiputera dan menjana sekurang-kurangnya 11,156 pekerjaan langsung dalam sektor pertanian dan komoditi menjelang tahun 2030. KEGA ini juga dijangka memperoleh sebanyak jumlah pelaburan RM15.59 bilion pada tahun 2030 bagi merealisasikan sasaran dalam TPB2030.

Program pembangunan yang disenarai pendek akan dapat memacu kedudukan sosioekonomi Bumiputera, menggalakkan keusahawanan, dan menyediakan pembangunan keupayaan sekali gus peluang untuk penciptaan kekayaan kepada Bumiputera.



LATAR BELAKANG


Populasi dunia dijangka meningkat kepada 8.5 bilion⁰¹ penduduk menjelang tahun 2030. Peningkatan ini, secara semulajadi akan membawa kesan yang besar kepada industri pertanian dan komoditi. Sebagai industri yang membentuk tulang belakang masyarakat moden, perubahan jumlah penduduk dunia mengakibatkan perubahan yang signifikan terhadap permintaan kepada produk pertanian dan komoditi utama. Ini berlaku terutamanya dalam mineral kritikal yang memainkan peranan dalam memacu kemajuan teknologi tenaga bersih.⁰²


Sektor pertanian dan komoditi turut berperanan dalam pembangunan sosioekonomi Malaysia sebagai sebuah negara. Bermula sebagai negara dengan ekonomi berasaskan pertanian di bawah Rancangan Malaysia Pertama (RMKe-1), industri ini telah berkembang menjadi lebih inovatif dan berfokuskan rakyat seperti hari ini. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) memperkenalkan Dasar Komoditi Negara, Dasar Agromakanan Negara (NAP) serta merangkumkan pertanian, minyak sawit dan getah di dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi menyokong pertumbuhan bidang baharu dan inovasi dalam industri.

⁰¹ *Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO); Fitch Solutions Report*

⁰² *Agensi Tenaga Antarabangsa, 6 Mei 2020*


Rajah 1: Garis Masa Sektor Pertanian dan Komoditi






Hasilnya, sektor pertanian dan asas tani Malaysia menyaksikan pertumbuhan positif yang konsisten dari 2013 - 2019, menyumbang RM102 bilion kepada KDNK Malaysia pada tahun 2019. Pada tahun 2020, sektor ini menyumbang 7.4% atau RM99.4 bilion kepada pendapatan Malaysia.⁰³

Rajah 2:
Sumbangan Sektor Pertanian kepada KDNK Negara (2015 - 2020)
RM Bilion




Selama bertahun-tahun, Malaysia telah berjaya memanfaatkan kelebihan daya saing di seluruh rantau ini sebagai pengeksporth bersih minyak mentah, gas asli dan komoditi utama lain dengan pengalaman lebih daripada 40 tahun dalam industri minyak dan gas.


Rajah 3: Eksport Bersih Minyak Mentah⁰⁴ (1990 - 2017)
Tan



Eksport dan Import Produk Petroleum(1990-2017)
Liter



Eksport dan Import Gas Asli dan LNG (1990 - 2017)




Pertanian

Populasi dunia dijangka meningkat kepada 8.5 bilion penduduk menjelang tahun 2030. Pada tahun yang sama, jumlah permintaan produk pertanian dijangka akan meningkat kira-kira 60% daripada kadar semasa; daripada jumlah ini, 85% permintaan akan datang daripada negara-negara membangun di mana pertumbuhan penduduk dan pendapatan adalah tinggi.⁰⁵ Perubahan ini akan membawa kesan secara semula jadi yang besar terhadap permintaan produk pertanian yang mencerminkan trend masyarakat terkini.

Trend yang muncul telah mengubah cara makanan dinikmati di seluruh dunia - kecenderungan pengguna telah berkembang


dengan peningkatan permintaan kepada makanan berasaskan konsep daripada 'farm-to-table food' dengan mengambil kira kesinambungan sumber makanan dan juga kandungan nutrisi. Pembandaran yang pesat, pendapatan yang lebih tinggi dan perubahan gaya hidup juga menyebabkan peningkatan penggunaan daging di seluruh dunia termasuk Malaysia.

Rajah 4: Penduduk Dunia dan Penggunaan Makanan Global⁰⁶



Sektor pertanian memainkan peranan penting kepada ekonomi Malaysia, merangkumi 10.96% daripada jumlah pekerjaan di negara ini pada tahun 2019.⁰⁷ Seperti yang digambarkan sebelum ini, Kerajaan Malaysia kekal teguh dengan komitmen terhadap sektor pertanian. Menyedari akan keperluan jaminan makanan, Malaysia telah mempersiapkan siaga agensinya dengan sistem pengeluaran yang mantap untuk meningkatkan jaminan makanan melalui pengenalan NAP demi memenuhi permintaan dalam negara. Dari tahun 2009 sehingga tahun 2019, pengeluaran tanaman ruji Malaysia meningkat dengan stabil pada Kadar Pertumbuhan Tahunan Kompaun (CAGR) 1.4%. Pengeluaran ternakan dan daging juga meningkat pada CAGR yang serupa dalam tempoh yang sama.⁰⁸

Eksport dan Import Produk Petroleum (1990-2017)
RM Juta



Walaupun terdapat perkembangan positif, namun COVID-19 telah mengendalakan kemajuan yang sedang dicapai dalam sektor ini akibat gangguan bekalan dan kekurangan tenaga kerja yang dialami. Walau bagaimanapun, dengan iltizam dan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan hasil pertanian tempatan dan menambah baik keselamatan bekalan makanan, gangguan tersebut membawa peluang baharu kepada para usahawan tani di Malaysia untuk berkembang dan menjadi kompetitif dalam industri akibat keterdesakan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut.

⁰³ Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

⁰⁴ Analisis AB Consulting; MPRC; Suruhanjaya Tenaga; Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC)

⁰⁵ FAO; Fitch Solutions Report

⁰⁶ Ibid

⁰⁷ Bank Dunia

⁰⁸ DOSM; FAO

Komoditi


Ekonomi perlombongan Malaysia yang kebanyakannya terdiri daripada komoditi seperti minyak dan gas ini telah menghasilkan 6.8% atau RM92 bilion KDNK Malaysia pada tahun 2020. Ini sebahagian besarnya disumbang oleh kekayaan rizab sumber semula jadi negara - Malaysia berada di tangga ke-4 pemilikan rizab minyak terbesar dan tangga ke-6 pemilikan rizab gas asli terbesar di rantau Asia Pasifik. Selain itu, Malaysia juga kaya dengan sumber mineral semula jadi dengan rizab yang dianggarkan bernilai RM4.11 trilion.¹⁰

Industri perlombongan tidak terlepas daripada terkesan dengan pandemik COVID-19. Biarpun permintaan kepada mineral dan logam terjejas, kedudukan industri diseimbangkan dengan penawaran yang berkurangan. Sentimen pelabur terhadap projek baharu dalam industri perlombongan masih lemah akibat ketidakpastian yang tercetus oleh pandemik ini. Walaupun penerokaan untuk sektor minyak dan gas dijangka akan meningkat secara sederhana pada tahun 2021, penurunan hasil pengeluaran minyak mentah Malaysia pada tahun 2020 adalah petunjuk kepada keperluan untuk aliran penurunan struktural dalam industri pada tahun-tahun akan datang.¹¹

Harga logam dan mineral komoditi mengalami fasa turun-naik mengikut aliran pasaran yang berubah-ubah sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Sebagai contoh, pada tahun 2016-2017, nilai industri mencatatkan peningkatan harga akibat inflasi harga besi dan keluli; manakala aluminium mencatatkan kenaikan harga pada tahun 2017 dan tahun 2018, masing-masing sebanyak 23% dan 7% sehingga memberi kesan positif kepada industri. Namun, pada tahun 2020 ketika kebanyakan industri mengalami kesan negatif akibat pandemik COVID-19, harga emas yang tinggi dan pemulihan yang lebih baik telah menghasilkan aliran tunai positif untuk industri perlombongan di saat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh Kerajaan di seluruh negara bagi tujuan mengekang penularan COVID-19. Ini terbukti melalui pertumbuhan nilai CAGR dengan kadar yang sihat sebanyak 3.7% untuk sektor perlombongan dan penggalan untuk tempoh 2015 - 2020.¹²

Mengambil kira kepentingan tenaga mampan dan boleh diperbaharui yang semakin berkembang, industri perlombongan Malaysia mampu memainkan peranan yang lebih besar dalam memetakan hala tuju ke arah Malaysia yang mampan. Ini memandangkan peningkatan trend penggunaan hasil perlombongan dalam pelbagai produk dan peralatan cekap tenaga serta tenaga boleh diperbaharui seperti kuasa angin dan teknologi solar fotovoltaik sebaik sahaja peraturan yang jelas mengenai elemen nadir bumi (REE) dilaksanakan.

Rajah 6: CAGR Komoditi Malaysia (2015-2020)(dengan dan tanpa Minyak Mentah & Gas Asli)¹³



Dalam menggariskan visi Malaysia, WKB2030 juga mengiktiraf peri pentingnya kelestarian alam sekitar dalam usaha menerajui Malaysia ke arah sektor pertanian, perladangan dan komoditi yang lebih mampan, sejajar dengan komitmen Malaysia terhadap Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG).

Ia membuka laluan penting dalam memastikan sektor pertanian dan komoditi Malaysia kekal berdaya saing dan sentiasa dilindungi, dengan menilai kepada impak pertambahan penduduk yang akan meningkatkan permintaan terhadap

sumber dan pengeluaran sisa. TPB2030 mengukuhkan lagi asas yang dibentangkan oleh WKB2030 dan RMKe-12 untuk memacu sasaran bagi memperkasa taraf sosioekonomi Bumiputera.


KES UNTUK INTERVENSI

01 Pertanian

Malaysia kini berada di kedudukan ke-4 dari segi penggunaan tanah untuk pertanian dalam kalangan negara Asia Tenggara dengan ukuran tanaman yang luas. Walau bagaimanapun, nisbah tanah suai tani negara adalah yang terendah di rantau ini berbanding kelebihan

yang dimiliki. Walaupun penghasilan tanaman di Malaysia adalah antara yang tertinggi di rantau Asia Tenggara, nilai tanaman Malaysia lebih rendah berbanding negara seperti Filipina yang menghasilkan jumlah tanaman yang lebih rendah. Dari segi hasil pertanian pula, Malaysia berada di kedudukan yang lebih rendah berbanding negara jiran Indonesia dan Thailand walaupun mempunyai profil pertanian yang serupa.¹⁴

Rajah 7: Pengeluaran Tanaman (2018)
'000 tan



⁰⁹ DOSM

¹⁰ Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), 2019

¹¹ DOSM

¹² MarketLine Metals & Mining Industry Profile 2021

¹³ DOSM; MarketLine Metals & Mining Industry Profile 2021

¹⁴ FAO

Kawasan Pertanian '000 ha	Tanah Suai Tani '000 ha	Nilai Tanaman ASD Juta	Purata Hasil '000 hg/ha
62,300	26,300	125,261	10,945
22,110	16,810	29,146	8,639
8,571	826	24,769	6,539
12,169	6,988	56,920	5,069
12,440	5,590	43,997	6,163
12,889	11,080	N/A	3,258
5,566	3,911	11,724	2,669
2,394	1,550	6,127	5,098
380	155	484	1,509
1	0.6	434	1,831
14	5	238	1,768

Keseimbangan perdagangan pertanian Malaysia juga menunjukkan prestasi buruk dengan CAGR pada -3.87% dari tahun 2009 hingga tahun 2019 seperti yang digambarkan dalam Rajah 8. Ia mengalami penurunan yang ketara dari tahun 2011 hingga tahun 2014 akibat krisis kewangan global yang telah memberi kesan secara langsung kepada sektor pertanian negara. Industri ini masih belum pulih sepenuhnya semenjak itu.¹⁵


Ini memberi gambaran jelas bahawa Malaysia masih belum mencapai potensinya dalam

sektor pertanian. TPB2030 bermatlamat untuk menangani masalah ini dengan mewujudkan industri yang lebih inovatif dan berdaya tahan khususnya untuk kemajuan masyarakat Bumiputera dan Malaysia sebagai sebuah negara.

Keselamatan Makanan dan Keupayaan Kendiri

Malaysia adalah pengimport makanan utama, dan hanya menghasilkan 70% produk di dalam negara, manakala selebihnya diimport daripada

Rajah 8: Imbangan Perdagangan Sektor Pertanian (2009 -2019)
RM Bilion



- Imbangan perdagangan Malaysia menurun dengan kadar signifikan bagi tempoh 2011 ke 2014 berikutan krisis global yang memberi impak langsung kepada sektor pertanian
- Sepanjang tempoh 10 tahun, imbangan sektor pertanian menunjukkan prestasi buruk dengan penurunan pada tahun 2018, berbanding tahun 2011.

seluruh dunia. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), defisit makanan negara telah meningkat daripada RM16.76 bilion pada tahun 2013 kepada RM19 bilion pada tahun 2018. Sebagai pengimport makanan utama, Malaysia mengalami ketidakstabilan harga akibat kesan penawaran dan permintaan pasaran serta perubahan kadar pertukaran wang asing, yang mempengaruhi Indeks Harga Pengguna (CPI).

Walaupun Malaysia telah mencapai kemampuan sendiri dalam beberapa produk, namun nilai Nisbah Keupayaan Diri (SSR) sangat rendah bagi beberapa kategori makanan seperti daging lembu dan kambing, dengan 28% daging lembu dan 11% daging kambing bagi tahun 2018.¹⁶ Ini menggambarkan kebergantungan kepada daging import untuk memenuhi permintaan penduduk. Situasi ini berlaku kerana Malaysia merupakan pengguna daging lembu per kapita tertinggi di Asia Tenggara. Pengeluaran ikan dan makanan laut juga menurun pada CAGR 1.0% dari tahun 2009 hingga tahun 2019, sehingga meningkatkan

nisbah kebergantungan import negara untuk memenuhi permintaan penduduk. Peningkatan permintaan untuk daging dan ikan juga menyebabkan peningkatan import makanan ternakan bagi menyokong peningkatan pengeluaran ternakan serta kos pengeluaran petani.¹⁷

Pelbagai dasar dan inisiatif diperkenalkan oleh Kerajaan untuk menangani isu-isu berkaitan keselamatan makanan serta defisit perdagangan makanan, yang telah mencapai kejayaan relatif. Dengan peningkatan populasi serta tahap penggunaan dan kesedaran pengguna, pasaran agromakanan dijangka berkembang sejajar dengan pembangunan negara, menuntut keperluan Kerajaan untuk memperhebat usaha meningkatkan pengeluaran tempatan.

¹⁵ DOSM


¹⁶ *Ibid*

¹⁷ DOSM; FAO

Rajah 9

Pengeluaran Tanaman dan Tanaman Ruji (2009-2019)


'000 Tan



% Tanaman Ruji kepada Jumlah Tanaman

Ternakan dan Pengeluaran Daging (2009-2019)


'000 Tan



% Daging kepada Jumlah Pengeluaran

Pengeluaran Ikan dan Hasil Laut (2009-2019)

'000 Tan




Kadar Kebergantungan Import (%)

SSR Ikan dan Hasil Laut (%)


COVID-19

Tahun 2020 menyaksikan ekonomi global terkesan oleh wabak COVID-19 seperti yang digambarkan dalam Rajah 10. Kegiatan ekonomi global runtuh; Ekonomi Asia Timur dan Pasifik turut terkesan, menyebabkan penurunan harga produk pertanian yang mendadak.

Rajah 10: Kesan COVID-19 terhadap Ekonomi Global¹⁸ (2016 - 2020)



Keadaan Ekonomi di Asia Timur dan Pasifik (EAP) juga Bertambah Buruk dan Menjunam



Seperti negara lain, Malaysia tidak terlepas daripada implikasi negatif pandemik yang belum pernah terjadi sebelum ini. COVID-19 memberi kesan buruk terhadap sistem pengeluaran makanan sektor pertanian

dan rantaian bekalan makanan berikutan langkah-langkah pencegahan kesihatan perlu dilakukan dalam usaha untuk membendung virus tersebut. Kekurangan tenaga kerja dan sekatan pengangkutan dan pergerakan masyarakat mengakibatkan cabaran logistik yang melambatkan perkhidmatan pertanian. Kesan COVID-19 juga menyebabkan peningkatan pengangguran dan/atau kehilangan pendapatan bagi sebahagian besar rakyat Malaysia. Ia turut menyebabkan isi rumah terpaksa mengurangkan perbelanjaan makanan dan akibatnya, pengurangan permintaan untuk produk makanan sehingga mempengaruhi pengeluaran dan bekalan makanan negara.


Walaupun COVID-19 telah memaksa dunia untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan dalam era pandemik, ia juga membuka peluang untuk mengatasi sifat rantaian nilai industri pertanian yang tidak bersepadu bagi mendorong peningkatan dalam tadbir urus, pelaksanaan, dan perumusan dasar pertanian negara. Pelaksanaan TPB2030 Malaysia adalah tepat pada masanya untuk menjalankan program-program yang akan membantu memperkukuh status sosioekonomi yang seterusnya akan memberi manfaat kepada Malaysia secara keseluruhan.

Kekurangan Pekerja Tempatan


Kebergantungan yang tinggi kepada pekerja asing dalam sektor pertanian & perhutanan telah menyebabkan kemasukan pekerja asing yang lebih tinggi dan penurunan keupayaan penanaman pertanian dalam kalangan pekerja tempatan. Ini telah menyebabkan gangguan dalam pasaran buruh dan pengurangan gaji penduduk tempatan kerana pengambilan buruh asing sebagai pekerja adalah antara paling efektif dari segi kos dalam sektor pertanian. Situasi penurunan penyertaan dalam sektor pertanian adalah tidak menghairankan. Walaupun gaji pekerja dalam sektor pertanian mencatatkan kenaikan daripada RM1,392.00 kepada RM1,531.00 (untuk keseluruhan rakyat Malaysia); dan kenaikan daripada RM1,388.38 hingga RM1,514.07 untuk Bumiputera secara khusus, antara tahun 2018 dan tahun 2019, namun upah yang ditawarkan adalah tidak kompetitif.¹⁹ Ini menyebabkan produktiviti pekerja dalam sektor pertanian adalah amat

rendah iaitu kira-kira 60%.²⁰ Beban cabaran ditambah apabila perusahaan Bumiputera di dalam sektor pertanian mencatatkan penurunan, daripada 3,260 pada tahun 2010 kepada 3,027 pada tahun 2015.²¹

Rajah 11: Pendapatan Penengah Negara Mengikut Sektor (2019)
RM



Rajah 12: Bilangan Perusahaan Bumiputera (2010-2015)



Antara tempoh 2012 dan 2020, bilangan Bumiputera yang menganggur telah meningkat pada kadar CAGR yang membimbangkan iaitu 5.8%²² dan ini diburukkan lagi oleh pandemik COVID-19. Terdapat keperluan untuk mengatasi masalah ini dan sektor pertanian dapat memainkan peranan penting dalam menyediakan peluang pekerjaan bagi Bumiputera kerana keupayaan industri ini untuk menambah baik kedudukannya agar terus relevan dan berdaya saing.

Kekurangan Inovasi dan Pertanian Skala Komersial

Sektor pertanian di Malaysia terus dicirikan sebagai pelaburan rendah dan berisiko tinggi, yang mempengaruhi keseluruhan pengeluaran tanaman. Daripada akses kepada kewangan sehingga akses kepada pasaran, terdapat keperluan untuk memberi lebih banyak sokongan kepada pemain industri pertanian agar mereka dapat memenuhi potensi industri. Pada masa ini, sokongan terhadap inovasi dalam industri pertanian masih kurang. Pemain Bumiputera yang terlibat dalam sektor R&D industri ini sangat rendah akibat pembiayaan dan sokongan yang terhad untuk menjalankan R&D untuk inovasi dan membeli peralatan. Kekurangan R&D dan kemampuan berinovasi yang terhad telah menyebabkan kebergantungan kepada industri minyak sawit yang menyumbang lebih daripada 90% produk pertanian Malaysia.²³ Oleh itu, Malaysia tidak mempunyai keupayaan untuk menanam tanaman bernilai tinggi yang lain.

Sektor pertanian juga didominasi oleh pertanian sara hidup, dengan hanya sebahagian petani yang mampu menghasilkan tanaman secara komersial. Kekurangan pertanian berskala komersial adalah disebabkan oleh kurangnya kemampuan dan pengetahuan teknikal bagi penggiat industri untuk menceburkan diri dalam pertanian komersial. Kekurangan akses kepada sokongan kewangan menghalang para petani untuk mengembangkan projek mereka. Terdapat keperluan untuk memberikan lebih banyak bantuan di sepanjang rantai nilai pertanian bagi membolehkan Malaysia mencapai potensi penuh dalam industri ini.

¹⁸ Bank Dunia

¹⁹ DOSM, FAO, Laporan TERAJU

²⁰ Laporan TERAJU; Dasar Agromakanan Negara

²¹ DOSM

²² Ibid

²³ FAO

Perubahan Iklim

Seperti negara lain, Malaysia juga tidak terlepas daripada kesan perubahan iklim. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia mengalami musim kering dan taburan hujan yang melampau dan jika isu alam sekitar tidak ditangani, Malaysia diunjurkan mengalami peningkatan suhu sehingga 1.5°C menjelang 2050.²⁴ Desakan perubahan iklim dan kekurangan sumber juga menimbulkan cabaran kepada mereka yang berada di dalam bidang pertanian untuk mengoptimumkan penggunaan tanah bagi perladangan tanpa membahayakan biodiversiti dan alam sekitarnya; dan situasi ini lebih mencabar dengan peningkatan kekerapan bencana alam yang menjejaskan tanah pertanian. Peningkatan jumlah Gerakan menyokong kemampuan oleh Kesatuan Eropah juga telah mengalihkan fokus pengguna ke arah produk mampan, yang mengakibatkan gangguan kepada minyak sawit dan komoditi lain.²⁵

Namun, usaha ke arah masa depan yang lebih mampan dapat membantu para pemain industri tempatan untuk mengoptimumkan penggunaan tanah mereka dan mempercepat penerimgunaan mekanisme yang mendorong keberhasilan dan produktiviti yang lebih tinggi. Peningkatan kecekapan dan pendapatan ini sejajar dengan agenda Kerajaan untuk meningkatkan status sosioekonomi Bumiputera. Usaha menghidupkan semula industri dengan pematuan piawaian kemampuan dan pengiktirafan yang ditetapkan oleh Kerajaan juga akan mewujudkan pasaran eksport yang lebih besar untuk pemain industri tempatan.


02

Komoditi

Industri perlombongan Asia dijangka turun sebanyak 0.8% dalam dekad akan datang (2020-2030); walau bagaimanapun, industri perlombongan Malaysia diramalkan akan mengalami pertumbuhan sederhana selepas tahun 2020 dengan CAGR 0.2% (2020-2030).²⁶


Malaysia mempunyai potensi besar dalam industri ini kerana kelebihan sumber mineral

Rajah 13: Nilai Industri Logam & Perlombongan Malaysia (2020 - 2030)
ASD Billion



semula jadi dengan nilai anggaran rizab pada RM4.11 trilion masih belum diteroka sepenuhnya. Daripada jumlah ini, unsur nadir bumi (REE) sahaja adalah bernilai sebanyak RM741 bilion.²⁶ Kemajuan sektor ini dengan usaha menangani isu-isu berkaitan dapat membantu mengatasi masalah pengangguran Bumiputera berdasarkan nilai gaji penengah yang tinggi dan berpotensi memberi lebih banyak pekerjaan dalam industri yang kurang diberi keutamaan.

Rajah 14: Pendapatan Penengah Malaysia mengikut Sektor (2019)
RM



Halangan Masuk ke Pasaran untuk Pemain Tempatan

Pasaran perlombongan komoditi Malaysia dibentuk oleh syarikat besar yang menerajui keseluruhan industri. Gabungan industri ini menimbulkan cabaran kepada pemain kecil tempatan untuk menceburi pasaran yang telah mempunyai halangan sedia ada melibatkan kos permulaan yang besar. Di samping itu, pengusaha tempatan juga menghadapi persaingan sengit daripada pemain asing kerana Malaysia mempunyai syarat peraturan yang lebih fleksibel terhadap pemain asing dalam industri perlombongan di samping kebenaran untuk mengawal sehingga 100% ekuiti syarikat. Obligasi penyahlaburan juga lebih longgar berbanding dengan Indonesia.²⁸

Penglibatan pengusaha tempatan penting dalam industri ini agar lebih ramai pemain

Bumiputera mendapat manfaat daripada usaha REE yang berpotensi tinggi. Malaysia berkeupayaan menarik pelaburan sehingga RM100 bilion di dalam sektor REE dalam tempoh 10 tahun akan datang setelah industri ini dikawal selia. Tambahan pula, penemuan rizab nadir bumi di Kedah baru-baru ini akan dapat meningkatkan jumlah rizab negara.

Akses Terhad kepada Dana

Pada masa ini, terdapat kekurangan pemain Bumiputera di aliran pertengahan akibat modal permulaan yang besar diperlukan untuk menceburi bidang perlombongan aliran ini. Di samping itu, dana sedia ada juga terhad untuk membantu pengusaha Bumiputera menembusi industri. Berdasarkan kajian kebolehlaksanaan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), modal permulaan sebanyak ASD300 juta diperlukan untuk pengusaha aliran pertengahan bagi memulakan operasi. Hanya segelintir pemain Bumiputera berjaya menembusi industri ini.

Untuk menggalakkan lebih banyak pengusaha tempatan ke dalam industri perlombongan, sistem sokongan yang sesuai di sepanjang rantaian nilai industri ini sangat diperlukan terutamanya dari segi kewangan.

Perlombongan dan Penggalian yang Mampan

Oleh kerana perlombongan dan kuari nadir bumi boleh memberi kesan negatif kepada alam sekitar, kegiatan ini dapat mengundang

²⁴ Haliza Abdul Rahman, 'Global Climate Change and Its Effects on Human Habitat and Environment in Malaysia', *Malaysian Journal of Environmental Management* 10(2) 17-32, 2019

²⁵ Gernot Klepper, 'Winners and losers of the proposed ban on palm oil', *International Sustainability & Carbon Certification*, 8 Julai 2018

²⁶ Fitch Solution Mining Report 2021

²⁷ KeTSA 2019

²⁸ Laporan TERAJU; Akademi Sains Malaysia

kritikan daripada masyarakat. Industri ini juga menghadapi kekurangan tanah kerana kebanyakan kawasan penggalian terletak di kawasan hutan simpan. Ini bermakna syarat yang ketat diperlukan untuk memulakan sebarang aktiviti di kawasan tersebut. Walaupun Jabatan Perhutanan dan Kerajaan Negeri semakin tegas dalam kelulusan di dalam tanah hutan simpan, namun beberapa aktiviti perlombongan masih berlaku tanpa memenuhi syarat yang betul akibat kekurangan penguatkuasaan yang sepatutnya.

Oleh itu, peraturan yang jelas dan penguatkuasaan peraturan sedia ada yang lebih ketat terhadap aktiviti perlombongan dan kuari yang mampan diperlukan untuk memastikan operasi selamat dan berjaya dengan kesan minimum terhadap alam sekitar. Perlombongan nadir bumi hanya perlu dilakukan di kawasan terpilih kerana ia boleh membawa kepada kesan yang memudaratkan. Sebagai contoh, jika perlombongan dijalankan di perairan empangan, ia akan menyebabkan mendapan dan akan mengurangkan kapasiti penyimpanan serta jangka hayat empangan.

Keupayaan R&D yang Rendah

Oleh kerana industri ini dimonopoli oleh syarikat asing dan penglibatan Malaysia dalam industri ini masih di tahap awal, keupayaan R&D dalam industri adalah rendah sekali gus mengehadkan kemajuan teknologi dan inovasi produk yang berpotensi. Untuk menggalakkan kemajuan dan meningkatkan rantai nilai, lebih banyak sokongan terhadap aktiviti penyelidikan dan pembangunan diperlukan untuk membangunkan teknologi dan keupayaan penyelidikan baharu untuk industri, termasuk dari segi tenaga kerja.

bawah WKB2030 dan RMKe-12, KEGA ini dirancang dengan visi untuk meningkatkan status sosioekonomi Bumiputera dengan mencapai sasaran yang ditentukan pada tahun 2030.

Kejayaan program pembangunan di bawah KEGA Pertanian dan Komoditi akan menyumbang RM25.06 bilion GOS perusahaan Bumiputera pada tahun 2030 dan menjana sekurang-kurangnya 11,156 pekerjaan langsung. KEGA ini juga dijangka akan memperoleh pelaburan berjumlah RM15.59 bilion pada tahun 2030.

VISI

Sektor pertanian dan komoditi telah dikenal pasti sebagai salah satu KEGA di bawah TPB2030 untuk memacu agenda Bumiputera di Malaysia dalam tempoh 10 tahun akan datang. Sejajar dengan objektif yang ditetapkan di





“

Kejayaan pelaksanaan program pembangunan di bawah KEGA Pertanian dan Komoditi akan menyumbang kepada GOS bernilai RM25.06 bilion pada tahun 2030, dan mencipta 11,156 pekerjaan langsung kepada sektor ini. ”



PROGRAM PEMBANGUNAN

KEGA Pertanian dan Komoditi, telah mengenal pasti 29 program pembangunan yang akan mendorong aspirasi Bumiputera. Berikut adalah program pembangunan yang diketengahkan untuk KEGA Pertanian dan Komoditi yang akan dijalankan oleh pemilik program pembangunan Bumiputera yang dikenal pasti dengan kerjasama sektor awam berdasarkan 5 tema.

Tema 1:

MENGEMBANGKAN PRODUK PERTANIAN BAHARU BERNILAI TAMBAH TINGGI

Dengan kedudukan di garisan khatulistiwa, Malaysia dilimpahi dengan sumber biologi yang sangat kaya dan pelbagai. Malaysia adalah salah satu negara 12 mega diversiti yang mempunyai lebih daripada 170,000 spesies flora dan fauna atau sekitar 16% spesies yang diklasifikasikan di dunia.²⁹ Sumber semula jadi negara adalah tidak ternilai malah memainkan peranan penting dalam memastikan jaminan makanan negara. Negara ini merupakan rumah bagi salah satu hutan hujan tertua di dunia, dan ia juga menjadi tuan rumah tanaman makanan spesies unik dan liar yang dapat digunakan sebagai sumber tanaman industri baharu.

Terdapat peningkatan kajian terhadap penyelidikan tumbuhan ubatan yang telah meneroka banyak spesies tumbuhan yang memiliki sifat perubatan dan antioksidan. Kepelbagaian hutan hujan tropika ini menyediakan keadaan yang ideal bagi flora untuk mengembangkan pelbagai bahan kimia sebagai bentuk agen pertahanan terhadap perosak, penyakit, dan pemangsa secara semula jadi. Tumbuhan ini berfungsi sebagai sumber ubat-ubatan dan bahan kimia yang sangat baik yang dapat digunakan oleh penyelidik untuk merancang dan mensintesis ubat-ubatan baharu.

Walaupun sebahagian besar penyelidikan tanaman perubatan di Malaysia telah dilakukan oleh para penyelidik daripada universiti

²⁹ KeTSA, 'National Strategies and Action Plans on Agricultural Biodiversity Conservation and Sustainable Utilisation 2016-2025', 2016

dan institusi penyelidikan yang dibiayai oleh Kerajaan, terdapat peningkatan minat daripada industri dan syarikat multinasional dalam pengkomersialan “fitokimia” sebagai ubat dan makanan tambahan. Ini memberi peluang kepada pengusaha pertanian Bumiputera untuk memanfaatkan pengeluaran produk pertanian bernilai tambah tinggi.

Program pembangunan dan pemboleh daya yang dikenal pasti di bawah tema ini adalah:

Program Pembangunan
#1
Membangunkan Ubat-Ubatan Botanik dan Produk Herba Bernilai Tinggi

Program Pembangunan
#2
Menubuhkan Sebuah Lembah Minyak Pati

Program Pembangunan
#3
Inisiatif Pemodenan Fiber Kenaf

Pemboleh Daya
#1
Kerjasama dengan Institusi Penyelidikan

Pemboleh Daya
#2
Penciptaan Solusi untuk Produk Herba

Tema 2: **MENAWAN PASARAN PREMIUM**

Populasi yang semakin meningkat, ditambah pula dengan peningkatan pendapatan, telah menyumbang kepada trend penggunaan yang biasanya dikaitkan dengan permintaan yang

lebih tinggi untuk produk premium. Golongan yang mempunyai tahap kuasa beli baharu ini kini mampu membeli barangan sebelum ini tidak mampu dimiliki. Oleh kerana makanan adalah salah satu kategori perbelanjaan terbesar daripada jumlah mata pencarian, sektor ini adalah merupakan antara penerima manfaat terbesar kuasa beli yang semakin meningkat. Kategori makanan premium seperti ikan bernilai tinggi, udang, sotong, dan udang galah adalah hidangan untuk masyarakat mewah di seluruh dunia dan terus mendapat permintaan walaupun semasa pandemik COVID-19.

Pada masa yang sama, peningkatan keyakinan pengguna juga memacu gaya perbelanjaan baharu seperti pemberian hadiah bunga yang telah menjadikan permintaan kepada industri bunga semakin meningkat di Malaysia. Dengan kehadiran dan penerimgunaan platform digital dalam talian, perkhidmatan seperti penjualan bunga mendapat tempat dalam kalangan pengguna Malaysia. Ini memberikan peluang kepada perniagaan Bumiputera untuk memanfaatkan peluang selaras dengan aspirasi TPB2030.

Program pembangunan dan pemboleh daya yang dikenal pasti di bawah tema ini adalah:

Program Pembangunan
#4
Menubuhkan Sebuah Pusat Florikultur dan Hortikultur

Program Pembangunan
#5
Membina Taman-Taman Akuakultur

Program Pembangunan
#6
Membina Kilang Tanaman Skala Besar untuk Tanaman Nilai Tinggi

Program Pembangunan
#7
Membangunkan Industri Benih Bunga Bermusim Malaysia

Program
Pembangunan

#8

**Memperhebat Perikanan dan
Akuakultur Bumiputera**Pemboleh
Daya

#3

**Menerima Pakai Amalan
Terbaik****Tema 3:****MELINDUNGI
JAMINAN MAKANAN
MALAYSIA**

Berdasarkan apa jua piawaian, sektor makanan hari ini adalah lebih terjamin berbanding 50 tahun yang lalu. Pada masa ini, semua kategori bekalan makanan tersedia dalam jumlah yang cukup untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan. Ini merupakan hasil daripada penekanan yang diberikan kepada keselamatan makanan sebagai dasar nasional utama negara dan dalam program intervensi Kerajaan di dalam pelbagai Rancangan Malaysia.

Unik berbanding sektor lain, Malaysia adalah pengimport bersih makanan utama, dengan penghasilan kira-kira 70% produk makanan sendiri, sementara bakinya diimport daripada seluruh dunia. Laporan menunjukkan bahawa defisit perdagangan bahan makanan meningkat setiap tahun, daripada RM16.76 bilion pada tahun 2013 ke RM17.5 bilion pada tahun 2019,³⁰ dan dijangka meningkat lebih tinggi dalam masa terdekat. Ini menimbulkan keperluan untuk mengukuhkan jaminan makanan negara kerana kemampuan yang rendah dan kebergantungan yang tinggi terhadap import. Ia mendedahkan pengguna kepada risiko turun naik harga yang drastik akibat perubahan bekalan dan permintaan serta pertukaran asing. Jaminan makanan menjadi lebih penting dalam pandemik COVID-19 apabila aktiviti perdagangan terganggu akibat perintah kawalan pergerakan di seluruh dunia.

Dengan pendekatan yang tepat, jalinan kerjasama menang-menang untuk menyelesaikan kemandirian makanan akan dapat dicapai antara Kerajaan dan usahawan tani serta petani Bumiputera.

Program pembangunan dan pemboleh daya yang dikenal pasti di bawah tema ini ialah:

Program
Pembangunan

#9

**Menubuhkan Pusat
Kecemerlangan Kebangsaan
Ternakan Lembu**Program
Pembangunan

#10

**Menubuhkan Pusat
Kecemerlangan Kebangsaan
Akuaponik**Program
Pembangunan

#11

**Menubuhkan Syarikat Biji
Benih Bumiputera**Pemboleh
Daya

#4

**Membangunkan Usahawan
Tani Generasi Baharu**Pemboleh
Daya

#5

**Menggerakkan Model Ladang
yang Berjaya**

³⁰ Rozhan Abu Dardak, 'Addressing Food Security in Challenging Times', FFTC Agricultural Policy Platform, 2020; DOSM

Tema 4:

MEMPERKUKUH DAN MENYEPADUKAN RANTAIAN NILAI PERTANIAN

Secara tradisinya, rantaian nilai pertanian dianggap tidak bersepadu; dengan pemisahan aktiviti yang jelas antara perusahaan hulu dan hilir. Namun selama bertahun-tahun, perusahaan dalam sektor ini telah berkembang dalam rantaian nilai untuk merangkumi aktiviti daripada pertanian, pemprosesan, pembungkusan, pengedaran sehingga penjualan. Banyak syarikat berteknologi tinggi telah menubuhkan pusat R&D untuk menghasilkan produk dengan hasil yang tinggi, berkualiti dan berdaya tahan. Syarikat-syarikat besar, seperti Cargill (AS) dan Sime Darby (Malaysia), memperoleh nilai sinergi melalui penggabungan pelbagai jenis pertanian di sepanjang rantaian nilai, menghasilkan margin keuntungan yang lebih tinggi. Di samping itu, mereka turut melabur dalam teknologi pertanian pintar, kilang pembuatan automatik, dan platform e-Dagang untuk meningkatkan produktiviti dan menghasilkan pulangan yang lebih tinggi.

Sebaliknya, petani tempatan yang terdiri daripada pekebun kecil, tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk melabur dalam rantaian nilai termasuk kilang memproses dan mengendalikan rangkaian penjualan dan pengedaran. Tanpa intervensi Kerajaan, petani tempatan yang kebanyakannya Bumiputera, akan terjebak dalam aktiviti nilai tambah rendah dan tidak berkemampuan untuk memanfaatkan model perniagaan bersepadu.

Program pembangunan dan pemboleh daya yang dikenal pasti di bawah tema ini adalah:

Program Pembangunan

#12

Membangunkan Rantaian Nilai Sistem Platform Pertanian

Program Pembangunan

#13

Menubuhkan Pusat Rujukan Kecemerlangan Produk Hutan

Pemboleh Daya

#6

Menerima Pakai Teknologi dan Kesedaran

Tema 5:

MEMANFAATKAN KOMODITI BERNILAI TINGGI

Sektor pertanian komoditi kekal sebagai penjana pertumbuhan ekonomi ketiga Malaysia hasil daripada komitmen Kerajaan terhadap sektor selama ini. Sektor pertanian komoditi menyumbang RM85.8 bilion kepada KDNK Malaysia pada tahun 2019.³¹ Kelapa sawit merupakan penyumbang utama kepada nilai tambah sektor pertanian pada 37.7%,³² dengan getah dan kayu sebagai penyumbang utama lain merangkumi 65% daripada sumbangan sektor itu kepada KDNK Malaysia.³³ Memanfaatkan biodiversiti Malaysia, TPB2030 telah mengenal pasti program-program pembangunan yang melibatkan komoditi bernilai tinggi untuk memacu agenda Bumiputera.

Malaysia menerapkan ekonomi terbuka, dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan penting dalam pembangunan komoditi bernilai tinggi dan asas negara. Contohnya, minyak sawit diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan getah ditadbir oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM). Ia membolehkan Kerajaan mengawal pengeluaran dan jaminan makanan negara serta membangunkan inisiatif Bumiputera dalam dasar dan inisiatif institusi ini.

Program pembangunan dan pemboleh daya yang dikenal pasti di bawah tema ini adalah:



Program
Pembangunan

#14

**Menubuhkan Syarikat Unsur
Nadir Bumi (REE) Bumiputera**

Program
Pembangunan

#15

**Meningkatkan Kemampuan
Penanaman Lada Hitam**

Pemboleh
Daya

#7

**Tindakan Afirmatif dan
Penyelarasan Kukuh Oleh
Kerajaan**

³¹ *AgriCommodity Pocket Stats 2019, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi*

³² *DOSM*

³³ *Rozhan Abu Dardak, 'Addressing Food Security in Challenging Times', FFTC Agricultural Policy Platform, 2020*

Tema 1: MENGEMBANGKAN PRODUK PERTANIAN BAHARU BERNILAI TAMBAH TINGGI

Program Pembangunan
#1
Membangunkan Ubat - Ubatan Botani dan Produk Herba Bernilai Tinggi


Rasional

Dalam dekad yang akan datang, Asia dijangka mempunyai penduduk tertua di dunia. Di samping itu, Malaysia mempunyai kadar obesiti tertinggi di Asia dengan jumlah 44% orang dewasa yang memiliki berat badan berlebihan. Ini meningkatkan permintaan terhadap produk kesihatan dan mencipta peluang pasaran dalam ubat-ubatan botani dan produk herba bernilai tinggi. Penggabungan perubatan herba dan ubat-ubatan botani melalui sistem penjagaan kesihatan akan membantu mengurangkan tekanan sistem penjagaan kesihatan sambil membantu pertumbuhan ekonomi Bumiputera. Pasaran ekstrak herba global diunjurkan mencapai nilai RM517 bilion pada tahun 2028 dengan RM163 bilion sumbangan daripada Asia Pasifik. Sementara itu, pasaran kanabis perubatan global dijangka melebihi ASD55 bilion pada tahun 2024. Malaysia juga berada dalam kedudukan yang

Rajah 15: Unjuran Pasaran Ekstrak Herba Global (2017-2028)
RM Bilion

Asia Pasifik menerajui pertumbuhan rantau dengan potensi perolehan tertinggi industri dengan 6.9% CAGR

- Amerika Utara
- Asia Pasifik
- Eropah
- Lain-lain



baik untuk memanfaatkan pasaran ini kerana rantau Asia Pasifik mempunyai potensi pendapatan tertinggi untuk industri ekstrak herba global dengan CAGR 6.9% (2017 - 2028) dan CAGR global perubatan kanabis sebanyak 36% (2017 - 2024).³⁴

Bahan-bahan bernilai tinggi seperti Kacip Fatimah, Misai Kucing, Hempedu Bumi dan perubatan kanabis telah dikenal pasti sebagai bahan herba mentah tempatan yang dapat memenuhi permintaan unik di dalam dan juga di luar negara. Kedudukan di lokasi strategik di dalam kekayaan hutan hujan dan biodiversiti juga bermakna Malaysia mempunyai potensi yang belum diterokai.

Langkah Pelaksanaan

Untuk memanfaatkan kelebihan daya saing unik Malaysia, Kerajaan akan memberikan bantuan untuk mengembangkan perniagaan Bumiputera sebagai pengeluar dan pengeksport ubat-ubatan botani dan ramuan herba bernilai tinggi global. TPB2030 berhasrat untuk meletakkan Malaysia sebagai hab perkhidmatan ubat-ubatan botani profesional melalui pelaksanaan program pembangunan ini.

Program pembangunan ini akan meningkatkan skala perladangan untuk Kacip Fatimah, Tongkat Ali, Pegaga, Hempedu Bumi dan Misai Kucing, serta membangunkan kemudahan R&D, Kemudahan Amalan Pengilangan Baik (GMP) dan ujian klinikal, untuk mempercepat pengkomersialan dalam pasaran eksport. Syarikat Bumiputera yang menerajui inisiatif awam-swasta ini sudah menjadi pemain rantaian nilai farmaseutikal yang telah mendapat kebenaran Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan Amerika Syarikat (FDA). Kacip Fatimah merupakan produk pertama di Malaysia yang mendapat pengiktirafan dan dibenarkan sebagai bahan makanan diet baharu. Syarikat Bumiputera juga menjalankan kajian terapeutik pertama mengenai obesiti menggunakan Kacip Fatimah milikan sendiri di tiga (3) negara. Menyedari trend pasaran yang semakin meningkat, kerjasama inisiatif

³⁴ National T&CM Blueprint; Global Market Insights

³⁵ Asian Cannabis Report, 2019

swasta dan Kerajaan juga akan meneroka barisan produk bernilai tinggi baharu yang boleh dimanfaatkan oleh Malaysia termasuk perubatan kanabis dan ketum. Namun demikian, rundingan lebih lanjut dengan masyarakat dan pihak berkepentingan serta perubahan undang-undang, polisi dan peraturan harus dilaksanakan terlebih dahulu. Kerajaan akan melaksanakan kajian yang lebih terperinci mengenai kos dan faedah mengesahkan produk ini dari sudut undang-undang dalam tempoh 2-5 tahun lagi.

Rajah 16: Perkembangan Semasa dan Peluang Baharu Di Sepanjang Rantaian Nilai



Pembiayaan

Jumlah dana yang diperlukan untuk program pembangunan ini adalah kira-kira RM1.1 bilion. Dana ini akan kemudiannya disalurkan untuk membangun dan menaik

taraf kemudahan mengikut keperluan Halal dan GMP, selain untuk R&D pembangunan produk baharu, pelaburan pra-klinikal botani Halal, pemerolehan mesin dan peralatan dengan kemampuan internet benda (IoT), serta pembangunan modal insan untuk menyokong KEGA Pertanian dan Komoditi serta pertumbuhan industri ini.

Impak

Kejayaan program awam-swasta Bumiputera ini akan membuka jalan bagi syarikat Bumiputera memainkan peranan utama dalam membentuk masa depan sektor pertanian Malaysia sambil meningkatkan ekuiti dalam pengeluaran komoditi bernilai tinggi. Program pembangunan ini dianggarkan menyumbang **RM402 juta** dalam **GOS** pada tahun 2030 dan mewujudkan sekurang-kurangnya **258** peluang pekerjaan langsung menjelang 2030.

Rajah 17: Potensi Industri Kanabis Perubatan Asia³⁵




Program Pembangunan #2 **Menubuhkan Sebuah Lembah Minyak Pati**

Rasional

Pasaran minyak pati Asia Pasifik adalah bernilai ASD1.97 bilion pada tahun 2021 dan dijangka mencapai ASD2.8 bilion pada tahun 2025, dengan pertumbuhan CAGR 9.3%. Walaupun China diramalkan sebagai penyumbang pendapatan tertinggi, sumbangan Asia Pasifik termasuk Malaysia, dinilai pada ASD473 juta untuk tahun 2021 dengan unjuran ASD674 juta pada tahun 2025.³⁶ Pasaran minyak pati bersedia untuk memanfaatkan kepelbagaian sumber alam Malaysia. Lembah minyak pati ini juga akan mendorong keusahawanan dan memberi peluang pekerjaan untuk membantu menangani masalah jaminan makanan serta kos sara hidup yang tinggi.

Rajah 18: Pecahan Saiz Pasaran Industri Minyak Pati Mengikut Penggunaan (Seluruh Asia)

Saiz Pasaran Asia-Pasifik Yang Lain Mengikut Aplikasi Pada 2025




Terengganu adalah lokasi utama untuk hutan *Melaleuca (Gelum)* yang tumbuh di sepanjang pesisir jalan Dungun ke Marang, dan Marang ke Setiu. *Melaleuca cajuputi* adalah spesies pokok dalam keluarga *Myrtaceae* yang menghasilkan minyak kayu putih.

Oleh kerana ciri-ciri kelangsungannya, daun gelam memiliki ciri antibakteria, anti

keradangan, antifungus dan antioksidan yang berpotensi tinggi. Namun, kebanyakan hutan gelam terabai, dan ini memberi peluang pemulihan yang besar untuk dimanfaatkan sebagai komoditi bernilai tinggi. Malaysia dapat memanfaatkan bekalan dan khasiat terapi daun dan mengkomersialkan hutan *Gelum* sebagai lembah untuk pengeluaran minyak pati di Malaysia.

Rajah 19: Anggaran Taburan Hutan Gelam di Terengganu, Malaysia



Langkah Pelaksanaan

Melalui model kerjasama awam-swasta (PPP), institusi penyelidikan dan universiti di Malaysia akan bekerjasama dengan sektor swasta untuk mengembangkan model perniagaan Lembah Minyak Pati, dengan fokus kepada penyelidikan, teknologi dan pengeluaran hilir. Sebagai contoh, kerjasama antara sektor swasta dan Jabatan Alam Sekitar, dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Sehingga kini, organisasi swasta telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan UniSZA dan menempah mesin penyulingan hidro untuk memproses daun gelam. Pihak universiti juga telah melakukan permohonan daripada Kerajaan Negeri Terengganu untuk menuai hasil daun gelam bagi tujuan industri. Kolaborasi ini juga akan menyaksikan kerjasama organisasi swasta bersama universiti tempatan untuk

membangunkan pelan pemasaran dan penjualan produk secara digital bagi produk tersebut, terutamanya pada 3 aspek - teknologi, penyelidikan dan produk hiliran.

Pembiayaan

Jumlah pembiayaan yang dijangka akan diperlukan untuk program pembangunan ini adalah kira-kira RM90 juta. Dana akan dilaburkan untuk pembangunan kilang termasuk kos pembinaan serta pembelian peralatan yang diperlukan untuk program pembangunan ini.

Impak

Program pembangunan ini akan bertindak sebagai sumber pertumbuhan baharu bagi sektor ini dengan memberi peluang pekerjaan serta mendorong keusahawanan sejajar dengan tujuan Dasar Pertanian Nasional Ketiga untuk meningkatkan pendapatan petani dan memaksimumkan sumbangan sektor ini kepada KDNK negara. Program pembangunan ini dianggarkan menyumbang **RM137 juta** kepada **GOS** pada tahun 2030 dan mewujudkan **1,000** peluang pekerjaan menjelang tahun 2030.



Rasional

Pemodenan industri kenaf berasaskan tumbuhan adalah sejajar dengan trend global yang semakin giat menerima pakai teknologi ini dalam pelbagai industri. Kenaf diperkenalkan buat pertama kali pada tahun 2000 sebagai komoditi industri baharu di Malaysia yang kemudian dipromosikan sebagai alternatif kepada tembakau. Terdapat peningkatan permintaan untuk serat kenaf buatan Malaysia kerana kualitinya yang tinggi.³⁷ Perladangan kenaf juga dilaksanakan dengan mesin sepenuhnya demi mengurangkan kebergantungan dan tenaga kerja, sekali gus memaksimumkan hasil.

TPB2030 menggunakan Pelan Induk Pembangunan Industri Kenaf 2014-2025 yang bertu-

juan untuk memperluas penanaman kenaf ke seluruh negara³⁸ bermula di lokasi awal di Pantai Timur Malaysia dengan penyertaan dalam Program Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) sebagai salah satu industri strategik. Program pembangunan di bawah TPB2030 ini akan mengubah industri kenaf dengan menerima pakai teknologi termaju di seluruh rangkaian nilai melalui kilang pengeluaran dan pembuatan kenaf yang merangkumi industri seperti automotif, perabot, tekstil dan bahan binaan.

Langkah Pelaksanaan

5 inisiatif telah dikenal pasti untuk menghidupkan semula industri kenaf Malaysia dan melaksanakan transformasi ini:

Sistem Bangunan Berindustri (IBS) Kenaf

Penerangan: Pembangunan IBS kenaf untuk bahan binaan, yang 60% lebih ringan dan 40% lebih murah berbanding panel IBS konvensional

Program Kenaf Bukan Tenunan

Penerangan: Penghasilan tilam dan sofa daripada serat kenaf bebas bahan kimia, menyokong postur dan mempunyai pengudaraan yang lebih baik

Kertas dan Pulpa Kenaf

Penerangan: Pengeluaran perkakas terbiodegradasi daripada pulpa kenaf yang boleh dikompos 100% dan lebih mesra alam sekitar

Papan Partikal Kenaf

Penerangan: Pengeluaran papan partikal ringan daripada kenaf

Tempat Tidur dan 'Pet Litter' Kenaf

Penerangan: Pengeluaran tempat tidur haiwan peliharaan dan 'pet litter' yang 100% berasaskan inti kenaf semula jadi

³⁶ Allied Market Research

³⁷ Sangheeta Amarthalingam, 'Malaysian-grown kenaf to make global debut', *The Edge*, 31 Oktober 2014

³⁸ 'Lembaga Kenaf sasar 10,000 ha tanaman kenaf', *The Star*, 14 Ogos 2014

Pembiayaan

Jumlah dana yang diperlukan untuk program ini adalah kira-kira RM82 juta. Pelaburan tersebut akan digunakan untuk pengembangan prototaip bahan binaan IBS kenaf, penghasilan produk kenaf mesra alam dan juga pengkomersialan produk tersebut.

Impak

Transformasi industri yang berjaya akan menghidupkan semula industri kenaf dan menjadikan Malaysia sebagai pengeluar kenaf moden yang terkemuka, dengan sumbangan **RM1.01 bilion** dalam **GOS** pada tahun 2030. Program ini juga akan mewujudkan lebih daripada **2,254** pekerjaan langsung menjelang tahun 2030, serta peluang untuk petani Bumiputera menjadi lebih kompetitif untuk memiliki syer pasaran yang lebih besar dalam sektor ini.

Pemboleh
Daya

#1

Kerjasama dengan Institusi
Penyelidikan

Untuk memastikan kejayaan pelaksanaan program pembangunan ini, kerjasama penyelidikan dan pembangunan dengan universiti dan institusi penyelidikan memainkan peranan penting. Ini adalah kaedah untuk mencari, menentukan dan memanfaatkan peluang untuk membina pengetahuan dan memaksimumkan kecekapan dan pelaburan program pembangunan. Ia juga penting untuk mendapatkan kelebihan berbanding pesaing dan membezakan tawaran perniagaan program pembangunan ini daripada yang lain bagi meningkatkan nilai pasaran dan syer pasaran syarikat Bumiputera dalam industri ini.

Pemboleh
Daya

#2

Penciptaan Solusi untuk
Produk Herba

Pada masa ini, ubatan herba dikategorikan sebagai produk makanan oleh *Food-Drug Interphase* (FDI). Akibatnya, ia tidak dikawal selia dan wujud keperluan untuk penciptaan solusi baharu bagi mengiktiraf kajian perubatan herba tradisional menerusi ujian klinikal haiwan.

Akibat kekurangan pengasingan antara produk tanpa bukti saintifik, pengeluar dan penyelidik perubatan herba menghadapi kesukaran untuk mengkomersialkan produk mereka. Keperluan untuk perubahan ini disokong oleh pengeluar dan universiti tempatan.

Negara-negara Asia Tenggara lain seperti Singapura dan Indonesia mempunyai lebih banyak pengiktirafan dan perakuan terhadap produk perubatan herba yang terbukti secara saintifik. Mengambil inspirasi daripada hal ini, kerjasama antara Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan penggiat perubatan herba dicadangkan untuk berusaha mengklasifikasikan ubat herba sebagai ubatan. Sokongan Kerajaan yang lebih mantap juga diperlukan untuk mempromosikan perubatan herba tradisional di seluruh dunia.

Tema 2:

MENAWAN PASARAN PREMIUM

Program
Pembangunan

#4

Menubuhkan Sebuah Pusat
Florikultur dan Hortikultur


Rasional

Florikultur adalah salah satu sumber kekayaan baharu bagi ekonomi Malaysia. Industri ini secara keseluruhan menyediakan 50,000 peluang pekerjaan pada tahun 2020, dan mencatatkan RM857 juta daripada jumlah pasaran eksport.³⁹ Sektor ini mempunyai kemampuan untuk meningkatkan sumbangan kerana kepelbagaian biologi semula jadi dan kemampuan menyesuaikan diri di Malaysia.

Pada masa ini, florikultur adalah industri yang bergantung kepada peruncitan dengan 37.2% pengeluaran dibekalkan ke pasar runcit awam, kedai bunga, taska, dan 16% ke pasaran eksport seperti Jepun, China, Timur Tengah,

Australia, dan Singapura.⁴⁰ Menyedari potensi industri ini, Kerajaan terus melaksanakan inisiatif untuk mengembangkan industri florikultur dan hortikultur. Sejarar dengan NAP, TPB2030 bertujuan untuk meningkatkan dan mengembangkan industri florikultur dan hortikultur Malaysia terutamanya untuk membantu memperkasa sosioekonomi Bumiputera.

Rajah 20: Saluran Pengedaran Produk Florikultur untuk Pengeluar Terpilih



Langkah Pelaksanaan

Dengan memanfaatkan pertumbuhan industri ini, Kerajaan akan menubuhkan

Pusat Pengeluaran Komersial Florikultur dan Hortikultur (CCPFH) sebagai program pembangunan di bawah TPB2030. Pusat ini akan menyediakan produk dan perkhidmatan seperti bunga segar dan dedaunan, tanaman pot bunga dan dedaunan, tanaman batas, taman rumah, dan sektor industri landskap. Pusat ini boleh menanam beberapa tanaman yang mempunyai permintaan tinggi seperti heliconia, celosia, bunga raya merah jambu, dan orkid arundina dan boleh dijadikan penghubung kepada projek di seluruh negara. Di samping itu, CCPFH akan memberikan sokongan pembangunan untuk industri florikultur dan hortikultur melalui program berikut:

- **Program Rantaian Nilai** untuk membantu kelompok florikultur membangunkan sistem pengeluaran, pengendalian, dan pemasaran berorientasikan pengguna
- **Program Florikultur** untuk menyokong program pertama dengan penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan germplasma yang ada, mengoptimumkan protokol penanaman, dan mengatasi segala masalah teknikal
- **Program Pembangunan Kapasiti** untuk membangun dan menyelenggara infrastruktur dan memperluas teknologi dan kemahiran kepada anggota industri

Lokasi yang berpotensi untuk penubuhan pusat ini adalah di Kampung Melayu Sungai Buloh, sebuah lokasi yang telah ditetapkan sebagai Pusat Florikultur Selangor oleh Kerajaan negeri Selangor.

³⁹ *Penyelidikan Pasaran Bersekutu*

⁴⁰ *Nik Rozana Nik Mohamad Masdek, 'Producer's Perspective on the Potential of Malaysia's Floriculture Industry', FFTC Agricultural Policy Platform, 2020*

Rajah 21: Kitaran Hidup Tanaman Berbunga



Pembiayaan

Program pembangunan ini merupakan inisiatif dengan pembiayaan dengan jumlah dana yang diperlukan kira-kira RM100 juta. Dana yang diperuntukkan untuk program pembangunan ini akan digunakan untuk pelaksanaan R&D, di samping mengoptimalkan protokol penanaman dan juga program peningkatan kapasiti untuk kelompok industri bagi meningkatkan keupayaan dan kemampuan teknikal mereka.

Impak

Kejayaan pelaksanaan program ini dianggarkan memberi sumbangan **GOS** pada tahun 2030 sebanyak **RM28 juta** dan mewujudkan kira-kira **71** pekerjaan langsung menjelang tahun 2030.



Rasional

Sebagai salah satu pilihan makanan yang paling popular di dunia, ikan dan makanan laut digemari oleh hampir semua penduduk dunia tanpa mengira budaya, agama dan iklim. Pada tahun 2019, pasaran makanan memperoleh

pendapatan ASD7 trilion di seluruh dunia dan 7% daripada bahagian pasaran merupakan segmen ikan dan makanan laut global; dengan catatan pendapatan ASD455 bilion pada tahun 2019.⁴¹ Pengeluaran ikan global pada tahun 2020 telah dianggarkan kira-kira 183 juta tan,⁴² didorong oleh peningkatan kehendak pengguna, pembangunan rantai bekalan logistik, dan e-Dagang. Biodiversiti Malaysia yang kaya, merangkumi banyak tasik dan sungai air tawar di seluruh negara, memberikan peluang unik untuk menempatkan Malaysia sebagai pengeksport utama ikan dan makanan laut berkualiti yang harus dimanfaatkan oleh Bumiputera.

Langkah Pelaksanaan

Untuk meningkatkan kapasiti dan keberhasilan akuakultur bagi memenuhi permintaan domestik dan antarabangsa, Kerajaan akan bekerjasama dengan sektor swasta dan koridor negeri untuk mendirikan taman akuakultur di lokasi-lokasi strategik di seluruh negara yang memfokuskan kepada galakan permintaan dan penghasilan ikan, dan udang yang bernilai tinggi.

Program Pembangunan 5.1: *Aquaculture Valley @ Centre of Excellence (CoE)*

Program Pembangunan 5.2: *Marine Aquaculture Valley Centre of Excellence (CoE)*

Aquaculture Valley @ Centre of Excellence dan *Marine Aquaculture Valley Centre of Excellence* di bawah program pembangunan ini akan melaksanakan amalan reka bentuk yang baik dan dilengkapi dengan sistem milik Institut Penyelidikan Perikanan (IPP), Sistem Akuakultur yang Mengitar Semula (*Recycle Aquaculture System - RAS*) dan teknologi IoT untuk menghasilkan keberhasilan yang berkualiti tinggi dan meningkatkan produktiviti ikan bersaiz kecil, serta anak ikan (*fingerlings*). Taman akuakultur ini juga akan berfungsi sebagai pusat kecemerlangan untuk melatih usahawan akuakultur laut dan penternak ikan. Lokasi yang telah dikenal pasti dan dicadangkan oleh sektor swasta termasuk Jerantut, Rompin, Beserah, Langkawi, Laguna, Besut dan kawasan berpotensi di Malaysia Timur seperti Semporna, Tanjung Manis dan Telaga Air.

Program Pembangunan 5.3: Penternakan Udang Galah Berskala Besar

Sementara itu, Taman Akuakultur di Rompin akan memberi fokus kepada penghasilan udang galah (*Macrobrachium rosenbergii*) serta ternakan air tawar yang bernilai tinggi di pasaran tempatan dan global. Terletak di tanah seluas 500 hektar di Zon Industri Akuakultur (ZIA), program pembangunan ini dijangka menghasilkan sehingga 2,400 tan udang galah dengan anggaran pendapatan RM60 juta setahun, sekali gus menjadikan syarikat Bumiputera sebagai pengeluar terbesar udang galah di negara ini.

Pembiayaan

Pelaksanaan program pembangunan ini memerlukan dana sebanyak RM310.14 juta. Dana melalui program pembangunan ini akan dilaburkan dalam sistem RAS dan IoT untuk kecekapan pengeluaran, serta pelaksanaan program pembangunan pengeluaran ikan dan pembenihan ikan akuarium.

Impak

Penambahbaikan taman akuakultur akan menyaksikan peningkatan pengeluaran akuakultur bernilai tinggi yang akan mempengaruhi kehidupan pemain industri termasuk Bumiputera. Reka bentuk yang baik yang diterima pakai akan menghasilkan pengeluaran akuakultur bernilai tinggi sekurang-kurangnya dengan nilai 3 kali ganda - menghasilkan 1 juta kerapu hibrid dan 2,400 tan udang galah setahun, dengan potensi **RM80 juta GOS** pada tahun 2030 dan lebih daripada **271** peluang pekerjaan menjelang 2030.



Rasional

Sebagai salah satu KEGA yang dikenal pasti, pembangunan pertanian bernilai tinggi dan mampan adalah salah satu objektif TPB2030. Program pembangunan ini akan memenuhi

kriteria kilang tanaman bernilai tinggi termasuk kawal selia impak buruk, penggunaan tanah yang minimum, kaedah vertikal, bebas racun perosak, pencahayaan buatan, dan kebersihan dengan memanfaatkan kekayaan biodiversiti Malaysia untuk menerokakan dan mengembangkan tanaman bernilai tinggi. Pembinaan kilang tanaman bernilai tinggi ini akan melindungi Malaysia daripada kemungkinan kesan negatif akibat perubahan iklim terhadap hasil pertanian dengan penggunaan teknologi pencahayaan LED di dalam persekitaran yang terkawal. Pencahayaan LED adalah komponen utama di kilang tanaman bernilai tinggi ini kerana ia lebih baik dan lebih jimat untuk pengeluaran tanaman. Ini seterusnya akan melindungi keselamatan makanan Malaysia sekali gus meningkatkan mata pencarian dan pendapatan bagi rakyat Malaysia dan juga Bumiputera.

Rajah 22: Konsep & Pendekatan Teknologi Kilang Tumbuhan



Langkah Pelaksanaan

Untuk memaksimumkan kesan pertanian terhadap pertumbuhan ekonomi negara, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) akan memimpin program pembangunan ini untuk membangunkan rantai bekalan kilang yang lengkap untuk tanaman bernilai tinggi. Kilang ini akan

⁴¹ Statista Consumer Market Outlook, 2021

⁴² Kajian Pasaran Bersekutu

dapat melaksanakan R&D, pengeluaran, pembangunan produk, serta pemasaran kepada pengguna untuk tanaman bernilai tinggi yang telah dikenal pasti. Pembentukan rantai bekalan akan membolehkan penyelidikan dan ujian tanaman baharu dijalankan serta pembangunan tanaman bernilai tinggi seperti herba, asparagus, dan bayam kecil dilakukan dalam skala yang lebih besar dengan halangan yang minimum.

Rajah 23 : Rantaian Bekalan Kilang Tanaman:

Fasa A: R&D

- Penyelidikan mengenai ujian tanaman baharu, pencahayaan yang cekap untuk nutrien khusus (Vitamin A, Vitamin C, kumpulan Oksida)

Fasa B: Pengeluaran

- Membangunkan kilang tanaman untuk tanaman bernilai tinggi (herba, asparagus, kacang asparagus bayam kecil). Sasaran 10 kilang tanaman setahun (RM700,000 setiap bangunan)

Fasa C: Pembangunan Produk

- Penghasilan makanan daripada keberhasilan kilang tanaman sebagai produk bahan untuk mengelakkan bekalan berlebihan

Fasa D: Pemasaran

- Jualan sebagai tanaman segar bernilai tinggi, disasarkan untuk pengguna kelas atas, tidak tertakluk kepada pasar raya mewah
- Untuk dipasarkan sebagai bahan untuk produk kesihatan

pembangunan produk, serta pengkomersialan tanaman.

Impak

Pelaksanaan program pembangunan ini akan meningkatkan keupayaan Malaysia untuk menghasilkan tanaman bernilai tinggi dengan unjuran **RM2.8 juta GOS** dan **19** peluang pekerjaan langsung pada tahun 2030. Kejayaan pelaksanaan program pembangunan ini akan meningkatkan lagi keselamatan makanan Malaysia dan melindungi negara daripada ketidakpastian cuaca akibat perubahan iklim.



Rasional

Walaupun industri florikultur masih di peringkat awal, Kerajaan telah mengiktiraf peluang lumayan ini kepada ekonomi negara. Oleh itu, ia telah dikenal pasti sebagai salah satu program pembangunan di bawah KEGA Pertanian dan Komoditi di dalam TPB2030. Pada masa ini, terdapat peningkatan permintaan untuk bunga segar di Malaysia, terutamanya ketika musim perayaan dan keraian serta upacara sambutan oleh pelbagai kaum. Malaysia adalah salah satu pengeksport bunga segar utama di dunia.⁴³ Pada peringkat global, bunga kekwa menyumbang kepada pasaran eksport Malaysia dengan 77% daripada nilai keseluruhan.⁴⁴

Namun, Malaysia masih menjadi pengimport biji benih dan ini membataskan industri florikultur Malaysia akibat kekurangan kepelbagaian bunga dan jangka hayat benih import yang pendek. Program pembangunan

Pembiayaan

Pembinaan kilang tanaman berskala besar untuk tanaman bernilai tinggi di bawah program pembangunan ini memerlukan pembiayaan sekitar RM79.53 juta. Pembiayaan tersebut akan disalurkan untuk membangunkan kilang rantai bekalan untuk tanaman bernilai tinggi termasuk aspek pelaksanaan R&D, pengeluaran dan

⁴³ Nik Rozana Nik Mohamad Masdek, 'Producer's Perspective on the Potential of Malaysia's Floriculture Industry', FFTC Agricultural Policy Platform, 2020


⁴⁴ Jabatan Pertanian Malaysia

⁴⁵ Audrey Dermawan, 'Fishermen urged to venture into aquaculture', New Straits Times, 9 September 2019

ini bertujuan untuk mewujudkan industri biji benih bunga bermusim untuk mengurangkan kebergantungan Malaysia kepada biji benih import dan menjadikan Malaysia sebagai negara pengeluar bunga bermusim tropika yang pertama.

Dengan mengambil kira gangguan industri disebabkan oleh perubahan iklim dan COVID-19, Malaysia berpeluang mengubah situasi ini kepada kelebihan daya saing bagi pengusaha industri tempatan. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 24, pertumbuhan pasaran eksport florikultur yang konsisten telah menunjukkan kesan positif kepada perniagaan bunga tempatan dan program pembangunan ini akan melatih pengusaha bunga Bumiputera sebagai pemacu industri.

Rajah 24: Industri Florikultur Malaysia (2014-2017)
RM Juta



Langkah Pelaksanaan

Di bawah TPB2030, industri akan dibangunkan untuk memenuhi keperluan khusus negara-negara tropika sebagai enjin pertumbuhan ekonomi dan sumber pendapatan baharu bagi negara ini. Dengan menggunakan model kerjasama awam-swasta (PPP), MARDI akan menerajui penyelidikan dan pembangunan untuk menghasilkan benih bunga yang sesuai untuk negara tropika dan Kerajaan akan memberikan bantuan daripada segi infrastruktur dan sumber untuk program pembangunan ini.

Pembiayaan

Bagi merealisasikan sasaran di dalam KEGA Pertanian dan Komoditi, program pembangunan ini memerlukan pembiayaan sebanyak RM53.49 juta. Dana akan disalurkan untuk pelaksanaan R&D, pengkomersialan benih, serta pembangunan infrastruktur ladang stesen.

Impak

Penguatan industri yang menguntungkan ini diharap dapat mendorong matlamat Malaysia untuk menjadi pengeluar bunga bermusim negara tropika pertama yang seterusnya akan membantu pengusaha florikultur tempatan untuk memiliki syer pasaran yang lebih besar dalam pasaran global. Program pembangunan ini dijangka dapat menyumbang **RM6.83 bilion GOS** dan mewujudkan lebih daripada **50** peluang pekerjaan langsung pada tahun 2030.

Program
Pembangunan
#8

Memperhebat Perikanan dan
Akuakultur Bumiputera

Rasional

Penurunan sumber perikanan yang ditangkap telah meningkatkan permintaan untuk produk laut marin;⁴⁵ memberikan peluang kepada Malaysia untuk meningkatkan sektor perikanan dan akuakultur bagi memenuhi permintaan pasaran. Penggunaan per kapita Malaysia adalah sekitar 59kg pada tahun 2016, antara yang tertinggi di dunia. Peningkatan pendapatan penduduk dan kesedaran mengenai manfaat ikan kepada kesihatan, turut meningkatkan permintaan. Dengan penurunan sumber perikanan yang ditangkap dan gangguan iklim, terdapat keperluan mendesak untuk memperkuatkan dan memperhebat industri perikanan dan akuakultur Malaysia.

Langkah Pelaksanaan

Untuk mengubah gangguan pasaran kepada peluang, program pembangunan ini akan menjalankan 3 program untuk meningkatkan sumber pendapatan nelayan Bumiputera bagi memenuhi permintaan perikanan.

Rajah 25

Program A: Meningkatkan Kapasiti Nelayan Akuakultur

- Bertujuan untuk meningkatkan pendapatan nelayan, pengusaha dan komuniti akuakultur
- Meningkatkan pengeluaran akuakultur daripada 1,000 MT pada tahun 2019 kepada 2,500 MT menjelang tahun 2025
- Meningkatkan pendapatan sebanyak 44% daripada RM32 juta pada tahun 2019 kepada RM57.5 juta pada tahun 2025

Program B: Membangun Pusat Pengumpulan & Pengedaran (CCDC)

- Setakat ini, program ini telah berjaya meningkatkan pendapatan/ penjualan peserta CCDC daripada RM5.8 juta pada tahun 2014 kepada RM27 juta pada tahun 2020
- Program ini dijangka akan terus meningkatkan pendapatan peserta CCDC pada masa akan datang

Program C: Pembangunan Pasar Nelayan

- Meningkatkan penyertaan nelayan, Persatuan Nelayan Negeri (PNN), Persatuan Nelayan Kawasan (PNK), dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dalam bidang keusahawanan untuk mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah
- Program ini telah meningkatkan pendapatan peserta Pasar Nelayan daripada RM11.45 juta pada tahun 2009 kepada RM50.1 juta pada tahun 2019
- Program ini dijangka akan terus meningkatkan pendapatan peserta Pembangunan Pasar Nelayan pada masa akan datang

Pembiayaan

Jumlah pembiayaan yang diperlukan bagi program pembangunan ini adalah kira-kira RM746.50 juta. Pelaburan untuk program

pembangunan ini akan disalurkan untuk pembangunan CCDC, pengukuhan pasar nelayan, serta pembangunan kapasiti nelayan tempatan.

Impak

Kejayaan pelaksanaan program ini dijangka dapat meningkatkan pendapatan nelayan Bumiputera melalui kepelbagaian sumber pendapatan dan juga meningkatkan kecekapan produktiviti mereka. Program pembangunan ini diunjurkan menyumbang **RM99 juta** dalam **GOS** pada tahun 2030, dan mewujudkan lebih dari **1,820** peluang pekerjaan menjelang tahun 2030.

Pemboleh
Daya

#3

Menerima Pakai Amalan
Terbaik

Menerima pakai amalan terbaik adalah penting untuk mendorong usaha merebut pasaran premium dalam industri pertanian dan komoditi. Kerjasama dan penyertaan yang erat dengan sektor swasta diperlukan dalam pelaksanaan program pembangunan dalam Tema 2. Memanfaatkan saluran pengedaran dan penjualan sektor swasta yang luas akan membantu menjamin daya maju perniagaan berdasarkan kesediaan produk. Program latihan dan pembangunan kapasiti anjuran Kerajaan juga memainkan peranan penting kerana ia merintis landasan ke arah dasar amalan terbaik yang dapat membantu para pemain industri memaksimumkan hasil daripada usaha mereka sendiri.

Tema 3:

MELINDUNGI JAMINAN MAKANAN MALAYSIA

Program
Pembangunan

#9

Menubuhkan Pusat
Kecemerlangan Kebangsaan
Ternakan Lembu

Rasional

Kajian oleh Khazanah Research Institute mendedahkan bahawa penggunaan daging ternakan per kapita di Malaysia adalah antara yang tertinggi di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, Malaysia kekal sebagai antara pengeluar terendah di rantau ini, dengan kadar pengeluaran hanya 22% pada tahun 2018, berbanding 30% pada tahun 2010.⁴⁶ Daripada 208,997 MT daging lembu yang digunakan pada tahun 2017, hanya 46,333 MT dihasilkan di dalam negara. Selain itu, Malaysia sangat bergantung kepada import ternakan dan daging ternakan dari 3 negara: Australia, Thailand, dan India.⁴⁷

Langkah Pelaksanaan

Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan akan membentuk kerjasama awam-swasta (PPP) untuk menubuhkan Pusat Kecemerlangan Ternakan Nasional yang akan membolehkan Malaysia meningkatkan pengeluaran bekalan daging ternakan dalam negeri untuk memenuhi permintaan negara. Program pembangunan ini melibatkan peningkatan stok bahan makanan ternakan, perdagangan ternakan, pembangunan fidlot, kawasan pembiakan dan rumah penyembelihan serta penubuhan stesen ternakan untuk pemeriksaan dan kuarantin

berpusat dengan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Ia juga akan menangani isu-isu berbangkit mengenai penternakan dan industri daging ternakan di Malaysia seperti tanah ladang yang tidak bersepadu, kekurangan stok pembiakan dan makanan dengan harga yang berpatutan, serta kualiti daging dan sijil Halal. Ini dapat dilaksanakan melalui strategi menyepadukan perdagangan import dan eksport ruminan, menggabungkan penternak dan penggiat industri, serta menubuhkan stesen ternakan untuk pemeriksaan dan kuarantin. Di samping itu, program pembangunan ini juga akan membantu pemain Bumiputera seperti pengimport ladang kecil, peniaga dan penternak dalam industri melalui pelbagai perkhidmatan pembangunan kapasiti yang ada di pusat ini. Antara perkhidmatan yang terdapat di Pusat Kecemerlangan Ternakan Kebangsaan adalah perkhidmatan pengurusan ladang, teknologi pembiakan, penswastaaan pusat kuarantin, fidlot, rumah penyembelihan, perdagangan, aktiviti hiliran dan industri makanan.

⁴⁶ Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), *A Brief on Beef*, 2019

⁴⁷ Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), *'Kajian Semula Pasaran Sektor Makanan di bawah Akta Persaingan 2010'*

Rajah 26



R&D



Bekalan Perladangan



Bekalan Ternakan



Syarikat Perdagangan Ternakan Lembu Malaysia



Pusat Penyembelihan



Logistik



Sokongan Industri



Borong



Runcit



Restoran



Eksport




Dana Agro

Pembiayaan

Jumlah pembiayaan yang diperlukan untuk program pembangunan ini dianggarkan sebanyak RM250 juta. Dana tersebut akan disalurkan kepada peningkatan kegiatan fidlot, pembinaan dan pembangunan ladang perintis, di samping penerokaan aktiviti aliran untuk memperkasa rantai nilai dalam sektor pertanian dan komoditi.

Impak

Penubuhan Pusat Kecemerlangan Ternakan Kebangsaan diharapkan dapat menyumbang **RM370 juta GOS** pada tahun 2030, dengan kira-kira **1,506** penciptaan pekerjaan. Latihan peningkatan kapasiti akan dapat memberi peluang kepada lebih banyak penternak kecil Bumiputera untuk menjadi lebih berdaya saing dalam industri ini.



Rasional

Pusat Kecemerlangan Akuaponik Kebangsaan adalah program pembangunan yang direka secara mampan serta dipacu oleh teknologi dengan beraspirasikan lonjatan dekad baharu ke arah kaedah yang mampan. Di Malaysia, terdapat pusat akuakultur terbengkalai dan tidak digunakan secara sepenuhnya. Pengabaian kemudahan seperti ini menjadi risiko kepada kemampuan ekosistem akuakultur.



Langkah Pelaksanaan

Pusat Kecemerlangan Akuaponik Kebangsaan (COE) akan mengawal selia pembangunan dan transformasi pusat akuakultur yang tidak aktif kepada ladang moden yang dilengkapi dengan penyelesaian pertanian pintar dan pertanian bandar. Program pembangunan ini menyasarkan pembangunan platform kepada usahawan tani untuk meneroka pertanian akuaponik menerusi Pusat Kecemerlangan Akuaponik Kebangsaan dengan bantuan menerusi geran Kerajaan atau kemudahan bank, program latihan serta jaminan jualan dan pendapatan menerusi badan pelaburan COE. Agro usahawan akan dilatih di bawah program Pusat Kecemerlangan Akuaponik Kebangsaan dan akan memperoleh keuntungan daripada dagangan dengan harga rendah melalui cabang pemasaran Pusat Kecemerlangan Akuaponik Kebangsaan yang akan menyokong pemasaran dan penjualan produk.

Selain pembangunan kapasiti, pusat ini juga akan bekerjasama dengan entiti Kerajaan dan Bumiputera, dalam memulihara dan memulihkan projek pertanian dan akuakultur terbiar sedia ada tanpa pembukaan lokasi baharu. Lokasi perintis akan berada di Shah Alam, Selangor dan Slim River, Perak.

Rajah 27 : 5 Peringkat Transformasi



Pembiayaan

Pembiayaan yang diperlukan untuk program ini adalah kira-kira RM250.5 juta. Pembiayaan untuk program pembangunan ini akan menumpukan kepada pembangunan dua lokasi perintis yang telah dikenal pasti. Kedua-dua lokasi ini akan dilengkapi dengan sistem yang canggih dan kolam yang ditingkatkan untuk merealisasikan kejayaan pelaksanaan program pembangunan tersebut.

Impak

Pembangunan Pusat Kecemerlangan Akuaponik Kebangsaan diunjurkan akan menyumbang **RM460 juta GOS** pada tahun 2030 dan mewujudkan lebih daripada **329** peluang pekerjaan menjelang tahun 2030.

Program
Pembangunan

#11

Menubuhkan Syarikat Biji
Benih Bumiputera

Rasional

Ketersediaan biji benih berkualiti tinggi adalah komponen penting dalam ekosistem pertanian yang produktif dan mampan. Walaupun Malaysia mendominasi industri kelapa sawit dan getah, namun biji benih tanaman kontan lain masih belum mencapai tahap penyelidikan dan pembangunan yang sama. Sehingga kini, Malaysia merupakan pengimport bersih biji benih sayur-sayuran, buah-buahan dan benih tanaman lain. Kira-kira 90% biji benih untuk industri sayur-sayuran negara adalah diimport. China, Thailand, Taiwan, dan Jepun merupakan pembekal utama biji benih sayur-sayuran di Malaysia.⁴⁸ Kerjasama kukuh antara Kerajaan, industri, institusi penyelidikan, sektor swasta dan petani akan menjadi kunci bagi mengatasi masalah ini. Penubuhan syarikat biji benih Bumiputera adalah pelaburan strategik yang memberi Malaysia lebih banyak kawalan terhadap industri di sepanjang rantai nilai pertanian.

Langkah Pelaksanaan

Kerajaan akan memberikan laluan pantas dan sokongan kepada pembangunan syarikat biji benih Bumiputera untuk bekerjasama dengan syarikat biji benih bioteknologi mampan dengan saluran pengedaran sedia ada. Sokongan daripada Kerajaan dalam bentuk kelulusan yang dipercepat, pinjaman mudah dan sokongan teknikal akan diberikan. Program pembangunan ini akan meningkatkan rantai nilai jaminan makanan daripada peringkat R&D, pengeluaran, pemprosesan sehingga ke pemasaran.

Matlamat akhir adalah untuk memperkasa industri biji benih tempatan untuk membolehkan para petani memperoleh benih dengan kualiti yang sama dengan biji benih yang diimport pada harga yang lebih rendah,

⁴⁸ Najmi Aiman Zabidi et al, 'The Malaysian Agricultural Seed Industry - Seed Policy and Development', FFTC Agricultural Policy Platform, 2017

sekali gus dapat menurunkan tekanan kenaikan harga makanan. Ini akan membolehkan Malaysia mengurangkan import, mengukuhkan ketahanan dengan pengembangan industri tempatan sambil membangunkan modal insan Bumiputera dalam R&D pertanian. Ini akan membuka jalan kepada generasi pekerja Bumiputera berkemahiran tinggi di negara ini dengan pengaruh yang lebih besar dalam rantai nilai pertanian.

Pembiayaan

Jumlah pembiayaan yang diperlukan untuk program pembangunan ini adalah kira-kira RM210.03 juta. Pelaksanaan program pembangunan ini akan melibatkan pengagihan dana dan pelaburan yang ditumpukan kepada pelaksanaan R&D dan aktiviti pengkomersialan biji benih serta pengembangan saluran pengedaran untuk memudahkan perusahaan biji benih bioteknologi Bumiputera mencapai kejayaan dalam sektor ini.

Impak

Penubuhan Syarikat Biji Benih Bumiputera bukan sahaja akan mengurangkan perbelanjaan berbilion-bilion Ringgit daripada import benih tetapi juga dijangka dapat menjana **RM280 juta** dalam **GOS** pada tahun 2030 dan mewujudkan lebih daripada **102** peluang pekerjaan menjelang tahun 2030. Selain itu, program pembangunan ini diharapkan akan menambah baik jaminan makanan negara dan membuka akses kepada biji benih bagi pemain industri pertanian Bumiputera.

Pemboleh
Daya

#4

**Membangunkan Usahawan
Tani Generasi Baharu**

Terdapat keperluan untuk pembangunan modal insan bagi melatih generasi baharu usahawan tani yang memiliki kemahiran khusus dalam produk pertanian yang mempunyai keberhasilan tinggi utama. Ini penting dalam mengekalkan jaminan makanan Malaysia. Pelaburan strategik yang berjaya dalam pembangunan modal insan juga merupakan kunci untuk merealisasikan potensi

individu, memberi mereka peluang untuk meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup mereka di samping peningkatan produktiviti dan keuntungan. Ini merupakan intervensi strategik untuk mencapai hasil yang lebih baik demi kesejahteraan sosioekonomi Malaysia.

Kementerian yang bertanggungjawab akan memimpin kerjasama dengan Agensi berkaitan untuk melaksanakan program pembangunan modal insan melalui penyediaan latihan dan sokongan yang diperlukan serta pembiayaan kepada usahawan tani untuk menguruskan ladang mereka sendiri setelah tamat latihan. Ini akan melengkapkan generasi usahawan tani baharu agar mendapat keuntungan daripada sokongan langsung untuk pendapatan penjualan, serta meningkatkan daya saing dan potensi untuk menembusi pasaran ke luar negara. 5 program pembangunan modal insan akan dijalankan oleh Kementerian berkaitan untuk memastikan jaminan makanan negara:

- Graduan Usahawan Tani Ladang Melon dengan konsep Rumah Hijau
- Usahawan Tani Pengeluaran Biji Benih
- Pusat Kecemerlangan Penternakan
- Program Usahawan Perabot Bumiputera
- Program Usahawan Herba Bumiputera

Secara kolektif, program-program ini akan memperoleh **RM1.62** bilion **GOS** pada tahun 2030, mewujudkan kira-kira **2,156** peluang pekerjaan.

Pemboleh
Daya

#5

**Menggerakkan Model Ladang
yang Berjaya**

Petani dan pengeluar sedar bahawa kepelbagaian ladang dan peralihan ke arah penyelesaian IoT adalah kaedah untuk membantu meningkatkan produktiviti, kecekapan, dan pendapatan. Walau bagaimanapun, kekangan pengetahuan untuk melabur modal mereka yang terhad akibat sokongan institusi yang minimum menyukarkan perubahan. Ini berikutan peralihan kepada teknologi turut mempunyai potensi untuk mengakibatkan risiko pengeluaran. Ketidaksediaan ini disebabkan oleh kekurangan model ladang dan kisah kejayaan yang diketengahkan untuk dipelajari, dan dijadikan teladan.

Kementerian yang bertanggungjawab, bersama-sama Agensi berkaitan akan mengenal pasti dan mengumpulkan rujukan pangkalan data model ladang yang berjaya yang dapat dicontohi di seluruh negara. Dengan data tersebut, kementerian berkaitan akan melakukan lawatan bengkel / lokasi secara berkala ke ladang model yang diutamakan, dan menjalankan program petani-latih-petani untuk mendorong keupayaan model replikasi di seluruh negara. Kementerian yang berkenaan juga akan memberikan insentif R&D model ladang terpilih dan menggalakkan mereka ke arah R&D dengan teknologi eksperimentasi serta inovasi dalam sektor ini.

Tema 4:

MEMPERKUKUH DAN MENYEPADUKAN RANTAIAN NILAI PERTANIAN

Program Pembangunan

#12

Membangunkan Rangkaian Nilai Sistem Platform Pertanian

Rasional

Dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), kemajuan teknologi telah memberi peluang kepada petani Bumiputera untuk disepadukan ke dalam rangkaian bekalan pertanian secara keseluruhan tanpa memerlukan pelaburan modal yang tinggi. Ekosistem dalam talian akan dapat menurunkan kos dan mengintegrasikan sektor dengan ekonomi gig pertanian dari segi sumber, risiko, modal dan pasaran. Untuk mengukuhkan lagi ekosistem ini, wujud juga keperluan untuk menerima pakai penyelesaian digital bagi meningkatkan kecekapan pengeluaran serta sistem pemantauan yang boleh dipercayai.


Ini membolehkan para petani melakukan intervensi segera apabila diperlukan. Usaha-usaha ini juga akan dapat memastikan pengukuhan jaminan makanan negara.

Langkah Pelaksanaan

Program Pembangunan 12.1: Sistem Platform Pertanian (APS)

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), bekerjasama dengan pengusaha teknologi tempatan, akan mengembangkan Sistem Platform Pertanian (APS). Sistem ini membolehkan penanam dan pihak berkepentingan mengintegrasikan aktiviti hulu seperti perancangan projek tanaman, pertanian produksi, dengan operasi hiliran seperti penjualan perniagaan dengan perniagaan (B2B) serta perniagaan dengan pengguna (B2C), pemasaran dan juga sokongan kewangan dan tenaga kerja. Pelaksanaan dan penyatuan teknologi IR4.0 membuka jalan untuk menghidupkan semula industri pertanian dan membolehkan para usahawan tani yang bercita-cita tinggi untuk menguasai ekonomi. Pembangunan platform akan menggunakan blok rantai dan aplikasi mudah alih dalam menyimpandan menguruskan aktiviti pertanian hujung ke hujung (*end-to-end*). Berdasarkan perbincangan awal dengan pengusaha teknologi, kemas kini maklumat dalam platform memerlukan 3 langkah mudah berikut:

Rajah 28: Sistem Platform Pertanian (APS)



Penciptaan platform ini akan meminimumkan risiko dan memudahkan urusan aktiviti pertanian daripada pemilihan tanaman ke pasaran pembeli dan pengedaran. Ia adalah penyelesaian yang akan melengkapkan rantai bekalan pertanian sepenuhnya dalam industri pertanian di Malaysia.

Program Pembangunan 12.2: Perancang Tanaman Digital

Sejajar dengan keperluan untuk memupuk kemajuan teknologi, program pembangunan ini juga akan mengembangkan Perancang Tanaman Digital iaitu sebuah penyelesaian digital menggunakan data raya bagi meramalkan penawaran dan permintaan untuk sektor pertanian serta membantu menguruskan pengeluaran, agregasi dan juga keperluan pemasaran.

Rajah 29: Konsep Perancang Tanaman Digital



Pembiayaan

Jumlah pembiayaan yang diperlukan untuk program pembangunan ini adalah sekitar RM469.04 juta. Dana pembiayaan ini akan disalurkan untuk pembangunan ekosistem dalam talian bagi memudahkan petani tempatan menggunakan penyelesaian menggunakan teknologi IoT untuk pembangunan perniagaan mereka.

Impak

Platform ini akan mensasarkan penyediaan akses yang mudah kepada sumber bagi petani serta pihak berkepentingan Bumiputera. Selain itu, penyelesaian digital juga membolehkan pengusaha Bumiputera merancang dan memahami permintaan dan keperluan aktiviti pertanian mereka dengan lebih baik sekali gus membantu usahawan Bumiputera mengembangkan kemahiran dan membina perniagaan mereka. Sistem Platform Pertanian dan Perancang Tanaman Digital dijangka dapat mewujudkan **461** peluang pekerjaan menjelang 2030 dan menyumbang **RM970 juta** dalam **GOS** pada tahun 2030.



Rasional

Hasil hutan tempatan mempunyai penerimaan pasaran yang rendah akibat ketidakpatuhan (atau pematuhan yang bersifat separa) kepada piawaian produk hijau. Di samping itu, pengusaha juga tidak berupaya untuk menghasilkan produk hijau yang mematuhi piawaian industri yang ketat serta memenuhi keperluan perdagangan atau pasaran yang kukuh. Ini dapat dikaitkan dengan kurangnya kemudahan pemprosesan yang bertauliah dan berakreditasi serta ketiadaan pusat rujukan untuk menyediakan perkhidmatan lengkap dalam bentuk inkubasi teknologi, pengilang reka bentuk asli (OEM) dan laluan pengkomersialan tempatan. Halangan masukan ini merupakan kerugian besar bagi potensi pasaran dalam kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera.

Langkah Pelaksanaan

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan mewujudkan kemudahan dan perkhidmatan OEM berskala besar yang cang-gih dan berakreditasi kepada pengusaha Bumiputera bagi menghasilkan produk hijau seperti kosmetik, minuman kesihatan dan aplikasi mes-ra alam yang lain. Pusat Rujukan Kecemerlangan Produk Hutan akan menawarkan perkhidmatan kepada sebilangan besar PKS Bumiputera,

menyediakan keupayaan pengeluaran besar-besaran, pensijilan hijau, dan sokongan pengkomersialan. Ini akan membuka peluang bagi pemain Bumiputera menyertai kegiatan nilai tambah tinggi di dalam sektor perhutanan dan pertanian, serta mengukuhkan komitmen negara untuk menerima pakai penyelesaian yang lebih mesra alam dalam perniagaan.

Pembiayaan

Jumlah pembiayaan yang diperlukan untuk program ini adalah sekitar RM31.15 juta. Pembiayaan untuk program pembangunan ini akan disalurkan untuk pembangunan kemudahan pemprosesan OEM untuk produk hijau yang diakreditasi dan akan menyediakan perkhidmatan sepenuhnya.

Impak

Pelaksanaan program ini membolehkan penyertaan yang lebih tinggi daripada usahawan Bumiputera dalam penghasilan produk hijau kerana ia mengurangkan halangan masuk ke dalam perniagaan ini. Kemudahan pemprosesan akan dapat memberi perkhidmatan kepada sekurang-kurangnya 7,000 pemain nilai rantai dalam kalangan PKS Bumiputera yang berpotensi untuk meningkatkan pendapatan sebanyak 20% - 30% bagi setiap pengusaha melalui penjualan produk yang 100% patuh piawaian pasaran. Melalui program pembangunan ini, usahawan Bumiputera juga akan mendapat keuntungan daripada laluan pengkomersialan tempatan dan juga penembusan pasaran yang optimum dalam keseluruhan rangkaian produk hijau.

Pusat Rujukan Kecemerlangan Produk Hutan dijangka akan mewujudkan **74** pekerjaan langsung menjelang dengan sumbangan **RM1.17 bilion** kepada **GOS** pada tahun 2030, termasuk melalui sumbangan pemain-pemain rantai.

Pemboleh
Daya

#6

Menerima Pakai Teknologi dan Kesedaran

Kesedaran merupakan salah satu keperluan kepada untuk meneroka peluang dalam industri pertanian moden. Teknologi IR4.0 membuktikan wujud keperluan bagi Kerajaan

untuk memainkan peranan aktif bagi memudah cara penerimaan kemodenan dalam kalangan pemain industri agar tetap relevan dan berdaya saing. Penerimgunaan teknologi akan memudah cara halangan masuk ke dalam industri dan mendorong lebih banyak usahawan tani Bumiputera untuk menyertai sektor ini.

Tema 5:

MEMANFAATKAN KOMODITI BERNILAI TINGGI

Program
Pembangunan

#14

Menubuhkan Syarikat Unsur Nadir Bumi (REE) Bumiputera

Rasional


Malaysia mempunyai lebih daripada RM750 bilion sumber mineral di darat (tidak termasuk minyak & gas) dan terkini, REE bernilai lebih daripada RM170 bilion telah dikenal pasti di Perak, Kedah, Pahang, Terengganu, Johor, Sabah, dan Sarawak. Penggunaan REE telah berkembang selama bertahun-tahun dan merangkumi pengeluaran produk seperti magnet berkualiti tinggi, pemangkin, aloi, kaca, dan barangan elektronik. REE juga relevan dengan teknologi hijau kerana digunakan dalam produk seperti kenderaan hibrid dan turbin angin, sekali gus menyediakan peluang besar untuk dimanfaatkan oleh Bumiputera.

Langkah Pelaksanaan

Menyedari potensi industri yang belum dimanfaatkan ini, pembentukan Syarikat Unsur Nadir Bumi (REE) Bumiputera akan dapat membuka peluang besar bagi segmen

Bumiputera kerana Malaysia akan menjadi hab penting bagi industri mineral di bawah Pelan Transformasi Industri Mineral 2021-2030 (TIM 2021-2030) dan RMKe-12. Program pembangunan ini bermatlamat untuk menubuhkan Syarikat Unsur Nadir Bumi (REE) Bumiputera untuk pelaksanaan *Carve-Out and Compete* dan menawan sekurang-kurangnya 50% daripada semua pelaburan dan hak untuk melombong REE. Walau bagaimanapun, proses-proses peringkat tinggi perlu diberi perhatian sewajarnya untuk membuka potensi REE:

Rajah 30: Proses Peringkat Tinggi untuk Membuka Potensi REE



Program pembangunan ini juga akan mewujudkan Lembaga Pembangunan Mineral Malaysia (MMIDB) bagi melindungi Bumiputera dalam industri. Cadangan antara lainnya, agar MMIDB akan merancang arah, strategi dan rencana induk nasional untuk sektor industri yang berkaitan terutama yang berkaitan dengan teknologi, tenaga kerja dan pembangunan infrastruktur. Ia juga akan menjadi jambatan antara industri dan universiti serta pelbagai pemain industri untuk memacu agenda nadir bumi nasional.

Pembiayaan

Pembiayaan untuk program ini akan ditentukan setelah perbincangan lebih lanjut dengan pihak berkepentingan yang berkaitan.

Impak

Syarikat Unsur Nadir Bumi (REE) Bumiputera adalah program yang berpotensi menarik pelaburan sehingga RM100 bilion dalam sektor nadir bumi selama 10 tahun akan datang, dengan syarat Kerajaan memberikan arahan dan tadbir urus yang jelas mengenai aturan industri. Program ini dapat membuka potensi **GOS** bernilai **RM10 bilion** pada tahun 2030.



Rasional

Lada hitam adalah rempah yang paling banyak digunakan di dunia sebagai bahan perasa. Malaysia telah terlibat dalam perdagangan lada hitam sejak awal tahun 1970-an. Menurut laporan Komuniti Lada Antarabangsa (IPC), Malaysia berada di kedudukan ke-6 dalam pengeluaran lada hitam global pada tahun 2020.⁴⁹ Lada hitam yang diusahakan di Malaysia terkenal dengan kualiti premium dan telah berkembang daripada tanaman sederhana untuk penggunaan domestik hingga menjadi salah satu penyumbang utama industri pertanian negara. 98% lada hitam Malaysia dibekalkan oleh negeri Sarawak manakala selebihnya 2% dibekalkan oleh Sabah, Johor, Kelantan, Perak, Terengganu dan Pahang.⁵⁰

⁴⁹ Harry Entebang et al, 'Development And Performance Of The Pepper Industry In Malaysia: A Critical Review', *International Journal of Business and Society*, Vol 21 No.3, 1402-1423, 2020

⁵⁰ Lembaga Lada Malaysia

⁵¹ Khalid A. R et al, '50 years of Malaysian Agriculture: Transformational Issue, Challenges & Direction', *Universiti Putra Malaysia*, 2007

⁵² DOSM

Dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, permintaan global untuk lada hitam telah melebihi penawaran; terutamanya akibat peningkatan permintaan daripada industri makanan serta fungsinya sebagai minyak pati dalam industri minyak wangi, kosmetik dan farmasi. Penanaman lada hitam menghasilkan pendapatan 5 hingga enam (6) kali lebih banyak bagi setiap tan berbanding dengan penanaman kelapa sawit, menjadikannya tanaman yang menguntungkan yang seharusnya memainkan peranan lebih besar dalam menyumbang kepada KDNK Malaysia.⁵¹

Rajah 31: Eksport Lada Hitam Sarawak (2017)⁵²

Jepun	25.45%	New Zealand	0.09%
Vietnam	12.99%	Perancis	0.12%
Taiwan	12.49%	Sweden	0.39%
China	18.78%	Belanda	0.39%
Sepanyol	3.76%	Jerman	0.54%
Thailand	1.93%	AS	0.24%
Lain-lain	3.41%	Korea Selatan	7.19%
Afrika Selatan	0.18%	Hong Kong	1.39%
Singapura	8.73%	Pakistan	0.12%
Filipina	1.81%	Australia	0.11%

Langkah Pelaksanaan

Program pembangunan ini beriltizam untuk meningkatkan kemampuan tanaman lada hitam menerusi program penanaman dan penyelenggaraan lada hitam, meningkatkan keluasan ladang dan meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera di dalam aktiviti hiliran produk berasaskan lada hitam.

• Tanaman dan Penyelenggaraan Lada Hitam Baharu

- Membantu tanaman lada hitam dengan input pertanian seperti baja, bahan kimia dan peralatan pemprosesan yang melibatkan lebih daripada 30,000 petani Bumiputera
- Membangun penanaman baharu seluas 1,650 hektar dan mengekalkan 2,000 hektar sedia ada

• Memupuk Usahawan Bumiputera

- Membangunkan 100 usahawan yang mampu menembusi pasaran antarabangsa menjelang 2030

Pembiayaan

Pembiayaan untuk merealisasikan sasaran yang digariskan dalam program pembangunan ini adalah kira-kira RM7 juta.

Impak

Pelaksanaan program pembangunan ini diunjurkan akan meningkatkan pengeluaran lada hitam menjadi 53,500 MT dan eksport 15,700 MT produk lada hitam pada tahun 2030; memperluas pasaran ke rantaian bekalan global dengan potensi sumbangan **GOS RM100 juta** pada tahun 2030. Ini dapat meningkatkan kesejahteraan lebih daripada **30,000** petani Bumiputera dan membangunkan **100** usahawan dan mewujudkan **20** peluang pekerjaan menjelang tahun 2030. Kejayaannya juga akan menyaksikan peningkatan penyertaan lebih ramai pengusaha Bumiputera dalam aktiviti hiliran produk berasaskan lada hitam.

Pemboleh
Daya
#7

**Tindakan Afirmatif dan
Penyelarasan Kukuh oleh
Kerajaan**

Tindakan afirmatif Kerajaan dan kerjasama yang kukuh dengan rakan strategik daripada sektor swasta amat penting dalam mendorong kejayaan program pembangunan di bawah tema ini. Intervensi strategik diperlukan dalam sektor ini memandangkan industri komoditi bernilai tinggi dikuasai oleh syarikat-syarikat yang berkaitan dengan Kerajaan, sekali gus mewujudkan keperluan untuk mewujudkan kemudahan akses ke industri untuk pengusaha.

STRUKTUR TADBIR URUS

Program-program pembangunan di bawah KEGA Pertanian dan Komoditi ini dicadangkan supaya dipantau oleh Jawatankuasa Pemerkasaan Agenda Bumiputera (JPAB) dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha MAFI. Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB) dicadangkan akan bertindak selaku sekretariat untuk JPAB dan akan memastikan semakan bulanan serta memberikan maklum balas, panduan dan penilaian berterusan untuk perkembangan program pembangunan.

JPAB MAFI

Pengerusi JPAB Ketua Setiausaha

Ahli Tetap

- Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian berkaitan
- KPE dan Pengarah Agensi berkaitan

Ahli Jemputan

- Kementerian/Agensi sokongan yang berkaitan
- Pihak Berkepentingan Utama
- Pemilik Program Pembangunan

Sekretariat:

- MAFI
 - UPAB
-

Jawatankuasa Pemerkasaan Agenda Bumiputera (JPAB)

Pertemuan sebulan sekali

- Menjadi platform penyelaras kepada KEGA
- Memantau perkembangan program pembangunan dan KPI
- Membuat keputusan dan memberi panduan
- Menyelesaikan masalah dan isu secara menyeluruh

Pengerusi UPAB Pengarah/ Setiausaha Bahagian

Ahli Tetap

- Kementerian/Agensi Pelaksana
- Pemilik Program Pembangunan

Ahli Jemputan

- Kementerian/Agensi sokongan yang berkaitan
- Pihak Berkepentingan Utama

Sekretariat:

- MAFI
 - UPAB
-

Peringkat Kerja UPAB

Pertemuan setiap dua minggu sekali

- Untuk memudah cara dan memantau pelaksanaan program pembangunan
- Berbincang dan menyelesaikan isu pelaksanaan sebelum di bawa kepada JPAB

KESIMPULAN

KEGA Pertanian dan Komoditi bertekad membuka jalan untuk meningkatkan status sosioekonomi penduduk Bumiputera. Keseluruhan 29 program pembangunan dan pemboleh daya di bawah KEGA ini akan memanfaatkan sumber semula jadi yang ada di negara ini. Selain itu, Bumiputera akan memperoleh peluang baharu untuk meningkatkan pemilikan kekayaan, membangunkan keusahawanan, dan juga membina keupayaan. TPB2030 akan memacu KEGA ini dengan memanfaatkan peluang yang ada di dalam sektor ini. Ia berfungsi sebagai peneraju agenda Bumiputera di dalam KEGA Pertanian dan Komoditi dengan potensi untuk berkembang lebih jauh sepanjang fasa pelaksanaan TPB2030. Program pembangunan juga dirancang untuk menangani impak COVID-19 terhadap ekonomi negara dengan fokus kepada pengukuhan tenaga kerja Malaysia serta memanfaatkan kemajuan teknologi dan penyelesaian IoT di dalam ekosistem industri.

Pendekatan berwawasan untuk menyelaraskan pertanian dan komoditi Malaysia dengan aliran baharu yang muncul akan memastikan bahawa Bumiputera akan bersedia untuk menghadapi cabaran baharu. 29 program pembangunan dan pemboleh daya dikelompokkan di bawah 5 tema seiring dengan fokus KEGA ini - Mengembangkan Produk Pertanian Baharu Bernilai Tambah Tinggi, Menawan Pasaran Premium, Melindungi Jaminan Makanan Malaysia, Memperkukuh dan Menyepadukan Rantaian Nilai Pertanian, serta Memanfaatkan Komoditi Bernilai Tinggi.

Secara keseluruhannya, program pembangunan dan pemboleh daya di bawah KEGA ini menyasarkan kira-kira RM25.06 bilion sumbangan GOS pada tahun 2030 dengan mewujudkan lebih dari 11,156 peluang pekerjaan langsung menjelang tahun 2030. Anggaran pembiayaan sebanyak RM15.59 bilion diperlukan untuk pelaksanaan program pembangunan di bawah KEGA ini.

No

01

02

03

04

05

06

07

08

09

10

11

12

Program Pembangunan	GOS (pada 2030) dan Pembiayaan & Pekerjaan (menjelang 2030)
Membangunkan Ubat - Ubatan Botanik dan Produk Herba Bernilai Tinggi	GOS: RM402 juta Jumlah Pembiayaan: RM1.1 bilion Pekerjaan: 258
Menubuhkan Sebuah Lembah Minyak Pati	GOS: RM137 juta Jumlah Pembiayaan: RM90 juta Pekerjaan: 1,000
Inisiatif Pemodenan Fiber Kenaf	GOS: RM1.01 bilion Jumlah Pembiayaan: RM82 juta Pekerjaan: 2,254
Menubuhkan Sebuah Pusat Florikultur dan Hortikultur	GOS: RM28 juta Jumlah Pembiayaan: RM100 juta Pekerjaan: 71
Membina Taman-Taman Akuakultur A) <i>Aquaculture Valley @ Centre of Excellence (CoE)</i>	GOS: RM40 juta Jumlah Pembiayaan: RM211.77 juta Pekerjaan: 165
Membina Taman-Taman Akuakultur B) <i>Marine Aquaculture Valley Centre of Excellence (CoE)</i>	GOS: RM10 juta Jumlah Pembiayaan: RM49.58 juta Pekerjaan: 50
Membina Taman-Taman Akuakultur C) <i>Penternakan Udang Galah Berskala Besar</i>	GOS: RM30 juta Jumlah Pembiayaan: RM48.79 juta Pekerjaan: 56
Membina Kilang Tanaman Skala Besar untuk Tanaman Nilai Tinggi	GOS: RM2.80 juta Jumlah Pembiayaan: RM79.53 juta Pekerjaan: 19
Membangunkan Industri Benih Bunga Bermusim Malaysia	GOS: RM6.83 bilion Jumlah Pembiayaan: RM53.49 juta Pekerjaan: 50
Memperhebat Perikanan dan Akuakultur Bumiputera	GOS: RM99 juta Jumlah Pembiayaan: RM746.5 juta Pekerjaan: 1,820
Menubuhkan Pusat Kecemerlangan Kebangsaan Ternakan Lembu	GOS: RM370 juta Jumlah Pembiayaan: RM250 juta Pekerjaan: 1,506
Menubuhkan Pusat Kecemerlangan Kebangsaan Akuaponik	GOS: RM460 juta Jumlah Pembiayaan: RM250.5 juta Pekerjaan: 329

No	Program Pembangunan	GOS (pada 2030) dan Pembiayaan & Pekerjaan (menjelang 2030)
13	Menubuhkan Syarikat Biji Benih Bumiputera	GOS: RM280 juta Jumlah Pembiayaan: RM210.03 juta Pekerjaan: 102
14	Membangunkan Rantaian Nilai Sistem Platform Pertanian A) Sistem Platform Pertanian (APS)	GOS: RM880 juta Jumlah Pembiayaan: RM331.21 juta Pekerjaan: 225
15	Membangunkan Rantaian Nilai Sistem Platform Pertanian B) Perancang Tanaman Digital	GOS: RM90 juta Jumlah Pembiayaan: RM137.83 juta Pekerjaan: 236
16	Menubuhkan Pusat Rujukan Kecemerlangan Produk Hutan	GOS: RM 1.17 bilion Jumlah Pembiayaan: RM31.15 juta Pekerjaan: 74
17	Menubuhkan Syarikat Unsur Nadir Bumi (REE) Bumiputera	GOS: RM10 bilion
18	Meningkatkan Kemampanan Penanaman Lada Hitam	GOS: RM100 juta Jumlah Pembiayaan: RM7 juta Pekerjaan: 20
19	Graduan Usahawan Tani Ladang Melon dengan konsep Rumah Hijau	GOS: RM340 juta Jumlah Pembiayaan: RM716.18 juta Pekerjaan: 100
20	Usahawan Tani Pengeluaran Biji Benih	GOS: RM370 juta Jumlah Pembiayaan: RM499.18 juta Pekerjaan: 100
21	Pusat Kecemerlangan Penternakan	GOS: RM20 juta Jumlah Pembiayaan: RM21.42 juta Pekerjaan: 465
22	Program Usahawan Perabot Bumiputera	GOS: RM640 juta Jumlah Pembiayaan: RM193.84 juta Pekerjaan: 1,491
23	Program Usahawan Herba Bumiputera	GOS: RM250 juta
24	Program Pembekal TNB	Jumlah Pembiayaan: RM5 bilion

No	Program Pembangunan	GOS (pada 2030) dan Pembiayaan & Pekerjaan (menjelang 2030)
25	Vaksin Penyemburan Intranasal Untuk Kambing Dan Kambing Biri-Biri	GOS: RM530 juta Jumlah Pembiayaan: RM63.38 juta Pekerjaan: 85
26	Pembiayaan Bumiputera di dalam Sektor Pertanian	Jumlah Pembiayaan: RM5.25 billion
27	Rantain Bekalan Digital Alternatif untuk Sektor Pertanian	GOS: RM980 juta Jumlah Pembiayaan: RM34.6 juta Pekerjaan: 600
28	Projek Transformasi Perusahaan Getah (TARGET)	Jumlah Pembiayaan: RM18.68 juta
29	Program Usahawan Bumiputera Industri Getah (UBIG)	GOS: RM5 juta Jumlah Pembiayaan: RM14.63 juta Pekerjaan: 80

Ekonomi Digital



30
Program
Pembangunan

**RM65.17
bilion**
GOS 2030

214,143
Pekerjaan
Langsung

**RM12.83
bilion**
Jumlah
Pelaburan

Tema 1:
MEMBANGUNKAN JUARA
DIGITAL BUMIPUTERA

Tema 2:
MENGGALAKKAN
BUMIPUTERA MELANGKAUI
SEMPADAN

Tema 3:
MEMPERCEPAT PENGUKUHAN
ASAS DIGITAL

02



RINGKASAN EKSEKUTIF



Kemajuan ekonomi digital yang berterusan telah mempengaruhi manusia sejagat sehingga mencapai skala yang tidak pernah dikecapi sebelum ini dan mengubah gaya hidup komuniti di serata dunia.

Menurut Oxford Economics, ekonomi digital pada tahun 2016 telah berkembang 2.5 kali lebih pantas daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) global berbanding 15 tahun yang lalu. Ekonomi digital juga dijangka akan mempunyai nilai sebanyak ASD23 trilion pada tahun 2025, bersamaan 24.3% GDP global. Di peringkat ASEAN, Forum Ekonomi Dunia (WEF) juga meramalkan perkembangan signifikan ekonomi digital dengan tambahan kira-kira ASD1 trilion kepada KDNK dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Peranan ekonomi digital menjadi semakin penting, terutamanya sejak penularan pandemik COVID-19 pada peringkat global. Teknologi digital telah membuktikan bahawa

ia boleh menjadi perantara kemajuan dalam masa-masa positif serta berperanan sebagai alat kemandirian dalam krisis mencabar. Sambungan internet di seluruh dunia dan kemahiran digital yang diguna pakai merentasi komuniti telah membolehkan kebanyakan negara mengharungi krisis kesihatan dan ekonomi akibat penularan COVID-19.

Malaysia sebagai negara membangun sedang mencatat kemajuan dalam perkembangan sektor ekonomi digital. Pada hujung dekad ini, Malaysia dijangka akan menjadi ekonomi bernilai tambah tinggi dan pengeksport bersih teknologi tempatan dan penyelesaian digital, berdasarkan pelan yang ditetapkan dalam Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL). Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) Ekonomi Digital dijangka akan menjadi penyumbang terbesar dalam merealisasikan hasrat Kerajaan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Ekonomi digital, sepertimana yang didefinisikan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), merangkumi aktiviti dan transaksi yang dipacu oleh sektor awam, swasta serta rakyat untuk menghasilkan, mengguna pakai, dan menginovasi teknologi digital serta perkhidmatan yang berkaitan fungsi sosioekonomi melalui penambahbaikan penciptaan kekayaan, produktiviti, dan kualiti hidup. Malaysia adalah antara negara peneraju dalam kalangan negara-negara membangun di mana sektor ekonomi digitalnya memberi sumbangan signifikan kepada KDNK negara. Sehingga tahun 2018, ekonomi digital Malaysia menyumbang 18.5% atau RM267.7 bilion kepada keseluruhan KDNK.⁰¹ Angka ini lebih tinggi berbanding negara-negara membangun lain yang hanya mencatat sumbangan sektor kira-kira 10% kepada KDNK keseluruhan. Sebagai contoh, sehingga tahun 2020, ekonomi digital menyumbang kira-kira 3% kepada KDNK Indonesia, 4% kepada KDNK Rusia, dan kira-kira 7% hingga 8% kepada KDNK India.

Kerajaan menjangkakan ekonomi digital Malaysia akan menyumbang 20% kepada KDNK pada akhir tahun 2021 berbanding 19.1% berikutan keadaan pandemik COVID-19 yang melanda pada tahun 2020. Malah, Kerajaan mensasarkan sumbangan 22.6% ekonomi digital kepada KDNK Malaysia dengan membuka peluang sehingga 500,000 pekerjaan melalui sektor ini pada tahun 2025. Walau bagaimanapun, dengan kemajuan yang telah dicapai, sebahagian besar ekonomi digital Malaysia masih didominasi oleh syarikat besar, meskipun telah wujud pelbagai program untuk menggalakkan guna pakai dan inovasi kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pertumbuhan sektor ini adalah perlahan sejak kebelakangan ini, dengan 6.9% pada tahun 2018 berbanding 9.8% yang dicatat pada tahun sebelumnya. Sektor ini mencatatkan pertumbuhan tahunan sekurang-kurangnya 9% daripada tahun 2010 hingga tahun 2016. Di samping itu, bilangan penyertaan usahawan Bumiputera dalam ekonomi digital masih rendah berbanding bukan Bumiputera.

Oleh itu, wujud keperluan untuk menyediakan

ekosistem yang lebih dinamik bagi membolehkan ekonomi digital dimajukan dan membantu meningkatkan status sosioekonomi Bumiputera. Ini termasuk perubahan infrastruktur, polisi, kemahiran, dan pendanaan awam yang memanfaatkan Bumiputera.

Bagi menyokong matlamat ini, Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) diwujudkan sebagai hala tuju komprehensif bagi menjana penyertaan Bumiputera dalam sektor-sektor ekonomi penting seperti ekonomi digital bagi dekad seterusnya sebagai matlamat jangka panjang Kerajaan untuk memastikan kemakmuran bersama.

Kejayaan KEGA ini akan berlandaskan tiga (3) tema iaitu: Membangunkan Juara Digital Bumiputera, Menggalakkan Bumiputera Melangkaui Sempadan, dan Mempercepat Penguatkuasaan Asas Digital. 3 tema ini digerakkan oleh 30 program pembangunan dan disokong oleh empat (4) pemboleh daya, yang telah dikenal pasti untuk memacu pendigitalan ekonomi Bumiputera.


Kejayaan pelaksanaan program pembangunan di bawah KEGA Ekonomi Digital akan menyumbang kepada Lebihan Kendalian Kasar (GOS) Bumiputera sebanyak RM65.17 bilion kepada KDNK pada tahun 2030, dan mewujudkan 214,143 pekerjaan baharu. Pembiayaan keseluruhan yang diperlukan bagi 30 program pembangunan ini dianggarkan berjumlah RM12.83 bilion.

Melalui program pembangunan yang telah dikenal pasti, perusahaan Bumiputera akan berupaya untuk mengembangkan tawaran perkhidmatan digital mereka, menceburkan diri ke dalam ruang digital baharu, menyertai projek anjuran Kerajaan, dan menyokong penyampaian perkhidmatan awam. Aspirasi KEGA ini dirangka agar perusahaan Bumiputera berupaya untuk bersaing di dalam ruang digital dan menyokong pertumbuhan ekonomi digital Malaysia.


⁰¹ *Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)*

dunia. Individu yang lahir selepas tahun 1980 dikategorikan sebagai Millenial (Generasi Y), Generasi Z dan Generasi Alfa; dan telah dicirikan sebagai pengguna awal teknologi digital atau lahir sebagai warga natif digital. Mereka kini terdiri daripada 75.5% populasi dan akan meningkat kepada 88.6% pada tahun 2050.⁰²


Rajah 2: Sumbangan KDNK Global dan Unjuran (2016-2025)
ASD Trilion




Penggunaan dan Jualan bagi Pelbagai Perkhidmatan Digital
Pengguna



Rajah 3: Pengguna Individu Internet (2005 - 2019)
Bilion




Capaian Internet (2002 - 2022)
Gigabit per saat



Pencapaian senario pendigitalan yang tinggi boleh memberi kesan kepada peningkatan sebanyak ASD1.7 trilion kepada KDNK global, seperti yang diramal oleh Oxford Economics. Ini menyamai penambahan ASD500 setahun ke dalam poket setiap individu yang bekerja.

⁰² Statista

Rajah 4 : Nilai Tambah Sektor ICT dalam Peratusan Nilai Keseluruhan pada Harga Semasa (2015)
%



Sumber: Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), Digital Economy Outlook 2017; Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Information and Communication Technology Satellite Account, 2016.

Di Malaysia, sektor ekonomi digital telah berkembang dengan signifikan berbanding ekonomi Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) yang lain kerana penguasaan relatif sektor pembuatan ICT dan telekomunikasi. Malah, Malaysia adalah antara negara peneraju dalam kalangan negara-negara membangun di mana sektor ekonomi digital memberi sumbangan signifikan kepada KDNK keseluruhan negara. Sehingga tahun 2018, ekonomi digital Malaysia menyumbang 18.5% (RM 267.7 bilion) kepada KDNK keseluruhan.⁰³

Rajah 5: Tinjauan Ekonomi Digital di Malaysia

Purata sumbangan ekonomi negara-negara membangun adalah kira-kira 10% kepada keseluruhan KDNK

Ekonomi Digital

18.5%
sumbangan kepada ekonomi negara

RM267.7 Bilion
nilai nyata

Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan ekonomi digital bertumbuh sederhana pada tahap 6.9% tahunan berbanding 9.8% yang dicatatkan pada tahun sebelumnya

Pekerjaan dalam Ekonomi Digital

7.6%
sumbangan kepada keseluruhan pekerjaan

1.12 Juta
diberi pekerjaan

RM75 Bilion
pampasan kepada pekerja

37.8%
bahagian kepada KDNK

e-Dagang

8%
sumbangan e-Dagang kepada KDNK

7.9%
nilai tambah e-Dagang

- Industri ICT: 2.1%
- Bukan ICT: 5.9%

Nilai Mutlak
• 2018 : RM115.5 bilion
• 2017 : RM107.1 bilion

Perdagangan ICT



RM88.5 Bilion
Lebih eksport bersih produk ICT

- 2017: Lebih RM56.2 bilion

Sumber: DOSM: Ekonomi Digital Malaysia 2018

Jumlah ini adalah lebih tinggi berbanding purata sumbangan ekonomi membangun (yang mencatatkan sumbangan kira-kira 10% daripada KDNK keseluruhan). Sebagai contoh, sehingga tahun 2020, ekonomi digital menyumbang kira-kira 3% kepada KDNK Indonesia, 4% kepada KDNK Rusia, dan kira-kira 7% hingga 8% kepada KDNK India.⁰⁴ Dari segi penembusan internet dan langganan mudah alih, Malaysia menunjukkan prestasi lebih baik berdasarkan pendapatan per kapita berbanding negara ASEAN lain dan kebanyakan negara OECD,⁰⁵ seperti yang ditunjukkan di Rajah 6.

Rajah 6: Penembusan Internet dan Langganan Mudah Alih



Sumber: Bank Dunia

Pada tahun 2025, Kerajaan menyasarkan sumbangan ekonomi digital sebanyak 22.6% kepada KDNK negara dan mewujudkan 500,000 pekerjaan. Ini akan disokong oleh 3 tema; Membangunkan Juara Digital Bumiputera, Menggalakkan Bumiputera Melangkaui Sempadan, dan Mempercepat Pengukuhan Asas Digital.

Pandemik COVID-19 telah Mempercepat Usaha Pendigitalan ke Arah Negara Berangkaian Digital

Nilai ekonomi perdagangan digital memberi faedah kepada ekonomi Malaysia. Sekiranya dimanfaatkan sepenuhnya, ia dijangka berkembang kepada RM222 bilion pada tahun 2030 berbanding RM31 bilion hari ini.⁰⁶ Pandemik COVID-19 telah memaksa banyak perniagaan dan individu meningkatkan penggunapakaian digital dan teknologi. Ini terbukti penting bagi kesinambungan perniagaan dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Peralihan aktiviti ekonomi ke arah teknologi dalam talian berlaku dengan pantas ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ianya merupakan satu norma baharu untuk bekerja dari rumah, menghadiri kelas jarak jauh, dan menggunakan e-Dompet untuk membeli belah secara fizikal dan dalam

talian. Bantuan Kerajaan melalui program ePENJANA dan daftar masuk wajib melalui aplikasi MySejahtera juga telah meningkatkan keselesaan penggunaan platform digital, terutamanya bagi generasi yang lebih dewasa.

Cabaran pandemik ini telah menyebabkan Kerajaan kekal komited dalam memastikan sambungan rangkaian yang baik dan inklusif di Malaysia. Dengan perkembangan pesat teknologi, ianya akan terus merevolusikan cara hidup kita dan cara perniagaan beroperasi.

e-Dagang akan Menjadi Teras Pertumbuhan Penting

Segmen e-Dagang akan menjadi pemacu utama bagi kejayaan ekonomi digital. Pasaran e-Dagang Malaysia kini bernilai ASD4.3 bilion. Nilai ini dijangka akan berganda kepada ASD8.1 bilion menjelang tahun 2024.

Keuntungan dalam pasaran global e-Dagang diunjurkan akan mencecah ASD4.5 trilion pada tahun 2020. Purata keuntungan untuk setiap

⁰³ DOSM

⁰⁴ Sumber Berita Tempatan

⁰⁵ Bank Dunia; International

Telecommunication Union 2017


⁰⁶ Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD)

Rajah 7

Jualan e-Dagang: 10 Negara Tertinggi (2017)								Jangkaan Jualan B2C Rentas sempadan: 10 negara pengeksporth barang niaga terbaik (2017)				
Kedudukan	Negara	Jumlah Jualan e-Dagang	Sumbangan KDNK	B2B	Jumlah Syer Keseluruhan e-Dagang	B2C	Perbelanjaan purata tahunan per pembeli belah atas talian (USD)	Kedudukan	Ekonomi	Jualan B2C Rentas Sempadan	Syer daripada eksport barang niaga	Syer daripada jualan B2B
		(ASD bilion)	(%)	(ASD bilion)	(%)	(ASD bilion)				(ASD bilion)	(%)	(%)
1	Amerika Syarikat	8,883	46	8,129	90	753	3,851	1	Amerika Syarikat	102	6.6	13.5
2	Jepun	2,975	61	2,828	95	147	3,248	2	China	79	3.5	7.5
3	China	1,931	16	869	49	1,062	2,574	3	United Kingdom	31	7.0	15.0
4	Jerman	1,503	41	1,414	92	88	1,668	4	Jepun	18	2.6	12.2
5	Korea Selatan	1,290	84	1,220	95	69	2,983	5	Jerman	15	1.0	17.1
6	United Kingdom	755	29	548	74	206	4,658	6	Perancis	10	1.8	10.6
7	Perancis	734	28	642	87	92	2,577	7	Kanada	8	1.8	12.7
8	Kanada	512	31	452	90	60	3,130	8	Itali	4	0.7	16.2
9	India	400	15	369	91	31	1,130	9	Korea Selatan	3	0.5	3.8
10	Itali	333	17	310	93	23	1,493	10	Belanda	1	0.2	5.0
	Jumlah Keseluruhan	19,315	36	16,782	87	2,533	2,904		Jumlah bagi 10 Negara	270	3.0	10.7
	Dunia	29,367		25,516		3,851			Dunia	412	2.3	10.7

Sumber: UNCTAD

Rajah 8: Keluk Evolusi e-Dagang



Rajah 9: Faktor Perangsang Pertumbuhan e-Dagang di Malaysia

1. Kelebihan Geografi dan Topografi

2. Lonjakan Runcit e-Dagang

Malaysia berada di kedudukan ke-2 dalam pertumbuhan terpanjang pasaran runcit di dunia pada tahun 2018. Nilai jualan runcit dalam talian akan meningkat melebihi 60% CAGR (tahun 2017 - 2020)

3. Pengguna Celik Digital, Keutamaan Muda Alih (Mobile-first Consumers)

140% penembusan mudah alih dan 85% penembusan internet; > 26 juta rakyat Malaysia mempunyai capaian internet; 80% pengguna (16<umur<64) sudah membeli belah dalam talian

4. Perkembangan Media Sosial

25 juta pengguna media sosial aktif pada tahun 2019 (78% daripada jumlah populasi)

5. Pengguna Selesa dengan Pembayaran Digital

Buat masa sekarang 39 perniagaan dengan lesen e-wang wujud dalam negara

6. Inisiatif Kerajaan

Mewujudkan Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan pada tahun 2016 dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) pada tahun 2021

Sumber: Statista, Capillarytech, IGD Asia

pengguna dijangka mencecah ASD340.82, bersamaan dengan nilai CAGR 16.7% untuk beberapa tahun akan datang, dan akan mewujudkan jumlah pasaran bernilai ASD9.7 trilion pada tahun 2025.⁰⁷

Industri fesyen merangkumi segmen terbesar dengan jumlah pasaran bernilai ASD1.42 trilion pada tahun 2020.⁰⁸ Penembusan pengguna

dalam e-Dagang adalah 40.5% pada tahun 2020 dan dijangka mencecah 53.1% pada tahun 2025. Antara sektor lain yang akan menjadi penjana penting bagi penyertaan Bumiputera dalam ekonomi digital termasuklah dron, animasi dan e-Sukan.

KES UNTUK INTERVENSI

Sektor ekonomi digital Malaysia telah berkembang positif sepanjang tahun, berbanding negara-negara membangun yang lain terutamanya dari segi sumbangan sektor kepada KDNK.⁰⁹ Walau bagaimanapun, isu-isu seperti penggunapakaian yang rendah dan kelemahan infrastruktur digital juga terus wujud. Ini telah menghalang rakyat Malaysia daripada mengecapi peluang digital yang luas di luar sana. Kadar pertumbuhan sektor ini juga perlahan, dengan pertumbuhan tahunan kira-kira 6.9% pada tahun 2018 berbanding 9.8% yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.¹⁰ Sektor ini sebelum ini mencatatkan pertumbuhan tahunan sekurang-kurangnya 9% dari tahun 2010 hingga tahun 2016.

Jumlah penyertaan usahawan Bumiputera dalam ekonomi digital yang masih rendah berbanding bukan Bumiputera, dan ini membuka peluang untuk usahawan Bumiputera memacu pertumbuhan sektor ekonomi digital di Malaysia. Di samping itu, wujudnya keperluan untuk membina ekosistem yang lebih dinamik supaya ekonomi digital semakin berkembang. Kelebihan daya saing ini harus dinilai berdasarkan kualiti pekerja dan produktiviti yang lebih tinggi, dan bukanlah kepada kos pekerja yang rendah. Ini diikuti perubahan kepada infrastruktur sektor, peraturan, kemahiran, dan pembiayaan awam yang memanfaatkan Bumiputera.

Penggunapakaian Digital yang Rendah dalam Kalangan PKS

Sehingga tahun 2020, hanya 62% perniagaan di peringkat global yang mempunyai rangkaian internet dan 46% daripadanya memiliki rangkaian jalur lebar talian tetap berkualiti rendah. Manakala hanya 18% memiliki kehadiran laman sesawang atau aplikasi dalam talian yang lain.¹¹

Di samping itu, teknologi digital masih belum memberi impak yang signifikan kepada amalan perniagaan. Contohnya, perniagaan di dalam sektor perkhidmatan kurang menggunakan internet untuk komunikasi berbanding sektor yang lain, namun lebih cenderung memiliki laman sesawang.

Kekangan Capaian kepada Internet Berkelajuan Tinggi, Mampu Milik dan Andal

Di peringkat global, kira-kira 80% populasi berada di dalam talian melalui rangkaian mudah alih, dengan 92 langganan aktif jalur lebar mudah alih per 100 penduduk. Di Malaysia, penggunapakaian perkhidmatan jalur lebar masih rendah dengan kira-kira sembilan (9) langganan jalur lebar per 100 penduduk di Malaysia.¹² Akses kepada internet berkelajuan tinggi, mampu milik dan andal terus menjadi cabaran utama, terutamanya kepada Bumiputera.

Infrastruktur digital yang menyediakan perkhidmatan internet jalur lebar yang pantas dan boleh diakses di mana-mana adalah kunci kepada pembangunan potensi ekonomi

digital di Malaysia. Penambahbaikan akses kepada jalur lebar tetap berkelajuan tinggi, mampu milik dan andal amat penting dalam membantu PKS bersaing dengan firma yang memiliki sumber yang lebih baik dan canggih.

Kekurangan Kemahiran Digital

Walaupun akses perniagaan kepada internet telah meningkat tiga kali ganda, teknologi digital masih belum mencapai potensi penuh dalam mengubah amalan perniagaan akibat kekurangan kemahiran dan cara berfikir analog. Pada masa yang sama, sistem pendidikan dan program latihan tenaga kerja masih belum cukup untuk menyediakan pekerja dengan kemahiran yang tepat bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat dalam ekonomi digital.

Inovasi digital menjadi perlahan akibat kesukaran dalam mengakses data Kerajaan sekali gus menurunkan peluang untuk mengakses analitik data raya. Selain itu, wujud juga isu antara perlindungan data dan penggunaan sah bagi tujuan komersial.

Sebahagian besar rakyat Malaysia lebih cenderung menggunakan tunai walaupun keterangkuman kewangan berada pada kadar yang tinggi. Ini melembapkan proses transformasi digital kewangan dan menimbulkan masalah birokrasi dalam aktiviti-aktiviti tertentu.

⁰⁷ Statista; Capillarytech; IGD Asia

⁰⁸ Ibid

⁰⁹ OECD

¹⁰ DOSM

¹¹ Forum Ekonomi Dunia (WEF), *Digital Transformation Initiatives*

¹² Bank Dunia, 2018

VISI

Pelaksanaan program pembangunan di bawah KEGA Ekonomi Digital akan menyumbang keseluruhan GOS Bumiputera sebanyak RM65.17 bilion kepada KDNK pada tahun 2030, dan mencipta 214,143 pekerjaan baharu. Pembiayaan keseluruhan yang diperlukan bagi 30 program pembangunan ini dijangka sebanyak RM12.83 bilion.

Melalui program pembangunan yang telah dikenal pasti, perusahaan Bumiputera akan berupaya untuk mengembangkan tawaran perkhidmatan digital, menceburi ruang digital baharu, menyertai projek Kerajaan, dan menyokong penyampaian perkhidmatan awam. Aspirasi TPB2030 dirangka agar perusahaan Bumiputera berkebolehan berpeluang untuk bersaing dalam ruang digital, sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi digital Malaysia.





“

Kejayaan pelaksanaan program pembangunan di bawah KEGA Ekonomi Digital akan menyumbang GOS bernilai RM65.17 bilion pada tahun 2030, dan mencipta 214,143 pekerjaan langsung kepada sektor ini. ”

”



PROGRAM PEMBANGUNAN

30 program pembangunan telah dikenal pasti di bawah KEGA Ekonomi Digital adalah berdasarkan potensi untuk memangkin pembangunan sektor ekonomi digital. Program pembangunan ini dikumpulkan di bawah tiga (3) tema dengan matlamat untuk memacu pendigitalan ekonomi Bumiputera dan mentransformasi Malaysia ke arah negara berteknologi tinggi.

Bagi merealisasikan visi ini, fokus akan diberi kepada usaha memperkukuh asas bakat digital Bumiputera, mengatasi halangan inovasi digital dan membangunkan juara digital Bumiputera, seperti yang dibentangkan di dalam 3 tema yang digariskan di bawah.

Tema 1:

MEMBANGUNKAN JUARA DIGITAL BUMIPUTERA


Industri perkhidmatan digital telah mengubah cara kita beroperasi dalam kehidupan seharian daripada memesan makanan kepada melabur dalam aset kewangan. Ianya merupakan satu titik tolak dalam transformasi ekonomi di setiap negara di serata dunia, daripada Amerika Syarikat hingga ke Vietnam. Ketika dunia sedang berlumba untuk menguasai pasaran digital serantau dan global, tema Juara Digital Bumiputera bermatlamat untuk membantu Bumiputera dalam mewujudkan peneraju perkhidmatan digital dunia yang akan meningkatkan produktiviti dan kecekapan bukan hanya kepada rakyat Malaysia, malah seluruh dunia.

Malaysia sudah pun melabur dalam pembangunan sektor ini sejak 10 tahun yang lalu melalui pelbagai inisiatif di bawah MDEC, Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), dan sebagainya. TPB2030 akan membina inisiatif semasa yang telah

dimulakan oleh Kerajaan dan memberi fokus kepada idea yang mengubah corak yang akan meletakkan perkhidmatan digital Bumiputera di pentas global.


Tema ini mewakili kerjasama awam-swasta (PPP) yang diterajui industri untuk mengembangkan pemain digital Bumiputera. Ketika ini, Malaysia masih berada di belakang negara-negara maju dari segi pemilikan aplikasi digital yang besar untuk bersaing di pasaran global. Di luar Malaysia, tujuh (7) syarikat daripada sektor teknologi dan digital kini menduduki 10 tempat teratas syarikat terbesar berdasarkan penguasaan pasaran iaitu Microsoft, Apple, Amazon, Alphabet, Facebook, Alibaba, dan Tencent. Grab, yang bermula di Malaysia sebagai MyTeksi dan kemudian berkembang ke Singapura, adalah satu-satunya syarikat digital yang berupaya menguasai pasaran global. Kisah Grab boleh dijadikan teladan bahawa idea dan jenama dari Malaysia memiliki potensi untuk menjadi pesaing global.

Rajah 10: 10 Syarikat Teratas Mengikut Permodalan Pasaran (2020)



Sumber : Statista

Permodalan Pasaran (Syarikat T20) mengikut Sektor (2009 vs 2018)



Sumber: Digital Economy Report 2019, UNCTAD

3 program pembangunan telah dikenalpasti bagi memangkin proses mewujudkan Juara Digital Bumiputera.

Program Pembangunan #1 Platform Saluran Media untuk Membantu Penerbit Tempatan Memasarkan Kandungan Kreatif

Program Pembangunan #2 Platform Perkhidmatan Digital untuk Perkhidmatan Awam

Program Pembangunan #3 Platform Digital untuk Mengoptimumkan Program Peruntukan Kerajaan

Pemboleh Daya #1 Menubuhkan Dana Teknologi Global Diterajui Kerajaan

Pemboleh Daya #2 Memulakan Semula Geran Idea dan Suntikan Modal Pemula

Tema 2: MENGGALAKKAN BUMIPUTERA MELANGKAUI SEMPADAN

Peningkatan penggunaan perkhidmatan komunikasi adalah satu pemacu yang kukuh dalam meningkatkan produktiviti dan kelancaran dalam sektor lain, dan pada masa yang sama, membentuk cara kita membina bandar dan meneroka peluang ekonomi baharu. Contohnya perkembangan perkhidmatan digital dalam perancangan bandar, pendidikan, sukan, dan sektor penjagaan kesihatan. Peng-

gunaan teknologi telah membangunkan bandar-bandar pintar, pembelajaran dalam talian, e-Sukan, dan teleperubatan. Perubahan struktur memerlukan usaha teguh Kerajaan bagi menyediakan momentum untuk mencambahkan transformasi.

Pelbagai usaha Kerajaan telah dijalankan untuk menggalakkan penggunaan digital dalam sektor-sektor ini dan telah mencapai kejayaan yang relatif. Walau bagaimanapun, impak kepada Bumiputera masih belum ketara. Pendekatan yang lebih berfokus dan bersasar oleh Kerajaan diperlukan untuk meletakkan Bumiputera di barisan hadapan inovasi digital melalui kerjasama erat antara pemain industri dan agensi Kerajaan.

3 program telah dikenal pasti sebagai program pembangunan untuk memangkin perubahan dalam sektor ini.

Program Pembangunan #4	Program Bandar Pintar
Program Pembangunan #5	Menjadi Hab Serantau untuk e-Sukan dan Kandungan Permainan Video (GVC)
Program Pembangunan #6	Platform Pendidikan Abad Ke-21
Pemboleh Daya #3	Mendidik Perniagaan dan Orang Awam tentang Celik Digital

Tema 3:

MEMPERCEPAT PENGUKUHAN ASAS DIGITAL

Asas yang menyokong keupayaan Malaysia untuk mencapai potensi ekonomi digital yang diteraju Bumiputera perlu diperkasa. Asas ini termasuk memastikan wujudnya infrastruktur yang stabil, dan memberi rakyat Malaysia akses yang lebih baik kepada platform digital dan membantu peralihan daripada perniagaan yang tidak memiliki kehadiran digital.

Kerajaan akan menerajui pertumbuhan syarikat dan individu Bumiputera dengan mengukuhkan sambungan dan kandungan internet dengan matlamat untuk meningkatkan penembusan jalur lebar, serta menggalakkan PKS Bumiputera menyertai dan memanfaatkan program digital yang ada.

Program Pembangunan #7	Merapatkan Jurang Hubungan Internet dan Isi Kandungan
Program Pembangunan #8	Program Digital PKS Bumiputera
Pemboleh Daya #4	Capaian kepada Internet Mampu Milik, Andal dan Berkelajuan Tinggi

Tema 1: MEMBANGUNKAN JUARA DIGITAL BUMIPUTERA

Program Pembangunan #1 Platform Saluran Media untuk Membantu Penerbit Tempatan Memasarkan Kandungan Kreatif

Rasional


Jumlah tontonan kandungan media digital telah berkembang berlipat kali ganda di seluruh dunia. Peningkatan jumlah peranti yang boleh mengakses internet dan media telah menyediakan pengguna dengan pilihan untuk mengakses kandungan media yang luas di mana-mana pada bila-bila masa. Perkembangan pesat Netflix, Disney+,

Amazon Prime, dan Apple TV memberi tanda bahawa media dan industri hiburan kini sedang berkembang. Jika ingin dibandingkan, Malaysia masih lagi ketinggalan di belakang banyak negara dari segi sumbangan industri kreatif kepada KDNK. Kecenderungan dengan produksi dan kandungan luar negara oleh rakyat Malaysia jelas ditunjukkan melalui rating penonton bagi program-program televisyen serta trafik lawatan ke laman sesawang utama antarabangsa. Sementara itu, produksi tempatan, seperti siri animasi Upin dan Ipin atau dokumentari popular Jejak Rasul telah mengecapi kejayaan tempatan malah mengorak langkah ke pasaran serantau. Ini menandakan wujudnya permintaan bagi produksi tempatan yang berkualiti di Malaysia dan serantau, yang masih belum lagi dipenuhi.¹³

Langkah Pelaksanaan

Kerajaan, melalui agensi penyiaran rasmi, Radio Televisyen Malaysia (RTM), dengan kerjasama sektor swasta, akan membangunkan pusat digital atau hab media digital bagi menyediakan penciptaan kandungan, pengumpulan dan pengedaran, sama seperti Netflix. Tujuan

Rajah 11 : Platform Bersepadu Saluran Media



inisiatif ini adalah untuk mencipta kandungan industri kreatif tempatan, perkhidmatan, pengedaran, dan sektor penyiaran akan digalakkan, lantas mentransformasi Malaysia menjadi hab serantau bagi pengedaran media digital. Hab Media ini akan menggunakan teknologi canggih yang disokong oleh sistem saluran media berasaskan awan (*cloud-based media*) yang merangkumi keseluruhan rantai nilai daripada penciptaan kandungan kepada pengedaran kandungan sehingga ke pengguna akhir.

Ia dijangka akan mengubah cara pengeluaran, pembiayaan, dan pengurusan kandungan media dalam kalangan penerbit Bumiputera. Hab Media Digital ini akan memenuhi keperluan-keperluan ini:

- Lokasi simpanan am bagi kandungan pasca-produksi;
- Jualan produk atas permintaan;
- Perkhidmatan pemprosesan kandungan *cloud-based*;
- Perkhidmatan simpanan studio ke pengedar dan;
- Gerbang Media yang mengawal selia pemindahan maklumat perniagaan dan proses media digital dalam perniagaan yang pelbagai.

Pembiayaan

Pembiayaan keseluruhan yang diperlukan bagi program ini berjumlah kira-kira RM261 juta. Dana ini akan disalurkan untuk memperoleh hak menerbitkan kandungan video daripada arkib nasional, mencipta platform pasaran kandungan atas permintaan, membangunkan aplikasi TV pintar dan mudah alih bagi saluran, serta mendapatkan pensijilan patuh syariah.

Impak

Sumbangan **GOS** bagi program pembangunan ini dijangka bernilai **RM21 juta** pada tahun 2030, dengan potensi mewujudkan **450** pekerjaan.



Rasional

Masa menunggu yang lama di hospital sudah menjadi satu kebiasaan bagi pesakit yang ingin mendapatkan rawatan perubatan di hospital awam. Jumlah pesakit yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan awam adalah tinggi kerana kos yang murah dan ketiadaan alternatif terutamanya di kawasan pedalaman mengakibatkan bebanan kepada sistem perubatan awam. Ini mengakibatkan ketidakpuasan hati dan kekeliruan dalam kalangan pesakit. Golongan yang datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah, yang kebanyakannya adalah Bumiputera, dan tidak berkemampuan untuk mendapatkan rawatan di hospital swasta serta tidak memiliki insurans ini mempunyai pilihan yang terhad. Bagi menangani situasi ini, Kerajaan ingin menggunakan teknologi digital dan data raya bagi mengurangkan masa menunggu di hospital awam.

Langkah Pelaksanaan

Satu penyelesaian yang akan diteroka melalui TPB2030 adalah mewujudkan platform digital yang akan mengurangkan beban berlebihan dan mengurangkan masa menunggu yang panjang. Dengan platform digital ini, pesakit dijangka akan mendapatkan masa menunggu untuk diagnostik dengan lebih cepat, mendapatkan rawatan dengan lebih pantas, dan memperoleh pengalaman perkhidmatan keseluruhan yang lebih baik. Hospital juga dijangka akan dapat menjimatkan kos kesan daripada pengurangan masa menunggu. Platform ini akan memperkemas pendaftaran pesakit dan proses rujukan serta mengurangkan masa menunggu pesakit dan tempoh berada di hospital. Platform ini telah menjalani tempoh ujian awal dalam skala kecil pada hujung tahun 2019 dan berpotensi untuk dikembangkan kepada penyampaian perkhidmatan awam yang lain.

Pembiayaan

Program pembangunan ini memerlukan kira-kira RM70 juta dana keseluruhan. Pembiayaan

¹³ Program Transformasi Ekonomi (ETP) Hala Tuju 2010

ini akan digunakan untuk pembangunan sistem dalam talian.

Impak

Sumbangan **GOS** program ini dijangka bernilai **RM29 juta** pada tahun 2030, dengan peluang mencipta **50** pekerjaan. Ia juga akan mengurangkan masa menunggu pesakit di hospital awam, dan menyediakan proses yang lebih lancar dan teratur dalam penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan awam.



Rasional

Satu lagi bahagian yang boleh memanfaatkan kemajuan digital dalam sektor awam adalah dalam bahagian pengagihan bantuan. Kerajaan akan mengguna pakai platform digital sedia ada untuk membantu program pengeluaran bantuan bagi mengelakkan pemalsuan dan pembaziran dalam pengagihan sumber. Ketika ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan RM1.6 bilion bantuan kewangan setiap tahun kepada kira-kira 500,000 penerima setiap bulan.¹⁴ Kebanyakan penerima ini memohon dan melakukan pengisytiharan sendiri dengan penilaian dan kelulusan daripada JKJ.

Langkah Pelaksanaan

Salah satu penyelesaian yang dipertimbangkan oleh Kerajaan adalah melalui penerokaan penggunaan platform kebajikan digital sedia ada yang beroperasi dengan prinsip utama seperti berikut:

- Mengenal pasti lokasi yang memerlukan bantuan melalui input daripada individu dan NGO;
- Memberikan bantuan secara automatik kepada individu yang memerlukan, bertepatan pada masa;
- Menguruskan bantuan secara berpusat bagi mengelakkan pemalsuan;
- Memastikan keperluan keselamatan dan perlindungan penerima dipenuhi;
- Mencegah penyalahgunaan melalui automasi digital dan ketelusan aplikasi; dan

- Memastikan sumber yang mencukupi dan mengoptimalkan sumber secara berterusan

Sejak dimulakan pada Mei 2020, platform sedia ada ini telah membantu lebih daripada 1,000 keluarga, kebanyakannya adalah Bumiputera, dan telah mengumpul derma berbentuk tunai dan barangan berjumlah lebih RM600,000.

Pembiayaan

Pembiayaan keseluruhan yang diperlukan bagi program ini adalah kira-kira RM138 juta. Ini akan disalurkan kepada pembinaan platform dan mendapatkan kerjasama daripada pihak awam dan swasta yang relevan.

Impak

Sumbangan **GOS** program ini dijangka bernilai **RM90 juta** pada tahun 2030 dengan peluang untuk mencipta **150** pekerjaan. Selain itu, perkhidmatan digital ini dijangka akan memberikan penjimatan 10% kepada JKJ.

Antara program-program lain yang telah dikenal pasti untuk membangunkan Juara Digital Bumiputera adalah:

¹⁴ Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKJ)

No.	Nama Program Pembangunan	Maklumat	GOS (pada 2030) dan Pembiayaan & Pekerjaan (menjelang 2030)
1	e-Dompet untuk Kanak-Kanak Sekolah	Mempromosi penggunaan teknologi untuk mengajar celik kewangan kepada kanak-kanak sekolah dan menyediakan keupayaan pemantauan kepada ibu bapa.	GOS: RM65 juta Pekerjaan: 263 Jumlah Pembiayaan: RM53.09 juta
2	Platform Super Marketplace bagi Usahawan Bumiputera	Platform gaya hidup Islam berlandaskan Syariah untuk pasaran Malaysia dengan tujuan untuk menjadi: - Platform Komersial Pemimpin Pendapat Utama (<i>Key Opinion Leader</i>) - Platform Impak Sosial Serantau.	GOS: RM2 bilion Pekerjaan: 236 Jumlah Pembiayaan: RM767 juta
3	Pembangunan Platform Superkomputer	Program ini akan membangunkan keupayaan dan kemampuan Malaysia di dalam teknologi superkomputer. Teknologi ini diaplikasikan untuk sektor penjagaan kesihatan, minyak & gas, dan sektor lain di dalam analisis data, pembelajaran mesin (<i>machine learning</i>), dan kemahiran lain, dengan memanfaatkan penggunaannya menerusi perolehan Kementerian, Agensi, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC).	GOS: RM2.73 bilion Pekerjaan: 2,000 Jumlah Pembiayaan: RM282 juta

PEMBOLEH DAYA

Di bawah TPB2030, Kerajaan Malaysia akan memberi fokus dalam memudah cara pertumbuhan dan pembangunan penyedia perkhidmatan digital Bumiputera. Bagi mencapai skala ekonomi yang diperlukan untuk menembusi pasaran global, dana yang besar diperlukan oleh syarikat pemula digital pada peringkat awal (pra-pemula dan pembiayaan pemula) sehingga ke tahap yang lebih berkembang dalam rantaian ekosistem syarikat pemula (Siri A, B, dan C). Sementara itu, ekosistem modal teroka (VC) di Malaysia telah menyaksikan kemunculan firma-firma tempatan, kewujudan organisasi yang disokong oleh Kerajaan serta kemasukan institusi global. Sokongan modal bagi syarikat pemula Bumiputera terutamanya di peringkat pra-pemula dan pembiayaan pemula masih pada tahap suboptimum. Untuk menangani isu ini, TPB2030 telah mengenal pasti pemboleh daya berikut untuk menyokong objektif dan matlamat tema Juara Digital Bumiputera.

Pemboleh Daya #1
Menubuhkan Dana Teknologi Global Diterajui Kerajaan

Dana Teknologi Global akan diperkenalkan melalui penawaran geran sepadan 3:1 oleh Kerajaan dengan syarikat modal teroka (VC) global bagi menarik minat mereka membuka ibu pejabat serantau di Malaysia.

Dalam Belanjawan 2019, Kerajaan telah mengumumkan dana pelaburan gabungan (3:1) berjumlah RM2 bilion dalam bentuk modal dan telah diperuntukkan kepada syarikat pemula bagi fasa pasca-penubuhan dan fasa pertumbuhan bagi tempoh 2021 hingga 2023. Syarikat pemula mempunyai potensi yang baik untuk berkembang 10 kali ganda selepas 7 tahun penubuhan. Oleh itu, sasaran sumbangan bersih dan KDNK daripada syarikat pemula Bumiputera dijangka berjumlah lima (5) kali ganda pada tahun 2030. Satu pelaksana yang bersesuaian akan dikenal pasti oleh Kerajaan bagi menerajui program ini. Fokusnya adalah untuk memastikan penyertaan yang saksama oleh Bumiputera dalam sektor perkhidmatan pelaburan kewangan. Komponen penting program ini adalah latihan dan pembangunan kapasiti VC Bumiputera yang merangkumi program unik dan direka khas untuk melatih dan membimbing VC Bumiputera dan penganalisis sebagai pemain serantau dan global. Di samping itu, program latihan khusus bagi pelajar kewangan dan eksekutif muda Bumiputera akan diperkenalkan.

Pemboleh
Daya
#2

**Memulakan Semula Geran Idea
dan Suntikan Modal Pemula**

Pemboleh daya ini bermatlamat untuk memulakan semula geran idea dan suntikan modal kepada syarikat pemula bagi menyediakan saluran yang sihat dan berdaya saing untuk pemula teknologi di samping memperkenalkan program yang akan direka lebih baik untuk mempersiap siaga syarikat pemula Bumiputera untuk persaingan global. Bagi tujuan ini, TPB2030 akan meneroka potensi untuk mengaktifkan semula program seperti Program CIP50 Cradle, yang akan memberi geran kepada syarikat pemula untuk menceburi produk dan perkhidmatan digital dan teknologi baharu. Buat masa ini, terdapat dua program daripada Cradle iaitu CIP Ignite (geran sehingga RM500,000) dan CIP Accelerate (geran sehingga RM2 juta) disasarkan untuk inovasi berteknologi tinggi dan peralihan prototaip yang telah disahkan kepada perkhidmatan dan produk yang tersedia untuk pasaran. Melalui pengaktifan semula program seperti CIP50, idea di peringkat awal akan disokong dan dilentakkan di dalam pelan pelaksanaan untuk pembangunan di peringkat yang seterusnya.

Tema 2:

MENGGALAKKAN BUMIPUTERA MELANGKAUI SEMPADAN

Program
Pembangunan

#4

Program Bandar Pintar

Rasional

Perbandaran pesat di Malaysia khususnya di negeri Selangor, Kuala Lumpur, Pulau

Pinang, dan Johor menuntut keperluan untuk penyelesaian bandar pintar yang menggunakan aplikasi IoT, berikutan perkembangan peranti yang turut berubah menjadi lebih pintar dan memiliki sambungan internet. WEF telah menggariskan bahawa bandar pintar akan menjadi pemboleh daya masa hadapan dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan menambah baik kualiti hidup rakyat.

Smart City Playbook yang dibangunkan oleh Machina Research, yang ditaja oleh Nokia, telah menggariskan enam (6) amalan terbaik untuk menjadi bandar pintar, selamat, dan lestari; salah satunya adalah penggunaan data raya untuk menambah baik standard kehidupan, disokong oleh peraturan mengenai perlindungan data dan privasi yang jelas.

Penggunaan data bagi kawalan trafik merupakan komponen pengangkutan pintar yang akan membantu mengurangkan kesesakan trafik dan pelepasan karbon, mengurangkan kesukaran mobiliti, dan menyediakan cadangan yang perlu untuk Kerajaan dalam perancangan dan pembangunan masa hadapan. Sistem pengurusan trafik menggunakan analisis masa sebenar data video untuk menambah baik kehidupan perbandaran. Kamera pemantauan misalnya, akan membantu pengguna jalan raya kekal dilindungi dan dalam situasi kecemasan, ia meningkatkan keberkesanan responder pertama kecemasan. Peranti yang bersambung ini direka untuk memberi kemudahan, keselamatan dan keselesaan hidup.

Langkah Pelaksanaan

Kerajaan telah memulakan Program Bandar Pintar dan melancarkan Rangka Kerja Bandar Pintar Nasional (RKBPN) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada September 2019. Bagi melaksanakan program ini, Kerajaan akan mengambil peluang untuk bekerjasama dengan syarikat Bumiputera yang mempunyai kebolehan menawarkan penyelesaian teknologi canggih dan platform digital dalam pembangunan bandar pintar. Model kerjasama PPP antara syarikat-syarikat ini dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan menyediakan

kerjasama yang memberi penjimatan operasi, pemindahan pengetahuan, pengkomersialan teknologi, dan secara keseluruhannya kualiti hidup yang lebih baik kepada rakyat. Salah satu inisiatif dicadangkan adalah untuk menukar lebih 700 tiang pengawasan sedia ada kepada tiang pintar di 28 buah bandar. Lebih faedah daripada program pembangunan ini adalah untuk membuka peluang kepada syarikat pemula Bumiputera terlibat dalam program menyediakan penyelesaian Bandar Pintar.

Pembiayaan

Program pembangunan ini akan memerlukan kira-kira RM519 juta pembiayaan keseluruhan.

Impak

Sumbangan **GOS** program pembangunan ini dijangka bernilai **RM310 juta** pada tahun 2030, dengan potensi mencipta **1,800** pekerjaan.

Program
Pembangunan
#5


**Menjadi Hab Serantau untuk
e-Sukan dan Kandungan
Permainan Video (GVC)**

Rasional


Industri permainan dalam talian sedang menyaksikan perubahan dan anjakan paradigma. Selain daripada bermain dan menonton e-Sukan, penggiat sektor ini mencari lebih banyak peluang untuk meningkatkan kemahiran mereka sambil menonton pemain dan pasukan kegemaran mereka bersaing. Industri ini yang kebanyakannya diwakili oleh industri e-Sukan dan Kandungan Permainan Video (GVC), telah melihat perkembangan pesat sejak kebelakangan ini dan dijangka akan lebih pesat

Rajah 12 : Hab Serantau untuk e-Sukan dan Kandungan Permainan Video

Penonton Kandungan Permainan Video Global (2016-2019)
ASD Juta



Penonton e-Sukan Global (2014-2020)
Juta Penonton



berkembang dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

Industri e-Sukan merangkumi ekosistem yang besar termasuk penganjur, penaja, pesaing, dan pengiklan berkaitan pertandingan e-Sukan, di samping pemaju dan penerbit kandungan permainan video berkaitan. Menurut data daripada SuperData Research, keuntungan e-Sukan pada tahun 2017 sahaja berjumlah ASD696 juta. Sementara itu, industri GVC juga merangkumi platform media dalam talian yang berkaitan, pertandingan, pengiklan, permainan video, dan penaja pemain permainan video. Karier sebagai pemain video sepenuh masa yang melayari dan memuat naik kandungan asli dalam talian, mendapat perhatian ramai, dan mereka turut menerima faedah pengiklanan dan tajaan. Keuntungan yang direkodkan oleh industri GVC pada tahun 2017 adalah ASD4.6 bilion.¹⁵

Platform yang paling signifikan bagi pelayaran secara langsung permainan adalah Twitch dan YouTube. Menurut WEF, penonton e-Sukan menghabiskan 17.9 juta jam pada suku pertama 2018 menonton ikon permainan di saluran pemain yang dipilih. Data daripada *StreamElements* mendapati bahawa penonton Twitch melayari lebih 2.72 bilion jam secara langsung pada suku kedua atau 72.2% daripada keseluruhan jam tontonan berbanding lebih 735.54 juta jam di YouTube Live atau 19.5% pada suku kedua tahun 2019. Sumber pendapatan Twitch yang paling berkesan

¹⁵ SuperData Research

adalah model langganan yang akan membuka pelbagai ciri dan data kepada pemaju dan peminat permainan video.

Langkah Pelaksanaan


Trend dalam e-Sukan dan GVC menunjukkan wujudnya peluang keemasan bagi penyertaan usahawan Bumiputera dalam bidang yang memiliki potensi pertumbuhan yang besar. Oleh itu, di bawah Pelan Strategik bagi Pembangunan e-Sukan 2020-2025, TPB2030 akan memberi sokongan kepada syarikat Bumiputera untuk mencipta platform pelayaran permainan video untuk mempromosikan pertandingan e-Sukan dan pelayaran secara langsung e-Sukan yang akan membuka jalan kepada Malaysia untuk menjadi hab e-Sukan dalam talian serantau. Kerajaan telah menerima beberapa kertas cadangan daripada sektor swasta untuk menerajui program pembangunan ini, dengan sokongan daripada institusi kewangan dan pelabur. Minat yang tinggi yang wujud dalam kalangan pelabur untuk melabur dalam idea ini adalah kerana nilai potensi pertumbuhannya.

Pembiayaan

Pembiayaan keseluruhan yang diperlukan bagi program ini adalah kira-kira RM460 juta yang mana akan disumbangkan oleh sektor swasta dan akan digunakan untuk membina platform dan memasarkan kemudahan e-Sukan bagi tujuan kejohanan.

Impak

Sumbangan **GOS** program ini dijangka sebanyak **RM30 juta** pada tahun 2030, sebahagian besarnya daripada penganjuran pertandingan e-Sukan dan akan menyediakan **346** peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, kesan limpahan manfaat kepada perusahaan Bumiputera dalam bidang ini dijangka akan melebihi pelaburan awal dengan berlipat kali ganda.




Rasional

Sektor pendidikan merupakan sektor

yang menerima manfaat besar daripada perkembangan ekonomi digital.

Pelbagai maklumat yang tidak boleh dicapai sebelum ini, kini mampu diakses melalui pelbagai kandungan interaktif yang disediakan oleh penyedia maklumat. Negara-negara yang telah melaksanakan pendidikan e-Pembelajaran sepenuhnya sudah pun memperoleh manfaat daripada pelaburan mereka. Sebagai contoh, dalam kajian yang dijalankan di AS, kadar tamat pengajian (*graduation*) kursus oleh pelajar meningkat sekali ganda, dan markah peperiksaan meningkat lebih dari 20%. Tambahan lagi, masa dan kos dapat dijimatkan dengan menggunakan kandungan dalam talian, dengan kos operasi yang minimum. Tidak cukup dengan itu, pandemik COVID-19 telah memacu keperluan sekolah dan pelajar untuk mengguna pakai alatan digital dalam pengajaran dan pembelajaran, serta beralih daripada pengajaran dari sekolah kepada jarak jauh (sama seperti Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR)).

Rajah 13 : Platform Pendidikan Digital



Langkah Pelaksanaan

Berdasarkan data di atas, TPB2030 merancang untuk mewujudkan Platform Pendidikan Abad Ke-21 untuk membekalkan kurikulum sekolah sedia ada dengan kandungan yang menarik dan interaktif untuk mendidik generasi baharu yang memiliki kemahiran digital dan analitis yang tinggi. KPM akan bekerjasama dengan penyedia teknologi Bumiputera tempatan dan syarikat gergasi teknologi antarabangsa seperti Google, Microsoft, dan Apple untuk menyokong platform pembelajaran digital sedia ada, DELIMa. Faedah pemindahan pengetahuan dijangka akan diperoleh melalui kerjasama syarikat teknologi besar dalam pembangunan infrastruktur dan kandungan pembelajaran. TPB2030 berhasrat untuk menjalankan fasa 1 program ini di institusi Bumiputera seperti Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP).

Pembiayaan

Pembiayaan keseluruhan yang diperlukan bagi program ini adalah kira-kira RM592 juta. Ini akan disalurkan dengan melibatkan pemain sektor swasta yang tepat untuk mewujudkan kandungan pendidikan yang relevan bagi melengkapkan kurikulum pembelajaran sekolah kebangsaan.

Impak

Sumbangan **GOS** program pembangunan ini dijangka berjumlah **RM110 juta** pada tahun 2030 dengan penciptaan lebih dari **583** pekerjaan. Kesan limpahan faedahnya termasuklah penyediaan pendidikan dengan kualiti antarabangsa di semua institusi pendidikan Bumiputera selain daripada pemindahan pengetahuan antara syarikat gergasi antarabangsa dan penyedia teknologi Bumiputera.

Pemboleh Daya #3	Mendidik Perniagaan dan Orang Awam tentang Celik Digital
-------------------------------	---

Celik digital merupakan komponen penting dalam Matlamat Pembangunan Mampan

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG), dengan Sasaran 4.4 yang bermatlamat untuk meningkatkan perkongsian belia dan golongan dewasa dengan kemahiran teknikal dan vokasional yang relevan untuk pekerjaan. Petunjuk di bawah 4.2.2 pula menyeru negara-negara dunia untuk menjejak peratusan belia dan golongan dewasa yang telah mencapai sekurang-kurangnya tahap minimum kecekapan celik digital.¹⁶

Keperluan untuk menambah baik modal insan melalui kurikulum yang lebih kukuh dan peluang pembelajaran sepanjang hayat menjadi semakin penting. Walaupun akses internet oleh perniagaan meningkat tiga kali ganda, teknologi digital masih belum memberi impak kepada amalan perniagaan kesan kekurangan kemahiran dan cara berfikir secara analog. Sistem pendidikan dan program latihan modal insan masih belum bersedia menyediakan pekerja dengan kemahiran yang tepat untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat dalam ekonomi digital.

Pemboleh daya ini memberi fokus mendidik orang awam dan perniagaan dalam mengaplikasi penggunaan teknologi. Dasar pendidikan serta latihan dan program perlu fokus kepada setiap lapisan masyarakat dan memanfaatkan momentum daripada tekanan pandemik untuk mengguna pakai teknologi dalam norma baharu. Keutamaan dalam penerapan teknologi digital boleh bermula dengan tawaran teknologi kewangan seperti pembayaran digital, e-Dagang, dan pemahaman asas dan pelaksanaan keselamatan siber.

Program pembangunan lain yang telah dikenal

¹⁶ *Pertubuhan Pendidikan, Saintifik, dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)*

pasti akan mengatasi halangan dalam ruang ekonomi digital:

No.	Nama Program Pembangunan	Maklumat	GOS (pada 2030) dan Pembiayaan & Pekerjaan (menjelang 2030)
1	Tablet Buatan Tempatan untuk Pelajar	Program pembangunan ini akan menyediakan tablet yang dihasilkan oleh perusahaan tempatan yang dilengkapi dengan e-Buku dan video pengajaran untuk program pembelajaran setahun. Peranti ini akan turut menyediakan rangkaian hubungan bagi membolehkan penggunaan di rumah dan sekolah. Peranti ini akan dihasilkan berdasarkan keperluan di bawah Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknikal) 2000 dan akan mematuhi Kod Teknikal relevan dan pensijilan SIRIM	GOS: RM450 juta Pekerjaan: 356 Jumlah Pembiayaan: RM3.69 bilion
2	Pusat Transformasi Usahawan (ETC)	Program pembangunan ini akan membangunkan sebuah pusat peruncitan khusus yang dilengkapi dengan teknologi terkini bagi sektor perusahaan strategik yang telah disasarkan. Pusat ini menumpukan kepada sektor hiliran automotif seperti kedai aksesori kereta, dan pusat cuci kereta serta perniagaan makanan dan minuman (F&B). Program pembangunan ini akan menggunakan teknologi pintar, sebagai contoh sistem pengurusan dalam kedai (<i>inshop management systems</i>), akses kepada maklumat kenderaan, sistem automasi dan banyak lagi.	Jumlah Pembiayaan: RM30 juta

Tema 3:

MEMPERCEPAT PENGUKUHAN ASAS DIGITAL



Rasional

Menurut statistik, hanya 1.1 bilion orang di dunia memiliki akses kepada jalur lebar fiber optik berkelajuan tinggi, dan 2.1 bilion memiliki akses internet melalui telefon mudah alih, sementara

ra baki 4 bilion tidak memiliki akses internet.¹⁷ Di Malaysia, 6.255 juta premis daripada 9 juta premis memiliki akses kepada jalur lebar fiber optik berkelajuan tinggi.¹⁸

Terdapat perbezaan ketara dalam pengalaman sebenar akses internet antara penduduk di negeri maju dan negeri yang kurang maju, dan antara kawasan bandar dan luar bandar.

Program pembangunan ini berhasrat untuk mewujudkan internet mampu milik dan program digital dengan sekurang-kurangnya satu akses bagi setiap isi rumah berpendapatan rendah. Ini berperanan sebagai salah satu cara untuk mengatasi isu jurang digital, terutamanya melibatkan akses maklumat dan pendidikan, yang merupakan masalah serius dalam kalangan penduduk luar bandar terutamanya isi rumah B40 di Malaysia.

TPB2030 bermatlamat untuk memberikan impak secara tidak langsung dan mendapatkan akses pasaran bagi kandungan buatan Malaysia, aplikasi, dan permainan, sekali gus meletakkan Malaysia sebagai penghasil produk digital pasaran global dan penyedia penyelesaian digital.

Langkah Pelaksanaan

Bagi membolehkan Malaysia mengikut jejak ekonomi gig global yang inklusif selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), TPB2030 akan memberi fokus untuk menghubungkan jurang teknologi negara dengan menangani isu merentas sempadan ekonomi. Ini termasuk mempromosikan kandungan mesra keluarga, meningkatkan perkhidmatan e-Kerajaan dan e-Dagang, memudahkan pekerjaan ekonomi gig langsung, dan menggalakkan penyertaan ekonomi merentasi ekosistem digital.

Dengan menggunakan 'platform super' yang dibina oleh syarikat Bumiputera, kebolehan internet dan teknologi inovatif Malaysia boleh diperkenalkan merentas pelbagai produk dan perkhidmatan untuk meningkatkan penembusan jalur lebar di Malaysia dan pasaran asing.

Setiap isi rumah berpendapatan rendah seharusnya memiliki sekurang-kurangnya satu akses kepada platform ini melalui penggunaan satu peranti digital, yang mana akan membuka lebih banyak peluang bagi pembelajaran digital, serta pekerjaan dalam bidang digital.

Pembiayaan

Pembiayaan keseluruhan yang diperlukan untuk program pembangunan ini adalah kira-kira RM1.57 bilion.

Impak

Sumbangan **GOS** program pembangunan ini dijangka berjumlah **RM12.94 bilion** pada tahun 2030, dengan jangkauan penciptaan pekerjaan sebanyak **20,625**.



Rasional

Pembangunan ekonomi digital telah dicapai melalui penyertaan perniagaan dan perusahaan dalam dunia digital. 30 tahun lalu, internet amat berbeza dan kurang menarik, dicirikan oleh laman sesawang yang sangat terhad dan tidak kemas. Pada tahun 2021, masyarakat kini menilai kesahihan sesebuah perniagaan dengan kewujudan dan kredibiliti laman sesawang mereka. Makanan boleh dipesan secara dalam talian dan berita boleh diperolehi melalui format digital. Oleh kerana pandemik COVID-19, keperluan untuk pendigitalan perniagaan menjadi semakin penting. PKS, terutamanya dalam kalangan perusahaan Bumiputera, masih ketinggalan dari segi pendigitalan perniagaan.

Langkah Pelaksanaan

TPB2030 akan membantu perusahaan Bumiputera dalam mengguna pakai teknologi digital dengan meningkatkan kesedaran mengenai program sedia ada, serta geran dan bantuan yang ditawarkan di bawah pelbagai industri dan Agensi pembangunan seperti MDEC, MYNIC, MaGIC, dan SME Corp. Memanfaatkan peluang terima pakai dalam perniagaan digital dan program bantuan akan meningkatkan peluang bagi penyertaan Bumiputera dan penambahbaikan dalam keupayaan keusahawanan.

Selain itu, Kerajaan akan bekerjasama dengan penyedia teknologi Bumiputera yang berkebolehan untuk menyediakan penyelesaian berasaskan awan (*cloud-based solutions*) kepada PKS Bumiputera untuk menukar operasi perniagaan mereka kepada digital. Program ini akan merangkumi latihan dan peralatan cekap proses untuk menyokong pertumbuhan perniagaan, tanpa perlu mengharapkan inisiatif pemberian geran.

Pembiayaan

Pembiayaan keseluruhan yang diperlukan bagi program pembangunan ini adalah kira-kira RM15 juta.

¹⁷ WEF

¹⁸ *Jalinan Digital Negara (JENDELA)*, September 2021



Impak

Sumbangan **GOS** bagi program ini dijangka berjumlah **RM6.30 bilion** pada tahun 2030, dengan **50,000** pekerjaan dijangka bakal dicipta, sebagai kesan daripada gandaan yang tinggi daripada bakat digital yang menyumbang kepada pertumbuhan syarikat digital.

Pemboleh
Daya
#4

**Capaian kepada Internet
Mampu Milik, Andal dan
Berkelajuan Tinggi**

Meningkatkan capaian kepada jalur lebar tetap berkelajuan tinggi, mampu milik dan andal akan membantu PKS bersaing dengan firma yang dilengkapi sumber dan canggih. Menurut Bank Dunia, 80% populasi global sudah berada di dalam talian, dan kebanyakannya mengakses melalui rangkaian mudah alih. Namun mereka berhadapan dengan kekurangan dari segi liputan dan capaian perkhidmatan jalur lebar tetap.

Harga yang tinggi, liputan rendah, dan permintaan terhad bagi jalur lebar berpunca

daripada kekurangan pesaing dalam pasaran. Pasaran jalur lebar tetap negara lebih maju berbanding negara ASEAN dan OECD yang lain. Infrastruktur digital Malaysia yang menyediakan perkhidmatan internet jalur lebar yang pantas, berliputan luas, dan berdaya harap adalah kunci kepada membuka potensi ekonomi digital.

Bagi menangani isu ini, Kerajaan di bawah program Jalinan Digital Negara (JENDELA) akan mengembangkan liputan jalur lebar tetap dan mudah alih di kawasan bandar dan luar bandar. Program JENDELA telah mengenal pasti tiga sasaran utama akses jalur lebar dan kualiti yang akan dicapai pada tahun 2025 iaitu 9 juta rumah memiliki akses fiber, 100% liputan 4G di kawasan berpenduduk, dan memiliki kelajuan purata 100Mbps. Kerajaan juga telah mengumumkan pengenalan Syarikat Tujuan Khas (SPV) untuk menguruskan pelaksanaan infrastruktur dan rangkaian 5G di seluruh negara. Infrastruktur digital ini akan menjadi asas di mana ekonomi digital Malaysia bakal terbina.

Program pembangunan lain yang telah dikenalpasti akan memperkukuh asas ekonomi digital:

No.	Nama Program Pembangunan	Maklumat	GOS (pada 2030) dan Pembiayaan & Pekerjaan (menjelang 2030)
1	Standard dan Pensijilan Platform Perkongsian Ekonomi Tempatan	<ul style="list-style-type: none"> Program pembangunan ini bertujuan untuk menetapkan serta membangunkan standard berkenaan di bawah <i>National Mirror Committee for ISO TC 324</i>. Kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk institusi global akan dilaksanakan bagi memanfaatkan program pensijilan sedia ada. Selain itu, platform perkongsian ekonomi tempatan akan ditubuhkan untuk mengenal pasti model perniagaan dan operasi bagi tujuan penambahbaikan. Program pembangunan ini akan melaksanakan sesi libat urus dan bengkel teknikal untuk usahawan pemula Bumiputera agar dapat memberikan mereka pengetahuan di samping pemudahcaraan yang lebih baik mengenai standard dan program pensijilan berkenaan. 	<p>GOS: RM365 juta Jumlah Pembiayaan: RM3.3 juta</p>
2	Digital Xcelerator 1.0 - 3.0	<p>Program pembangunan <i>Digital Xcelerator 1.0 - 3.0</i> akan melatih dan membimbing usahawan Bumiputera tentang penggunaan teknik pemasaran digital, dan memaksimumkan penggunaan pelbagai saluran/platform sedia ada. Ia juga akan dilaksanakan berdasarkan pasaran yang disasarkan mengikut pilihan yang dilakukan oleh usahawan Bumiputera. Dengan pengetahuan dan sokongan dana yang tepat, lebih banyak usahawan Bumiputera yang mampu untuk memanfaatkan potensi pemasaran, yang menjimatkan masa dan perbelanjaan bagi tujuan pemasaran.</p>	<p>GOS: RM532 juta Pekerjaan: 290 Jumlah Pembiayaan: RM20 juta</p>
3	Pelaksanaan Dasar Carve-Out and Compete dalam Pembangunan Rangkaian 5G	<p>Dasar kepada syarikat spektrum 5G akan dibangunkan melalui pelaksanaan program ini untuk memastikan pemegang lesen 5G merangkumkan agenda Bumiputera termasuk promosi pengeluaran dan pembangunan infrastruktur tempatan. Kejayaan pelaksanaan dasar <i>Carve-Out and Compete</i> dalam projek mega terdahulu akan direplikasi dalam program pembangunan rangkaian 5G. Ini akan membuka peluang kepada perusahaan Bumiputera untuk memanfaatkan potensi sedia ada dan membangunkan kemampuan dan keupayaan.</p>	<p>GOS: RM12.14 bilion Pekerjaan: 900 Jumlah Pembiayaan: RM225 juta</p>

STRUKTUR TADBIR URUS

KEGA Ekonomi Digital dicadangkan akan dipantau oleh Jawatankuasa Pemerkasaan Agenda Bumiputera, dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KKMM. Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB) dicadangkan akan bertindak selaku sekretariat untuk JPAB dan akan memastikan semakan bulanan untuk memberikan maklum balas, panduan dan penilaian berterusan untuk perkembangan program pembangunan.

JPAB KKMM

Pengerusi JPAB Ketua Setiausaha

Ahli Tetap

- Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian berkaitan
- KPE dan Pengarah Agensi berkaitan

Ahli Jemputan

- Kementerian/Agensi sokongan yang berkaitan
- Pihak Berkepentingan Utama
- Pemilik Program Pembangunan

Sekretariat:

- KKMM
- UPAB

Jawatankuasa Pemerkasaan Agenda Bumiputera (JPAB)

Pertemuan sebulan sekali

- Menjadi platform penyelaras kepada KEGA
- Memantau perkembangan program pembangunan dan KPI
- Membuat keputusan dan memberi panduan
- Menyelesaikan masalah dan isu secara menyeluruh

Pengerusi UPAB Pengarah / Setiausaha Bahagian

Ahli Tetap

- Kementerian/Agensi Pelaksana
- Pemilik Program Pembangunan

Ahli Jemputan

- Kementerian/Agensi sokongan yang berkaitan
- Pihak Berkepentingan Utama

Sekretariat:

- KKMM
- UPAB

Peringkat Kerja UPAB

Pertemuan setiap dua minggu sekali

- Untuk memudah cara dan memantau pelaksanaan program pembangunan
- Berbincang dan menyelesaikan isu pelaksanaan sebelum di bawa kepada JPAB

KESIMPULAN

Terdapat pelbagai peluang berasaskan digital di pasaran untuk diceburi usahawan Bumiputera bagi mencari peluang kejayaan yang lebih baik untuk perusahaan mereka.

TPB2030 telah mengenal pasti 30 program pembangunan dan 4 pemboleh daya yang diletakkan di bawah 3 tema yang akan membantu memacu penyertaan Bumiputera dalam ekonomi digital. Program-program ini akan berperanan sebagai perintis bagi agenda KEGA Ekonomi Digital dengan potensi untuk dikembangkan ketika pelaksanaan TPB2030.

Antara program pembangunan ini, 3 telah dikenal pasti bersedia untuk pelaksanaan segera, sementara baki inisiatif akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Sejumlah RM12.83 bilion dijangka akan disalurkan kepada program-program ini, dengan matlamat untuk mencapai sumbangan GOS Bumiputera bernilai RM65.17 bilion pada tahun 2030.

No

01

02

03

04

05

06

07

08

09

10

11

Program Pembangunan	GOS (pada 2030) dan Pembiayaan & Pekerjaan (menjelang 2030)
Program Pembangunan Ekonomi Perkongsian Bersektor	GOS: RM365 juta Jumlah Pembiayaan: RM6.2 juta Pekerjaan: 50,000
Standard dan Pensijilan Platform Perkongsian Ekonomi Tempatan	GOS: RM365 juta Jumlah Pembiayaan: RM3.3 juta
Pekerja Gig Digital Sebagai Peluang Pekerjaan Baharu	GOS: RM926 juta Jumlah Pembiayaan: RM88 juta Pekerjaan: 70,000
Pusat Transformasi Usahawan (ETC)	Jumlah Pembiayaan: RM30 juta
Program Galakan Penerimaan Perniagaan Digital	GOS: RM6.30 bilion Jumlah Pembiayaan: RM15 juta Pekerjaan: 50,000
Memanfaatkan Projek Mega Kerajaan	GOS: RM740 juta Jumlah Pembiayaan: RM230 juta Pekerjaan: 120
Dana Teknologi Global	GOS: RM8.3 bilion Jumlah Pembiayaan: RM2.72 bilion Pekerjaan: 1,320
Program Pemacu dan Geran Pemula kepada Bumiputera	GOS: RM2.86 bilion Jumlah Pembiayaan: RM150 juta Pekerjaan: 1,200
Hab Latihan dan Acara e-Sukan Serantau	GOS: RM930 juta Jumlah Pembiayaan: RM150 juta
Pusat e-Sukan dan Kandungan Kreatif	GOS: RM1.08 bilion Jumlah Pembiayaan: RM80 juta Pekerjaan: 450
Platform Perkhidmatan Digital untuk Perkhidmatan Awam	GOS: RM29 juta Jumlah Pembiayaan: RM70 juta Pekerjaan: 50

No	Program Pembangunan	GOS (pada 2030) dan Pembiayaan & Pekerjaan (menjelang 2030)
12	Platform Digital untuk Mengoptimumkan Program Peruntukan Kerajaan	GOS: RM90 juta Jumlah Pembiayaan: RM138 juta Pekerjaan: 150
13	Aplikasi Internet Benda (IoT) untuk Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian	Pembiayaan dan GOS untuk program ini akan ditentukan selepas perbincangan dengan pihak berkepentingan relevan.
14	Platform Pendidikan Abad Ke-21	GOS: RM110 juta Jumlah Pembiayaan: RM592 juta Pekerjaan: 583
15	<i>Digital Xcelerator 1.0 - 3.0</i>	GOS: RM532 juta Jumlah Pembiayaan: RM20 juta Pekerjaan: 290
16	Sokongan Pemasaran Digital bagi Usahawan Bumiputera	GOS: RM3.72 bilion Jumlah Pembiayaan: RM40 juta Pekerjaan 9,000
17	Pembangunan Infrastruktur Telekomunikasi	GOS: RM4.5 bilion Jumlah Pembiayaan: RM315 juta Pekerjaan: 2,189
18	Pelaksanaan Dasar <i>Carve-Out and Compete</i> dalam Pembangunan Rangkaian 5G	GOS: RM12.14 bilion Jumlah Pembiayaan: RM225 juta Pekerjaan: 900
19	Tablet Buatan Tempatan untuk Pelajar	GOS: RM450 juta Jumlah Pembiayaan: RM3.69 bilion Pekerjaan: 356
20	e-Dompet untuk Kanak-kanak Sekolah	GOS: RM65 juta Jumlah Pembiayaan: RM53.09 juta Pekerjaan: 263
21	Platform Saluran Media untuk Membantu Penerbit Tempatan Memasarkan Kandungan Kreatif	GOS: RM21 juta Jumlah Pembiayaan: RM261 juta Pekerjaan: 450

No	Program Pembangunan	GOS (pada 2030) dan Pembiayaan & Pekerjaan (menjelang 2030)
22	Pembangunan Platform Superkomputer	GOS: RM2.73 billion Jumlah Pembiayaan: RM282 juta Pekerjaan: 2,000
23	e-Commerce dan Pendigitalan Rantaian Nilai	GOS: RM1.53 billion Jumlah Pembiayaan: RM30 juta Pekerjaan: 500
24	Pasaran dan Jualan Tiket Pelayaran Video e-Sukan dalam Talian	GOS: RM30 juta Jumlah Pembiayaan: RM460 juta Pekerjaan: 346
25	Platform <i>Super Marketplace</i> bagi Usahawan Bumiputera	GOS: RM2 billion Jumlah Pembiayaan: RM767 juta Pekerjaan: 236
26	Program Bandar Pintar	GOS: RM310 juta Jumlah Pembiayaan: RM519 juta Pekerjaan: 1,800
27	Menghubungkan Internet dan Jalinan Kandungan	GOS: RM12.94 billion Jumlah Pembiayaan: RM1.57 billion Pekerjaan: 20,625
28	Bumiputera <i>SME Go Digital!</i>	GOS: RM1.47 billion Jumlah Pembiayaan: RM196 juta Pekerjaan: 270
29	Bumiputera Platform Pertukaran (<i>Exchange Platform</i>)	GOS: RM90 juta Jumlah Pembiayaan: RM114 juta Pekerjaan: 45
30	Kuala Lumpur sebagai Hab e-Sukan di Peringkat Global	GOS: RM540 juta Jumlah Pembiayaan: RM20 juta Pekerjaan: 1,000

Hab Halal dan Makanan



11
Program
Pembangunan

**RM11.75
bilion**
GOS 2030

10,924
Pekerjaan
Langsung


**RM1.15
bilion**
Jumlah
Pelaburan

Tema 1:
MEMBANGUNKAN PRODUK HALAL BERNILAI TAMBAH TINGGI

Tema 2:
MENTRANSFORMASI PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM INDUSTRI HALAL

Tema 3:
MENUBUHKAN RANTAIAN MODEN BEKALAN HALAL

03



RINGKASAN EKSEKUTIF



Sebagai sebuah negara dengan majoriti penduduknya beragama Islam, serta mempunyai hubungan erat dengan negara Islam yang lain, Malaysia telah lama mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju perdagangan Halal. Malaysia telah mengeluarkan pensijilan Halal sejak tahun 1974 lagi, pada mulanya melalui Pusat Penyelidikan,

Bahagian Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri. Ia kemudiannya dinaik taraf menjadi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Selain berperanan dalam menyelia keseluruhan hal ehwal agama Islam negara, JAKIM juga adalah badan pensijilan Halal pertama di dunia, perintis sistem jaminan dan dokumentasi Halal yang bersistematik.⁰¹

Pada tahun 2018, Malaysia dianggarkan telah menjana ASD68.4 bilion daripada ASD2.2 trilion nilai ekonomi Halal peringkat global dan ekuiti Malaysia dalam industri ini dianggarkan berkembang kepada ASD113.3 bilion pada tahun 2030. Sejak lima (5) tahun lalu, Malaysia secara konsisten berada pada kedudukan kedua teratas ekonomi Halal dunia, terutama dalam kategori makanan dan farmaseutikal Halal berdasarkan Petunjuk Ekonomi Islam Global (GIEI) yang dikeluarkan oleh Laporan Ekonomi Islam Global (GIER).

Walau bagaimanapun, ekonomi Halal Malaysia menunjukkan pertumbuhan perlahan, terutama dalam kalangan syarikat Bumiputera, dengan kebanyakannya dikategorikan sebagai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mikro. Selain galakan untuk memperbesar saiz perusahaan, wujud peluang lain untuk syarikat ini meningkatkan penglibatan dalam pasaran antarabangsa dan bergerak ke arah subsektor makanan dan farmaseutikal bernilai tambah tinggi.

Dengan ekonomi Halal global dijangka mencecah ASD5 trilion menjelang tahun 2030, selaras dengan jangkaan pertumbuhan populasi penganut agama Islam,⁰² Hab Halal dan Makanan dikenal pasti sebagai Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) di bawah Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) untuk memaksimumkan

potensi yang dilihat bermanfaat besar kepada komuniti Bumiputera terutamanya, serta menyokong usaha mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030). Kejayaan pelaksanaan program pembangunan di bawah Hab Halal dan Makanan akan menyumbang kepada Lebihan Kendalian Kasar (GOS) sebanyak RM11.75 bilion kepada Bumiputera menjelang tahun 2030, mencipta 10,924 pekerjaan baharu. Pembiayaan keseluruhan yang diperlukan bagi 11 program pembangunan ini dianggarkan berjumlah RM1.15 bilion. Menerusi program pembangunan yang dikenal pasti, pemain Bumiputera akan mampu menceburi segmen Halal baharu, mengkomersialkan produk Halal bernilai tinggi, dan mengukuhkan rantai bekalan Halal dengan menerima pakai teknologi digital dan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Aspirasi TPB2030 adalah untuk terus mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam pasaran Halal global dengan sokongan peneraju Bumiputera Halal.

⁰¹ Pusat Pelancongan Islam Malaysia

⁰² Laporan Ekonomi Islam Global 2019/2020



LATAR BELAKANG

Nilai ekonomi global Halal, seperti digambarkan dalam Rajah 1, adalah dianggarkan bernilai ASD3.1 trilion pada tahun 2018 dan dijangka mencecah ASD5 trilion menjelang tahun 2030, dipacu oleh sektor makanan dan minuman; farmaseutikal; kosmetik dan produk Halal baharu muncul. Daripada sektor ini, makanan Halal bernilai ASD2.2 trilion pada tahun 2018 dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompau (CAGR) dijangka meningkat kepada 3.5% sehingga tahun 2030. Walau bagaimanapun, jumlah perbelanjaan Halal masih belum mencapai potensi sepenuhnya, mewujudkan jurang peluang yang boleh dimanfaatkan Malaysia untuk manfaat komuniti Bumiputera.⁰³

Seperti ditunjukkan dalam Rajah 2, pasaran Halal tradisional dalam Organisasi Negara Islam (OIC) mewakili 24% jumlah keseluruhan penduduk dunia mewujudkan permintaan untuk pembangunan industri Halal yang tidak dapat disangkal lagi.⁰⁴

Setakat tahun 2019, Brazil adalah negara eksport utama makanan Halal (daging dan binatang ternakan), berjumlah ASD5.5 bilion nilai eksport makanan Halal global, manakala Indonesia adalah pengimport makanan Halal terbesar dunia dengan nilai import sebanyak ASD173 bilion. Ini mewujudkan peluang besar kepada perniagaan Halal Malaysia untuk meluaskan capaian serantaunya di Asia Pasifik, terutamanya dengan wujudnya pertambahan permintaan untuk produk Halal termasuk dari Korea Selatan, Jepun, China, Hong Kong dan Taiwan.⁰⁵

⁰³ *Pelan Induk Industri Halal 2030 (HIMP 2030)*

⁰⁴ *WorldData.info*


⁰⁵ *Global Muslim Travel Index 2019, State of Global Islamic Economy Report 2019-20*

Rajah 1 : Gambaran Keseluruhan Pasaran Halal Global (2018 vs 2030)

Makanan & Minuman Halal

Saiz Pasaran


ASD bilion



Kosmetik Halal

Saiz Pasaran


ASD bilion



Farmaseutikal Halal

Saiz Pasaran


ASD bilion



Sektor Baharu

Saiz Pasaran

ASD bilion



Pasaran Halal Global

2018
2030
CAGR

Asas

ASD3.1 Trillion
ASD5.0 Trillion
4.1%

Potensi

ASD28.1 Trillion
ASD38.1 Trillion
2.6%

Amerika Utara

2018
2030
CAGR

Asas

ASD0.2 Trillion
ASD0.3 Trillion
4.2%

Potensi

ASD13.6 Trillion
ASD17.2 Trillion
2.0%

Eropah & Eurasia

2018
2030
CAGR

Asas

ASD0.3 Trillion
ASD0.5 Trillion
3.0%

Potensi

ASD4.9 Trillion
ASD5.9 Trillion
1.6%

Timur Tengah & Afrika Utara

2018
2030
CAGR

Asas

ASD1.6 Trillion
ASD2.8 Trillion
4.7%

Potensi

ASD6.4 Trillion
ASD10.4 Trillion
4.2%

Amerika Latin & Caribbean

2018
2030
CAGR

Asas

ASD0.002 Trillion
ASD0.003 Trillion
2.0%

Potensi

ASD1.7 Trillion
ASD2.2 Trillion
2.3%

Asia Pasifik

2018
2030
CAGR

Asas

ASD1.6 Trillion
ASD2.8 Trillion
4.7%

Potensi

ASD6.4 Trillion
ASD10.4 Trillion
4.2%

Sub-Sahara Afrika

2018
2030
CAGR

Asas

ASD0.2 Trillion
ASD0.4 Trillion
4.9%


Potensi

ASD0.7 Trillion
ASD1.1 Trillion
4.5%



**Pertumbuhan populasi negara
OIC lebih tinggi berbanding
negara lain di dunia**

**Umur penengah negara OIC (24)
lebih muda berbanding negara
lain di dunia (32)**



Terdapat 57 buah negara dalam OIC, kebanyakannya terletak di Asia Barat dan Afrika Barat

Populasi penduduk 15 negara teratas + Malaysia

No	Negara	Populasi Penduduk
1	Indonesia	267.7 juta
2	Pakistan	212.2 juta
3	Nigeria	196.9 juta
4	Bangladesh	161.4 juta
5	Mesir	98.4 juta
6	Turki	82.3 juta
7	Iran	81.8 juta
8	Uganda	42.7 juta
9	Algeria	42.2 juta
10	Sudan	41.8 juta
11	Iraq	38.4 juta
12	Afghanistan	37.2 juta
13	Maghribi	36.0 juta
14	Arab Saudi	33.7 juta
15	Uzbekistan	32.9 juta
16	Malaysia	31.5 juta

Rajah 3:

5 Negara Pengeksport Utama (daging Halal dan haiwan hidup)

1	Brazil	ASD5.5 bilion
2	Australia	ASD2.4 bilion
3	India	ASD1.7 bilion
4	Sudan	ASD0.6 bilion
5	Turki	ASD0.5 bilion

5 Negara Pengimport Utama (daging Halal dan haiwan hidup)

1	Indonesia	ASD173 bilion
2	Turki	ASD135 bilion
3	Pakistan	ASD119 bilion
4	Mesir	ASD89 bilion
5	Bangladesh	ASD82 bilion


Rajah 4: Peningkatan Permintaan Pasaran Halal di Asia Pasifik



- Dianggarkan mengeluarkan **makanan dan minuman Halal bernilai ASD17 bilion** pada tahun 2015, selepas Indonesia (no.1)
- **Sektor tenusu** membentuk **86% daripada jumlah keseluruhan pasaran Halal**
- Pelaksanaan inisiatif 'Satu Jalur Satu Jalan'- peningkatan perdagangan dengan negara OIC dan negara Asia lain
- **Menubuhkan Pusat Pensijilan Halal** pertama pada tahun 2009
- **Bekerjasama dengan negara Islam** lain untuk membantu membangunkan industri Halal China



- Pada tahun 2017, Organisasi Pelancongan Korea merekodkan 990,000 pelancong Islam dan menyasarkan peningkatan jumlah pelancong Islam dari Malaysia sebanyak 200,000 pada tahun 2018
- **Restoran mesra Muslim** ditambah kepada 130 termasuk 14 memiliki sijil Halal dan 1 resort ski Halal
- Bermatlamat untuk menarik 400,000 pelancong perubatan Muslim pada tahun 2016 dan mencecah 1 juta pada tahun 2020 dengan menyediakan makanan halal kepada pesakit



- Di kedudukan ke-3 untuk destinasi pilihan negara bukan OIC dalam Indeks Pelancongan Islam Global tahun 2019
- Jumlah restoran Halal naik mendadak daripada empat kepada 180 sejak tahun 2013
- Membuka kafetaria Shokujin bersijil Halal dikeluarkan oleh Persatuan Halal Asia Jepun di Universiti Kanda
- Menyasarkan untuk menarik **1 juta pelancong Muslim setiap tahun, menawarkan visa percuma** kepada pelawat dari negara Islam tertentu



- Memperkenalkan **Zon Makanan Halal** di Ekspo Makanan pada tahun 2015
- Tuan rumah Seminar Pelancongan Muslim tahunan untuk lebih memahami keperluan pelancong Islam
- Lembaga Pelancongan Hong Kong (HKTB) mengumumkan kerjasama dengan Agensi Pelancongan Malaysia Dalam Talian (OTA), Tripfez
- Kajian dibuat Perbadanan Pembangunan Halal Berhad (HDC) menunjukkan ada permintaan tinggi untuk pendedahan dan kesedaran industri




- Menganjurkan Ekspo Halal Antarabangsa Taiwan dan Forum Halal Antarabangsa untuk mempromosi Industri Halal
- Melancarkan **Pusat Halal Taiwan** di Taipei
- Meningkatkan jumlah hotel dan restoran bersijil Halal- setakat 2017 berjumlah 104
- Di kedudukan ke-3 untuk destinasi negara bukan OIC bersama-sama United Kingdom dan Jepun dalam Indeks Pelancongan Islam Global tahun 2019

Di Malaysia, ekonomi Halal dianggarkan bernilai ASD68.4 bilion pada tahun 2018 dan dijangka terus meningkat kepada ASD113.2 bilion menjelang tahun 2030. Ekonomi ini dipacu oleh empat (4) sektor: makanan & minuman Halal; farmaseutikal; kosmetik & penjagaan peribadi; dan lain-lain. Sektor makanan & minuman Halal adalah sektor terbesar, membentuk 75.9% pasaran Halal Malaysia.⁰⁶


Setakat tahun 2018, eksport ekonomi Halal mencecah RM40.8 bilion, menyumbang 7.8% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dan 350,000 peluang pekerjaan daripada lebih 1,400 pengeksport PKS Halal. Pada tahun 2019, PKS mewakili 12.2% daripada jumlah keseluruhan eksport Halal dan perniagaan Bumiputera menyumbang 92.8% eksport Halal.⁰⁷

⁰⁶ *Pelan Induk Industri Halal 2030, Laporan Eksport Halal 2019, Perbadanan Pembangunan Halal Berhad (HDC)*

⁰⁷ *Ibid*



Rajah 6



KES UNTUK INTERVENSI


Walaupun Malaysia menduduki tempat ke-2 teratas dalam ranking ekonomi Halal global sejak 5 tahun berturut-turut sebelum ini, trend pertumbuhan dilihat semakin perlahan, terutama dalam kalangan pengusaha Halal Bumiputera.

Buat masa sekarang wujud keperluan mendesak untuk meningkatkan kehadiran global dan pertumbuhan syarikat-syarikat ini serta menambah baik penyelarasan kerangka

dan pensijilan Halal untuk perniagaan dan usahawan Bumiputera; serta mengangkat keupayaan dan kemampuan industri Halal secara keseluruhannya. Tambahan pula, perluasan saiz keadaan dan kematangan ekonomi Halal telah mencipta permintaan lebih besar untuk pensijilan dan pekerja mahir yang boleh mengukuhkan lagi tadbir urus dan keberkesanan pematuhan Halal.

Sub sektor makanan Halal dan farmaseutikal juga dijangka mengikut trend yang memacu keseluruhan industri Halal. 5 trend mega mengikut kesan ke atas Malaysia (daripada terbesar kepada terkecil), ditunjukkan dalam Rajah 7.

Rajah 7: Kesan Trend kepada Industri Halal di Malaysia



01

Kekurangan Pensijilan Halal

Walaupun permintaan untuk produk dan perkhidmatan Halal terus berkembang, hampir 90% PKS Bumiputera dilaporkan beroperasi tanpa pensijilan Halal.⁰⁸ Ini mungkin disebabkan oleh kos perkhidmatan perunding bebas yang tinggi sebelum sijil Halal dikeluarkan JAKIM. Upah rundingan bergantung kepada saiz perniagaan dan boleh mencecah sekitar RM3,000 sehingga RM25,000.⁰⁹

Secara kolektifnya, rundingan dan pensijilan yang membentuk tulang belakang proses pensijilan mengambil masa yang panjang. Rundingan bebas selalunya mengambil masa sekitar tiga (3) bulan, menjadikan keseluruhan proses pensijilan boleh berlanjutan sehingga enam (6) bulan.

02

Amalan Keagamaan dan Kebudayaan yang Mewujudkan Piawaian Halal yang Berbeza antara Negara

Bertitik tolak daripada perbezaan geografi dan budaya, orang Islam di seluruh dunia menerima pakai konsep Halal yang berbeza. Kekeliruan ini semakin bertambah disebabkan kekurangan pengiktirafan bersama antara 300 badan pensijilan Halal di seluruh dunia. Piawaian Halal yang jelas, seperti pengharaman alkohol dan bahan haram dalam beragama, juga menyebabkan perbezaan pandangan tentang ketepatan jumlah penggunaan yang dibenarkan. Misalnya penggunaan alkohol dalam vaksin diharamkan di beberapa negara tetapi dibenarkan dalam jumlah tertentu di negara lain. Malah ada ulama Islam yang berpandangan penggunaan alkohol hanya dibenarkan sebagai pemangkin, tetapi tidak boleh wujud dalam produk akhir.¹⁰

03

Salah Guna Pensijilan Halal

Kes terbaru berlaku di Malaysia telah mendedahkan kelemahan dalam ketulenan pensijilan Halal. Ia berkaitan dengan perubahan atau penggunaan secara tidak sah

logo Halal. Antara tahun 2011 dan tahun 2015, JAKIM memfailkan 120 kes salah guna logo Halal. Tambahan lagi, siasatan ke atas produk makanan tidak boleh dilakukan dengan mudah selepas ia menjalani proses pembungkusan.¹¹

Orang awam juga berdepan kesukaran dalam mengesahkan ketulenan logo Halal, serta status pensijilan syarikat. Ini disebabkan oleh ketiadaan pusat depositori mesra pengguna yang boleh digunakan dengan mudah. Di peringkat global pula, sektor makanan Halal berdepan masalah kekurangan penguatkuasaan. Misalnya, pada tahun 2017, pegawai kesihatan di Brazil dilaporkan menerima rasuah daripada syarikat daging berpengaruh untuk mengabaikan pelbagai salah laku yang boleh menjejaskan keselamatan dan pensijilan eksport produk makanan.¹²

Sementara itu di Malaysia pula, pembongkaran rangkaian kartel daging pada Januari 2020 membangkitkan persoalan tentang ketulenan, kebertanggungjawaban dan integriti Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab menyelia import makanan dan pensijilan Halal. Susulan pengenalpastian jurang dalam penguatkuasaan, JAKIM serta merta berikrar untuk mengetatkan penguatkuasaan menerusi prosedur piawaian (SOP) yang lebih ketat, memantau pematuan dan menggerakkan sumber manusia jika diperlukan untuk pensijilan Halal produk import, terutamanya daging yang dibawa masuk oleh kartel.¹³

04

Proses Pembuatan Vaksin Patuh Syariah yang Rumit dan Mahal

Dalam sektor farmaseutikal Halal, proses pembuatan vaksin baharu adalah rumit dan mendatangkan cabaran besar untuk penglibatan PKS Bumiputera. Daripada pengeluaran berskala kecil dalam makmal kepada pengeluaran berskala besar, vaksin baharu boleh mengambil masa antara sembilan (9) sehingga 11 tahun untuk dibangunkan. Selain itu, memandangkan peraturan ketat untuk pematuan Syariah, kos pengeluaran vaksin adalah tinggi. Misalnya, untuk menubuhkan fasiliti patuh Syariah, dalam kes tertentu, kosnya boleh mencecah sehingga ASD750 juta (RM3.3 bilion). Kos logistik juga bertambah,

kerana vaksin Halal perlu dipindahkan secara berasingan daripada produk tidak Halal.

05

Kekurangan Pakar PKS Bumiputera untuk Menjadi Peneraju dalam Farmaseutikal Halal

Buat masa ini, majoriti ubat-ubatan bernilai tinggi seperti antibodi dan vaksin monoklonal dihasilkan menerusi kaedah penukaran bio. Proses pembuatan menggunakan sel dan serum mamalia untuk kultur sel, juga bercanggah dengan prinsip pembuatan Halal. Pada masa yang sama, PKS Bumiputera juga kekurangan ilmu pengetahuan saintifik farmaseutikal untuk menghasilkan bahan alternatif untuk memenuhi keperluan pengiktirafan Halal.¹⁴

Masalah kekurangan pakar terlatih yang mampu mengaudit proses pembuatan Halal juga wujud.¹⁵ Ini seterusnya membataskan keupayaan sektor tempatan untuk mencapai nilai tambah tinggi dan menjadi peneraju sektor farmaseutikal Halal global.

VISI

KEGA Hab Halal dan Makanan mempunyai visi untuk meluaskan daya tahan dan daya saing global Bumiputera dalam ekonomi Halal menjelang tahun 2030. Dalam landskap sektor makanan Halal, subsektor farmaseutikal dan makanan/perkhidmatan makanan telah dikenal pasti mempunyai potensi untuk memenuhi matlamat KEGA ini. Usaha untuk memandu subsektor ini akan memberi tumpuan kepada peningkatan pembinaan keupayaan, pengiktirafan pemegang sijil halal Bumiputera di peringkat antarabangsa dan memperkemas bantuan dan program Kerajaan supaya selaras dengan sasaran di bawah WKB2030 serta Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Kejayaan pelaksanaan program pembangunan di bawah KEGA Hab Makanan dan Halal akan menyumbang GOS sebanyak RM11.75 bilion kepada Bumiputera pada tahun 2030, mencipta 10,924 pekerjaan baharu. Sejumlah

RM1.15 bilion pembiayaan akan diperlukan menjelang tahun 2030. Aspirasi TPB2030 adalah untuk terus mengukuhkan kedudukan dan penglibatan Malaysia dalam pasaran Halal global dengan sokongan peneraju Halal Bumiputera.

⁰⁸ Nor Asiah Omar, 'Get Halal Stamp and Go Global', *New Straits Times*, 30 Januari 2019

⁰⁹ Halal ISO Consultant, *Yen Premium Coach*

¹⁰ Ahmad Badri Abdullah, 'Challenges facing Halal vaccine industry', *New Straits Times*, 21 April 2017

¹¹ Rokshana Shirin Asa, 'Illegal Labeling and the Abuse of Halal Certificate: Case Study of Malaysia', *Jurnal Syariah Universiti Malaya*, 2019

¹² Tom O'Connor, 'Where Does Halal Food Come From? Brazil Is World's Top Meat Exporter for Muslims', *Newsweek*, 19 Ogos 2018

¹³ 'JAKIM Tightening Enforcement SOP for Halal Certification for Imported Goods', *The Malay Mail*, 26 Disember 2020

¹⁴ Ahmad Badri Abdullah, 'Challenges facing Halal vaccine industry', *New Straits Times*, 21 April 2017

¹⁵ R. Nasaruddin et al., 'The Importance of a Standardized Islamic Manufacturing Practice (IMP) for Food and Pharmaceutical Productions', *American-Eurasian Network for Scientific Information*, 2012

“

Kejayaan pelaksanaan program pembangunan di bawah Hab Halal dan Makanan akan menyumbang kepada GOS sebanyak RM11.75 bilion kepada Bumiputera pada tahun 2030, menawarkan 10,924 pekerjaan baharu. ”



PROGRAM PEMBANGUNAN

Bagi merealisasikan visi ini, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada pengukuhan dan pembangunan rantaian moden bekalan Halal sepadan dengan abad ke-21 dan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), serta membangunkan produk, perkhidmatan, keupayaan dan kemampuan Halal bernilai tinggi sepertimana dijelaskan dalam 3 tema di bawah.

Tema 1:

MEMBANGUNKAN PRODUK HALAL BERNILAI TAMBAH TINGGI

Pandemik global COVID-19 membuktikan yang inovasi dan keupayaan pembuatan dalam bidang farmaseutikal, terutamanya yang berkaitan dengan vaksin dan biologik sangat penting. Ia bukan sahaja satu keperluan kesihatan awam tetapi juga peluang ekonomi yang sangat besar untuk Malaysia. Pasaran produk biosepupa (*biosimilars*) sedang berkembang pesat di seluruh dunia. Rantau Asia Pasifik dijangka membentuk 32.8% pasaran dunia menjelang tahun 2027, menjadikannya pasaran kedua terbesar selepas Eropah.¹⁶ Selain itu, vaksinasi *Meningococcal* juga adalah syarat wajib dikeluarkan oleh Kerajaan Arab Saudi untuk semua jemaah yang mahu mengerjakan umrah dan bakal Haji. Bagi memenuhi tanggungjawab orang Islam untuk menggunakan dan mendapatkan produk Halal, vaksin perlu dibuat sepenuhnya menggunakan bahan Halal dan dihasilkan di fasiliti patuh Syariah.

Di samping itu, terdapat 10,218 PKS pertanian dalam ekosistem PKS Malaysia. Walaupun jumlah ini hanya membentuk 1.1% daripada 98.5% perniagaan PKS di Malaysia, pertanian PKS mewakili komponen penting dalam sektor PKS disebabkan penglibatan masyarakat pedalaman dalam segmen ini.¹⁷

¹⁶ *Pembangunan Biosepupa, 2020*

¹⁷ *Laporan Eksport Halal 2019, HDC*

Selaras dengan pembangunan teknologi dan perkembangan permintaan pengguna, produk pertanian Halal memerlukan pengkomersialan lebih besar bagi menjamin aspek jaminan makanan. Ia juga berpotensi untuk memainkan peranan lebih bermakna dalam menghapuskan kemiskinan luar bandar dan merapatkan jurang pendapatan. Menerusi perniagaan dan kerjasama penyelidikan antara PKS dan universiti, serta intervensi Kerajaan, PKS pertanian Halal, terutamanya yang melibatkan komuniti luar bandar boleh mengambil peluang dalam pengkomersialan produk Halal dan mendapat manfaat besar daripada sistem sokongan keusahawanan yang kukuh.

Bagi memenuhi semua pandangan di atas, beberapa program telah dikenal pasti sebagai program pembangunan untuk membuka laluan bagi menjadi peneraju pasaran Halal global dalam pembuatan vaksin dan biologik serta pengkomersialan produk Halal:

Program Pembangunan #1	Menaik Taraf Vaksin Halal dan Kemudahan Biologik
Program Pembangunan #2	Pengkomersialan Produk Halal Bernilai Tinggi
Pemboleh Daya #1	Sokongan dan Mudahcara oleh Kerajaan

Tema 2:

MENTRANSFORMASI PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM INDUSTRI HALAL

Perusahaan Halal Bumiputera berdepan persaingan sengit dan umumnya memerlukan pembangunan keupayaan dan kemampuan dalam bidang kemahiran keusahawanan dan ilmu pengetahuan. Tambahan pula, pandemik COVID-19 telah menyebabkan kehilangan pekerjaan dalam kalangan Bumiputera. Setakat Mei 2020, kadar pengangguran di Malaysia meningkat kepada 5.3% berbanding 3.3% pada keseluruhan tahun 2018, melibatkan seramai 826,100 orang.¹⁸

Kebanyakan Bumiputera yang hilang pekerjaan telah menceburi industri makanan untuk terus menyara kehidupan. Walau bagaimanapun, setakat tahun 2019, terdapat hanya 3,530 pemegang sijil Halal Bumiputera, membawa kepada 44% sahaja daripada jumlah keseluruhan pemegang sijil Halal di Malaysia. Penglibatan rendah pengusaha Bumiputera dalam industri Halal adalah disebabkan kekurangan keupayaan dan kemampuan untuk memenuhi keperluan pematuhan Syariah. Ini seterusnya, membataskan penglibatan Bumiputera dalam industri Halal.¹⁹

Satu program pembangunan telah dikenal pasti dapat memangkin pembangunan kemahiran dan kemampuan keusahawanan.

Program Pembangunan #3	Program Peningkatan Keupayaan dan Kemampuan
Pemboleh Daya #2	Capaian Program Keupayaan dan Kemampuan

¹⁸ Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

¹⁹ *Ibid*



Tema 3:

MENUBUHKAN RANTAIAN MODEN BEKALAN HALAL

Penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi adalah pemboleh daya utama untuk industri Halal. Ini selaras dengan kemunculan IR4.0, yang pastinya memberi manfaat kepada industri dengan mengoptimalkan pengeluaran besar-besaran (*mass production*), merakam data tingkah laku pengguna dan integrasi rantaian bekalan.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah memperkenalkan Dasar Nasional untuk IR4.0. Dasar ini bermatlamat untuk menyokong perniagaan dan kilang Malaysia bagi mencapai produktiviti lebih tinggi, cekap dan berkualiti serta membangunkan kemahiran dan bakat baharu.

Syarikat juga boleh menggunakan Dana Intervensi Industry4WRD, geran padanan 70:30 sehingga RM500,000 untuk bayaran balik perbelanjaan yang layak. Dana bertujuan untuk menyokong PKS dalam melaksanakan program intervensi berdasarkan cadangan daripada Penilaian Kesiapan Industry4WRD.

Ini membantu syarikat untuk menilai kesiapsiagaan dan kemampuan mereka untuk menerima pakai teknologi dan proses IR4.0. Dengan pelaksanaan program ini, Kerajaan menetapkan matlamat untuk mengubah logistik Halal dalam rantaian bekalan Halal dengan teknologi mengganggu baharu seperti blockchain, pembelajaran mesin, automasi dan robotik. Sasarannya adalah untuk mengukuhkan kedudukan pengusaha Bumiputera di dalam IR4.0.

Satu program telah dikenal pasti sebagai program pembangunan sebagai pemangkin pembangunan kemahiran dan keupayaan keusahawanan Bumiputera.

Program
Pembangunan
#4

**Mengukuhkan Rantaian
Bekalan Halal**

Pemboleh
Daya
#3

**Capaian Pembiayaan untuk
Pembangunan Rantaian Moden
Bekalan Halal**

Tema 1:

MEMBANGUNKAN PRODUK HALAL BERNILAI TAMBAH TINGGI



Rasional

Vaksin Halal telah dikenal pasti sebagai satu bidang yang menawarkan potensi pulangan tinggi kepada Malaysia. Walaupun bidang ini buat masa kini kekurangan infrastruktur untuk meluaskan capaian keupayaannya, cabaran ini boleh diatasi menerusi pembiayaan dan kerjasama strategik dengan pelabur dalam dan luar negara. Kerjasama sebegini juga boleh membantu cabaran kawal selia dalam pasaran domestik.

Perbelanjaan masyarakat Islam untuk farmaseutikal berjumlah ASD92 bilion pada tahun 2018. Sub sektor farmaseutikal Halal global dijangka bernilai ASD134 bilion menjelang tahun 2024.²⁰ Permintaan ini sebahagiannya dipacu oleh keperluan imunisasi yang mendesak, dengan 19.9 juta bayi di seluruh dunia dianggarkan masih belum diimunisasi pada tahun 2017. Daripada jumlah itu, bayi di negara-negara Islam membentuk peratusan tinggi.²¹ Tambahan pula, dalam situasi pandemik global yang sedang berlaku, negara-negara OIC menyedari wujudnya keperluan mendesak untuk penciptaan vaksin dan ubat-ubatan Halal.

Malaysia berada dalam kedudukan pertama subsektor farmaseutikal dan kosmetik menurut GIEI²² yang dikeluarkan GIER. Walau bagaimanapun, industri ini kekurangan infrastruktur yang diperlukan untuk meningkatkan lagi keupayaannya bagi pengeluaran vaksin patuh pensijilan Halal. Kesannya, Malaysia dijangka mendapat

manfaat hasil pembiayaan dan kerjasama strategik dengan pelabur tempatan dan asing. Kerjasama ini juga boleh membantu mengatasi cabaran kawal selia dalam pasaran domestik.

Langkah Pelaksanaan

Program Pembangunan 1.1 : Menaik Taraf Kemudahan Biologik

Kerajaan meletakkan matlamat untuk menubuhkan pengusaha farmasetikal Bumiputera yang berkemampuan dan berupaya memenuhi keperluan pengeluaran dan pengu-rusan rantaian bekalan farmaseutikal biologik²³ dan vaksin Halal. Ini akan menjadi bidang nic yang akan memastikan bekalan mampan produk *biosimilars*²⁴ dan vaksin Halal.

Buat masa kini, sebuah syarikat bioteknologi tempatan sedang menjalankan kerjasama dengan sebuah syarikat bioteknologi Korea Selatan untuk membina fasiliti pembuatan biologik untuk produk bioserupa. Syarikat bioteknologi tempatan ini telah menerima kelulusan pendaftaran untuk produk bioserupa sulungnya di Malaysia untuk Erythropoietin yang digunakan untuk rawatan renal anemia. Selain itu, mereka juga telah menerima pensijilan halal untuk produk di Korea Selatan daripada Persekutuan Islam Korea (KMF), tetapi pada masa ini masih menunggu untuk mendapatkan pensijilan Halal daripada JAKIM. Produk ini akan dipasarkan dan diedarkan di ASEAN dan rantau lain yang berpotensi. Ubat-ubatan bioserupa akan menjadi ubat alternatif dengan kos lebih rendah berbanding ubat asli biologik, sekali gus meningkatkan kecapaian dan kemampuan pemilikan.

Program Pembangunan 1.2 : Membangunkan Vaksin Halal Pertama

Bagi memenuhi hasrat Kerajaan untuk mencipta pengusaha Bumiputera yang boleh membangunkan produk, mengkomersialkan dan menguruskan rantaian bekalan vaksin *Meningococcal* Halal pertama dunia, tindakan akan dibuat berdasarkan konsep Halalan Toyyiban ditetapkan Standard Malaysia (MS) 2424.²⁵ Di bawah program pembangunan ini vaksin *Meningococcal Conjugate ACWY-135* Halal ini sedang dibangunkan menerusi kerjasama antara syarikat Malaysia, Singapura

dan Amerika Syarikat. Vaksin ini perlu melepasi 3 fasa ujian klinikal (Fasa I, II dan III) sebelum didaftarkan dan dibekalkan untuk negara ASEAN dan OIC. Vaksin ini juga sudah menjalani semakan pematuhan Halal dan dijangka akan dapat memenuhi keperluan pensijilan Halal.

Program Pembangunan 1.3 : Menaik taraf Kemudahan Pengeluaran Vaksin Halal

Kerajaan juga merancang untuk membangunkan fasiliti pengeluaran vaksin Halal. Program ini bermatlamat untuk menyediakan jaminan bekalan serta mengurangkan kebergantungan import dengan mengeluarkan vaksin berkualiti tinggi dan mampu milik di dalam negara. Ini juga memenuhi keperluan unik vaksin di peringkat nasional, mengekang keraguan sosial terhadap vaksin, serta membantu penduduk bersedia untuk berdepan kemungkinan pandemik di masa hadapan. Tambahan lagi, inisiatif ini akan meningkatkan kemahiran bakat tempatan dengan menyediakan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi. Inisiatif ini akan meliputi dua fasa. Fasa 1 terdiri daripada pembinaan fasiliti pengeluaran *Fill & Finish* (termasuk pembangunan produk) dan Fasa 2 akan menyaksikan pengoperasian fasiliti pembuatan dan pelaksanaan proses pemindahan teknologi.

Pembiayaan

Jumlah pembiayaan diperlukan untuk program pembangunan ini dianggarkan bernilai RM366 juta. Daripada jumlah itu, RM36 juta akan disalurkan untuk menaik taraf fasiliti biologik patuh Halal dan RM30 juta akan digunakan untuk pembangunan vaksin Meningococcal Halal. Selain itu, dianggarkan RM300 juta lagi akan digunakan untuk menaik taraf fasiliti pembuatan vaksin Halal.

Impak

Fasiliti biologik patuh Halal yang telah dinaik taraf dijangka menjana **GOS** sebanyak **RM2.09 bilion** menjelang tahun 2030, dan mencipta **74** pekerjaan baharu dalam tempoh sama. Selain menawarkan dan meningkatkan permintaan bakat tempatan berkemahiran tinggi dalam produk biofarmaseutikal,

program pembangunan ini dijangka menyumbang kepada sekurang-kurangnya 30% pengurangan kos produk farmaseutikal.



Rasional

Madu kelulut telah diuar-uarkan akan muncul sebagai makanan super (*superfood*) seterusnya, menyumbang RM200 juta setiap tahun kepada ekonomi Malaysia, dan berpotensi mencecah nilai RM350 juta dalam masa terdekat.²⁶ Program pembangunan ini adalah peluang terbaik kepada Bumiputera untuk menjana sumber pendapatan yang stabil dan mampan selaras dengan Pelan Pembangunan Industri Madu Kelulut Nasional 2020-2030 yang diperkenalkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (kini dikenali sebagai Kementerian Pertanian dan Industri Makanan - MAFI) pada tahun 2019. Pada tahun yang sama, Kerajaan membantu 717 usahawan industri pemeliharaan lebah kelulut untuk menjana pendapatan tinggi dengan padanan titik harga madu kelulut global. Industri ini mengeluarkan 133 tan madu setiap tahun (RM19.3 juta).²⁷ Di bawah pelan ini, Kerajaan juga memperkenalkan pensijilan myGAP (Amalan Pertanian Baik Malaysia) bagi memastikan pemain industri dapat bersaing di luar negara.

²⁰ Laporan Keadaan Ekonomi Islam Global, 2020/2021

²¹ Organisasi Kesihatan Dunia (WHO)

²² Laporan Keadaan Ekonomi Islam Global 2020/2021

²³ Biologik farmaseutikal Halal merujuk kepada pembuatan farmaseutikal, diekstrak daripada sumber biologi atau semi sintetis

²⁴ Bioserupa Halal merujuk kepada produk biologik perubatan yang hampir serupa dengan ubat-ubatan biologi yang sudah diluluskan

²⁵ Standard farmaseutikal Halal

²⁶ Zakri Abdul Hamid, 'Stingless bees the next 'super food' industry', *New Straits Times*, 19 Ogos 2019

²⁷ Jabatan Pertanian, 2017

Walaupun sektor ini sudah mampan dalam masyarakat luar bandar, wujud ruang untuk memperhebat penajaan pendapatan dan ekonomi tempatan, seterusnya merapatkan jurang permintaan dari kawasan luar bandar dan permintaan di kawasan bandar.

Langkah Pelaksanaan

Kerajaan akan meneroka peluang pengkomersialan madu kelulut. Pengoperasian program ini akan tertumpu kepada pembentukan kerjasama strategik antara entiti swasta, Agensi Kerajaan dan penduduk tempatan untuk membotolkan dan mengkomersialkan madu kelulut. Selanjutnya, R&D akan dilaksanakan untuk mencari bukti saintifik bagi menyokong manfaat madu kelulut.

Di bawah TPB2030, program pembangunan ini sangat mustahak dan perkara paling asas adalah untuk memastikan jaminan makanan dan produk pertanian dalam industri Halal. Sebelum ini, kebanyakan lebah diperolehi dari negara luar seperti Taiwan dan Australia, sehingga mencetuskan isu yang tidak boleh dielakkan seperti penyakit yang mewujudkan ancaman biologi kepada ekosistem tempatan kerana lebah berperanan penting dalam proses pembenihan tanaman tempatan dalam negara. Misalnya, sekitar tahun 1980-an, penyakit lebah import dari Taiwan memberi kesan buruk sehingga menjejaskan sarang lebah asli Malaysia di kawasan tertentu.²⁸

Pengkomersialan produk pertanian sangat mustahak untuk jaminan makanan, mengurangkan kemiskinan luar bandar serta merapatkan jurang pendapatan. Kerjasama perniagaan dan penyelidikan dengan PKS dan universiti serta intervensi Agensi Kerajaan boleh mengukuhkan sistem sokongan usahawan terutamanya untuk komuniti pedalaman.

Maka, program pembangunan ini bermatlamat untuk menggalakkan peluang keusahawanan bagi penduduk tempatan. Tambahan pula, lebah kelulut lebih mudah dijaga, dikawal dan dibiakkan dalam skala besar.

Pembiayaan

Bagi menyokong program pembangunan,

pembiayaan berjumlah RM10.25 juta diperlukan. Dana terkumpul ini akan membiayai inisiatif Kerajaan untuk mengkomersialkan madu kelulut.

Impak

Inisiatif Kerajaan untuk mengkomersialkan madu kelulut dijangka menjana **RM146 juta GOS** dan menawarkan **500** pekerjaan secara langsung menjelang tahun 2030 dan membuka peluang untuk menggunakan tanah terbiar di negara ini.

Pemboleh
Daya

#1

Sokongan dan Mudahcara oleh
Kerajaan

Bagi memastikan kejayaan program pembangunan ini, Kementerian dan Agensi Kerajaan utama akan diperlukan sebagai pemudah cara pembangunan infrastruktur patuh Syariah untuk pembangunan produk Halal yang memenuhi piawaian global yang seterusnya meningkatkan daya saing di peringkat dunia. Kementerian dan Agensi berkaitan akan membantu program pembangunan dan inisiatif yang ditetapkan dalam TPB2030 bagi memastikan masa penyampaian yang tepat dan mencapai kesan ekonomi yang diinginkan.

Di bawah TPB2030, Kerajaan Malaysia akan memainkan peranan terpenting dalam menyediakan sokongan dan memudah cara program pembangunan dalam tema ini dengan matlamat untuk memaksimumkan dan membangunkan industri Halal Malaysia. Penglibatan Kerajaan akan mencipta nilai lebih baik dalam aspek kecekapan dan keberkesanan. Selain itu, disebabkan pandemik COVID-19 yang ma-

²⁸ *Tiny 'kelulut' can make Malaysia big player in global honey market*, *The Borneo Post*, 24 Februari 2020

²⁹ *'60 pct of producers with Halal certs are non-Muslims, says Mujahid'*, *Malaysiakini*, 7 September 2019

³⁰ DOSM

³¹ *Bahagian Perkhidmatan Farmasi dan Pusat Kajian Klinikal, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)*

sih berterusan, Kerajaan akan memperkukuh hubungan Kerajaan dengan Kerajaan (G2G) bagi mempromosi dan mendorong penggunaan vaksin dan ubat-ubatan Halal yang dibangunkan di Malaysia terutamanya kepada negara-negara OIC.

Tema 2:

MENTRANSFORMASI PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM INDUSTRI HALAL

Program
Pembangunan

#3


Program Peningkatan
Keupayaan dan Kemampuan

Rasional

Cabaran terbesar yang dihadapi ahli farmasi Bumiputera adalah persaingan sengit rangkaian antara farmasi sedia ada. Umumnya, wujud ruang bagi ahli farmasi Bumiputera untuk terus meningkatkan kemahiran dan ilmu keusahawanan mereka. Ini merupakan salah satu program yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan bagi intervensi dan sokongan strategik.

Pada masa kini, hanya 44% daripada keseluruhan pemegang sijil Halal di Malaysia adalah Bumiputera, iaitu seramai 3,530 orang. Data JAKIM menunjukkan hampir 60% pengeluar yang memiliki sijil Halal adalah bukan Islam.²⁹ Penglibatan Bumiputera yang rendah dalam industri Halal berpunca daripada kekurangan keupayaan dan kemampuan untuk mematuhi syarat dan peraturan patuh Syariah. Tambahan lagi, pandemik COVID-19 telah meningkatkan kadar pengangguran kepada 5.3% atau 826,100 orang.³⁰ Maka, wujud keperluan mendesak untuk menyediakan program peningkatan keupayaan dan kemampuan kepada usahawan farmasi Bumiputera.

Rajah 8: Pemilikan Syarikat Bersijil Halal Berstatus Bumiputera %



Walaupun Kerajaan membenarkan ahli farmasi berdaftar untuk beroperasi dalam komuniti sebagai peruncit dengan syarat-syarat tertentu, mereka mempunyai peluang terhad untuk mengedarkan ubat-ubatan dengan preskripsi doktor. Ini disebabkan oleh trend perbelanjaan rakyat Malaysia yang lebih gemarkan ubat perubatan tradisional tambahan atau produk kecantikan yang tidak memerlukan perskripsi ahli farmasi berdaftar. Oleh itu, ahli farmasi terpaksa mempelbagaikan produk runcit meliputi bekalan kesihatan tambahan, penjagaan rumah dan produk kecantikan.

Walau bagaimanapun, terdapat permintaan kukuh untuk ubat-ubatan penyakit kronik. Menurut Kajian Penggunaan Ubat Nasional 2012, lebih 25% daripada 40% rakyat Malaysia yang mengambil produk farmaseutikal, kesihatan tradisional dan kecantikan juga memerlukan ubat-ubatan jangka panjang untuk penyakit kronik.³¹ Daripada jumlah ini, 70% mendapatkan bekalan ubat dari farmasi. Ini mewujudkan peluang untuk meningkatkan penglibatan ahli farmasi Bumiputera bagi memenuhi keperluan farmaseutikal rakyat Malaysia.

Selaras dengan situasi di atas, Kerajaan telah mengenal pasti keupayaan PKS untuk berdaya saing di peringkat dalam dan luar negara sebagai faktor utama kestabilan dan kejayaan ekonomi negara. Malaysia pada masa kini merekodkan lebih 200,000 PKS tempatan

dengan potensi Halal dan menghasilkan 50,000 graduan pengajian Halal tempatan setiap tahun. Bagaimanapun, hanya 6,500 PKS mendapat pensijilan Halal dikeluarkan JAKIM/JAIN (Jabatan Agama Islam Negeri) atau MAIN (Majlis Agama Islam Negeri), malah industri Halal tempatan hanya mendaftarkan sekitar 10,000 Pegawai Pengetahuan Pensijilan Halal.³² Ini membuka peluang besar yang wujud dan boleh diteroka Kerajaan.

Langkah Pelaksanaan

Program Pembangunan 3.1 : Program Usahawan Farmasi Halal Bumiputera

Kerajaan merancang untuk memulakan Program Usahawan Farmasi Halal Bumiputera. Inisiatif ini terdiri daripada dua (2) program pembinaan keupayaan: program peningkatan keupayaan bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran dan keupayaan keusahawanan sedia ada ahli farmasi; dan program pembangunan keupayaan untuk graduan baharu. Ini akan meningkatkan perkhidmatan untuk komuniti dengan menggunakan elemen Halal.

Matlamat program pembinaan keupayaan pertama adalah untuk meningkatkan kemampuan usahawan yang sudah berada dalam rantaian bekalan farmasi Halal, meningkatkan kemampuan dan pengetahuan dalam farmaseutikal Halal dan menyampaikan maklumat tepat untuk meningkatkan kualiti kehidupan.

Di bawah program ini, peserta akan menjalani latihan dan kejurulatihan lapangan selama 6 bulan selaras dengan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris (SPPE) Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Program ini juga akan melibatkan modul pembangunan pelanggan dan pemasaran. Pada akhirnya, program ini bermatlamat untuk meningkatkan nilai perniagaan mereka menerusi konsep pembezaan- mewujudkan hubungan kuat antara komuniti ahli farmasi Bumiputera untuk meningkatkan pengurusan rantaian bekalan mereka yang membawa kepada pelaburan kerjasama modal dalam bidang seperti pergudangan dan logistik bagi mengoptimalkan kos.

Program Pembangunan 3.2 : Program

Pembangunan Komuniti Farmasi

Bagi program pembinaan keupayaan kedua, ada rancangan untuk mewujudkan Program Pembangunan Komuniti Farmasi di bawah TPB2030. Program pembangunan ini bermatlamat untuk memberikan peluang pekerjaan kepada graduan baharu jurusan farmasi, mencipta peluang keusahawanan, membina keupayaan ahli farmasi, mengurangkan kebergantungan kepada fasiliti Kerajaan, dan meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam komuniti farmasi.

Program Pembangunan 3.3 : Kiub Halal

Selain itu, ada juga rancangan untuk melaksanakan inisiatif Kiub Halal. Inisiatif Kiub Halal- bermatlamat untuk membolehkan usahawan Bumiputera mengeluarkan produk dengan sijil Halal dengan keupayaan lebih besar-akan menyediakan premis dan peralatan patuh Halal untuk pengeluaran Halal yang mematuhi syarat dan keperluan ditetapkan Hab Halal JAKIM, Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan (FSQ) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Standard Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan badan penilaian berkaitan yang lain.

Program pembangunan ini akan memberi tumpuan kepada usaha membantu usahawan B40³³ di rumah yang tidak mempunyai capaian kepada premis perniagaan yang sesuai. Ini akan dijalankan dengan mengukuhkan daya saing mereka menerusi kemudahan Kiub Halal. Melalui program ini, usahawan akan dibantu untuk mengenal pasti keperluan khusus mereka, kemudahan khas, peralatan dan pengesahan dokumentasi.

³² HDC

³³ B40 (Terendah 40%) merujuk kepada kelompok 40% pendapatan terendah dengan pendapatan isi rumah di bawah RM4,849, M40 (Pertengahan 40%) pula mempunyai pendapatan isi rumah antara RM4,850 dan RM10,959. T20 (Teratas 20%) mempunyai pendapatan isi rumah RM10,961 dan ke atas - Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, DOSM.

Kotak Maklumat 9: Kiub Halal

Kiub yang akan dibina mempunyai kerangka asas dan struktur, lekapan paip/elektrik, kemasan luaran dan pintu masuk selaras dengan pensijilan Sistem Amalan Pembuatan Baik (GMP). Setiap kiub akan menjalani proses pemantauan, pengesanan dan pelaporan program yang ketat bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan. Untuk usahawan kecil luar bandar yang tidak ada capaian kepada Taman Halal di lokasi mereka, Kiub Halal boleh disediakan untuk mereka bagi pembuatan dan pengeluaran produk Halal di rumah atau lokasi berhampiran mereka. Kelulusan pembuatan Kiub Halal akan membolehkan lebih ramai usahawan mendapat pensijilan Halal, serta memodenkan dan meningkatkan keupayaan pengeluaran mereka.

Matlamat program adalah untuk menyediakan premis dan peralatan patuh Halal kepada perusahaan mikro Bumiputera yang dikenal pasti di semua negeri di Malaysia.

Selain infrastruktur fizikal, usahawan akan ditawarkan memasuki program keupayaan dan kemampuan sedia ada oleh Agensi Kerajaan. Ini termasuk latihan dan kejurulatihan Halal yang disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Halal Berhad (HDC) dan Institut Latihan Halal; Program Keupayaan dan Kemampuan Bahagian FSQ; Program Pembangunan Industri Halal Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC); dan Program Pembangunan Usahawan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Program Pembangunan 3.4 : Inkubator/ Pemacu Halal HIPER

Selain itu, Kerajaan juga merancang untuk membangunkan inisiatif Inkubator/Pemacu Halal HIPER. Ini adalah usaha untuk meningkatkan proses penciptaan nilai dalam kalangan syarikat Halal. Program ini bermatlamat untuk memperhebat daya saing syarikat Bumiput-

era melalui perancangan, khidmat nasihat dan perundingan perniagaan Halal berstrategi. Di bawah program ini, sasaran ditetapkan bagi peserta terlibat untuk meningkatkan jumlah perolehan terkumpul kepada RM300 juta setahun dengan keuntungan kasar antara 60% hingga 80%. Perolehan perusahaan ini dijangka merekodkan 40% CAGR atau RM900 juta menjelang 2030. 300 peserta baharu juga disasarkan menyertai program ini, dengan sasaran untuk merekodkan perolehan terkumpul sebanyak RM3 bilion setahun menjelang 2030.

Rajah 10: Usul Nilai HDC



HDC

Pemudahcaraan Industri

- Memudah cara **hubungan dan kerjasama antarabangsa** untuk pelaburan, perdagangan dan maklumat serta perkongsian kepakaran dan teknologi
- Memudah cara pembangunan **rantaian nilai** patuh Syariah dan sepenuhnya Halal

Penyelesaian Pemilikan

- Memudah cara **penglibatan dan pertumbuhan** pemain industri Halal
- Menyediakan perkhidmatan **perundingan dan peluang** menerusi pasaran dan rantaian nilai Halal
- Memudah cara pengurusan **inisiatif dan isu** berkaitan dengan industri Halal

Penjenamaan Global

- Mempromosi jenama Halal Malaysia ke seluruh dunia
- Menyelaras dan melaporkan indeks prestasi pelaksanaan inisiatif

Kepimpinan Ilmu dan pemikiran

- Merangka strategi dan inisiatif yang menyokong agenda pembangunan sosio ekonomi negara
- Inisiatif tambah nilai pembangunan bakat

Kesan kepada Industri Halal

- **Insentif fiskal** untuk pengendali taman Halal dan pemain industri Halal di Taman Halal Malaysia (HALMAS) dan Hab Logistik Sejuk Beku
- **Pusat Sehati** menyediakan perkhidmatan mudah cara akhir-ke-akhir berkaitan pelaburan, perdagangan dan pembangunan ekosistem
- **Peruntukan infrastruktur berkelas dunia** di HALMAS
- **Ketersediaan sumber manusia berpengetahuan** dan menyediakan capaian kepada modul latihan terkini dan relevan industri Halal
- Capaian kepada standard dan pensijilan terkini dan **relevan industri Halal**
- **Penggerak industri Halal peringkat rantau dan antarabangsa** yang juga mampu membantu kemasukan ke pasaran Halal global dan mesra pengguna Islam

Matlamat seterusnya adalah untuk melaksanakan sistem *rating* Halal sebagai tanda aras semakin berprestasi tinggi terhadap teknologi, produk, proses, pemasaran dan tahap kematangan organisasi PKS. Laporan perintis juga akan digunakan untuk mengenal pasti jurang dalam proses pengeluaran dan pembuatan, pengurusan produk dan penjenamaan, organisasi dan pemasaran, dan untuk membolehkan perniagaan mengambil tindakan pemulihan bagi meningkatkan kemampuan dan keupayaan pengeluaran. Tambahan lagi, intervensi prestasi tinggi akan dilakukan meliputi guna pakai teknologi IR4.0, penjenamaan Halal, pembangunan produk, pemasaran, pembiayaan perdagangan, pensijilan dan kerangka pensijilan pembuatan lain untuk khidmat nasihat dan perundingan.

Pembiayaan

Jumlah pembiayaan yang diperlukan untuk program pembangunan ini dianggarkan berjumlah RM160.50 juta. Pembiayaan ini akan disalurkan kepada pembangunan dan pelaksanaan program keupayaan dan kemampuan serta program peningkatan kemahiran, Kiub Halal dan Inkubator/Pemacu Halal HIPER bagi membangunkan rantaian berterusan Bumiputera berkemahiran tinggi dalam industri Halal.

Impak

Kejayaan pelaksanaan program pembangunan keupayaan dan kemampuan serta program peningkatan dijangka menyumbang kira-kira **RM7 bilion GOS** pada tahun 2030 dan mencipta **7,590** peluang pekerjaan pada tahun yang sama. Program pembangunan ini juga akan menyaksikan penambahan kemahiran usahawan Bumiputera sedia ada dan yang baharu yang bersedia untuk memenuhi permintaan industri moden Halal.

Pemboleh
Daya

#2

Capaian Program Keupayaan
dan Kemampuan

Kekurangan sumber manusia berkemahiran dan berpengetahuan dalam perniagaan, penyeliaan dan teknologi Halal telah

menjejaskan kepantasan proses pensijilan dan peluasan keupayaan perniagaan. Disebabkan itu, program peningkatan kemahiran dan latihan akan disediakan untuk bakat sektor ini menerusi kerjasama penyelarasan antara pemilik program pembangunan dan Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB).

Tema 3:

MENUBUHKAN RANTAIAN MODEN BEKALAN HALAL

Program
Pembangunan

#4

Menguukuhkan Rantaian
Bekalan Halal

Rasional

Pandemik COVID-19 juga mendedahkan jurang dalam sistem sedia ada, terutama sekali berkaitan dengan jaminan makanan dan penjagaan kesihatan. Kerajaan melihat jurang ini sebagai peluang besar untuk memodenkan rantaian bekalan di Malaysia dan memastikan sektor penting seperti makanan dan kesihatan bukan hanya kalis krisis tetapi juga kalis masa depan.

Ketika ini, sektor kesihatan di Malaysia berdepan pelbagai cabaran yang boleh diselesaikan menerusi inovasi, pemodenan dan pengetahuan teknologi. Antara isu terlibat adalah kos pengurusan tinggi, harga tidak berdaya saing, ketiadaan produk penjagaan kesihatan Halal dan lebih bekalan profesional muda. Era digital membolehkan transformasi dalam penyampaian produk dan perkhidmatan penjagaan kesihatan dilakukan.

Peluang ini terbuka luas dan wujud ruang tambah baik yang besar untuk sektor penjagaan kesihatan Malaysia dengan mengambil kira hakikat yang penggunaan teknologi penjagaan



kesihatan terus ke rumah pesakit masih di peringkat awal pertumbuhan. Mengambil inspirasi daripada aplikasi pandu seru (*e-hailing*) seperti Grab yang menyediakan capaian selesa dan segera kepada penumpang untuk menempah perkhidmatan pemandu, *uberisation* penjagaan kesihatan meletakkan matlamat untuk membolehkan pesakit menggunakan teknologi untuk mendapatkan rawatan dan ubat-ubatan ke pintu rumah mereka.

Langkah Pelaksanaan

Program Pembangunan 4.1 : Sistem Pengurusan Rantaian Bekalan Automasi

Kerajaan akan melaksanakan beberapa inisiatif dalam usaha memodenkan dan mengukuhkan rantaian bekalan Halal. Pertamanya, Kerajaan merancang untuk menyediakan program latihan berkumpulan berstruktur Pengurusan Rantaian Bekalan meliputi modul berkaitan dengan Rantaian Bekalan Automasi, Proses Automasi Robotik, Penyimpanan Automasi, Sistem Mendapat Kembali Data dan analitik data.

Program ini akan memberi tumpuan kepada menambah baik fasiliti sedia ada dan baharu rakan swasta Malaysia selaras dengan IR4.0.

Dalam usaha ini, sebahagiannya akan tertumpu kepada usaha peningkatan kemahiran dan pemahiran semula bagi menghasilkan pekerja berkemahiran tinggi. Bagi memenuhi matlamat ini, kemahiran berasaskan ilmu pengetahuan akan dipromosi bagi mencapai produktiviti optimum. Usaha ini akan membantu meningkatkan status sosioekonomi tenaga kerja syarikat bioteknologi tempatan, yang mana 87% daripada jumlah ini merupakan kumpulan pendapatan B40.³⁴

Program Pembangunan 4.2 : *Uberisation* Penjagaan Kesihatan (HC-Uber)

Keduanya, Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan dan menyokong *Uberisation* Penjagaan Kesihatan (HC-Uber) yang meliputi penambahbaikan Sistem Berpusat Pembelian & Penedaran dan menyokong teleperubatan dan Unit Penjagaan Kesihatan Halal. Sistem Berpusat Pembelian & Penedaran akan ditubuhkan untuk pengurusan stok ubat dan farmasuetikal yang lebih menjimatkan masa, berkesan dan cekap serta mengurangkan tempoh proses logistik.


³⁴ *Data Tenaga Kerja Pharmaniaga*

Sistem Berpusat Pembelian & Pengedaran akan diuruskan oleh syarikat swasta dan bermatlamat untuk integrasi lebih baik antara pembekal, klinik kesihatan dan farmasi. Wawasannya adalah sistem ini akan membolehkan integrasi sistem pemantauan bersama antara doktor, pesakit dan ahli farmasi dan pada masa sama memudahkan proses pemberian ubat tanpa sempadan serta mengoptimalkan kos individu, klinik dan farmasi. Cadangan modal pelaburan dibuat menerusi kerjasama awam-swasta, termasuk melibatkan klinik kesihatan dan farmasi.

Program Pembangunan 4.3 : Gudang Bersepadu sebagai Pusat Pembelian & Pengedaran

Salah satu komponen utama program ini adalah Gudang Bersepadu yang juga menjadi Pusat Pembelian & Pengedaran. Pusat ini akan bertindak sebagai penyelesaian akhir-ke-akhir bermula daripada pemesanan ubat hingga kepada menjejak penghantaran, menggunakan saluran digital yang menyediakan maklumat masa nyata yang memastikan ketepatan dan keberkesanan sistem.

Rajah 11: Gudang Bersepadu/ Pusat Pengedaran & Pengurusan Rantaian Bekalan



Kerajaan akan menjadi pemudah cara untuk entiti swasta Bumiputera meneraju isu jaminan makanan, ekosistem poltri logistik dan program penggudangan untuk negara ini. Ini adalah untuk memastikan bekalan produk sejuk beku Halal dan sedia-untuk-dimakan (*ready-to-eat*, RTE) Halal mencukupi, untuk membentuk rantai bekalan menyeluruh poltri Halal serta menyediakan logistik dan penggudangan Halalan Thoyyiban.

Bagi melaksanakan program pembangunan ini, Kerajaan akan menyediakan sokongan bagi memastikan fasiliti tersebut akan dilengkapi dengan komponen IR4.0 bagi mencapai impak tinggi dan pelaburan mampan. Matlamatnya adalah supaya hasil akhir program pembangunan meliputi pembekalan sehingga 200 tan produk sehari untuk pasaran tempatan. Kerajaan juga akan bekerjasama dengan syarikat swasta Bumiputera untuk bertindak sebagai peneraju bagi menyokong lebih 100 usahawan Bumiputera dalam penternakan ayam pedaging, peruncitan, pemborongan dan lain-lain.

Pembiayaan

Jumlah kos untuk program pembangunan ini dianggarkan sebanyak RM617.6 juta. Antara lain, dana program pembangunan ini akan disalurkan untuk menaiktaraf fasiliti sedia ada dan yang baharu serta penubuhan Pusat Pembelian & Pengedaran bagi memastikan kejayaan pelaksanaan program pembangunan.

Impak

Program pembangunan ini dijangka menyumbang **RM2.52 bilion GOS** pada tahun 2030 serta mencipta **2,760** peluang pekerjaan secara langsung. Pendigitalan pengurusan rantai bekalan ke arah IR4.0 seterusnya dijangka meningkatkan prestasi menerusi kecekapan kos dan operasi. *Uberisation* penjagaan kesihatan pula akan memperluas kolam bakat menerusi pertambahan kemahiran dan pembinaan keupayaan sumber manusia sedia ada dan yang baharu dalam penggunaan teknologi terkini untuk pemilihan dan perolehan produk dan perkhidmatan farmaseutikal terbaik bagi memenuhi keperluan pengguna kesihatan. Ia juga akan membantu mengurangkan kadar

pengangguran dalam kalangan profesional muda. Selain itu, program ini juga akan menurunkan kos pembukaan farmasi, tenaga kerja dan penyeliaan bekalan produk, dan pada masa sama meningkatkan kesihatan untuk pelanggan dengan meminimumkan kesilapan dan mengoptimumkan keputusan. Seterusnya, program pembangunan ini akan memenuhi permintaan tempatan untuk produk Halal dengan pensijilan Halal yang selamat yang menjadi isu tumpuan rakyat Malaysia.

Pemboleh
Daya

#3

Capaian Pembiayaan untuk
Pembangunan Rantaian
Moden Bekalan Halal

Program pemodenan dan pengukuhan rantai bekalan Halal memerlukan pembiayaan mudahcara pembiayaan dan sokongan bagi merapatkan jurang kemampuan pemilik perniagaan sedia ada dan bakal usahawan bagi mendapatkannya. Ini bagi mencapai matlamat menggunakan sepenuhnya kelebihan daya saing Malaysia. Bagi mencapai semua ini, UPAB dicadangkan akan bekerjasama dengan Kementerian, Agensi dan institusi kewangan berkaitan bagi memudah cara peruntukan dan pembiayaan.



STRUKTUR TADBIR URUS

KEGA Hab Halal dan Makanan dicadangkan akan dipantau oleh Jawatankuasa Pemerkasaan Agenda Bumiputera (JPAB), dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha MITI. UPAB dicadangkan akan bertindak sebagai sekretariat kepada JPAB dan akan memastikan penyediaan semakan bulanan bagi memberikan maklum balas, panduan dan penilaian wajar kepada perkembangan program pembangunan.

JPAB MITI

Pengerusi JPAB Ketua Setiausaha

Ahli Tetap

- Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian berkaitan
- KPE dan Pengarah Agensi berkaitan

Ahli Jemputan

- Kementerian/Agensi sokongan yang berkaitan
 - Pihak Berkepentingan Utama
 - Pemilik Program Pembangunan
-

Sekretariat:

- MITI
 - UPAB
-

Jawatankuasa Pemerkasaan Agenda Bumiputera (JPAB)

Pertemuan sebulan sekali

- Menjadi platform penyelaras kepada KEGA
- Memantau perkembangan program pembangunan dan KPI
- Membuat keputusan dan memberi panduan
- Menyelesaikan masalah dan isu secara menyeluruh

Pengerusi UPAB Pengarah/ Setiausaha Bahagian

Ahli Tetap

- Kementerian/Agensi Pelaksana
- Pemilik Program Pembangunan

Ahli Jemputan

- Kementerian/Agensi sokongan yang berkaitan
 - Pihak Berkepentingan Utama
-

Sekretariat:

- MITI
 - UPAB
-

Peringkat Kerja UPAB

Pertemuan setiap dua minggu sekali

- Untuk memudah cara dan memantau pelaksanaan program pembangunan
- Berbincang dan menyelesaikan isu pelaksanaan sebelum di bawa kepada JPAB

KESIMPULAN

Hab Halal dan Makanan bermatlamat untuk memangkin komponen bernilai tinggi yang belum diteroka dalam industri makanan dan farmaseutikal Halal. Industri ini menunjukkan permintaan kukuh serta potensi pertumbuhan besar terutama sekali pada peringkat global. Kejayaan pelaksanaan program pembangunan di bawah KEGA Hab Halal dan Makanan akan menyumbang RM11.75 bilion GOS kepada Bumiputera pada 2030, mencipta 10,924 pekerjaan secara langsung. Sejumlah RM1.15 bilion pembiayaan akan diperlukan menjelang tahun 2030.

KEGA Hab Halal dan Makanan diterajui oleh 11 program pembangunan di bawah 3 tema dalam industri makanan dan farmaseutikal dan dijangka akan menjadi pemangkin kepada peluang pelaburan lain dalam rantai nilai Halal. Ini seterusnya membolehkan penciptaan nilai tambah seperti pekerjaan dan inovasi, antara lainnya, bagi mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab global perdagangan Halal.

No

01.1

01.2

01.3

02

03.1

03.2

03.3

03.4

04.1

04.2

04.3

Program Pembangunan	GOS (pada 2030) dan Pembiayaan & Pekerjaan (menjelang 2030)
Menaik Taraf Kemudahan Biologik	GOS : RM0.50 billion Jumlah Pembiayaan : RM36 juta Pekerjaan : 24
Membangunkan Vaksin Halal Pertama	GOS : RM0.12 billion Jumlah Pembiayaan : RM30 juta Perkerjaan : 25
Menaik Taraf Kemudahan Pengeluaran Vaksin Halal	GOS : RM1.46 billion Jumlah Pembiayaan : RM300 juta Perkerjaan : 25
Pengkomersialan Produk Halal Bernilai Tinggi	GOS: RM146 juta Jumlah Pembiayaan : RM10.25 juta Pekerjaan: 500
Program Usahawan Farmasi Halal Bumiputera	GOS : RM8 juta Jumlah Pembiayaan : RM4.20 juta Pekerjaan : 380
Program Pembangunan Komuniti Farmasi	GOS : RM0.92 billion Jumlah Pembiayaan : RM94 juta Pekerjaan : 1,000
Kiub Halal	GOS : RM78 juta Jumlah Pembiayaan : RM25 juta Pekerjaan : 200
Inkubator / Pemacu HIPER	GOS : RM6 billion Jumlah Pembiayaan : RM37.30 juta Pekerjaan : 6,010
Sistem Pengurusan Rantaian Bekalan Automasi	GOS : RM83 juta Jumlah Pembiayaan : RM2.60 juta Pekerjaan : 100
Uberisation Penjagan Kesihatan (HC-Uber)	GOS : RM0.84 billion Jumlah Pembiayaan : RM300 juta Pekerjaan : 2,470
Gudang Bersepadu sebagai Pusat Pembelian & Pengedaran	GOS : RM1.60 billion Jumlah Pembiayaan : RM315 juta Pekerjaan : 190

Hab Kewangan Islam 2.0



6
Program
Pembangunan

**RM17.63
bilion**
GOS 2030

11,257
Pekerjaan
Langsung

**RM10.72
bilion**
Jumlah
Pelaburan


Tema 1:
MEMPERLUAS CAPAIAN
KEWANGAN ISLAM

Tema 2:
PENDIGITALAN KEWANGAN
ISLAM

Tema 3:
MENUBUHKAN HAB
KEWANGAN ISLAM
SERANTAU

Tema 4:
MEMPERKASA KOMUNITI
BUMIPUTERA

04



RINGKASAN EKSEKUTIF



Malaysia telah memperkasa penguasaannya sebagai perintis dalam Kewangan Islam sejak tahun 1960-an, bermula dengan penginstitutionan rangka kerja perundangan, kawal selia, dan Syariah yang membuka jalan kepada industri untuk berkembang. Menjelang awal tahun 2000-an, industri tempatan membina reputasi sebagai alternatif kepada perbankan dan kewangan konvensional.

Sehingga tahun 2020, Malaysia telah diiktiraf sebagai negara paling maju dalam Kewangan Islam, mendahului Indonesia dan Kerjasama Negara-negara Teluk (GCC) seperti Bahrain, Emiriah Arab Bersatu (UAE), dan Arab Saudi.⁰¹ Menurut Petunjuk Pembangunan Kewangan Islam (IFDI) 2020, aset Kewangan Islam Malaysia berjumlah USD570 bilion pada tahun 2019, menjadikannya pasaran ketiga terbesar

bagi Kewangan Islam di dunia (pada masa ini, aset Kewangan Islam global berjumlah ASD2.9 trilion).⁰² Ia juga berada dalam kedudukan tiga (3) teratas antara langkah global yang lain, seperti jumlah Sukuk tertunggak, aset perbankan Islam, aset Takaful, dan dana Islam.

Namun, industri Kewangan Islam tempatan kini berdepan dengan cabaran yang mungkin mengehadkan pertumbuhannya yang berterusan. Ini termasuk kekurangan profesional Kewangan Islam yang berkelayakan; peraturan yang berkembang pesat; kekurangan celik kewangan, terutamanya di kawasan luar bandar, yang menghalang keterangkuman kewangan; dan penggunaan digital yang terhad dalam kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).⁰³ Situasi ini bertambah buruk dengan krisis COVID-19 yang menjejaskan ekonomi, sepertimana kebanyakan ekonomi dunia yang lain, terdedah kepada risiko. Akibatnya, PKS yang membentuk tulang belakang ekonomi Malaysia, tidak mempunyai keyakinan untuk menceburi bidang pertumbuhan baharu berikutan ketidakpastian pasaran semasa.

Dalam usaha untuk menjana pertumbuhan berterusan industri Kewangan Islam Malaysia dan membolehkan industri mengangkat Malaysia menjadi sebuah negara mampan serta memastikan pengagihan yang adil dan saksama, Kewangan Islam telah dikenal pasti sebagai Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030).

Objektif strategik usaha ini adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai hab Kewangan Islam bagi semua sektor ekonomi Islam dan menjadikannya destinasi yang menarik bagi pelabur dan pencari modal, seterusnya mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan kepelbagaian. Seterusnya, kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam Kewangan Islam akan dimanfaatkan untuk membina ekosistem Kewangan Islam yang berdaya tahan dengan teknologi kewangan (*fintech*) sebagai pemangkin dalam Pasaran Modal Islam dan perbankan Islam dan Takaful.

Untuk tujuan ini, Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) telah mengenal pasti enam (6) program pembangunan

dan empat (4) pemboleh daya di bawah 4 tema untuk KEGA ini. Kejayaan pelaksanaan program pembangunan di bawah Kewangan Islam KEGA akan menyumbang RM17.63 bilion dalam Lebihan Kendalian Kasar (GOS) kepada perusahaan Bumiputera dan menjana sekurang-kurangnya 11,257 pekerjaan langsung. KEGA ini juga dijangka memperoleh RM10.72 bilion dalam pembiayaan bagi sektor Kewangan Islam menjelang tahun 2030.

⁰¹ *Refinitiv and the Islamic Corporation for the Development of Private Sector (ICD).*

⁰² *Petunjuk Pembangunan Kewangan Islam (IFDI) 2020*

⁰³ *SME Corporation Malaysia (SME Corp)*




LATAR BELAKANG


Sektor perkhidmatan kewangan diiktiraf sebagai batu asas ekonomi berpendapatan tinggi, membolehkan pertumbuhan sektor ekonomi lain serta berkhidmat sebagai enjin pertumbuhan dalam konteks yang tersendiri. Dalam segmen Kewangan Islam, jumlah aset Kewangan Islam global berada pada ASD2.9 trilion pada tahun 2019. Menjelang tahun 2024, aset industri Kewangan Islam global dianggarkan bernilai ASD3.7 trilion, dengan Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompau (CAGR) sebanyak 6.4% sejak tahun 2012.⁰⁴

Berlandaskan latar belakang ini, Malaysia menyumbang sebanyak ASD570 bilion dalam aset Kewangan Islam, syer ketiga terbesar di dunia. Negara kita juga menduduki tempat pertama atau antara 3 teratas di dunia dari segi aset perbankan Islam, lebih Sukuk, dana Islam, aset Takaful dan *Opalesque Islamic Finance Intelligence* (OIFI).

Rajah 1
Jumlah Aset Kewangan Islam Global
ASD Trilion



Pengagihan Aset Kewangan Islam (2019)
ASD Bilion



Sumber: 2020 Islamic Finance Development Report, Refinitiv and the Islamic Corporation for the Development of Private Sector (ICD)


Di samping itu, Malaysia telah diiktiraf sebagai negara paling maju dalam Kewangan Islam, di hadapan Indonesia dan GCC seperti Bahrain, UAE, dan Arab Saudi.⁰⁵

Rajah 2
Petunjuk Pembangunan Kewangan Islam Global (IFDI)
Kedudukan, Skor

Negara	Kedudukan	IFDI 2020	Pembangunan Kuantitatif	Pengetahuan	Tadbir Urus	Kesedaran	CSR
Malaysia	1	111	94	185	86	149	41
Indonesia	2	72	27	181	67	60	23
Bahrain	3	67	38	68	88	103	38
UAE	4	66	31	67	79	91	60
Arab Saudi	5	64	59	52	41	50	119
Jordan	6	53	14	75	51	29	99
Pakistan	7	51	18	80	74	53	31
Oman	8	45	14	46	66	73	25
Kuwait	9	43	48	13	63	48	42
Qatar	10	38	28	19	63	52	29

Indikator Pertumbuhan Kewangan Islam Global (IFDI) memperuntukkan analisis terperinci terhadap faktor utama pertumbuhan industri Kewangan Islam. Ini merupakan barometer sahih berkenaan keadaan industri Kewangan Islam pada tahun 2020. Selain sub-indikator seperti dipaparkan pada jadual atas.

Jumlah Aset Kewangan Islam mengikut Negara (2019)
ASD Trilion




Aset Kewangan Islam kekal kukuh di tiga pasaran utama - Iran, Arab Saudi dan Malaysia - di mana mereka mempunyai 66% aset global pada tahun 2019.

Sumber: ICD

Petunjuk ini adalah bukti Malaysia merupakan pasaran terbesar bagi Kewangan Islam di Asia Tenggara. Sehingga akhir Jun 2020, kadar penembusan Kewangan Islam di Malaysia, seperti yang diukur oleh pegangan pasarannya daripada jumlah pembiayaan, tidak termasuk Institusi Kewangan Pembangunan (DFIs), adalah 35.6%, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3. Dengan cara perbandingan angka ini berada pada 34.9% pada tahun 2019 dan 23.2% pada tahun 2013.⁰⁶ Bahagian pasaran industri juga dijangka meningkat maju ke hadapan.

Rajah 3: Pembiayaan Islam dalam % daripada Jumlah Pembiayaan



Trend Pembiayaan Islam di Malaysia:

- Pegangan pasaran Malaysia berbanding jumlah pembiayaan Islam (kecuali DFI) berada pada kadar 35.6% pada akhir Jun 2020 berbanding 34.9% pada 2019 dan 23.2% pada tahun 2013.
- Penerimaan produk dan perkhidmatan Kewangan Islam yang meningkat dijangka berterusan berikutan peraturan yang ketat dan ekosistem Kewangan Islam yang berkembang merangkumi sukuk, takaful dan dana patuh Syariah.

Mengikut laporan S&P Global's 'Islamic Finance Outlook 2020', kemajuan sektor teknologi Kewangan (fintech), sukuk alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), dan penyeragaman piawaian merupakan tiga faktor penting dalam memacu industri Kewangan Islam.

Sumber: Bank Negara Malaysia (BNM); Moody's Investors Service; S&P Global Ratings

Prospek pertumbuhan industri juga kekal positif berikutan rangka kerja pengawalseliaan yang mantap dan pembangunan berterusan ekosistem Kewangan Islam.

Prinsip-prinsip teras Kewangan Islam, yang terdiri daripada larangan memaksimumkan keuntungan (riba), ketidakpastian/spekulasi (gharar) dan perjudian (maisir), perkongsian keuntungan dan kerugian, dan sokongan aset, adalah selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDGs). Ini berikutan penekanan industri terhadap nilai etika dan pengagihan kekayaan yang saksama untuk menggalakkan kemampanan. Ini seterusnya menunjukkan betapa pentingnya peranan industri dalam menyumbang kepada pelan pembangunan jangka panjang Malaysia sejak tahun 1960-an.

⁰⁴ ICD

⁰⁵ Ibid

⁰⁶ Bank Negara Malaysia (BNM); Moody's Investors Service; S&P Global Ratings

Rajah 4: Garis Masa Kewangan Islam Malaysia

Strategi Utama

FASA 1

1963 - 1991

Menginstitusikan asas Kewangan Islam dalam kerangka perundangan, peraturan dan syariah serta menubuhkan asas infrastruktur

FASA 2

1992-2000

Membina aktiviti penjanaan untuk merangsang persaingan dan merancakkan pasaran bagi menambah pemain pasaran, mengukuhkan infrastruktur kewangan dan tadbir urus Syariah

FASA 3

2001-2010

Mengukuhkan kehadiran pasaran, tambah baik infrastruktur, mengukuhkan keseluruhan Sistem Perbankan Islam

FASA 4

2011 & Seterusnya

Kemajuan ke arah liberalisasi pasaran dengan berdaya tahan dalam kepelbagaian ekonomi, memperhebat tahap dinamik pasaran kewangan dan mengukuhkan rantaian kewangan dengan bidang kuasa lain

Inisiatif Utama

1963	Lembaga Tabung Haji ditubuhkan
1983	Akta Perbankan Islam 1983
1983	Akta Pelaburan Kerajaan 1983 (GIIS)
1983	Akta Takaful 1984
1983	Bank Islam Pertama (Bank Islam)
1985	Pengendali Takaful Pertama (Syarikat Takaful)
1991	Bank Islam tersenarai di pasaran saham


1993	Jendela Islam (<i>Islamic Windows</i>)
1993	Pasaran Wang Islam
1999	Bank Islam Kedua (Bank Muamalat)
1995	Kumpulan Takaful ASEAN
1997	ASEAN Retakaful International Ltd
1997	Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara Malaysia (BNM) ditubuhkan
2000	Penubuhan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM)

2001	Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (IIFM) ditubuhkan
2001	Pelan Induk 10 Tahun Sektor Kewangan (FSMP)
2002	Persatuan Takaful Malaysia ditubuhkan
2002	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) diasaskan
2003	Lesen diberikan kepada bank asing-AFB, AL Rajhi dan KFH
2004	Beberapa bank konvensional mendapat kebenaran dari BNM untuk menubuhkan Subsidiari Perbankan Islam
2004	Pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Duti Setem 1949 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 untuk dasar pengecualian cukai
2006	Pusat Perbankan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) dilancarkan untuk mempromosi Malaysia sebagai hab utama Kewangan Islam dan <i>International Centre for Education in Islamic Finance</i> (INCEIF) ditubuhkan
2008	Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa untuk Kewangan Islam (ISRA) ditubuhkan
2009	Akta BNM 2009 menggantikan Akta BNM 1958
2009	Dua lesen baharu Perbankan Islam ditawarkan
2010	Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (IILM) ditubuhkan.

2013	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 diluluskan Parlimen
2014	SC melancarkan Rangka Kerja Sukuk Pelaburan Mampam dan Bertanggungjawab (SRI).

Sumber: BNM; Companies Alliance DBS; Pusat Perbankan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC)

Rajah 5: Jumlah Aset Kewangan Islam (2016 - 2019)
ASD Bilion



Aset Kewangan Islam Malaysia	ASD406 bilion	ASD493 bilion	ASD521 bilion	ASD570 bilion
Pegangan Pasaran daripada Aset Kewangan Islam Malaysia (%)	17.6%	20.0%	20.7%	19.8%
Jumlah Aset Kewangan Islam Global	ASD2.31 trilion	ASD2.46 trilion	ASD2.52 trilion	ASD2.88 trilion


Aset	Takaful	Dana Islam	OIFI	Sukuk	Perbankan Islam
Pegangan pada 2019 (%)	2%	6%	9%	42%	41%
Pertumbuhan (CAGR)	7.72%	16.96%	7.89%	12.71%	11.64%

*OIFI - Lain-lain Institusi Kewangan Islam

KES UNTUK INTERVENSI

Walaupun industri Kewangan Islam Malaysia telah mencapai tahap kematangannya, namun krisis COVID-19 pada tahun 2020 memberi tekanan kepada pertumbuhan, yang telah menunjukkan trend penurunan sejak tahun 2017. Pada tahun 2020, pertumbuhan industri berada pada sekitar 5% berikutan keadaan ekonomi yang terkesan akibat COVID-19. Walaupun begitu, pemulihan berperingkat dijangka berlaku berikutan industri Kewangan Islam Malaysia adalah pasaran yang paling pesat berkembang jika dibandingkan dengan pasaran Islam lain seperti GCC, Turki, dan Iran. Trend terkini telah menunjukkan negara tersebut sedang berlumba untuk menyaingi pencapaian prestasi Malaysia.⁰⁷

Rajah 6: Kadar Pertumbuhan Industri Kewangan Islam (2014-2021)



Trend pertumbuhan ini, ditambah pula dengan keadaan ekonomi yang lembap semasa pandemik COVID-19, memberi peluang kepada perkembangan transformatif, seperti pendigitalan dan inovasi dalam teknologi kewangan untuk mempercepat proses tersebut. Selaras dengan itu, industri ini juga melihat permintaan yang semakin meningkat terhadap bakat bertauliah dan berkemahiran tinggi untuk mengukuhkan lagi tadbir urus dan keberkesanan memandangkan saiz, keadaan, dan kecanggihan industri Kewangan Islam yang semakin meningkat.

Kekurangan Penerimaan Digital

Teknologi Kewangan (*fintech*) adalah merupakan segmen baharu dalam pasaran Malaysia. Di dalam ruang Kewangan Islam terdapat peluang untuk menentukan visi negara untuk *fintech* Islam, serta potensi pembangunan *fintech* Islam.

Kehadiran teknologi dan jurang generasi juga mengekang keterangkuman dalam ekonomi digital Islam. Beberapa segmen penduduk, terutamanya di kawasan luar bandar, kurang kesedaran mengenai perkembangan dalam teknologi kewangan. Ini mewujudkan halangan kepada pemasaran produk dan penawaran teknologi kewangan yang berkesan.

Kesannya terdapat keperluan untuk membangunkan lebih banyak inisiatif melalui pelbagai institusi untuk meningkatkan tahap celik kewangan dan teknologi dalam melahirkan lebih ramai usahawan digital. Ini dicapai terutamanya melalui Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan SME Corporation melalui penyediaan latihan teknikal, mentor perniagaan yang bersasar, dan kerjasama dengan pihak yang relevan.

Peningkatan Persaingan Dalam Pasaran Rentan

Industri Kewangan Islam adalah lebih kecil berbanding industri konvensional. Ia dijangka akan mengalami peningkatan persaingan daripada institusi kewangan yang kukuh serta yang baharu muncul. Berlatarbelakangkan ketidakpastian parameter utama seperti harga minyak dan risiko geopolitik, pemain industri Kewangan Islam akan berhadapan dengan kemungkinan cabaran untuk meneroka saluran pertumbuhan baharu. S&P Global Ratings telah mengunjurkan bahawa industri Kewangan Islam global akan berkembang secara perlahan untuk tempoh dua (2) tahun akan datang.

Persaingan sengit dalam pasaran yang tidak menentu bertambah buruk lagi berikutan kesan jangka panjang COVID-19. PKS, khususnya, telah menjadi antara industri yang paling terjejas dengan kehilangan pendapatan.

Ini seterusnya dijangka akan menyumbang kepada peningkatan peruntukan kerugian pinjaman, dan kesanggupan untuk mengambil risiko dalam kalangan bank termasuk bank Islam. Oleh kerana saiz yang lebih kecil, industri Kewangan Islam mungkin mengalami hakisan modal, lantas menghalang pertumbuhan.

Jurang bakat

Kumpulan bakat Kewangan Islam pada masa kini mempunyai jumlah Pakar Syariah yang terhad terutamanya dalam peraturan yang berkaitan dengan Kewangan Islam. Sebagai contoh, pelaksanaan rangka kerja pengawalseliaan dan piawaian sedia ada yang dikeluarkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB), sebuah organisasi penetapan standard antarabangsa, memerlukan pakar teknikal dalam undang-undang Syariah dan Kewangan Islam.

Oleh kerana kekurangan bakat dan kekurangan kecekapan teknikal, usaha untuk mengukuhkan tadbir urus syariah dan pelaksanaan piawaian memerlukan tempoh yang terlalu lama. Kesannya industri ini akan mendapat manfaat menerusi penyelarasan dasar yang kukuh untuk membina tahap celik kewangan, keupayaan, dan menggalakkan pengurusan kewangan yang berhemat.

Celik Kewangan Kekal Rendah

Di sebalik usaha berterusan oleh Kerajaan, badan kawal selia, dan pemain industri, tahap celik kewangan masih rendah di Malaysia, sekali gus menghalang aliran masuk kewangan. Sehingga tahun 2017, 15% rakyat Malaysia tidak mempunyai akaun institusi kewangan, dengan hampir separuh daripada mereka memberikan alasan bahawa mereka tidak mempunyai wang yang cukup untuk membuka akaun bank. Selain itu, 28% rakyat Malaysia juga dilaporkan kurang percaya terhadap institusi kewangan sebagai faktor untuk tidak memiliki akaun bank.⁰⁸

Akses ke institusi kewangan, kos perkhidmatan kewangan, kekurangan dokumentasi yang diperlukan untuk membuka akaun bank, dan kekurangan keperluan untuk akses langsung kepada sistem kewangan formal kerana ahli keluarga sudah mempunyai akaun bank, juga

mengehadkan keterangukuman kewangan di kalangan rakyat Malaysia. Tambahan pula, sesetengah rakyat Malaysia telah menyuarakan kebimbangan terhadap kurangnya keyakinan mereka kepada pematuhan sepenuhnya terhadap produk dan perkhidmatan Kewangan Islam.

Dengan inovasi kewangan yang lebih besar dan kerumitan produk serta perkhidmatan kewangan yang semakin meningkat, usaha untuk melengkapkan pengguna kewangan dengan pengetahuan bagi membuat keputusan yang tepat dengan keyakinan menjadi lebih penting. Ini seterusnya, akan menggalakkan kestabilan kewangan, inovasi, dan keterangukuman dalam institusi kewangan bagi jangka masa panjang.⁰⁹

VISI

Teknologi Kewangan Islam berpeluang mengganggu-gugat perkhidmatan kewangan, operasi, dan model perniagaan dengan penglibatan pengguna yang lebih baik. Di peringkat global, Malaysia adalah pasaran teknologi Kewangan Islam terbesar dengan 26 penyedia perkhidmatan teknologi Kewangan Islam. Walau bagaimanapun, daripada jumlah ini, hampir satu perempat diwakili oleh pembekal perisian perbankan Islam atau teknologi pemprosesan bahagian belakang 'back-end' yang digunakan oleh institusi kewangan tradisional, berbanding teknologi kewangan yang 'terganggu'.

Oleh itu, pembangunan perniagaan yang berasaskan teknologi kewangan akan memberi manfaat kepada dunia Islam kerana ia mempunyai populasi yang muda dan


⁰⁷ S&P Global Ratings; *Islamic Finance Outlook 2020 Edition*; *Malaysia Economic Outlook 2021*

⁰⁸ *Malaysia Islamic Finance & Financial Inclusion*, Bank Dunia

⁰⁹ *SPG Global: Islamic Finance Outlook 2021 Edition*, IFSB Master Non-Technical Survey 2020, Bank Dunia

semakin celik teknologi. Dengan gabungan pembangunan produk dan infrastruktur, serta sokongan pengawalseliaan, pengembangan Kewangan Islam Malaysia akan didorong oleh teknologi kewangan. Rajah 7 menunjukkan pertumbuhan perbankan mudah alih berbanding saluran transaksi konvensional. Berlandaskan unjuran ini, Kerajaan sedang memacu perubahan kepada ekosistem Kewangan Islam Malaysia. MDEC kini bertanggungjawab membangunkan ekosistem perniagaan digital dan mewujudkan rangkaian untuk menghubungkan pelabur modal teroka.¹⁰


Rajah 7: Kadar Nilai dan Pertumbuhan Transaksi Perbankan Mudah Alih (2016-2020)



Sumber: FintechNews Malaysia

Perbankan Mudah Alih: Saluran Pembayaran Paling Pantas Berkembang Di Malaysia

Perbezaan nilai transaksi tahun-ke-tahun



Sumber: BNM

Lanskap dalam Rajah 8 menunjukkan kepentingan perkhidmatan kewangan digital dalam lanskap pecahan kategori dalam ekonomi digital. Sejak kebelakangan ini, industri teknologi kewangan di Malaysia telah berkembang dengan teknologi kewangan patuh Syariah, yang maju ke hadapan kerana sebahagian besar populasi adalah penduduk beragama Islam. Daripada 138 syarikat pemula teknologi Kewangan Islam di seluruh dunia, 41% berada di Asia, di mana 26 penyedia teknologi Kewangan Islam ditubuhkan di Malaysia lantas mewujudkan ekosistem teknologi kewangan yang kukuh untuk negara. Penggunaan teknologi kewangan di Malaysia semakin mendapat momentum, dan menjadikan Malaysia sebagai hab global untuk teknologi Kewangan Islam.

Rajah 8: Peta Penyedia Teknologi Kewangan Malaysia
Jumlah: 198



Sumber: Touch 'n Go eWallet Malaysia Fintech Report 2019; DIFC / DinarStandard, Islamic Fintech Report 2018

TEKNOLOGI KEKAYAAN (15)



PENDANAAN AWAM (12)



PINJAMAN (15)



AI/DATA(8)



PENGIRIMAN WANG/FX (17)



FINTECH ISLAM (6)



TEKNOLOGI HARTANAH (6)



Sumber: Touch 'n Go eWallet Malaysia Fintech Report 2019; DIFC/ DinarStandard, Islamic Fintech Report 2018

Pasaran Perbankan dan modal Islam di Malaysia dijangka akan menjadi kukuh pada masa akan datang dengan menarik pelabur baharu untuk melabur dalam produk dan perkhidmatan kewangan patuh Syariah, seperti yang ditunjukkan dalam Kotak Maklumat 9.

Kotak Maklumat 9

- Industri perbankan Islam semakin berkembang, dengan jumlah aset bernilai RM1.03 bilion dan pegangan pasaran 33% setakat akhir Julai 2020.
- Malaysia adalah **pengeluar terbesar sukuk dan ekuiti Islam dunia**, dengan **Pasaran Modal Islam (ICM)** domestik dinilai sebanyak **RM2.2 trilion**, membentuk **66.2%** daripada **jumlah pasaran modal RM3.3 trilion**, pengeluaran sukuk pula bernilai **RM130.8 bilion** atau **60.2%** jumlah pengeluaran bon. Sukuk belum lunas adalah **RM986.9 bilion** atau **62.6%** jumlah keseluruhan bon belum lunas.
- Pemodal pasaran **sekuriti patuh Syariah** pula bernilai **RM1.18 trilion** atau **69.5%** daripada jumlah keseluruhan pemodal pasaran setakat akhir Julai 2020.
- Bursa Malaysia terus mempromosi produk sekuriti patuh Syariah, di mana setakat akhir Julai 2020, sejumlah **716** atau **76.8%** daripada **932 syarikat tersenarai awam** adalah patuh Syariah.

Kerajaan yakin dengan promosi berterusan **produk patuh Syariah dan digitalisasi perkhidmatan** akan menjadi pemangkin kepada usaha meletakkan negara sebagai **pusat antarabangsa perkhidmatan Perbankan Islam yang unggul**.

Pasaran Modal Islam (ICM) dan permintaan kepada produk patuh Syariah dijangka bertambah kukuh pada masa hadapan, disokong tarikannya kepada banyak **kumpulan pelabur**, walaupun berdepan persekitaran ekonomi mencabar.

Sumber: Tinjauan Ekonomi 2021, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

KEGA Hab Kewangan Islam 2.0 bertujuan untuk meningkatkan kepimpinan global Malaysia yang mantap dalam Kewangan Islam dengan memanfaatkan teknologi kewangan dan memacu daya tahan, kemampuan, dan inovasi. Di bawah TPB2030, 6 program pembangunan dan 4 pemboleh daya di bawah 4 tema telah dikenal pasti untuk KEGA ini.

Kejayaan pelaksanaan program pembangunan di bawah KEGA Hab Kewangan Islam 2.0 akan menyumbang RM17.63 bilion dalam GOS perusahaan Bumiputera dan menjana sekurang-kurangnya 11,257 pekerjaan secara langsung. KEGA ini juga dijangka memperoleh RM10.72 bilion dalam pembiayaan bagi sektor Kewangan Islam menjelang 2030.

¹⁰ Reuters, 2018; Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC)



Kejayaan pelaksanaan program pembangunan di bawah KEGA Hab Kewangan Islam 2.0 akan menyumbang kepada GOS sebanyak RM17.63 billion kepada Bumiputera pada tahun 2030, dan mencipta 11,257 pekerjaan langsung kepada sektor ini. ”



PROGRAM PEMBANGUNAN

4 tema dalam KEGA ini direka untuk menangani setiap cabaran utama yang dikenal pasti, seperti persaingan yang semakin meningkat dalam pasaran terbuka, kekurangan penggunaan digital, jurang bakat, dan celik kewangan yang rendah di Malaysia dengan tujuan untuk mengubah Malaysia menjadi Hab Kewangan Islam yang mampu menarik pelabur dan pencari modal.

Tema 1:

MEMPERLUAS CAPAIAN KEWANGAN ISLAM

COVID-19 telah mengubah dunia seperti yang kita tahu. Ia mengubah *status quo* dan menggantikan aktiviti harian kita dengan norma baharu seperti penjarakan sosial, perjalanan terhad, ketidaktentuan pasaran kewangan, gangguan rantai bekalan, dan kelembapan ekonomi secara keseluruhan. Oleh itu, dunia kewangan telah mula melihat peningkatan kebolehcapaian perkhidmatan kewangan sebagai keperluan penting. Tema ini memberi tumpuan khusus kepada peningkatan keperluan ini pada masa-masa yang tidak menentu terutamanya di Malaysia melalui terbitan Sukuk.

Program pembangunan dan pemboleh daya yang dikenal pasti di bawah tema ini adalah:

Program
Pembangunan

#1

Menerbitkan Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI)

Pemboleh
Daya

#1

Menubuhkan SPV sebagai Ejen atau Tabung Amanah bagi Pihak Pemegang Sukuk

Tema 2:

PENDIGITALAN KEWANGAN ISLAM

Tema ini memberi tumpuan untuk menangani jurang yang wujud dalam ruang teknologi Kewangan Islam semasa di mana segmen tertentu penduduk, seperti warga emas dan mereka yang berada di luar bandar merupakan segmen yang kurang mendapat liputan dan tercicir daripada perkembangan dalam teknologi kewangan. Untuk merapatkan jurang ini, tema ini telah mengenal pasti program pembangunan yang bertujuan untuk menubuhkan Bank Digital Islam yang diterajui Bumiputera yang menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan dalam format digital untuk memenuhi keperluan pelanggannya.

Program Pembangunan dan pemboleh daya yang dikenal pasti di bawah tema ini adalah:

Program
Pembangunan
#2

Penubuhan Bank Digital Islam

Pemboleh
Daya
#2

Meletakkan Teknologi Kewangan sebagai Pemangkin Keterangkuman Kewangan

Tema 3:

MENUBUHKAN HAB KEWANGAN ISLAM SERANTAU

Dengan mengambil kira kelebihan daya saing Malaysia dalam Kewangan Islam, Kerajaan

berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai Hab Kewangan Islam bagi semua sektor ekonomi Islam dan seterusnya mejadikan Malaysia sebagai destinasi yang menarik pelabur dan pencari dana. Program pembangunan di bawah tema ini bertujuan untuk memperluas jangkauan Kewangan Islam di Malaysia melalui hubungan perdagangan antarabangsa yang kukuh.

Program pembangunan dan pemboleh daya yang dikenal pasti di bawah tema ini adalah:

Program
Pembangunan
#3

Sistem Pembayaran dan Penukaran Serantau D-8

Program
Pembangunan
#4

Menubuhkan Platform Penyelesaian Perdagangan Serantau menggunakan Mata Wang Kripto Bersandarkan Emas

Pemboleh
Daya
#3

Sokongan Kerajaan

Tema 4:

MEMPERKASA KOMUNITI BUMIPUTERA

Satu bidang penting dalam industri Kewangan Islam yang memerlukan perhatian dan bantuan yang lebih banyak adalah penyertaan dan pemeraksanaan masyarakat tempatan Malaysia di dalam ruang ini. Seperti yang dikenal pasti sebelum ini, kumpulan bakat Kewangan Islam pada masa ini kekurangan pakar dalam bidang peraturan Kewangan Islam.

Jika ditangani, kumpulan Kewangan Islam




seperti yang akan diperkukuh melalui Bidang Keutamaan 3: Memperkukuh Pendidikan dan Memperkasa Modal Insan (PA3), berpotensi memberi manfaat kepada industri melalui pembangunan kapasiti kewangan dan boleh menggalakkan pengurusan kewangan yang berhemat dalam kalangan Bumiputera Islam. Pada masa yang sama, tema ini berpotensi untuk menangani kesan pandemik COVID-19 ke atas pendapatan yang sebahagian besarnya dihadapi oleh PKS.

Program pembangunan dan pemboleh daya yang dikenal pasti di bawah tema ini adalah:

Program Pembangunan #5	Pemeriksaan Ekonomi Koperasi Masjid & Pembangunan Tahfiz (KojiD Preneur)
Pemboleh Daya #4	Pendidikan dan Kesedaran

Tema 1:

MEMPERLUAS CAPAIAN KEWANGAN ISLAM



Rasional

Pelaburan kewangan yang ketara diperlukan untuk ekonomi global beralih kepada pelepasan karbon rendah, mengurangkan gas rumah hijau (GHG) ke tahap yang selamat, dan membina daya tahan negara-negara yang terdedah kepada perubahan iklim. Kerajaan Malaysia mempunyai potensi besar untuk memanfaatkan penawaran yang serupa sebagai perintis sektor ini. Negara kita juga telah memperkenalkan Rangka Kerja Sukuk SRI Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, sekali gus meletakkan negara sebagai antara perintis dalam Sukuk SRI. Sehingga Disember 2020, Sukuk SRI bernilai RM5.4 bilion telah diterbitkan di bawah Rangka Kerja Sukuk SRI.¹¹ Pada masa ini, sebahagian besar terbitan Sukuk Hijau dan Sosial dijalankan oleh pihak swasta. Kerajaan Malaysia boleh menggunakan model inisiatif Sukuk di Indonesia yang telah memperoleh keuntungan dalam memanfaatkan kepentingan global dalam pelaburan mampan.

Program pembangunan ini bertujuan untuk memanfaatkan kepimpinan dan kepakaran Malaysia dalam terbitan Sukuk global untuk pelaksanaan Sukuk yang lebih inovatif. Malaysia terus menjadi pemacu utama bagi pasaran Sukuk, mewakili 47.5% daripada jumlah Sukuk tertunggak global pada akhir Februari 2020 dan 34% daripada jumlah aset dana Islam global di bawah pengurusan (AuM) setakat Disember 2019.¹² Penerbitan Sukuk SRI boleh memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial dan projek pembasmian kemiskinan di negara ini, sekali gus menjadikannya sebagai pemacu dalam meningkatkan taraf sosioekonomi Bumiputera.

Langkah Pelaksanaan

Program pembangunan ini dirangka untuk memanfaatkan kelebihan daya saing Malaysia untuk mengeluarkan lebih banyak Sukuk SRI sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara. Melalui pengeluaran Sukuk Hijau dan Sosial, Malaysia akan melalui peralihan industri tenaga daripada ekonomi bertemakan subsidi kepada ekonomi rendah karbon yang mampan dan pasaran terbuka.

Terdapat potensi besar dalam pasaran tenaga Malaysia yang belum dapat direalisasikan sepenuhnya. Daripada 251 kawasan perindustrian, hanya 39 disambungkan ke saluran paip batuan akhir (*last mile*). Bagi mengoptimumkan operasi kawasan perindustrian ini, program pembangunan ini akan memperluas saluran paip 'batuan akhir' sepanjang 2,186km sehingga anggaran 2,916km, sekali gus mengukuhkan potensi pembangunan kawasan sekitar tersebut. Ini akan memperkenalkan kecekapan pasaran dan fleksibiliti melalui penyingkiran monopoli, memastikan jaminan bekalan dalam menghadapi peningkatan permintaan dengan meningkatkan kepelbagaian bekalan, serta memastikan kemudahan dan akses yang adil kepada infrastruktur bekalan yang berkaitan kepada pihak ketiga. Program pembangunan ini akan direalisasikan melalui Akses Pihak Ketiga (*third party access* - TPA) yang akan membolehkan pihak ketiga mengakses dan menggunakan terminal, penghantaran, dan kemudahan pengedaran.

Bagi mencapai sasaran program pembangunan ini, struktur yang dicadangkan dalam Kotak Maklumat 10 diperkenalkan bagi menggalakkan pengusaha pihak ketiga memasuki pasaran.

Kotak Maklumat 10: Cadangan Pendekatan untuk Pengeluaran Sukuk Infra

- Melantik perunding kewangan untuk mereka bentuk struktur modal, model pembiayaan dan membentuk syarikat tujuan khas (SPV)
- Melaksana kajian kebolehlaksanaan untuk menentukan keperluan

infrastruktur gas asli cecair (LNG), jenis Sukuk dan pengeluar Sukuk (oleh Kerajaan atau entiti swasta).

- Menubuhkan SPV (syarikat Bumiputera) untuk mengeluarkan sijil Sukuk bagi pelabur dan menggunakan keuntungan dijana untuk pembiayaan inisiatif (contoh: membeli aset).
- SPV akan memajak kembali aset kepada institusi kewangan (FI) atau entiti lain untuk tempoh khusus berkadar dengan tempoh sijil Sukuk dengan aset ditadbir pemegang amanah bagi pihak pemegang Sukuk.
- Semua jumlah yang perlu dibayar kepada SPV termasuk hasil sewa yang akan membiayai bayaran semula seperti yang ditetapkan di dalam sijil Sukuk, oleh institusi kewangan atau entiti lain adalah merupakan obligasi secara terus, tanpa syarat dan tidak boleh dimansuhkan.
- Institusi Kewangan bertanggungjawab membeli aset daripada SPV apabila tiba tempoh matang pajakan pada harga yang dipersetujui, yang kemudiannya akan digunakan untuk bayaran semula prinsipal kepada pemegang Sukuk.

Di samping itu, terbitan Sukuk boleh membiayai pembelian tanah untuk membangunkan semula kawasan perindustrian yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia, terutamanya dalam ekonomi rendah karbon. Sebahagian daripada hasil yang disalurkan akan diperuntukkan untuk memperluas pasaran tenaga berskala kecil di kluster perindustrian yang kini belum diterokai di seluruh Semenanjung Malaysia.

Pembiayaan

Program pembangunan ini memerlukan pembiayaan sebanyak RM7.05 bilion dan akan memberi tumpuan kepada pembangunan saluran paip tenaga serta pembangunan infrastruktur di seluruh Semenanjung Malaysia.

Impak

Sumbangan **GOS** program pembangunan ini dianggarkan berjumlah **RM13.51 bilion** pada tahun 2030 dan berpotensi mewujudkan **5,500** pekerjaan. Program pembangunan ini juga dijangka akan memberi kesan limpahan ekonomi yang akan memberi manfaat kepada masyarakat di kawasan perindustrian yang akan dibangunkan.

Pemboleh
Daya
#1

**Penubuhan SPV sebagai Ejen
atau Tabung Amanah bagi
Pihak Pemegang Sukuk**

Struktur Sukuk biasanya melibatkan entiti undang-undang dikenali juga sebagai Syarikat Tujuan Khas (SPV, SPC atau SPE) yang memegang aset Sukuk sebagai ejen atau pemegang amanah bagi pihak pemegang Sukuk.

Peranan, hak dan tanggungjawab SPV biasanya didokumenkan dalam satu surat ikatan amanah (*trust deed*). Oleh itu adalah menjadi kewajipan SPV untuk menggunakan kemahiran dan kewajaran yang munasabah dalam melaksanakan hak, kuasa, dan tanggungjawab tersebut. Fungsi utama SPV adalah untuk melindungi kepentingan pemegang Sukuk. Ini adalah untuk menentukan sama ada berlaku sebarang pelanggaran terma dan syarat Sukuk, atau peruntukan ikatan amanah, atau sama ada peristiwa kemungkiran. Pemegang amanah boleh memainkan peranan sebagai perantara atau penjaga yang menguruskan keseluruhan transaksi Sukuk sehingga matang, atau mungkin berfungsi sebagai penimbang tara apabila perlu.

¹¹ *The Asset, 'Malaysia Expands Green SRI Sukuk Grant Scheme', 2021*

¹² *Global Islamic Economy Report 2019/2020*

Rajah 11: Ciri-Ciri SPV

Entiti Tunggal
Dalam banyak wilayah bidang kuasa, syarikat boleh ditubuhkan tetapi tidak dimiliki sesiapa kecuali nomini professional atau badan kebajikan. Hal ehwalnya akan dikendalikan oleh setiausaha korporat profesional yang berpengalaman berurusan dengan SPV.
Entiti bertujuan tunggal, terpelihara daripada kemuflihan
SPV ditubuhkan hanya bertujuan untuk melakukan aktiviti berkaitan dengan transaksi sukuk. Lazimnya, ini dicapai dengan mempunyai beberapa nomini pengarah profesional yang diarahkan untuk tidak membenarkan SPV memasuki sebarang perjanjian kecuai yang diperincikan dalam dokumentasi Sukuk. Dengan cara ini, SPV juga dihasratkan untuk terpelihara daripada kemuflihan (<i>Bankruptcy Remote Entity</i>).
Entiti mudah cukai dan peraturan
SPV ditubuhkan dengan tujuan tunggal untuk pengeluaran sukuk, mendapat faedah daripada kos minimum percukaian dan peraturan. Ia lazimnya ditubuhkan di wilayah bidang kuasa pesisir pantai popular yang bersaing menawarkan lokasi cekap kos untuk penempatan Sukuk antarabangsa seperti Labuan dan Kepulauan Cayman (<i>offshore</i>).

Sumber: ISRA (2017)

Kejayaan program pembangunan ini sebahagian besarnya bergantung kepada kualiti pekerja dan aset bakatnya. Bagi industri Kewangan Islam di Malaysia khususnya, kumpulan bakat semasa memerlukan lebih banyak individu yang mempunyai pemahaman yang kukuh mengenai prinsip perbankan Islam dan produk Kewangan Islam. Aset ini tidak termasuk individu yang mempunyai pengetahuan teknikal dalam membangunkan Sukuk dan teknologi kewangan untuk memastikan program pembangunan, dilaksanakan dengan berkesan.

Langkah meningkatkan penyertaan kumpulan bakat dalam industri Kewangan Islam akan memerlukan usaha Kerajaan untuk membantu sektor swasta dalam melaksanakan peranan untuk menjejak dan mengumpul pakar Kewangan Islam. Pada masa yang sama, Kerajaan akan memainkan peranan dengan membekalkan kemahiran dan pendidikan yang diperlukan, termasuk latihan dan pembangunan kemahiran, yang diperlukan untuk mewujudkan bakat Kewangan Islam.

Di samping itu, terdapat juga keperluan untuk

mengenal pasti pendidik Kewangan Islam dan institusi pendidikan yang akan mengajar, melatih, dan menganugerahkan pensijilan Kewangan Islam atau ijazah kepada bakat Bumiputera yang berminat.

Kerjasama dengan industri akan membolehkan kemampuan dan mobilisasi sumber dalam ekosistem Kewangan Islam.

Tema 2:

PENDIGITALAN KEWANGAN ISLAM

Program
Pembangunan

#2

Penubuhan Bank Digital Islam

Rasional

Permintaan terhadap produk dan perkhidmatan patuh syariah yang semakin meningkat bermakna Malaysia bersedia untuk aliran wang masuk dalam perkhidmatan kewangan digital dan teknologi kewangan. Kaji selidik yang dijalankan mendedahkan 82% daripada 1,220 responden berkata mereka bersedia membuka akaun bank melalui platform dalam talian, dengan syarat ia dilesen dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). 77% daripada responden percaya bahawa perbankan digital adalah evolusi seterusnya dalam perkhidmatan kewangan.¹³ Pada Disember 2020, BNM membuka permohonan lesen perbankan digital dan dijangka mengeluarkan lima (5) lesen menjelang suku pertama tahun 2022.

Objektif Rangka Kerja Pelesenan BNM untuk Bank Digital adalah untuk memastikan rangka kerja pengawalseliaan kekal kondusif ke arah inovasi perbankan digital dalam persekitaran yang selamat yang menyokong bukan sahaja transformasi ekosistem kewangan untuk memenuhi keperluan ekonomi masa depan negara, tetapi juga untuk menggalakkan sektor kewangan yang mampan dan inklusif.

Selaras dengan usaha ini, rangka kerja BNM ini dibangunkan untuk menawarkan bank digital berlesen yang berupaya untuk menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan kepada pasaran yang segmen yang kurang mendapat liputan dan tercicir melalui kaedah digital atau elektronik. Pelesenan pemain-pemain baharu ini dengan model perniagaan yang inovatif mengubah landskap perbankan menjadi persekitaran yang dinamik yang menyumbang kepada ekonomi dan kesejahteraan individu. Rangka Kerja ini juga akan merangkumi langkah-langkah untuk memperluas akses yang bermakna dan penggunaan penyelesaian kewangan yang sesuai untuk segmen yang kurang mendapat liputan dan tercicir.

Rangka kerja ini memerlukan bank digital berlesen untuk mematuhi keperluan pengawalseliaan yang terpakai kepada bank berlesen sedia ada atau bank Islam berlesen, kecuali jika dinyatakan, termasuk; Kecukupan dan Kecairan Modal, Ujian Tekanan (*Stress test*), Pendedahan Awam (*Public Disclosures*), dan Tadbir Urus Syariah. Pada peringkat asas, bank digital berlesen akan mempunyai libat urus tetap bersama BNM. Komunikasi yang berterusan akan memastikan bank digital berlesen dapat mencapai kemajuan yang konsisten dan berterusan dalam mematuhi keperluan pengawalseliaan yang terpakai kepada bank berlesen sedia ada atau bank Islam berlesen.¹⁴

Selain itu, pandemik COVID-19 telah mempercepat penerimgunaan digital di Malaysia dalam jangka masa hanya beberapa minggu, individu dan perniagaan mencari-cari kaedah untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan dengan interaksi bersemuka yang terhad. Banyak perniagaan, terutamanya dalam industri F&B, telah memindahkan perniagaan mereka dalam talian manakala individu telah menerima pakai penggunaan MySejahtera daripada daftar masuk lokasi ke janji temu vaksin. Perkhidmatan kewangan juga semakin menyesuaikan keadaan dengan pendigitalan perkhidmatan.

Perbankan digital telah diangkat sebagai pendekatan revolusi untuk membawa perkhidmatan perbankan kepada segmen yang kurang diberi perhatian atau terabai, terutamanya masyarakat di kawasan luar

bandar yang sukar mendapat akses kepada bank fizikal. Dengan mendaftar dengan perkhidmatan perbankan, komuniti ini juga boleh digalakkan untuk mendapat lebih banyak kesedaran mengenai pengurusan kewangan bagi membolehkan mereka meningkatkan kewangan peribadi mereka. Di samping itu, bank digital mungkin mengurangkan halangan untuk perniagaan mikro dan PKS Bumiputera untuk mengakses perkhidmatan kewangan, sekali gus berperanan membolehkan syarikat-syarikat untuk mengambil bahagian dalam peluang penjana pendapatan. Tinjauan PwC mendapati 74% rakyat Malaysia berminat untuk mengguna pakai bank digital, manakala 77% teruja untuk menggunakan perkhidmatan tambahan yang disediakan oleh bank digital yang tidak boleh dicapai melalui bank konvensional.¹⁵

Langkah Pelaksanaan

Program Pembangunan 2.1 : Penubuhan Bank Digital Islam oleh Agensi Kerajaan

Program Pembangunan 2.2 : Penubuhan Bank Digital Islam oleh Syarikat Bumiputera

Dengan peluang yang dibuka oleh BNM dan manfaat menubuhkan bank digital, Kerajaan telah mengenal pasti dua institusi untuk menubuhkan Bank Digital Islam yang bukan sahaja memberi manfaat kepada masyarakat mikro-PKS, PKS, B40, dan M40.¹⁶ Bank Digital ini akan menghasilkan produk dan perkhidmatan yang bersesuaian lantas memberi manfaat kepada segmen Bumiputera yang kurang diberi perhatian atau terabai.

¹³ KPMG, *Malaysians Ready to Embrace Digital Banking, 2020*

¹⁴ BNM, *Licensing Framework for Digital Banks, 31 Disember 2020*

¹⁵ PwC, *'Virtual banking: Malaysian Customers Take Charge', 2019*

¹⁶ B40 (Terendah 40%) merujuk kepada kelompok 40% pendapatan terendah dengan pendapatan isi rumah di bawah RM4,849, M40 (Pertengahan 40%) pula mempunyai pendapatan isi rumah antara RM4,850 dan RM10,959. T20 (Teratas 20%) mempunyai pendapatan isi rumah RM10,961 dan ke atas - Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, DOSM.

Institusi tersebut perlu menjalani proses permohonan yang sama yang perlu dilalui seperti pemohon lesen. Ini bagi memastikan institusi yang dikenal pasti dapat memenuhi kriteria permohonan yang ketat dan boleh mematuhi semua peraturan BNM. Keperluan ini termasuk:

- Komitmen untuk memacu keterangkuman kewangan di Malaysia dengan memastikan penggunaannya mempunyai akses yang berkualiti kepada platform dan perkhidmatan kewangan akan digunakan secara bertanggungjawab;
- Menawarkan akses yang bermakna kepada komuniti yang kurang diberi perhatian dan terabai melalui penggunaan penyelesaian kewangan yang inovatif;
- Mengekalkan had aset tidak melebihi RM3 bilion dalam tempoh 3 hingga 5 tahun pertama (iaitu fasa asas penubuhan) apabila menerima lesen;
- Mematuhi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2016 (IFSA), Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA), dan mesti sejajar dengan peraturan Kewangan Islam; dan akhirnya
- Menjaga integriti dan kestabilan sektor kewangan Malaysia dengan memperoleh dana modal minimum RM100 juta pada fasa asas penubuhan dan RM300 juta selepas itu.

Untuk menubuhkan Bank Digital Islam yang diterajui Bumiputera, peraturan di atas perlu dipatuhi. Ia juga memerlukan penyertaan pemain daripada pelbagai industri, yang kebanyakannya akan membentuk konsortium untuk mendapat manfaat daripada model penawaran kos rendah perbankan digital.

Sebagai platform bersepadu, Bank Digital Islam juga akan menyediakan pendidikan celik kewangan. Masyarakat Bumiputera akan mendapat manfaat daripada ilmu tentang penciptaan dan pengekalan kekayaan, perancangan cukai, serta pelaburan.

Pembiayaan

Program pembangunan ini memerlukan kira-kira RM2.89 bilion dan pembiayaan ini akan digunakan untuk 2 Bank Digital Islam termasuk untuk menampung kos yuran pelesenan dan aset perbankan.

Impak

Pada tahun 2030, program pembangunan ini diunjurkan menyumbang **GOS** sebanyak **RM892 juta** dengan penilaian yang berpotensi meningkat sehingga 100 kali ganda. Ia juga dijangka mewujudkan anggaran **1,240** pekerjaan yang terdiri daripada pelbagai bidang termasuk kewangan, teknologi, serta pakar dalam risiko dan pematuhan. Di samping itu, program pembangunan ini akan membantu memaksimumkan aset dan kekayaan segmen yang kurang mendapat liputan dan tercicir sekali gus memberi manfaat kepada agenda nasional untuk mencapai pertumbuhan yang mampan melalui pengagihan yang adil dan saksama, merentasi kumpulan pendapatan, etnik, dan wilayah.

Pemboleh
Daya

#2

**Meletakkan Teknologi
Kewangan sebagai Pemangkin
Keterangkuman Kewangan**


Pertumbuhan pesat pendigitalan di Malaysia membuka peluang kepada industri Kewangan Islam untuk meningkatkan keterangkuman dalam industri dengan merapatkan jurang teknologi antara industri dan segmen tertentu masyarakat Bumiputera. Pendigitalan pesat di Malaysia juga membuka peluang kepada industri Kewangan Islam untuk memasarkan produk dan kemudahan teknologi kewangan secara berkesan kepada kumpulan pengguna yang lebih luas. Walaupun akses kepada platform internet dan digital telah meningkat dengan pesat dalam beberapa dekad yang lalu, industri kewangan Islam masih belum menerima pakai banyak produk digital tersedia untuk memberikan pengalaman perbankan dalam talian yang mantap.

Pemboleh daya ini akan memberi tumpuan kepada penyediaan latihan dan pendidikan serta alat teknologi yang diperlukan untuk meningkatkan tahap celik kewangan dan teknologi serta memacu keusahawanan digital dalam kalangan masyarakat Bumiputera melalui pelbagai Kementerian. Kerajaan telah mengenal pasti Agensi awam yang berkaitan yang akan menyediakan latihan teknikal, mentor, dan perkongsian khusus dalam ruang kewangan digital kepada individu Bumiputera yang berminat untuk meneruskan Kewangan Islam den-

gan kerjasama perusahaan yang disasarkan. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk meningkatkan proses pendigitalan PKS dan Kewangan Islam untuk meningkatkan eksport Halal, membolehkan skala PKS Bumiputera yang lebih besar, seterusnya mewujudkan sektor dan ekonomi PKS dan Kewangan Islam yang lebih berdaya tahan. Ini juga akan memerlukan inovasi yang lebih besar daripada syarikat-syarikat teknologi Kewangan Islam yang berpotensi untuk kerjasama dengan pihak Kerajaan.

Tema 3:

MENUBUHKAN HAB KEWANGAN ISLAM SERANTAU




Kerjasama Ekonomi D-8 menghimpunkan negara Malaysia, Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Nigeria, Pakistan, dan Turki untuk meningkatkan kedudukan negara anggota dalam ekonomi global, mempelbagaikan, dan mewujudkan peluang baharu dalam hubungan perdagangan, meningkatkan penyertaan di peringkat antarabangsa, dan meningkatkan taraf hidup. Dengan gabungan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak ASD4 trilion, jumlah perdagangan berjumlah ASD1.5 trilion dan populasi teragregat sebanyak 1.1 bilion, D-8 adalah blok ekonomi yang kukuh. Menurut PwC, negara anggota D-8 akan berada dalam senarai 24 ekonomi terbaik dunia pada tahun 2050, dengan gabungan KDNK sebanyak ASD38 trilion menjadikannya ekonomi ketiga terbesar di dunia.¹⁷

Malaysia berada dalam kedudukan yang baik untuk memanfaatkan rangkaian ini yang sentiasa menginovasi bidang pembayaran

untuk meningkatkan akses kepada perbankan bagi komuniti yang kurang diberi perhatian bermula daripada perkhidmatan wang mudah alih yang rendah untuk pengiriman wang sehingga pembayaran kad merentasi kawasan untuk keterangkuman kewangan. Program pembangunan ini berfungsi sebagai peluang untuk Bumiputera serta rakyat Malaysia secara keseluruhannya untuk mewujudkan kekayaan, pemeliharaan, dan peluang pengekalan dengan negara-negara D-8 melalui blok yang paling asas yang dimiliki iaitu rakyatnya.

Rajah 12: KDNK Negara D-8 (2019)
ASD Bilion



Sumber: Bank Dunia, 2019

Langkah Pelaksanaan

Di bawah program pembangunan ini, Organisasi D-8 telah bersetuju untuk menggunakan sistem kad pembayaran tunggal yang dicadangkan oleh ketua program yang dikenal pasti. Sistem ini akan merangkumi e-Dompot, kad pembayaran, perisian *point-of-sale* (POS), dan mekanisme pemprosesan dan penukaran pembayaran bahagian belakang (*back-end*) yang diperlukan.

Dalam persediaan rangkaian pembayaran biasa, pengeluar kad, pemeroleh mesin, sistem

¹⁷ PwC

pembayaran (pembekal e-Dompet), dan syarikat kad (platform penukaran) semuanya dikendalikan oleh pihak yang berbeza (seperti bank dan Mastercard atau Visa). Dalam sistem D-8, semua peranan akan dijalankan oleh KOMEPS Fintech, dengan keuntungan akan dikongsi dalam kalangan semua pihak berkepentingan melalui dana Wakaf.

Melalui sistem ini, negara-negara anggota akan dapat mengurus niaga dalam mata wang tempatan mereka sendiri dan membantu mereka meningkatkan asas kewangan tanpa pengantaraan mata wang terkemuka. Ini akan mengurangkan kos kewangan dan kos transaksi. Di samping itu, program pembangunan ini dapat mempromosikan penciptaan, pemeliharaan, dan pengekalan kekayaan dalam Negara Anggota D-8 akan memperkasa 1 bilion rakyat negara anggota melalui sistem pembayaran yang dikongsi, seperti yang dipaparkan dalam Rajah 13.

Beberapa siri langkah mitigasi akan dilaksanakan bagi meminimumkan risiko yang dikenal pasti bagi memastikan program pembangunan ini akan beroperasi dengan lancar. Untuk meminimumkan risiko kebergantungan ke atas dolar AS dan/atau Renminbi China (RMB) dalam pengaturan Harga Mata Wang Kenderaan (VCP - *Vehicle Currency Pricing*), Kerajaan akan memperkenalkan sistem pembayaran bersama yang akan membolehkan anak-anak syarikatnya memulakan penyelesaian kewangan tanpa menggunakan mata wang. Sebaliknya, sistem pembayaran yang dikongsi ini akan menggunakan emas sebagai mata wang teras yang akan dijamin secara fizikal dan akan ditetapkan secara digital dalam kalangan anak-anak syarikatnya, dengan itu meminimumkan risiko penggunaan dolar AS atau RMB China dalam proses sistem pembayaran.


Untuk meminimumkan risiko pihak ketiga mendapat akses kepada data pemegang kad, sistem ini akan dilengkapi dengan SIM mesin ke mesin (M2M) yang akan membolehkan *end-to-end encryption* (E2EE) yang sangat selamat. Ini melindungi data pemegang kad daripada pihak ketiga kerana sistem E2EE mewujudkan laluan komunikasi yang dilindungi pemindahan data antara terminal POS dan Pelayan Hos (EFTPOS).

Rajah 13


Pesaing Patuh Syariah kepada Alipay



Pembahagian Pendapatan Masa Nyata dengan Menjaga Kepentingan Pemegang-pemegang Taruh



Pesaing Patuh Syariah kepada Mastercard/Visa



12 Program Sistem Pembayaran yang Dikongsi (*Single Shared Platform*) yang Mendorong Pertumbuhan Pasaran



Struktur yuran juga akan dirangkumkan bagi melindungi semua rangkaian yang menggunakan proses pembayaran yang unik, cepat dan merentas sempadan untuk meminimumkan risiko sebarang yuran pertukaran yang mungkin dikenakan di seluruh sistem pemindahan pembayaran. Struktur yuran ini akan melibatkan penggunaan emas yang disebut sebelum ini sebagai mata wang teras yang akan boleh diubah suai daripada antara lapan (8) mata wang yang digunakan dalam sistem pembayaran D-8.

Akhir sekali, Kerajaan akan bekerjasama dengan syarikat keselamatan kad yang berkelayakan dan berpengalaman untuk melaksanakan penggunaan kad Biometrik untuk meminimumkan risiko sebarang pelanggaran keselamatan kad cip.

Pembiayaan

Program ini memerlukan pembiayaan berjumlah RM570 juta. Pelaburan ke atas program pembangunan ini akan digunakan untuk membangunkan sistem perbankan, pembangunan pasaran, dan penembusan pasaran luar negara.

Impak

Program ini dijangka mewujudkan **1,268** pekerjaan dan menjana **GOS** sebanyak **RM1.17 bilion** pada tahun 2030. Sistem pembayaran D-8 akan dibina seperti yang ditunjukkan dalam Kotak Maklumat 14.

Kotak Maklumat 14: Produk & Perkhidmatan Sistem Pembayaran D-8



e-Dompet D-8P PWA

- Sistem Perbankan Teras (CBS) dalaman
- Mudah Alih dan Web
- Perniagaan dan Peribadi



Kad D-8P

- Berhubung/Tanpa Hubung atau Biometrik
- Jenama Tunggal atau Bersama dengan skim domestik menerusi jaminan bank



Terminal POS D-8P

- Dipasang di kedai peniaga
- Pembaca kod QR dinamik
- Gelung tertutup dengan hanya kad D-8P atau gelung terbuka dengan kad bank sedia ada



Dinar D-8P

- Pulangan kesetiaan siling emas
- Seberat 4.25 gram
- 999.9 tulen



Perisian Pendaya

- Perdagangan Emas Runcit D-8P
- Organisasi Kebajikan Kemanusiaan D-8P
- Pasaran Setempat D-8P



D-8P + Perisian Tengah

- Campur padan modul pembayaran e-Dompet



D-8P +Kad Aplet

- Satu skim kad khusus untuk semua zon ekonomi D-8
- Membolehkan penjenamaan bersama dengan skim domestik menerusi jaminan bank



D-8P + Perbankan Terbuka

- API pemprosesan pembayaran dengan capaian terjamin



D-8P + Gerbang Pembayaran Dalam Talian

- Gerbang pembayaran dalam talian dengan capaian terjamin



D-8 eID Warganegara

- Satu ID khusus untuk semua zon ekonomi D-8



D-8 eID Tanda Masuk Tunggal

- Kelancaran kemasukan data untuk aplikasi elektronik berkaitan Kerajaan untuk semua zon ekonomi D-8





Rasional

Pada masa ini, perdagangan dua hala antara Malaysia dan negara-negara Islam di sekitar Laut Caspian, Laut Hitam, dan Balkan masih baru berdasarkan angka perdagangan yang direkodkan. Kos kemasukan pasaran baharu juga akan melonjak tinggi untuk PKS individu. Oleh itu, terdapat keperluan untuk membina hab serantau untuk berkhidmat sebagai pusat sehenti (OSC) untuk semua negara yang mengambil bahagian dan perniagaan masing-masing. OSC akan menyediakan model penyelesaian bersih mata wang, dan penyelesaian perdagangan mata wang kripto berdasarkan emas di platform blok rantai. Pangkalan data maklumat perdagangan berpusat dalam kalangan negara-negara ini yang akan mewujudkan kesedaran pasaran serta keperluan untuk kecekapan kos pemprosesan dan perkhidmatan sokongan.

Negara Ahli D-8 merekodkan pertumbuhan ekonomi dan unjuran pembangunan mengagumkan. Pada 2017, D-8 telah menjadi kesatuan ekonomi

- 1.1 bilion orang
- Jumlah KDNK sebanyak ASD4 trilion
- ASD109 bilion Perdagangan Antara Negara
- ASD730 bilion Eksport Barangan
- ASD790 bilion Eksport Barangan & Perkhidmatan
- ASD45 bilion Aliran Pelaburan Langsung Asing

Hab serantau ini akan berfungsi sebagai pusat sehenti untuk semua negara dan perniagaan untuk mempromosi dan meningkatkan lagi peranan perkhidmatan dalam kapasiti produktif melalui kerjasama antarabangsa. Hab ini merangkumi pangkalan data maklumat perdagangan berpusat dalam kalangan negara-negara ASEAN dan Islam

untuk mewujudkan kesedaran pasaran yang diperkukuh oleh teknologi yang mantap, proses yang cekap, dan perkhidmatan sokongan. Platform Perdagangan Serantau akan menjadi penyelesaian perdagangan semasa kepada isu-isu yang sedang dihadapi, termasuk pertikaian pembayaran disebabkan oleh kekaburan kontrak, kelewatan pembayaran daripada kesilapan kontrak, dan kos dan 'overhead' pada pindaan akan diminimumkan.

Program ini dilihat dapat mengurangkan kos perdagangan, meningkatkan kemudahan logistik, meningkatkan aktiviti perdagangan, mewujudkan peluang pekerjaan dan pertukaran budaya. Di samping itu, pasaran Islam dalam talian boleh membina kerjasama dalam kalangan negara-negara Islam dan mengurangkan kebergantungan kepada pasaran Barat.

Langkah Pelaksanaan

Kerajaan berhasrat untuk membina hab serantau untuk berkhidmat sebagai pusat sehenti (OSC) bagi semua negara yang mengambil bahagian dan perniagaan masing-masing. Melalui pelaksanaan dalam 2 fasa, OSC akan menyediakan model penyelesaian bersih mata wang (*currency net settlement model*), dan penyelesaian perdagangan mata wang kripto yang disokong oleh nilai emas di platform blok rantai.

Lanskap semasa telah mewujudkan keperluan untuk pangkalan data maklumat perdagangan berpusat dalam kalangan negara-negara ini yang membina kesedaran pasaran serta keperluan untuk memproses kos yang cekap dan perkhidmatan sokongan. Oleh itu, hab serantau akan menyediakan platform untuk perdagangan dengan menggunakan peranti mudah alih dan aplikasi, internet benda (IoT), kecerdasan buatan (AI), dan mata wang kripto, dan teknologi blok rantai untuk membantu perdagangan antara negara-negara yang mengambil bahagian.

Kumpulan Pengaturan Tarif Keutamaan Lapan Negara Membangun (*The Preferential Tariff Arrangement-Group of 8 Developing Countries - PTA-D8*) juga akan diwujudkan dengan rangka kerja infrastruktur dan pelan pelaksanaan yang ditunjukkan dalam Rajah 15.

Rajah 15

1. Sektor Tumpuan



- Keamanan, Keselamatan & Pertahanan
- Keadilan & Kebebasan
- Pembangunan & Kedaulatan
- Budaya & Identiti
- Integriti & Tadbir Urus Baik
- Perdagangan & Pelaburan
- Teknologi & Tadbir Urus Internet

2. 8 Teras Ekonomi

- Sistem Pembayaran
- Pendidikan & Pembangunan Kemahiran
- Galakan Perdagangan
- Teknologi
- Pelaburan & Usaha Sama
- Logistik
- Pelancongan
- Perkongsian Pengkalan Data Perdagangan

3. Kerangka Infrastruktur & Pelan Pelaksanaan



PTA-D8 bukan sahaja akan mengukuhkan hubungan antara Negara Anggota D8, tetapi ia juga akan menggalakkan perdagangan dua hala antara Malaysia dan negara-negara Islam yang mengelilingi Laut Caspian, Laut Hitam, dan Balkan.

Kos kemasukan pasaran akan dapat dikurangkan melalui pelaksanaan PTA-D8. PKS Bumiputera boleh memperoleh faedah dengan memanfaatkan platform perdagangan serantau untuk mengakses pasaran serantau dan negara-negara Islam yang lain. Kos perdagangan serantau akan dapat dikurangkan melalui penggunaan mata wang kripto yang disokong nilai emas di platform ini kerana ia akan menghapuskan kadar pertukaran mata wang. Di samping itu, PKS Bumiputera juga akan dapat menikmati pengurangan kos untuk perdagangan serantau. Akhirnya, inisiatif ini secara tidak langsung akan memberi manfaat kepada Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) kerana ia membuka akses untuk menyertai ekonomi serantau melalui platform ini.

Program pembangunan ini akan menjalani 5 peringkat utama:

- Pengambilalihan syarikat yang sesuai dalam perniagaan penyelesaian perdagangan
- Mewujudkan mekanisme *set-off* yang disokong mata wang
- Pelancaran mata wang kripto
- Pelantikan penjaga emas untuk menguruskan turun naik harga emas dan mengeluarkan sijil emas
- Pelantikan pengurup wang sebagai pintu masuk kepada ekonomi pasaran

Pembiayaan

Program ini memerlukan pembiayaan berjumlah RM150 juta. Dana ini akan digunakan untuk pembangunan dan operasi platform penyelesaian perdagangan serantau ini.

Impak

Melalui program ini, sumbangan Bumiputera kepada **GOS** dijangka berkembang kepada **RM1.86 bilion** pada tahun 2030, dan lebih **1,285** pekerjaan baharu diwujudkan. Ia


juga dijangka memudahkan akses kepada penempatan perdagangan serantau untuk pemain tempatan.



Fokus utama pemboleh daya ini adalah untuk mewujudkan pangkalan data maklumat perdagangan berpusat antara Malaysia, Negara Anggota D8, dan negara-negara Islam yang mengelilingi Laut Caspian, Laut Hitam, dan Balkan. Kerajaan Malaysia akan memainkan peranan penting dalam menyediakan sokongan dan memudahcara dengan mengenal pasti kementerian dan melantik badan Kerajaan berkaitan yang akan memberi tumpuan kepada penyediaan maklumat berkaitan yang diperlukan untuk pangkalan data perdagangan untuk memanfaatkan kelebihan daya saing Malaysia. Memandangkan situasi pandemik COVID-19, penglibatan Kerajaan dalam program pembangunan ini juga akan meningkatkan lagi hubungan diplomatik dengan mengekalkan rasa saling menghormati dan mempercayai, dan menggalakkan kerjasama yang memberi manfaat bersama rakan dagangan.

Tema 4:

MEMPERKASA KOMUNITI BUMIPUTERA



Rasional

Koperasi adalah perniagaan atau organisasi yang dimiliki dan dikendalikan oleh ahli-ahli koperasi. Ahli-ahli koperasi mendapat manfaat yang besar daripada model kewangan koperasi kerana semua pendapatan atau keuntungan yang dihasilkan oleh koperasi diagihkan dalam kalangan ahli-ahlinya. Model ini bukanlah perkara baru kepada Malaysia. Malah, kemajuan Kewangan Islam di Malaysia adalah berpunca sedikit sebanyak daripada koperasi Islam. Koperasi Islam pertama yang dinamakan, Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad (KBI) mula ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1977. Penubuhan KBI membawa kepada pengenalan pembiayaan berasaskan Syariah di Malaysia yang menjadi titik tolak kepada pindaan Akta Koperasi 1993 untuk memasukkan peraturan dan garis panduan selaras dengan prinsip Syariah.

Secara individu, koperasi kelihatan kecil dan menarik sedikit pendapatan. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan menerusi Dasar Koperasi Kebangsaan 2011-2020 menunjukkan bahawa koperasi besar, melalui usaha sama mereka, menarik aset dan hasil penting yang meningkat setiap tahun. Mekanisme model koperasi juga merupakan tarikan besar kepada penduduk Islam Malaysia. Malah, satu kajian yang dijalankan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) mendapati bilangan koperasi sedia ada di Malaysia meningkat sebanyak 9.4% setiap tahun secara purata dalam tempoh 5 tahun. Ini menunjukkan kepercayaan masyarakat

terhadap mekanisme koperasi sebagai satu cara untuk meningkatkan persekitaran sosial dan ekonomi mereka.

Pelajar tahfiz mewakili sekumpulan besar Bumiputera yang mempunyai potensi yang belum diterokai kerana tidak menerima pengiktirafan rasmi untuk kelayakan mereka dan kekurangan kemahiran teknikal yang menghadkan peluang kerjaya. Tanpa kelayakan rasmi, *huffaz* tidak mampu bergabung dalam sistem pendidikan tinggi atau mendapatkan pekerjaan rasmi apabila tamat pengajian sekali gus menghadkan pilihan kepada bekerja sendiri dan kerja kebajikan sosial dalam sektor pekerjaan yang tidak formal. Terdapat potensi besar dalam ekonomi koperasi masjid sedia ada melalui Koperasi Masjid dan Program Pembangunan Tahfiz (KoJiD Preneur) untuk memanfaatkan potensi Bumiputera yang tidak dioptimumkan. Ia juga boleh merangkumi penyertaan graduan Pengajian Islam dari universiti luar negara.

Walaupun bagaimanapun, pada masa ini, koperasi-koperasi masjid menjana sumbangan yang tidak ketara kepada GOS walaupun pelbagai strategi yang telah dilaksanakan untuk merangsang prestasi mereka. Pada tahun 2020, koperasi masjid mencatatkan hasil hanya RM15.4 juta. Di samping itu, sehingga kini hanya terdapat 446 koperasi masjid daripada jumlah keseluruhan 6,369 masjid di seluruh negara.

Koperasi Islam juga menghadapi halangan lain yang memerlukan intervensi Kerajaan. Halangan ini termasuk kekurangan penglibatan dalam perniagaan bernilai tinggi dan berdaya saing; kekurangan penemuan dalam peluang-peluang baharu di dalam dan di luar negara yang berpotensi diceburi oleh koperasi; dan jurang kemahiran, pengetahuan, dan teknologi dalam kalangan ahli koperasi. Di samping itu, sebahagian besar koperasi Islam di Malaysia masih kecil dari segi saiz dan sering memerlukan sokongan modal. Terdapat juga kekurangan sinergi dan perbezaan pendekatan yang ketara dalam kalangan kebanyakan anggota koperasi kerana jumlah ahli koperasi masjid yang kecil, yang ironinya turut menjadi komponen penting dalam operasi koperasi yang berjaya.

Langkah Pelaksanaan

Bagi meningkatkan koperasi masjid sedia ada, Kerajaan telah melantik juara program yang akan ditugaskan untuk mengenal pasti masjid-masjid yang akan diubah menjelang tahun 2030 melalui program KoJiD Preneur.

Program KoJiD Preneur dilihat sebagai alternatif perniagaan yang boleh memberi tumpuan kepada keperluan asas masyarakat Islam, mempromosikan *'Buy Muslim First'* sambil menggunakan teknologi digital untuk memanfaatkan kelebihan dari sudut kos dan daya saing harga.

Ahli koperasi akan mendapat keistimewaan seperti peluang perniagaan atau perkongsian keuntungan sebagai faedah kepada pelaburan mereka dalam program pembangunan ini. Secara keseluruhannya, model KoJiD dilihat mampu meningkatkan kemampuan koperasi masjid dan meningkatkan taraf sosioekonomi Bumiputera.

Koperasi Islam, satu komponen sistem Kewangan Islam, membentuk sebahagian daripada institusi sosial yang menggalakkan kepentingan dan kebajikan ahli-ahlinya. Ia bertujuan untuk mengumpulkan masyarakat untuk memenuhi keperluan bersama, biarpun


dari sudut ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar. KoJiD adalah model perniagaan yang sesuai untuk memastikan Masjid Koperasi Lestari di Malaysia serta meningkatkan pekerjaan bagi graduan pengajian tahfiz dan Islam. KoJiD juga merupakan model perniagaan serba boleh yang beroperasi dalam setiap sektor ekonomi, dan dalam suasana bandar dan luar bandar. Perniagaan berfokuskan komuniti ini bertujuan untuk diperbadankan secara sah dan akan dimiliki oleh ahli-ahlinya, yang menggunakan perkhidmatan koperasi atau membeli produk mereka. Daripada jumlah tersebut, keuntungan diagihkan kepada ahli berdasarkan jumlah perniagaan yang mereka usahakan melalui koperasi. Model perusahaan kooperasi ini akan mengalakkan kitaran wang dalam ekonomi tempatan; menyediakan pekerjaan yang selamat, dan membantu menghidupkan semula, membina, dan mengekalkan komuniti yang sihat. Beberapa contoh perkhidmatan yang dapat diberikan oleh KoJiD termasuk yang disenaraikan dalam Kotak Maklumat 16.

Pembiayaan

Program pembangunan ini akan memerlukan kira-kira RM59.5 juta. Dana ini akan digunakan untuk pembangunan perusahaan dan bakat program KoJiD Preneur.



Kotak Maklumat 16



Impak

Melalui program pembangunan ini, hasil koperasi masjid disasarkan meningkat daripada RM15 juta kepada RM200 juta. Ini akan mewujudkan **1,965** pekerjaan dan pertumbuhan sumbangan kepada **GOS** yang diunjurkan mencecah **RM200 juta** pada 2030.

Pemboleh
Daya
#4

Pendidikan dan Kesedaran

Berdasarkan kepada penilaian inovasi kewangan dan kerumitan produk dan perkhidmatan kewangan yang semakin meningkat, pemupukan pengetahuan kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia adalah penting. Masyarakat yang berpengetahuan tinggi dan mempunyai maklumat dari segi kewangan juga akan meningkatkan keyakinan dan kepercayaan pengguna kewangan dan pelabur terhadap perkhidmatan kewangan yang ditawarkan dalam pasaran. Ia membolehkan sektor yang

berfungsi dengan baik yang seterusnya menggalakkan kestabilan kewangan, inovasi, dan keterangkuman dalam jangka masa panjang. Selain itu, peningkatan keyakinan terhadap industri Kewangan khususnya terhadap produk Kewangan Islam akan menggalakkan masyarakat Islam untuk terlibat dalam industri Kewangan Islam.

Pembinaan komuniti Bumiputera yang bermaklumat dari segi kewangan adalah dasar kepada kejayaan program pembangunan ini. Kerajaan akan memperkukuh penyelarasan dasar antara Kementerian Kerajaan yang berkaitan yang akan memberi tumpuan kepada pembinaan kapasiti kewangan, celik kewangan, dan menggalakkan pengurusan kewangan yang berhemat dalam kalangan Bumiputera. Kerajaan juga akan bekerjasama dengan pemain industri berkaitan yang bersedia memberi bimbingan dan pendidikan kewangan yang akan disampaikan kepada masyarakat Bumiputera. Pemboleh daya ini akan menyediakan asas di mana ahli koperasi yang berpengetahuan kewangan boleh diwujudkan.

STRUKTUR TADBIR URUS

KEGA Hab Kewangan Islam 2.0 dicadangkan akan dipantau oleh Jawatankuasa Pemerkasaan Agenda Bumiputera (JPAB) dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB) dicadangkan akan bertindak sebagai urusetia kepada JPAB dan akan memastikan semakan bulanan untuk memberikan maklum balas, bimbingan dan usaha wajar mengenai kemajuan program pembangunan.

JPAB MOF

Pengerusi JPAB Ketua Setiausaha

Ahli Tetap

- Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian berkaitan
- KPE dan Pengarah Agensi berkaitan

Ahli Jemputan

- Kementerian/Agensi sokongan yang berkaitan
- Pihak Berkepentingan Utama
- Pemilik Program Pembangunan

Sekretariat:

- MOF
- UPAB

Jawatankuasa Pemerkasaan Agenda Bumiputera (JPAB)

Pertemuan sebulan sekali

- Menjadi platform penyelaras kepada KEGA
- Memantau perkembangan program pembangunan dan KPI
- Membuat keputusan dan memberi panduan
- Menyelesaikan masalah dan isu secara menyeluruh

Pengerusi UPAB Pengarah/ Setiausaha Bahagian

Ahli Tetap

- Kementerian/Agensi Pelaksana
- Pemilik Program Pembangunan

Ahli Jemputan

- Kementerian/Agensi sokongan yang berkaitan
- Pihak Berkepentingan Utama

Sekretariat:

- MOF
- UPAB

Peringkat Kerja UPAB

Pertemuan setiap dua minggu sekali

- Untuk memudah cara dan memantau pelaksanaan program pembangunan
- Berbincang dan menyelesaikan isu pelaksanaan sebelum di bawa kepada JPAB

KESIMPULAN

No

01

02.1

02.2

03

04

05

KEGA Hab Kewangan Islam 2.0 akan meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju global dalam Kewangan Islam bagi memudahkan pemeraksanaan Bumiputera. Kejayaan pelaksanaan program pembangunan di bawah KEGA ini akan menyumbang RM17.63 bilion dalam GOS perusahaan Bumiputera dan menjana sekurang-kurangnya 11,257 pekerjaan secara langsung. KEGA ini juga dijangka memperoleh RM10.72 bilion dalam pembiayaan.

Program pembangunan di bawah KEGA ini akan memberi fokus kepada penerimgunaan teknologi dan prinsip IR4.0 dengan memanfaatkan pasaran modal dan perbankan Islam serta potensi Takaful sebagai sub sektor untuk memacu daya tahan, kemampuan, dan inovasi dalam industri. Ia juga akan diterajui oleh kerjasama antara komuniti Muslim dalam dan luar negara untuk memberi manfaat keberhasilan kepada semua pihak berkepentingan. Ini bukan sahaja selaras dengan agenda pembangunan negara seperti WKB2030 dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) tetapi juga seiring dengan sasaran kemampuan global seperti Matlamat Pembangunan Mampan.

Program Pembangunan

GOS (pada 2030) dan Pembiayaan & Pekerjaan (menjelang 2030)

Penerbitan SRI Sukuk

GOS: **RM13.51 bilion**
 Jumlah Pembiayaan: **RM7.05 bilion**
 Pekerjaan: **5,500**

Penubuhan Bank Digital Islam oleh Agensi Kerajaan

GOS : **RM790 juta**
 Jumlah Pembiayaan : **RM1.25 bilion**
 Pekerjaan : **1,043**

Penubuhan Bank Digital Islam oleh Syarikat Bumiputera

GOS : **RM102 juta**
 Jumlah Pembiayaan : **RM1.64 bilion**
 Pekerjaan : **197**

Sistem Pembayaran dan Sistem Penukaran Serantau D-8

GOS: **RM1.17 bilion**
 Jumlah Pembiayaan: **RM570 juta**
 Pekerjaan: **1,268**

Menubuhkan Platform Penyelesaian Perdagangan Serantau menggunakan Mata Wang Kripto Bersandarkan Emas

GOS: **RM1.86 bilion**
 Jumlah Pembiayaan: **RM150 juta**
 Pekerjaan: **1,285**

Pembangunan Pemerkasaan Ekonomi Koperasi Masjid & Tahfiz (KoJiD Preneur)

GOS: **RM200 juta**
 Jumlah Pembiayaan: **RM59.50 juta**
 Pekerjaan: **1,965**

Logistik, Pengangkutan & Mobiliti Lestari



11
Program
Pembangunan

**RM15.86
bilion**
GOS 2030


5,883
Pekerjaan
Langsung

**RM31.88
bilion**
Jumlah
Pelaburan

Tema 1:
**MEMBANGUNKAN JUARA
LOGISTIK BUMIPUTERA DAN
MENJADIKAN MALAYSIA HUB
LOGISTIK SERANTAU**

Tema 2:
**MENINGKATKAN RUANGAN
BAHARU DALAM MOBILITI
LESTARI**

Tema 3:
**MENINGKATKAN
PENGLIBATAN BUMIPUTERA
DALAM INDUSTRI MARITIM,
PERKAPALAN DAN FERI**



RUMUSAN EKSEKUTIF



Menurut ramalan global, pasaran logistik dunia akan mengalami kenaikan sebanyak 5% dalam tempoh lima (5) tahun yang berjumlah ASD6.54 trilion pada tahun 2025. Sebanyak 45% daripada pertumbuhan tersebut adalah dari rantau Asia Pasifik.

Sektor logistik mengalami perubahan besar sedekad yang lalu. Ianya dapat dilihat pada perubahan arah aliran globalisasi, peralihan keperluan pengguna dan landskap politik dan ekonomi yang terus berkembang. Namun, di tengah pertumbuhan ekonomi global yang perlahan dan penularan pandemik COVID-19, industri logistik terus meningkat.

Sejak bertahun lalu pelbagai inisiatif telah diperkenalkan di negara ini seperti Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) memberi sebuah persekitaran perniagaan yang kondusif bagi mendukung pertumbuhan di pasaran logistik. Di antara faktor-faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan industri logistik negara adalah lokasi yang strategik, hubungan dengan negara serantau, peneraju logistik dan penghantaran, serta lanskap politik, ekonomi dan sosial yang stabil.

Pelan Induk Kemudahan Logistik dan Perdagangan (2015-2020) mempunyai visi menjadikan Malaysia sebagai 'Gerbang Asia' dan telah memberikan halatuju strategik untuk perkembangan industri logistik bagi meningkatkan lagi produktiviti dan daya saing.

Walaupun begitu, banyak faktor yang menyebabkan industri logistik di Malaysia ketinggalan dalam beberapa tahun kebelakangan. Ini terbukti apabila kedudukan Malaysia di Indeks Prestasi Logistik (LPI) berada di tempat ke-41 pada tahun 2018 berbanding tempat ke-32 pada tahun 2016. Persaingan diantara penyedia perkhidmatan semakin ketara dalam memberikan tumpuan yang lebih bagi memenuhi keperluan peniaga dalam talian.

Industri logistik, pengangkutan dan mobiliti lestari di Malaysia ketika ini mengalami penyertaan yang rendah di kalangan syarikat Bumiputera, terutamanya di subsektor rantai nilai dan rantai bekalan. Syarikat penghantaran tradisional yang masih

bertahan seperti POS Malaysia, Nationwide Express dan SkyNet agak ketinggalan dalam menggunakan teknologi baharu dan kini dicabar oleh syarikat-syarikat baharu.

Bagi meningkatkan status sosioekonomi kumpulan Bumiputera, adalah penting supaya lebih banyak syarikat Bumiputera dapat memanfaatkan peluang dalam sektor ini. Sebagai sebahagian daripada Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA), TPB2030 merancang 11 program pembangunan untuk memacu pembangunan sektor tersebut, didukung oleh empat (4) pemboleh daya.

Kejayaan dalam menjayakan program pembangunan di bawah KEGA Logistik, Pengangkutan dan Mobiliti Lestari akan menyumbang Lebihan Kendalian Kasar (GOS) sebanyak RM15.86 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2030, mewujudkan 5,883 pekerjaan baharu. Sasaran-sasaran ini akan dicapai melalui tema-tema strategik yang akan mendorong penyertaan dan prestasi Bumiputera dalam industri pengangkutan, logistik dan mobiliti lestari di peringkat global, serantau dan domestik. Melalui program pembangunan yang dikenal pasti, syarikat Bumiputera akan dapat mengembangkan operasi, penawaran dan kemampuan teknologi mereka, mengambil bahagian dalam projek nasional, dan menembusi pasaran antarabangsa. Aspirasi TPB2030 mensasarkan penglibatan Bumiputera yang mampu bersaing di peringkat serantau dan global, mendukung aspirasi Malaysia untuk menjadi 'Gerbang Asia'.



LATAR BELAKANG

Industri logistik memainkan peranan penting dalam ekonomi hari ini dan merupakan tulang belakang rantaian bekalan negara. Kepentingannya terbukti untuk mengembangkan perdagangan, meningkatkan daya saing perniagaan dan merangsang pertumbuhan ekonomi serta menjamin perhubungan dengan seluruh dunia.

Dekad lepas telah menyaksikan banyak perubahan berlaku secara menyeluruh dalam sektor ini, akibat perubahan pendigitalan, jangkaan pelanggan, ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China, serta yang terbaharu penularan pandemik COVID-19.

Pengeluar dunia kini bersaing untuk mengatur semula strategi bekalan dan logistik mereka, khususnya dengan mempelbagaikan rantaian bekalan dan memberi lebih penekanan kepada pembekal alternatif pada masa hadapan.

Ini juga mewujudkan peluang besar untuk meningkatkan prestasi dan perkhidmatan pelanggan yang lebih baik. Pembekal Perkhidmatan Logistik (LSP) adalah sebahagian daripada rantaian nilai digital bersepadu yang boleh mendapat manfaat hasil kaedah ramalan yang ditambah baik untuk meningkatkan atau menurunkan kapasiti mereka dan merancang laluan dengan lebih cekap.


Kecerdasan Buatan (AI) juga memainkan peranan penting dalam memacu industri logistik kerana ia mampu meningkatkan kecekapan dengan membentuk laluan perjalanan yang dinamik. Malah, inovasi diterajui pembelajaran mesin (*machine learning*) dalam bidang laluan kenderaan telah menjadikan perniagaan lebih pantas dan dinamik yang membolehkan syarikat seperti Uber & Grab, menawarkan pengalaman menakjubkan untuk pelanggan mereka.

Industri logistik kekal bertahan walaupun berdepan kelembapan pertumbuhan ekonomi global sejak beberapa tahun yang lepas. Pasaran logistik global kini dijangka tumbuh hampir 5% dalam tempoh 5 tahun akan datang, mencecah ASD6.54 trilion menjelang tahun 2025 seperti ditunjukkan dalam Rajah

1.⁰¹ Hampir 45% daripada pertumbuhan ini disumbangkan oleh rantau Asia Pasifik. Negara peneraju industri di rantau ini sedang menyaksikan kepesatan dalam proses logistik.

Rajah 1: Pasaran Logistik Global (2020-2025)
ASD Billion

Pasaran logistik global dijangka akan mencecah ASD6,537 bilion menjelang 2025 dan mencatatkan Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompau (CAGR) pada 4.7% pada 2020 - 2025



Dianggarkan meningkat pada CAGR hampir 5%

Anggaran kenaikan pertumbuhan pada ASD287 juta

Pasaran berpecah (*fragmented market*) kepada beberapa pemain menguasai bahagian


Anggaran pertumbuhan 45% daripada rantau Asia Pasifik

Salah satu pemacu utama yang dikenal pasti adalah peningkatan pengangkutan multi modal


Di India, 80% kontena dipindahkan melalui jalan darat dan Industri Lori menggunakan teknologi pengesanan termaju bagi membantu menjejak dan meramalkan masa penyampaian yang tepat. Sementara itu, Thailand pula menggunakan projek blok rantaian (*blockchain*) IBM dan Maersk bagi mengemas kini proses pemantauan penghantarannya.⁰²

Rajah 2

Trafik Pengangkutan Udara Global Metrik (2015-2019)
Juta tan



Trafik Pengangkutan Maritim Global (2015 - 2019)
Muatan bilion tan



Sumber: Statista

Pertumbuhan pesat telah direkodkan dalam industri logistik Asia Pasifik disebabkan penambahan platform logistik di negara ASEAN dan kehadiran kuasa besar ekonomi seperti China dan India.⁰³ Selain itu, sokongan Kerajaan untuk sektor logistik di rantau ini juga menjadi faktor yang merangsang pertumbuhan industri.

Walaupun trend dahulu melibatkan pergerakan kargo menuju ke barat, AS dan Eropah melalui laluan perdagangan utama timur-barat, trend baharu turut muncul susulan peningkatan perdagangan intra Asia. Peningkatan perdagangan intra Asia ini, bersama-sama pertumbuhan import bukan hanya melibatkan produk pembuatan tetapi juga merangkumi produk pengguna yang mewarnai landskap baharu logistik Asia.

Inisiatif Satu Jalur dan Satu Laluan China (*One Belt One Road*) iaitu salah satu infrastruktur logistik dan pengangkutan terbesar dunia melibatkan lebih daripada 70 buah negara turut menarik pelaburan besar dalam infrastruktur pengangkutan di seluruh rantau sejak diumumkan pertama kali pada tahun 2013.

Projek yang juga dikenali sebagai Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) adalah projek pembangunan ekonomi dan komersial yang bercita-cita tinggi yang memberi tumpuan untuk meningkatkan kesalinghubungan dan kerjasama pelbagai negara di seluruh benua Asia, Afrika dan Eropah.

Ia akan menggalakkan kemakmuran ekonomi di negara-negara di sepanjang Jalur dan Laluan di samping mendorong kerjasama

⁰¹ *E-Commerce: Logistics Market Analysis Report by End-Users (Consumer goods, Automotive, Food and beverage, Healthcare, and Others), Geography (APAC, Europe, MEA, North America, and South America), and the Segment Forecasts, 2020-2024*

⁰² *Freight and Logistics Market - Growth, Trends, and Forecasts (2020 - 2025)*

⁰³ *Ibid*


ekonomi, mengukuhkan pertukaran, serta menawarkan pertukaran ilmu bersama (*mutual learning*) antara negara berbeza. Walaupun negara-negara seperti China, Jepun dan Korea Selatan memiliki pelabuhan kontena yang moden dan besar, negara Asia Pasifik lain sudah membelanjakan berbilion dolar untuk menaik taraf pelabuhan mereka bagi memenuhi permintaan barangan berkontena yang meningkat.

Sementara itu, rantau ASEAN pula mengalami pertumbuhan perbandaran dan makroekonomi yang pesat sejak beberapa tahun lalu dan dijangka meningkat sebanyak 5.5% setiap tahun akan datang. Ia membuka peluang yang besar untuk syarikat logistik mengembangkan perniagaan mereka.

Pasaran e-Dagang Asia Tenggara membentuk

Rajah 3

Saiz Pasaran Logistik Pihak Ketiga (3PL) (2019)
ASD bilion




Sumber: Statista

3% dalam jumlah keseluruhan jualan runcit berbanding 7.3% di AS.


Di Malaysia, sektor industri dan logistik akan terus menjadi sektor utama untuk tahun 2021.⁰⁴ Ini merupakan salah satu faktor menyokong prestasimantap perdagangan Malaysia, selepas Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompau (CAGR) bertumbuh lebih daripada 4% sejak 10 tahun lepas seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.⁰⁵ Pandemik COVID-19 telah memacu pertumbuhan perniagaan e-Peruncitan di sektor pergudangan dan logistik, dan pelabur secara aktif sentiasa mencari peluang pelaburan dalam kelas aset yang kukuh ini. Mengambil kira faktor lokasi strategik, pertumbuhan mantap ekonomi, rantaian serantau yang baik, dan infrastruktur kukuh pengangkutan, Malaysia berpotensi menjadi gerbang logistik serantau.

Hasil Pendapatan Logistik Pihak Ketiga (2019)
ASD bilion




Pertumbuhan Ekspone Perdagangan akan Memacu Permintaan Perkhidmatan Logistik di Malaysia

Rajah 4 : Prestasi Perdagangan Malaysia (2010-2020)
RM Bilion



Sumber: Pelan Induk Perkapalan Nasional (MSMP) 2017-2022

Rajah 5 : Pengangkutan Barangan di Malaysia (2013-2018)
Tan (Juta)



Sumber: E-Commerce a Game changer for Logistics Industry in Malaysia, Lembaga Pembangunan Pelabuhan Malaysia (MIDA); Logistics in Malaysia Market overview and M&A trends 2018, PwC


Pertumbuhan pesat pasaran e-Dagang di seluruh rantau akan menambah persaingan antara pembekal perkhidmatan logistik e-Dagang. Inovasi dalam pemenuhan pesanan, model penghantaran dan perkhidmatan nilai tambah dijangka membentuk semula segmen penghantaran akhir (last mile). Nilai tambah dan sumbangan e-Dagang kepada KDNK di Malaysia terus meningkat sejak tujuh (7) tahun lalu (daripada RM37.7 bilion pada 2010 kepada RM85.8 bilion pada 2017), dengan CAGR sebanyak 12.5%.

Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) yang dilancarkan pada 2017 turut memberikan syarikat platform e-Dagang tanpa sempadan untuk aktiviti perdagangan dan memenuhi keperluan logistik.

DFTZ bermatlamat untuk memudahcara perniagaan rentas sempadan dan membolehkan perniagaan tempatan untuk mengeksport barangan mereka dengan keutamaan diberikan kepada e-Dagang. Ia akan menyediakan zon fizikal dan virtual untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengambil peluang dalam pertumbuhan ekspone ekonomi internet dan aktiviti e-dagang rentas sempadan. Dengan inisiatif ini, Kerajaan bermatlamat untuk menaikkan pertumbuhan e-Dagang sebanyak dua kali ganda dan meningkatkan sumbangan kepada KDNK sebanyak RM211 bilion (sekitar USD47.68 bilion) menjelang tahun 2020.

Kerajaan juga menerbitkan Pelan Induk Kemudahan Logistik dan Perdagangan (2015-2020). Pelan ini dibangunkan untuk memperkenalkan dasar yang akan menyelesaikan masalah kesesakan dalam sektor logistik; mengukuhkan kerangka penyeliaan; menggerakkan teknologi dan sumber manusia dan menjadikan Malaysia sebagai peneraju utama industri logistik serantau.

Rajah 6: Sumbangan Subsektor Pengangkutan dan Pergudangan kepada KDNK (Harga Kekal 2005) (2015-2020)
RM Juta



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM); Malaysia: Key Logistics and Transport System (Road and Rail), Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)

⁰⁴ Racheal Lee, 'Industrial and logistic sectors to be top performers in 2021- Savills Malaysia', *The Edge Markets*, 6 Januari 2021

⁰⁵ Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI); Pelan Induk Perkapalan Nasional (MSMP) 2017-2022

KES UNTUK INTERVENSI

Rajah 7 : Contoh Penyedia Perkhidmatan Logistik Pihak Ketiga



Rantau ASEAN yang mengalami urbanisasi pesat dan pertumbuhan makro ekonomi sejak beberapa tahun lepas, dijangka akan terus mengalami pertumbuhan sebanyak 5.5% setiap tahun untuk dekad akan datang. Pasaran e-dagang Asia Tenggara memiliki jualan runcit keseluruhan sebanyak 3% berbanding 7.3% di AS.⁰⁶ Namun, faktor keunikan geografi, infrastruktur dan sosio politik Asia Tenggara menyukarkan banyak syarikat untuk memenuhi proses penyempurnaan tempahan di rantau ini.

Di Malaysia, syarikat penghantaran akhir tradisional seperti digambarkan dalam Rajah 7 misalnya POS Malaysia, Nationwide Express dan SkyNet agak ketinggalan dalam penggunapakaian teknologi baharu dan kini dicabar oleh pemain industri baharu seperti Ninja Van, yang yang beroperasi sepenuhnya menggunakan sepenuhnya pengkomputeran awan (*cloud computing*).

Persaingan ini bukan sahaja melibatkan pemain industri baharu logistik yang bersaing untuk pegangan pasaran. Di Malaysia, persaingan sengit antara pembekal perkhidmatan penyempurnaan tempahan

yang memberi tumpuan untuk memenuhi keperluan pedagang dalam talian. Syarikat-syarikat seperti DHL, SP e-Commerce, aCommerce, theLorry.com dan lain-lain bukan sahaja bersaing sesama sendiri untuk mendapatkan pelanggan, tetapi juga dengan pelanggan terbesar- Lazada.

Walaupun Malaysia merekodkan pertumbuhan dalam industri logistik sejak beberapa tahun lepas, kedudukan negara dalam LPI berada pada tahap rendah iaitu kedudukan ke-41 pada tahun 2018 (berbanding tempat ke-32 pada tahun 2016). Malah, kedudukan Malaysia adalah yang tertinggi dalam rantau Asia Tenggara pada tahun 2016. Bagaimanapun, ia diambil alih oleh Thailand dan Vietnam pada 2018.

Tambahan pula, kesan pandemik COVID-19 telah melemahkan permintaan perdagangan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penutupan sempadan negara. Oleh sebab itu, Pelabuhan Klang merekodkan penurunan pengendalian kontena sebanyak 2.5% kepada 13.2 juta unit bersamaan dua puluh kaki (TEU) pada tahun 2020 berbanding 13.5 juta TEU pada tahun 2019.⁰⁷

Cabaran tertentu seperti kelewatan kemudahan perdagangan, juga menjejaskan prestasi logistik negara sejak beberapa tahun lepas. Ini menyebabkan pelabuhan Malaysia ketinggalan kepada persaingan dalam rantau ini. Selain itu, penglibatan semasa syarikat Bumiputera dalam sektor logistik, pengangkutan dan mobiliti lestari di Malaysia masih rendah, terutamanya dalam sub sektor rantaian nilai dan rantaian bekalan.

Syarikat milik Bumiputera kini hanya berkongsi RM15.4 bilion atau 22% daripada jumlah keseluruhan modal pasaran di semua syarikat pengangkutan dan logistik tersenarai awam yang bernilai RM69.4 bilion.⁰⁸ Menggunakan formula yang sama, syarikat Bumiputera hanya mencapai RM4.4 bilion nilai tambah sejak tahun 2013 sehingga tahun 2017 menurut data dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Dengan mengandaikan GOS sektor ini adalah 60% daripada KDNK, anggaran GOS untuk syarikat Bumiputera selama 10 tahun hanya bernilai RM5.3 bilion.

Oleh itu, wujudnya keperluan untuk satu penilaian mendalam bagi sektor logistik, pen-

gangkutan dan mobiliti lestari tempatan supaya Malaysia dapat mencari peluang baharu dalam segmen pasaran khas seperti perkhidmatan logistik bersepadu, pembangunan mobiliti sebagai perkhidmatan dan teknologi hijau.

Halangan dihadapi Industri Logistik, Pengangkutan dan Mobiliti Lestari

Pada masa kini, terdapat 4 kebimbangan utama yang memberi kesan kepada pertumbuhan industri logistik, pengangkutan dan mobiliti lestari di Malaysia. Cabaran utama termasuklah kesesakan laluan hubungan pedalaman; peningkatan pembebasan karbon daripada sektor logistik dan pengangkutan, kapal asing yang mendominasi perairan dan aktiviti perkapalan Malaysia serta penurunan perolehan disebabkan kejatuhan harga minyak; dan penularan pandemik COVID-19.

01

Infrastruktur Pengangkutan

Walaupun terdapat banyak manfaat pengangkutan kereta api untuk mengangkut kuantiti besar muatan jarak jauh, laluan hubungan dan penggunaan perkhidmatan muatan kereta api di seluruh Malaysia masih terhad. Perkhidmatan kereta api muatan sedia ada kurang digunakan akibat kelemahan perkhidmatan dan kurang ketersambungan dengan jarak akhir (*last mile*).

Capaian terhad dan kesalinghubungan kawasan darat dan kelemahan integrasi dengan mod pengangkutan lain seterusnya menyebabkan permintaan rendah untuk pengangkutan muatan kereta api. Trafik pengangkutan darat di kebanyakan pelabuhan didominasi oleh trak. Malah di pelabuhan yang mempunyai jumlah kenderaan darat bukan trak yang tertinggi, jarang melepasi separuh daripada jumlah trafik yang menggunakan trak. Trafik trak adalah punca utama yang menyebabkan kesesakan di dalam dan sekitar pelabuhan, tetapi ia juga paling banyak menjana kos luaran. Misalnya, barangan dari Selatan Thailand kebanyakannya memasuki Malaysia dengan trak disebabkan integrasi infrastruktur pelabuhan dan kereta api yang terhad dan kekangan infrastruktur sedia ada.

02

Pembebasan Karbon

Sejak tahun 1990, sektor pengangkutan menjadi sumber kedua terbesar pembebasan gas rumah hijau (GHG) seluruh dunia, pertumbuhan sebanyak 71% disebabkan pertambahan jumlah kenderaan di atas jalan raya. Sektor pengangkutan di Malaysia menggunakan jumlah tenaga tertinggi sekitar 43.3% atau 22,357 ktoe pada tahun 2013, peningkatan sebanyak 37% atau 17,728 ktoe daripada tahun 1993.

Menurut National Statistics Office (United Kingdom), hubungan antara KDNK dan alam sekitar telah menjadi semakin penting kerana pembangunan pesat negara-negara membangun telah menjadi penyebab kepada degradasi alam sekitar. Teori Keluk Alam Sekitar Kuznets (EKC) pula mencadangkan bahawa pembangunan ekonomi akan lambat laun mengurangkan degradasi alam sekitar yang berlaku pada peringkat awal pembangunan. Oleh yang demikian, sesebuah ekonomi harus memberikan fokus kepada pembangunan ekonomi dalam jangka masa pendek dan sebarang kesan terhadap alam sekitar boleh diatasi dalam jangka masa panjang.

Pengurangan pembebasan GHG akan menjadi cabaran utama. Ini memandangkan pertumbuhan berterusan di dalam aktiviti pengangkutan barang dan penumpang boleh mengatasi semua langkah mitigasi. Bagaimanapun, tanpa dasar mitigasi agresif dan mampan, pembebasan gas daripada pengangkutan boleh meningkat dengan kadar tinggi berbanding pembebasan daripada sektor tenaga kegunaan akhir dan mampu mencecah sekitar 12 gigaton CO₂-bersamaan tahunan (GtCO₂eq/yr) menjelang tahun 2050.⁰⁹

⁰⁶ *E-Commerce IQ Asia*

⁰⁷ *Lembaga Pelabuhan Klang (PKA)*

⁰⁸ *Malaysianstock.biz 2021, 'Bursa Malaysia Transportation and Logistics Companies' InterGovernmental Panel on Climate*

⁰⁹ *Change (IPCC), LDV - Long Distance Vehicles*

¹⁰ *Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO)*

03

Kapal Asing mendominasi Industri Maritim Malaysia

Peraturan baharu oleh Organisasi Maritim Antarabangsa (IMO) dikenali sebagai IMO 2020 menetapkan had baharu kandungan sulfur dalam bahan bakar kapal bermula 1 Januari 2020. Peraturan itu mengehadkan sulfur dalam bahan bakar digunakan di atas kapal beroperasi di luar kawasan kawalan pembebasan yang ditetapkan kepada 0.50% m/m (*mass by mass*) - penurunan besar berbanding had sebelumnya iaitu 3.5%.¹⁰

Ini bermakna kapal lama perlu diperbaiki atau ditambah baik bagi memenuhi syarat baharu ini. Selain itu, peraturan IMO telah menetapkan agar minyak kelapa sawit diangkut dalam tangki kimia bagi memudahkan operasi, daya saing, kecekapan dan keselamatan. Kesannya, walaupun Malaysia adalah pengeluar kedua terbesar minyak kelapa sawit, hanya 2% eksport sawit negara diangkut menggunakan kapal Malaysia.

Tambahan lagi, banyak kapal milik Malaysia membawa 'minyak gred berat' sudah usang dan berlapis tunggal (*single hull*). Malah, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) pernah mengenakan sekatan ke atas kapal tangki *single hull* di perairan Malaysia, tetapi kemudiannya menarik balik arahan itu. Situasi ini merugikan negara dan menyebabkan monopoli kapal milik asing yang mengangkut hasil komoditi berasal dari Malaysia.

04

Ketidaktentuan Harga Minyak & Pandemi COVID-19

Kejatuhan harga minyak mentah daripada harga setinggi ASD100-ASD120 per tong pada tahun 2010 hingga 2014 kepada bawah ASD80 per tong menjejaskan banyak syarikat minyak & gas termasuk pengendali kapal dan tangki. Sejak itu, harga minyak mentah berada di bawah ASD60 di sepanjang tahun 2015 – 2020, dan hanya merekodkan peningkatan sederhana kepada ASD70 baru-baru ini.¹¹ Banyak syarikat yang mendapat manfaat daripada peningkatan harga minyak tidak mampu pulih daripada persekitaran harga

minyak rendah yang menuntut persaingan tinggi dan margin keuntungan lebih rendah. Gelombang besar yang dicituskan oleh penularan pandemik COVID-19, bersama-sama dengan harga minyak mentah baharu yang rendah, telah mengganggu-gugat perniagaan maritim dan rantai bekalan; memburukkan lagi persekitaran perniagaan dalam industri yang sedia mencabar serta menjejaskan pembangunan jangka panjang ekonomi dan kebajikan sosial.

Menurut tinjauan dibuat Institut Masa Depan (MASA), rantai bekalan telah terjejas disebabkan gangguan aktiviti perkapalan, dan sebilangan penghantaran barangan terpaksa dibatalkan atau tidak sampai tepat pada waktunya disebabkan kelewatan pemunggahan di pelabuhan.

Banyak syarikat perkapalan juga berdepan cabaran kewangan disebabkan pandemik COVID-19 dan pembatalan kontrak secara pramatang oleh pemain utama industri minyak kerana penurunan harga minyak yang jatuh kepada ASD30-ASD50 per tong pada permulaan pandemik. Dianggarkan yang 40% Kapal Peronda Pesisir Pantai (OSV) Malaysia tersadai dan kos menggerakkan semula OSV sangat tinggi. Walaupun harga minyak kemudiannya naik sedikit kepada ASD50-ASD70 per tong, pelabur terus berhati-hati untuk membuat pelaburan baharu dalam industri.

Syarikat perkapalan juga mengalami kerugian besar kerana banyak kapal kargo atau kapal pengangkut tersadai. Kos operasi seperti denda lewat, penalti, bayaran pinjaman dan kos anak kapal menjejaskan aliran tunai syarikat.

¹¹ S&P Global Platts

Kotak Maklumat 8: 7 Trend dan Corak Utama Mobiliti Bandar Perlu Diberi Perhatian

1. Lebih Tumpuan Kepada Matlamat Masa Perjalanan

Ini merujuk kepada penggunaan perkhidmatan teknologi kemudahan mobiliti. Misalnya keutamaan isyarat transit, kenderaan automasi, mobiliti permintaan

(MOD), perkhidmatan pengangkutan inklusif dan boleh guna fizikal, dan kenderaan elektrik (EV) yang lebih bersih.

2. Perkhidmatan-sebagai-Mobiliti (MaaS)

Kesepaduan platform digital yang menyatukan perancangan hujung-ke-hujung (*end-to-end*) perjalanan, tempahan, tiket elektronik dan perkhidmatan pembayaran untuk semua mod pengangkutan sama ada awam atau swasta. Dahulunya pengesanan, penempahan dan pembayaran untuk setiap pengangkutan dibuat secara berasingan, kini platform MaaS membenarkan pengguna untuk merancang dan menempah perjalanan pintu-ke-pintu menggunakan aplikasi tunggal.

3. Pengangkutan Awam Berautonomi

Kenderaan berautonomi (AV) dijangka akan memasuki perkhidmatan pengangkutan awam. Terdapat banyak projek perintis bas AV yang menyediakan perkhidmatan perjalanan awal/perjalanan akhir, tetapi hanya sebilangan kecil yang benar-benar menyediakan perkhidmatan pengangkutan laluan tetap. Aplikasi penyelesaian ini dari segi ekonomi, teknikal, kemasyarakatan dan perundangan perlu dilakukan dalam tatacara kehidupan sebenar.

4. Penggunaan AI

AI sudah digunakan dalam enam (6) bidang pengangkutan awam (Persatuan Pengangkutan Awam Antarabangsa (UITP)):

- Penambahbaikan pengalaman pelanggan menerusi bantuan digital
- Pengoptimuman kecekapan operasi menerusi analisis ramalan permintaan mobiliti
- Autonomi penghantaran dan operasi untuk memenuhi peningkatan permintaan dan perubahan dinamik alam sekitar
- Penambahbaikan kecekapan pantauan trafik
- Operasi selenggara pencegahan yang berkesan
- Pengurusan sekuriti dan pencegahan keselamatan menggunakan video analitik AI

5. Menyempurnakan Perjalanan 'Lengkap'

Matlamatnya adalah untuk membolehkan rakyat melakukan perjalanan dari satu lokasi ke lokasi seterusnya, tanpa pertimbangan kepada jumlah rangkaian, pemindahan atau mod pengangkutan. Pada 2019, Jabatan Pengangkutan AS (USDOT) mengumumkan Program Pergerakan Perjalanan Lengkap (menelan belanja ASD40 juta untuk 4 tahun), bagi membantu komuniti membangunkan penyelesaian pengangkutan menyeluruh, lancar dan cekap bagi meningkatkan capaian mobiliti. Programe ini memberi tumpuan kepada pendekatan holistik yang mencipta lebih banyak pilihan dan capaian lebih baik kepada warga emas, orang kurang upaya dan komuniti kurang capaian pengangkutan di kawasan luar bandar dan bandar kecil.

6. Pengurusan Bebendul Jalan (*Kerb-side*)

Program rintis yang mewujudkan sistem tempahan atau menyelia bebendul untuk mengenalpasti ruang yang sesuai pada hari dan waktu tertentu. Misalnya, projek rintis pengurusan bebendul jalan di Terminal Antarabangsa Tom Bradley di Lapangan Terbang Antarabangsa Los Angeles dan di Columbus, Ohio.

7. Sistem Terbuka

Platform dan data terbuka akan memandu perkhidmatan teknologi memudahkan mobiliti. Walaubagaimanapun, isu etika data perlu ditangani bagi memastikan kesamaan dan moraliti dalam perkhidmatan mobiliti.

Pasaran mobiliti tidak boleh menyampaikan maklumat penting semasa dalam perjalanan sekiranya data perkhidmatan mobiliti yang beroperasi dalam masa nyata tidak terbuka. Walaupun data ini perlu terbuka untuk memudah cara keputusan mobiliti dibuat dalam masa nyata, data yang dikumpul untuk perjalanan individu (contoh lokasi memulakan perjalanan dan destinasi) bagi pemahaman tingkah laku perjalanan keperluan peribadi perlu berada dalam sistem yang selamat dan tanpa nama (*anonymity*).

VISI

Kejayaan pelaksanaan program pembangunan di bawah KEGA Logistik, Pengangkutan dan Mobiliti Lestari akan menyumbang RM15.86 bilion GOS Bumiputera kepada KDNK menjelang tahun 2030 dan mencipta 5,883 pekerjaan secara langsung. Sasaran ini akan direalisasikan menerusi tema strategik yang akan memacu penglibatan dan prestasi Bumiputera dalam industri logistik, pengangkutan dan mobiliti lestari di peringkat global, rantau dan domestik. Menerusi program pembangunan yang dikenal pasti, pemain industri Bumiputera akan mampu meluaskan operasi dan kemampuan teknologi mereka, terlibat dalam projek nasional serta menembusi pasaran antarabangsa. Aspirasi TPB2030 adalah supaya pemain Bumiputera mampu bersaing di peringkat rantau dan global, seterusnya menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi 'Gerbang Asia'.







“

Kejayaan pelaksanaan program pembangunan di bawah KEGA Logistik, Pengangkutan & Mobiliti Lestari akan menyumbang kepada GOS bernilai RM15.86 bilion pada tahun 2030 dan mencipta 5,883 pekerjaan langsung kepada sektor ini. ”

PROGRAM PEMBANGUNAN

Bagi memenuhi visi ini, TPB2030 akan memberi tumpuan kepada usaha untuk mewujudkan hab logistik serantau diterajui Bumiputera, meningkatkan penglibatan mereka dalam industri maritim dan perkapalan, serta menyediakan peluang penerokaan wilayah baharu dalam segmen mobiliti lestari, seperti dijelaskan dalam 3 tema di bawah.

Tema 1:

MEMBANGUNKAN JUARA LOGISTIK BUMIPUTERA DAN MENJADIKAN MALAYSIA HAB LOGISTIK SERANTAU

Menjelang tahun 2030, Asia dijangka menyumbang sekitar 60% pertumbuhan global, sebahagian besar pertumbuhan itu datangnya dari pasaran baharu China, India dan seluruh Asia Tenggara.¹²

Memandangkan Malaysia berada di antara negara-negara ini, dan hanya mengambil masa 6 jam penerbangan, ia mempunyai kedudukan strategik untuk negara meningkatkan jumlah muatan yang dikendalikannya dengan penyatuan dan pengedaran muatan serantau di seluruh ASEAN dan negara jiran.

Dengan lokasi geografi strategik dan pautan rantai bekalan serantau, Malaysia mempunyai kelebihan untuk bertindak sebagai penghubung utama logistik untuk seluruh Asia dan dunia. Malaysia perlu mengukuhkan kedudukan setempatnya sebagai

¹² *Forum Ekonomi Dunia (WEF)*


hab logistik berkualiti tinggi yang boleh digunakan sepenuhnya untuk memaksimumkan peluang dalam negara dan di seluruh rantau.

Dari perspektif Bumiputera, terdapat banyak bakat Bumiputera yang dapat bersaing di Asia Tenggara, yang mampu menerajui usaha ini dan perlu diberikan sokongan untuk berkembang lebih luas.

Dua (2) program pembangunan telah dikenalpasti untuk memangkin laluan pembentukan peneraju logistik Bumiputera.



Membangunkan Juara Logistik dan Menjadikan Malaysia sebagai Hab Serantau



Hab Logistik Utara - Pelabuhan Darat Perlis (PIP)



Mengguna Pakai Mod Pengangkutan Alternatif dari Luar Bandar sehingga ke Pelabuhan Utama

Tema 2:

MENINGKATKAN RUANGAN BAHARU DALAM MOBILITI LESTARI


Tema ini memberi tumpuan kepada strategi jangka panjang Kerajaan untuk memacu pembangunan penglibatan Bumiputera dalam Teknologi Hijau. Ini selaras dengan Pelan Induk Teknologi Hijau Malaysia 2017 - 2030, pelan strategik nasional dan kerangka pelaksanaan untuk memangkin Pertumbuhan Hijau ke arah pembangunan mampan, negara

berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dan meletakkan Malaysia sebagai Hab Teknologi Hijau menjelang tahun 2030.


Sektor pengangkutan di Malaysia menggunakan jumlah tenaga tertinggi pada kadar 43.3% atau sekitar 22,357 ktoe pada tahun 2013, peningkatan sebanyak 37% atau sekitar 17,728 ktoe pada tahun 1993.

Dalam komitmen Kerajaan untuk mengurangkan pembebasan karbon dan menggalakkan tenaga boleh diperbaharui termasuk penggunaan teknologi hijau menjelang tahun 2025, Malaysia akan memberi tumpuan kepada penggiatan semula permintaan pengurusan sub sektor elektrik dan memanfaatkan potensi elektrik hijau dalam sektor pengangkutan.


Tiga (3) teknologi hijau telah dikenal pasti sebagai matlamat di bawah KEGA ini. 3 program pembangunan ini dicadangkan untuk memulakan penglibatan usahawan dan profesional Bumiputera dalam sub sektor Mobiliti Lestari.




Penggunaan Teknologi Hidrogen



Pusat Bateri Malaysia



Menerajui Mobiliti Hijau



Memperhebat Pembangunan Modal Insan



Mengguna Pakai Teknologi Baharu



Tema 3:

MENINGKATKAN PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM INDUSTRI MARITIM, PERKAPALAN DAN FERI

Kerajaan berhasrat untuk memacu penglibatan Bumiputera dalam industri maritim, perkapalan dan feri menerusi penyatuan pengendali-pengendali dan aset, menyediakan pembiayaan peluasan dan pemodenan kapal, serta meningkatkan penglibatan mereka dalam projek diterajui Kerajaan. Ini akan melengkapkan strategi menyeluruh untuk meletakkan Malaysia sebagai pemain logistik serantau yang berwibawa.

Cita-cita ini selaras dengan Pelan Induk Perkapalan Nasional (MSMP) 2017-2022 yang bermatlamat untuk meningkatkan pegangan pasaran oleh Malaysia dalam sektor pengangkutan maritim dan perkhidmatan perkapalan seperti penglibatan dalam pasaran terpilih perkhidmatan pengangkutan maritim/perkapalan domestik, rantau dan global.

Bagi menyokong penglibatan Bumiputera,

Kerajaan akan memulakan 4 program maritim utama seperti yang disenaraikan di bawah, untuk memacu penglibatan Bumiputera dalam industri maritim dan berupaya memenuhi permintaan syarikat Nasional Perkapalan Bumiputera.

Program
Pembangunan
#6

Penyatuan dan Pengaktifan Semula Kapal Peronda Pesisir Pantai (OSV) yang Tersadai

Program
Pembangunan
#7

Peluasan dan Pemodenan Perkapalan dan Kapal Tangki Minyak

Program
Pembangunan
#8

Menggerakkan Perkhidmatan Feri Bumiputera antara Pelabuhan Malaysia dan Indonesia

Program
Pembangunan
#9


Membangunkan Sebuah Syarikat Pengendali Kapal Korek Milik Bumiputera yang Tersohor

Pemboleh
Daya
#4

Membentuk Konsortium untuk Membolehkan Rangkaian Lebih Besar bagi PKS Bumiputera

Tema 1:

MEMBANGUNKAN JUARA LOGISTIK BUMIPUTERA DAN MENJADIKAN MALAYSIA HAB LOGISTIK SERANTAU



Rasional

Sektor logistik adalah salah satu penyumbang utama kepada KDNK negara yang didukung oleh peningkatan permintaan untuk perkhidmatan logistik di Malaysia. Ini dijangka akan terus bertumbuh untuk beberapa tahun akan datang seiring dengan peningkatan perdagangan global dan trend perbelanjaan pengguna. Pertumbuhan perdagangan dan pengembangan sektor e-Dagang akan memacu jumlah muatan dengan kadar lebih pantas, dengan anggaran CAGR 5.3% menjelang tahun 2023.¹³

Disamping memperbanyak inisiatif untuk memenuhi lebih banyak permintaan, Kerajaan akan meletakkan lebih banyak asas untuk mengukuhkan prospek ekonomi bagi menyediakan perkhidmatan pasaran global yang lebih luas. Inisiatif sedia ada Kerajaan seperti penyuraian kesesakan perkhidmatan pengangkutan menerusi MOT, DFTZ, KLIA Aeropolis dan pembinaan bandar pelabuhan industri baharu berpotensi untuk meletakkan Malaysia sebagai gerbang logistik pilihan ASEAN dan membuka peluang pertumbuhan kepada pemain logistik sedia ada.

Ini juga membuka peluang besar kepada pemain Bumiputera untuk menceburkan diri

disebabkan peningkatan permintaan dalam aktiviti e-Dagang dan perdagangan global. Sektor logistik mempunyai penglibatan pelbagai pihak terdiri daripada pemain industri besar, sederhana dan kecil tempatan, yang mempunyai peranan di sepanjang rantaian nilai. Pemain industri Bumiputera berpeluang untuk mengambil bahagian dalam sektor logistik khas pihak ketiga (3PL) dan segmen Kurier, Ekspres & Bungkusan (CEP) yang menawarkan margin lebih tinggi dan pertumbuhan perolehan lebih kukuh. Pertumbuhan kukuh juga dicatatkan dalam lapangan penghantaran *last-mile* (LMD), yang menarik kemasukan pemain baharu dalam pasaran.¹⁴

Bagi mempercepat pembangunan dan penglibatan Bumiputera dalam industri logistik dan pengangkutan, Kerajaan akan menggunakan 3 pendekatan iaitu untuk menghasilkan Juara Logistik Bumiputera Nasional, Juara Logistik Bumiputera Serantau dan menjadikan Malaysia sebagai Hab Logistik Serantau.

Langkah Pelaksanaan

Kerajaan akan mempercepat pembangunan dan penglibatan Bumiputera dalam industri logistik dan pengangkutan menerusi 3 pendekatan:

Program Pembangunan 1.1 : Juara Logistik Bumiputera Nasional

TERAJU akan menjadi pemudah cara untuk syarikat Bumiputera mendapatkan konsesi dan pembiayaan serta memastikan integrasi di sepanjang rantaian nilai terutamanya dalam segmen CEP dan LMD. TERAJU juga akan memudahkan penyatuan dan pengambilalihan (M&A) untuk menggalakkan integrasi di sepanjang rantaian nilai bermula dari Penghantar sehingga kepada LMD.

¹³ PWC Logistics Malaysia Market Overview

¹⁴ PwC Report on Logistics in Malaysia: Market Overview and M&A Trends; Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Rajah 9



DEFINISI PEMAIN LOGISTIK			
Penghantar	3PLs	CEPs	LMDs
<ul style="list-style-type: none"> CAPEX dan aset berat, mereka menguruskan sendiri armada kapal, kapal terbang dan trak. 	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan perkhidmatan luar bagi fungsi rantai bekalan kepada syarikat. 	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan perkhidmatan bagi B2B dan B2C, daripada barisan hadapan (Contoh: Penghantaran barang, pengangkutan dan pergudangan) kepada LMD. 	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian yang tertumpu kepada permintaan jarak akhir (LMD) untuk B2C dan C2C.

Program Pembangunan 1.2 : Juara Logistik Bumiputera Serantau


TERAJU akan membantu syarikat Bumiputera untuk memperolehi pembiayaan bagi perkembangan aset dalam pasaran baharu seperti pinjaman mudah, kemudahan kredit, geran pembangunan dari bank dan Agensi Kerajaan, serta menggalakkan usaha sama antara pemain logistik dan penyedia e-dagang.

Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) akan melakukan rundingan bagi pihak persatuan logistik Bumiputera bagi mendapatkan tarif dan kadar keutamaan dengan pihak berkuasa antarabangsa seperti lapangan terbang dan pengawal pelabuhan. Perjanjian bilateral Kerajaan dengan Kerajaan (G2G) dengan negara Asia Tenggara, rantau Asia Pasifik dan G8 akan diwujudkan bagi menyediakan capaian laluan hijau kepada perusahaan Bumiputera untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

TERAJU juga akan memudah cara usaha sama antara pemain logistik dan penyedia e-Dagang di seluruh rantau bagi merebut peluang permintaan yang semakin meningkat bagi perkhidmatan penghantaran dan pembungkusan. Ini termasuk mencadangkan kerjasama dengan pemain utama seperti Alibaba, Lazada dan Shopee yang memiliki jumlah pengguna yang besar.

Rajah 10
Sumbangan e-Dagang kepada KDNK (2015 - 2018)
RM Bilion

Bilangan Pemain CEP di Malaysia
Bilangan Syarikat



Sumber: PwC Report on Logistics in Malaysia: Market Overview and M&A Trends

Program Pembangunan 1.3 : Malaysia sebagai Hab Logistik Serantau

TERAJU akan memudah cara kemasukan perusahaan Bumiputera ke dalam Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) dan menggalakkan penggunaan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan teknologi digital dalam perniagaan mereka. Selain itu, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada liberalisasi operasi landasan kereta api nasional terpilih bagi membolehkan syarikat Bumiputera untuk menggalakkan peralihan modal daripada jalan raya ke landasan kereta api akan meningkatkan penerimgunaan teknologi dan pendigitalan bagi meningkatkan kecekapan sektor logistik seperti pertambahan perkhidmatan tempahan dalam talian yang ditawarkan oleh pemain logistik Bumiputera, pengasingan sistem pengisihan gudang dan penjejakan masa nyata muatan serta kebenaran kastam. Bagi memperhebat capaian kepada pasaran antarabangsa, kerjasama G2G untuk capaian laluan hijau di pelabuhan dan terminal antarabangsa lain seperti di Shanghai, Tianjin, Dubai, Singapore, Shenzhen, Busan, dan Hong Kong, akan diberi penekanan untuk memudahkan perdagangan.

Pembiayaan

Program ini dijangka memerlukan jumlah pembiayaan sebanyak RM30.52 bilion. Sebahagian daripada pembiayaan ini akan digunakan untuk pembangunan teknologi IR4.0, insentif perluasan aset, meningkatkan penglibatan dalam DFTZ dan menjalankan program Kerajaan seperti program bilateral G2G.

Impak

Sumbangan **GOS** program ini dianggarkan bernilai **RM14.36 bilion** pada 2030 dan berpotensi mencipta **3,448** pekerjaan secara langsung.



Rasional

Malaysia adalah rakan dagang terbesar Thailand di ASEAN dan berpotensi untuk pertumbuhan tahunan kepada 400,000 kargo unit bersamaan 20 kaki (TEU).

Buat masa ini, pergerakan muatan antara Malaysia dan Thailand banyak tertumpu di Bukit Kayu Hitam dan Padang Besar. Pada tahun 2018, kedua-dua lokasi ini dianggar telah mengendalikan 5.5 juta tan dan 4.0 juta tan kargo.¹⁵

Selatan Thailand merupakan pengeksport terbesar getah dan produk getah di dunia, mewakili 40% daripada jumlah pengeluaran global. Padang Besar adalah pintu pemindahan utama untuk Selatan Thailand mengeksport getah, lateks dan kayu getah ke pasaran antarabangsa.

Walaupun trafik rentas sempadan sesak, barangan dari Selatan Thailand kebanyakannya memasuki Malaysia menggunakan trak disebabkan keterbatasan integrasi infrastruktur pelabuhan dan landasan kereta api. Tambahan lagi, wujud kekangan keupayaan kerana depoh ini beroperasi di atas tanah hanya seluas 12 ekar. Ini bermakna Malaysia kehilangan potensi trafik sebanyak 250,000 TEU setiap tahun dari Selatan Thailand.

Disebabkan itu, inisiatif hab logistik serantau di utara negara akan menjadi pemangkin untuk industri tempatan dan mencapai potensi perdagangan rentas sempadan antara Malaysia dan Thailand.

Perdagangan rentas sempadan antara Thailand dan Malaysia adalah penyumbang utama ekonomi dan akan meletakkan penekanan kepada pelaksanaan hab oleh perusahaan Bumiputera. Program pembangunan ini akan melaksanakan Hab Logistik Utara - Pelabuhan Darat Perlis, yang akan dikendalikan oleh perusahaan Bumiputera. Program pembangunan ini dijangka akan melengkapkan rangkaian logistik

¹⁵ DOSM

kebangsaan; pengoptimuman infrastruktur dan perkhidmatan rel; dan mentransformasi Perlis sebagai hab logistik.

Langkah Pelaksanaan

Kejayaan program pembangunan ini bergantung kepada kemudahan perdagangan rentas sempadan G2G yang lancar dengan Kerajaan Thailand. Kerajaan Malaysia juga akan menyediakan hala tuju pengoptimuman kargo kereta api, menyediakan geran peluasan, selain menawarkan insentif cukai dan pelaburan yang diselaraskan dengan projek Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang lain.

Pelaksanaan program pembangunan ini akan melibatkan pembangunan lokasi seluas 500 ekar di sekitar lokasi PIP yang akan merangkumi Taman Kereta Api PIP Malaysia - Thailand dan Taman Logistik PIP sebagai Zon Ekonomi Khas (SEZ). Sebuah syarikat Bumiputera akan dilantik sebagai pemaju utama untuk membangunkan program pembangunan ini.

Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) akan turut memudah cara pelonjakan pembangunan di sepanjang landasan berkembar kereta api Malaysia yang sedia ada, jalan baharu ikatan bon ke sempadan yang akan bertindak sebagai laluan eksekutif membawa muatan rentas sempadan antara PIP dan Selatan Thailand.


Pembiayaan

Program ini memerlukan pembiayaan berjumlah RM449.5 juta. Ini akan disalurkan ke arah menjalankan penilaian alam sekitar, sosial dan keselamatan jalan raya yang berkaitan serta pembentukan strategi pelan pembinaan dan pelaksanaan pembangunan PIP.

Impak

Sumbangan **GOS** daripada program ini dianggarkan bernilai **RM550 juta** pada tahun 2030, dan berpotensi mencipta **1,500** pekerjaan secara langsung. Operasi PIP pada tahun 2023 akan mengatasi kesesakan perdagangan di Hujung Utara dengan anggaran kedatangan kargo sebanyak empat

kali ganda ke rangkaian logistik landasan kereta api dan pelabuhan Malaysia, serta bertindak sebagai pemangkin untuk Rangkaian Kereta Api Pan Asia (Kunming-Malaysia). Ia juga akan membantu meningkatkan potensi Landasan Kereta Api Berkembar Malaysia bagi memudahkan pemindahan kargo. Semua impak daripada program ini akan memastikan integrasi pelbagai mod, antara jalan raya ke landasan kereta api dan ke pelabuhan di hab perdagangan rentas sempadan terpenting di Malaysia.



Dari sudut pandang kesalinghubungan logistik dan pedalaman, menambah baik infrastruktur pengangkutan adalah kunci untuk mencapai sasaran pada tahun 2030.

Keupayaan logistik kini terbatas oleh fasiliti pengangkutan dan mod pengangkutan individu yang saling bersaing dan tidak melengkapinya antara satu sama lain. Cabaran ini bertambah hebat dengan kesalinghubungan jalan raya yang lemah dari luar bandar ke pelabuhan utama di seluruh negara yang sering kali menyebabkan kelewatan dan pertambahan kos pengendalian dan pengangkutan darat. Tambahan lagi, dengan penularan pandemik COVID-19 yang menyekat pergerakan di seluruh negara, kelewatan ini bertambah buruk, dan kos pengendalian dan pengangkutan bertambah tinggi. Maka, sangat mustahak untuk cabaran ini ditangani bagi mencapai sasaran utama.

Pemboleh daya ini memacu Kerajaan untuk mengguna pakai mod pengangkutan alternatif untuk tujuan logistik seperti kereta api kargo. Ini akan mempercepat proses pengangkutan antara luar bandar dan pelabuhan utama bagi tujuan eksport dengan mengurangkan kesesakan jalan raya dan kos dalam jangka masa panjang dengan menurunkan kos pengangkutan dan pengendalian.

Tema 2:

MENINGKATKAN RUANGAN BAHARU DALAM MOBILITI LESTARI



Rasional

Potensi hidrogen dalam mengurangkan pembebasan karbon adalah topik perbincangan hangat sejak beberapa dekad ini. Banyak perhatian diberikan kepada hidrogen sebagai sumber tenaga alternatif disebabkan potensinya untuk mengurangkan pembebasan karbon dalam pelbagai sektor termasuklah pengangkutan jarak jauh, kimia dan besi dan keluli, iaitu sektor yang terbukti sukar untuk pembebasan karbon dikurangkan dalam jumlah besar.

Hidrogen adalah sumber tenaga yang boleh digunakan sebagai enjin pembakaran dalaman atau sel bahan api yang tidak membebaskan GHG melainkan produk sampingan haba dan air, apabila dibakar.

Dalam sektor pengangkutan, daya saing kereta disepadukan dengan sel bahan api hidrogen bergantung kepada kos sel bahan api dan stesen isian semula. Manakala untuk trak, fokusnya adalah untuk mengurangkan *delivered price* hidrogen. Sektor perkapalan dan penerbangan udara mempunyai pilihan bahan bakar rendah karbon yang terhad, dan bahan bakar berasaskan hidrogen berpotensi untuk mengisi jurang ini.

Langkah Pelaksanaan

Kerajaan akan berusaha membangunkan ekosistem penggunaan hidrogen yang

pertama di Malaysia khusus untuk industri automotif Bumiputera, yang dianggap sebagai program pembangunan yang memacu perubahan dan akan memberi manfaat kepada perusahaan Bumiputera secara keseluruhannya. Matlamatnya adalah untuk merevolusikan industri tenaga di Malaysia dan membantu membawa negara ke arah ekonomi hijau.

Program pembangunan ini selaras dengan Dasar Inovasi, Teknologi dan Sains Nasional serta Dasar 4IR akan datang, Dasar Nanoteknologi Nasional dan Hala Tuju Teknologi & Ekonomi Hidrogen. Bagi memulakan program pembangunan ini, Kerajaan akan menggunakan Reaktor Atas Kenderaan Hidrogen NanoMalaysia (OBHGR) yang merupakan peralatan penjanaan tenaga *on-site* yang boleh digunakan secara meluas di pelbagai tempat seperti tanah, perairan dan udara. Teknologi ini akhirnya akan dileisenkan kepada pengilang.

Pembiayaan

Jumlah pembiayaan diperlukan untuk program ini dianggarkan bernilai RM30.32 juta. Pembiayaan akan digunakan untuk pembangunan dan pengkomersialan teknologi sel bahan api.

Impak

Sumbangan **GOS** ini dianggarkan berjumlah **RM14 juta** pada tahun 2030 dengan **38** pekerjaan secara langsung dijangka dicipta. Program pembangunan ini juga dijangka menyaksikan pembangunan usahawan Penyelesaian Teknologi (*Deep Tech*) dan menyediakan peluang pekerjaan kepada graduan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan penyelidik.




Rasional

Peningkatan pesat kenderaan elektrik telah berkembang daripada 17,000 buah kereta di atas jalan pada tahun 2010 kepada 7.2 juta buah kereta di atas jalan pada tahun 2019.

Pada tahun 2019, jualan kenderaan EV merekodkan jumlah tertinggi sebanyak 2.1 juta unit, iaitu pertumbuhan 6% berbanding tahun 2018, walaupun jumlah jualan keseluruhan kereta penumpang menurun.

Kebangkitan revolusi EV adalah bersandarkan perkembangan kemajuan teknologi bateri ion lithium, yang membolehkan jarak pemanduan sejauh 400 km -500 km dicapai hanya dengan sekali cas. Susulan pertambahan tekanan ke atas negara-negara dunia untuk mencapai pengecualian karbon menjelang tahun 2050, situasi ini mendorong kenderaan dikuasai bateri ion lithium untuk mengambil alih industri automotif.

Rajah 11: Anggaran Pasaran Bateri Ion Litium APAC (2017 - 2025)
ASD Bilion



Sumber: NVSB Lithium-Ion Energy Storage Market Research Report


Langkah Pelaksanaan

Malaysia merancang untuk mengeluarkan bateri ion lithium dengan teknologi grafen dengan menggunakan sumber minyak kelapa sawit untuk kenderaan elektrik dan barangan elektronik pengguna. Penggunaan grafen akan meningkatkan prestasi dan jangka hayat bateri.

Menerusi NanoMalaysia, Kerajaan akan melaksanakan pelbagai program pengkomersialan dengan tumpuan kepada penggunaan grafen dan pengeluaran bernilai tambah tinggi dibolehkan oleh IP grafen di 5 bidang penggunaan: bateri ion litium, dakwat konduktif, bahan tambah getah, bahan tambah plastik dan cecair nano. Saiz pasaran global grafen dijangka mencecah RM6.16 bilion menjelang tahun 2027, dengan pasaran Malaysia dijangka bernilai RM1.7 bilion pada tahun 2030.

Bermula dari tahun 2021 hingga 2024, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) bateri ion litium berteknologi grafen. Makmal bateri akan ditubuhkan di universiti awam tempatan dan dilengkapi dengan mesin dan peralatan bersesuaian untuk penyelidikan dan pengujian. Ini akan diikuti dengan pengeluaran pukal bateri ion litium bergrafen tahun 2024 hingga tahun 2030, dengan barisan keluaran produk rintis di Institut Genom Malaysia.

Rajah 12: Anggaran Pasaran Bateri Ion Litium Malaysia (2017 - 2025)
RM Juta



Sumber: NVSB Lithium Ion Energy Storage Market Research Report

Pembiayaan

Jumlah pembiayaan diperlukan untuk program ini dianggarkan berjumlah RM116 juta. Pembiayaan awam akan disalurkan untuk R&D; penubuhan makmal dan barisan keluaran produk rintis; serta pembinaan fasiliti.

Impak

Sumbangan **GOS** program ini dianggarkan bernilai **RM263 juta** pada tahun 2030 dengan penciptaan **156** pekerjaan secara langsung.



Rasional

Pasaran motosikal Malaysia berada di kedudukan ke-5 dalam rantau ASEAN, dan ke-13 di seluruh dunia pada tahun 2020, dengan anggaran jualan 500,000 unit setahun. Lebih 60% pegangan pasaran dimiliki oleh 2 syarikat terbesar Jepun: Yamaha dan Honda, diikuti oleh Suzuki dan Kawasaki. Jumlah motosikal berdaftar pada tahun 2030 dijangka mencecah 20.4 juta. Jumlah purata tahunan pendaftaran motosikal adalah 550,709 unit.

Strategi 4.3 Dasar Pengangkutan Nasional (NTP) memberi penekanan khusus kepada mempercepat pelaksanaan inisiatif mobiliti rendah karbon dengan mengurangkan pembebasan karbon dan menggalakkan mobiliti hijau. Dengan penekanan berterusan daripada permintaan global dan intervensi Kerajaan, syarikat Bumiputera berpeluang untuk memacu agenda hijau negara.

Langkah Pelaksanaan

Bermula dari tahun 2021 hingga tahun 2024, Kerajaan akan memberikan bantuan kepada sektor swasta untuk menjalankan R&D berkaitan motosikal elektrik sederhana berkuasa bateri ion litium serta motosikal elektrik sederhana berkuasa sel bahan api hidrogen. Bateri ion litium akan menggunakan sumber grafen dan minyak kelapa sawit. Dari tahun 2024 hingga tahun 2030 pula,

matlamat program pembangunan akan beralih kepada pengkomersialan dan pengeluaran pukal.

Program pembangunan ini akan menjadi batu loncatan untuk menggalakkan penggunaan motosikal elektrik sederhana secara besar-besaran di Malaysia. Ia juga menyumbang kepada matlamat NTP untuk mencapai 45% pengurangan pembebasan GHG pada tahun 2030 dan mengguna pakai bahan api lebih mesra alam seperti biodiesel dan kenderaan elektrik.

Pembiayaan

Jumlah pembiayaan diperlukan untuk program pembangunan ini dianggarkan sebanyak RM19.75 juta. Pembiayaan akan digunakan untuk R&D dan pembinaan kilang termasuk pemerolehan jentera dan peralatan serta bahan mentah.

Impak

Sumbangan **GOS** program pembangunan ini dianggarkan berjumlah **RM189 juta** pada tahun 2030 dengan penciptaan **92** pekerjaan secara langsung. Sasaran program pembangunan adalah untuk mengeluarkan minimum 2,000 motosikal elektrik dan meningkatkan jualan minimum 20% setiap tahun.

PEMBOLEH DAYA

Industri logistik dan pengangkutan di Malaysia mempunyai kekurangan kepakaran dalam mereka bentuk rantaian bekalan, pengurusan gudang bersepadu dan aplikasi teknologi maklumat. Kesemuanya sangat penting dalam proses transformasi ke arah penyatuan sektor perkhidmatan pengangkutan dan logistik. Pada masa yang sama, industri terbukti kekurangan pemandu kenderaan barangan yang berkelayakan dan pelaut berpengalaman disebabkan gaji yang rendah dan kekurangan latihan kemahiran. Secara keseluruhannya, cabaran modal insan ini adalah isu utama yang membelenggu industri logistik dan pembuatan di Malaysia dan ia perlu ditangani segera.

Pemboleh
Daya

#2

**Memperhebat Pembangunan
Modal Insan**

Kerajaan akan melaksanakan program peningkatan kemahiran bagi membolehkan industri logistik dan pengangkutan mengeluarkan lebih ramai pelaut dan pemandu kenderaan barangan yang berkelayakan. Bagaimanapun, ini perlu dituruti dengan komitmen pusat latihan untuk menyediakan penempatan pelatih dengan pemain utama industri bagi terus meningkatkan tarikan graduannya bagi menambah baik kebolehpasaran mereka.

Pemboleh
Daya

#3

**Mengguna Pakai Teknologi
Baharu**

Penubuhan Pusat R&D khas yang memberi tumpuan khusus kepada penyelidikan dan perekaan teknologi baharu untuk industri logistik dan pengangkutan. Dengan penggunaan kajian kecerdasan buatan (AI), Internet Benda (IoT), dan IR4.0, ini boleh menambah baik dan mempercepat proses pengangkutan dan logistik dalam industri. R&D juga perlu merangkumi jabatan Kerajaan khusus untuk mengkaji teknologi lestari sebagai persediaan untuk industri mengguna pakai teknologi baharu lebih lestari. Penyelidikan untuk teknologi lestari baharu dalam industri pengangkutan akan memberi limpahan kesan positif kepada industri lain di Malaysia.

Tema 3:**MENINGKATKAN
PENGLIBATAN
BUMIPUTERA DALAM
INDUSTRI MARITIM,
PERKAPALAN DAN
FERI**Program
Pembangunan

#6

**Penyatuan dan Pengaktifan
Semula Kapal Peronda Pesisir
Pantai (OSV) yang Tersadai****Rasional**

Gabungan kejatuhan harga minyak dan pandemik COVID-19 pada tahun 2020 menyebabkan kejatuhan mendadak pasaran minyak dan gas (O&G). Ini boleh dilihat dalam kejatuhan kadar Kapal Peronda Pesisir Pantai (OSV) dan sewa pajakan. Dianggarkan 40% OSV milik Malaysia sedang tersadai dan pelayaran semulanya memerlukan kos tinggi yang terpaksa ditampung sektor swasta.

Langkah penyatuan bertujuan untuk menyatukan aset tak dipakai, memastikan kemampuan dan meningkatkan daya saing syarikat Bumiputera. Ia juga akan menjana dana untuk membaiki dan menaik taraf aset usang, meneroka potensi penggabungan & pengambilalihan syarikat termasuk melibatkan kepentingan daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) serta meneroka potensi penerahan aset untuk projek PETRONAS.

Langkah Pelaksanaan

Bagi mewujudkan proses kecekapan kos dalam musim pandemik COVID-19, Kerajaan akan menubuhkan konsortium untuk syarikat Bumiputera yang layak untuk menyatukan, mengaktifkan semula dan mengoperasikan OSV sedia ada yang kini tersadai. Pengaktifan semula OSV untuk beroperasi akan dilaksanakan oleh ahli konsortium yang sedang memenuhi kontrak semasa mereka.

Ini termasuk menerusi kerjasama dengan pemilik OSV dan pihak berkepentingan berkaitan untuk mengenal pasti OSV yang layak dan memenuhi keperluan bagi pertimbangan pengaktifan semula, dan memudah cara pembiayaan dalam bentuk geran dan pinjaman mudah.

¹⁶ *Prospek Aktiviti Petronas (PAO) 2021-2023*

TERAJU akan bertindak sebagai pemudah cara perbincangan antara pemilik OSV dan PETRONAS bagi menyokong usahanya untuk menggantikan kapal lama. Pada masa kini, 60% OSV PETRONAS yang masih dalam perkhidmatan berusia sekurang-kurangnya 11 tahun. Had usia kapal adalah selama 15 tahun.¹⁶

Pengaktifan semula OSV yang layak dijangka dapat memenuhi keperluan Syarikat Pelayaran Bumiputera Nasional, menyediakan pekerjaan dalam industri dan mengurangkan risiko kapal tersadai.

Pembiayaan

Jumlah pembiayaan diperlukan untuk program pembangunan ini adalah RM35.99 juta. Dana ini akan disalurkan untuk perjanjian pembiayaan projek, penubuhan pasukan komersial dan pengaktifan OSV.

Impak

Sumbangan **GOS** program pembangunan ini dianggarkan bernilai **RM14.9 juta** pada 2030, dan berpotensi mencipta kira-kira **123** pekerjaan secara langsung.

Program Pembangunan

#7


Peluasan dan Pemodenan Perkapalan dan Kapal Tangki Minyak

Rasional

Malaysia adalah pengeluar kedua terbesar minyak sawit dengan nilai eksport berjumlah RM65.41 bilion pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, hanya 2% daripada eksport ini diangkut menggunakan kapal milik Malaysia. Tambahan pula, peraturan IMO menetapkan bahawa minyak kelapa sawit hanya boleh diangkut menggunakan kapal tangki minyak untuk memudahkan operasi, daya saing, kecekapan dan keselamatan.


Bagi memastikan kepatuhan sewajarnya, Kerajaan akan memberi tumpuan untuk memperluas perkhidmatan perkapalan dan tangki minyak dengan peruntukan RM3.7 bilion yang diumumkan dalam Belanjawan 2021 oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Ini meliputi peruntukan untuk Jabatan Maritim dan Skim Logistik. Kerajaan juga akan menggerakkan Majlis Perkapalan Negara

Rajah 13
Jumlah Perdagangan dalam Perkhidmatan Pengangkutan ASD Juta




*kadar tukaran ASD:RM4.2
 Sumber: MSMP; Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD)

Jumlah Perdagangan dalam Perkhidmatan Pengangkutan Laut (2010 -2018) Freight Weight Juta Tan



Sumber: MSMP; UNCTAD

Rajah 14 : Kapasiti Membawa Mengikut Jenis Kapal
(Ribu *Deadweight Tan*)



Sumber: MCMP; UNCTAD

sebagai kunci utama usaha promosi kapal dan pelaut Malaysia serta memudah cara usaha perolehan modal dan pembiayaan bagi tujuan peluasan dan pemodenan sektor perkapalan negara. Sasaran utama kawasan pasaran adalah Terusan Suez - Lautan Pasifik yang meliputi 14 buah negara termasuk Timur Tengah, Papua New Guinea, ASEAN, Asia Selatan, China, Jepun dan pelabuhan lain yang berkaitan.

Langkah Pelaksanaan

Daripada peruntukan MOF ini, Kementerian mengumumkan bahawa RM500 juta akan dikhususkan kepada usahawan Bumiputera untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam sektor utama. TERAJU mencadangkan sebahagian jumlah ini melalui proses 'Carve-Out and Compete' untuk pemilik kapal dan kapal tangki Bumiputera yang akan digunakan untuk peluasan dan pembaikan aset.

Dana akan diperuntukkan untuk syarikat Bumiputera bagi tujuan perolehan dan sewa pajak kapal bersesuaian dan menggunakan kontrak perkapalan bahan kimia sedia ada (daripada syarikat konsortium) untuk pengembalian kapal dan sokongan operasi.

Majlis Minyak Sawit Malaysia juga akan menyediakan kemudahan untuk mendapatkan bekalan dagangan Minyak Sawit Mentah (CPO) dengan pengambilan permulaan minimum 700,000 tan.

Pembiayaan

Anggaran jumlah pembiayaan diperlukan untuk program ini adalah RM258.18 juta. Dana ini akan disalurkan untuk mengenal pasti kapal bersesuaian untuk operasi.

Impak

Sumbangan **GOS** program pembangunan ini dianggarkan berjumlah **RM38.6 juta** pada tahun 2030 dan berpotensi mencipta **147** pekerjaan secara langsung.

Program
Pembangunan

#8

Menggerakkan Perkhidmatan
Feri Bumiputera antara
Pelabuhan Malaysia dan
Indonesia

Rasional

Terdapat permintaan penumpang yang tinggi

bagi pelabuhan Malaysia dan Indonesia, seperti digambarkan dengan jumlah 12 pelabuhan di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, perkhidmatan itu pada masa sekarang dimonopoli oleh pengendali Indonesia yang menguasai hampir 97% pasaran. Permintaan dianggarkan mencecah 150,000 penumpang sebulan (kebanyakan penumpang adalah warga Indonesia). Tambahan lagi, peraturan dan dasar maritim Indonesia membolehkan pengendali feri Indonesia memberi perkhidmatan dengan kos operasi rendah dengan menguasai jualan tiket.

Bagi memastikan ruang persaingan yang adil, konsortium Syarikat Pelayaran Bumiputera akan membentuk armada feri penumpang untuk memenuhi peningkatan permintaan yang seterusnya akan mencipta lebih peluang pekerjaan bagi pekerja Malaysia dan Bumiputera. Matlamatnya adalah untuk membentuk usaha sama dengan pengendali feri Indonesia. Usaha sama ini dibuat dengan hasrat memecah halangan kemasukan dikenakan pengendali feri Indonesia seterusnya memperkenalkan penggunaan kapal yang lebih moden berbanding dengan kapal yang digunakan sekarang.

Kerajaan meletakkan matlamat untuk meningkatkan penglibatan usahawan Bumiputera dalam industri feri pada tahun 2030, dengan sasaran 14 syarikat Bumiputera mengendalikannya 50 buah feri milik Malaysia di perairan ini.

Langkah Pelaksanaan

Kerajaan akan meneroka peluang usaha sama dengan pengendali feri Indonesia untuk memecahkan halangan masukan termasuk melalui kerjasama dengan konsortium Indonesia. Ini akan membuka jalan kepada penggunaan feri moden dengan kos operasi yang lebih rendah hasil daripada kecekapan bahan api, kapasiti tinggi dan kelengkapan keselamatan. Kerajaan juga akan memastikan Malaysia meraih manfaat dengan mengenakan 50% syer pasaran dalam pemilikan feri menerusi Jabatan Laut Johor dan menguat kuasa pendaftaran wajib untuk feri yang membawa bendera Malaysia.


Pembiayaan

Anggaran jumlah pembiayaan untuk program

ini adalah RM20.67 juta. Dana akan disalurkan untuk pemilihan rakan feri, pelabuhan untuk beroperasi dan penyewaan feri aluminium.

Impak

Sumbangan **GOS** program pembangunan ini dianggarkan berjumlah **RM29 juta** pada tahun 2030. Ia akan mencipta **55** pekerjaan secara langsung, merangsang ekosistem keseluruhan operasi feri dan mengurangkan baki defisit pembayaran.



Rasional

Kontrak konsesi pengorekan dikeluarkan oleh MOT dan MOF untuk pelabuhan di Malaysia. Kontrak konsesi selalunya selama 15 tahun dan dianggarkan bernilai RM5 bilion. Kontrak termasuk modal dan penyelenggaraan pengorekan, dan kerja berkaitan lain seperti lapis-lindung, pembinaan tembok penahan ombak dan penyuburan pantai.

Kerajaan berhasrat melahirkan pemain industri Bumiputera yang mampu untuk bersaing di pasaran global dan tempatan. TPB2030 akan memudah cara pembiayaan dengan bank, peminjam dan bakal pelabur bagi memastikan kemampuan perusahaan.

Langkah Pelaksanaan

Kerajaan akan mengenal pasti beberapa syarikat untuk melakukan projek pengorekan. TERAJU akan bertindak sebagai pemudah cara Kerajaan bagi membentuk konsortium terdiri daripada syarikat terpilih dengan rekod kerja baik. Ini boleh dilakukan menerusi penggabungan dan pengambilalihan untuk memperkemas operasi dan memastikan kemampuan perusahaan.

TPB2030 mencadangkan MOF dan MOT untuk melaksana proses 'Carve-Out and Compete' kontrak konsesi bagi syarikat Bumiputera. Pihak berminat (termasuk Konsortium Bumiputera) akan dijemput untuk terlibat



dalam proses tender tertutup. Konsortium juga akan memastikan pematuhan komitmen untuk membangunkan bakat tempatan menerusi program latihan amali dan latihan yang lain.

Pembiayaan

Jumlah anggaran pembiayaan yang diperlukan untuk program pembangunan ini adalah sebanyak RM434.16 juta. Ini akan disalurkan untuk pengambilalihan dan tambah baik jentera dan peralatan pengorekan.

Impak

Program pembangunan ini akan menyaksikan sumbangan **GOS** sebanyak **RM406 juta** pada tahun 2030, dengan penciptaan **324** pekerjaan secara langsung.

Pemboleh
Daya

#4

Membentuk Konsortium untuk Membolehkan Rangkaian Lebih Besar bagi PKS Bumiputera

perlu diberikan ruang untuk meluaskan bidang operasi. Pendekatan utama adalah dengan menggalakkan perusahaan untuk bekerjasama mencapai matlamat bersama. Ini biasanya dilakukan secara usaha sama (*partnerships*) atau membentuk konsortium yang kemudiannya menerajui usaha memiliki lebih banyak pegangan pasaran nasional dan serantau. Kerjasama ini boleh berusaha untuk membida kontrak jangka masa panjang untuk memaksimumkan peluang ekonomi.

Kerajaan akan melaksanakan inisiatif untuk menggalakkan syarikat PKS beroperasi dalam bidang logistik untuk mempertimbang pembentukan konsortium bagi meraih ekonomi bidangan. Ini juga membolehkan mereka untuk berhubung dan membentuk rangkaian seterusnya melengkapinya fasiliti pengangkutan setiap syarikat berbanding bersaing sesama sendiri. Selain itu, PKS ini boleh membida *Carve-Out and Compete* untuk kontrak bidangan atau jangka masa panjang yang tidak mampu dibida sendiri.

Bagi mempercepat penglibatan perusahaan Bumiputera dalam industri, mereka



STRUKTUR TADBIR URUS

KEGA Logistik, Pengangkutan dan Mobiliti Lestari dicadangkan akan dipantau oleh Jawatankuasa Pemerkasaan Agenda Bumiputera (JPAB), dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha MOT. Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB) dicadangkan akan bertindak selaku sekretariat untuk JPAB dan akan memastikan semakan bulanan untuk memberikan maklum balas, panduan dan penilaian berterusan untuk perkembangan program pembangunan.

JPAB MOT

Pengerusi JPAB Ketua Setiausaha

Ahli Tetap

- Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian berkaitan
- KPE dan Pengarah Agensi berkaitan

Ahli Jemputan

- Kementerian/Agensi sokongan yang berkaitan
- Pihak Berkepentingan Utama
- Pemilik Program Pembangunan

Sekretariat:

- MOT
 - UPAB
-

Jawatankuasa Pemerkasaan Agenda Bumiputera (JPAB)

Pertemuan sebulan sekali

- Menjadi platform penyelaras kepada KEGA
- Memantau perkembangan program pembangunan dan KPI
- Membuat keputusan dan memberi panduan
- Menyelesaikan masalah dan isu secara menyeluruh

Pengerusi UPAB Pengarah/ Setiausaha Bahagian

Ahli Tetap

- Kementerian/Agensi Pelaksana
- Pemilik Program Pembangunan

Ahli Jemputan

- Kementerian/Agensi sokongan yang berkaitan
- Pihak Berkepentingan Utama

Sekretariat:

- MOT
 - UPAB
-

Peringkat Kerja UPAB

Pertemuan setiap dua minggu sekali

- Untuk memudah cara dan memantau pelaksanaan program pembangunan
- Berbincang dan menyelesaikan isu pelaksanaan sebelum di bawa kepada JPAB

KESIMPULAN

Pelaksanaan program pembangunan di bawah KEGA Logistik, Pengangkutan & Mobiliti Lestari akan menyumbang RM15.86 juta GOS untuk Bumiputera pada tahun 2030, mencipta 5,883 pekerjaan secara terus. Sasaran ini akan disampaikan menerusi tema strategik yang akan memacu penglibatan dan prestasi Bumiputera dalam industri logistik, pengangkutan dan mobiliti lestari di peringkat global, serantau dan tempatan. Menerusi program pembangunan yang dikenal pasti, pemain Bumiputera akan mampu meluaskan operasi dan keupayaan teknologi, terlibat dalam projek nasional dan menembusi pasaran antarabangsa. Aspirasi TPB2030 adalah untuk melahirkan pemain Bumiputera yang mampu bersaing di pentas serantau dan dunia, menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi 'Gerbang Asia'.

No

01.1

01.2

01.3

02

03

04

05

06

07

08

09

Program Pembangunan	GOS (pada 2030) dan Pembiayaan & Pekerjaan (menjelang 2030)
Juara Logistik Bumiputera Nasional	GOS: RM3.99 bilion Jumlah Pembiayaan: RM13.55 bilion Pekerjaan : 3,268
Juara Logistik Bumiputera Serantau	GOS: RM9.36 bilion Jumlah Pembiayaan: RM14.97 bilion Pekerjaan : 180
Malaysia Sebagai Hab Logistik Serantau	GOS : RM1 bilion Jumlah Pembiayaan: RM2 bilion
Hab Logistik Utara - Pelabuhan Darat Perlis (PIP)	GOS: RM550 juta Jumlah Pembiayaan: RM449.5 juta Pekerjaan: 1,500
Penggunaan Teknologi Hidrogen	GOS: RM14 juta Jumlah Pembiayaan: RM30.32 juta Pekerjaan: 38
Pusat Bateri Malaysia	GOS: RM263 juta Jumlah Pembiayaan: RM116 juta Pekerjaan: 156
Menerajui Mobiliti Hijau	GOS: RM189 juta Jumlah Pembiayaan: RM19.75 juta Pekerjaan: 92
Penyatuan dan Pengaktifan Semula Kapal Peronda Pesisir Pantai yang Tersadai	GOS: RM14.9 juta Jumlah Pembiayaan: RM35.99 juta Pekerjaan: 123
Peluasan dan Pemodenan Perkapalan dan Kapal Tangki Minyak	GOS: RM38.6 juta Jumlah Pembiayaan: RM258.18 juta Pekerjaan: 147
Menggerakkan Perkhidmatan Feri Bumiputera antara Pelabuhan Malaysia dan Indonesia	GOS: RM29 juta Jumlah Pembiayaan: RM20.67 juta Pekerjaan: 55
Membangunkan Syarikat Pengendali Kapal Korek Milik Bumiputera Yang Tersohor	GOS: RM406 juta Jumlah Pembiayaan: RM434.16 juta Pekerjaan: 324

Pembuatan



10
Program
Pembangunan

**RM29.59
bilion**
GOS 2030


145,225
Pekerjaan
Langsung

**RM19.08
bilion**
Jumlah
Pelaburan

Tema 1:
MEMBANGUNKAN PRODUK
PEMBUATAN BERNILAI TAM-
BAH TINGGI

Tema 2:
MENUKAR SISA KEPADA
TENAGA

Tema 3:
MEMPERKASA PENGELUAR
BUMIPUTERA TEMPATAN



RINGKASAN EKSEKUTIF



Sektor pembuatan global terus menyumbang kepada pertumbuhan perdagangan dunia. Pada masa ini dua (2) kuasa besar: China dan Amerika Syarikat (AS) mendahului sektor ini. Kedua-dua negara ini mengeluarkan tiga (3) produk eksport terbesar: mesin dan peralatan elektrik; komputer; dan bahan bakar mineral dan minyak. Trend global menunjukkan bahawa 3 sub sektor pembuatan dan berkaitan bersedia mencapai pertumbuhan yang sihat bagi dekad seterusnya, iaitu kenderaan elektrik (EV), produk farmasi, dan tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*).⁰¹ Trend ini akan mendorong perubahan struktur dalam sektor pembuatan di seluruh dunia.

Di Malaysia, sektor pembuatan memainkan peranan penting dalam transformasi ekonomi negara. Malaysia terus menarik pelaburan besar ke seluruh sektor pembuatan kerana kepelbagaian ekonomi, asas pembuatan yang kukuh, infrastruktur dan kesalinghubungan termaju, dasar proaktif Kerajaan, dan ketersediaan tenaga kerja.

Bagaimanapun, penyertaan perusahaan Bumiputera dalam sektor penting ini kurang akibat peningkatan persaingan luar dan sumber daya yang terhad untuk pertumbuhan. Walaupun begitu, sektor pembuatan masih mempunyai ruang untuk peningkatan dan pertumbuhan di pasaran.

Oleh itu, Kerajaan telah mengenal pasti sektor pembuatan sebagai Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA). Di dalam KEGA ini, 10 program pembangunan di bawah 3 tema strategik telah dikenal pasti untuk mendorong perusahaan Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi dengan memberi mereka peluang untuk menunjukkan bakat mereka, bekerjasama dalam pelbagai arena, dan membawa idea unik ke tahap global. Kejayaan pelaksanaan program-program pembangunan di bawah KEGA Pembuatan akan menyumbang Lebihan Kendalian Kasar (GOS) berjumlah RM29.59 bilion kepada Bumiputera pada tahun 2030, mencipta 145,225 pekerjaan langsung.


⁰¹ Statista; *The Global Pharmaceuticals Market Report*



LATAR BELAKANG

Pada tahun 2018, pembuatan adalah pemacu utama ekonomi global dengan keluaran ASD14 trilion, menyumbang 15.4% kepada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global. China merupakan penyumbang terbesar pengeluaran pembuatan global pada tahun 2018 dengan menyumbang 28.4% pasaran global atau ASD4 trilion. Sumbangan China kepada sektor pembuatan global jauh melebihi negara-negara lain, dengan Amerika Syarikat (AS) di tempat kedua hanya menyumbang 16.6% pegangan pasaran.⁰² Di peringkat global, 3 produk eksport terbesar adalah mesin dan peralatan elektrik, komputer, dan bahan bakar mineral dan minyak, bersama-sama menghasilkan keluaran sebanyak ASD7.01 trilion. Di rantau Asia Tenggara, penyumbang terbesar sektor pembuatan global adalah Indonesia. Dengan pengeluaran ASD221 bilion, ia merupakan ekonomi perkilangan ke-11 terbesar di dunia.


Rajah 1.1: 10 Negara Teratas mengikut Hasil Pembuatan (2018)
% daripada Hasil Pembuatan Global



Sumber: Agensi Risikan Pusat (CIA)

Trend global menunjukkan bahawa 3 subsektor pembuatan dan berkaitan bersedia untuk mencapai pertumbuhan yang sihat pada dekad berikutnya, iaitu EV, produk farmasi, dan tenaga boleh diperbaharui.⁰³


Rajah 1.2: Produk Eksport Terkemuka Dunia (2019)
ASD Bilion



Sumber: United Nations Statistics Division (UNSD)

Trend #1: Pengeluaran EV meningkat sebanyak 40.3% Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompau (CAGR) tahun 2016 hingga tahun 2020, dengan Tesla mencatatkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 46% bagi tempoh yang sama.


Rajah 2.1: Jualan Kenderaan Elektrik Ringan Plug-in Seluruh Dunia (2016-2020)
Juta Unit



Sumber: Statista


Rajah 2.2 : Jualan Kereta Elektrik Plug-in Seluruh Dunia (2020)

Unit



Rajah 2.3 : Perolehan Tesla (2016-2020)

ASD bilion



Sumber: Statista


⁰² Agensi Risikan Pusat (CIA); United Nations Statistics Division (UNSD)

⁰³ Statista; The Global Pharmaceuticals Market Report

Trend #2: Pasaran farmaseutikal global telah berkembang sebanyak 3.9% dari tahun 2015 hingga tahun 2019, yang didukung oleh Onkologi, Antidiabetes, dan Terapi Pernafasan.


Rajah 3.1 : Perolehan Sektor Farmaseutikal Global (2015-2019)

ASD Bilion



Rajah 3.2 : 10 Kategori Terapeutik Teratas Mengikut Jualan (2018)


ASD Bilion




Sumber: Statista

Trend #3: Pengeluaran tenaga daripada sisa pepejal semakin meningkat, dengan penjanaan elektrik daripada biojisim meningkat pada kadar yang jauh lebih pantas.

Rajah 4.1 : Pengeluaran Sisa Bandar Global untuk Tenaga (2015-2018)
Exajoule



Rajah 4.2 : Penjanaan Elektrik Biojisim Global (2015-2018)
Terawatt-jam




Sumber: Statista

Trend ini akan mendorong perubahan struktur dalam sektor pembuatan di seluruh dunia.


Rajah 5.1 : Saiz Pasaran Global bagi Kenderaan Elektrik (2017 vs 2030)
ASD Billion

Ramalan berdasarkan data daripada Statista




Rajah 5.2 : Pasaran Farmaseutikal Global (2019 vs 2030)
ASD Billion

Ramalan berdasarkan data daripada Statista



Rajah 5.3 : Saiz Pasaran Global bagi Tenaga Boleh Diperbaharui (2017 vs 2030)
ASD Billion


Ramalan berdasarkan data daripada Statista




Sumber: Statista

Pada peringkat domestik, Malaysia mempunyai sektor pembuatan yang berkembang dengan menyaksikan CAGR bagi tempoh lima (5) tahun sebanyak 4.78% antara tahun 2015 dan tahun 2019. Sektor ini menyumbang 22.25% kepada KDNK nasional pada tahun 2019, menjadikannya sektor ekonomi kedua terbesar selepas perkhidmatan. Ia dijangka akan terus berkembang dengan kadar yang stabil.⁰⁴

Rajah 6.1 : Sumbangan KDNK mengikut Sektor (2019)
*Harga Kekal 2015
% KDNK




Rajah 6.2 : Sumbangan KDNK mengikut Sektor* Harga Kekal (2016-2020)
RM Bilion




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Sektor pembuatan Malaysia menyaksikan pertumbuhan purata 5.1% setiap tahun dari RM254.7 bilion pada tahun 2016 kepada RM312.5 bilion pada tahun 2020. Pertumbuhan ini adalah jauh lebih pantas daripada tahun 2011 hingga tahun 2015. Dari segi tenaga buruh, sektor ini menggunakan 20% tenaga kerja negara, dengan 57.9% penggajian oleh syarikat besar dan baki 42.1% oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7. Sebanyak 75% pekerja dalam sektor pembuatan adalah pekerja separuh mahir. Baki 7% adalah tenaga tidak mahir, dan selebihnya 16% adalah pekerja mahir. Dari segi kebergantungan buruh asing, 24% tenaga kerja sektor ini adalah bukan rakyat Malaysia.⁰⁵

Rajah 7.1 : Sumbangan dan Pertumbuhan KDNK bagi Sektor Pembuatan Malaysia *harga kekal 2015 (2011-2020)
RM Juta dan %



Rajah 7.2 : Komposisi Tenaga Kerja Sektor Pembuatan Malaysia (2016)
% Jumlah Tenaga Kerja



* Berdasarkan Senarai Pekerjaan Piawai Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013, rujukan Banci Ekonomi 2016

Sumber: Dasar Industri Nasional 4.0, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI),

Pandemik COVID-19 telah memberi impak negatif yang besar terhadap ekonomi global, termasuk Malaysia. Pada tahun 2020, Pertumbuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) melaporkan bahawa KDNK sebenar global menguncup sebanyak 3.4%. Walau bagaimanapun, prospek untuk tahun 2021 dan tahun 2022 adalah positif dengan OECD menjangkakan pemulihan ekonomi bagi pertumbuhan KDNK sebanyak 5.6% dan 4% untuk kedua-dua tahun tersebut. Walaupun KDNK Malaysia menurun sebanyak 5.6% pada tahun 2020, prestasi sektor pembuatan

⁰⁴ Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

⁰⁵ Ibid

masih kukuh dan menjadi sektor kedua yang paling kurang terkesan pada tahun 2020. Sebagai contoh, pengeluar sarung tangan, pakaian perlindungan diri (PPE) dan peralatan perubatan mencatatkan peningkatan penjualan yang ketara dalam tempoh yang sama.

Sektor pembuatan dijangka pulih pada tahun 2021 dengan sumbangan sebanyak 7% kepada pertumbuhan KDNK. Ia akan terus menjadi penyumbang utama pertumbuhan ekonomi Malaysia, setaraf dengan sektor perkhidmatan dan sektor pembinaan.

KES UNTUK INTERVENSI

Status Malaysia sebagai destinasi pelaburan kini dicabar oleh ekonomi serantau berikutan tawaran kos pasaran buruh yang jauh lebih rendah bagi sektor pembuatan. Situasi ini telah mempengaruhi kadar produktiviti dan kemampuan sektor pembuatan negara untuk berdaya saing di pasaran global. Sepertimana yang dilaporkan oleh Malaysia Productivity Corporation (MPC), pertumbuhan produktiviti tenaga kerja Malaysia adalah pada kadar 3.5% iaitu lebih rendah berbanding dengan ekonomi baru seperti China (7.1%), India (5.6%) dan Thailand (4.0%). Hanya empat (4) subsektor pembuatan yang melepasi tahap produktiviti RM100,000 bagi setiap pekerja; subsektor tembakau, petroleum, bahan kimia dan kimia.

Faktor tahap produktiviti rendah berpunca daripada 4 isu utama: kekurangan budaya inovasi, daya saing yang lemah, amalan tenaga buruh dan pemboleh daya yang tidak mencukupi. Inovasi tidak dibangunkan secukupnya kerana pengeluar tidak sanggup membuat pelaburan awal untuk menambah baik produk dan proses. Hal ini disebabkan oleh kebimbangan akan gangguan pengeluaran dan kepuasan pada tahap operasi yang sedia ada. Ketidakmampuan menambah nilai oleh pengusaha PKS adalah disebabkan kurang menerima maklumat berkenaan kepentingan harta intelek atau tidak mahu

melabur dalam proses mempatenkan produk mereka. Kemampuan daya saing pengeluar PKS terjejas disebabkan mereka tidak mampu memenuhi standard global, yang trendnya kini menuju ke arah pembuatan produk hijau yang diperakui serta mesra alam. Oleh itu, pengeluar PKS tidak dapat mempelbagaikan pasaran eksport. Dalam usaha membina rangkaian antara syarikat multinasional (MNC) dan PKS, kelemahan PKS dalam memenuhi standard MNC telah menghalang penyertaan dalam ekonomi global.

Pengambilan buruh dalam sektor pembuatan sangat bergantung kepada tenaga kerja asing yang murah dan berkemahiran rendah. Centre for Entrepreneur Development and Research (CEDAR) melaporkan bahawa 42% pekerja asing bekerja di sektor pembuatan. Akses kepada buruh asing yang murah dengan kos perniagaan yang minimum telah mengakibatkan industri lebih cenderung melabur dalam buruh asing berbanding teknologi dan automasi yang boleh menghasilkan produktiviti yang lebih tinggi. Kebergantungan kepada buruh asing ini adalah tidak mampan dan kebanyakan negara jiran yang sedang mengalami urbanisasi yang pesat, mulai menjadi destinasi pilihan bagi pelaburan buruh berkost rendah. Kewujudan tenaga kerja berpendidikan dan berkemahiran tinggi merupakan antara cabaran pengambilan buruh dalam sektor pembuatan.

Halangan kemasukan syarikat pembuatan dianggap rumit kerana faktor perolehan pembiayaan dan kelulusan yang sukar. Sebilangan besar projek pembuatan memerlukan perbelanjaan modal yang tinggi (CAPEX) kerana mereka sering melaksanakan pembinaan kilang dengan unit kuasa dan pelbagai barisan pemasangan. Sebagai contoh, kilang pembuatan sarung tangan getah dengan 12 barisan pengeluaran termasuk mesin berat seperti dandang, penyejuk, pemampat, dan rawatan air sisa berharga lebih kurang RM150 juta. Kemampuan untuk mendapatkan pinjaman dan kemudahan pembiayaan lain untuk pengusaha dan inovator pertama adalah sukar kerana mereka tidak mempunyai deposit / cagaran, atau rekod prestasi yang diperlukan untuk lulus penilaian pinjaman. Di samping itu, projek pembuatan memerlukan tempoh pulangan modal yang lebih lama iaitu setelah

mencapai skala ekonomi di dalam pasaran. Pada masa yang sama, projek pembuatan memerlukan pelbagai kelulusan seperti lesen pembuatan (ICA1), hak milik tanah, kelulusan pembinaan dan pembangunan, permit import (untuk bahan mentah), permit eksport, dan pendaftaran produk (contohnya Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) untuk farmaseutikal dan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) untuk alat perubatan), permohonan ekspatriat dan pekerja asing. Proses permohonan sering terjejas dengan birokrasi akibat pertindihan bidang kuasa Kementerian dan Agensi yang sering menyebabkan kelewatan permulaan projek.

Keadaan semasa sektor pembuatan di Malaysia juga menunjukkan penyertaan yang rendah daripada perusahaan Bumiputera. Pada masa ini, syarikat Bumiputera hanya mewakili 34% pasaran pembuatan, berdasarkan ukuran sampel 100 syarikat tersenarai awam⁰⁶ dengan anggaran nilai tambah RM18.4 bilion dari tahun 2015 hingga tahun 2019 atau kira-kira RM46 bilion dalam unjuran 10 tahun. Intervensi strategik ini adalah bagi memudahkan pertumbuhan dan kemasukan pasaran pengusaha Bumiputera di sektor berpotensi tinggi ini.

VISI

Visi Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) adalah untuk mempertingkatkan sumbangan syarikat Bumiputera terhadap sektor pembuatan, penyertaan mereka dalam peluang pasaran baharu dan mewujudkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Di samping itu, usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) akan dipergiatkan untuk membolehkan syarikat Bumiputera dapat bersaing dengan lebih agresif dengan pengeluar lain di peringkat tempatan dan global.

Terdapat 3 subsektor yang telah dikenal pasti mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi untuk syarikat pembuatan Bumiputera, iaitu sektor automotif, sektor farmaseutikal, dan sektor kekayaan daripada sisa pepejal

(*waste-to-wealth*). Pada tahun 2020, sektor automotif Malaysia mencatat penjualan sebanyak RM67 bilion daripada kenderaan, alat ganti, dan aksesori perkilangan dan memberi peluang pekerjaan kepada 355,000 pekerja. Namun, bagi pembuatan EV, Malaysia masih ketinggalan berbanding sasaran yang ditetapkan dalam *National Electric Mobility Blueprint*. Ini bermaksud terdapat banyak peluang untuk pemain industri Bumiputera terlibat dalam sektor pembuatan kenderaan elektrik. Dalam sektor farmaseutikal, prestasi perdagangan Malaysia mencatat pertumbuhan yang tinggi sebanyak 8.3% dari tahun 2016 hingga tahun 2020. Pada masa yang sama, perbelanjaan swasta dan Kerajaan bagi perkhidmatan kesihatan meningkat pada kadar yang sihat sekitar 6.5%, menandakan permintaan yang tinggi dan berterusan untuk produk kesihatan. Peningkatan sisa pembuangan sampah di Malaysia mendorong Kerajaan untuk mencari alternatif kepada pengurusan sisa pepejal (*waste-to-wealth*). TPB2030 telah mengenal pasti syarikat Bumiputera dengan kemampuan teknologi untuk memberikan penyelesaian yang mampan.

Di bawah KEGA ini, 10 program pembangunan di bawah 3 tema strategik telah dikenal pasti untuk mendorong perusahaan Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi dengan memberikan mereka peluang menunjukkan kepakaran berkolaborasi dalam pelbagai arena, dan membawa idea baharu ke tahap global. Kejayaan pelaksanaan program pembangunan di bawah KEGA Pembuatan akan menyumbang GOS berjumlah RM29.59 bilion pada tahun 2030, dan mewujudkan 145,225 peluang pekerjaan secara langsung.

⁰⁶ Bursa Malaysia

“

Kejayaan pelaksanaan program pembangunan di bawah KEGA Pembuatan akan menyumbang kepada GOS bernilai RM29.59 bilion pada tahun 2030, dan mencipta 145,225 pekerjaan langsung kepada sektor ini. ”



PROGRAM PEMBANGUNAN

Bagi mencapai visi ini, TPB2030 akan memfokuskan usaha bagi memperkasa pengeluar Bumiputera tempatan untuk mengembangkan penyelesaian pintar, membangunkan produk pembuatan bernilai tinggi untuk eksport dan menukar sisa pembuatan menjadi tenaga, yang diwakili 3 tema.

Tema 1:

MEMBANGUNKAN PRODUK PEMBUATAN BERNILAI TAMBAH TINGGI

Dengan pertumbuhan ekonomi berasaskan perkhidmatan, peluang perniagaan dan pelaburan akan lebih tertumpu dalam bidang pembuatan bernilai tinggi. Terdapat banyak peluang yang boleh dimanfaatkan oleh syarikat tempatan dan asing dalam sektor ini terutamanya dalam memastikan sistem ekonomi dalam negara ini terus dikekalkan.

Sebagai sebuah ekonomi bertemakan perdagangan, fokus perlu diutamakan kepada sektor pembuatan dengan membangunkan produk bernilai tinggi bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti jumlah eksport Malaysia untuk memastikan pertumbuhan negara lebih mampan.

Program Pembangunan
#1
Mengeksport Produk Farmaseutikal ke Negara-Negara OIC

Program Pembangunan
#2
Memastikan Pendaftaran Perubatan Galenikal yang Dikeluarkan Kerajaan

Program Pembangunan
#3
NAP 2020 - Pembangunan Kenderaan Generasi Masa Depan (NxGV)

Program Pembangunan
#4
Malaysia sebagai Hab Pembuatan 3D

Pemboleh Daya
#1
Sokongan dan Intervensi Kerajaan

Program Pembangunan
#5
Penukaran Sisa Perbandaran kepada Tenaga (*Waste to Energy*)

Program Pembangunan
#6
Penukaran Sisa kepada Bahan (*Waste to Materials*) dan Tenaga (*Waste to Energy*)

Program Pembangunan
#7
Penukaran Sisa Plastik kepada Bahan Bakar

Pemboleh Daya
#2
Sokongan Perbelanjaan Modal (CAPEX)

Pemboleh Daya
#3
Dana Teknologi Hijau

Pemboleh Daya
#4
Infrastruktur Hijau

Tema 2: MENUKAR SISA KEPADA TENAGA

Potensi Malaysia bagi penjaan sektor tenaga lestari masih lagi diperdebatkan sehingga kini. Menurut laporan penyelidikan oleh akademik tempatan, sisa pepejal bandar (MSW) di negara ini dijangka akan mengalami kenaikan kadar penghasilan tahunan sebanyak 3.3% seiring dengan kenaikan 3.3% untuk tenaga elektrik. Di Malaysia, kebanyakan tapak pelupusan sampah adalah tempat pembuangan sampah terbuka dan 89% MSW yang terkumpul di tapak pelupusan sampah. Fokus utama sekarang tertumpu kepada penukaran sisa pepejal bandar kepada tenaga (WtE). Penggunaan teknologi WtE dalam menangani MSW berpotensi memberikan pelaburan ekonomi yang tinggi dalam jangka masa yang panjang.

Tema 3: MEMPERKASA PENGELUAR BUMIPUTERA TEMPATAN

Pengusaha tempatan mempunyai kepakaran menghasilkan penyelesaian inovatif untuk masalah yang dihadapi masyarakat. Dengan sokongan jitu Kerajaan, perusahaan Bumiputera tempatan akan diperkasa untuk melaksanakan projek yang memberi manfaat kepada masyarakat Malaysia.



Pengusaha Bumiputera akan menggunakan kemahiran inovatif untuk menjalankan projek yang menawarkan penyelesaian pintar bagi kehidupan bandar, terutamanya dalam pasca norma baharu COVID-19. Program-program pembangunan yang akan diberi penekanan tertumpu kepada jaminan keselamatan keseluruhan kepada masyarakat dan penjimatan kos yang lebih signifikan kepada Kerajaan.

Program
Pembangunan
#8

**Penghasilan Penyelesaian
AnanoCoat sebagai Penyah
Kuman yang Berkesan untuk
Memerangi Patogen Udara**

Program
Pembangunan
#9

**Menaik Taraf Lampu Jalan
Perbandaran dengan Lampu
Jalan LED Menggunakan
Teknologi Pembuatan
Tempatan**

Pemboleh
Daya
#5

Sokongan Kerajaan

Tema 1:

MEMBANGUNKAN PRODUK PEMBUATAN BERNILAI TAMBAH TINGGI



Rasional

Malaysia sebagai negara yang diiktiraf dalam pembangunan produk Halal mempunyai peluang besar untuk memasuki pasaran farmasi generik dalam kalangan negara Organisasi Kerjasama Islam (OIC) yang kini bernilai lebih daripada ASD100 bilion.

Selain Jordan, negara-negara OIC mendapatkan ubat dari negara-negara Barat. Namun, keadaan ini terjejas berikutan situasi pandemik COVID-19 yang telah merencatkan aktiviti perdagangan dan ekonomi global. Oleh kerana negara-negara ini sangat bergantung pada ubat-ubatan yang diimport, gangguan pada rantai bekalan juga memberi kesan kepada tahap keselamatan negara.

Oleh itu, ini adalah peluang besar bagi Malaysia sebagai negara anggota OIC untuk menyediakan platform bagi membolehkan bekalan ubat generik secara berterusan tanpa gangguan kepada negara-negara Majlis Kerjasama Negara-Negara Teluk (GCC) di mana kebanyakan negara anggota GCC juga merupakan negara ahli OIC.

Malaysia mempunyai peluang ini kerana ia merupakan satu-satunya negara OIC yang mematuhi kumpulan *Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme* (PIC/S)

yang juga menerapkan peraturan Amalan Pengilangan Barangan Semasa (CGMP). Tambahan pula, industri farmaseutikal Malaysia dikawal rapi oleh NPRA yang memastikan pematuhan terhadap CGMP. Ketika ini, industri ini didominasi oleh bakat dan perusahaan farmaseutikal Bumiputera yang mengambil langkah proaktif untuk menghasilkan ubat-ubatan Halal.

Langkah Pelaksanaan

Kerajaan berhasrat untuk mengadakan kerjasama berteknologi tinggi dengan negara-negara OIC untuk membawa masuk pelaburan mereka dalam inisiatif ini yang akan menjamin bekalan ubat-ubatan.

Program pembangunan ini bertujuan untuk mewujudkan 60 kemudahan farmasi berprestasi tinggi di satu lokasi dalam 3 fasa. Ini juga akan membuka jalan untuk mewujudkan subkategori baharu seperti Farmaseutikal Halal. Kemudahan tersebut akan menerima pengesahan daripada 3 badan kawalan perubatan iaitu Pentadbiran Makanan dan Ubatan AS (FDA), Agensi Penilaian Ubat-ubatan Eropah (EMA) dan Pentadbiran Barangan Rawatan Terapi Australia (TGA).


Untuk mengaktifkan program pembangunan tersebut, Kerajaan harus mengiktiraf sektor farmasi sebagai industri strategik dan menubuhkan syarikat induk untuk program ini bagi mengumpulkan dana dan menarik pelabur.

Pembiayaan

Jumlah dana yang diperlukan untuk program ini adalah sekitar RM8.68 bilion, dan sebahagian daripada pembiayaan ini akan digunakan untuk pembangunan infrastruktur awam dan suntikan modal untuk penyediaan pegangan syarikat.

Impak

Sumbangan **GOS** program ini dianggarkan berjumlah **RM4.9 bilion** pada tahun 2030, dengan potensi mewujudkan **20,460** peluang pekerjaan secara langsung. Program ini juga berpotensi untuk menjamin pelaburan **ASD3 bilion** dan menjana eksport ubat **ASD6.5 bilion** setahun menjelang tahun 2030.



Rasional

Ubat-ubatan galenikal disediakan dengan mengekstrak satu atau lebih bahan aktif daripada tumbuh-tumbuhan atau dihasilkan menerusi proses yang tidak menyingkirkan lengai atau melarutkan kandungan tidak diinginkan dalam tumbuhan. Pada masa ini, terdapat lebih daripada 200 ubat-ubatan tersebut yang masih dihasilkan oleh jabatan farmasi di hospital Kerajaan kerana kekurangan bekalan komersial. Walau bagaimanapun, jabatan farmasi tidak dilengkapi dan dibangunkan dengan baik untuk memenuhi standard pembuatan CGMP. Sebagai anggota PIC/S, Malaysia komited untuk memastikan semua ubat yang digunakan didaftarkan dengan betul menerusi *Drug Control Authority* (DCA).

Produk galenikal dari jabatan farmasi tidak diletakkan dalam pembungkusan yang betul mengikut piawaian *Ready-To-Dispense* dan tidak didaftarkan dengan DCA kerana kekurangan data dan prasyarat yang diperlukan untuk dokumen pendaftaran. Ini bermaksud, produk galenik yang belum didaftarkan dengan label dan pembungkusan tidak lengkap sedang dihasilkan dan dikeluarkan untuk kegunaan umum.

Langkah Pelaksanaan

Menerusi Kerjasama Awam Swasta (PPP) di bawah model *Built Operate* (BO), syarikat yang dilantik akan melakukan R&D bagi membolehkan pendaftaran semua ubat galenik dilaksanakan dengan betul. Cadangan ini dapat mengatasi masalah pendaftaran ubat agar pesakit mendapat ubat galenik yang selamat dan berkesan.


Menerusi model PPP ini, entiti pengoperasi akan menguruskan aspek daya maju, pengurangan risiko dan pensijilan untuk memastikan dana-dana awam digunakan secara optima tanpa memberi kesan kepada kelestarian syarikat. Kerajaan hanya akan membayar apa yang digunakan, tanpa pesanan minimum.

Pembiayaan

Jumlah dana yang diperlukan untuk program ini adalah sekitar RM40 juta dan pembiayaan ini akan digunakan untuk perumusan ubat-ubatan dan pengembangan barisan pengeluaran.

Impak

Sumbangan **GOS** program ini dianggarkan berjumlah **RM47 juta** pada tahun 2030, dengan potensi untuk mewujudkan **141** peluang pekerjaan langsung.



Rasional

Dasar Automotif Nasional 2020 (NAP 2020) dilancarkan oleh Kerajaan pada Februari 2020 dengan tujuan untuk meningkatkan industri automotif dalam era transformasi industri digital. Rancangan komprehensif itu akan memberi tumpuan kepada Kenderaan Generasi Masa Depan (NxGV), Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), dan Mobiliti sebagai Perkhidmatan (MaaS) untuk menjadikan Malaysia sebagai hab serantau dalam pembuatan, kejuruteraan, dan teknologi.

Program pembangunan ini bertujuan untuk mengenal pasti bidang utama dan kegiatan seperti yang dinyatakan dalam NAP 2020 yang dapat membantu mengembangkan permintaan tempatan, kemampuan pembuatan untuk NxGV dan memperkuat rantai nilai. NxGV memerlukan peningkatan rantai bekalan bagi menyediakan komponen dan peranti baru kepada pengeluar kereta. Ini kemudian akan memudahkan pertumbuhan dalam analitik data raya, internet benda (IoT), *radio network*, robotik, realiti terimbu (AR), kecerdasan buatan (AI), dan lain-lain medium baharu.

Langkah Pelaksanaan


Sejajar dengan NAP 2020, Kerajaan berhasrat untuk mengembangkan ekosistem teknologi NxGV bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau dan destinasi pilihan untuk

pengeluaran NxGV. Agensi Kerajaan yang berkaitan akan memfokus kepada penyertaan industri automotif domestik dalam sektor MaaS serta pengembangan teknologi, dan ekosistem pengangkutan.

Selain itu, pelbagai langkah penyeragaman akan diambil untuk memastikan industri domestik dilengkapi dengan lebih baik untuk IR4.0, dan pada masa yang sama


untuk memastikan bahawa keseluruhan ekosistem mendapat manfaat maksimum dari pelaksanaan keseluruhan NxGV. Di samping itu, Kerajaan juga berhasrat untuk menghasilkan kenderaan tanpa karbon untuk mengurangkan kadar gas karbon keseluruhan melalui peningkatan tahap ekonomi bahan bakar di Malaysia menjelang tahun 2025 sejajar dengan Peta Jalan Ekonomi Fuel ASEAN 5.3 Lge/100km.

Rajah 8



Sumber: Dasar Automotif Nasional 2020 (NAP 2020)

Rajah 9 : Tahap Pembangunan Daya Saing Pembekal (SCL) Bilangan Pembekal



Sumber: Dasar Automotif Nasional 2020 (NAP 2020)

Pembiayaan

Pembiayaan untuk program ini akan ditentukan setelah perbincangan selanjutnya dengan pihak berkepentingan yang berkaitan.

Impak


NAP 2020 telah menetapkan sasaran untuk mencapai sumbangan KDNK RM104 bilion pada tahun 2030. Daripada sasaran ini, **RM21.22 bilion** adalah hasil sumbangan **GOS** Bumiputera, dengan jangkakan **109,820** pekerjaan langsung akan dicipta. Kerajaan juga menetapkan sasaran **1.47 juta** pengeluaran kenderaan dan **RM12.3 bilion** eksport *Complete Built Up (CBU)* menjelang tahun 2030.




Rasional

Populariti dan penggunaan percetakan 3D semakin meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Industri percetakan 3D bernilai ASD3 juta pada tahun 2013 dan meningkat menjadi ASD7 juta pada tahun 2017. Menurut GlobalData, pasaran dunia dijangka akan menghasilkan perbelanjaan lebih dari ASD20 bilion. Negara maju seperti AS, China dan Eropah mendahului persaingan dalam perbelanjaan percetakan 3D dan jumlah paten yang difailkan.⁰⁷

Rajah 10.1 : Anggaran Perbelanjaan Percetakan 3D Global Mengikut Benua (2019)
ASD Bilion



Rajah 10.2 : Negara Terkemuka dalam Bilangan Paten yang Diperakui (2019)
RM Bilion



Sumber: Statista

Aplikasi percetakan 3D baru terus dikembangkan di kawasan dan industri sedia ada dan baharu. Dalam beberapa tahun ini, penambahbaikan dan variasi dalam teknologi telah menyebabkan penurunan kos mesin cetak dan bahan menjadikan aplikasi percetakan 3D lebih mudah diakses dan kos efektif. Pada masa ini, percetakan 3D telah menemukan daya tarikan dalam penyelesaian pembuatan khusus terutamanya dalam bidang perubatan dan pergigian, seni dan pemodelan, dan ruang automotif.

⁰⁷ Statista

Langkah Pelaksanaan

Untuk mempercepat pertumbuhan pembuatan 3D, terutamanya dalam kalangan pengeluar Bumiputera, Kerajaan melalui TERAJU akan memastikan pemberian geran R&D untuk percetakan / pembuatan 3D di bawah dana pembangunan Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI). Selain itu, kerjasama dengan universiti dan institusi penyelidikan untuk mengkomersialkan pencetak 3D baharu dan teknik pembuatan juga akan diadakan.

Kerajaan juga akan menawarkan insentif IR4.0 seperti pengecualian cukai dan subsidi tarif untuk elektrik dan air di taman perindustrian, dan memudahkan permohonan paten untuk mempercepat proses persetujuan dalam setiap permohonan *Initial Public Offering* (IPO) yang berpotensi. Kerajaan akan mendorong penggunaan percetakan 3D oleh Bumiputera melalui konsesi Kerajaan untuk menghasilkan barang pemberian (*merchandises*).

Pembiayaan

Pembiayaan untuk program ini akan ditentukan setelah perbincangan lebih lanjut dengan pihak berkepentingan yang berkaitan.

Impak


Sumbangan **GOS** program ini dianggarkan berjumlah **RM691 juta** pada tahun 2030.



Farmaseutikal adalah industri yang sangat terkawal dengan peraturan tempatan yang ketat dan pengawasan antarabangsa melalui Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Kedua-dua program pembangunan farmaseutikal ini hanya akan dapat dilaksanakan dengan sokongan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam bentuk pendaftaran ubat-ubatan dan perolehan KKM.

Tema 2:

MENUKAR SISA KEPADA TENAGA



Rasional

Program pembangunan ini adalah berdasarkan tender-tender Kerajaan untuk pembinaan dan pengoperasian tapak pelupusan sampah 800 *tonnes per day* (*tpd*) menjadi tenaga (*Waste to Energy*) di Bukit Payong, Batu Pahat, Johor untuk mengatasi masalah tempat pembuangan sampah yang sudah penuh dan sampah bandar yang tidak dikitar semula. Sisa pepejal mesti diuruskan secara sistematik untuk memastikan amalan terbaik alam sekitar diterapkan.

Langkah Pelaksanaan


Program pembangunan ini merangkumi pengurusan dan pemprosesan 800 *tpd* sampah setiap hari di lokasi pelupusan sampah di Johor dengan tempoh konsesi selama 29 tahun. Dengan menggunakan teknologi *homegrown* yang diusahakan oleh syarikat Bumiputera, sampah ditukar menjadi produk sampingan yang berguna seperti makanan haiwan (15%), baja (15%), makanan protein *Black Soldier Fly* (BSF) (15%), tenaga (30%), minyak pirolisis (22%) dan pelet (3%).

Pembiayaan

Jumlah pembiayaan yang diperlukan untuk program pembangunan ini adalah sekitar RM349 juta. Pembiayaan ini akan digunakan untuk pembelian tanah, pembangunan kemudahan (*Waste to Energy*) dan barisan pengeluaran untuk produk sampingan.

Impak

Program pembangunan ini akan menyumbang **GOS** sebanyak **RM10 juta** pada tahun 2030, dan akan mewujudkan **143** pekerjaan langsung.



Rasional

Pembaziran MSW telah menjadi beban kepada banyak negara, termasuk Malaysia. Melalui aplikasi inovatif teknologi agregat bersepadu, sampah ditukar menjadi sumber dan proses tersebut membawa banyak faedah di samping menyelesaikan masalah sosial dan persekitaran utama.

Sehingga 90% bahan yang boleh digunakan semula dalam sisa dapat dikeluarkan dan dipulihkan menggunakan peralatan sederhana, kasar dan konvensional seperti penggali, jentolak, sumber air, pam dan pemisahan mekanikal.

Langkah Pelaksanaan

Program pembangunan ini akan dijalankan dalam 2 fasa. Fasa 1 (2021-2023) melibatkan pengambilan bahan di tapak pelupusan sisa dan pengeluaran kompos dan *Refuse Derived Fuel* (RDF) pepejal. Sementara Fasa 2 (2022-2024) akan melalui proses gasifikasi bahan bakar *RDF to syngas biochemicals* (seperti elektrik, metanol, alkohol, biodiesel, gas memasak dan bahan bakar jet).

Pembiayaan

Program ini dijangka memerlukan dana keseluruhan sebanyak RM962 juta. Pembiayaan akan digunakan untuk pembelian tanah, pengasingan sampah, pemerolehan mesin dan pembinaan loji tenaga biojisim.

Impak

Program pembangunan ini akan menyumbang **GOS** sebanyak **RM134 juta** pada tahun 2030, dan akan mewujudkan **268** pekerjaan langsung.



Rasional

Malaysia kini menghasilkan 38,000 tan sampah setiap hari, dengan hanya 24% sampah yang diasingkan dan dikitar semula, manakala selebihnya diangkut ke tempat pelupusan sampah. Pada masa ini, tempat pelupusan sampah merupakan pilihan utama pengurusan sisa pepejal bagi pengendali tempatan, akibat daripada kekurangan pembangunan infrastruktur sampah di negara ini. Terdapat 165 tapak pelupusan sampah aktif dan 131 tapak pelupusan tertutup di Malaysia, dan jumlah ini dijangka meningkat jika tiada penyelesaian jangka panjang yang diperkenalkan.

Lebih membimbangkan lagi, Malaysia telah menjadi tempat pembuangan sampah plastik dari negara luar. Oleh itu, Kerajaan perlu meningkatkan kesedaran masyarakat, memperketat kawalan sampah asing yang diimport, menutup kilang kitar semula plastik haram, dan mempromosikan pengurusan sisa pepejal yang lestari.

Pengurusan sampah dapat diubah dengan menggunakan teknologi terkini di samping memberi peluang untuk menjana pendapatan masyarakat.

Terdapat beberapa pengusaha Bumiputera yang aktif dalam industri ini. Inovasi dan kepakaran mereka akan dapat diperluaskan dengan penggunaan teknologi tempatan.

Program Pembangunan 7.1 : Penukaran Sisa Plastik kepada Bahan Bakar

Langkah Pelaksanaan

Kerajaan akan memudah cara pelaburan dalam Sistem Penukaran Plastik kepada Bahan Bakar yang dibangunkan oleh syarikat Bumiputera, menggunakan proses pecahan polimerisasi untuk menukar plastik sampah menjadi bahan bakar diesel sulfur ultra rendah. Kini terdapat lebih kurang 300 tapak pelupusan yang aktif dan tertutup di Malaysia yang dapat dipertimbangkan untuk fasa pengembangan selanjutnya.

Pelan induk program pembangunan ini adalah untuk membina dan mendirikan sebuah

kilang di Klang, Selangor untuk menukarkan 500 tan plastik sehari ke bahan bakar dalam jangka masa 5 tahun. Satu modul akan dapat menghasilkan sehingga 80% minyak bahan bakar untuk setiap tan sisa plastik yang diproses. Secara keseluruhannya, Malaysia akan berupaya untuk menghasilkan 156 juta liter bahan bakar diesel berteknologi hijau yang rendah-sulfur, tinggi-cetane setiap tahun.

Program Pembangunan 7.2 : Peluasan Program Pembangunan Sisa Plastik kepada Bahan Bakar


TPB2030 bercadang untuk memperluas pembangunan Loji Sisa Plastik kepada Bahan Bakar ke 10 tapak pembuangan sampah lain di seluruh Malaysia, khususnya di negeri-negeri yang tertakluk di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Pembangunan ini akan meningkatkan kapasiti 10 loji untuk memproses 5,000 tan sampah plastik setiap hari, menghasilkan 1,560 juta liter Minyak Diesel Berteknologi Hijau Tinggi Sulfur Tinggi setahun.

Pembiayaan

Jumlah dana yang diperlukan untuk program ini adalah kira-kira RM755.33 juta dan pembiayaan ini akan digunakan untuk pemasangan dan pengoperasian kilang Sisa Plastik kepada Bahan Bakar. Perluasan program pembangunan ini ke 10 tapak lain memerlukan pelaburan tambahan sebanyak RM7.55 bilion.

Impak

Sumbangan **GOS** program ini dianggarkan berjumlah **RM233 juta** pada tahun 2030, dengan potensi mewujudkan **1,220** pekerjaan langsung. Ia juga mempunyai kapasiti untuk menghasilkan **156 juta liter** Diesel Gred Euro 5 setiap tahun. Perluasan program pembangunan ini ke 10 lokasi lain berpotensi menjana **RM2.33 bilion** pada tahun 2030, **12,200** pekerjaan langsung, dan **1.56 bilion liter** diesel.



Pelaburan yang diperlukan untuk membangunkan program pembangunan kepada skala yang lebih besar adalah penting. Oleh itu, bantuan kewangan dalam bentuk geran atau pinjaman mudah daripada institusi kewangan pembangunan (DFI) Kerajaan adalah sangat penting bagi memudah cara pelaburan permulaan CAPEX.



Program pembangunan teknologi hijau kebanyakannya berada dalam industri terbenam, beroperasi di lokasi seperti tempat pembuangan sampah, dengan segmen intensif buruh tradisional seperti penyelenggaraan dan sanitasi. Ini merupakan salah satu sebab pengusaha dalam industri ini mengalami kesukaran untuk mendapatkan dana, akibat penilaian bank yang lebih berasaskan *return on investment* (ROI).

Kerajaan akan membangunkan garis panduan pembiayaan teknologi hijau yang menekankan aspek nilai berbanding kos dalam pemberian bantuan kewangan. Ini akan disokong dengan program bantuan kewangan dalam teknologi hijau seperti pemuliharaan dan pemulihan.




Infrastruktur kitar semula dan pemulihan di Malaysia kurang mendapat pelaburan dan tidak tersedia untuk orang ramai. Dalam usaha kita memajukan diri sebagai masyarakat yang lebih peka kepada alam sekitar, pilihan untuk pemuliharaan dan pemulihan perlu disepadukan di dalam perancangan dan pembangunan bandar.

Kerajaan akan memastikan penguatkuasaan pengasingan sampah seperti amalan kitar semula sebagai sebahagian amalan dalam kalangan masyarakat. Usaha ini juga termasuk langkahewartakan kawasan pelupusan sampah khusus berdasarkan potensi pemulihan kekayaan, contohnya kawasan pengumpulan plastik zon industri, dan antara lainnya tong sumbangan kompos di kawasan kediaman.

Tema 3:

MEMPERKASA PENGELUAR BUMIPUTERA TEMPATAN



Rasional

Sejak dunia dilanda wabak COVID-19, WHO telah mengenakan prosedur operasi standard (SOP) bagi pembasmian kuman di tempat kerja yang memerlukan penggunaan sekurang-kurangnya larutan berasaskan alkohol 70% 2-3 kali sehari. Namun, kekerapan pembasmian kuman harian ini menunjukkan ketidakberkesanan pembasmian kuman berasaskan alkohol.

Larutan berasaskan alkohol ini mendedahkan potensi risiko kesihatan kepada masyarakat umum, terutamanya bagi orang tua, atau mereka yang menghidap asma dan ekzema. Prosedur SOP sedia ada perlu dinilai semula untuk mengguna pakai larutan pembasmian kuman untuk SOP yang mempunyai keberkesanan jangka panjang yang lebih cekap, praktikal, efektif dari segi kos, untuk membendung dan mencegah sebarang penyebaran dan mutasi virus lanjut.

Langkah Pelaksanaan

Kerajaan merancang untuk memperkenalkan penyelesaian nano penyah kuman patogen yang diperakui di peringkat antarabangsa agar dapat dipasarkan untuk pasaran global. Peluang akan diberikan bagi syarikat Bumiputera untuk bekerjasama dengan Kerajaan dan institusi pengajian tinggi awam bagi menjayakan program pembangunan ini.

Makmal biokeselamatan dengan pentauliah Amalan Makmal Baik (GLP) Tahap 4 akan dibina khusus untuk membuat kajian mengenai penyakit berkaitan patogen udara. Program pembangunan ini disasarkan berpotensi untuk menghasilkan pulangan pelaburan lebih daripada 30%, dan meningkatkan promosi inovasi tempatan terutamanya dalam aktiviti bio-keselamatan serta menyediakan jalan untuk penciptaan pekerjaan di dalam bidang keusahawanan teknologi.

Pembiayaan

Jumlah pembiayaan yang diperlukan untuk program pembangunan ini adalah sekitar RM5 juta. Sebahagian daripada pembiayaan ini akan digunakan untuk menyokong penubuhan makmal bio-keselamatan.

Impak

Sumbangan **GOS** program pembangunan ini dianggarkan berjumlah **RM1 juta** pada tahun 2030 dan mewujudkan **866** pekerjaan langsung berkemahiran tinggi.



Rasional

Pemasangan, penggantian dan penyelenggaraan lampu jalan menelan belanja ratusan juta Ringgit setiap tahun daripada Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu, kebanyakan lampu jalan sedia ada tidak sesuai dengan piawaian kepatuhan kesihatan dan keselamatan. Di samping itu, lampu jalan yang tidak diselenggara dengan baik yang mendedahkan risiko keselamatan kepada orang ramai.

Dengan teknologi lampu yang lebih cekap, kos akan dapat dikurangkan dengan signifikan seiring dengan peningkatan prestasi. Program pembangunan ini diharapkan dapat membangunkan bidang keusahawanan dan juga akan memberi peluang kerjasama antara

industri-universiti, dan menjadi pemangkin pertumbuhan rantaian nilai PKS industri LED.

Langkah Pelaksanaan

Kerajaan akan melaksanakan program pembangunan ini berdasarkan sistem *Build-Operate-Transfer* (BOT) dan akan melibatkan pemberian tempoh konsesi antara 10 hingga 12 tahun berdasarkan jaminan keselamatan (*security bond*) Kerajaan.

Pembiayaan

Jumlah pembiayaan yang diperlukan untuk program pembangunan ini adalah sekitar RM740 juta. Dana ini akan digunakan untuk pemasangan, penggantian, dan penyelenggaraan lampu jalan.

Impak

Pada tahun 2030, Kerajaan dapat menjangkakan penjimatan kos dari bil elektrik, kos operasi penggantian serta anggaran sumbangan **GOS** bernilai **RM26 juta**, dengan **107** pekerjaan langsung akan dicipta.

Program pembangunan ini diharap dapat membangunkan sektor keusahawanan dan menciptakan lebih banyak pekerjaan teknikal baharu. Ini juga akan memberikan peluang kerjasama industri-universiti, yang akan menjadi pemangkin pertumbuhan rantaian nilai PKS industri LED.

Pemboleh
Daya

#5

Sokongan Kerajaan

Penerapan inovasi memerlukan perubahan dalam aspek pola pikir (*mindset*) dan juga prosedur konvensional. Kerajaan perlu memberi sokongan dan intervensi dari segi dasar atau bantuan kewangan kepada pengeluar tempatan untuk mempercepat inovasi dan penggunaan teknologi baharu.





STRUKTUR TADBIR URUS

KEGA Pembuatan dicadangkan akan dipantau oleh Jawatankuasa Pemerkasaan Agenda Bumiputera (JPAB), dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB) dicadangkan akan bertindak selaku sekretariat untuk JPAB dan akan memastikan semakan bulanan untuk memberikan maklum balas, panduan dan penilaian berterusan untuk perkembangan program pembangunan.

JPAB MITI

Pengerusi JPAB Ketua Setiausaha

Ahli Tetap

- Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian berkaitan
- KPE dan Pengarah Agensi berkaitan

Ahli Jemputan

- Kementerian/Agensi sokongan yang berkaitan
 - Pihak Berkepentingan Utama
 - Pemilik Program Pembangunan
-

Sekretariat:

- MITI
 - UPAB
-

Jawatankuasa Pemerkasaan Agenda Bumiputera (JPAB)

Pertemuan sebulan sekali

- Menjadi platform penyelaras kepada KEGA
- Memantau perkembangan program pembangunan dan KPI
- Membuat keputusan dan memberi panduan
- Menyelesaikan masalah dan isu secara menyeluruh

Pengerusi UPAB Pengarah / Setiausaha Bahagian

Ahli Tetap

- Kementerian/Agensi Pelaksana
- Pemilik Program Pembangunan

Ahli Jemputan

- Kementerian/Agensi sokongan yang berkaitan
 - Pihak Berkepentingan Utama
-

Sekretariat:

- MITI
 - UPAB
-

Peringkat Kerja UPAB

Pertemuan setiap dua minggu sekali

- Untuk memudah cara dan memantau pelaksanaan program pembangunan
- Berbincang dan menyelesaikan isu pelaksanaan sebelum di bawa kepada JPAB

KESIMPULAN

Dalam usaha untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dalam 10 tahun akan datang, sektor pembuatan Malaysia akan kekal sebagai sektor teras untuk pertumbuhan mampan seperti visi yang telah ditetapkan berlandaskan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

TPB2030 telah mengenal pasti 10 program pembangunan yang akan membantu meningkatkan kedudukan sektor pembuatan dan pada masa yang sama meningkatkan peluang tersedia untuk syarikat Bumiputera mengambil bahagian dan dapat bersaing di peringkat global. Kejayaan pelaksanaan program-program di bawah KEGA Pembuatan akan menyumbang GOS berjumlah RM29.59 bilion kepada Bumiputera pada tahun 2030, dan mencipta 145,225 pekerjaan langsung.

No

01

02

03

04

05

06

07.1

07.2

08

09

Program Pembangunan	GOS (pada 2030) dan Pembiayaan & Pekerjaan (menjelang 2030)
Mengeksport Produk Farmaseutikal ke Negara OIC	GOS: RM4.90 billion Jumlah Pembiayaan: RM8.68 billion Pekerjaan: 20,460
Memastikan Pendaftaran Perubatan Galenikal yang Dikeluarkan Kerajaan	GOS: RM47 juta Jumlah Pembiayaan: RM40 juta Pekerjaan: 141
NAP 2020 - Pembangunan Kenderaan Generasi Masa Hadapan (NxGV)	GOS: RM21.22 billion Pekerjaan: 109,820
Malaysia Sebagai Hab Pembuatan 3D	GOS: RM691 juta
Penukaran Sisa Perbandaran kepada Tenaga (<i>Waste to Energy</i>)	GOS: RM10 juta Jumlah Pembiayaan: RM349 juta Pekerjaan: 143
Penukaran Sisa kepada Bahan (<i>Waste to Materials</i>) dan Tenaga (<i>Waste to Energy</i>)	GOS: RM134 juta Jumlah Pembiayaan: RM962 juta Pekerjaan: 268
Penukaran Sisa Plastik kepada Bahan Bakar	GOS: RM233 juta Jumlah Pembiayaan: RM755.33 juta Pekerjaan: 1,220
Peluasan Projek Sisa Plastik kepada Bahan Bakar	GOS: RM2.33 billion Jumlah Pembiayaan: RM7.55 billion Pekerjaan: 12,200
Penghasilan Penyelesaian AnanoCoat sebagai Penyah Kuman yang Berkesan untuk Memerangi Patogen Udara	GOS: RM1 juta Jumlah Pembiayaan: RM5 juta Pekerjaan: 866
Menaik Taraf Lampu Jalan Perbandaran dengan Lampu Jalan LED Menggunakan Teknologi Pembuatan Tempatan	GOS: RM26 juta Jumlah Pembiayaan: RM740 juta Pekerjaan: 107

Pelancongan



9
Program
Pembangunan

**RM36.45
bilion**
GOS 2030

8,367
Pekerjaan
Langsung

**RM10
bilion**
Jumlah
Pelaburan




Tema 1:
PENDIGITALAN PELANCONGAN MALAYSIA

Tema 2:
PENGUKUHAN PRODUK PELANCONGAN TEMPATAN

Tema 3:
MEMANFAATKAN KELEBIHAN DAYA SAING MALAYSIA DI PERINGKAT GLOBAL

Tema 4:
MENINGKATKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR PELANCONGAN

07



RINGKASAN EKSEKUTIF



Sektor pelancongan sentiasa memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Bagi tempoh tahun 2019 sahaja, sektor ini telah menyumbang 15.9% atau RM242.2 bilion kepada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Walaupun Malaysia sedang berkembang maju dalam pembangunan sektor pelancongan, namun realitinya penyertaan perusahaan Bumiputera

dalam sektor ini masih rendah. Pada tahun 2019, Bumiputera sekadar menyumbang 9.89% kepada KDNK pelancongan negara. Di samping itu, Bumiputera masih berada pada rantaian nilai industri yang rendah.

Selain itu, Malaysia juga menghadapi pelbagai isu dan cabaran utama yang memberi impak kepada industri; yang paling ketara ialah

pandemik COVID-19. Cabaran-cabaran lain yang berhubung kait dengan naik turun industri termasuk hotel, jaringan logistik dan syarikat penerbangan, pelayaran, kekurangan penggunaan teknologi, dan dasar yang sedia ada.

Di sebalik isu dan cabaran utama, terdapat potensi besar Bumiputera dalam sektor pelancongan yang dikenal pasti sebagai salah satu Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA). Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) telah menyenaraikan KEGA Pelancongan sebagai komponen penting dalam agenda pembangunan Bumiputera negara.

Untuk mencapai sasaran yang ditetapkan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), sembilan (9) program pembangunan dan lima (5) pemboleh daya, di bawah empat (4) tema akan dilaksanakan untuk memacu pembangunan transformatif dalam sektor pelancongan. Tema-tema yang dikenal pasti ialah Pendigitalan Pelancongan Malaysia, Penguatan Produk Pelancongan Tempatan, Memanfaatkan Kelebihan Daya Saing Malaysia di Peringkat Global, dan Meningkatkan Penyertaan Bumiputera dalam Sektor Pelancongan.

Kejayaan pelaksanaan program-program di bawah KEGA Pelancongan dijangka menyumbang RM36.45 bilion dalam Lebihan Kendalian Kasar (GOS) kepada Bumiputera pada tahun 2030 dan menjana sekurang-kurangnya 8,367 pekerjaan langsung dalam sektor itu menjelang tahun 2030. Pembiayaan keseluruhan yang diperlukan bagi 9 program pembangunan ini dianggarkan berjumlah RM10 bilion.

Tema dan program pembangunan dipilih berdasarkan kebolehlaksanaan dan impak keseluruhan kepada sektor tersebut. Sebagai pemacu utama, program-program pembangunan yang dikenal pasti berupaya untuk memacu, dan meningkatkan kedudukan sosioekonomi Bumiputera, dan memanfaatkan bidang yang berpotensi kepada Bumiputera yang sebahagian besarnya belum diterokai.



LATAR BELAKANG

Pelancongan ditakrifkan sebagai fenomena sosial, budaya, dan ekonomi yang melibatkan pergerakan individu ke negara atau tempat di luar kawasan kebiasaan untuk tujuan peribadi, perniagaan, atau profesional. Individu yang terlibat dalam aktiviti pelancongan boleh digelar pelawat, pelancong ataupun rombongan (jika berkumpul) tanpa mengira sama ada penduduk atau bukan pemastautin. Aktiviti pelancongan yang dijalankan di kawasan yang dilawati akan memerlukan perbelanjaan pelancongan.⁰¹ Statistik pada tahun 2018 menunjukkan bahawa separuh

daripada ketibaan antarabangsa global adalah bagi tujuan sosial seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1; untuk bersantai, percutian, dan rekreasi, diikuti dengan melawat rakan-rakan dan lain-lain.⁰²

⁰¹ *International Recommendation for Tourism Statistics 2018, Pertumbuhan Pelancongan Dunia (UNWTO)*


⁰² *Ibid*

⁰³ *Data Bank Dunia; Majlis Pengembaraan dan Pelancongan Dunia (WTTC)*

⁰⁴ *Ibid*

⁰⁵ *Ibid*


Rajah 1 : Ketibaan Antarabangsa Global Berdasarkan Tujuan (2018)
%









Di peringkat global, pelancongan adalah pemacu utama pertumbuhan ekonomi bagi kebanyakan negara. Seperti yang digambarkan dalam Rajah 2, urus niaga pelancongan dunia telah berkembang pada Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompoun (CAGR) sebanyak 5.97% antara tahun 1999 dan tahun 2019 mendahului kadar CAGR KDNK dunia pada 5.08% dalam tempoh yang sama.⁰³ Pada tahun 2019, pelancongan direkodkan sebagai sektor ketiga paling pesat berkembang di dunia selepas maklumat &

komunikasi, dan perkhidmatan kewangan.⁰⁴ Ini kerana pertumbuhan ini turut disumbangkan oleh peningkatan kualiti sektor pengangkutan yang lebih baik yang membolehkan akses ke kawasan terpencil, penurunan sebanyak 60% dalam kos pengangkutan udara sejak tahun 1970, peningkatan kesedaran mengenai tarikan pelancongan kerana pengaruh media sosial, serta peningkatan populasi menua yang meluangkan lebih banyak masa perjalanan selepas bersara.⁰⁵

Rajah 2 : Harga Semasa : KDNK Global dan Terimaan Pelancongan Global (1999-2019)
ASD Bilion, ASD Trilion



Pada 2019, Pelancongan merupakan sektor ketiga paling pesat membangun di dunia.

Sektor	Pertumbuhan 2019
 Maklumat & Komunikasi	4.8%
 Perkhidmatan Kewangan	3.7%
 Pelancongan	3.5%
 Kesihatan	3.0%
 Runcit & Borong	2.4%
 Pertanian	2.3%
 Pembinaan	2.1%
 Pembuatan	1.7%

Sumber: Data Bank Dunia; Majlis Pengembaraan dan Pelancongan Dunia (WTTC)

Pertubuhan Pelancongan Dunia (UNWTO) melaporkan pada tahun 2018, Pelancongan menyumbang kepada 10.3% daripada KDNK dunia, 10% daripada jumlah pekerjaan, dan 30% daripada eksport perkhidmatan.⁰⁶ Seperti yang digambarkan dalam Rajah 3, pasaran pelancongan global bernilai ASD8.9 trilion pada tahun 2019 dan dijangka berkembang pada CAGR sebanyak 4% untuk mencapai


ASD16.7 trilion pada tahun 2035.⁰⁷

⁰⁶ Data Bank Dunia; WTTC


⁰⁷ TERAJU

⁰⁸ Tourism Malaysia; Oxford Economics; UNWTO; WTTC

Rajah 3: Segmen Pasaran Pelancongan Global (2019)



Rajah 4 : Ketibaan Pelancong (Juta) dan Terimaan Pelancong (RM Bilion) Malaysia (2007-2019)




Pelancongan juga merupakan salah satu sektor utama yang memacu ekonomi Malaysia. Sejalan dengan trend global, terimaan pelancongan untuk Malaysia semakin bertambah sejak beberapa tahun kebelakangan ini dengan mencatatkan CAGR sebanyak 4.06% dari tahun 2007 hingga tahun 2019.

Kemuncak prestasi industri pelancongan Malaysia adalah pada tahun 2019 yang menyumbang sebanyak:

- RM242.2 bilion atau 15.9% daripada KDNK Malaysia
- 3.6 juta pekerjaan atau 23.8% daripada jumlah pekerjaan
- RM82.1 bilion atau 48.4% daripada jumlah eksport perkhidmatan
- Perbelanjaan per kapita RM3,300.00
- Purata tempoh menginap selama 7.4 malam
- RM28.9 bilion perbelanjaan membeli-belah seperti cenderahati, pakaian, makanan, kosmetik dan penjagaan diri, serta barangan isi rumah

Di Malaysia, 67.5% ketibaan perjalanan antarabangsa pada tahun 2019 adalah untuk bersantai, percutian, dan rekreasi, diikuti dengan melawat rakan-rakan dan saudaramara; kesihatan, agama, dan lain-lain. Jumlah pelancong masuk pada tahun yang sama adalah sebanyak 26.1 juta, peningkatan

Rajah 5 : Ketibaan Antarabangsa bagi Tujuan Lawatan (2018* & 2019)



Sumber: Tourism Malaysia

daripada 25.83 juta daripada tahun 2018 dengan segmen santai, percutian, dan rekreasi, meningkat sebanyak 13% yang boleh dikaitkan dengan usaha Kerajaan dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan dengan slogan 'Visit Truly Asia Malaysia'. Berdasarkan data, 5 negara teratas yang melancong ke Malaysia adalah dari Singapura (1.55 juta), Indonesia (711,723), China (405,149), Thailand (394,413), dan India (155,883).⁰⁸

Trend Mega Memacu Keseluruhan Industri Pelancongan

Berdasarkan penilaian yang berbeza, terdapat 5 trend mega yang memacu industri pelancongan secara keseluruhan. Bagi memenuhi perubahan permintaan pada tahun 2030, Malaysia perlu menyelaras strategi pelancongannya kepada trend mega. Seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 6, 5 trend mega telah disenarai berdasarkan impaknya kepada Malaysia (dari tertinggi hingga terendah). Trend mega ini meliputi aspek penembusan teknologi; perubahan demografi dan sosial; peralihan kuasa ekonomi; kepesatan urbanisasi dan perubahan iklim; dan kekurangan sumber.⁰⁹

Rajah 6 : 5 Trend Mega yang Memacu Industri Pelancongan

M1



**PENEMBUSAN
TEKNOLOGI**

M2



**PERUBAHAN
DEMOGRAFI
DAN SOSIAL**

M3



**PERALIHAN
KUASA
EKONOMI**

M4



**KEPESATAN
URBANISASI**

M5



**PERUBAHAN IKLIM
DAN KEKURANGAN
SUMBER**

⁰⁹ PwC, OECD; Frost & Sullivan; WTTC; EY

Kesan Rendah ● Sederhana ●● Tinggi ●●● Sangat Tinggi ●●●●

KESAN KEPADA MALAYSIA

Tinggi ●●●

Perkembangan pesat teknologi, terutama dalam kecerdasan buatan (AI), Internet Benda (IOT), pembelajaran mesin (*machine learning*), dan kesalinghubungan

- Kadar perubahan teknologi adalah eksponen
- Data akan menjadi pemboleh daya utama
- 95% dunia akan mempunyai jaringan internet pada tahun 2035

KESAN KEPADA MALAYSIA

Tinggi ●●●

Perubahan dalam demografi global (contoh: populasi dunia, kepadatan, tahap pendidikan, tahap pendapatan dan lain-lain) akan membawa perubahan sosial

- Populasi global akan mencecah 10 bilion pada tahun 2050
- 13% populasi akan berusia 65 tahun ke atas pada tahun 2030, berbanding 8% pada ketika ini
- Peningkatan golongan berpendapatan pertengahan

KESAN KEPADA MALAYSIA

Sederhana ●●

Peralihan kuasa ekonomi global dari negara maju ke negara membangun

- 80% kelas menengah dalam negara membangun
- 75% pertumbuhan lebih pantas di negara-negara membangun
- China akan menjadi kuasa mega global baharu

KESAN KEPADA MALAYSIA

Sederhana ●●

Migrasi global ke bandar raya mega akan mewujudkan peluang dan cabaran

- 66% populasi dunia akan tinggal di bandar pada tahun 2050, berbanding 54% pada ketika ini
- Mobiliti populasi akan meningkat dan kebanyakan pelancong pada tahun 2035 akan berasal dari China, India, Indonesia dan Brazil

KESAN KEPADA MALAYSIA

Rendah ●

Kesan perubahan iklim serta sumber dunia yang semakin berkurangan termasuk tenaga, makanan dan air

- 30% peningkatan permintaan makanan pada tahun 2030
- Krisis air adalah risiko no. 1 global
- Pemanasan global akibat peningkatan pembebasan karbon

Berdasarkan trend mega global, terdapat peralihan dalam pengaruh kuasa ekonomi dunia daripada Barat ke Timur. Negara China, India, dan Indonesia dijangka akan menjadi pasaran utama industri pelancongan berdasarkan kepada potensi tiga (3) negara ini yang membentuk sebahagian besar daripada pelancong rentas udara dalam tempoh 20 tahun akan datang disebabkan oleh urbanisasi yang pesat dan perkembangan kelas pertengahan.¹⁰ Seperti yang dijelaskan dalam Rajah 7, ketiga-tiga negara ini berada dalam lingkungan penerbangan selama 6 jam dari Malaysia. Dengan strategi yang tepat dalam menerima pakai trend mega, Malaysia akan


dapat memanfaatkan lokasi geografinya, dan berhubung dengan 3.92 bilion pelancong yang berada di dalam lingkungan penerbangan 6 jam.¹¹

¹⁰ PwC; Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD); Frost & Sullivan; WTTTC; EY

¹¹ Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Jabatan Ekonomi dan Hal Ehwal Sosial, Bahagian Penduduk; Bank Dunia

¹² McKinsey, COVID-19 Hotel, Airline and Economic Recovery Models; Tourism Malaysia Survey


Rajah 7: Populasi 2020 (Juta); KDNK 2019 (ASD Trilion)



Di samping itu, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Tourism Malaysia, pelancongan domestik Malaysia juga akan menjadi pemacu utama untuk pemulihan pelancongan berdasarkan hasil dapatan tinjauan yang mendapati 50% rakyat Malaysia merancang untuk percutian domestik.¹²


Rajah 8 : Hasil Dapatan Tinjauan Tourism Malaysia (Suku Pertama 2020)

Dalam 3 tahun mendatang, pelancongan domestik dijangka meningkat berbanding perjalanan antarabangsa.



Berdasarkan dapatan kajian Tourism Malaysia pada suku pertama 2020, lebih 50% rakyat Malaysia mahu melakukan pelancongan domestik pada suku keempat 2020.


SELEPAS PKP, SAYA MAHU MELANCONG DALAM TEMPOH:
(minggu/bulan/tahun)



KES UNTUK INTERVENSI

Walaupun Malaysia memiliki potensi besar untuk mengembangkan sektor pelancongan negara, namun terdapat keperluan untuk perubahan dalam industri ini berikutan penyertaan yang masih rendah dalam kalangan pengusaha Bumiputera. Berdasarkan data yang diperolehi bagi tahun 2019, Bumiputera hanya menyumbang kepada kira-kira 9.89% daripada KDNK pelancongan. Ini bersamaan dengan RM23.75 bilion berbanding jumlah keseluruhan RM242.2 bilion.

Rajah 9: Ketibaan Antarabangsa Global (Januari 2020 - Oktober 2020)



AMERIKA

2019
219 Juta (+1%)

JAN-OKT 2020
-68%

EROPAH

2019
744 Juta (+4%)

JAN-OKT 2020
-68%

AFRIKA

2019
70 Juta (+2%)

JAN-OKT 2020
-69%

TIMUR TENGAH

2019
65 Juta (+2%)

JAN-OKT 2020
-73%

ASIA PASIFIK


2019
361 Juta (+2%)

JAN-OKT 2020
-82%

Di samping itu, terdapat kira-kira 300 juta umat Islam di rantau Asia Tenggara dan 1 bilion di rantau Asia Pasifik, dan segmen pelancong di rantau tersebut sebahagian besarnya masih belum diteroka untuk aktiviti pelancongan, terutamanya bagi pelancongan berkaitan Halal atau Mesra Muslim yang berpotensi dikendalikan terutamanya oleh Bumiputera.

Pelancongan dikenal pasti sebagai salah satu KEGA untuk memacu ekonomi dalam mencapai sasaran wawasan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi Bumiputera. Menggunakan trend mega sebagai prinsip panduan, program-program pembangunan yang dibentangkan di dalam KEGA ini akan menangani isu-isu

Pelancongan Global , 'Situasi Terburuk' (2020) (WTTC)



Majlis Pengembaraan dan Pelancongan Dunia (WTTC) telah meramalkan situasi terburuk bagi sektor pelancongan global:

- Kerugian ASD5,543 bilion dalam KDNK
- 197.5 juta hilang pekerjaan
- Penurunan ketibaan antarabangsa sebanyak 73% (berbanding tahun 2019)
- Penurunan ketibaan domestik sebanyak 64% (berbanding tahun 2019)

Sumber: WTTC, UNWTO

mendesak dan menjadi pemangkin bukan sekadar meningkatkan penyertaan Bumiputera dan status sosioekonomi, namun pada masa yang sama memperluas sebahagian besar bidang yang belum diterokai yang boleh dikuasai oleh perusahaan Bumiputera.

ISU DAN CABARAN UTAMA

01

Pandemik COVID-19

Walaupun industri pelancongan di Malaysia semakin berkembang sejak beberapa dekad yang lalu, namun dunia sebenarnya tidak bersedia dengan kehadiran pandemik COVID-19 yang mewujudkan krisis perubatan dan kemanusiaan yang besar, dan menyebabkan gangguan paling besar kepada industri pelancongan di seluruh dunia.

Bagi mengawal penularan virus ini, Kerajaan Malaysia menutup gerbang ekonomi dalam skala yang tidak pernah dilihat sebelum ini. Hasilnya, kadar pengangguran di Malaysia mencecah 4.8% atau 760,700 orang setakat bulan Disember 2020. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 10, terdapat juga penurunan sebanyak 83.4% ketibaan antarabangsa pada 2020 berbanding tahun sebelumnya.¹³ Akibat penutupan sempadan, sektor pelancongan Malaysia mengalami kerugian kira-kira RM73.4 bilion pada tahun 2020, dan industri ini dijangka akan terus terjejas sehingga tahun 2024.¹⁴

Rajah 10: Malaysia: Ketibaan Pelancong Antarabangsa (2020)

Negara	Ketibaan Pelancong	Terimaan Pelancongan
Singapura	-84.8%	-86.8%
Indonesia	-80.4%	-84.9%
China	-87.0%	-88.1%
Thailand	-79.1%	-79.5%
India	-78.8%	-84.7%
Negara lain	-94.9%	-93.4%
Jumlah Malaysia	-83.4% (Jumlah 4.33 Juta)	-85.3% (Jumlah RM12.69 bilion)

Sumber: Tourism Malaysia

¹³ Tourism Malaysia

¹⁴ WTTC; Tourism Malaysia

Kotak Maklumat 11: Impak COVID-19 ke atas Sektor yang Berbeza

Impak Pandemik COVID-19 ke atas Syarikat Penerbangan

Industri penerbangan telah menjadi industri yang paling terjejas sejak dilanda pandemik ini. Di peringkat global, dua pertiga daripada pesawat komersial hanya berada di darat, dan semua syarikat penerbangan melaporkan kerugian dengan 18 syarikat penerbangan telah difailkan mufliis. Di peringkat nasional, Malaysia Aviation Group Berhad (MAG) telah terkesan dan terpaksa mengurangkan kapasitinya sebanyak 96% dan mendaratkan hampir keseluruhan pesawatnya. Syarikat penerbangan tempatan seperti Malaysia Airlines, Firefly, MASWings, AirAsia Group Berhad, dan AirAsia X Berhad telah meminta bantuan Kerajaan untuk mengharungi pandemik ini.

Impak Pandemik COVID-19 ke atas Sektor Perhotelan

Sektor perhotelan juga terjejas teruk akibat pandemik ini dimana ia telah menyaksikan penurunan perolehan melebihi 50%. Ini diburukkan lagi dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikenakan oleh Kerajaan. Menurut Persatuan Hotel Malaysia (MAH), sehingga 30% hotel mungkin telah ditutup akibat pandemik tersebut.¹⁵ Permintaan hotel dijangka tidak akan mencapai tahap pra-COVID-19 sehingga tahun 2023.¹⁶ Selain COVID-19, terdapat beberapa isu-isu lain yang dihadapi. Terdapat banyak hotel sedia ada di Malaysia yang sedang bergelut untuk dibaikpulih dan membuat penawaran terbaharu. Tawaran semasa di Malaysia secara amnya disasarkan kepada pelancong awam dan Malaysia ketinggalan dalam persaingan dengan negara-negara jiran seperti Singapura, Vietnam, dan Filipina yang semakin rancak berkembang. Kekangan yang di hadapi oleh Malaysia adalah kekurangan penawaran hotel bertaraf 5 bintang dan kadar purata bilik yang lebih rendah.

Impak Pandemik COVID-19 ke atas Industri Pelayaran

Industri pelayaran juga antara yang terjejas teruk walaupun mempunyai pelanggan setia. Walaupun selepas memperkenalkan langkah pengurangan kos, bidang pelayaran memakan belanja tunai yang besar dengan penjana pendapatan yang rendah dalam perkhidmatan ini. Biarpun tempahan melalui agen pada mulanya kukuh, namun trend bertukar apabila banyak pelancong kini lebih berhati-hati kerana terdapat banyak laporan kapal persiaran telah dikuarantinkan di pelabuhan kerana penularan wabak di atas kapal.

02

Kelembapan Penerimgunaan Digital

Kelembapan penerimgunaan teknologi juga menjadi cabaran kepada sektor pelancongan di Malaysia. Banyak pemain industri pelancongan tidak mengambil kesempatan sepenuhnya daripada teknologi digital. Hanya 62% perusahaan mempunyai rangkaian internet. Daripada jumlah ini, hanya 46% mempunyai jalur lebar tetap (selalunya berkualiti rendah), dan hanya 18% mempunyai kepelbagaian jenis laman sesawang.¹⁷ Kebanyakan hotel juga mempunyai program pemasaran digital yang lemah walaupun mempunyai kepelbagaian akses laman sesawang.

03

Halangan Masukan

Dasar-dasar sedia ada juga menjadi kekangan kepada pemain industri. Industri pelancongan Malaysia dikawal selia oleh Akta Industri Pelancongan 1992 dan Akta Cukai Pelancongan 2017. Ejen pelancongan perlu memohon beberapa lesen yang kadangkala bertindih daripada aspek fungsi dan keperluan untuk beroperasi. Sebagai contoh, ejen pelancongan perlu mendapatkan lesen daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) untuk



mengendalikan bas pelancong, dan pada masa yang sama, mereka perlu mendapatkan permit daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). Terdapat juga lesen lain yang perlu diguna pakai oleh ejen pelancongan (contohnya, lesen masuk, keluar dan tiket). Hasilnya, modal berbayar bagi memulakan operasi boleh mencecah RM200,000.

Selain itu, terdapat dua (2) jenis pemandu pelancong di Malaysia: Pemandu Pelancong Bandar dan Pemandu Pelancong Taman. Lesen bagi kedua-dua perkhidmatan perlu dipohon secara berasingan. Ini boleh menelan belanja sehingga RM5,600 hanya untuk melalui kursus prasyarat untuk mendapatkan lesen. Pemandu pelancong bebas tidak berlesen yang kini menawarkan perkhidmatan mereka melalui laman sesawang juga menimbulkan ancaman kepada pemandu pelancong berlesen kerana mereka bersaing untuk pasaran yang sama.

VISI

Walaupun menghadapi pelbagai isu dan cabaran, namun, masih wujud potensi besar untuk Bumiputera. TPB2030 telah mengenal pasti 9 program pembangunan yang akan membantu meningkatkan

kedudukan Bumiputera di dalam sektor pelancongan. berdasarkan kemudahan pelaksanaan dan impak keseluruhan kepada sektor pelancongan. Sebagai pemacu utama TPB2030, KEGA ini akan mempercepatkan penyertaan Bumiputera, meningkatkan status sosioekonomi Bumiputera, dan pada masa yang sama, memanfaatkan sebahagian besar kawasan yang belum diterokai di mana perusahaan Bumiputera boleh menguasai dan mampu berkembang. Program-program ini dijangka menyumbang GOS sebanyak RM36.45 bilion KDNK, mewujudkan 8,367 pekerjaan langsung menjelang 2030. KEGA Pelancongan membuka peluang pelaburan baharu sebanyak RM10 bilion untuk sektor pelancongan menjelang tahun 2030.


¹⁵ Chai Yee Hoong, 'Hospitality industry prepares for recovery', *The Edge*, 6 April 2021

¹⁶ Malaysian Association of Hotels; Dawn Chan, 'MCO 2.0: Swift action vital to rescue hotel and tourism sector', *New Straits Times*, 14 Januari 2021

¹⁷ Laporan Bank Dunia 'Malaysia's Digital Economy : A New Driver of Development', September 2018

“

Kejayaan pelaksanaan program pembangunan di bawah KEGA Pelancongan akan menyumbang GOS bernilai RM36.45 bilion pada tahun 2030, dan mencipta 8,367 pekerjaan langsung kepada sektor ini. ”



PROGRAM PEMBANGUNAN

Bagi merealisasikan visi ini, 4 tema akan memberi tumpuan kepada pendigitalan pelancongan di Malaysia, pengukuhan produk pelancongan tempatan, memanfaatkan kelebihan daya saing Malaysia di peringkat global dan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor pelancongan. Di bawah KEGA ini, 9 program pembangunan telah dikenal pasti, di mana lapan (8) daripadanya dihuraikan di bawah.

Tema 1:

PENDIGITALAN PELANCONGAN DI MALAYSIA

Dalam dunia yang melalui fasa pendigitalan yang pesat, pemain industri pelancongan di Malaysia menghadapi realiti baharu di mana transformasi digital adalah penting apabila ia merupakan sebahagian daripada pertumbuhan industri. Pendigitalan menjadi strategi perniagaan yang asas untuk pemain industri meningkatkan kecekapan proses dalam menyediakan pengalaman pengguna dengan menjadikannya lebih peribadi dan lancar dalam perhubungan bersama pelanggan. Transformasi digital juga membuka jalan untuk melakukan penilaian berasaskan data dengan lebih tepat sekali gus membantu perniagaan dan industri secara keseluruhannya untuk berkembang menjadi lebih berdaya saing di pasaran global. Langkah ini sangat diperlukan dalam dunia pasca pandemik.

Pada masa ini, ramai penggiat industri pelancongan di Malaysia yang belum memaksimumkan pendigitalan secara sepenuhnya. Tema ini memberi peluang berharga kepada Bumiputera untuk meningkatkan penyertaannya dalam memenuhi permintaan global melalui digitalisasi. Melalui kerjasama awam-swasta (PPP), program pembangunan dan pemboleh daya telah dikenal pasti untuk menerajui penyertaan Bumiputera dalam pendigitalan pelancongan di Malaysia.

Program pembangunan dan pemboleh daya yang dikenal pasti di bawah tema ini adalah:

Program
Pembangunan
#1
**Membangunkan Platform
Dalam Talian**

Pemboleh
Daya
#1
**Penyertaan Hotel Tempatan,
Penyedia Perkhidmatan
Hiburan, Dan Lain-Lain**

Tema 2: **PENGUKUHAN PRODUK PELANCONGAN TEMPATAN**

Idea transformasi seperti pengukuhan penawaran tempatan berpeluang untuk memacu perubahan dan meletakkan pemain Bumiputera di peringkat global. Pada masa ini, Malaysia mempunyai banyak peluang dari segi tawaran produk tempatan dengan potensi yang belum dimanfaatkan sepenuhnya. Di peringkat antarabangsa, negara-negara lain telah memanfaatkan jenama popular tempatan. Di United Kingdom (UK), Harry Potter, francais ternama di UK, telah menjadi fenomena kebudayaan global. Warner Bros. Studio Tour London telah mencipta pameran kekal daripada 'The Making of Harry Potter', yang seterusnya telah dikenal pasti sebagai salah satu tarikan tertinggi di seluruh dunia setiap tahun sejak ia mula membuka pintunya, dengan purata 6,000 pengunjung sehari ketika waktu puncak.¹⁸ Dengan mengukuhkan penawaran tempatan melalui jenama Harry Potter, studio tersebut menjana hampir £133 juta hanya pada tahun 2019 dan telah memberi impak kepada UK dengan menarik pengunjung

dari seluruh dunia dan sekali gus menghasilkan faedah ekonomi dan komuniti yang lebih besar.¹⁹ Malaysia berpotensi untuk mengguna pakai trend tersebut dengan mengukuhkan penawaran tempatan yang menarik peminat antarabangsa.

Program pembangunan dan pemboleh daya yang dikenal pasti di bawah tema ini adalah:

Program
Pembangunan
#2
**Membangunkan Taman Tema
Kandungan Tempatan**

Pemboleh
Daya
#2
**Jalinan Kerjasama dengan
Pengusaha Pelancongan
Tempatan**

Pemboleh
Daya
#3
**Pemasaran Berterusan dan
Berfokus**

Tema 3: **MEMANFAATKAN KELEBIHAN DAYA SAING MALAYSIA DI PERINGKAT GLOBAL**


Lokasi geografi Malaysia yang strategik dan unik dikenal pasti sebagai salah satu kelebihan daya saing Malaysia. Dengan pengalaman unik, landskap yang indah, dan masyarakat pelbagai budaya, status Malaysia sebagai salah satu permata tersembunyi di Asia adalah sesuatu yang boleh dijadikan daya tarikan pelancongan. Malaysia sebagai destinasi pelancongan telah dimanfaatkan dengan baik setakat ini dan sebahagian besarnya disebabkan oleh kempen pemasaran destinasi yang fokus dan

berterusan oleh Kerajaan; *'Malaysia Truly Asia'*, yang menjadi slogan pelancongan Malaysia sejak tahun 1999. Kerajaan telah memberi tumpuan kepada memperluas industri dan menarik lebih ramai pengunjung, dan pada tahun 2019 Kerajaan mengumumkan usaha untuk peluasan dan inovasi pelbagai projek yang direka untuk menarik pelancong dan membantu sektor pelancongan. Sebanyak RM500 juta telah dilaburkan dalam perniagaan kraftangan dan rumah inap (*homestay*), dan RM1 bilion telah dirangkumkan ke dalam Tabung Infrastruktur Pelancongan Malaysia.²⁰ Walaupun banyak yang telah dilakukan untuk membantu sektor pelancongan, masih terdapat ruang untuk memanfaatkan lagi kelebihan Malaysia. Pengenalan tema ini disasarkan untuk menjadikan lokasi strategik Malaysia sebagai kelebihan daya saing untuk mengembangkan lagi sektor pelancongan di Malaysia, memanfaatkan pasaran baharu, sekali gus merangsang pertumbuhan ekonomi Bumiputera.


Seperti yang diketengahkan dalam trend mega, terdapat peralihan kuasa besar ekonomi dunia yang sedang berlaku dari Barat ke Timur pada masa kini. China, India, dan Indonesia dijangka akan berkembang kepada 3 pasaran utama bagi industri pelancongan dunia pada tahun 2035. Negara China telah membangun sebagai kuasa ekonomi paling pesat di dunia. Sebagai sebahagian daripada rantau Timur, Malaysia terletak di lokasi strategik kerana ia dikelilingi oleh 655.51 juta penduduk di rantau Asia Tenggara sahaja. Tambahan pula, semua negara yang disenaraikan di bawah bidang pasaran utama berada dalam lingkungan penerbangan selama 6 jam dari Malaysia.²¹ Malaysia juga mempunyai kelebihan kerana kedudukan di rantau Asia Pasifik secara keseluruhannya mempunyai populasi beragama Islam yang tinggi iaitu kira-kira 1 bilion.²²

Semua ini memberikan kelebihan kepada Malaysia untuk menjadi kuasa besar ekonomi disokong oleh negara jiran dengan populasi tinggi di samping populasi penganut beragama Islam yang tinggi di Asia Pasifik. Ini memberi peluang kepada Malaysia untuk meneroka potensi dan mengembangkan sektor pelancongan ke pasaran lain dan membawa negara ke tahap yang lebih tinggi.


Program pembangunan dan pemboleh daya yang dikenal pasti di bawah tema ini adalah:



Pelayaran Mesra Muslim



Menjadikan Malaysia Hab Transit Umrah



Transformasi Langkawi Sebagai Pulau Bebas COVID-19



Sokongan dan Mudah Cara daripada Kerajaan

¹⁸ *Harry Potter Tour Conjures Up \$435 Million Of Revenue For Time Warner, Forbes*

¹⁹ *Harry Potter Studio Tour Revenue 2019, Statista*

²⁰ *Tourism Malaysia*

²¹ *Jumlah Penduduk negara-negara ASEAN, Statista*

²² *Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Jabatan Ekonomi dan Hal Ehwat Sosial, Bahagian Penduduk; Bank Dunia*

Tema 4:

MENINGKATKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR PELANCONGAN

Seperti yang diketengahkan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB), Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 (BETR2.0), dan Kertas Strategi Bumiputera, pelbagai program telah dilaksanakan bertujuan menggalakkan pertumbuhan kesemua sektor serta penyertaan Bumiputera, dengan keutamaan diberikan ke arah pembangunan yang lebih holistik. Kerajaan berhasrat untuk meneruskan usaha menyokong agenda pembangunan Bumiputera dalam usaha mengurangkan jurang perbezaan antara kaum. Melalui pengumuman dalam Belanjawan 2021, sejumlah RM4.6 bilion diperuntukkan untuk merencanakan dan memperkasa usahawan Bumiputera.²³

TPB2030, yang merupakan kesinambungan dasar Bumiputera terdahulu, bertujuan untuk meneruskan lagi usaha ini dan meningkatkan keberkesanan program pemerkasaan ekonomi Bumiputera, dengan mengambil kira landskap semasa (termasuk kesan pandemik) dan jangkaan situasi yang akan berlaku dalam tempoh 10 tahun akan datang. Dengan memperluas dan melaksanakan Dasar *Carve-Out and Compete*, tema ini menyediakan peluang yang berharga kepada Bumiputera untuk menyertai sektor pelancongan dan meningkatkan sumbangan Bumiputera kepada KDNK pelancongan.

Dasar *Carve-Out and Compete* mula dibangunkan untuk meningkatkan penyertaan syarikat Bumiputera dalam projek mega milik Kerajaan atau Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Sejak pelaksanaannya, dasar ini telah menawarkan sejumlah RM67 bilion kontrak dalam sektor pembinaan kepada syarikat Bumiputera. Di bawah TPB2030, Dasar *Carve-Out and Compete* di bawah KEGA

Pelancongan dalam 2 program pembangunan, dan TERAJU akan memainkan peranan utama untuk memudah cara penyertaan syarikat Bumiputera dalam bidang yang dikenal pasti dan berpotensi untuk memacu pembangunan Bumiputera. Ini akan memberi peluang kepada pemain Bumiputera untuk mendapat manfaat, sekali gus membuka jalan untuk memperkasa Bumiputera. Pelaksanaan dasar ini adalah berdasarkan kepada 6 prinsip Agenda Pembangunan Bumiputera; mesra pasaran; berasaskan keperluan; berasaskan merit; telus; berdaya saing; pro-pertumbuhan, dan pembangunan mampan.

Program pembangunan dan pemboleh daya yang dikenal pasti di bawah tema ini adalah:

-
- Program
Pembangunan
#6

Penganugerahan Konsesi Perkhidmatan Dalam Kluster Ekopelancongan dan Taman Negara
 - Program
Pembangunan
#7

Program *Carve-Out and Compete* daripada Acara Perniagaan dan Acara Utama
 - Pemboleh
Daya
#5

Menambahbaik Proses Kelulusan
-

²³ *Belanjawan 2021, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)*



Tema 1:

PENDIGITALAN PELANCONGAN DI MALAYSIA



Rasional

Transformasi digital adalah langkah yang perlu diutamakan oleh pemain industri pelancongan Bumiputera agar sentiasa mendahului dan tidak ketinggalan zaman. Perjalanan pendigitalan yang komprehensif bukan sahaja akan meningkatkan produktiviti tetapi juga akan menjadi medium untuk menghubungkan industri pelancongan ke peringkat antarabangsa. Pendigitalan juga akan memberi keupayaan untuk menggunakan analisis data bagi pelan masa hadapan. Di samping itu, ia akan memberi potensi untuk mengembangkan ekosistem pelancongan dengan lebih luas dan menghubungkan rantaian bekalan.

Pada masa ini, walaupun terdapat permintaan tinggi, masih belum ada platform perjalanan dalam talian bersepadu sepenuhnya yang boleh memberi perkhidmatan kepada orang ramai dari seluruh dunia yang menyediakan pengurusan perjalanan secara menyeluruh, dan pada masa yang sama boleh membeli produk dan perkhidmatan tempatan. Selaras dengan Dasar Pelancongan Negara 2020-2030 dalam usaha pendigitalan untuk memacu inovasi dan daya saing, pembangunan 2 platform pelancongan dalam talian bersepadu sepenuhnya telah dikenal pasti sebagai program pembangunan. Kedua-dua platform unik ini akan menjadi platform bersepadu tempatan pertama seumpamanya di dunia.

Langkah Pelaksanaan

Program Pembangunan 1.1 : Platform 1 - Bagi Pelancongan dan Aktiviti Kembara

Kerajaan berhasrat untuk membangunkan platform perjalanan digital bersepadu sepenuhnya melalui kerjasama awam-swasta (PPP) yang juga berperanan sebagai pusat pasaran. Ini akan memperkasa Bumiputera supaya lebih berdaya saing di pasaran global dan memanfaatkan permintaan platform bersepadu tempatan. Platform pertama ini menyediakan penyelesaian menyeluruh untuk menyokong dan mengembangkan industri pelancongan di negara ini. Pusat pasaran pelancongan bersepadu dalam talian ini merangkumi panduan perjalanan yang komprehensif; direktori pembekal pelancongan tempatan; platform e-Dagang untuk tempahan dan transaksi dalam talian; serta ia mempunyai komponen analitik data raya untuk perniagaan, dasar dan proses membuat keputusan. Kesemua ini akan berada dalam satu platform tunggal dan bersepadu yang dikuasakan oleh kecerdasan buatan (AI) dan pembelajaran mesin (*machine learning*).

Platform bersepadu ini akan menambah baik kaedah tempahan perjalanan tradisional kerana ia menyediakan perkhidmatan perjalanan menyeluruh. Seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 12, pengguna akan merasai

Rajah 12 : Platform Integrasi yang Menyediakan Penyelesaian Menyeluruh Sektor Pelancongan Tempatan



pengalaman yang lancar kerana platform ini membolehkan ekosistem perjalanan yang mengutamakan pelancong dan memberi peluang kepada pengguna untuk membeli produk tempatan, terutamanya daripada industri kraftangan tradisional. Di samping itu, cadangan nilai program pembangunan ini akan mengelakkan aliran wang keluar, ketirisan cukai serta kehilangan data. Platform ini akan memenuhi keperluan pemain industri besar seperti perhotelan dan syarikat penerbangan, serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan individu yang ingin menjual produk atau perkhidmatan mereka (contohnya, kraf, kelas memasak dan seumpamanya).

Program Pembangunan 1.2 : Platform 2 - Platform Bersepadu Sepenuhnya bagi Pengalaman Pelancongan yang Lancar

Platform kedua yang disasarkan melalui program ini adalah pembangunan platform tempatan yang setaraf dengan Expedia. Platform ini akan dibina melalui kerjasama PPP dan akan membolehkan pengunjung mempunyai pengalaman dalam talian yang menyeluruh di mana mereka boleh meninjau, menempah, dan membayar produk dan perkhidmatan. Pada masa ini tiada platform perjalanan dalam talian bersepadu tempatan yang disasarkan untuk pasaran Malaysia sahaja. Oleh itu, usaha untuk merealisasikan platform tempatan perjalanan mempunyai potensi yang tinggi. Platform pelancongan bersepadu tempatan pertama ini akan diasaskan oleh perusahaan tempatan 100% milik Bumiputera, sekali gus meningkatkan lagi penyertaan Bumiputera dalam sektor ini.

Rajah 13 : Platform Expedia Tempatan yang Membolehkan Pelancong Merasai Pengalaman Menyeluruh



Model perniagaan Expedia telah terbukti berjaya dan kajian telah membuktikan bahawa 97% pengguna sudah biasa dengan Expedia. Selain itu, 61% pengguna menganggap Expedia lebih baik berbanding ejen pelancongan dalam talian yang lain.²⁴ Platform inovasi pengurusan seperti Expedia yang memudah cara perjalanan menyeluruh yang lancar mempunyai potensi untuk mendapat keuntungan, terutamanya apabila ia dipadankan dengan pemahaman tempatan yang lebih baik. Pada masa ini, platform ini disediakan untuk pemain industri utama atau rakan strategik seperti syarikat penerbangan dan perhotelan yang menawarkan produk mereka. Walau bagaimanapun, dalam masa terdekat, platform ini juga akan memperluas pasarannya untuk memperluas pasarannya kepada aktiviti lain seperti penjualan tiket kunjungan, penempahan tiket penerbangan dan hotel. Ia menggunakan modus operandi yang sama dengan Expedia dalam memperluas platform perjalanannya.

Pembiayaan

Platform digital perjalanan pertama akan memerlukan kira-kira RM31.57 juta dalam jumlah pembiayaan. Platform digital perjalanan kedua pula akan memerlukan jumlah pembiayaan kira-kira RM10 juta. Dana ini akan diperlukan untuk membangunkan kedua-dua platform.

Impak

Sumbangan **GOS** bagi **platform digital pertama** dianggarkan berjumlah **RM49 juta** pada 2030, dengan potensi mewujudkan **66** pekerjaan langsung, manakala sumbangan **GOS** untuk **platform digital kedua** adalah kira-kira **RM51 juta** pada 2030, dengan potensi mewujudkan **28** pekerjaan langsung. Platform digital ini juga secara tidak langsung dijangka akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada ekonomi tempatan.

²⁴ Expedia

Pemboleh
Daya

#1

**Penyertaan Hotel Tempatan,
Penyedia Perkhidmatan
Hiburan, Dan Lain-Lain**

Di bawah TPB2030, Kerajaan Malaysia akan memberi keutamaan untuk memudah cara pertumbuhan dan pembangunan pelancongan digital di Malaysia dengan memacu penyertaan hotel tempatan, penyedia perkhidmatan hiburan dan banyak lagi di dalam platform ini. Ini adalah langkah penting untuk menyediakan pemain Bumiputera untuk persaingan global dan mencapai skala ekonomi yang diperlukan untuk menembusi pasaran global, sekali gus mampu memenuhi objektif dan matlamat untuk pendigitalan pelancongan di Malaysia.

Tema 2:

PENGUKUHAN PRODUK PELANCONGAN TEMPATAN

Program
Pembangunan

#2

**Membangunkan Taman Tema
Kandungan Tempatan**

Rasional

Tempat tarikan berasaskan tema seperti Universal Studios Theme Park, Disneyland, dan Warner Bros. Studio Tour London menerima sejumlah besar pelancong setiap tahun dengan menggunakan kelebihan pengikut dan peminat tayangan animasi atau layar yang dimiliki. Malaysia perlu mengambil peluang dengan mengukuhkan penawaran tempatan dan mewujudkan kedudukan antarabangsa yang kukuh. Dengan memanfaatkan tawaran sedemikian, Malaysia mempunyai keupayaan untuk menarik pengunjung dari seluruh dunia,

terutamanya negara jiran. Melalui penerokaan kejayaan animasi tempatan yang terkenal, Malaysia berpotensi untuk membawa pemain Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi. Tema ini mewakili inisiatif swasta yang diterajui oleh industri baharu untuk membangunkan penawaran tempatan. Dengan kemudahan dan sumber yang betul, jenama yang dikenali sebagai produk tempatan mempunyai potensi untuk menjadi pesaing global.

Langkah Pelaksanaan

Pembangunan Taman Tema Kandungan Tempatan yang akan menampilkan watak animasi tempatan telah dikenal pasti sebagai salah satu program pembangunan di bawah TPB2030 kerana ia berpotensi mewujudkan peluang yang besar untuk pertumbuhan ekonomi dan pekerjaan. Taman tema ini akan berasaskan animasi tempatan yang mempunyai pengaruh yang kuat di Malaysia dan seluruh Asia Tenggara. Penawaran tempatan ini mempunyai pengikut tegar di negara-negara jiran seperti Indonesia kerana nilai bahasa dan budaya yang sama. Animasi popular ini juga telah memenangi pelbagai anugerah, di dalam dan di luar negara, dan oleh kerana sokongan pengikut tempatan dan antarabangsa yang mantap, ia telah menjadi saluran YouTube Malaysia pertama yang mencecah 10 juta langganan. Taman tema yang canggih ini akan menjadi taman tema dan studio animasi dalaman interaktif pintar di mana peminat akan diberi peluang untuk berinteraksi dengan watak-watak daripada animasi popular dan merasai pengalaman dan pengembaraan yang ditawarkan oleh taman tema ini.

Taman tema ini juga akan menjadi pusat jualan barangan animasi, dan ia juga akan menyediakan pusat makanan dan minuman di manapengusaha Bumiputera dapat mengambil bahagian dengan menjual makanan dan minuman mereka. Bagi memastikan lebih ramai pengusaha Bumiputera dapat memanfaatkan sepenuhnya program pembangunan ini, keutamaan untuk mengendalikan kedai makanan dan minuman akan diberikan kepada ahli Persatuan Peruncit berkaitan.

Taman tema akan terletak di Semenanjung Malaysia dan dijangka akan dapat

menggalakkan industri pelancongan domestik. Taman tema ini dijangka akan siap dan beroperasi menjelang tahun 2024.



Pembiayaan

Program pembangunan ini dianggarkan akan memerlukan jumlah pembiayaan kira-kira RM400 juta dalam tempoh 3 tahun. Pembiayaan ini akan digunakan untuk pembinaan dan pembangunan taman tema.

Impak

Taman tema ini dijangka menjadi pemangkin kepada aktiviti pelancongan di rantau ini dan akan menarik pelancong dari seluruh Asia Tenggara, terutamanya dari Indonesia. Taman tema ini diunjurkan akan mencapai kira-kira 335,000 pengunjung pada tahun 2030. Sumbangan **GOS** program pembangunan ini dianggarkan berjumlah **RM190 juta** pada tahun 2030, dengan peluang mewujudkan **735** pekerjaan langsung secara keseluruhan.

Pemboleh
Daya

#2

**Perkongsian dengan
Pengusaha Pelancongan
Tempatan**

Untuk memastikan kejayaan program pembangunan ini dan mencapai visi serta matlamat yang dikenal pasti di dalam KEGA ini, Kerajaan akan memberi penekanan kepada amalan terbaik yang akan digunakan, iaitu

bekerjasama dengan pengusaha pelancongan tempatan dengan tujuan meningkatkan kecekapan pemasaran, serta capaian dan jangkauan pasaran. Perkongsian ini memainkan peranan penting untuk memajukan lagi sektor pelancongan dan komuniti yang menyokong sektor ini. Ia akan mewujudkan situasi menang-menang kerana pengusaha pelancongan tempatan diberi peluang untuk mengambil bahagian dan menghasilkan pakej yang menarik dan berdaya saing yang bukan sahaja akan mendorong lebih ramai pengunjung ke taman tema, tetapi juga ke tempat-tempat pelancongan lain di negara ini.

Pemboleh
Daya
#3

**Pemasaran Berterusan dan
Berfokus**

Kerajaan akan memanfaatkan platform media sosial untuk menguatkan capaian pasaran dengan melibatkan pengengaruh media sosial bagi kempen pemasaran peringkat kebangsaan dan Negeri. Peruntukan khas bajet oleh Tourism Malaysia untuk menaja perjalanan pengengaruh media sosial mungkin diperlukan untuk menggerakkannya dengan lebih berkesan. Selain itu, Kerajaan dijangka merancang 2 kempen 'Tahun Melawat Malaysia' pasca pandemik. Kempen-kempen ini akan memberi peluang untuk mempamerkan produk baharu, contohnya taman tema kandungan tempatan, dan meningkatkan jumlah pengunjung dan urus niaga pelancongan. Kesan potensi melalui kempen ini dapat dilihat melalui kempen Tahun Melawat Malaysia 2007, di mana pertumbuhan terimaan pelancong meningkat dua kali ganda daripada 14% kepada 27%, dan pertumbuhan pengunjung naik tiga kali ganda daripada 6% kepada 20%.²⁵

²⁵ *Tourism Malaysia*

Tema 3:

MEMANFAATKAN KELEBIHAN DAYA SAING MALAYSIA DI PERINGKAT GLOBAL

Program
Pembangunan

#3

Memperkenalkan Pelayaran Mesra Muslim

Rasional

Industri pelayaran global bernilai ASD134 bilion dan menjana 1.11 juta pekerjaan pada tahun 2017. Pada tahun 2019, industri ini dianggarkan menawarkan perkhidmatan kepada 30 juta penumpang di seluruh dunia. Industri pelayaran telah berkembang dua kali ganda daripada industri pelancongan global dengan CAGR sebanyak 10%. Menjelang tahun 2030, industri pelayaran secara keseluruhannya dijangka mencapai ASD478 bilion. Di Malaysia sahaja, penumpang kapal persiaran telah berkembang pada CAGR 38% daripada 352,322 penumpang pada tahun 2014 kepada 924,885 penumpang pada tahun 2017.²⁶

Pelayaran secara umum sering dikaitkan dengan hiburan, perjudian, alkohol, dan makanan tidak Halal. Namun, dengan pertumbuhan pasaran pelayaran yang tinggi, satu segmen pasaran telah muncul di Malaysia: Pelayaran Mesra Muslim. Pada tahun 2018, Genting Dream Cruise menjadi syarikat pelayaran pertama memperkenalkan pilihan masakan Halal yang disahkan JAKIM. Popularitinya menunjukkan bahawa terdapat permintaan yang semakin meningkat dalam segmen ini. Pasaran pelancongan pelayaran mesra Muslim menjanjikan potensi yang besar, namun pada masa ini tidak ada pemain yang cukup untuk memenuhi permintaan tersebut.. Hanya beberapa pengendali pelancongan Malaysia menyediakan pakej pelancongan mesra Muslim, dan hanya satu (1) pengendali di dunia menyediakan perkhidmatan pelayaran

mesra Muslim yang menggabungkan makanan Halal dan amalan Islam ke dalam program mereka.



Langkah Pelaksanaan

TPB2030 telah mengenal pasti Pelayaran Mesra Muslim sebagai segmen pelancongan baharu dalam industri pelayaran seiring dengan pertumbuhan populasi Islam di rantau ini yang berpotensi untuk meraih permintaan yang tinggi. Pelayaran Mesra Muslim akan dapat memenuhi permintaan ini khususnya kepada pasaran komuniti Islam kerana ia mempunyai potensi besar untuk diterokai, memandangkan terdapat lebih 300 juta umat Islam di Asia Tenggara. Untuk menggalakkan Pelayaran Mesra Muslim di Malaysia, Kerajaan berhasrat untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim, dengan memudah cara dan memberi insentif kepada pengusaha Bumiputera untuk menyediakan pakej pelancongan mesra Muslim. Dikendalikan oleh pengusaha Bumiputera, Pelayaran Mesra Muslim akan merangkumi program *Islamik* serta pelbagai aktiviti dan kemudahan riadah mesra Muslim di atas kapal. Ia juga akan mempunyai dapur yang akan menghidangkan masakan Halal sahaja.

²⁶ *Tourism Malaysia*

Rajah 14: Kajian Kes yang Membandingkan Ukur Rujuk Pelayaran Mesra Muslim Tempatan dan Antarabangsa

Ukur Rujuk Antarabangsa

Dream Cruise

- Ini adalah syarikat pelayaran antarabangsa yang dikendalikan Genting Hong Kong
- Bermula pada tahun 1993 dengan ibu pejabat di Hong Kong
- Pada tahun 2018, memulakan pensijilan makanan Halal untuk salah satu restoran yang terdapat di atas kapal layarnya
- Pada tahun 2020, menawarkan pelayaran pakej lengkap patuh Syariah. Pakej meliputi:
 - Makanan bersijil Halal
 - Perkhidmatan mesra Muslimah (perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan spa & terapi, kolam renang dan pusat sukan)
 - Al-Quran untuk tetamu
 - Fasiliti solat
 - Perkhidmatan Ramadan (juadah bersahur dihantar ke bilik, bufet berbuka puasa dan majlis solat terawih)
- Harga bermula daripada ASD427 hingga ASD956



Ukur Rujuk Tempatan

PelayaranIslamik.com

- Perniagaan ini diasaskan di Malaysia dan dikendalikan oleh Intratama Travel Consultant & Tours (M) Sdn Bhd
- Menggunakan kapal pelayaran Quantum of the Seas dan Royal Caribbean
- Bagi lawatan 4 hari, harga seorang bermula daripada RM3,337 untuk bilik tanpa tingkap manakala RM5,117 untuk bilik dengan balkoni dan pemandangan laut
- Pakej meliputi:
 - Semua juadah atas kapal (Halal)
 - Qiamullail, Kulliyah dan Tazkirah oleh penceramah Islam terkenal
 - Semua aktiviti pelayaran Islam
- Kemudahan di atas kapal termasuklah wifi internet percuma, *flowrider*, *ripcord*, kompleks sukan, ruang istirahat, tembok panjat, pelbagai restoran, auditorium antarabangsa, ruang beli belah mewah dan makan malam perdana.



Pembiayaan

Program pembangunan ini dianggarkan akan memerlukan jumlah pembiayaan kira-kira RM3.61 bilion. Ini akan digunakan untuk memajak kapal persiaran bagi tujuan pelaksanaan Pelayaran Mesra Muslim.

Impak

Kejayaan program pembangunan ini akan membuka jalan kepada pengendali pelayaran dan pelancongan Bumiputera untuk memainkan peranan utama dalam membentuk masa depan pasaran pelancongan pelayaran mesra Muslim Malaysia. Dengan sasaran operasi 15 pengusaha pelancongan mesra Muslim, sumbangan **GOS** program pembangunan ini dianggarkan berjumlah **RM643 juta** menjelang 2030, dengan potensi mewujudkan **454** pekerjaan langsung secara keseluruhan.



Rasional

Malaysia yang berada di kedudukan pertama dalam Indeks Perjalanan Muslim Global 2019 berpotensi untuk menjadi pemangkin Hab Transit Umrah bagi rantau Asia Pasifik. Pada masa ini, terdapat beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh jemaah umrah. Pertama, terdapat kesesakan di kaunter imigresen di lapangan terbang Jeddah dan Madinah. Kedua, terdapat kaunter imigresen yang terhad bagi memproses dokumentasi untuk ribuan jemaah Umrah. Ketiga, proses pelepasan imigresen di Jeddah dan Madinah mengambil masa kira-kira 3 hingga 4 jam. Di bawah *Saudi Arabia's Vision 2030*, selain daripada hasrat untuk menjadi


Pusat Dunia Arab dan Islam serta kuasa besar pelaburan dan hab penghubung untuk Asia, Eropah, dan Afrika, Kerajaan Arab Saudi juga bercita-cita untuk meningkatkan jumlah jemaah haji daripada 8 juta kepada 30 juta pada tahun 2030.²⁷ Ini merupakan peluang bagi Malaysia, terutamanya bagi Bumiputera, kerana ia dapat memudahkan Arab Saudi mencapai matlamat mereka dengan meletakkan Malaysia sebagai Hab Transit Umrah untuk Asia Pasifik. Malaysia mempunyai kelebihan yang unik kerana telah dianugerahkan kemudahan e-VISA oleh Arab Saudi. Tambahan pula, Malaysia adalah satu-satunya negara di rantau ini yang terpilih untuk inisiatif Perkhidmatan Jalan Mekah, yang bertujuan memudahkan proses pra-pelepasan jemaah Haji dan Umrah Malaysia.

Langkah Pelaksanaan


Kerajaan berusaha menjadikan Malaysia sebagai Hab Transit Umrah. Program pembangunan ini akan dimanfaatkan melalui hubungan istimewa Malaysia dan Arab Saudi berdasarkan kepada hubungan yang kukuh melalui pengangkutan darat, udara dan air dengan kawasan sekitarnya. Sebagai Hab Transit Umrah, Malaysia akan mempunyai akses kepada rantau Asia Pasifik yang mempunyai penduduk Islam kira-kira 1 bilion. Di bawah program pembangunan ini, Malaysia berpotensi untuk mendapat tambahan 2.5 juta jemaah Umrah dari negara jiran menjelang tahun 2030, seperti ditunjukkan dalam Rajah 15. Di samping itu, terdapat 4 hingga 5 penerbangan setiap hari dari Kuala Lumpur ke Arab Saudi dan kekerapan tersebut boleh memberi perkhidmatan yang secukupnya kepada sebilangan besar jemaah yang menunaikan Ibadah Umrah.

Rajah 15 : Jemaah Umrah Malaysia dan Potensi Bakal Jemaah Umrah dari Negara Jiran

Bilangan Jemaah Umrah Malaysia
Bilangan Jemaah (Ribu)



Potensi Bakal Jemaah Umrah dari Negara Jiran
Bilangan Jemaah (Ribu)



Sebagai peneraju dalam pembangunan produk dan rantaian nilai Halal, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk memenuhi peranan sebagai Hab Transit Umrah serantau. Dalam konteks ini, ia merupakan peluang untuk Malaysia membekalkan keseluruhan spektrum produk dan perkhidmatan Halal untuk pasaran Muslim yang ingin menunaikan Umrah.

Program pembangunan ini juga akan memberi manfaat kepada Agensi pelancongan tempatan kerana mereka boleh mula memasarkan pakej Umrah ke negara bukan Islam seperti China, Vietnam, Korea Selatan, dan Jepun. Agensi pelancongan tempatan boleh menyediakan pakej menyeluruh untuk Umrah, termasuk logistik, penginapan, kelas persediaan Umrah, dan pakej lawatan singkat ke Malaysia.

Pembiayaan

Pembiayaan untuk program ini akan ditentukan selepas perbincangan lanjut dengan pihak berkepentingan yang berkaitan.

Impak

Sumbangan **GOS** program ini dianggarkan berjumlah **RM25.98 bilion** pada tahun 2030, dengan potensi mewujudkan **279** pekerjaan langsung secara keseluruhan. Dengan kejayaan pelaksanaan program pembangunan ini, 2.5 juta warga asing akan memulakan perjalanan menunaikan Umrah dari Malaysia.

²⁷ Kingdom of Saudi Arabia's Vision 2030

²⁸ Tourism Malaysia


Program Pembangunan
#5
**Transformasi Langkawi
Sebagai Pulau Bebas COVID-19**

Rasional


Pandemik COVID-19 yang melanda dunia serta Malaysia khususnya memberi impak yang tidak pernah dialami sebelum ini dan menjejaskan industri pelancongan. Kunjungan pelancong antarabangsa ke Malaysia menjunam sebanyak 83.4% pada 2020 berbanding tahun sebelumnya. Begitu juga, terimaan pelancongan Malaysia menjunam sebanyak 85.3% daripada RM86.14 bilion pada tahun 2019 kepada RM12.69 bilion pada tahun 2020. Purata perbelanjaan per kapita mencatatkan penyusutan sebanyak 11.3% daripada tahun 2019 berjumlah RM3,300 kepada RM2,928 pada tahun 2020.²⁸

Rajah 16 : Kesan Penularan Pandemik terhadap Industri Pelancongan Malaysia


Ketibaan Pelancong Malaysia (2020)
Bilangan pelancong



Terimaan Pelancong Malaysia (2020)
RM Bilion



Perbelanjaan Pelancong Malaysia (2020)
RM Bilion



Sumber: Tourism Malaysia

Bagi menangani isu yang dihadapi ini, Kerajaan perlu mencari jalan untuk mengembalikan semula kunjungan pelancong antarabangsa ke Malaysia bagi menyokong dan mengekalkan industri pelancongan tempatan.

Langkawi merupakan pusat destinasi yang kaya dengan hutan hujan tropika yang subur, pantai yang indah, lagenda tempatan, tempat membeli-belah bebas cukai, dan sentiasa dipenuhi dengan pelbagai aktiviti pelancongan. Warisan ekonomi yang ideal ini membolehkan Langkawi untuk menerajui pemulihan industri pelancongan di Malaysia.



Langkah Pelaksanaan

Kerajaan akan menghidupkan semula ekonomi pelancongan pulau ini dengan menjadikan Langkawi, yang mempunyai populasi kira-kira 111,500 orang sebagai kawasan keutamaan di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Pelaksanaan ini akan membolehkan Langkawi mencapai imuniti kelompok. Pemudahcaraan oleh Kerajaan akan membuka jalan kepada Langkawi untuk dimasukkan ke dalam gelembung perjalanan (*travel bubble*) yang dikenal pasti secara strategik oleh Kerajaan.

Untuk mengekalkan nisbah imuniti kelompok, bilangan pelawat masuk (tempatan dan antarabangsa) yang tidak divaksin dan belum divaksin COVID-19 tidak boleh melebihi 30% daripada penduduk tempatan. Selain itu, gelembung perjalanan antara negara-negara akan diwujudkan untuk memastikan ketibaan antarabangsa hanya dari negara-negara yang mempunyai kesjangkitan COVID-19 yang rendah dan sederhana. Sebuah Agensi penyelarasan akan ditubuhkan untuk memantau bilangan pelawat yang datang ke Langkawi.

Program pembangunan ini akan menjadi pemangkin yang akan merangsang semula pertumbuhan pelancongan dan ekonomi di Langkawi, dan akan memberi manfaat kepada masyarakat Bumiputera secara umum. Langkawi akan dapat mengalukan kedatangan pelancong antarabangsa dan domestik serta mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi membendung penularan virus itu. Tambahan pula, SOP terperinci akan dilaksanakan demi menjamin keselamatan untuk semua. Bagi pelawat antarabangsa, SOP termasuk ujian RT-PCR akan dijalankan 3 hari sebelum pelepasan dan memastikan pengunjung bebas daripada sebarang gejala radang paru-paru, batuk, atau demam sebelum memasuki Langkawi. Bagi pengunjung domestik, SOP tersebut hanya akan memerlukan pengunjung bebas daripada sebarang gejala radang paru-paru, batuk, atau demam sebelum memasuki Langkawi. SOP boleh berubah dari masa ke masa tertakluk kepada nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dan juga Majlis Keselamatan Negara Malaysia (MKN).

Pembiayaan

Pembiayaan untuk program ini akan ditentukan selepas perbincangan lanjut dengan pihak berkepentingan yang berkaitan.

Impak

Impak kejayaan program pembangunan ini akan membawa masuk pelancong dan merangsang semula pertumbuhan pelancongan dan ekonomi di Langkawi, dan kesan limpahan dijangka membawa manfaat ekonomi kepada masyarakat setempat. Sumbangan **GOS** program ini dianggarkan berjumlah **RM6.47 bilion** pada tahun 2030.

Pemboleh Daya #4	Sokongan dan Mudah Cara daripada Kerajaan
-------------------------------	--

Di bawah TPB2030, Kerajaan Malaysia akan memainkan peranan penting dalam menyediakan sokongan dan pemudahcaraan kepada program pembangunan yang dikenal pasti dalam tema ini dengan matlamat untuk

memanfaatkan sepenuhnya kelebihan daya saing Malaysia. Penglibatan Kerajaan dalam memainkan peranan ini akan mewujudkan nilai yang lebih baik dari segi kecekapan serta keberkesanan pelaksanaan. Tambahan pula, disebabkan pandemik COVID-19, Kerajaan akan meningkatkan hubungan Kerajaan dengan Kerajaan (G2G) untuk menggalakkan perjalanan dua hala yang selamat dan ini akan mencapai pemahaman dan peraturan setempat yang sama melalui SOP yang dikongsi.

Kementerian dan Agensi berkaitan hendaklah memutuskan dan menyediakan SOP untuk membenarkan ketibaan antarabangsa yang disasarkan seperti membuka sempadan bagi penerbangan terus antarabangsa ke Langkawi dan mempercepatkan eVISA dan pra-pelepasan perkhidmatan umrah kepada umat Islam dari negara lain. Memandangkan Malaysia sudah memulakan perbincangan dengan negara jiran mengenai gelembung perjalanan, penilaian perkembangan semasa bersifat organik perlu diperhebatkan. Di samping itu, Kerajaan juga akan memperkemas dasar dan lesen dalam kalangan pihak berkepentingan yang berkaitan.

Tema 4: MENINGKATKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR PELANCONGAN

Program Pembangunan #6	Penganugerahan Konsesi Perkhidmatan Dalam Kluster Ekopelancongan dan Taman Negara
-------------------------------------	--

Rasional

Malaysia mempunyai banyak kelebihan dari segi ekopelancongan berikutan kedudukan lokasi yang strategik di hutan hujan tropika

Rajah 17 : Perkhidmatan Sokongan yang Akan Diswastakan di 60 Kluster Ekopelancongan dan Taman Negara

60 KLUSTER EKOPELANCONGAN DAN TAMAN NEGARA



yang kaya dengan biodiversiti. Walaupun sebahagian daripada geografi negara diliputi hutan dara, ekopelancongan masih kekal sebagai segmen yang belum diterokai dan berpotensi untuk diperkasakan oleh pengusaha Bumiputera dalam industri pelancongan.

Di peringkat global, banyak negara telah memanfaatkan potensi mereka dalam ekopelancongan dan menjadikan khazanah semula jadi mereka sebagai tempat wajib dikunjungi pelancong. Ia adalah satu kelaziman untuk Malaysia, yang kaya dengan persekitaran

semula jadi, untuk berbuat sedemikian. Selain memulihara dan memelihara alam sekitar, ekopelancongan dan taman negara juga akan memberi manfaat kepada negara dengan merangsang pembangunan sosioekonomi dan mewujudkan peluang bukan sahaja kepada Bumiputera, tetapi juga masyarakat setempat di sekitarnya.

Pada masa ini, terdapat 115 Taman Eko Rimba dan 3 Hutan Taman Negara di Malaysia. Untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi ekopelancongan dan taman negara, Kerajaan mengenal pasti peluang untuk menswastakan perkhidmatan sokongan dalam kluster ekopelancongan dan taman negara untuk memastikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi. Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025 menekankan bahawa ini dapat direalisasikan dengan menganugerahkan konsesi kepada sektor swasta untuk menguruskan perkhidmatan di taman negara atau kawasan perlindungan di semua tapak ekopelancongan. 2 contoh konsesi sedia ada adalah di Taman Negara Mulu, Sarawak dan Mutiara Taman Negara, Pahang.

Langkah Pelaksanaan

Pelan Induk ini bertujuan untuk menswastakan perkhidmatan sokongan di taman negara atau kawasan perlindungan. Matlamat utama program pembangunan ini, melalui pemudahcaraan Kerajaan, adalah untuk memohon dan melaksanakan Dasar *Carve-Out and Compete* yang akan memperuntuk sekurang-kurangnya 60% daripada nilai projek konsesi untuk pengusaha Bumiputera. Selain itu, salah satu fokus untuk program ini adalah untuk mempercepat kelulusan pembinaan *ecolodges* di pelbagai taman negara.

Dengan menswastakan perkhidmatan di taman negara atau kawasan perlindungan, tahap perkhidmatan dalam kluster ekopelancongan dan taman negara dijangka meningkat dan bertaraf tinggi. Penambahbaikan akan dilakukan dari segi penginapan, kemudahan serta kesalinghubungan. Peningkatan infrastruktur ini merupakan langkah yang perlu kerana Malaysia mempunyai keperluan untuk meningkatkan infrastruktur perkhidmatan pelancongannya setaraf dengan negara

jiran.²⁹ Penambahbaikan sedemikian juga akan dapat menampung pertumbuhan pelancong, membantu pemain swasta memasarkan penginapan dengan lebih baik, dan pada masa yang sama memperkasa dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Pembiayaan

Program pembangunan ini dianggarkan akan memerlukan pembiayaan kira-kira RM550 juta. Pembiayaan ini akan digunakan untuk pembinaan *ecolodges* di pelbagai kawasan kluster ekopelancongan dan taman negara.

Impak

Di bawah program pembangunan ini, jumlah pengunjung ke semua taman negara di Malaysia dijangka akan mencecah paras 4.9 juta menjelang tahun 2030, berbanding 2.8 juta pada tahun 2018. Sumbangan **GOS** program pembangunan ini dianggarkan berjumlah **RM470 juta** pada 2030, dengan potensi mewujudkan **2,104** pekerjaan langsung. Program pembangunan ini juga dijangka akan merangsang pembangunan sosioekonomi bukan sahaja Bumiputera, tetapi juga masyarakat setempat di sekitarnya.



Rasional


Industri persidangan perniagaan (*business conference*) dan acara utama semakin diiktiraf sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi. Pada tahun 2018 sahaja, Malaysia menjadi tuan rumah kepada 152 persidangan perniagaan antarabangsa yang menyumbang RM1.58 bilion kepada ekonomi Malaysia.³⁰ Pelan Pemasaran Strategik Persidangan Perniagaan Malaysia (SMP) 2021-2030, pelan yang diterajui oleh Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (MyCEB), kini sedang berusaha untuk menjadikan industri acara perniagaan Malaysia berada pada kedudukan 5 teratas di dunia dalam tempoh 10 tahun akan datang. Melalui

pelaksanaan SMP, MyCEB berhasrat untuk membawa Ekspo Dunia ke Malaysia kerana negara-negara Asia Tenggara yang lain masih belum menganjurkan sebarang ekspo asing, dan ini dijangka berkembang dan melonjakkan Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE).

Walaupun Kerajaan Malaysia telah menyediakan sokongan kewangan kepada pemain tempatan untuk menjadi tuan rumah acara-acara utama, penyertaan Bumiputera dalam segmen ini masih sangat rendah. Dasar *Carve-Out and Compete* sedia ada telah berjaya mewujudkan peluang bernilai RM67.39 bilion kepada usahawan Bumiputera, namun kebanyakannya dalam sektor pembinaan yang tidak memberi kesan langsung kepada industri pelancongan. Kerajaan perlu memperluas Dasar *Carve-Out and Compete* semasa untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam sektor ini, memperkasa pembangunan sosioekonomi Bumiputera, dan pada masa yang sama menggalakkan pertumbuhan industri.

Pelaksanaan program pembangunan ini akan diperluas dan menjadi pemangkin untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam segmen pelancongan sekali gus membangunkan sektor ini. Dengan pemudahcaraan dan intervensi Kerajaan, program pembangunan ini akan memperuntuk sekurang-kurangnya 50% daripada semua nilai projek acara perniagaan dan acara utama yang menerima geran Kerajaan kepada perusahaan Bumiputera.

Rajah 18: Anggaran Jumlah Perbelanjaan untuk Persidangan Perniagaan dan Acara Utama (2030)



Seperti yang digambarkan dalam Rajah 18, kos anggaran menjadi tuan rumah semua acara utama di Malaysia pada tahun 2019 adalah RM500 juta. Angka ini dijangka mencecah RM1.18 bilion pada tahun 2030. Kesan program pembangunan ini akan menyaksikan anggaran kontrak bernilai RM589 juta diberikan kepada syarikat Bumiputera pada tahun 2030.

Rajah 19: Contoh-Contoh Acara Perniagaan dan Acara Utama Teratas di Malaysia




²⁹ *Travel & Tourism Competitiveness Index 2019, Forum Ekonomi Dunia*

³⁰ *Biro Konvensyen & Pameran Malaysia (MyCEB)*

Industri pelancongan dijangka kembali ke tahap pra-COVID-19 menjelang tahun 2024. Oleh itu, dengan bajet RM1.4 bilion, 'Tahun Melawat Malaysia' boleh dilancarkan semula pasca pandemik kerana ia telah terbukti menjadi kempen penting dan memberi impak untuk merancakkan industri pelancongan Malaysia. Dengan ini, syarikat Bumiputera akan mendapat manfaat kerana sekurang-kurangnya 50% daripada perbelanjaan Kerajaan untuk 'Tahun Melawat Malaysia' akan diperuntukkan untuk syarikat Bumiputera. Hasilnya, syarikat Bumiputera akan mendapat manfaat melalui peruntukan kontrak bernilai RM700 juta. Model yang sama boleh direplikasi untuk cadangan kedua pasca pandemik 'Tahun Melawat Malaysia', kali ini dengan anggaran belanjawan RM1.9 bilion. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 20, dengan menggunakan dasar *Carve-Out and Compete*, syarikat Bumiputera akan mendapat manfaat melalui anggaran kontrak bernilai RM950 juta.

Rajah 20: Dasar *Carve-Out and Compete* akan Memperuntukkan Sekurang-kurangnya 50% Nilai kepada Bumiputera bagi Dua Tempoh 'Tahun Melawat Malaysia'



Pembiayaan

Program pembangunan ini akan dibiayai secara terbuka melalui belanjawan yang diperoleh daripada Persidangan Perniagaan dan Acara Utama dan 2 program 'Tahun Melawat Malaysia' pasca pandemik. Dengan pelaksanaan Dasar *Carve-Out and Compete*, pembiayaan sebanyak RM5.38 bilion akan diperuntukkan untuk perusahaan Bumiputera.

Impak

Dengan kejayaan pelaksanaan Dasar *Carve-Out and Compete* yang bertujuan untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam sektor ini, sumbangan **GOS** program pembangunan ini dianggarkan berjumlah **RM2.42 bilion** pada tahun 2030, dengan potensi untuk mewujudkan **3,901** pekerjaan langsung.

Pemboleh
Daya

#5

Menambahbaik Proses
Kelulusan

Bagi menjamin kejayaan pelaksanaan program pembangunan, Kementerian dan Agensi berkaitan akan memainkan peranan aktif dalam memudah cara program pembangunan dan inisiatif yang digariskan dalam TPB2030. Bagi memastikan penyampaian dan pencapaian impak ekonomi yang tepat pada masanya, Kerajaan akan menyediakan kemudahan untuk mempercepat kelulusan berkaitan program pembangunan, memperkemas dasar dan proses perlesenan antara pihak berkepentingan berkaitan serta memastikan pematuhan kepada dasar berkaitan seperti 'polisi tiada hadiah' dan sebagainya.



STRUKTUR TADBIR URUS

Program pembangunan di bawah KEGA Pelancongan akan dilaksanakan oleh TERAJU dengan kerjasama pelbagai Kementerian, Agensi, Organisasi serta pemain Bumiputera yang relevan bertujuan membuka jalan kepada lanskap yang lebih sihat dalam industri dan menyatukan usaha pembangunan Bumiputera dalam mencapai hasil yang lebih besar untuk agenda Bumiputera Malaysia. Bagi mencapai sasaran yang dikenal pasti, KEGA 7: Pelancongan dicadangkan akan dipantau oleh Jawatankuasa Pemerkasaan Agenda Bumiputera (JPAB) dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha MOTAC. Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB) dicadangkan akan bertindak sebagai sekretariat kepada JPAB dan akan memastikan semakan bulanan untuk memberikan maklum balas, bimbingan dan usaha wajar mengenai kemajuan program pembangunan.

JPAB MOTAC

Pengerusi JPAB Ketua Setiausaha

Ahli Tetap

- Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian berkaitan
- KPE dan Pengarah Agensi berkaitan

Ahli Jemputan

- Kementerian/Agensi sokongan yang berkaitan
- Pihak Berkepentingan Utama
- Pemilik Program Pembangunan

Sekretariat:

- MOTAC
- UPAB

Jawatankuasa Pemerkasaan Agenda Bumiputera (JPAB)

Pertemuan sebulan sekali

- Menjadi platform penyelaras kepada KEGA
- Memantau perkembangan program pembangunan dan KPI
- Membuat keputusan dan memberi panduan
- Menyelesaikan masalah dan isu secara menyeluruh

Pengerusi UPAB Pengarah / Setiausaha Bahagian

Ahli Tetap

- Kementerian/Agensi Pelaksana
- Pemilik Program Pembangunan

Ahli Jemputan

- Kementerian/Agensi sokongan yang berkaitan
- Pihak Berkepentingan Utama

Sekretariat:

- MOTAC
- UPAB

Peringkat Kerja UPAB

Pertemuan setiap dua minggu sekali

- Memudah cara dan memantau pelaksanaan program pembangunan
- Berbincang dan menyelesaikan isu pelaksanaan sebelum di bawa kepada JPAB

KESIMPULAN

Kerajaan telah mengenal pasti 9 program pembangunan yang akan membantu memacu penyertaan Bumiputera dalam industri pelancongan dan meningkatkan taraf sosioekonomi Bumiputera. Program-program pembangunan ini akan berfungsi sebagai pemacu awal agenda Bumiputera untuk KEGA Pelancongan dengan potensi untuk dibangunkan sepanjang fasa pelaksanaan TPB2030.

Secara keseluruhan, KEGA ini akan mewujudkan anggaran RM36.45 bilion dalam GOS pada tahun 2030, menghasilkan sejumlah 8,367 potensi pekerjaan langsung serta melibatkan jumlah pembiayaan sebanyak RM10 bilion untuk sektor Pelancongan menjelang tahun 2030.

No

01.1

01.2

02

03

04

05

06

07

08

Program Pembangunan

GOS (pada 2030) dan Pembiayaan & Pekerjaan (menjelang 2030)

Platform 1: Membangunkan Platform Dalam Talian bagi Pelancongan dan Aktiviti Kembara

GOS: **RM49 juta**
 Jumlah Pembiayaan: **RM31.57 juta**
 Pekerjaan: **66**

Platform 2: Membangunkan Platform Perjalanan Dalam Talian Bersepadu Sepenuhnya dan Pengalaman Pelancongan yang Lancar

GOS: **RM51 juta**
 Jumlah Pembiayaan: **RM10 juta**
 Pekerjaan: **28**

Membangunkan Taman Tema Kandungan Tempatan

GOS: **RM190 juta**
 Jumlah Pembiayaan: **RM400 juta**
 Pekerjaan: **735**

Pelayaran Mesra Muslim

GOS: **RM643 juta**
 Jumlah Pembiayaan: **RM3.61 billion**
 Pekerjaan: **454**

Menjadikan Malaysia Hab Transit Umrah

GOS: **RM25.98 billion**
 Pekerjaan: **279**

Transformasi Langkawi Sebagai Pulau Bebas COVID-19

GOS: **RM6.47 billion**

Penganugerahan Konsesi Perkhidmatan dalam Kluster Ekopelancongan dan Taman Negara

GOS: **RM470 juta**
 Jumlah Pembiayaan: **RM550 juta**
 Pekerjaan: **2,104**

Program *Carve-Out and Compete* daripada Acara Perniagaan dan Acara Utama


GOS: **RM2.42 billion**
 Jumlah Pembiayaan: **RM5.38 billion**
 Pekerjaan: **3,901**

Penerimagunaan Teknologi Terkini dalam Pelancongan Digital, seperti Realiti Terimbuh (AR), Realiti Maya (VR) & Kecerdasan Buatan (AI)

GOS: **RM180 juta**
 Jumlah Pembiayaan: **RM19.8 juta**
 Pekerjaan: **800**

Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera

Industri
Pertahanan &
Keselamatan
Pembinaan
Moden: IBS
Aeroangkasa





Pertahanan & Keselamatan

4 Saranan

Pembinaan Moden: IBS

7 Saranan

Aeroangkasa

3 Saranan

beta





BIDANG TRANSFORMASI EKONOMI BUMIPUTERA (BETA)

Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA) adalah sektor yang telah dikenal pasti di bawah Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) berdasarkan potensi yang belum dimanfaatkan sepenuhnya dan dapat diterokai untuk meningkatkan dan memperkasa penyertaan Bumiputera. Tujuannya adalah untuk meningkatkan penyertaan dan status sosioekonomi Bumiputera di samping membuka jalan bagi Bumiputera untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Tiga (3) bidang ekonomi yang telah dikenal pasti di bawah BETA adalah: i) Pertahanan & Keselamatan, ii) Pembinaan Modern: IBS, dan iii) Aeroangkasa. Ketiga-tiga industri ini berpotensi memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia dengan memacu ekonomi Negara, menghasilkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, dan mempercepat penggunaan teknologi.


Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera

INDUSTRI PERTAHANAN & KESELAMATAN

BETA Pertahanan & Keselamatan dapat dikategorikan kepada dua (2) subsektor; pertahanan ketenteraan dan keselamatan siber:

⁰¹ *Perbelanjaan Ketenteraan, Bank Dunia*


Rajah 1: Pertahanan Ketenteraan dan Keselamatan Siber adalah Bidang Utama di bawah BETA Pertahanan & Keselamatan



Pertahanan Ketenteraan

LATAR BELAKANG

Rajah 2 : Perbelanjaan Ketenteraan Global (1960-2020)⁰¹
% daripada KDNK




Industri pertahanan telah mengalami perubahan dengan pesat sejak beberapa dekad yang lalu. Selepas Perang Dunia Kedua dan seterusnya, kejatuhan Kesatuan Soviet pada akhir Perang Dingin, dunia menyaksikan penurunan keseluruhan perbelanjaan ketenteraan global dari segi peratusan kepada KDNK.

Walau bagaimanapun, pertahanan masih memainkan peranan penting di semua

negara dari segi melindungi dan memelihara keselamatan negara. Dengan pelbagai konflik wilayah, ketegangan antara negara, ditambah lagi dengan kegiatan keganasan yang berlaku di seluruh dunia, perancangan keselamatan dan pertahanan telah menjadi aspek yang semakin penting bagi kebanyakan negara. Hari ini, walaupun dilanda pandemik COVID-19, pasaran perbelanjaan pertahanan global mencapai ASD1.83 trilion pada tahun 2020, kenaikan sebanyak 3.9%. Sebagai sebahagian

Rajah 3 : Nilai Pasaran Perbelanjaan Pertahanan Asia Pasifik (2015-2024)
ASD Bilion



daripada KDNK, perbelanjaan global jelas mencatatkan peningkatan kira-kira 1.85% pada tahun 2019 menjadi 2.08% pada tahun 2020 ketika anggaran ketenteraan dikekalkan.⁰²

Di peringkat serantau, pasaran peruntukan pertahanan Asia-Pasifik telah mengalami pertumbuhan keseluruhan yang sihat. Pada tahun 2019, pasaran perbelanjaan pertahanan Asia-Pasifik memiliki peruntukan anggaran berjumlah ASD513 juta, mewakili Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompau (CAGR) 6.6% antara tahun 2015 dan tahun 2019. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3, trend pertumbuhan yang positif diramal berterusan sehingga tahun 2024, dengan CAGR 4.3% antara tahun 2019 hingga tahun 2024.⁰³ Trend ini dijangka berterusan walaupun pada kadar yang lebih perlahan.

Industri pertahanan merupakan antara industri


terpenting di Malaysia sejak penubuhan negara dan Malaysia kekal komited untuk melindungi kedaulatan negara dan integriti wilayah di bawah sektor ini. Sektor pertahanan memainkan peranan penting untuk kestabilan ekonomi dan telah dikenal pasti sebagai salah satu BETA di bawah TPB2030. Ini kerana terdapat potensi yang belum diterokai sepenuhnya bagi memperhebat dan memperkasa penyertaan Bumiputera dalam sektor ini dan membuka jalan kepada Bumiputera memainkan peranan lebih besar dalam industri pertahanan. Hakikatnya, bidang pertahanan menjadi aspek utama negara sejak kemerdekaan, sektor ini telah berkembang pada CAGR berjumlah 7.56% sejak tahun 1960 seperti yang dapat dilihat pada Rajah 4.⁰⁴

Kerajaan telah memperuntukkan RM15.86 bilion untuk pertahanan pada tahun 2021, iaitu peningkatan 1.8% berbanding RM15.58


bilion tahun sebelumnya.⁰⁵ Ini menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap keutamaan pertahanan nasional, walau dalam pandemik. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5,

rantaian nilai industri pertahanan meliputi pelbagai bidang khususnya di dalam 3 sektor - reka bentuk, pembuatan, dan perkhidmatan:⁰⁶

Rajah 4 : Perbelanjaan Ketenteraan Malaysia (1960-2016)
ASD Bilion



Rajah 5: Rantaian Nilai Industri Pertahanan



Pertumbuhan industri pertahanan di Malaysia telah menguntungkan Bumiputera dan ini dapat dilihat melalui penubuhan perusahaan baharu dan pengembangan perusahaan sedia ada. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh perusahaan ini termasuk penyelidikan dan pembangunan (R&D), reka bentuk, fabrikasi, penyelenggaraan, pembuatan dan penyediaan kenderaan tentera, penyelenggaraan sistem, keselamatan, pembinaan kapal, pembaikan dan baik pulih (MRO), dan banyak lagi.

⁰² Fenella McGerty, 'Global defence-spending on the up, despite economic crunch', *The International Institute for Strategic Studies, 2021*

⁰³ MarketLine Industry Profile; *Defense Spending in Asia-Pacific, Ogos 2020*

⁰⁴ *Malaysia's Military Expenditure, Bank Dunia*

⁰⁵ *Belanjawan 2021, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)*


⁰⁶ *DCX Technology*

KES UNTUK INTERVENSI

Di sebalik pertumbuhan itu, kajian terkini menunjukkan bahawa pada tahun 2021, Malaysia berada di kedudukan keenam (ke-6) daripada sembilan (9) negara di Asia Tenggara, dan tempat ke-44 daripada 140 negara di dunia berdasarkan indeks kedudukan kuasa senjata.⁰⁷ Kedudukan yang agak rendah ini adalah disebabkan oleh penurunan mendadak belanjawan pertahanan pada tahun 2019.⁰⁸

Rajah 6 : Kedudukan Kuasa Senjata Global, Asia Tenggara (2021)

Indeks Kuasa




Rumusan Ketenteraan Malaysia berdasarkan Indeks Kedudukan Kuasa Senjata Global

- Malaysia berada di kedudukan ke-6 di Asia Tenggara dan ke-44 daripada 140 negara di dunia
- Malaysia dianggarkan mempunyai 429,000 anggota tentera (1.3 % daripada jumlah populasi), seperti mana pecahan berikut
 - 110,000 anggota aktif
 - 52,000 anggota simpanan, dan
 - 267,000 anggota separa tentera
- Bagi kapal terbang, Malaysia mempunyai 147 buah terdiri daripada:
 - Helikopter (42)
 - Pesawat latihan (40)
 - Pesawat pejuang (26)
 - Pesawat pengangkut (18)
 - Pesawat serangan (13)
 - Misi khas (4)
 - Armada kapal peronda (4)
- Anggota darat terdiri kebanyakannya kenderaan berperisai (1,380), artileri (196), pelancar roket (54) dan kereta kebal (48)
- Bagi keupayaan maritim, tentera laut dilengkapi dengan kapal ronda luar pantai (32), frigat (10), korvet (6), kapal selam (2) dan peperangan periuk api (4)

Pada tahun 2019, keseluruhan anggaran belanjawan pertahanan negara telah dikurangkan sebanyak 31% berbanding tahun sebelumnya, dengan belanjawan pembangunan dikurangkan daripada RM3.26 bilion kepada RM2.93 bilion, manakala belanjawan operasi dikurangkan daripada RM16.28 bilion kepada RM10.63 bilion.⁰⁹ Walaupun Kerajaan mengakui terdapat keperluan untuk menaik taraf aset ketenteraan di Malaysia, Kerajaan turut memberi penekanan bahawa terdapat keperluan untuk menangani isu-isu lain yang mendesak terutamanya berkaitan defisit belanjawan dan hutang negara secara keseluruhan. Untuk menangani keperluan menaik taraf aset ketenteraan, Kertas Putih Pertahanan (KPP) telah dibentangkan untuk menyediakan penilaian senario pertahanan dan keselamatan negara dan mengenal pasti peranan dan tugas-tugas tertentu angkatan tentera dalam senario yang berkaitan.

Rajah 7 : Perbelanjaan Pertahanan Malaysia (2017-2021)⁰⁸
RM Juta



Walaupun tahun 2021 menyaksikan peningkatan perbelanjaan, sektor pertahanan masih menghadapi cabaran untuk mengembangkan produknya, dan ini sebahagian besar disebabkan oleh (a) perancangan yang terbatas, (b) saiz pasaran, (c) kepelbagaian spesifikasi, (d) kebergantungan pada Pengilang Peralatan Asal (OEM) asing, (e) ketidakpadanan tenaga kerja mahir, dan (f) pengurangan dana kerana keutamaan dalam sektor lain.

⁰⁷ Southeast Asian Military Powers Ranked, Global Firepower (2021)

⁰⁸ MOF, Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan, 2021

⁰⁹ Ibid

Perancangan yang terbatas

Kebanyakan perancangan perolehan aset oleh Kerajaan hanya mengambil kira keperluan jangka pendek, tanpa membentangkan analisis keperluan yang tepat dan perancangan strategik jangka panjang. Ini mengakibatkan penjajaran keutamaan yang tidak efisien terhadap aset-aset yang diperlukan oleh sektor pertahanan. Bagi menangani perkara ini, perancangan aset jangka panjang diperlukan untuk memeta dan merancang strategi perolehan Kementerian bagi mengenal pasti aset yang perlu dinaik taraf atau diganti. Analisis keperluan juga diperlukan untuk menyelaraskan pihak berkepentingan mengenai keutamaan aset bagi sektor tersebut dan memastikan terdapat penggunaan kos efektif dalam perbelanjaan pembangunan daripada Kerajaan.

Saiz pasaran

Industri pertahanan kekurangan massa kritikal untuk mendorong kepelbagaian pasaran dan pengguna untuk menyokong inisiatif eksport industri pertahanan. Pelaburan modal yang tinggi, samada di peringkat awal dan peringkat penerusan operasi, menghalang kemasukan ke sektor ini. Terdapat risiko kewangan yang tinggi untuk menubuhkan kemudahan pembuatan atau pemasangan tanpa jaminan kontrak pembekalan alat ganti atau produk kepada pembeli utama, iaitu Kerajaan Malaysia. Dalam usaha untuk mengembangkan industri ini, Kerajaan perlu menjalankan program pembangunan vendor bagi syarikat-syarikat yang dipilih dengan kedua-dua keupayaan kewangan dan teknologi, sama ada melalui pengambilalihan atau usaha sama (JV), untuk mengeluarkan sama ada bahagian atau komponen bagi mengimbangi risiko tersebut.

Kepelbagaian spesifikasi

Produk ketenteraan dan perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) merangkumi pelbagai jenis dan spesifikasi. Kuantiti untuk setiap produk dan perkhidmatan tidak membenarkan kapasiti pengeluaran atau margin keuntungan bagi syarikat tempatan. Hasilnya, Malaysia harus

mengimport produk dan perkhidmatan tersebut dan ini menyumbang kepada pengimportan produk pertahanan yang tinggi. Kerajaan sedang mencari formula untuk mengurangkan imbalan pembayaran dan mewujudkan kemampuan pengeluaran bahagian-bahagian utama di negara ini. Secara khusus, Malaysia ingin mengembangkan kemampuannya untuk merombak dan mengekalkan peralatan ketenteraan yang diperoleh.

Kebergantungan pada Pengilang Peralatan Asal (OEM) Asing

Peralatan dan perisian ketenteraan semasa bergantung kepada OEM asing. Penyelesaian jangka panjang adalah untuk Malaysia meneliti dalam membangunkan program pengurusan teknologi yang cekap dan mengurangkan kos membangunkan keupayaan teknologi tanpa menjejaskan kecanggihannya.

Ketidapadanan tenaga kerja mahir

Ketidapadanan antara pasaran dan permintaan tenaga kerja mahir adalah isu umum dalam industri pertahanan. Tujuan industri pertahanan Malaysia bukan hanya memenuhi permintaan peralatan ketenteraan tetapi juga untuk mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi dan berpendapatan lumayan. Setakat ini, hasilnya kurang memuaskan, dengan prestasi industri pertahanan domestik ketinggalan kerana peluang pekerjaan yang minimum, dan kebanyakan aktiviti berteknologi rendah.

Pengurangan dana

Seperti yang telah ditekankan, perbelanjaan pertahanan di Malaysia lebih rendah berbanding negara-negara jiran seperti Singapura. Kelembapan ekonomi adalah penyebab utama pengurangan perbelanjaan pertahanan. Dengan krisis yang ditimbulkan oleh pandemik, Kerajaan di seluruh dunia memfokuskan usaha mereka pada pembangunan kesihatan dan ekonomi. Oleh kerana industri pertahanan domestik sangat bergantung pada projek-projek Kerajaan, perbelanjaan Kerajaan yang tidak mencukupi akan menyebabkan impak yang besar

terhadap perkembangan industri pertahanan. Walaupun sumbangan industri pertahanan terhadap ekonomi nasional mungkin lebih rendah daripada industri lain, penting untuk ditekankan bahawa industri pertahanan

memiliki nilai tambah yang strategik dalam melindungi dan menjaga keselamatan, keamanan, dan kepentingan negara, dan oleh itu ia harus terus dikenal pasti dan diperkukuhkan.

VISI

KPP menyedari akan kepentingan menangani cabaran yang dihadapi oleh industri, maka visi telah dirangka yang sejajar dengan objektif dan disokong oleh teras strategik dan inisiatif yang menjurus kepada peningkatan industri. Wawasan keseluruhan yang dizahirkan oleh KPP adalah untuk terus mempertahankan Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat, berdaulat

dan sejahtera. Seperti yang dijelaskan dalam Rajah 8, wawasannya didokong oleh lima (5) objektif utama; Membangunkan Pelbagai Domain bagi Menghadapi Ancaman, Meningkatkan Daya Ketahanan Dalaman Negara, Meningkatkan Kapasiti Pertahanan, Memajukan Industri Pertahanan Tempatan, dan Melaksana Tadbir Urus Yang Baik.

¹⁰ *MinDef 2020 Kertas Putih Pertahanan (KPP)*

Rajah 8: Kertas Putih Pertahanan - Visi, Kepentingan dan Objektif

Visi Pertahanan Negara				
Malaysia sebagai sebuah negara yang aman, berdaulat dan makmur				
Kepentingan Pertahanan Negara				
Keselamatan	Kedaulatan	Kemakmuran		
Mempertahankan kawasan daratan, Zon Maritim Malaysia, laluan perairan strategik, ruang udara dan laluan komunikasi kritikal	Memelihara kemerdekaan negara menyekat campur tangan luar	Mempertahankan kemakmuran, pembangunan dan peluang pertumbuhan ekonomi negara termasuk kepentingan di luar negara		
Matlamat Pertahanan Negara				
Keupayaan Mengembangkan Domain	Mempertingkatkan Ketahanan Dalaman	Memperkuatkan Kapasiti Pertahanan	Memajukan Industri Pertahanan Nasional	Tadbir Urus yang Baik
Membangunkan pelbagai domain keupayaan untuk mengesan, mencegah dan mematahkan sebarang ancaman terhadap kepentingan pertahanan Malaysia di sepanjang 3 kawasan lapisan berpadu iaitu, kawasan hadapan, kawasan lanjutan dan kawasan teras	Mempertingkatkan daya ketahanan dalaman negara menerusi pendekatan pertahanan komprehensif melibatkan pendekatan keseluruhan Kerajaan dan keseluruhan masyarakat	Memperkuat keselamatan dan kapasiti pertahanan Malaysia melalui perkongsian berwibawa dengan mengutamakan inisiatif yang berinovasi, mengeratkan kerjasama dan merapatkan hubungan pertahanan melalui kerjasama pelbagai lapisan yang saling melengkapi antara satu sama lain	Memajukan industri pertahanan nasional sebagai pemangkin ekonomi dan kepakaran terpilih yang lebih berdikari melalui program-program yang progresif dalam memajukan bidang sains, teknologi dan industri pertahanan negara	Memastikan amalan tadbir urus terbaik bagi memperkuatkan sektor pertahanan melalui ketelusan, akauntabiliti dan kecemerlangan di dalam mengejar transformasi organisasi

OBJEKTIF PERTAHANAN NASIONAL

Untuk merealisasikan objektif tersebut, Kerajaan mempunyai pelan jangka panjang untuk membangunkan ATM dan pelan ini memerlukan pembangunan Angkatan Masa Hadapan, yang memberi tumpuan kepada keperluan untuk membina keupayaan dan merapatkan jurang yang dikenal pasti untuk melindungi kepentingan negara dan pada masa yang sama mempertahankan kedaulatan dan integriti wilayah. Ini akan didorong oleh 10 keperluan keupayaan:¹⁰

Rajah 9: 10 Keperluan Keupayaan Penting

Angkatan Tentera Malaysia



Pelan jangka panjang Kerajaan untuk membangunkan Angkatan Masa Hadapan ditumpukan kepada keperluan membina keupayaan dan menangani jurang yang dikenal pasti untuk melindungi kepentingan negara dan mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah.

Keperluan Keupayaan

10 keperluan keupayaan mengikut keutamaan adalah seperti berikut:

- I. Memperkukuh perisikan pertahanan ATM;
- II. Membangun kemampuan Aktiviti Elektromagnetik Siber (CEMA);
- III. Meningkatkan keupayaan Perisikan, Pengawasan, Perolehan Sasaran dan Peninjauan (ISTAR);
- IV. Membangunkan *Network Centric Operation* (NCO);
- V. Membangunkan Komunikasi Satelit (SATCOM) untuk meningkatkan keupayaan Perintah dan Kawalan Bersama;
- VI. Mengekal dan meningkatkan keupayaan dan tempo operasi Pasukan Khas ATM;
- VII. Domain Maritim – Meningkatkan keupayaan Tempur Maritim, dan keupayaan Daya Tahan Operasi Maritim;
- VIII. Domain Udara – Meningkatkan keupayaan Pertahanan Udara dan Serangan Udara;
- IX. Domain Darat – Meningkatkan keupayaan kuasa tembakan, mobiliti, komunikasi, logistik; dan
- X. Membangunkan keupayaan amfibi.

Pelan Pelaburan Pertahanan Negara (3PN) adalah asas untuk mereformasi bidang pertahanan yang akan dilakukan pada tahun 2021. Pembaharuan akan merangkumi 3 segmen iaitu; Keupayaan Pertahanan, Kapasiti Pertahanan, dan terakhir Industri Pertahanan, seperti yang dijelaskan dalam Rajah 10:

Rajah 10: 3 Bidang Reformasi di dalam Pelan Pelaburan Pertahanan Negara (3PN)

Kajian Semula Pelan Pembangunan

• Angkatan Masa Hadapan menggariskan lima ciri utama iaitu **kebersamaan, kebolehoperasian, berasaskan teknologi, keupayaan untuk beroperasi serentak dalam dua wilayah dan berorientasikan misi**. Ciri-ciri ini adalah penting bagi membolehkan ATM mendukung Strategi Pertahanan Negara.

• Bagi merealisasikan ciri-ciri ini, Kerajaan akan mengkaji semula Pelan Pembangunan Strategik 4DMAF sedia ada serta dokumen-dokumen berkaitan agar sejajar dengan KPP. Kajian semula ini perlu mengambil kira pelaksanaan sehingga tahun 2050 untuk merealisasikan pelan *Army 4nextG* serta pelan #15to5 dan sehingga tahun 2055 bagi pelan CAP55.

• Matlamat utama pembaharuan ini adalah memperkukuh kebolehoperasian antara 3 Perkhidmatan ATM malah dengan agensi keselamatan lain dari aspek koordinasi, perolehan dan perkongsian maklumat. Hasil kajian ini akan didaftarkan dalam **Pelan Pelaburan Pertahanan Negara (3PN)**.

Tingkatkan Kapasiti Pertahanan

• Kerajaan komited untuk mengkaji semula dasar-dasar sedia ada berkaitan dengan pengurusan sumber manusia bagi penyediaan **Rangka Tindakan Kapasiti Pertahanan (RTKP)**. Tumpuannya adalah untuk meningkatkan keberkesanan tenaga kerja pertahanan iaitu anggota Angkatan Tetap dan Angkatan Sukarela serta kakitangan awam yang berkhidmat dalam sektor pertahanan dan keselamatan.

• Bagi memaksimumkan sinergi antara ketiga-tiga Perkhidmatan ATM, Pemerintahan Angkatan Bersama (Joint Force Command, JFC) akan ditubuhkan bagi memperkukuh elemen kebersamaan dalam proses transformasi ATM. Pembangunan anggota tentera yang professional turut dilaksanakan melalui kombinasi latihan, pendidikan dan program pembangunan sendiri. Keutamaan akan diberikan kepada peningkatan kepakaran sains, teknikal dan pengurusan ke arah melahirkan askar pintar.

Tambah Baik Dasar Pertahanan

• Kerajaan untuk mengetengahkan satu pendekatan baharu dalam dasar sains, teknologi dan industri pertahanan. Bagi tujuan itu Kerajaan komited untuk memperkukuh inisiatif industri pertahanan sedia ada dengan menggubal Dasar Industri Pertahanan Negara (DIPN) yang berperanan sebagai kerangka dasar dan panduan pembangunan sektor ini.

• Dalam usaha memacu industri pertahanan negara, Kerajaan akan melaksanakan penstrukturan semula organisasi berkaitan industri pertahanan bagi memantau pelaksanaan DIPN dan mencapai tadbir urus yang terbaik. Penstrukturan ini termasuk memperkasa bahagian dan Agensi sedia ada dalam merancang dan melaksanakan prosedur kerja yang telus dan berkesan.

Dalam segmen industri pertahanan, Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara merangkumi 5 teras strategi utama yang berperanan dalam mengatur bidang fokus kerangka dasar. Seperti yang dihuraikan dalam Rajah 11, 5 teras strategik adalah: Pembangunan Modal Insan; Pembangunan Teknologi; Pembangunan Perindustrian; Ke Arah Keberdikarian; dan Menembusi Pasaran Global.

Rajah 11: 5 Teras Strategik Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara

Teras	Maklumat
1 Pembangunan Modal Insan	Menggalakkan penghasilan tenaga kerja pakar dengan kemahiran dan pengetahuan yang selari dengan keperluan industri pertahanan;
2 Pembangunan Teknologi	Menyediakan dana penyelidikan saintifik, aplikasi dan inovasi, memperoleh teknologi yang kritikal untuk membangunkan dan memperkasa keupayaan R&D tempatan serta pemindahan teknologi daripada rakan strategik antarabangsa;
3 Pembangunan Industri	Melaksanakan pendekatan baharu perolehan aset pertahanan berasaskan analisis kos faedah dan petunjuk ekonomi, mengemas kini garis panduan klasifikasi sektor pertahanan, meneliti semula insentif khas untuk menyokong syarikat tempatan bagi meningkatkan daya saing industri pertahanan tempatan dan pembangunan projek-projek strategik negara;
4 Menuju Keupayaan Kendiri	Mengutamakan produk pertahanan yang dibangunkan dan dikeluarkan oleh syarikat tempatan yang berkemampuan, memantapkan Program Kolaborasi Industri (<i>Industrial Collaboration Programme, ICP</i>) dengan OEM serta memanfaatkan pengetahuannya untuk produk dan pasaran khusus;
5 Tembusi Pasaran Global	Kerajaan menggalakkan syarikat tempatan untuk mempromosikan produk mereka dan seterusnya menembusi pasaran antarabangsa melalui kolaborasi bersama Agensi Kerajaan dan pihak swasta serta penglibatan dalam pameran pertahanan luar negara.

5 teras ini yang didokong oleh 5 inisiatif bagi memastikan kelancaran pelaksanaan Dasar

Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara. 5 inisiatif terbabit adalah:

Inisiatif 1:

Meningkatkan Rangka Kerja Strategik Ekonomi untuk Sains Pertahanan, Teknologi dan Industri, dengan Memberi Tumpuan kepada Sektor Khusus

Malaysia mempunyai beberapa pengusaha sains, teknologi dan industri pertahanan tempatan yang menghasilkan peralatan asas ketenteraan, maritim, automotif, aeroangkasa, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) serta persenjataan. Kluster ini akan diperkukuh untuk membolehkan pemain industri meningkatkan kemampuan mereka dan muncul sebagai pembekal peralatan dan perkhidmatan terkenal untuk pasaran domestik dan antarabangsa.

Inisiatif 2:

Penyusunan Semula Organisasi berkaitan dengan Industri Pertahanan

Kerajaan berhasrat untuk mengambil pendekatan proaktif untuk menyusun semula dengan mewujudkan jawatan baharu atau menubuhkan sebuah organisasi baharu demi mencapai tadbir urus yang baik dalam industri pertahanan. Ini termasuk memperkasa bahagian dan Agensi sedia ada dalam merancang dan melaksanakan secara telus, serta prosedur kerja yang berkesan. Antara cadangan yang sedang dipertimbangkan adalah penubuhan Majlis Penasihat Sains dan Teknologi Pertahanan Negara.

Inisiatif 3:

Mewujudkan Pertahanan dan Keselamatan Jawatankuasa Pelaburan

Kerajaan komited untuk memperkasa pembangunan sains pertahanan, teknologi dan industri dengan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Peringkat Tertinggi yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, dengan ahli-ahli Kementerian dan Agensi berkaitan. Jawatankuasa ini akan menetapkan dasar dan membuat keputusan berkaitan perolehan aset, terutamanya bagi aset strategik bernilai tinggi yang memerlukan keputusan kolektif, dengan mengambil kira keperluan ATM dan Agensi Keselamatan. Keputusan yang dibuat di saluran peringkat tertinggi ini

akan meningkatkan aset dan persefahaman antara ATM dan Agensi Keselamatan untuk mencapai skala ekonomi industri pertahanan, serta pulangan pelaburan untuk negara. Persefahaman antara ATM dan Agensi Keselamatan secara tidak langsung akan meningkatkan saiz pasaran dan keupayaan penyelenggaraan aset pemain industri tempatan, serta memberi manfaat kepada pemain Bumiputera.

Inisiatif 4:

Merangsang R&D dan Inovasi melalui Pembiayaan Mampan

Penyelidikan pembangunan dan inovasi dalam bidang sains dan teknologi pertahanan melibatkan kos yang tinggi. Untuk mengatasi hal ini, Kerajaan akan memperuntukkan dana R&D khusus untuk pembangunan aset dan peralatan pertahanan serta keselamatan. Kerajaan akan memperuntukkan 10% hingga 15% jumlah nilai *offset* nominal Program Kerjasama Perindustrian (ICP) bagi tujuan tersebut. ICP adalah program yang terdiri daripada kegiatan yang memberikan nilai tambah kepada perolehan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia, dengan kos yang efektif. ICP merangkumi Program Peningkatan Ekonomi (EEP), dan Program *Countertrade* dan *Offset*.

Inisiatif 5:


Menguatkan Pembangunan Bakat Semasa

Dalam usaha untuk memperkasa industri pertahanan dan keselamatan, Kerajaan mengakui kepentingan pendidikan berkualiti dalam melahirkan saintis, ahli teknologi, dan jurutera untuk memenuhi keperluan pertahanan masa depan negara. Ini memerlukan perancangan jangka panjang dengan usaha bersepadu oleh Kerajaan untuk mengutamakan bidang sains dan teknologi pertahanan. Kerajaan amat komited dan sangat menyokong pembangunan sains, teknologi, dan industri pertahanan tempatan untuk mencapai tahap kemandirian yang tinggi dan menjadi pemangkin kepada ekonomi negara.

Reformasi Pertahanan akan dilaksanakan secara berperingkat dalam jangka masa 10 tahun, bermula dengan Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara,

diikuti dengan Pelan Pembangunan Kapasiti Pertahanan dan diakhiri dengan Pelan Pelaburan Pertahanan Negara (3PN) seperti yang dipaparkan pada Rajah 12 di bawah:

Rajah 12: Garis Masa Transformasi Pertahanan (2020-2030)



Untuk mencapai sasaran dan juga memastikan akauntabiliti sektor ini, pelaksanaan KPP akan

ditadbir urus melalui 3 peringkat:

Rajah 13: Tadbir Urus Berpandukan Konsep Pelaksanaan Kertas Putih Pertahanan

Struktur Jawatankuasa Pemantauan Transformasi Pertahanan

Jawatankuasa



Fokus Perbincangan

- Mengawasi pelaburan dan dana berkaitan keperluan untuk industri pertahanan.
- Memastikan sumber kewangan yang diperlukan dijamin bagi membolehkan kelestarian industri.
- Mengenal pasti dasar berkaitan diperlukan bagi membolehkan industri pertahanan berkembang maju.
- Menyediakan panduan dan pindaan berkaitan implementasi soal dasar oleh Kementerian Pertahanan Malaysia (MinDef) dan industri.
- Bertanggungjawab memastikan pelaksanaan transformasi yang dikenal pasti berjaya dilaksanakan di dalam pelbagai perancangan strategik pertahanan.

SARANAN DAN STRATEGI UTAMA

Sebagai tambahan dan sokongan kepada inisiatif dan strategi yang ada, terdapat beberapa saranan dan strategi utama yang dapat dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri pertahanan dan pada masa yang sama memperluas industri pertahanan. Saranan tersebut adalah:

Saranan 1: Dasar *Carve-Out and Compete* untuk Bumiputera bagi Penyelenggaraan dan Naik Taraf Aset Pertahanan Sedia Ada

Tempoh jaminan bekalan kenderaan pengangkut berperisai ATM hampir tamat, maka terdapat peluang untuk kerja menaik taraf.

Rajah 14 : Analisis Kos pada Kenderaan Pengangkut Berperisai

Pengangkut Anggota Berperisai ATM	Analisis Kos	
	SIBMAS	
	Kos Kenderaan Baru	RM16 Juta
	Kos Penyelenggaraan Kenderaan	RM3 Juta
	Kos Penjimatan	RM13 Juta
	Jumlah Kos Penjimatan	RM845 Juta
	CONDOR	
	Kos Kenderaan Baru	RM6 Juta
	Kos Penyelenggaraan Kenderaan	RM2.5 Juta
	Kos Penjimatan	RM3.5 Juta
	Jumlah Kos Penjimatan	RM700 Juta

Melalui pelaksanaan Dasar *Carve-Out and Compete*, kerja-kerja menaik taraf Kenderaan Pengangkut Berperisai sedia ada boleh ditawarkan kepada pengusaha Bumiputera. Oleh itu, terdapat potensi penjimatan kos kepada belanjawan pertahanan sebanyak RM1,545 juta. Dasar *Carve-Out and Compete* ini akan mewujudkan potensi untuk menggabungkan pembangunan Bumiputera dalam industri dengan menghapuskan karenah yang menyekat perniagaan, dan pada

masa yang sama memberi peluang kepada pengusaha Bumiputera mengambil bahagian dan menyumbang kepada ekonomi negara.

Saranan 2: Penyediaan Sokongan kepada Bumiputera untuk Peluasan Pasaran Eksport Kenderaan Berperisai

Pada masa ini, terdapat permintaan untuk bidang pertahanan dan keselamatan di negara asing, dan membuka peluang pasaran eksport.

Rajah 15:
Potensi Pasaran Eksport untuk Kenderaan Perisai

Pasaran Eksport Berpotensi

Timur Tengah



Negara

- Iraq
- Iran
- Arab Saudi

Perincian:

Timur Tengah adalah pasaran eksport berpotensi bagi Kenderaan Tujuan Khas (SPV)

- Iraq mempunyai anggaran permintaan tahunan sebanyak 500 unit pengangkut anggota berperisai dan 1,200 unit bagi 'customised SUV' oleh Kerajaan untuk kegunaan pegawai utama Kerajaan
- Potensi eksport adalah sebanyak RM 400 juta bagi 200 unit untuk pengangkut anggota berperisai
- Potensi eksport adalah sebanyak RM 350 juta bagi 500 unit 'customised SUV'.

Asia Tenggara



Negara

- Brunei
- Myanmar
- Laos
- Thailand
- Indonesia
- Singapura
- Filipina

Perincian:

Pasaran Asia Tenggara menawarkan peluang eksport dan ia juga berada di lokasi berhampiran dengan Malaysia

- Indonesia, Thailand, Filipina, dan Singapura mengimport dan mengeksport kenderaan berperisai
- Brunei, Myanmar, dan Laos hanya mengimport kenderaan berperisai, dan ini menyediakan peluang pasaran bagi pengeksporth Bumiputera

Seperti yang dapat dilihat pada Rajah 15, seiring dengan permintaan untuk kenderaan berperisai di Timur Tengah dan di Asia Tenggara, terdapat juga peluang bagi pemain Bumiputera untuk memperluas dan memanfaatkan pasaran eksport baharu, dan pada masa yang sama membawa negara ke tahap yang lebih tinggi. Saranan ini berpotensi untuk memberi pulangan dan memerlukan sokongan dan kerjasama daripada Kerajaan dalam membina kemampuan pemain

Bumiputera untuk memenuhi permintaan asing. Kerajaan juga diminta untuk memberikan bantuan yang diperlukan seperti sokongan Kerajaan dengan Kerajaan (G2G), dan juga memudah cara keseluruhan proses.

Saranan 3: Peningkatan Penglibatan Bumiputera dalam Pembekalan Latihan Simulasi untuk Sektor Pertahanan


Kemajuan teknologi telah membuka peluang untuk memperkenalkan latihan berasaskan simulasi kepada sektor pertahanan. Pelaburan dalam

latihan simulasi akan membolehkan ATM lebih bersedia untuk menghadapi pelbagai senario berpotensi dalam persekitaran sebenar.

Pembekalan latihan simulasi untuk sektor pertahanan memberi peluang yang berharga untuk pengusaha Bumiputera untuk meningkatkan penyertaan dalam sektor ini, dan pada masa yang sama memenuhi permintaan dan trend perkembangan dalam teknologi termaju. Ini seterusnya akan membantu meningkatkan pembangunan sosioekonomi Bumiputera.

Rajah 16: Simulasi Latihan untuk Angkatan Tentera Malaysia

Latihan Simulasi



Melaksanakan latihan simulasi bagi sektor pertahanan




Simulasi kenderaan tentera bagi menyesuaikan diri terhadap situasi medan yang berbeza

Perincian

- Latihan simulasi adalah medium maya di mana jenis kemahiran yang boleh dikuasai. Manfaat simulasi termasuklah:



Pengalaman berharga



Memerlukan kurang tenaga kerja



Menyediakan ekosistem lebih selamat

- Latihan simulasi mengoptimalkan pengalaman latihan keseluruhan, membolehkan anggota tentera dilatih dengan efektif dalam keadaan yang selamat.
- Pendekatan ini berpotensi untuk memastikan kos latihan dapat dikurangkan, berikutan penggunaan teknologi awam dan alatan.



Keselamatan Siber

LATAR BELAKANG

Dalam dunia moden hari ini, pendigitalan telah mengambil kedudukan utama dan digunakan di dalam hampir setiap aktiviti seharian kita. Perkembangan dunia digital juga telah membuka pasaran baharu - keselamatan siber. Dengan ancaman siber yang semakin berleluasa, keperluan keselamatan siber menjadi keutamaan.


Pasaran keselamatan siber global adalah industri yang sedang berkembang, dan dianggarkan mencapai saiz pasaran berjumlah

ASD400.2 juta pada tahun 2030. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 17, pasaran keselamatan siber global disasar meningkat pada CAGR 9.4% antara tahun 2020 hingga 2030, dengan komponen perkhidmatan mengalami pertumbuhan pada CAGR 11.2% dalam jangka waktu yang sama.¹¹


Seiring dengan peningkatan keselamatan siber global, wilayah Asia Pasifik dijangka memperoleh keuntungan paling tinggi hasil daripada pertumbuhannya, dengan jangkauan pertumbuhan keseluruhan CAGR 10.9% yang lebih tinggi antara tahun 2020 - 2030.

Sama seperti trend global dan serantau, pasaran keselamatan siber di Malaysia telah

Rajah 17 : Pasaran Kelamatan Siber Global (2019-2030)
ASD Bilion



Rajah 18 : Pasaran Keselamatan Siber Serantau (2019-2030)
ASD Bilion



*Allied Market Research Global Cyber Security Market, 2020-2027, diekstrapolasi hingga tahun 2030

berkembang dengan pesat. Nilai keseluruhan pasaran perkhidmatan keselamatan siber Malaysia pada tahun 2021 adalah dianggarkan pada ASD632.6 juta.¹² Pada era ekonomi digital ini, keselamatan siber memainkan peranan penting dalam mewujudkan persekitaran pembangunan negara yang mempunyai kelebihan daya saing. Memandangkan operasi perniagaan dan data melalui fasa pendigitalan, ramai pengusaha tempatan telah mengenal pasti akses dan peluang untuk berkembang di dalam sektor ini, maka terdapat beberapa syarikat Bumiputera yang telah menceburkan diri dalam pasaran. Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan pengusaha Bumiputera bermula daripada memberikan khidmat rundingan keselamatan siber dan pembangunan teknologi melalui platform unik dan tersendiri, sehingga mewujudkan Pusat Pembangunan Keselamatan Rangkaian. Menyedari hakikat kepentingan perkembangan sektor ini, institusi seperti Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB), sebuah Agensi pembangunan modal insan Bumiputera, menawarkan program khusus dalam teknologi, yang merangkumi keselamatan siber.


KES UNTUK INTERVENSI

Nilai keperluan keselamatan siber di Malaysia menjadi semakin bertambah dengan kewujudan isu-isu jenayah siber yang dihadapi di negara ini. Seperti yang digambarkan dalam Rajah 19, anggaran kerugian akibat jenayah siber adalah berjumlah RM896 juta antara tahun 2018 dan tahun 2019. Tahap risiko sedia ada, jenis ancaman yang wujud, serta peningkatan serangan siber telah menimbulkan keperluan untuk menangani masalah keselamatan siber pada tahap yang lebih holistik.

¹¹ *Allied Market Research Global Cyber Security Market, 2020-2027, diekstrapolasi ke tahun 2030*

¹² *IDC Market Security Product and Services Forecast, 2H16, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)*

Rajah 19 : Statistik Jenayah Siber Malaysia (2018-2019)
Bilangan kes



Jumlah Kes & Anggaran Kerugian

2018

Jumlah Kes: 10,742
Anggaran Kerugian: RM398 juta

2019

Jumlah Kes: 11,875
Anggaran Kerugian: RM498 juta

Jenis Kes

No	Kes	2018	2019
1	Penipuan Telekomunikasi	5,956	5,372
2	419 Scam (<i>Nigerian Scam</i>)	1,708	1,356
3	Bahan Pornografik	63	57
4	Penipuan e-Dagang (<i>Pembelian Online</i>)	3,325	3,520
5	Penipuan e-Kewangan	377	869
6	Berita <i>Online</i> Palsu	45	2
7	Pelanggaran Hak Intelek	119	103
8	Penceroobohan Data Peribadi	3	26
9	Kandungan Jahat, Tidak Sopan, Mengancam dan Menyinggung	146	30

Sumber: Polis Diraja Malaysia; Strategi Keselamatan Siber Malaysia 2020-2024


VISI

Untuk menangani isu-isu yang dihadapi, pada tahun 2020, Majlis Keselamatan Negara telah merangka pelan 5 tahun Strategi Keselamatan Siber - Strategi Keselamatan Siber Malaysia (MCSS) 2020-2024. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 20 dan 21, MCSS bertujuan untuk memperkukuh kemampuan tempatan untuk meramal, mengesan, mencegah dan

bertindak balas terhadap ancaman siber.¹³ Untuk memastikan pelaksanaan strategi yang berjaya, Kerajaan memberikan peruntukan sebanyak RM1.8 bilion dalam jangka masa 5 tahun untuk meningkatkan kesediaan keselamatan siber nasional kita.

¹³ Strategi Keselamatan Siber Malaysia 2020-2024

Rajah 20: Kerangka Strategi Keselamatan Siber Malaysia 2020-2024



Rajah 21: Gambaran Keseluruhan Strategi Keselamatan Siber Malaysia

Rumusan

- Strategi Keselamatan Siber Malaysia menggariskan matlamat utama Kerajaan, dikategorikan kepada 5 tonggak strategik yang akan mentadbir keseluruhan aspek berkaitan perancangan dan pelaksanaan keselamatan siber di Malaysia sehingga tahun 2024.
- Strategi ini menumpukan kepada 3 faktor kejayaan yang mempengaruhi perubahan organisasi yang saling berkait, iaitu Masyarakat, Proses dan Teknologi.
 - Masyarakat merujuk kepada keperluan untuk peningkatan ilmu, kemahiran dan kepakaran selain daripada mempertingkatkan kapasiti dan kemampuan dalam kalangan modal insan dalam era digital.
 - Proses merangkumi pembangunan dan penguatkuasaan, serta pelaksanaan dan memelihara undang-undang, peraturan, prosedur dan panduan bagi mentadbir ruang siber negara dengan lebih efektif.
 - Teknologi meliputi teknologi diperlukan bagi pelaksanaan keselamatan siber yang berkesan
- Strategi juga menghuraikan beberapa pelan tindakan yang bertujuan meningkatkan keselamatan siber di dalam pelbagai sektor Kerajaan, bisnes dan masyarakat. Pelan tindakan ini akan diukur bagi menilai keberkesannya.
- 5 tonggak yang digariskan di bawah Strategi ini telah diakui penting bagi mencapai matlamat negara dalam melindungi Kerajaan serta hubungan, sistem dan data Infrastruktur Maklumat Negara Kritikal (CNII) selain daripada perusahaan dan rakyat, pada masa yang sama membasmi jenayah siber.

Rangka kerja MCSS merangkumi 12 strategi, yang dicerakinkan menjadi 5 teras iaitu;

Teras 1: Tadbir Urus dan Pengurusan Berkesan

- **Strategi 1: Meningkatkan Tadbir Urus Keselamatan Siber Nasional**

Objektif pertama strategi ini adalah untuk memperkukuh tadbir urus dan ekosistem keselamatan siber; meningkatkan kerjasama dan membina kepercayaan dalam kalangan Agensi Kerajaan, *Critical National Information Infrastructure* (CNII), perniagaan dan rakan strategik melalui perkongsian maklumat; dan mewujudkan perkongsian awam-s swasta yang berkesan. Strategi ini juga bertujuan untuk membangun dan melaksanakan Mekanisme Komunikasi Nasional untuk koordinasi, perkongsian maklumat dan pengurusan media yang berkesan.

- **Strategi 2: Meningkatkan Pengurusan Organisasi dan Operasi Perniagaan (Kerajaan, CNII dan Perniagaan)**

Strategi ini bertujuan untuk menanamkan keselamatan siber dalam operasi perniagaan; meningkatkan kawalan keselamatan siber secara holistik dalam persekitaran rantaian bekalan; memastikan pematuhan kepada Piawaian Antarabangsa (sistem pengurusan keselamatan maklumat (ISMS), sistem pengurusan kesinambungan (BCMS) atau setara) dan Amalan Terbaik; mempromosikan penggunaan produk keselamatan ICT yang diperakui; melaksanakan Kitaran Hidup Pembangunan Perisian Selamat (S-SDLC) untuk Pembangunan Sistem Maklumat yang kritikal; mewujudkan Mekanisme Perlindungan Kebocoran Data; meningkatkan Pasukan Pengurusan Tindakan Kecemasan Komputer (CERT); membangunkan Pelan Pelaksanaan Penilaian Kerentanan (VA) dan menjalankan risiko berkala dan

VA pada semua perkhidmatan ICT yang kritikal; mengukur Tahap Kesiediaan Nasional melalui kajian berkala; dan meningkatkan Perlindungan Sistem Kawalan Industri (ICS).

- **Strategi 3: Memperkukuh Pengurusan Insiden Keselamatan Siber dan Pertahanan Siber Aktif**

Objektif strategi ketiga ini adalah untuk memperkuat kemampuan dalam Pengurusan Insiden, mengembangkan kemampuan dalam memerangi penggunaan internet oleh pengganas / ekstremis, dan meningkatkan kesiediaan nasional terhadap serangan siber berskala besar dan ber sasaran.

Teras 2: Memperkukuh Kerangka Perundangan dan Penguatkuasaan

- **Strategi 4: Meningkatkan Undang-Undang Siber Malaysia untuk Menangani Ancaman Semasa dan Baharu Muncul**

Strategi ini bertujuan untuk meningkatkan dan mengkaji kerangka undang-undang semasa untuk menangani jenayah siber serta mengkaji keperluan untuk memperkenalkan undang-undang baharu mengenai keselamatan siber.

- **Strategi 5: Meningkatkan Kapasiti dan Keupayaan Penguatkuasaan Jenayah Siber**

Matlamat strategi ini adalah untuk memperkuat keupayaan dan kemampuan penguatkuasaan jenayah siber dalam mengurus jenayah siber, ancaman lanjutan dan sindiket terancang.

Teras 3: Memangkinkan Inovasi, Teknologi, R&D dan Industri Bertaraf Dunia

- **Strategi 6: Program R&D Memacu Keselamatan Siber Nasional**

Objektif strategi ini adalah untuk

merangsang dan mendorong penyelidikan dan pembangunan merentas disiplin.

- **Strategi 7: Mempromosikan Industri dan Teknologi Tempatan yang Kompetitif**

Strategi 7 bertujuan untuk mendorong penciptaan usaha keselamatan siber tempatan yang baharu melalui penubuhan pusat permulaan atau ciptaan keselamatan siber. Ia juga bertujuan untuk mempromosikan penggunaan produk dan perkhidmatan keselamatan ICT tempatan dan menyokong pertumbuhan dan pembangunan industri keselamatan siber tempatan. Selain itu, strategi ini bertujuan untuk memperkukuhkan pusat kecemerlangan akademik di universiti melalui kerjasama dengan akademik, institusi pendidikan, dan industri.

Teras 4: Meningkatkan Pembangunan Kapasiti & Keupayaan, Kesedaran dan Pendidikan

- **Strategi 8: Meningkatkan Pembangunan Kapasiti dan Keupayaan Keselamatan Siber Nasional**

Tujuan strategi ini adalah untuk mengembangkan Pelan Pembangunan Kapasiti dan Keupayaan Keselamatan Siber Nasional dan juga untuk mengembangkan rancangan komprehensif bagi membangunkan peralatan yang lengkap dan teknologi melalui pendekatan bersepadu.

- **Strategi 9: Meningkatkan Kesedaran Keselamatan Siber**

Di bawah strategi ini, Tujuan Kerajaan adalah untuk meningkatkan pelaksanaan program kesedaran keselamatan siber melalui Pelan Induk Kesedaran Keselamatan Siber Nasional.

- **Strategi 10: Menyuburkan Pengetahuan Keselamatan Siber Melalui Pendidikan**

Strategi ini bertujuan untuk mengembangkan keselamatan siber sebagai salah satu mata pelajaran dalam sistem pendidikan kita dan ini akan merangkumi semua peringkat dari peringkat sekolah rendah, menengah dan ke peringkat tinggi. Ini akan dibentuk melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Teras 5: Memperkukuhkan Kerjasama Global

- **Strategi 11: Memperkukuh Kerjasama dan Kerjasama Antarabangsa dalam Hal Ehwal Keselamatan Siber**

Strategi ini bertujuan untuk menangani keselamatan siber sebagai keutamaan dalam dasar luar; menyelaraskan usaha keselamatan siber domestik dan antarabangsa; mengiktiraf keselamatan siber sebagai salah satu elemen dalam urusan diplomatik dan antarabangsa; secara aktif mengambil bahagian dan menyumbang dalam forum siber antarabangsa utama dan bekerjasama secara strategik dengan rakan antarabangsa; dan menjalin kerjasama dua hala formal dan tidak formal dalam keselamatan siber.

- **Strategi 12: Menunjukkan Komitmen Malaysia dalam Mempromosikan Ruang Siber yang Selamat, Stabil dan Aman untuk Menegakkan Keselamatan Antarabangsa**

Objektif strategi ini adalah untuk membentuk kedudukan nasional yang bersepadu mengenai pengoperasian norma, peraturan dan prinsip tingkah laku negara yang bertanggungjawab dan bagaimana undang-undang antarabangsa dikuat kuasa di ruang siber. Ini bertujuan untuk terus berusaha dalam mendorong Langkah Membangun Keyakinan (CBM) serantau.

SARANAN DAN STRATEGI UTAMA

Untuk melengkapkan inisiatif dan strategi yang ada, terdapat juga saranan dan strategi utama yang dapat diguna pakai dengan tujuan membolehkan penyertaan yang lebih tinggi daripada pemain Bumiputera dalam sektor keselamatan siber.

Saranan 1: Meningkatkan Penglibatan Bumiputera Dalam Segmen Perkhidmatan Keselamatan Siber

Terdapat 2 bidang utama dalam industri keselamatan siber - penyelesaian (produk) dan perkhidmatan. Segmen penyelesaian kini dikuasai oleh syarikat multinasional dengan kedudukan dan kehadiran di peringkat global. Segmen ini juga merupakan sebuah bentuk modal intensif dan permintaan pasarannya

Rajah 22: Tawaran Keselamatan Siber

Aspek Keselamatan Siber

Solusi



Contoh:

- Perlindungan ancaman
- Pengurusan Pematuhan
- Pengurusan Akses
- Mengenalpasti & Mengakses Pengurusan

Perkhidmatan



Contoh:

- Khidmat Nasihat
- Khidmat Teknikal
- Pemantauan Sistem
- Pengurusan Sistem

Bidang berpotensi untuk Bumiputera

- Walaupun penyelesaian dan perkhidmatan merupakan bidang yang masih berkembang dalam aspek keselamatan siber, namun aspek perkhidmatan menunjukkan potensi pertumbuhan yang lebih tinggi sehingga tahun 2027
- Dengan ciri segmen perkhidmatan yang kurang berintensifkan modal, ia menyediakan jalan yang lebih sesuai untuk pengusaha Bumiputera, khususnya pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

juga terhad berbanding segmen lain di bawah sektor ini. Bidang lain seperti segmen perkhidmatan, memiliki kadar pertumbuhan yang dijangkakan tinggi berikutan permintaan yang melonjak pada saat ini.

Segmen perkhidmatan keselamatan siber menunjukkan potensi pertumbuhan tinggi bagi tempoh 2020-2030. Ini memberi peluang kepada Bumiputera untuk mengembangkan keupayaan mereka dan mengambil bahagian di dalam pekerjaan berkemahiran tinggi yang dijangka mempunyai permintaan berterusan berikutan penggunaan aplikasi digital yang semakin meningkat. Oleh itu, satu program bantuan dasar yang disesuaikan dalam sektor perkhidmatan keselamatan siber dapat dibentuk dan ia dapat diberikan khusus untuk Bumiputera. Bakat Bumiputera boleh dilatih untuk menguasai dalam sektor ini, sekali gus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada Bumiputera. Seiring dengan itu, ini juga akan dapat menangani isu pengangguran.

Ciri-ciri produk

- Pembangunan perisian / program
- Intensif modal
- Pasang dan pakai
- Mudah diukur

- Modal insan – skil teknikal
- Keperluan modal yang rendah
- Disesuaikan bagi memenuhi keperluan organisasi
- Skalabiliti bergantung kepada keberadaan sumber manusia

Faktor Kejayaan Utama

- Bagi memastikan Bumiputera berjaya di dalam aspek perkhidmatan, latihan dan peningkatan kemahiran perlu dijadikan keutamaan dalam bidang ini, supaya Bumiputera dilengkapi dengan keupayaan yang tepat bagi menembusi segmen ini

KESIMPULAN

BETA ini boleh dikategorikan kepada 2 subsektor; pertahanan ketenteraan dan keselamatan siber. Sejak kemerdekaan Malaysia, industri pertahanan memainkan peranan penting dalam melindungi kedaulatan dan integriti wilayah Malaysia, dan memastikan kestabilan ekonomi negara. Keselamatan siber adalah bidang yang masih baharu namun mempunyai keperluan yang semakin meningkat dan menjadi semakin penting dalam urusan seharian sektor Kerajaan, perniagaan dan masyarakat amnya.

Seperti yang telah dijelaskan, pada masa ini terdapat senarai inisiatif dan strategi yang luas untuk meningkatkan lagi sektor pertahanan dan keselamatan siber, namun masih terdapat banyak ruang untuk pertumbuhan kerana terdapat sektor yang berpotensi untuk dikembangkan yang masih belum diterokai bagi tujuan meningkatkan kedudukan sosioekonomi Bumiputera, memperkasa penyertaan Bumiputera dalam sektor ini, dan pada masa yang sama membuka jalan kepada Bumiputera untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam menyumbang kepada KDNK negara.

Untuk merealisasikan potensi ini, empat (4) saranan untuk menyokong pertahanan dan keselamatan siber telah diperkenalkan di TPB2030 dan mereka adalah; Dasar *Carve-Out and Compete* kepada Bumiputera untuk penyelenggaraan dan menaik taraf aset pertahanan yang sedia ada, memberikan sokongan kepada Bumiputera untuk memperluas pasaran eksport bagi kenderaan berperisai, meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bekalan latihan simulasi untuk sektor pertahanan, dan akhir sekali, peningkatan penyertaan Bumiputera dalam perkhidmatan keselamatan siber.





Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera

PEMBINAAN MODEN : IBS

LATAR BELAKANG


Industri pembinaan memainkan peranan yang sangat penting bagi ekonomi, dan ia berperanan penting dalam hampir kesemua industri dan masyarakat lain. Pendapatan tahunan global untuk industri pembinaan adalah hampir ASD10 trilion, dan mempunyai nilai-tambah lebih daripada ASD3.6 trilion. Selain itu, industri pembinaan menyumbang kira-kira 6% daripada KDNK global.¹⁴ Sumbangan sektor ini telah dianggarkan pada 5% daripada jumlah KDNK di negara-negara maju, manakala ia menyumbang kira-kira 8% daripada KDNK di negara-negara membangun.¹⁵ Industri pembinaan, yang merupakan industri yang peka dengan kitaran ekonomi, telah terjejas teruk oleh pandemik COVID-19 yang sedang melanda. Walau bagaimanapun, industri ini juga berpotensi besar untuk pulih, disebabkan oleh kemampuannya untuk mewujudkan peluang pekerjaan.¹⁶ Walaupun berlakunya pandemik, industri pembinaan global disasarkan akan mencapai sekitar ASD10.5 trilion pada tahun 2023, dan dijangkakan akan berkembang pesat pada CAGR 4.2% dari 2018 hingga 2023. Akibat daripada peningkatan urbanisasi dan pertumbuhan populasi global, sektor pembinaan kediaman dijangka kekal sebagai segmen terbesar dalam industri.¹⁷

Pada peringkat serantau, industri pembinaan di Asia-Pasifik turut dilanda pandemik, namun anggaran pertumbuhan jangka panjang tetap kukuh. Untuk membantu pertumbuhan industri pembinaan, kebanyakan negara di Asia-Pasifik memfokuskan kepada pembangunan infrastruktur untuk meningkatkan pemulihan ekonomi. China sebagai contoh merancang untuk meningkatkan rangkaian kereta api berkelajuan tinggi bagi memacu pembangunan rancak ekonomi.¹⁸

Di Malaysia, sektor pembinaan adalah sektor yang cukup besar yang kebanyakannya

disumbangkan oleh kerja-kerja pembangunan harta tanah sektor swasta. Pada tahun 2019, nilai sektor pembinaan dianggarkan berjumlah RM66.45 bilion, bersamaan dengan 4.67% daripada keseluruhan KDNK negara yang berjumlah RM1,424.31 bilion. Ini digambarkan dalam Rajah 23.¹⁹

Rajah 23 : Sumbangan KDNK Mengikut Sektor (2019)
% KDNK



Seperti yang digambarkan dalam Rajah 24, sumbangan sektor pembinaan terhadap KDNK Malaysia telah meningkat dengan stabil sebelum tahun 2020. Namun, pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan seluruh negara (PKP), memberi impak kepada sektor ini berikutan kerja-kerja yang terpaksa ditangguhkan sementara waktu.

¹⁴ *Bank Dunia*

¹⁵ *Ibid*

¹⁶ *'Impact of COVID-19 on the Construction Sector', Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) Sectoral Brief*

¹⁷ *Growth Opportunities in the Global Construction Industry 2018-2023: Trends, Forecast, and Opportunity Analysis, 2021*


¹⁸ *Asia Pacific Construction Industry Data-book Series - Market Size & Forecast (2016 - 2025) by Value and Volume (Area and Units) across 40+ Market Segments in Residential, Commercial, Industrial, Institutional and Infrastructure Construction - Q1 2021 Update*

¹⁹ *Belanjawan 2021, MOF; Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)*

²⁰ *Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Economic Outlook 2021, MOF*


²¹ *DOSM*

Rajah 24 : Sumbangan KDNK Sektor Pembinaan (2017-2021)
Harga tetap 2015 RM Bilion




Seperti yang dipaparkan pada Rajah 25, permintaan perumahan di Malaysia terganggu oleh pandemik COVID-19. Namun begitu, sasaran permintaan perumahan dijangka akan pulih pada tahun 2021. Seiring dengan ini, sektor pembinaan juga dijangka pulih sebanyak 13.9% pada tahun 2021, berikutan sumbangan projek pembangunan harta tanah dan projek infrastruktur utama seperti Transit Aliran Massa 2 (MRT2), Transit Aliran Massa 3 (MRT3), Transit Aliran Ringan 3 (LRT3), Lebuhraya Pantai Barat (WCE), dan Lebuhraya Pan Borneo dan Lebuhraya Persisiran Pantai di Sarawak.²⁰

Rajah 25 : Jumlah Transaksi Harta Tanah (2017-2020)
Unit




Nilai Urus Niaga (2017 - 2020)
RM Bilion



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Tinjauan Ekonomi 2021 Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)


Nilai kerja pembinaan oleh pemilik projek pada tahun 2019 menunjukkan bahawa projek pembangunan kediaman dan bukan kediaman merupakan segmen terbesar dalam sektor pembinaan, diikuti oleh kerja kejuruteraan awam dan aktiviti perdagangan khusus. Pada masa ini, seperti gambaran pada Rajah 26, projek pembangunan harta tanah sektor swasta mendominasi nilai keseluruhan projek pembinaan di Malaysia, merangkumi hampir 50% dari keseluruhan pasaran. Selebihnya adalah projek milik syarikat awam - Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC).²¹

Rajah 26 : Nilai Kerja Pembinaan Selesai Mengikut Aktiviti dan Pemilik Projek (2016-2020)
RM Bilion



Sektor swasta mendominasi kerja-kerja pembangunan di Malaysia (2016-2020) diikuti Syarikat Awam (GLC dan GLIC) serta sektor Kerajaan

Nilai Kerja Pembinaan oleh Pemilik Projek (2019)
RM Bilion



Projek Bangunan Kediaman diikuti oleh Projek Bukan Kediaman mendominasi nilai kerja pembangunan. Ini pula diikuti dengan kerja-kerja kejuruteraan sivil dan aktiviti perdagangan khusus

Di samping itu, dasar Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di Malaysia dijangka dapat menggalakkan pertumbuhan pembinaan kediaman. Sebagai contoh, dalam Belanjawan 2021, pengecualian penuh duti setem untuk pembeli rumah kali pertama telah diumumkan sehingga tahun 2025.²² Selain itu, seperti yang dapat dilihat pada Rajah 27, kira-kira 1.1 juta unit perumahan awam telah disediakan oleh Kerajaan dari Rancangan Malaysia Ketiga (RMKe-3) hingga Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan terdapat rancangan tambahan pemilikan 500,000 unit perumahan yang disasarkan sepanjang pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).²³


²² *Belanjawan 2021, MOF; Asia Pacific Construction Industry Databook Series - Market Size & Forecast (2016 - 2025) by Value and Volume (Area and Units) across 40+ Market Segments in Residential, Commercial, Industrial, Institutional and Infrastructure Construction - Suku Pertama 2021*

²³ *Jabatan Perumahan Negara, RMKe-9 hingga RMKe-11*

²⁴ *Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)*

²⁵ *Kate Wagner, 'The Modularity is Here: A Modern History of Modular Mass Housing Schemes', 99percentinvisible.org, 2016*

Rajah 27 : Perumahan yang Disediakan oleh Sektor Awam di bawah Program-program Perumahan dan Rancangan Malaysia
Bilangan Unit Rumah



IBS - Membuka Jalan Kaedah Pembinaan Moden

Perubahan dan kemajuan teknologi telah membuka jalan dalam industri pembinaan. Pembinaan moden menjadi semakin penting dan terkenal dengan kelebihan seperti mengurangkan masa dan kos pembinaan, serta mengekalkan kesinambungan keseluruhan. Sistem Binaan Berindustri (IBS), atau lebih dikenali di luar negara sebagai 'pembinaan modular', adalah bentuk pembinaan moden dan telah dikenal pasti sebagai BETA berdasarkan potensinya yang mampu menambah baik akses kediaman yang berkualiti dengan harga yang lebih berpatutan, dan pada masa yang sama mengurangkan kebergantungan Malaysia terhadap pekerja asing, akibat keperluan tenaga kerja yang rendah.

Proses pembinaan ini melibatkan bahagian-bahagian bangunan pasang siap yang akan dihasilkan di kilang, dan kemudiannya dipasang di lokasi sebagai bangunan dengan pelbagai reka bentuk modular. Komponen bangunan merangkumi blok, tiang, pepapan dan dinding, antara lain, disusun dan dirancang sebelum dibentuk dan dihasilkan secara besar-besaran. Produk kemudian akan dibawa ke lokasi di

mana ia akan dipasang.²⁴ Teknik pembinaan ini mengurangkan tenaga kerja yang biasanya diperlukan dalam pembinaan konvensional.

Teknologi ini mula dikenali di Amerika Syarikat (AS) pada tahun 1933 dengan kejayaan pertama pembinaan Winslow Ames House oleh American House, Inc. Kemudian, pada tahun 1942, Kerajaan AS menggunakan sistem pasang siap ini untuk membina bandar rahsia bernama Oak Ridge di Tennessee. Selepas Perang Dunia Kedua, sistem pasang-siap ini mula diketengahkan ke kawasan pinggir bandar dan kemudian, diperkenalkan kepada masyarakat umum. Tidak lama selepas itu, negara-negara lain mula menerapkan konsep ini. Sebagai contoh, di Jepun, pembinaan modular digunakan untuk menyokong pertumbuhan penduduk dan industri pembuatan yang semakin meningkat pasca perang. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kemajuan dan peningkatan teknologi pada tahun 1990-an dan 2000-an telah memberi inspirasi kepada arkitek generasi baharu untuk mengamalkan kaedah pembinaan ini. Perkembangan terbaru dalam teknik pembinaan ini digunakan untuk mengatasi masalah penting yang sedang dihadapi oleh banyak negara kemampuan pemilikan perumahan di bandar.²⁵

KES UNTUK INTERVENSI


Walaupun industri pembinaan sangat penting untuk pembangunan negara yang berterusan, sektor ini menghadapi beberapa cabaran yang menghalang keupayaannya untuk menyumbang secara nilai-tambah yang mampan dan berkesan kepada ekonomi. Cabaran yang sedang dihadapi oleh Malaysia saat ini meliputi; aliran keluar modal berkaitan dengan buruh asing yang tinggi; dan risiko lain

yang berkaitan dengan buruh asing.

Alliran Keluar Modal Berkaitan dengan Buruh Asing yang Tinggi

Buruh asing di sektor pembinaan telah meningkat seiring dengan pertumbuhan sektor pembinaan. Seperti yang dipaparkan dalam Rajah 28, buruh asing dalam sektor pembinaan menunjukkan perkembangan yang lebih pantas berbanding sektor lain, lonjakan daripada sekitar 220,000 pekerja pada tahun 2012 kepada 745,000 pekerja pada tahun 2015.²⁶

Rajah 28 : Bilangan Pekerja Asing Mengikut Aktiviti Ekonomi di Malaysia (2012-2015)
Bilangan Pekerja Asing



Jumlah pekerja asing yang lebih tinggi juga menyebabkan aliran keluar modal yang tinggi dalam bentuk pengirisan wang.²⁷ Jumlah kirisan wang pekerja asing meningkat daripada RM9.17 bilion pada tahun 2012 kepada RM17.56 bilion pada tahun 2015 dan ini digambarkan dalam Rajah 29 dan 30.²⁸


²⁶ KDN

²⁷ KDN; Unit Perancang Ekonomi (EPU), Balasan bertulis kepada Soalan Parlimen 26 Mei 2016, Analisis Kos-Manfaat CIDB tentang IBS di Malaysia

²⁸ KDN

²⁹ Ibid

Rajah 29 : Jumlah Kirisan Wang Pekerja Asing Mengikut Negara Asal (2012-2015)
RM Juta



Rajah 30: Pengirisan Wang Per Kapita oleh Buruh Asing

	2012	2013	2014	2015
Pengirisan wang per kapita (RM)	5,837	5,491	7,212	8,225

Risiko Lain Yang Berkaitan Dengan Buruh Asing

Selain daripada aliran keluar modal yang besar, terdapat risiko lain yang berkaitan dengan kemasukan pekerja asing termasuk.²⁹

- Gejala sosial dan ketenteraman awam atau isu-isu keselamatan seperti persepsi insiden jenayah yang berleluasa dan Indeks Jenayah semakin teruk terutamanya dalam persekitaran rumah-kongsi, dan lain-lain.

- Tekanan yang tidak wajar terhadap infrastruktur, perkhidmatan dan sumber awam – penggunaan barangan awam yang hampir percuma dan barangan dan perkhidmatan lain terutamanya akses kepada penjagaan kesihatan dan rawatan perubatan, pengangkutan awam, pendidikan dan latihan secara bersubsidi.
- Kemunculan semula ppenyakit berbahaya yang boleh membawa kematian Tiba (TB) dan Hepatitis B.

Cabaran pada Penerimgunaan IBS

Terdapat juga beberapa cabaran yang dihadapi oleh pemain industri dalam penerimgunaan teknologi IBS di Malaysia. Dalam konteks umum, isu-isu ini berkaitan dengan:

- **Perbelanjaan Modal (CAPEX) dan Kos Permulaan yang tinggi**

Oleh kerana kos pendahuluan tinggi, CAPEX diperlukan dalam mendirikan kilang IBS, mendapatkan peralatan dan perisian canggih, dan menggaji profesional berkemahiran tinggi, penggunaan IBS jauh lebih sesuai untuk projek pembinaan yang besar dan di kawasan bandar dengan kemampuan untuk mencapai ekonomi skala. Ini adalah kebiasaan yang mengakibatkan penyertaan terhadap kontraktor Bumiputera dalam bidang pertumbuhan masa depan yang lain seperti projek kereta-api, IBS dan pembinaan berkaitan minyak & gas. Dengan kurang daripada 10% kontraktor Bumiputera terlibat dalam jenis projek-projek ini, ia memberi peluang kepada pemain Bumiputera untuk memanfaatkan pembangunan teknologi IBS.³⁰

- **Pengetahuan Teknikal Kontraktor Bumiputera dalam IBS yang rendah**

Dari segi penyertaan Bumiputera, penglibatan mereka dalam IBS masih agak rendah. Walaupun kontraktor Bumiputera merupakan 83% daripada kontraktor binaan, pada masa ini hanya 27% daripada Pembekal Bumiputera IBS yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Selain itu, majoriti kontraktor tidak mempunyai akses kepada latihan dan pengetahuan terkini sehingga menjadikan mereka kurang berdaya saing dalam rantai bekalan IBS.³¹

³⁰ Analisis Kos-Manfaat tentang IBS di Malaysia, CIDB

³¹ Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020, CIDB

Rajah 31:
Ekosistem Pembekal IBS
di Malaysia

Peratus Pembekal IBS Bumiputera

Negeri	%
Terengganu	100%
Kelantan	71%
Pahang	50%
Kedah	42%
N. Sembilan	42%
Perak	38%
Melaka	30%
Sarawak	30%
Selangor	21%
Sabah	21%
P. Pinang	14%
Johor	13%

Bilangan Pembekal IBS Bumiputera yang Rendah

27%

Jumlah 308
Bumiputera 84



- **Permintaan Terhad dalam Projek**

83% daripada kontraktor IBS Bumiputera yang berdaftar menghadapi kesukaran untuk mendapatkan projek kerana permintaan yang terhad terhadap projek. Ini kerana kebanyakan kontraktor Bumiputera berada dalam kategori G1-G4 dan hanya boleh terlibat dalam pembinaan unit harta tanah atas tanah,

dan bukan bangunan bertingkat. Oleh itu, kilang IBS hanya beroperasi pada kapasiti 50% - 60%, menjadikannya kurang popular dalam kalangan kontraktor kelas rendah.³²

Kategori lesen CIDB untuk kontraktor adalah seperti digambarkan dalam Rajah 32.

Rajah 32: Kategori Lesen CIDB untuk Kontraktor

Jenis Lesen	Modal Berbayar	Had Perolehan Kerajaan	Keperluan Tenaga Mahir	Jenis Projek
G1	RM5,000- RM10,000	Di bawah RM200,000	1. Sijil Kursus Kemahiran atau 2. 2 tahun pengalaman kerja	Skala kecil- pertengahan, binaan atas tanah
G2	RM25,000	Di bawah RM500,000	1. Sijil Kursus Kemahiran atau 2. 2 tahun pengalaman bekerja	
G3	RM50,000	Di bawah RM1 juta	1. Sijil Kursus Kemahiran atau 2. 2 tahun pengalaman bekerja	
G4	RM150,000	Di bawah RM3 juta	1. 1 x Diploma	
G5	RM250,000	Di bawah RM5 juta	1. 1 x Ijazah, atau 2. 1 x Diploma dengan 5 tahun pengalaman bekerja	Skala pertengahan besar, binaan atas tanah dan bertingkat
G6	RM600,000	Di bawah RM10 juta	1. 1 x Ijazah dan 1 x Diploma (kedua-duanya mesti mempunyai 3 tahun pengalaman bekerja)	
G7	RM750,000	Tiada had	1. 1 x Ijazah dan 1 x Diploma (Kedua-duanya mesti mempunyai 5 tahun pengalaman bekerja) atau, 2. 2 x Ijazah (kedua-duanya mesti mempunyai 5 tahun pengalaman bekerja)	

VISI

Walaupun menghadapi cabaran, dengan skala ekonomi, Kerajaan mengakui hakikat IBS sebagai penggerak utama untuk mengatasi masalah kemampuan dan kebergantungan pekerja asing yang berlebihan di sektor perumahan dan pembinaan. Pada masa yang sama, IBS berpotensi memainkan peranan penting untuk meningkatkan akses Bumiputera ke rumah kediaman yang berkualiti dengan harga yang lebih berpatutan, sambil menggerakkan kontraktor Bumiputera ke segmen pembinaan moden dalam industri.

Dalam Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020, Kerajaan menggalakkan penerimgunaan dan penggunaan kaedah teknologi binaan moden untuk mengatasi halangan produktiviti dalam industri ini. Pembinaan moden berpotensi mendorong pencapaian objektif sektor ini iaitu mengurangkan harga harta tanah dan meningkatkan pemilikan Bumiputera; membantu membina keupayaan dan meningkatkan daya saing bagi syarikat Bumiputera; dan mengurangkan kebergantungan pada buruh asing di sektor perumahan dan pembinaan.

Analisis kos-manfaat yang dilakukan oleh CIDB menunjukkan bahawa kadar keuntungan menggunakan IBS melebihi kos konvensional:

- Mengurangkan masa pembinaan sehingga 30%
- Masa penyelesaian yang disingkatkan sebanyak 40% - 50%
- Kos berkaitan dengan tenaga kerja lebih rendah disebabkan oleh masa kerja buruh yang rendah - menurut pelbagai kajian, dianggarkan bahawa bangunan 30 tingkat yang biasa memerlukan 70 pekerja dalam tempoh masa yang lebih singkat untuk disiapkan dengan penggunaan IBS berbanding dengan 400 pekerja dan tempoh yang lebih panjang di bawah persekitaran Kaedah Bangunan Konvensional (CBM).
- Apabila mencapai skala ekonomi, jumlah kos pembinaan dan risiko projek

untuk pembina, pemaju harta tanah dan kontraktor menjadi lebih rendah disebabkan tempoh pembinaan yang lebih singkat; tempoh pemulihan yang lebih cepat; mengurangkan kos dan risiko yang berkaitan dengan skala ekonomi dan pengeluaran besar-besaran komponen IBS; serta kurang bahan buangan

- Kos penyelenggaraan dan susut-nilai jentera dan peralatan yang lebih rendah untuk pengeluar IBS
- Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan hasil daripada penyepaduan proses dan prosedur; pengambilan pekerja IBS yang mahir dan khusus

SARANAN DAN STRATEGI UTAMA

Penerapan IBS berpotensi menangani beberapa masalah yang sedang dihadapi oleh industri pembinaan sekarang ini; kemampuan dan harta tanah yang tidak terjual; kebergantungan pekerja asing yang berlebihan di sektor perumahan dan pembinaan; dan risiko lain yang berkaitan dengan buruh asing yang besar. Seperti yang ditekankan, IBS sendiri memiliki rangkaian halangan yang harus diatasi, oleh itu tujuh (7) saranan dan strategi telah dikenal pasti untuk menangani masalah ini.

³² *Ibid*

Saranan utama adalah:

Saranan 1: Melaksanakan Dasar *Carve-Out and Compete*

- Memperkenalkan Dasar *Carve-Out and Compete* di entiti berkaitan seperti Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Syarikat Perumahan Negara (SPNB), Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dengan kuota sasaran sekurang-kurangnya 50% projek diberikan kepada syarikat Bumiputera.
- Kementerian terlibat akan mempunyai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bumiputera yang akan dipantau oleh TERAJU.

Saranan 2: Menguatkuasakan Keperluan IBS dalam Projek

- Kerajaan akan melaksanakan dan menguatkuasakan IBS sebagai syarat wajib dalam projek Kerajaan dan kerja-kerja sivil terpilih seperti perumahan awam, sekolah, jambatan, sistem penyaliran, penyelenggaraan cerun dan sebagainya.
- Program dan inisiatif seperti Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), PR1MA dan Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah SPNB memberi peluang kepada Kerajaan untuk menegakkan syarat IBS. Baru-baru ini diumumkan bahawa Kerajaan telah memperuntukkan RM1.2 bilion³⁴ untuk membina rumah bagi segmen B40 dan M40.³⁵ Intervensi seperti ini akan membuka jalan bagi IBS untuk berperanan lebih besar dalam industri pembinaan Malaysia.

Saranan 3: Melantik Syarikat Gergasi Peneraju untuk Projek Perumahan Awam

- Untuk mengekalkan pelaburan dalam teknologi IBS, Kerajaan akan melantik syarikat Gergasi Bumiputera untuk membangunkan projek perumahan

awam, contohnya UEM Group dan UDA Holdings.

- Syarikat ini akan mendapat keuntungan daripada pembangunan 20,000 unit rumah mampu milik setiap tahun.
- Syarikat ini juga akan diberi kesempatan untuk mengambil bahagian dalam program pemerksaan kontraktor.

Saranan 4: Pengumpulan Bahan Mentah Secara Pukul untuk Mengurangkan Kos Melalui Syarikat Tujuan Khas (SPV)

- Di bawah strategi ini, SPV akan ditubuh untuk mendapatkan sumber bahan mentah secara pukul untuk mengurangkan kos pasang-siap.
- Hasilnya, syarikat peneraju Bumiputera kemudiannya dapat memperoleh bahan mentah daripada SPV pada kadar keutamaan untuk menurunkan kos, seperti yang ditunjukkan pada Rajah 33.

³⁴ *Belanjawan 2021, MOF*

³⁵ *B40 (Terendah 40%) merujuk kepada kelompok 40% pendapatan terendah dengan pendapatan isi rumah di bawah RM4,849, M40 (Pertengahan 40%) pula mempunyai pendapatan isi rumah antara RM4,850 dan RM10,959. T20 (Teratas 20%) mempunyai pendapatan isi rumah RM10,961 dan ke atas - Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, DOSM.*

Rajah 33: Pengumpulan Bahan Mentah untuk Mengurangkan Kos melalui SPV

Bahagian 1: Komponen IBS	Bilangan/ Unit	Bilangan / Unit (bagi 17,800 unit)	Harga Semasa	Harga SPV	-25%
1) Precast sheer wall	3	53,400	RM1,200/m ³	RM750/m ³ (pembelian bahan seperti simen, agregat, pasir dan besi secara pukal)	
2) Precast column	1	17,800			
3) Precast beam	2	35,600			
4) Precast plank slab	1	17,800			
5) Precast Acotect wall	3	53,400			
6) PPVC toilet/bath unit (lighthouse concrete)	2	35,600	RM6,000 per unit	RM4,500 per unit	

Bahagian 2: Bahan Bukan IBS Kritikal	Bilangan/ Unit	Bilangan / Unit (bagi 17,800 units)	Harga Semasa	Harga SPV	-15%
7) Pintu	4	71,200	RM210.00 per unit	RM178.50 per unit	
8) Pemasangan jubin	579	10,306,200	RM182.99 /kaki persegi	RM125.54 /kaki persegi	
9) Pagar	3	53,400	RM11.84 /kaki persegi	RM10.06 /kaki persegi	
10) Tingkap	3	53,400	RM968.76 per unit	RM823.40 per unit	

Saranan 5: Pengenalan Insentif Baru untuk Mempromosikan Penerapan IBS oleh Syarikat Bumiputera

- Pada masa ini, terdapat inisiatif sedia ada untuk mempromosikan penggunaan IBS. Inisiatif yang ada adalah:

Pengecualian cukai

1. Pengecualian Cukai Korporat selama (5 + 5 tahun) - kadar semasa adalah 24%
2. Pengecualian cukai jualan - kadar semasa adalah 16%

Loji & Mesin

1. Insentif cukai untuk membeli mesin dan peralatan di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
2. Pembiayaan fasilitasi atau bantuan kewangan melalui TERAJU atau Majlis Amanah Rakyat (MARA)
3. Geran khas untuk membeli mesin dan digitalisasi di bawah program 'Industry4ward'

- Untuk melengkapkan inisiatif yang ada, inisiatif baharu diperkenalkan dalam strategi ini dengan tujuan untuk mempromosikan penggunaan IBS oleh syarikat Bumiputera. Inisiatif tersebut:

Memperkenalkan geran sepadan untuk memberi insentif kepada syarikat-syarikat Bumiputera

Syarikat Bumiputera untuk melabur dalam teknologi IBS dan peralatan dan bergerak ke atas rantai nilai

1. TERAJU menyediakan geran sepadan sehingga RM50 juta bagi pelaburan dalam teknologi IBS dan peralatan

Bahan

1. Pengecualian duti import ke atas bahan mentah kritikal iaitu keluli
2. Pra kelulusan / laluan hijau untuk import bahan lain yang berkaitan dengan IBS

Perancangan

1. Kelulusan laluan hijau untuk Permit Pembinaan, Perintah Pembangunan dan penyerahan Rancangan Bangunan

Pembangunan - yang berkaitan dengan pengembangan subsidi Kemudahan Perumahan Mampu Milik oleh Kerajaan:

1. TNB sub-stesen, dewan serbaguna, surau, telekomunikasi dan infrastruktur jalan
2. Meningkatkan nisbah plot untuk projek IBS

Rajah 34: Geran Padanan untuk Membantu Syarikat Melabur dalam Teknologi yang Lebih Maju dan Meningkatkan Rantai Nilai



Pengurangan Caj Pembangunan - yang berkaitan dengan pembangunan Perumahan Mampu Milik caj Lembaga- caj pembangunan pilihan

1. Pengecualian daripada levi CIDB 0.125% kos pembinaan (sehingga jangka masa yang dipersetujui)
2. Pengurangan caj IWK 1% daripada kos pembangunan.

Saranan 6: Menggalakkan Kenaikan Gred Kontraktor G1-G3

- Matlamat strategi ini adalah memberi insentif kewangan untuk kontraktor Bumiputera untuk turut serta dalam program latihan IBS. Ini melalui peruntukan institusi CIDB dan TVET seperti GIATMARA dan Institut Latihan Kemahiran Awam.
- Untuk memainkan peranan yang lebih berpengaruh, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dapat mempertimbangkan untuk membenarkan perolehan Kementerian secara langsung daripada pembekal sekiranya kontraktor tidak mampu membayar bahan untuk terlebih dahulu.

Saranan 7: Menyeragamkan Reka Bentuk dan Spesifikasi

- Keseragaman reka bentuk dan spesifikasi akan memudahkan penjejakan kelulusan

dan kebenaran yang diperlukan oleh projek pembangunan dan pembinaan harta tanah. Pemaju yang memenuhi syarat ini akan menerima Permit Pembinaan dalam jangka waktu yang lebih pendek (tempoh untuk Menangani Permit Pembinaan (DCP) adalah 90 hari).

- Di bawah strategi ini, KKR akan memainkan peranan penting dengan mengeluarkan pekeliling untuk menyeragamkan reka bentuk dan spesifikasi yang boleh menyegerakan kelulusan projek melalui laluan hijau dalam pembangunan hartanah. Reka bentuk yang dicadangkan adalah berdasarkan konsep reka bentuk D3 (*Divergent, Dwelling, Design*) yang dikembangkan oleh KKR - melalui *Construction Research Institute Malaysia* (CREAM) dan *Sime Darby Property* (SDP) berdasarkan konsep *Design for Manufacturing and Assembly* (DfMA).

Seperti yang dipaparkan dalam Rajah 36, semua 7 Saranan yang digariskan telah dirancang untuk mengatasi jurang dalam rantaian nilai IBS. Saranan ini juga memainkan peranan penting untuk memaksimumkan potensi sektor ini, dan memberi manfaat serta meningkatkan penyertaan pemain Bumiputera.

Rajah 35: Garis Panduan untuk Penyeragaman Reka Bentuk dan Komponen untuk Meningkatkan Kecekapan


Pelaksana:
Kementerian Kerja Raya (Ketua)
DBKL
MPBP
MBSA
MBSJ

KOMPONEN IBS

KOMPONEN 1 <i>Precast Shear Wall</i> Saiz : 250 mm tebal	KOMPONEN 3 <i>Precast Beam</i> Saiz : 250 X 550 mm	KOMPONEN 5 <i>Precast Acotect Wall</i> Saiz : 100 mm tebal
KOMPONEN 2 <i>Precast Column</i> Saiz : 450 Mm X 1100 mm	KOMPONEN 4 <i>Precast Plank Slab</i> Saiz : 150 X 1200 X 6500 mm	KOMPONEN 6 <i>Toilet Pod/ Bath Unit</i> Saiz : 1550 X 1950 X 2350 mm Kuantiti : 2 Nos.

KOMPONEN BUKAN IBS

KOMPONEN 7 <i>Prefab Aluminium Sliding Door Adj. Louvers</i> Saiz : 1600 X 2100 mm	KOMPONEN 8 <i>Ceramic Floor Tiles</i> Saiz : 400 X 400 mm	KOMPONEN 9 <i>Prefab Ms Railing</i> Saiz : 1200 mm AFFL
		KOMPONEN 10 <i>Plumbing and M&E</i>



Rajah 36

Rantainya Nilai Pembinaan IBS

Penciptaan Permintaan

- Kekurangan permintaan untuk mencapai skala ekonomi bagi penggunaan IBS

Reka Bentuk

- Tiada penetapan reka bentuk & spesifikasi yang memudahkan persetujuan

Faktor Kejayaan Utama

- Pembangunan diterajui Kerajaan mewajibkan elemen IBS
- Pemilihan teknologi - panel *precast* & PPVC
- Pembangunan penetapan reka bentuk
- Pembangunan Komponen Katalog
- Pra-lulus oleh autoriti tempatan

Cadangan

- Melaksanakan Dasar *Carve-Out and Compete*
- Menguatkuasakan Keperluan IBS dalam Projek
- Pengenalan Insentif Baharu untuk Mempromosikan Penerapan IBS oleh Syarikat Bumiputera
- Menyeragamkan Reka Bentuk dan Spesifikasi

Insentif kewangan

Dasar - penguatkuasaan keperluan IBS dalam projek berkaitan Kerajaan

Pembuatan

- CAPEX yang tinggi memerlukan mesin dan kelengkapan berkaitan IBS

Logistik

- Masalah akses ke kawasan luar bandar daripada kilang

Pembinaan

- Kurang pengetahuan teknikal penggunaan IBS

- Pemerolehan Strategik
- Komponen Pembuatan
- Pengurusan bahan mentah
- Mesin dan kelengkapan
- QAQC

- Tepat Pada Masa (JIT)
- Penyimpanan/ Pergudangan
- Kren
- Pengangkutan
- Kerjasama jangka masa panjang bersama pengusaha logistik bagi menyediakan kemudahan pengangkutan

- Pemasang komponen
- Koordinasi tapak
- Pengurusan tuntutan
- Kawalan kos

- Pengumpulan Bahan Mentah Secara Pukul untuk Mengurangkan Kos melalui Syarikat Tujuan Khas

- Melantik Syarikat Gergasi Peneraju untuk Projek Perumahan Awam

- Menggalakkan Kenaikan Gred Kontraktor G1-G3

KESIMPULAN

Industri pembinaan telah dikenal pasti sebagai salah satu bidang transformasi Bumiputera yang berpotensi di bawah TPB2030 kerana industri ini merupakan salah satu penyumbang utama KDNK negara dan berpotensi untuk menyumbang lebih jauh dalam agenda Bumiputera dalam tempoh sepuluh tahun akan datang. Kerajaan telah mengakui IBS sebagai penggerak utama untuk mengatasi masalah jangkauan dan kebergantungan pekerja asing dalam sektor perumahan dan pembinaan. Pada masa yang sama, IBS berpotensi memainkan peranan penting untuk meningkatkan akses kepada rumah kediaman yang berkualiti dengan harga yang lebih berpatutan, di samping memberi peluang kepada kontraktor Bumiputera untuk mengukuhkan kedudukan dan peralihan mereka kepada segmen moden dan bernilai tinggi dalam industri pembinaan. Untuk tujuan ini, pendekatan yang komprehensif dan holistik diperlukan untuk menangani masalah struktur dan sistemik mengenai buruh asing, keupayaan kontraktor Bumiputera yang rendah, kos IBS yang tinggi, dan lain-lain. CIDB, sebagai Agensi utama yang dipercayai untuk mengawal selia industri pembinaan, dapat memainkan peranan yang lebih penting dalam mengkoordinasikan pelaksanaan pembangunan IBS. Dengan usaha Kerajaan, saranan utama adalah bertujuan untuk mendorong penerapan IBS di Malaysia pada skala yang lebih luas, dan membolehkan pencapaian visi yang ditetapkan untuk industri pembinaan.





Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera

AEROANGKASA

LATAR BELAKANG


Sektor Aeroangkasa adalah industri yang luas yang melibatkan sektor awam dan swasta yang merangkumi aktiviti komersial, perindustrian, ketenteraan, komunikasi, penerokaan, dan sains yang berkaitan dengan atmosfera serta luar angkasa.³⁶ Pada tahun 2020, industri aeroangkasa global mengalami kemerosotan yang teruk disebabkan oleh pandemik COVID-19. Pandemik ini telah mempengaruhi perjalanan udara global sehingga hampir terpaksa dihentikan, malah pengeluar industri aeroangkasa di Eropah dan Asia adalah yang paling terjejas berikutan impak pandemik COVID-19. Menurut ramalan industri oleh Oxford Economics, sebahagian

daripada sektor ini dijangka pulih pada tahun 2021 dan kebanyakannya didorong oleh aktiviti pertahanan AS. Bagi Eropah, prospek tahun 2021 telah dikurangkan dalam pasaran United Kingdom (UK) yang terjejas berikutan Brexit.³⁷ Pasaran global aeroangkasa dijangka akan pulih ke tahap pra-pandemik pada tahun 2023, dan akan terus berkembang seiring dengan kepesatan sektor pelancongan. Dalam sasaran jangka panjang pula, pembuatan aeroangkasa global akan meningkat kira-kira 2% setiap tahun, dan ini didorong oleh pertumbuhan permintaan penumpang udara Asia.³⁸ Pemain industri tempatan perlu memanfaatkan peluang yang berpotensi ini untuk maju dalam sektor aeroangkasa negara.

Segmen lain bagi industri aeroangkasa adalah industri angkasa. Sektor ini sebahagian besarnya didorong oleh sektor awam dan kini dikuasai oleh 5 negara; AS, China, Rusia, Perancis, dan Jepun, dan jumlah keseluruhan perbelanjaan mereka adalah ASD57.3 bilion pada tahun 2018 sahaja.³⁹ Pada tahun 2019,

Rajah 37: Pembiayaan Awam Sektor Angkasa oleh 5 Negara Teratas

Industri angkasa merupakan sektor yang dipacu oleh penglibatan Kerajaan dalam perbelanjaan bagi memulakan industri



ekonomi ruang angkasa global bernilai ASD423.8 juta dengan kegiatan yang melibatkan penyelidikan, penerokaan, dan penggunaan ruang untuk tujuan komunikasi. Aktiviti komunikasi berkait rapat dengan segmen televisyen dan ia merangkumi kira-kira 26% dari keseluruhan ruang ekonomi angkasa.⁴⁰

Di Malaysia, industri aeroangkasa terdiri daripada 2 sektor - i) penerbangan komersial dan am, dan ii) ruang angkasa, dengan sektor komersial dan am adalah lebih menonjol. Seperti yang dinyatakan dalam Rajah 38, ekosistem aeroangkasa kita terdiri daripada Pembuatan Aeroangkasa, Integrasi Sistem,

Pengendali, MRO, Penyelidikan & Teknologi (R&T) serta Latihan dan Pendidikan.⁴¹

³⁶ Statista

³⁷ 'Aerospace', Oxford Economics


³⁸ Ibid

³⁹ Rapp, N. and O'Keefe, B., '50 Years After the Moon Landing, Money Races Into Space,' FORTUNE, <https://fortune.com/longform/space-program-spending-by-country/>

⁴⁰ Statista

⁴¹ Pejabat Koordinasi Industri Aeroangkasa Kebangsaan (NAICO)


Rajah 38: Industri Aeroangkasa di Malaysia



Pada tahun 1997, rangka tindakan aeroangkasa kebangsaan yang pertama bertajuk *'Piloting the Aerospace Industry Take-Off'* telah dilancarkan, menetapkan inisiatif untuk mengubah Malaysia menjadi sebuah negara yang mempunyai keupayaan aeroangkasa serantau dan antarabangsa menjelang tahun 2015. 6 daripada 45 saranan dikenal pasti sebagai inisiatif utama iaitu; penyediaan Kerangka Industri Aeroangkasa; penubuhan Majlis Aeroangkasa Malaysia; penubuhan Lembaga Penerbangan Malaysia; penubuhan Badan Penyelaras Aeroangkasa Nasional; Tinjauan Inventori Industri Aeroangkasa; dan Kajian Pembangunan Modal Insan Industri Aeroangkasa. Daripada 45 Saranan tersebut, 43 telah dilaksanakan sepanjang 17 tahun pelaksanaan rangka kerja tersebut.

Sepanjang tempoh ini, banyak keputusan penting dibuat oleh Majlis Aeroangkasa Malaysia yang membantu mendorong pertumbuhan sektor ini.

Rajah 39: Garis Masa Industri Aeroangkasa



Pada tahun 2014, dengan peningkatan penyertaan pemain industri aeroangkasa, industri telah berkembang dengan ketara dengan pendapatan industri sebanyak RM11.8 bilion daripada RM0.9 bilion pada tahun 1998, dengan CAGR 17.45%.⁴²

Rajah 40

Industri Aeroangkasa Malaysia

	1998	2014
Pendapatan (RM bilion)	0.9	11.8
Eksport (RM bilion)	Tiada Rekod	2.13
Pelaburan (RM bilion)	Tiada Rekod	4.2
Bilangan Syarikat	50	150
Tenaga Kerja	6,800	19,500




Kedudukan Negara di Rantau Asia Tenggara

	MRO (RM Bilion)	Pembuatan Aero (RM Bilion)
Singapura	12.25	3.50
Malaysia	5.25	2.87
Thailand	3.50	2.80
Indonesia	3.50	1.26
Filipina	1.75	1.33

Pada tahun 2018, eksport bahagian dan komponen aeroangkasa Malaysia mencapai RM8.48 bilion⁴³ dan pada tahun 2019 industri ini terus berkembang dan menyaksikan pendapatan keseluruhan berjumlah RM16.2 bilion dan melahirkan lebih daripada 27,500 pekerja mahir di industri ini.⁴⁴ Namun, kerana wabak COVID-19, pendapatan keseluruhan industri berkurang 20% - 30% pada tahun 2020 dibandingkan dengan tahun sebelumnya, di mana subsektor penerbangan komersial paling terkesan kerana penutupan sempadan antarabangsa dan batasan perjalanan domestik.⁴⁵

Industri aeroangkasa Malaysia telah dirujuk di dalam beberapa Pelan Induk ekonomi yang ada seperti RMKe-11, Program Transformasi Ekonomi (ETP), dan Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030, yang telah dikenal pasti akan kepentingan industri ini yang semakin meningkat dalam ekonomi Malaysia:

Rajah 41: Industri Aeroangkasa disorot dalam Pelan Induk Ekonomi Malaysia

Dokumen*	Keterangan	Kajian di dalam Aeroangkasa
 <p>Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bidang keutamaan A: Mempercepat pembangunan industri strategik dan berimpak tinggi • Strategik A3 di dalam RMKe-12 mewujudkan Aeroangkasa yang mampan 	<p>Merangkumi 2 seksyen:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan peluang Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) bagi mempertingkatkan pemilikan kekayaan. • Meransang Pembuatan
 <p>Program Transformasi Ekonomi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Dilancarkan pada 21 September 2010 untuk memartabatkan Malaysia mencapai status negara maju • Melibatkan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) • Merangkumi 131 projek permulaan (EPP), dengan 92% penglibatan sektor swasta 	<p>Fokus khusus melalui 3 EPP</p> <ul style="list-style-type: none"> • EPP 1: Membangunkan Perkhidmatan Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih (MRO) Penerbangan • EPP 5: Memupuk Perkhidmatan Kejuruteraan 'Pure-Play' • EPP 7: Menjadikan Malaysia sebagai Hab OEM Aeroangkasa di Asia Tenggara
 <p>Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia 2030</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Inisiatif oleh <i>Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT)</i> sebagai Sekretariat Majlis Aeroangkasa Malaysia (MAC), untuk merencana rancangan jangka panjang bagi pembangunan industri aeroangkasa di Malaysia sehingga 2030 	<ul style="list-style-type: none"> • 7 strategi untuk menjadikan Malaysia sebagai Negara Aeroangkasa Utama di Asia Tenggara dan pasaran penting global menjelang 2030.

● Tumpuan rendah pada aeroangkasa

●● Tumpuan sederhana pada aeroangkasa

●●● Tumpuan tinggi pada aeroangkasa

●●●● Tumpuan yang sangat tinggi terhadap aeroangkasa

*Senarai tidak terhad kepada dokument berikut

Pertumbuhan industri telah menguntungkan syarikat Bumiputera, dan ini dapat dilihat melalui penubuhan syarikat baharu dan pengembangan syarikat yang ada. Pemain Bumiputera kita yang ada dalam industri aeroangkasa terlibat dalam (i) MRO komponen pesawat seperti oxygen cylinder; pemadam api; 'peralatan bantuan survival'; dan suar *Emergency Locator Transmitters (ELT)* untuk sektor penerbangan komersial, (ii) menyampaikan analisis struktur aero primer meliputi; statik, *fatigue and damage tolerance (F&DT)*; unsur terhingga; komposit; reka bentuk; dalam sokongan perkhidmatan, dan integriti struktur pesawat untuk pelanggan global, dan (iii) pembuatan aeroangkasa; membekalkan Komposit Aerostruktur untuk pengeluar pesawat komersial dan tentera utama di seluruh dunia; mengambil bahagian dalam aktiviti pemasangan utama dan 'sub'

serta menyediakan perkhidmatan ujian komposit; R&D komposit dan R&T; pembaikan komposit; dan membekalkan dalaman pesawat komposit, tempat duduk pesawat dan pengangkutan.

⁴¹ Kementerian Perdagangan dan Industri (MITI), *Malaysia's Aerospace Industry Sets To Soar To Greater Heights*, Mac 2016

⁴² Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)

⁴³ MITI; *Malaysia's Aerospace Industry Report*, Januari 2020

⁴⁴ MIDA, 'Vital to keep aerospace sector alive during lockdown', MIDA, 2021; Afiq Aziz, 'Vital to keep aerospace sector alive during lockdown', *The Malaysian Reserve*, 22 Jun 2021

KES UNTUK INTERVENSI

Melalui analisis yang dilakukan ke atas industri, beberapa cabaran telah dikenal pasti, dan wujud keperluan untuk menambah baik sektor ini khususnya di dalam 5 bidang berikut: (a) Dasar & Tadbir Urus, (b) Kerangka Institusi & Peraturan, (c) Penyelidikan & Teknologi, (d) Pembangunan Bakat, dan (e) Pelaburan & Pembiayaan:⁴⁶

Dasar dan Tadbir Urus Yang Kurang Dilaksanakan

Pengambilalihan aeroangkasa utama tidak digunakan sepenuhnya untuk mempengaruhi dan membentuk landskap industri, terutama dalam bidang perolehan baharu dan perolehan sokongan dalam perkhidmatan:

- **Perolehan Baharu** - Dasar perolehan semasa belum dapat mempromosikan kandungan tempatan melalui kontrak pemerolehan utama kerana keperluan untuk kandungan tempatan biasanya dinyatakan sebagai pengimbangan langsung. Untuk membolehkan perolehan Kerajaan mempengaruhi secara langsung pertumbuhan industri aeroangkasa, dasar perolehan mesti membenarkan kandungan tempatan menjadi wajib dalam kontrak utama. Sebagai tambahan, program petempatan susah dijalankan jika Kerajaan terus memperoleh sistem-sistem berbeza pada kuantiti yang sedikit.
- **Perolehan Sokongan Dalam Perkhidmatan** Pada masa ini, negara mempunyai beberapa pengusaha MRO tempatan, sebagai contoh Malaysia Airlines yang dikenali umum. Dengan pengalaman yang luas dan rekod prestasi yang baik, Malaysia Airlines merupakan salah satu pemain MRO terkemuka di rantau ini. Dengan jangkaan pertumbuhan yang kukuh dalam permintaan penumpang udara Asia dan dengan 40% pesanan pesawat dunia datang ke rantau Asia-Pasifik,⁴⁷ syarikat seperti Malaysia Airlines mempunyai rancangan besar untuk mengembangkan perniagaan MROnya. Namun, ketika

Malaysia membuka pintu kepada pelaburan langsung asing (FDI), banyak syarikat MRO tempatan berasa terancam oleh kehadiran pemain MRO asing. Di dalam pasaran yang dikendalikan oleh Kerajaan secara langsung, projek pemberian kontrak MRO untuk menjaga pesawat milik Kerajaan harus dijelaskan.

1. Keutamaan juga harus diberikan kepada syarikat reka bentuk dan kejuruteraan tempatan yang berkebolehan untuk dipertimbangkan dalam projek penambahbaikan pesawat dan sistem kerana ia melibatkan aktiviti reka bentuk.
2. Dasar untuk memperoleh perkhidmatan MRO tidak hanya membenarkan Kerajaan memaksimumkan kesiapsiagaan asetnya, tetapi juga mempengaruhi trend pemain industri, supaya mengawal prestasi mereka dalam jangka masa panjang.

Rangka Kerja Institusi dan Pengawalseliaan yang lemah

Institusi yang memiliki pengaruh langsung terhadap pembangunan industri harus melaksanakan peranan mereka dengan tepat sehingga mereka benar-benar menjadi 'pendorong kuat' industri aeroangkasa. Beberapa jurang yang dikenal pasti dalam bidang ini adalah:

- **Pembeli** - Tidak ada amalan pembelian yang seragam di antara Kementerian, menyebabkan kekeliruan dan beban pentadbiran dalam kalangan pemain industri tempatan. Usaha untuk menyeragamkan pelaksanaan diperlukan untuk mewujudkan *critical mass* dalam pasaran tempatan yang sebahagian besarnya terdiri daripada Badan Pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan. Dengan menyelaraskan fungsi beli, pemain industri akan dapat melabur secara serius dalam mengembangkan kemampuan dan pada masa yang sama mencapai pengkhususan dalam rangkaian produk.
- **Pemaju Industri** - Komitmen besar Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) dan Agensinya iaitu

MIDA, SME Corporation Malaysia (SME Corp) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) untuk melaksanakan sepenuhnya fungsi pembangunan industri aeroangkasa sangat dialu-alukan. Melalui fungsi ini, pendekatan yang lebih tersusun dapat digunakan untuk mengembangkan rantai bekalan yang kukuh dalam industri aeroangkasa di Malaysia seperti yang diaspirasikan oleh rangka tindakan ini.

Keupayaan Penyelidikan & Teknologi Terhad

Aktiviti aeroangkasa semasa di Malaysia tidak cukup canggih dan kompleks, menjadikan Malaysia sangat bergantung pada R&D asing. Beberapa jurang yang dikenal pasti adalah:

- **Penyelidikan dan Teknologi** - Sebilangan besar aktiviti R&D ruang dan aeroangkasa di negara ini tidak tertumpu dan tidak mempunyai teras utama oleh itu, projek-projek tersebut tidak dapat ditentukan dan diselaraskan dengan baik di peringkat nasional.
- **Pusat Pengetahuan** - Potensi institusi penyelidikan khusus seperti Penubuhan Perkhidmatan Kejuruteraan Aeroangkasa Pusat (CAESE) di bawah Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), dan Institut Penyelidikan Sains & Teknologi untuk Pertahanan (STRIDE) di bawah MinDef masih belum optimum untuk memudahkan aktiviti R&D aeroangkasa dan pertahanan.

Kerangka Pembangunan Bakat yang Terhad

Untuk memastikan bahawa industri aeroangkasa berkembang sebagai industri teknologi tinggi yang penting di Malaysia, latihan yang sesuai dan holistik dalam semua bidang adalah diperlukan. Jurang utama yang berkaitan dengan bakat termasuk:

- Pendedahan yang terhad diberikan kepada kakitangan Kerajaan yang terlibat dalam perolehan berkaitan aeroangkasa mengenai 'Through-life Support'. Tanpa memahami prinsip-prinsip ini, kakitangan ini tidak akan dapat mempengaruhi

perkembangan industri secara berkesan dari perspektif Kerajaan.

- Program pendidikan dan latihan tidak ditangani dengan baik untuk menyelesaikan ketidaksesuaian antara akademik dan industri yang mengakibatkan institusi tidak menghasilkan tenaga kerja dengan kepakaran yang tepat. Oleh itu, beberapa bentuk penyelarasan diperlukan untuk meningkatkan sinergi industri-universiti.
- Terdapat sedikit usaha yang dilakukan untuk meningkatkan jumlah Jurutera Reka Bentuk dengan status penandatanganan untuk projek reka bentuk dan pembinaan masa depan dan ini dapat membahayakan peluang Malaysia untuk terlibat dalam program pesawat generasi akan datang. Walaupun terdapat 14 Jurutera Aeronautika dan 7 Jurutera Profesional Aeroangkasa yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia, tanpa memberikan peluang yang tepat, mereka tidak akan diiktiraf sebagai kelulusan Boeing atau Airbus bagi tujuan pengesahan.
- Walaupun pentingnya strategi, ada sedikit usaha yang dilakukan untuk meningkatkan kemampuan institusi latihan untuk melatih tenaga kerja pembuatan struktur udara. Ini tidak akan membantu pertumbuhan subsektor yang dipengaruhi oleh kadar aktrisi yang tinggi. Di samping itu, walaupun terdapat program Bakat yang Terhad di bawah Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), termasuk Program Pembangunan Sosio Ekonomi Veteran (PPSEV) dan Pengiktirafan Pembelajaran Pengalaman Sebelumnya (RPEL), peralihan pesara tentera yang terlatih dan sangat berdisiplin ke sektor sivil masih boleh diperbaiki lagi.

⁴⁶ *Pelan Pembangunan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030*

⁴⁷ 'Malaysia Airlines to make maintenance, repair and overhaul business great again', *Malaymail*, 19 Oktober 2019

Pelaburan dan Pembiayaan Yang Belum Diterokai


Penambahbaikan selanjutnya diperlukan dalam usaha negara untuk mengukuhkan rantai bekalan industri tempatan. Untuk mengisi jurang dalam rantai bekalan pembuatan aerostruktur, adalah penting untuk menggalakkan pelaburan strategik daripada pembekal bahan mentah dan syarikat Bekalan Am Pesawat (AGC), dan pada masa yang sama, membantu lebih banyak Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) memasuki rantai bekalan.

- Kemudahan dan sokongan kepada PKS aeroangkasa sangat penting kerana jumlah PKS semasa di Tahap 3 dan 4 dengan perakuan AS9100 dan *National Aerospace and Defense Contractors Accreditation Program* (NADCAP) masih sedikit. AS9100 adalah standard Sistem Pengurusan Kualiti antarabangsa untuk industri Penerbangan, Angkasa dan Pertahanan dan menyediakan pembekal dengan syarat untuk membuat dan mengekalkan sistem kualiti yang

komprehensif untuk menyediakan produk yang selamat dan boleh dipercayai. Begitu juga, NADCAP menggunakan pendekatan standard yang memastikan jaminan kualiti berkaitan dengan pemrosesan kimia, pelapis, pemesinan konvensional, pemeliharaan haba, ujian tidak memusnah dan pengelasan untuk industri aeroangkasa. Mempunyai sijil sedemikian penting untuk tujuan menembusi pasaran global.

- Tambahan pula, sepanjang tempoh rangka-tindakan yang lalu, inisiatif berorientasikan eksport belum diterokai sepenuhnya untuk memasarkan produk dan perkhidmatan aeroangkasa Malaysia di luar negara. Bahkan, di rantau ini, belum ada pencapaian yang dapat dicapai untuk membuka pasaran pertahanan khususnya di negara-negara ASEAN. Dalam kes ini, intervensi Kerajaan diperlukan sama ada melalui inisiatif dua hala atau pelbagai hala untuk mempercepat dan mendedahkan industri aeroangkasa Malaysia ke pasaran baru dan lebih besar.

Rajah 42 : Pendapatan dan Eksport Aeroangkasa Malaysia RM Bilion



Nota: Penurunan pada tahun 2020 adalah disebabkan oleh pandemik COVID-19
 Sumber: NAICO Malaysia Aerospace Industry Report 2020

VISI

Walaupun terdapat cabaran yang dihadapi, terdapat potensi besar bagi Bumiputera dalam sektor ini. Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030, telah menetapkan visi untuk Malaysia menjadi negara aeroangkasa nombor satu di Asia Tenggara. Ia juga mensasarkan untuk meletakkan Malaysia sebagai sebahagian daripada pasaran global menjelang tahun 2030 dengan pendapatan tahunan RM55.2 bilion. Merealisasikan visi ini akan mewujudkan lebih daripada 32,000 pekerjaan berpendapatan

tinggi. Seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 42, sejak pelancaran pelan tindakan ini pada tahun 2015, industri aeroangkasa telah menyaksikan peningkatan pendapatan dan eksport yang berterusan dan sejajar dengan sasaran yang ditetapkan dalam visi.

Seperti yang diperincikan dalam Rajah 43, Pelan Pembangunan mengenal pasti 4 bidang tumpuan iaitu MRO; Pembuatan Aero; Integrasi Sistem; dan Perkhidmatan Kejuruteraan & Reka Bentuk, dengan sasaran khusus yang harus dicapai untuk setiap bidang tumpuan.

Rajah 43: 4 Bidang Fokus yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030

Menjelang tahun 2030, Malaysia bakal menjadi Negara Peneraju Aeroangkasa di Asia Tenggara dan Pasaran Penting Global				
	MRO	Pembuatan Aero	Sistem Integrasi	Perkhidmatan Kejuruteraan & Reka Bentuk
Sasaran	<ul style="list-style-type: none"> Menguasai sekurang-kurangnya 5% pasaran global 	<ul style="list-style-type: none"> Menjadi negara utama Asia Tenggara bagi pembekalan komponen aeroangkasa dengan menyasarkan menjadi sub-kumpulan besar Tahap 1 dan <i>Risk Sharing Partner</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Penyatuan dan peningkatan aset strategik secara sendiri (sekurang-kurangnya 70% kandungan tempatan) 	<ul style="list-style-type: none"> Menguasai sekurang-kurangnya 3.5% pasaran global
Produk/Servis	<ul style="list-style-type: none"> Pesawat, 'Ground Systems', Simulator, Set Peralatan Darat 	<ul style="list-style-type: none"> Struktur Aero, Peralatan Avionik, Enjin, Alat Kerangka Pesawat 	<ul style="list-style-type: none"> 'Ground Systems', Simulator, Kapal Angkasa, <i>Unmanned Aerial Vehicle (UAV)</i>, Pesawat Avionik, Peluru Berpandu dan Rocket 	<ul style="list-style-type: none"> Reka Bentuk Terperinci, Analisis & Persijilan, Reka Bentuk & Perkhidmatan Pembuatan, Konsep
Pendidikan & Latihan				
No 1 di Asia Tenggara dalam membekalkan tenaga kerja yang kompeten				

Untuk menyokong industri aeroangkasa, Pejabat Penyelaras Industri Aeroangkasa Kebangsaan (NAICO), sebuah unit di bawah MITI, akan mengawasi pelaksanaan strategi dan inisiatif dalam rangka tindakan ini. NAICO akan berfungsi sebagai titik fokus dalam menghubungkan pemain industri aeroangkasa, Kementerian, dan Agensi Kerajaan yang relevan, dan akademik untuk bersama-sama bekerjasama dalam memperkuat kemampuan dan kapasiti industri aeroangkasa Malaysia.

Untuk memacu ekonomi dalam mencapai sasaran visi yang ditetapkan dalam Pelan Pembangunan, 7 teras strategik dan 41 inisiatif utama telah dikenal pasti dan dikembangkan merangkumi bidang daripada dasar hingga rangkaian bekalan tempatan:

Rajah 44: 7 Teras Strategik yang dinyatakan di dalam Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030



- **STRATEGI 1:** Menerapkan dasar yang mempengaruhi landskap industri masa depan



- **STRATEGI 2:** Meningkatkan keberkesanan institusi yang mempunyai pengaruh langsung terhadap pertumbuhan industri



- **STRATEGI 3:** Mengharmonikan peraturan sivil dan ketenteraan serta mempromosikan amalan hijau



- **STRATEGI 4:** Melabur dalam R&T bagi mengembangkan keupayaan baharu dan meningkatkan daya saing industri



- **STRATEGI 5:** Mempromosikan pelaburan aeroangkasa melalui insentif dan pembiayaan yang bersesuaian



- **STRATEGI 6:** Menyediakan tenaga kerja masa hadapan untuk Malaysia dan rantau ini



- **STRATEGI 7:** Menguasai pasaran baharu dan mengukuhkan rangkaian bekalan tempatan

Melalui pelaksanaan Pelan Pembangunan, 5 sasaran khusus telah ditetapkan untuk dicapai pada tahun 2030:

Rajah 45: 5 Sasaran Khusus yang dinyatakan dalam Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030

Bidang Fokus	TAHUN	
	2025	2030
Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih (Bahagian Pasaran Global)	4.0%	5.0%
Pembuatan Aeroangkasa (Kedudukan di Asia Tenggara)	No.1	No.1
Sistem Integrasi (Kandungan Tempatan)	50%	70%
Perkhidmatan Kejuruteraan dan Reka Bentuk (Bahagian Pasaran Global)	3.0%	5.0%
Pendidikan dan Latihan Aeroangkasa (Kedudukan di Asia Tenggara)	No.1	No.1





SARANAN DAN STRATEGI UTAMA

Sebagai tambahan dalam mendokong inisiatif dan strategi yang dipaparkan dalam Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030, terdapat beberapa saranan dan strategi utama yang dapat diadaptasi untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri aeroangkasa, dan pada masa yang sama menyumbang kepada industri dan juga ekonomi. Saranan tersebut adalah:

Saranan 1: Memperluas Penyertaan Bumiputera dalam Produk dan Perkhidmatan Menjana Nilai Lebih Tinggi

Walaupun terdapat penglibatan Bumiputera dalam sektor aeroangkasa, masih ada potensi pertumbuhan produk / perkhidmatan komersialnya. Kerajaan boleh memainkan peranan penting dengan menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam produk dan perkhidmatan menjana nilai yang lebih tinggi seperti yang digambarkan dalam Rajah 46:

Rajah 46

Servis/Produk Komersial	Contoh	Potensi untuk Bumiputera
 Pembuatan	Struktur Aero, Peralatan Avionik, Enjin, Alatan Rangka Pesawat	<ul style="list-style-type: none"> Sektor pembuatan, perkhidmatan MRO dan Sistem Integrasi merupakan segmen yang telah menyaksikan banyak penyertaan Bumiputera Namun, segmen ini masih belum dapat diterokai sepenuhnya dalam sektor aeroangkasa Dalam Sektor Pembuatan, Bumiputera masih tertumpu di Tahap rendah (3-4) dan masih boleh ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi Dalam MRO, wujud potensi untuk Bumiputera mempelbagaikan produk dan perkhidmatan mereka Untuk Sistem Integrasi, wujud potensi bagi pasaran baru yang belum diterokai dalam sektor aeroangkasa
 Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih	Struktur Aero, Peralatan Avionik, Enjin, Alatan Rangka Pesawat	
 Sistem Integrasi	'Ground Systems', Simulator, Kapal Angkasa, UAV, Pesawat Avionik, Peluru Berpandu dan Roket	
 Pengendali	Operasi pesawat, helikopter dan produk aeroangkasa	

Kerajaan membantu memudahkan penyertaan Bumiputera dalam produk dan perkhidmatan yang menjana nilai lebih tinggi

Melalui tinjauan yang dilakukan di sektor ruang angkasa dan aeroangkasa, telah dikenal pasti bahawa Bumiputera masih boleh mendapat keuntungan dari sektor ini dengan mengembangkan kemampuan mereka dalam Pembuatan Aeroangkasa, MRO, dan Integrasi Sistem.

Rajah 47: Analisa Sektor Aeroangkasa yang Masih Boleh Menceburi oleh Bumiputera

Produk/Servis	Penglibatan Bumiputera	Pembangunan Bumiputera	Pemboleh Daya
Pembuatan Aeroangkasa	Penyertaan yang tinggi, walaupun tertumpu pada Tahap 3 dan 4 - menyediakan bahagian dan komponen kepada pembekal yang lebih besar di sektor aeroangkasa	Tinggi - Pemain Bumiputera-mendapat manfaat dengan kenaikan ke Tahap 1 dan 2	<ul style="list-style-type: none"> Modal insan dan pelaburan beralih ke peringkat yang lebih tinggi
Sistem Integrasi	Penyertaan tinggi dari Bumiputera seperti Asia AeroTechnic, Composites Technology Research Malaysia (CTRM) dan Deftech	Sederhana - Segmen berintensifkan modal dan permintaan pasaran adalah terhad berbanding dengan segmen lain	<ul style="list-style-type: none"> Proposisi Jualan Unik yang tinggi bagi membezakan perkhidmatan dari pesaing lain
Pengendali	Penyertaan tinggi kerana penglibatan sektor awam dan Kerajaan / GLC	Rendah - Penyertaan memerlukan pelaburan modal yang tinggi dan unjuran bagi tempoh 5-7 tahun akan datang kekal rendah berikutan pandemik COVID-19	<ul style="list-style-type: none"> Pembukaan sempadan antarabangsa Pelaburan modal tinggi
Penyelenggaraan, Pembaikan & Baik Pulih	Penyertaan tinggi, tetapi kebanyakannya khusus kepada satu atau dua bidang	Tinggi - Potensi wujud bagi Bumiputera untuk mempelbagaikan produk dan perkhidmatan mereka, seperti yang telah dilakukan oleh CTRM	<ul style="list-style-type: none"> Pelaburan modal insan bagi memenuhi perkhidmatan lain
Penyelidikan & Teknologi	Penyertaan tinggi dari institusi awam Bumiputera	Rendah - Ruang pertumbuhan yang terhad berikutan bidang yang telah tepu untuk penyertaan institusi awam	<ul style="list-style-type: none"> Tiada
Latihan & Pendidikan	Penyertaan tinggi dari institusi awam Bumiputera	Rendah - Ruang pertumbuhan yang terhad berikutan bidang yang telah tepu untuk penyertaan institusi awam	<ul style="list-style-type: none"> Tiada

Saranan 2: Kerjasama Industri dengan Institusi Akademik untuk Pelajar Bumiputera

Bakat sedia ada menghadapi halangan jurang pengetahuan dan kemahiran ketika memasuki industri. Akibatnya, mereka memerlukan latihan lebih lanjut oleh majikan sebelum dapat memberi sumbangan kepada industri. Usaha Kerajaan diperlukan di sini untuk memberi penekanan dalam memudah cara perkongsian antara pemain industri ruang angkasa dan aeroangkasa dan institusi akademik untuk kursus berkaitan aeroangkasa. Kerjasama seperti ini sangat penting untuk memastikan bahawa graduan bersedia dan dapat mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk bekerja di sektor ini dan mengenal pasti ruang untuk penambahbaikan sehingga tamat

pengajian mereka.

Saranan 3: Penyediaan Latihan Pengurusan kepada Eksekutif Bumiputera bagi Mengendalikan Pelanggan Antarabangsa

Industri ruang angkasa dan aeroangkasa adalah industri global, dengan banyak permintaan daripada syarikat asing. Oleh itu, peranan pengurus dalam industri perlu menerapkan amalan dan kemahiran untuk memenuhi permintaan global. Peningkatan kepakaran pengurusan atasan mengenai kepemimpinan dan pendekatan lain seperti kemahiran pengurusan bertemakan masyarakat (*people-centered*) akan mampu menembusi pasaran melalui penglibatan yang lebih besar dengan organisasi asing.

Rajah 48 : Konsep Penyediaan Latihan Pengurusan kepada Eksekutif Bumiputera bagi Mengendalikan Pelanggan Antarabangsa

Konsep



Menjalankan latihan pengurusan di sektor ruang angkasa dan aeroangkasa

Contoh Modul

1



Kepimpinan

2



Komunikasi

3



Pengurusan Konflik

Takrifan

Latar Belakang

- Fokus pengurusan dan kepimpinan dalam industri aeroangkasa tempatan masih berdasarkan pada gaya pengurusan iaitu pemantauan dan arahan, yang tidak selaras dengan standard antarabangsa iaitu untuk pemerksaan individu yang mempunyai pengurusan sendiri dan memberikan sokongan untuk mencapai tujuan bersama
- Perbezaan pendekatan pengurusan menghadkan kerjasama dan perkongsian antara pemain tempatan dan antarabangsa yang berbeza

Cadangan

- Bahagian pengurusan di sektor aeroangkasa akan diberi insentif untuk meningkatkan kemahiran dan mempelajari pendekatan pengurusan yang berbeza bagi memenuhi keperluan sektor aeroangkasa



KESIMPULAN

Industri aeroangkasa merupakan industri yang luas merangkumi aktiviti di atmosfera dan juga angkasa, telah dikenal pasti sebagai salah satu bidang transformasi ekonomi berpotensi tinggi untuk Bumiputera di bawah TPB2030 kerana sektor ini memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia. Industri ini telah melihat pertumbuhan yang stabil selama bertahun-tahun, dan mempunyai kemampuan untuk berkembang dan menyumbang lebih jauh untuk Malaysia kerana potensi untuk menjadi bidang yang sangat menguntungkan.

Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 telah memperkenalkan inisiatif dan strategi untuk melonjakkan industri ke tahap yang lebih tinggi dan meletakkan Malaysia sebagai negara aeroangkasa nombor satu di Asia Tenggara dan memainkan peranan penting dalam pasaran global menjelang tahun 2030.

Bidang ruang angkasa adalah salah satu segmen dalam segmen industri aeroangkasa, merupakan pasaran yang belum dimanfaatkan di Malaysia. Walaupun memiliki potensi masa depan yang tinggi, industri ini memerlukan penglibatan sektor awam yang tinggi, seperti yang dilakukan oleh kuasa besar global seperti AS, China dan Rusia. Kerajaan menyedari hal ini dan mencari jalan untuk membuka potensi ruang dengan berkesan.


Untuk membuka potensi dan menyumbang lebih jauh ke dalam agenda Bumiputera di Malaysia, terdapat beberapa saranan dan strategi utama yang dapat diguna pakai untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri aeroangkasa, iaitu memperluas penyertaan Bumiputera dalam produk dan perkhidmatan yang menjana nilai yang lebih tinggi, mewujudkan perkongsian industri dengan institusi akademik untuk bakat Bumiputera, dan memberikan latihan pengurusan untuk eksekutif Bumiputera agar selaras dengan permintaan antarabangsa. Saranan ini berpotensi membuka jalan bagi Bumiputera untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam menyumbang kepada sektor ini dan juga ekonomi Malaysia.



Mempercepat Pembangunan Sosioekonomi Bumiputera



Tema 1:
**TINDAKAN PEMBANGUNAN
BUMIPUTERA 2030
(TPB2030)**



RINGKASAN EKSEKUTIF



Mara ke hadapan, agenda Bumiputera akan dipacu oleh Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) sebagai pelan hala tuju 10 tahun. TPB2030 adalah kesinambungan daripada dasar dan rancangan Bumiputera terdahulu yang bertujuan memperkasa ekonomi Bumiputera bagi memastikan kelestarian dan kesaksamaan, sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) agar tidak ada Bumiputera yang ketinggalan.

Kesenjangan sosioekonomi dari sudut pendapatan dan pengagihan kekayaan, kekal sebagai cabaran terutamanya bagi golongan Bumiputera. Selain itu, jurang pendapatan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera semakin melebar bagi tempoh sama. Jurang pendapatan ini bukan sahaja berlaku antara kaum bahkan turut berlaku pada peringkat negeri. Analisis peringkat negeri menunjukkan Bumiputera membentuk majoriti terbesar dalam kumpulan isi rumah berpendapatan B40.⁰¹ Lebih daripada 50% isi rumah di negeri seperti Kelantan, Perak, Pahang, Perlis, Kedah, Terengganu, Sabah dan Sarawak tergolong dalam kategori B40. Sasaran 30% pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) juga masih belum dicapai.

TERAJU selaku Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri diberi mandat untuk menjadi penyelarasan utama kepada pelaksanaan TPB2030 menyelia dan memastikan semua sasaran agenda Bumiputera di bawah hala tuju ini dapat dicapai. Pelaksanaan TPB2030 turut

dijangka akan menjadi asas bagi mempercepat pembangunan sosioekonomi dengan penyelarasan bersepadu program yang disokong oleh tujuh (7) Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA), tiga (3) Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA) dan 7 Bidang Keutamaan (PA).

Pelaksanaan Bidang Keutamaan 1 (PA1) akan didasari oleh satu (1) inisiatif bagi memastikan usaha untuk mempercepat pembangunan sosioekonomi Bumiputera tercapai dan kemakmuran ekonomi yang lebih saksama dapat direalisasikan. Inisiatif ini meliputi, antara lain, program pembangunan, tadbir urus dan pelaksanaan serta pemantauan TPB2030. Melalui TPB2030 keutamaan akan diberikan bagi meningkatkan keadaan sosioekonomi Bumiputera, program dan inisiatif yang digariskan akan meningkatkan sumbangan Lebihan Kendalian Kasar (GOS) oleh perusahaan Bumiputera kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM201.53 bilion pada tahun 2030.

⁰¹ B40 (Terendah 40%) merujuk kepada kelompok 40% pendapatan terendah dengan pendapatan isi rumah di bawah RM4,849, M40 (Pertengahan 40%) pula mempunyai pendapatan isi rumah antara RM4,850 dan RM10,959. T20 (Teratas 20%) mempunyai pendapatan isi rumah RM10,961 dan ke atas - Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).



LATAR BELAKANG

Agenda pembangunan Bumiputera terus diberi fokus dalam WKB2030 melalui 15 prinsip panduan meliputi pelbagai kerangka pemikiran, pandangan dan falsafah yang terangkum dalam konteks sosiobudaya masyarakat Malaysia. Ia merupakan kesinambungan kepada pembangunan inklusif yang telah diberi tumpuan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang menekankan pertumbuhan yang adil, saksama dan mampan untuk semua, tanpa mengabaikan pemerksaan Bumiputera. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mempertingkatkan keupayaan Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) sejak Malaysia mencapai kemerdekaan.

Antara inisiatif yang telah dilaksana bagi mempercepat pembangunan sosioekonomi Bumiputera termasuk meningkatkan keupayaan dan kapasiti modal insan, mempertingkatkan keberkesanan kawalan pemilikan ekuiti korporat, menggalakkan pemilikan kekayaan serta membina BEC yang berdaya tahan dan mampan. Mandat telah diberikan kepada TERAJU sebagai Agensi yang bertanggungjawab memainkan peranan strategik dalam pembangunan sosioekonomi Bumiputera yang bersepadu dan komprehensif.

Sepanjang tempoh pelaksanaan bermula dari tahun 2016, RMKe-11 telah menunjukkan peningkatan dalam jumlah pekerja mahir Bumiputera daripada 59.4% pada tahun 2014 kepada 61.4% pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, analisis lanjutan dalam kalangan jumlah pekerjaan Bumiputera mendapati hanya 29.4% Bumiputera berada di dalam kategori pekerja mahir. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar Bumiputera bekerja di dalam industri bernilai tambah yang rendah dengan pekerjaan bergaji rendah.⁰²

KES UNTUK INTERVENSI

Kesenjangan Sosioekonomi

Kesenjangan sosioekonomi dari segi pendapatan dan pengagihan kekayaan masih menjadi cabaran terutamanya bagi golongan Bumiputera. Kesenjangan pendapatan isi rumah kumpulan T20⁰³ dan B40 telah meningkat sejak 30 tahun yang lalu di antara tahun 1989 hingga tahun 2019 seperti yang digambarkan dalam Rajah 1 akibat daripada kepelbagaian pembangunan sosioekonomi. Perbezaan kumpulan pendapatan isi rumah 20% (T20) teratas dan kumpulan pendapatan isi rumah terendah 40% (B40) meningkat sejak 30 tahun yang lalu. Purata pendapatan bulanan kumpulan T20 berbanding B20 meningkat 527% daripada RM1,935 pada tahun 1989 kepada RM12,135 pada tahun 2019.⁰⁴

Selain itu, jurang pendapatan antara isi rumah Bumiputera dan bukan Bumiputera misalnya kaum Cina, turut meningkat pada tempoh yang sama. Menurut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), ketidaksamaan purata pendapatan bulanan isi rumah antara Bumiputera dan kaum Cina meningkat hampir empat (4) kali ganda daripada RM497 pada tahun 1989 kepada RM1,971 pada tahun 2019 seperti digambarkan dalam Rajah 2.

⁰² *Kajian Separuh Penggal, Rancangan*


⁰³ *Malaysia Kesebelas (RMKe-11)*

B40 (Terendah 40%) merujuk kepada kelompok 40% pendapatan terendah dengan pendapatan isi rumah di bawah RM4,849, M40 (Pertengahan 40%) pula mempunyai pendapatan isi rumah antara RM4,850 dan RM10,959. T20 (Teratas 20%) mempunyai pendapatan isi rumah RM10,961 dan ke atas - Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, DOSM.

⁰⁴ DOSM

Rajah 1: Purata Kesenjangan Pendapatan Isi Rumah (1989-2019)


Penengah Bulanan
Pendapatan Isi Rumah, (RM)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM); Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)


Rajah 2: Kesenjangan Penengah (Median) antara Kumpulan Isi Rumah Bumiputera dan Etnik Cina (1989-2019)

Penengah Bulanan
Pendapatan Isi Rumah, (RM)



Sumber: DOSM; WKB2030

Rajah 3: Taburan Isi Rumah Mengikut Pendapatan dan Kumpulan Etnik di Malaysia (2016 vs 2019)



Secara keseluruhannya, majoriti isi rumah berada di dalam kelompok berpendapatan RM2,000 sehingga RM3,999. Senario ini berlaku dalam isi rumah semua kaum namun lebih menonjol dalam kalangan Bumiputera seperti digambarkan Rajah 3. Peratusan isi rumah berpendapatan antara RM4,000 hingga RM5,999 bagi kesemua kaum mencatatkan penurunan daripada tahun 2016 kepada 2019, dengan isi rumah Bumiputera menurun sebanyak 21.9% (2019) berbanding 23.4% (2016). Peratusan pendapatan isi rumah kaum Cina bagi kategori ini pula mencatatkan penurunan kepada 17.3% (2019) berbanding 20.0% (2016); manakala isi rumah kaum India

menurun kepada 22.1% (2019) berbanding 25.2% (2016).

Sementara itu, pada tahun 2019, ketiga-tiga kumpulan kaum mencatatkan kenaikan bagi isi rumah dengan kelas pendapatan RM20,000 ke atas. Kaum Cina mencatatkan peratusan isi rumah tertinggi dalam kumpulan berpendapatan lebih RM20,000 dengan 8.7%, diikuti oleh kaum India pada 5.5% dan kaum Bumiputera pada 3.3%.

Pelaksanaan struktur ekonomi sejak dua (2) dekad lalu telah memberi kesan kepada kesenjangan ekonomi dalam kalangan rakyat

sama ada daripada kumpulan pendapatan, etnik, wilayah mahupun dalam rantaian bekalan. Jurang antara etnik sama ada etnik Bumiputera kepada Cina mahupun India kepada Cina melebar antara 3.5 hingga 4 kali ganda sepanjang 30 tahun yang lalu. Perbezaan antara kumpulan etnik juga ketara dalam bidang pekerjaan, nilai tambah perniagaan mahupun jumlah penguasaan kekayaan korporat antara Bumiputera dan bukan Bumiputera. Dari segi pendapatan penengah isi rumah, nisbah antara Bumiputera dengan kaum Cina ialah 0.74:1 manakala nisbah antara kaum India dengan kaum Cina pula ialah 0.81:1.⁰⁵


Salah satu objektif utama WKB2030 adalah untuk mewujudkan sebuah negara keusahawanan di mana kemakmuran dapat dikongsi dengan lebih adil dan saksama. Inisiatif di bawah PA1 direka bentuk bertujuan untuk mengagihkan semula kekayaan secara yang saksama bagi mengurangkan kesenjangan kelas pendapatan dalam kalangan Bumiputera.

Jurang Pendapatan antara Negeri dan Wilayah

Jurang pendapatan ini bukan sahaja berlaku antara kaum bahkan turut berlaku pada peringkat negeri. Analisis menunjukkan negeri dengan majoriti penduduk Bumiputera juga adalah negeri dengan jumlah isi rumah kategori pendapatan B40 tertinggi. Lebih 50% isi rumah di negeri seperti Kelantan, Perak, Pahang, Perlis, Kedah, Terengganu, Sabah dan Sarawak berada di dalam kategori B40. Ini turut terbukti melalui tahap pelaburan dan pembangunan yang lebih rendah selama bertahun-tahun di negeri-negeri tersebut berbanding negeri dan bandar utama seperti Kuala Lumpur, Johor, Putrajaya dan Pulau Pinang yang mengalami urbanisasi dan migrasi.

⁰⁵ Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)

Rajah 4: Peratusan B40, M40 dan T20 mengikut Negeri (2019)



Sumber : DOSM; WKB2030

Kebergantungan kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) untuk Sumbangan Ekonomi

Dalam usaha mempercepat pembangunan sosioekonomi, pengurangan kebergantungan kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) adalah kunci yang membolehkan sumbangan ekonomi yang lebih bermakna dilakukan oleh Bumiputera.

Pada tahun 2014, GLC - yang kebanyakannya didominasi oleh Bumiputera - menyumbang 46% GOS kepada KDNK. Walau bagaimanapun, sumbangan sebenar Bumiputera kepada GOS tanpa mengambil kira sumbangan GLC, hanya 28%.⁰⁶

Berdasarkan GOS korporat nasional berjumlah RM727 bilion, hanya RM81 bilion adalah sumbangan perusahaan Bumiputera seperti yang digambarkan dalam Rajah 5.⁰⁷ Jumlah ini menggambarkan jurang yang wujud antara

Bumiputera dan bukan Bumiputera, sehingga mewujudkan jurang monopoli dan ekonomi pada tahap yang membimbangkan.

Pemilikan Ekuiti

Menurut laporan WKB2030, sasaran 30% pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dalam DEB belum dapat dicapai. Walaupun pelbagai usaha dan inisiatif dilakukan, Bumiputera masih ketinggalan sejak 50 tahun yang lalu. Bumiputera juga turut bersaing dengan pemilikan ekuiti asing yang meningkat lebih sedekad yang lalu. Ini terbukti melalui pemilikan ekuiti sektor korporat Bumiputera yang mencatatkan penurunan daripada 22% pada tahun 2008 kepada 17.2% pada tahun 2019, berbanding pemilikan asing dan nomini masing-masing telah meningkat daripada 38% dan 3% pada tahun 2008 kepada 45.5% dan 12.3% pada tahun 2019.⁰⁸ Gambaran kedudukan pemilikan ekuiti ini dapat dilihat dalam Rajah 6.


Rajah 5: Anggaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Kumpulan Etnik Bumiputera (2014)



¹Termasuk perolehan Cukai dan Subsidi ²Lebih Kendalian Kasar (GOS) ³Pampasan Pekerja (CE)

Sumber: Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, DOSM

Rajah 6: Nilai & Peratusan Pemilikan Ekuiti Sektor Korporat (2008-2018)




Sumber: WKB2030; Unit Perancang Ekonomi (EPU)

Pemilikan Aset Bukan Kewangan dalam Pasaran Komersial dan Industri yang Minimum

Jumlah urus niaga aset bukan kewangan Bumiputera masih berada di tahap yang rendah terutamanya bagi pemilikan aset komersial dan perindustrian. Urus niaga aset bukan kewangan Bumiputera hanya mewakili 33% daripada keseluruhan urus niaga aset bukan kewangan pada tahun 2018 untuk pasaran utama dan sekunder;⁰⁹ sebahagian besar disumbang oleh pemilikan aset kediaman. Pemilikan kekayaan Bumiputera untuk aset komersial hanya 12% dan industri pula hanya 6%.

Rajah 7: Transaksi Aset Bukan Kewangan - Pasaran Utama & Sekunder (2018)

Nilai Urus Niaga
RM Juta



Sumber : Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC); WKB2030

Faktor-faktor yang menyumbang kepada transaksi rendah dalam kalangan Bumiputera adalah liberalisasi Tanah Rizab Melayu (TRM), kekurangan perumahan mampu milik, dan tahap simpanan yang rendah yang menghalang Bumiputera untuk membayar deposit yang diperlukan dalam memenuhi kelayakan mendapat pinjaman perumahan.

Pandemik COVID-19

Pandemik COVID-19 telah menimbulkan pelbagai cabaran ekonomi yang mempengaruhi kesejahteraan rakyat Malaysia secara amnya. Kenaikan kos sara hidup berbanding dengan kuasa beli yang rendah, kurangnya perlindungan sosial, dan celik kewangan yang lemah dalam kalangan Bumiputera telah menyebabkan bebanan besar. Pemberhentian kerja yang disebabkan oleh pandemik telah menyebabkan kadar pengangguran di Malaysia meningkat kepada 4.6% pada April 2021,¹⁰ berbanding 3.3% pada Februari 2020¹¹ sebelum kita berhadapan dengan cabaran pandemik. Cabaran-cabaran ini tidak hanya memerlukan rancangan jangka masa panjang yang komprehensif tetapi juga mewujudkan desakan untuk menilai semula pelaksanaan inisiatif yang sesuai bagi situasi dan masalah global semasa.

⁰⁶ WKB2030

⁰⁷ Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, DOSM

⁰⁸ Laporan Pemilikan Ekuiti Korporat, Unit Perancang Ekonomi (EPU), dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)

⁰⁹ Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC); WKB2030

¹⁰ DOSM, Statistik Utama Tenaga Buruh di Malaysia, Jun 2021

¹¹ DOSM, Statistik Utama Tenaga Buruh di Malaysia, Februari 2020

VISI

Strategi utama bagi memacu agenda Bumiputera di dalam WKB2030 dirangka berasaskan cabaran dengan matlamat meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi Bumiputera dengan mengurangkan kesenjangan ekonomi dan memastikan pengagihan pendapatan yang saksama melalui 15 prinsip panduan dan 7 tema strategik. TPB2030 dibangunkan bagi memastikan strategi kepada Bumiputera yang digariskan dalam WKB2030 dapat dilaksanakan dengan penglibatan bersama pemain utama industri dengan memberi fokus kepada 7 KEGA yang disokong oleh 7 PA.

Di samping itu, bagi memastikan agar pemeraksanaan Bumiputera dipacu sehingga peringkat global, TPB2030 akan turut meneroka potensi bidang bernilai tambah tinggi, Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA), seperti Industri Pertahanan & Keselamatan, Pembinaan Moden : IBS dan Aeroangkasa. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) juga telah menetapkan strategi yang disusun bagi mengurangkan jurang dan memastikan pengagihan kekayaan yang adil, bersesuaian dengan objektif

WKB2030. Agenda Bumiputera dimasukkan sebagai Tema 2, Bidang Keutamaan D, dengan 7 strategi utama yang dikenal pasti dalam RMKe-12.

PA1 akan menumpukan perhatian kepada usaha memperkukuhkan kesejahteraan sosioekonomi Bumiputera sambil memastikan pengagihan kekayaan antara kaum yang berterusan dan adil dapat dicapai. Pelaksanaan PA1 akan disokong oleh 1 tema dan 1 inisiatif bagi memastikan usaha untuk mempercepat pembangunan sosioekonomi Bumiputera tercapai dan kemakmuran ekonomi yang lebih saksama akan dapat direalisasikan. PA1 meliputi, antara lain, program pembangunan, tadbir urus dan pelaksanaan serta pemantauan TPB2030. Pembangunan sosioekonomi Bumiputera akan menjadi keutamaan dalam TPB2030 dan akan mencapai sasaran sumbangan GOS RM201.53 bilion kepada KDNK oleh perusahaan Bumiputera.







INISIATIF

Tema 1 :

TINDAKAN PEMBANGUNAN BUMIPUTERA 2030 (TPB2030)

TPB2030 akan menjadi asas kepada inisiatif mempercepat pembangunan sosioekonomi Bumiputera. Disokong oleh struktur tadbir urus menyeluruh dilengkapi dengan sistem pelaporan dan pemantauan bersistematik dan bersepadu, ia akan menyokong 7 KEGA, 3 BETA dan 7 PA yang ditetapkan. Hasil pelaksanaan TPB2030 akan diselarakan dengan kehendak global dan dijangka mendatangkan impak tinggi kepada Bumiputera dalam pelbagai aspek; termasuk penyampaian perkhidmatan, modal insan, pemilikan kekayaan, keusahawanan, ekuiti korporat serta TRM.

Inisiatif

#1

Pembangunan Program TPB2030

Tema 1 :

TINDAKAN PEMBANGUNAN BUMIPUTERA 2030 (TPB2030)

Inisiatif
#1

Pembangunan Program
TPB2030

Rasional

TPB2030 adalah hala tuju yang akan memastikan pemberdayaan Bumiputera diselaras dengan strategi peringkat nasional seperti WKB2030, dan memastikan kesinambungan strategi terdahulu. Hala tuju 10 tahun ini akan difokuskan kepada pemerksaan dan peningkatan kesejahteraan sosioekonomi Bumiputera di sektor utama dan bidang strategik serta membentuk struktur tadbir urus yang jelas dan platform pelaksanaan agenda Bumiputera.

Langkah Pelaksanaan

TERAJU sebagai Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri - diberi mandat untuk

pelaksanaan dan penyelarasan agenda Bumiputera seperti digariskan di dalam TPB2030, hala tuju 10 tahun yang akan menjadi kesinambungan kepada Transformasi Kesejahteraan Bumiputera 1.0 (BETR 1.0) dan Transformasi Kesejahteraan Bumiputera 2.0 (BETR 2.0). Melangkah ke hadapan, TERAJU akan menjadi penyelarasan utama penyampaian TPB2030 dengan memberi tumpuan kepada 7 KEGA, 7 PA, dan 3 BETA yang mendukung matlamat yang digariskan di bawah WKB2030 dan RMKe-12 untuk mempercepat pembangunan sosioekonomi Bumiputera.


Pembiayaan

Pembangunan program TPB2030 memerlukan pelaburan berjumlah RM23.10 juta.

Impak

TPB2030 adalah kesinambungan daripada polisi Bumiputera sebelumnya, yang mengambil kira keadaan semasa, termasuk kesan pandemik serta jangkaan keadaan yang akan berlaku dalam tempoh 10 tahun akan datang. TPB2030 akan memperkuat kesejahteraan sosioekonomi Bumiputera selaras dengan WKB2030. Penyampaian Program TPB2030 di bawah melalui 7 KEGA dan 7 PA dijangka akan memberi sumbangan GOS perusahaan Bumiputera kepada KDNK sebanyak RM201.53 bilion.

Rajah 8




Rajah 9



Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030)

Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (Wawasan Kemakmuran Bersama 2030)

Bidang Keutamaan (RMKe-12)



Nota: BETA = Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera; BETA dikenal pasti dan dibangunkan untuk menyokong 7 KEGA industri dan sektor sedia ada di mana Bumiputera boleh memberikan sumbangan ekonomi lebih besar pada masa hadapan

Struktur Tadbir Urus TPB2030

Rasional

Tadbir urus TPB2030 dibentuk bagi melibatkan semua Kementerian utama. Pengukuhan ini dilakukan menerusi penubuhan Majlis Kemakmuran Bumiputera (MKB) yang dianggotai Menteri Kabinet dan tokoh Bumiputera dari pelbagai sektor perniagaan, ekonomi dan pendidikan.

Langkah Pelaksanaan


Pada Januari 2021, TERAJU dilantik sebagai penyelaras utama agenda Bumiputera dan diberi tanggungjawab sebagai sekretariat MKB yang dipengerusikan Perdana Menteri. Ia turut bertindak sebagai sekretariat Jawatankuasa Pemandu MKB (JPMKB), Jawatankuasa Khas GLC dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) (JKHAS GLC & GLIC) dan Jawatankuasa Kerja MKB (JKMKB).

Struktur organisasi MKB, seperti yang digambarkan dalam Rajah 10, telah ditubuhkan sebagai platform strategik yang menetapkan hala tuju dan menyelia keseluruhan perkembangan agenda Bumiputera negara. Di peringkat platform operasi, Pasukan Pengurusan Program (PMT) TPB2030 TERAJU, Jawatankuasa Pemeraksanaan Agenda Bumiputera (JPAB) dan sebuah unit khas Bumiputera iaitu Unit Pemeraksanaan Agenda Bumiputera (UPAB) akan bertanggungjawab ke atas pelaksanaan dan penyampaian program pembangunan dan inisiatif yang dikenal pasti dalam TPB2030.

Sebagai Agensi yang diperkasa sebagai penyelaras utama agenda Bumiputera yang disokong oleh TPB2030, TERAJU akan memastikan kelancaran pemudahcaraan berpusat program pembangunan dan inisiatif di bawah TPB2030 dan pembangunan agenda Bumiputera serta integrasi pangkalan data Bumiputera.

Struktur tadbir urus ini akan membolehkan operasi pemantauan dan penyelesaian masalah sepanjang pelaksanaan agenda Bumiputera

Rajah 10



dilakukan secara sistematik dan bersepadu. TERAJU akan memastikan segala usaha berjalan lancar melalui peranan sebagai sekretariat

MKB seperti yang digariskan dalam Kotak Maklumat 11.

Kotak Maklumat 11: Struktur MKB

Majlis Kemakmuran Bumiputera (MKB)		
<p>1 Dipengerusikan oleh : YAB Perdana Menteri</p>	<p>Sekretariat : TERAJU</p>	<p>24 Ahli :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menteri daripada Kementerian berkaitan • Tokoh Bumiputera

Pertemuan 4 kali setahun

- Mencadangkan dan memperaku polisi, strategi dan inisiatif pembangunan agenda Bumiputera seiring dengan matlamat WKB2030
- Menetapkan hala tuju dan pelaksanaan agenda Bumiputera bagi mencapai matlamat WKB2030
- Memeruntukan sumber kewangan yang bersesuaian bagi pembangunan agenda Bumiputera dalam sektor ekonomi dan sosioekonomi
- Membuat keputusan terhadap isu dan cabaran berkaitan pemeraksanaan ekonomi, sosioekonomi dan lain-lain perkara berkaitan kepentingan Bumiputera
- Berbincang, mempertimbang dan membuat keputusan terhadap cadangan yang diberikan JPMKB

Jawatankuasa Pemandu MKB (JPMKB)		
<p>2.1 Dipengerusikan oleh : Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas)</p>	<p>Sekretariat : TERAJU</p>	<p>28 Ahli :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ketua Setiausaha Kementerian yang berkaitan • Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) GLC dan GLIC Bumiputera

Pertemuan 6 kali setahun

- Membincangkan dan menilai cadangan pelaksanaan dasar, strategi dan inisiatif selaras dengan WKB2030
- Mencadangkan hala tuju baharu Bumiputera selaras dengan WKB2030
- Mengesahkan peruntukan kewangan untuk pelaksanaan inisiatif Bumiputera untuk kelulusan MKB
- Mempertimbangkan isu dan cabaran berkaitan pemeraksanaan ekonomi, sosioekonomi dan perkara berkepentingan Bumiputera yang lain serta agenda untuk dihantar kepada MKB
- Membincangkan, mempertimbangkan dan membuat keputusan berkaitan cadangan dibangkitkan JKMKB
- Memastikan keputusan MKB dilaksanakan semua pihak

Jawatankuasa Khas GLC & GLIC (JKHAS)		
<p>2.2 Dipengerusikan oleh : Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas)</p>	<p>Sekretariat : TERAJU</p>	<p>12 Ahli :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian yang berkaitan • KPE GLC dan GLIC Bumiputera • KPE daripada sektor swasta

Pertemuan 4 kali setahun

- Membincangkan dan menilai cadangan tambah baik dasar, strategi dan inisiatif selaras dengan WKP2030
- Menilai dan memantau strategi dasar Bumiputera dan inisiatif semasa dalam GLC and GLIC
- Mempertimbangkan isu dan cabaran berkaitan pemeraksanaan ekonomi, sosioekonomi dan perkara berkepentingan Bumiputera yang lain serta agenda untuk dihantar kepada MKB
- Mencadangkan dan melaksanakan tambah baik ke atas strategi, dasar dan inisiatif semasa selaras dengan WKB2030 dan TP2030
- Melaporkan pencapaian inisiatif berkaitan Bumiputera secara berkala
- Memastikan pelaksanaan keputusan MKB oleh semua pihak

Jawatankuasa Kerja MKB (JKMKB)		
<p>3 Dipengerusikan oleh : KPE TERAJU</p>	<p>Secretariat : TERAJU</p>	<p>37 Ahli :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. KPE GLC dan GLIC Bumiputera 2. KPE Bank 3. Wakil GLC dan GLIC 4. Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah & Sarawak

Pertemuan 6 kali setahun

- Melaporkan pencapaian semasa Bumiputera
- Menilai dan memantau dasar, strategi dan inisiatif semasa Bumiputera
- Mencadangkan peruntukan kewangan untuk pelaksanaan inisiatif Bumiputera bagi kelulusan MKB
- Mencadangkan tambah baik kepada dasar, strategi dan inisiatif semasa Bumiputera selaras dengan WKB2030
- Mempertimbangkan isu dan cabaran berkaitan pemeraksanaan ekonomi, sosioekonomi dan perkara berkepentingan Bumiputera yang lain serta agenda untuk dihantar bagi pertimbangan peringkat JPMKB
- Memastikan pelaksanaan keputusan MKB dan JPMKB oleh semua pihak

MKB juga terdiri daripada platform operasi yang berfokus kepada pelaksanaan dan penyampaian program pembangunan dan inisiatif yang telah dikenal pasti seperti yang dijelaskan dalam Kotak Maklumat 12.

Kotak Maklumat 12: Platform Operasi MKB

4 TERAJU	
Pasukan Pengurusan Program (PMT)	Penyelaras Utama : Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU
Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) KEGA 1 : Pertanian & Komoditi KEGA 2 : Ekonomi Digital KEGA 3 : Hab Halal & Makanan KEGA 4 : Hab Kewangan Islam 2.0 KEGA 5 : Logistik, Pengangkutan & Mobiliti Lestari KEGA 6 : Pembuatan KEGA 7 : Pelancongan	Bidang Keutamaan (PA) PA 1 : Mempercepat Pembangunan Sosioekonomi Bumiputera PA 2 : Menambah Baik Tadbir Urus dan Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan PA 3 : Memperkukuh Pendidikan dan Memperkasa Modal Insan PA 4 : Meningkatkan Daya Tahan dan Kemampunan Perniagaan Bumiputera PA 5 : Meningkatkan Penciptaan Kekayaan Bumiputera PA 6 : Memanfaatkan Sepenuhnya Tanah Rizab Melayu dan Instrumen Wakaf PA 7 : Memastikan Pemilikan Ekuiti Korporat yang Mampan

Perjumpaan Harian

- Menyelia penyampaian dan pelaksanaan program TPB2030
- Bekerja rapat dengan UPAB untuk memantau pelaksanaan program pembangunan dan inisiatif dikenal pasti di bawah TPB2030
- Menyelia dan menyelesaikan masalah pelaksanaan program pembangunan dan inisiatif
- Mencadangkan peruntukan kewangan untuk pelaksanaan inisiatif Bumiputera untuk kelulusan MKB
- Mencadangkan tambah baik dasar, strategi dan inisiatif semasa Bumiputera selaras dengan WKB2030 dan TPB2030
- Mencadangkan penyelarasan dasar Kerajaan/Kementerian dengan agenda Bumiputera di bawah WKB2030 dan TPB2030
- Memastikan pelaksanaan keputusan MKB dan JPMKB oleh semua pihak

5 Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB)	Kementerian/Agensi
Ketua Setiausaha	<ul style="list-style-type: none"> • BNM • MAFI • EPU • MAMPU • TERAJU • FRIM • MARA • HRDF • MPRC • JASA
Sekretariat :	<ul style="list-style-type: none"> • JPM • KBS • KKMM • KKR • KPLB • MATRADE • MDEC • MEDAC
UPAB mewakili Kementerian & Agensi Kerajaan/GLC/GLIC	<ul style="list-style-type: none"> • MITI • MOE • MOHE • MOF • MOT • MOTAC • MPIC • PETRONAS • TNB


Pertemuan Harian

- Melaporkan pencapaian Bumiputera di organisasi diwakili
- Menyelia pelaksanaan dan pengoperasian program pembangunan dan inisiatif dikenal pasti di bawah TPB2030
- Menyelia dan menyelesaikan masalah pelaksanaan program pembangunan dan inisiatif dengan pemilik program pembangunan/inisiatif
- Mencadangkan peruntukan kewangan untuk pelaksanaan inisiatif Bumiputera bagi kelulusan MKB
- Mencadangkan tambah baik dasar, strategi dan inisiatif semasa Bumiputera selaras dengan WKB2030 dan TPB2030
- Memastikan penyelarasan dasar Kerajaan/Kementerian dengan agenda Bumiputera di bawah WKB2030 dan TPB2030
- Memastikan pelaksanaan keputusan MKB dan JPMKB oleh semua pihak

Cadangan Tadbir Urus KEGA



Cadangan Tadbir Urus PA





Unit Permerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB)

Sebuah unit khas Bumiputera, UPAB akan ditubuhkan untuk memastikan wujudnya unit strategi khusus di semua Kementerian, Jabatan, Agensi, Kerajaan Negeri, GLC, GLIC dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk memacu pelaksanaan TPB2030 dan menyelaraskan perkembangan di pelbagai entiti awam dan swasta Bumiputera, seperti yang dijelaskan dalam Rajah 13.

Pada dasarnya, UPAB akan bertindak sebagai unit strategik yang akan memantau pelaksanaan agenda Bumiputera secara berkesan. Unit-unit ini akan ditempatkan di Kementerian, Agensi, Kerajaan Negeri, GLC, GLIC dan entiti Bumiputera yang berkaitan berdasarkan KEGA dan PA yang dipertanggungjawab di bawah program TPB2030. Selain pelaksanaan yang berkesan, UPAB juga akan merancang, menyelaraskan, dan memantau pelaksanaan melalui intervensi strategik ke arah meningkatkan pembangunan sosioekonomi Bumiputera.

Rajah 13

Matlamat Penubuhan UPAB

- Menjadi unit strategik bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan agenda Bumiputera
- Memastikan pelaksanaan dijalankan dengan berkesan dan memenuhi matlamat WKB2030, TPB2030 dan Rancangan Malaysia yang relevan (RMKe-12 & RMKe-13)
- Merancang, menyelia dan memantau pelaksanaan intervensi strategik inisiatif dan program pembangunan sosioekonomi Bumiputera di semua Kementerian, Agensi, Kerajaan Negeri, GLC dan GLIC

Pasukan Pengurusan Program (PMT) TPB2030

PMT TPB2030 akan ditubuhkan bagi memimpin pelaksanaan TPB2030 dengan berkesan dengan memantau Petunjuk Prestasi Utama (KPI) program pembangunan dan inisiatif yang digariskan di bawah setiap KEGA dan PA. Ini akan memastikan keberhasilan yang ditetapkan dapat dicapai dalam jangka masa yang digariskan. PMT TPB2030 juga akan menyelaras dan memantau perkembangan program pembangunan dan inisiatif ini bagi memastikan pihak berkepentingan utama, pembuat keputusan, dan rakan pelaksana sentiasa peka dan bertanggungjawab.

Di bawah mandat MKB, TPB2030 akan membolehkan operasi pelaksanaan TPB2030 termasuk dalam tugas memantau kemajuan, mengurus prestasi, menyelesaikan masalah yang timbul, dan memastikan laporan yang konsisten di seluruh sistem penyampaian. Peranan ini juga membolehkan PMT untuk menyelaras dan memudah cara kerjasama antara Kementerian dan antara Agensi serta memberikan panduan dan nasihat bagi strategi dan penyampaian keseluruhan TPB2030. Dengan data yang diperoleh daripada rakan pelaksana, PMT akan dapat menyediakan kemas kini dan maklumat yang berkaitan dengan kemajuan pelaksanaan TPB2030 kepada MKB, JPMKB, JKHAS, dan JKMKB.

Objektif PMT TPB2030 sebahagian besarnya berkait rapat dengan penyampaian program pembangunan dan inisiatif TPB2030. Peranan dan tanggungjawab PMT disenaraikan dalam Rajah 14.

Impak

MKB akan bertindak sebagai platform tertinggi yang akan memperaku polisi, strategi dan inisiatif bagi pembangunan Bumiputera yang mampan dalam semua sektor ekonomi dan sosioekonomi selaras dengan WKB2030.

Melalui penubuhan struktur tadbir urus, intervensi secara strategik akan dilaksanakan sepanjang tempoh pelaksanaan TPB2030 10 tahun akan datang dalam usaha mencapai pembangunan sosioekonomi Bumiputera yang mampan.

Rajah 14: Peranan dan Tanggungjawab PMT

- Untuk memudah cara pembangunan pelan pelaksanaan terperinci dengan Kementerian dan Agensi Kerajaan.
- Untuk memudah cara pembangunan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tahunan TPB2030.
- Untuk memudah cara, memantau dan menilai perkembangan pelaksanaan program pembangunan/inisiatif dengan sokongan daripada Unit Kemakmuran Bumiputera.
- PMT dengan sokongan UPAB akan memantau kejayaan program, menyediakan sokongan penyelesaian masalah dan menangani isu pelbagai Agensi melalui pelbagai pendekatan bersesuaian (bengkel, sesi klinik, mesyuarat strategik dan lain-lain.).
- Menyelaras dan memudah cara mesyuarat tertinggi penyelesaian masalah untuk mengelakkan halangan pelaksanaan.
- Menganjurkan dan memudah cara sesi libat urus berdasarkan perkembangan terkini program TPB2030.
- Untuk berhubung dan berkomunikasi dengan rakyat tentang hasil dan perkembangan program TPB2030.
- Untuk melantik pihak penilai prestasi berkecuali bagi program TPB2030.
- Untuk menyediakan laporan berkala pelaksanaan dan prestasi program dan menghantarnya kepada pihak berkepentingan berkaitan.

Pelaksanaan dan Pemantauan

Rasional

Untuk memastikan keberkesanan program pembangunan dan inisiatif di bawah TPB2030, mekanisme pelaporan pelaksanaan dan pemantauan akan dibentuk. Struktur tadbir urus 4 peringkat, seperti yang ditunjukkan pada Rajah 15, akan memberi fokus kepada pelaksanaan laporan dan akauntabiliti yang jelas, yang berakar umbi kepada keberhasilan dan pembuatan keputusan.

Langkah pelaksanaan

Pemantauan program pembangunan dan inisiatif di dalam KEGA dan PA akan dilaksanakan oleh UPAB melalui petunjuk

pengurusan prestasi. Pelaksanaan program pembangunan dan inisiatif akan dilaporkan secara berkala kepada TERAJU untuk diangkat ke peringkat MKB. TERAJU akan menggunakan pendekatan *top down* dan memantau keberhasilan inisiatif. Dengan menggunakan Papan Pemuka KPI TPB2030, TERAJU akan dapat menjejaki perkembangan kesemua KPI yang ditetapkan. Maklumat ini akan digunakan untuk makluman dan penyelarasan usaha menyelesaikan masalah di antara pihak berkepentingan utama dan pemilik program pembangunan.

Di samping itu, UPAB akan memantau inisiatif dan program pembangunan melalui pendekatan *bottom up*. Dengan menggunakan Pelan Pelaksanaan program pembangunan/ inisiatif, UPAB akan membantu pihak pelaksana untuk menjalankan rancangan dan mematuhi garis masa yang telah dipersetujui, pelaksanaan yang terperinci, serta KPI.

Rajah 15

Penjelasan


Struktur Tadbir Urus KEGA/PA meliputi pihak yang terlibat dalam agenda Bumiputera termasuk:

Perdana Menteri
Pembuat keputusan tertinggi dalam pelaksanaan program TPB2030

Jawatankuasa TPB2030
Jawatankuasa utama ditugaskan untuk memantau perkembangan, menyediakan garis panduan dan membuat keputusan eksekutif

PMT TERAJU dan KEGA/PA
Kumpulan dan individu utama yang ditugaskan untuk menyelaras, memantau dan memudah cara penyelesaian masalah untuk TPB2030

Kumpulan Kerja
Melibatkan pemilik program pembangunan dan pegawai UPAB yang bekerjasama untuk melaksanakan program pembangunan dan inisiatif KEGA/PA



Ini membolehkan UPAB untuk menilai perkembangan setiap program pembangunan atau inisiatif agar sokongan boleh diberikan kepada rakan pelaksana pada masa yang sesuai. Hasil penilaian akan dilaporkan kepada PMT TPB2030 setiap minggu.

Kerangka tadbir urus dalam Rajah 16 akan memastikan penyelarasan dan penstrukturan pelaksanaan terhadap isu-isu yang timbul bagi membantu proses membuat keputusan.

Impak


MKB akan bertindak sebagai platform tertinggi yang akan memperaku polisi, strategi dan inisiatif bagi pembangunan Bumiputera yang

mampam dalam semua sektor ekonomi dan sosioekonomi selaras dengan WKB2030.

Melalui penubuhan struktur tadbir urus, intervensi secara strategik akan dilaksanakan sepanjang tempoh pelaksanaan TPB2030 10 tahun akan datang dalam usaha mencapai pembangunan sosioekonomi Bumiputera yang mampam.



Rajah 16: Kerangka Tadbir Urus Pelaporan





KESIMPULAN

PA ini telah mengenal pasti pembangunan program TPB2030 sebagai inisiatif bagi memastikan usaha untuk mencapai pembangunan sosioekonomi Bumiputera yang saksama. Usaha ini akan membolehkan usaha untuk menangani jurang kekayaan antara kaum yang semakin melebar dan kesenjangan pendapatan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera akan dapat ditangani secara berkesan.

Inisiatif ini akan memberi fokus kepada pemerksaan dan penambahbaikan kesejahteraan sosioekonomi Bumiputera dalam sektor utama dan bidang strategik dalam hala tuju 10 tahun, seiring dengan strategi peringkat nasional melalui WKB2030 dan RMKe-12.

Di samping itu, TPB2030 akan dipacu oleh TERAJU dengan mandat yang diberikan oleh MKB yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dianggotai oleh Menteri-Menteri Kabinet Utama serta kepimpinan sektor swasta. Tadbir urus ini akan turut disokong melalui platform strategik dan operasi untuk memantau agenda nasional Bumiputera dan memastikan penyampaian program pembangunan dan inisiatif yang dikenal pasti di dalam TPB2030.


Pelaksanaan dan pemantauan TPB2030 akan dijalankan melalui mekanisme pelaporan dan struktur tadbir urus 4 peringkat yang mengguna pakai pendekatan *top to bottom* untuk memantau KPI bagi kesemua program pembangunan dan inisiatif serta menyelaraskan usaha-usaha pihak berkepentingan utama serta pemilik program pembangunan. UPAB yang akan ditubuhkan di kementerian, akan mengguna pakai pendekatan *bottom up* untuk memantau program pembangunan dan inisiatif bagi memastikan pematuhan kepada garis masa yang dipersetujui dengan pelan pelaksanaan KPI yang terperinci.

Melangkah ke hadapan, kesemua usaha untuk merangsang pembangunan sosioekonomi Bumiputera akan diselaras oleh badan pemantauan berpusat. Selain daripada meningkatkan kecekapan penyampaian program pembangunan dan inisiatif, kesemua usaha dapat diselaraskan dengan agenda nasional di bawah WKB2030 dan RMKe-12.





Menambah Baik Tadbir Urus Dan Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan



Tema 1:
**MENERIMA PAKAI
TEKNOLOGI DIGITAL DAN
SISTEM BERSEPADU UNTUK
MEMBUAT KEPUTUSAN
YANG LEBIH EFEKTIF DAN
PENGURUSAN PROGRAM**

Tema 2:
**MEMPERKENAL TADBIR
URUS DIPACU PRESTASI
DI PERINGKAT INSTITUSI
BUMIPUTERA**

Tema 3:
**PENGARASAN LAPANGAN
SAING BAGI PERNIAGAAN
BUMIPUTERA UNTUK
MEMBENTUK EKOSISTEM
YANG BERDAYA SAING**



RINGKASAN EKSEKUTIF



Menambah baik Tadbir Urus dan Perkhidmatan Penyampaian adalah salah satu bidang keutamaan yang diberi fokus untuk memastikan kesemua sasaran agenda Bumiputera di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dipenuhi sekaligus meningkatkan status sosioekonomi Bumiputera. Sembilan (9) inisiatif dibawah tiga (3) tema di dalam Bidang Keutamaan 2 (PA2) akan menambah baik penyampaian inisiatif Bumiputera.

Tema pertama di bawah PA2 akan memberi fokus kepada pembangunan dan pengoperasian pangkalan data berpusat - Analitik Data Raya Bumiputera (BBDA). BBDA akan memberi maklumat yang tepat pada masa nyata. Melalui pembangunan BBDA dan portal sebagai pusat sehati, Bumiputera akan mempunyai kemudahan dan meningkatkan akses kepada informasi dan perkhidmatan melalui saluran yang sepatutnya. TERAJU akan menjadi penyelaras kepada BBDA dan akan mengetuai pembangunan platform pangkalan data bagi pengurusan data yang lebih baik.

Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) akan melakukan penjajaran semula fungsi institusi, tanggungjawab dan program pembangunan Bumiputera dan memperkenalkan sistem penilaian untuk memperkukuh akauntabiliti dan kecekapan dalam penyampaian inisiatif Bumiputera. Salah satu

tindakan dalam tema kedua mencadangkan pengenalan Indeks Kemakmuran Bumiputera (BPI). BPI akan dilaksanakan untuk mengukur impak intervensi Kerajaan terhadap kemakmuran komuniti Bumiputera secara menyeluruh.

Tema ketiga di bawah PA2 memfokuskan kepada penyediaan peluang yang sama rata kepada perniagaan Bumiputera bagi mewujudkan ekosistem berdaya saing. Dasar perolehan sektor awam juga akan dikaji semula bagi memastikan pengagihan kontrak yang adil serta mengalakkan ketelusan. Peluasan Akta sedia ada akan dipertimbangkan untuk mengelakkan amalan yang bercanggah bagi meningkatkan status sosioekonomi dan mengurangkan jurang antara kaum. Amalan bercanggah ini termasuk tetapi tidak terhad kepada amalan rasuah, monopoli, pecah amanah, amalan mengatur proksi, amalan Ali Baba, perjanjian perdagangan bebas tidak adil serta manipulasi data dan teks.

Melalui pelaksanaan 9 inisiatif, PA2 dijangka akan menambah baik mekanisme penyampaian perkhidmatan dan usaha sama pembangunan Bumiputera untuk memperoleh keberhasilan yang digariskan dalam agenda Bumiputera.



LATAR BELAKANG

Di bawah TPB2030, usaha-usaha untuk menambah baik tadbir urus dan memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan akan ditingkatkan menerusi strategi utama di dalam PA2 untuk memastikan kejayaan agenda Bumiputera. Bagi merealisasikan komitmen Kerajaan terhadap agenda Bumiputera, Majlis Kemakmuran Bumiputera (MKB) ditubuhkan pada Januari 2021 bagi menangani dan memperkasa pembangunan sosioekonomi Bumiputera. TERAJU diberi mandat oleh MKB untuk menjadi penyelarar utama bagi mengawal selia dan memastikan semua sasaran Bumiputera di bawah WKB2030 dan RMKe-12 dapat dicapai.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) akan dilaksanakan melalui pelaksanaan kad skor Bumiputera di peringkat Kerajaan Persekutuan, Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan serta organisasi pembangunan usahawan (EDO) dan syarikat milik kerajaan (SOE). Sektor swasta juga akan digalakkan untuk menggunakan kad skor ini. Seperti yang digariskan dalam RMKe-12, BPI akan dikembangkan lagi bagi mengukur impak intervensi Kerajaan terhadap kemakmuran komuniti Bumiputera secara menyeluruh serta menjadi panduan kepada pihak berkepentingan dalam proses membuat keputusan. Data yang dikumpul akan disimpan di dalam sistem BBDA.

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) telah mengenal pasti keperluan untuk memperkukuh penyampaian dan keberkesanan penyampaian program Bumiputera. Pembangunan pangkalan data Bumiputera yang bersepadu dan komprehensif bagi memudahkan penyampaian maklumat dan perkhidmatan kepada Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) telah dicadangkan melalui RMKe-11. Strategi ini akan membolehkan Kerajaan memudah cara prosedur, mengurangkan kos pengurusan serta menyelaras semua program Bumiputera bagi meminimumkan potensi pertindihan antara Kementerian dan Agensi daripada aspek pelaksanaan program dan pengagihan pelbagai manfaat. Inisiatif Bumiputera akan dapat dilaksanakan dan disampaikan dengan lebih berkesan melalui penyediaan kerjasama yang lebih mudah akses dan lancar antara

semua Agensi berkaitan dan sektor swasta, sekali gus memberi manfaat kepada segmen masyarakat Bumiputera yang lebih luas.

Melalui cadangan peluasan Akta sedia ada, kesejahteraan ekonomi negara secara keseluruhannya akan dapat dilindungi daripada amalan ekonomi tidak baik dan menyimpang daripada landasan utama.

KES UNTUK INTERVENSI

Ketiadaan Pangkalan Data Bumiputera

Sistem pelaporan dan pengurusan data untuk membuat analisis pada peringkat nasional sedia ada perlu mempunyai piawaian khas bagi merumus dasar serta strategi baharu yang diperlukan mengikut kehendak semasa. Kebanyakan Kementerian dan Agensi mengumpul data secara berasingan dan menyimpan maklumat yang hanya relevan kepada program dan keperluan Kementerian dan Agensi. Walaupun mempunyai pelbagai data yang berbeza, perkongsian data oleh Kementerian dan Agensi adalah terhad yang akhirnya memberi kesan seperti kelewatan intervensi yang diperlukan dalam pelaksanaan serta kaedah pelaporan yang tidak selaras. Tanpa pangkalan data Bumiputera yang komprehensif dan rangkaian perkongsian, gambaran menyeluruh berkenaan prestasi Bumiputera mengikut wilayah, sektor atau kumpulan pendapatan tidak dapat dinilai dengan tepat.

Kelemahan Penyelarasan dan Pemantauan

Terdapat kelemahan dalam penyelarasan dan pemantauan terhadap program dan pencapaian perusahaan Bumiputera dalam kalangan Kementerian dan Agensi Kerajaan. Walaupun KPI yang berasaskan Bumiputera telah dimasukkan ke dalam program-program Kementerian, kebanyakan KPI dan pelaksanaan

sedia ada hanya berdasarkan kepada aktiviti dan bukan kepada keberhasilan, justeru tidak mencerminkan prestasi dan impak sebenar inisiatif Bumiputera di bawah bidang tugas Kementerian.

Di samping itu, kekurangan strategi berpusat atau mekanisme yang sejajar mengakibatkan Agensi bermandat Bumiputera melakukan pelaksanaan dan aktiviti secara berasingan. Unit Pemerksaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) yang telah ditubuhkan sebelum ini di bawah Kementerian masing-masing mempunyai peranan yang terhad, seterusnya menjejaskan lagi penyampaian perkhidmatan yang tidak bersepadu.

Di samping itu, ketiadaan indeks yang bersesuaian pada masa kini yang boleh digunakan untuk mengukur tahap kemakmuran yang berbeza di setiap negeri secara menyeluruh. Ini menimbulkan masalah apabila kurangnya rujukan dan panduan bagi Kerajaan untuk membentuk inisiatif dan polisi dan mengakibatkan pengurusan prestasi yang tidak efektif atau tersasar.

Peluang dan ruang yang tidak saksama kepada Pembekal Bumiputera

Di bawah mekanisme sistem perolehan awam semasa, kontraktor Bumiputera boleh mengagihkan komponen projek kepada subkontraktor. Ini bukan sahaja meningkatkan nilai harga projek bahkan turut membuka ruang dominasi oleh kartel tender tertentu serta mengurangkan peluang persaingan untuk syarikat Bumiputera yang lain. Sebagai contoh, dasar Kerajaan yang mendorong penyertaan Bumiputera dalam industri automotif telah dieksploitasi apabila lebih daripada 50% daripada 66,277 permit yang diluluskan dalam lesen import (AP) untuk mengimport kereta asing dan 40.1% daripada 68,330 AP masing-masing pada tahun 2004 dan tahun 2005, hanya diberikan kepada empat (4) individu.⁰¹

Kekurangan keupayaan syarikat Bumiputera mengakibatkan mereka dianggap tidak cekap atau tidak berkemampuan untuk memberikan kerja berkualiti tinggi dan tepat pada waktu yang dikehendaki. Ini juga menghalang mereka untuk menambah baik dan meningkatkan

kemampuan ke nilai pembekal yang lebih tinggi. Di samping menghadapi masalah persepsi yang berpunca daripada kapasiti rendah, kontraktor Bumiputera cenderung untuk tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) sehingga tidak melayakkan mereka untuk dipertimbang dalam sebarang tawaran tender.

Sebilangan daripada kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan MOF dan diberikan kontrak memilih untuk melakukan amalan yang bercanggah. Amalan bercanggah ini termasuk tetapi tidak terhad kepada amalan rasuah, monopoli, pecah amanah, amalan mengatur proksi, perjanjian perdagangan bebas tidak adil serta manipulasi data dan teks bagi tujuan mengurangkan persaingan dalam pasaran.

Ketidakadilan dalam proses perolehan seperti ini menyebabkan perlunya ada undang-undang untuk mengawal atur proses dan mengenakan tindakan yang wajar atas amalan salah laku ini.

⁰¹ *The Edge, Rebooting The Bumiputera Agenda, 2018*

⁰² *Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)*

Kajian kes yang dilakukan oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), menunjukkan bahawa terdapat isu kelompangan dalam pembahagian nilai kontrak yang diterima oleh kontraktor Bumiputera seperti berikut:⁰²

- 10% hingga 15% diedarkan kepada orang tengah atau pelobi;
- 5% hingga 7% kepada pemilik kontrak atau syarikat konsesi;
- 13% hingga 15% kepada kumpulan politik dan birokrat; dan
- kira-kira 65% dari nilai kontrak adalah kos sebenar projek.

Kesan Pandemik COVID-19

Sebagai tambahan, COVID-19 telah menghalang pembangunan agenda Bumiputera dan memerlukan Kerajaan untuk mengatur semula strategi mengikut keperluan. Langkah menuju pendigitalan adalah tepat pada masanya dan sejajar dengan trend pasaran dalam era pandemik yang memerlukan penyelesaian kreatif terutamanya dalam aspek perhubungan fizikal apabila interaksi fizikal terpaksa dibataskan.

Pendekatan *top to bottom* yang digabungkan dengan tadbir urus yang kukuh, merupakan faktor utama kejayaan dalam menyampaikan inisiatif kepada penerima manfaat seperti yang dihasratkan sekali gus mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Oleh kerana perkhidmatan penyampaian program pembangunan dan inisiatif melibatkan kerjasama daripada pelbagai sektor, industri, dan peringkat tadbir urus, adalah penting untuk mewujudkan penglibatan langsung dan berdedikasi daripada pihak atasan bagi melengkapkan bidang tugas MKB. Dengan pendekatan *top to bottom*, Agensi pelaksana yang diberi mandat akan dapat melaksanakan program dengan efektif dan berkesan.

TPB2030 telah mengenal pasti inisiatif yang akan dijalankan di bawah naungan 3 tema untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh program pembangunan Bumiputera dan memastikan kejayaan pelaksanaan di bawah WKB2030 dan RMKe-12.

VISI

Bagi meningkatkan tadbir urus dan memperkukuh penyampaian perkhidmatan kepada BEC, sokongan kepada pengurusan program pembangunan Bumiputera yang selaras adalah sangat penting, seperti yang digariskan dalam Bidang Keutamaan 1: Mempercepat Pembangunan Sosioekonomi Bumiputera (PA1). PA2 pula bertujuan untuk mewujudkan pangkalan data berpusat serta membangunkan sistem pengurusan prestasi dan metrik. Pada masa yang sama, TPB2030 berhasrat untuk memberi akses kepada peluang ekonomi secara adil kepada Bumiputera melalui kajian proses perolehan awam dan meluaskan Akta sedia ada secara efektif bagi mengekang amalan bercanggah.





INISIATIF

PA2 akan menambah baik tadbir urus institusi Bumiputera bagi memperkukuh pelaksanaan agenda Bumiputera. Institusi-institusi ini akan diselaraskan kembali, dilengkapi dengan inisiatif integrasi data, dan indeks ukuran prestasi bagi mendorong penyampaian perkhidmatan yang berkesan, menggilap potensi sebenar serta mempercepat pembangunan Bumiputera. Cadangan peluasan perundangan dan polisi baharu juga akan diperkenalkan bagi mencapai pengagihan manfaat yang lebih adil kepada Bumiputera.

Tema 1:

MENERIMA PAKAI TEKNOLOGI DIGITAL DAN SISTEM BERSEPADU UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN YANG LEBIH EFEKTIF DAN PENGURUSAN PROGRAM

Analisis data memainkan peranan penting dalam merancang program dan dasar yang diperlukan bagi melaksanakan agenda Bumiputera dengan berkesan. Era pendigitalan memerlukan lebih banyak aplikasi dan pertimbangan data masa nyata bagi memaksimumkan kesan dan capaian aspirasi Bumiputera dalam WKB2030 dan RMKe-12. Pembentukan dasar perkongsian data, pangkalan data bersepadu, dan platform sehenti akan membuka jalan bagi meningkatkan kerjasama antara Agensi bermandat Bumiputera.

Inisiatif

#1

**Mewujudkan Analitik Data Raya Bumiputera
(BBDA)**

Tema 2:

MEMPERKENAL TADBIR URUS DIPACU PRESTASI DI PERINGKAT INSTITUSI BUMIPUTERA

Pada masa kini, inisiatif yang dilaksanakan oleh Agensi bermandat Bumiputera tidak mempunyai penyelarasan dan pemantauan yang diperlukan bagi memacu agenda Bumiputera dengan berkesan. Ketiadaan mekanisme akauntabiliti berpusat di dalam sistem telah menyebabkan penilaian keberhasilan program pembangunan dan inisiatif Bumiputera yang tidak tepat. Mekanisme dan amalan baharu akan diperkenalkan kepada institusi Bumiputera untuk menyeragamkan pelaksanaan agenda Bumiputera secara berkesan.

Inisiatif
#2

**Penyelarasan Badan Kerajaan
serta Penghasilan Kad Skor
bagi Mencapai Keberhasilan
Bumiputera yang Lebih Besar**

Tema 3:

PENGARASAN LAPANGAN SAING BAGI PERNIAGAAN BUMIPUTERA UNTUK MEMBENTUK EKOSISTEM YANG BERDAYA SAING

Di bawah TPB2030, cadangan peluasan akta sedia ada akan dikemukakan bagi tujuan membasmi amalan bercanggah di dalam perniagaan sekali gus mengatasi kelompangan ekonomi serta meningkatkan ketelusan dalam sistem perolehan awam. Strategi ini akan menyemarakkan usaha memperkasa Bumiputera dalam kalangan pihak berkepentingan dengan mempertimbang cadangan meluaskan akta sedia ada.

Inisiatif
#3

**Memastikan Pengagihan
Saksama Kontrak dalam
Kalangan Pembekal
Bumiputera**

Inisiatif
#4

**Cadangan Peluasan Akta
Sedia Ada**



Tema 1:

MENERIMA PAKAI TEKNOLOGI DIGITAL DAN SISTEM BERSEPADU UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN YANG LEBIH EFEKTIF DAN PENGURUSAN PROGRAM

Inisiatif
#1

Mewujudkan Analitik Data Raya Bumiputera (BBDA)

Rasional

Pangkalan data Analitik Data Raya Bumiputera (BBDA) akan diwujudkan melalui tema menerima pakai teknologi digital dan sistem bersepadu untuk menambah baik sistem penyampaian melalui amalan pengurusan data yang lebih baik. Menyedari hakikat bahawa pengumpulan data sedia ada adalah tidak seragam dan tiada sistem pengurusan data yang bersepadu, wujud keperluan untuk melaksanakan dasar yang menetapkan perkongsian data dan kaedah pengumpulan standard merentasi Kementerian, Agensi, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC).

Buat masa ini, tiada agensi khusus yang menyelaras pangkalan data Bumiputera untuk menyeragamkan tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan. Ini menyebabkan pihak berkepentingan tidak mempunyai akses kepada data yang tepat bagi melaksanakan intervensi strategik mahupun untuk menjalankan program yang berkesan. Selain

itu, tiada pangkalan data yang bersepadu yang membolehkan Kementerian dan Agensi memasukkan kesemua data berkaitan di dalam satu sistem berpusat. Penyatupaduan strategik dalam pengumpulan data, metodologi, dan sistem sangat diperlukan. TERAJU, sebagai penyelaras utama TPB2030 akan diberi tanggungjawab sebagai penyelaras BBDA. TERAJU akan memegang mandat pemilikan BBDA, peruntukan sumber, integrasi data antara Agensi, dan pematuhan oleh semua entiti yang berkaitan.

Melalui kerangka pembangunan BBDA, sebuah portal sesawang pusat sehati yang menghubungkan semua pihak berkepentingan akan ditubuhkan untuk menempatkan semua maklumat dan perkhidmatan yang berkaitan dengan Bumiputera. Gabungan semua fungsi dan maklumat institusi Bumiputera dalam satu portal pusat sehati akan memudahkan akses maklumat kepada penerima manfaat, serta membolehkan akses yang lebih mudah kepada program Bumiputera oleh segmen penduduk Bumiputera yang lebih luas. Kepentingan portal pusat sehati ini berfungsi sebagai langkah penting untuk menghubungkan peluang berkaitan pendidikan, latihan, dan juga peluang pekerjaan dapat disampaikan terus kepada penerima manfaat.

Langkah Pelaksanaan

Inisiatif 1.1: Mewujudkan Analitik Data Raya Bumiputera

Kejayaan pelaksanaan BBDA dan kerangka kerja yang digariskan adalah berlandaskan kepada pembentukan dan penguatkuasaan dasar yang akan menyeragamkan pengumpulan dan metodologi data serta memperkasa TERAJU sebagai penyelaras utama BBDA.

Rajah 1 memberi gambaran mengenai platform BBDA yang akan berkongsi sumber maklumat merentasi Kementerian dan Agensi, memudahkan perkongsian pandangan dan penambahbaikan program pembangunan dan inisiatif Bumiputera.

Bagi membina satu sistem yang berintegrasikan dan berupaya untuk menempatkan keseluruhan data, sebuah dasar yang menetapkan perkongsian data dan kaedah

Rajah 1: Platform Pertukaran BBDA

Sumber Data	Enjin Integrasi	Pemprosesan Data	Gudang Data	Pemvisualan Data	Penyampaian Maklumat	Maklumat Pengguna
<ul style="list-style-type: none"> Data Kerajaan sedia ada Sumber data luar yang berpotensi 	<ul style="list-style-type: none"> MyGDX Privasi Data Integriti Data Keselamatan Data Kelancaran Data Kawasan pelantar data (simpanan data raya) 	<ul style="list-style-type: none"> Pengesahan Data Penyeragaman Data Kualiti Data Pembersihan dan Pindahan data 	<ul style="list-style-type: none"> Modal Insan Aset Keusahawanan Penyampaian Gudang penyimpanan metadata 	<ul style="list-style-type: none"> Laporan Statik Laporan <i>ad hoc</i> Papan Pemuka Pemetaan Pengukuran KPI 	<ul style="list-style-type: none"> Portal dan platform pertukaran maklumat dan pangkalan data BBDA Menjadual laporan melalui emel dan pautan sesawang <i>SQL query tools</i> Pencarian Maklumat Analitis termaju 	<p>Dalaman</p> <ul style="list-style-type: none"> Pangkalan data pihak berkepentingan Kerajaan Saintis Data <p>Luaran</p> <ul style="list-style-type: none"> Orang Awam Pengkaji luar <p>Melalui</p> <ul style="list-style-type: none"> Akses laman sesawang Aplikasi mudah alih Perisian

Tadbir Urus Data Dan Pengurusan

Pengurusan Aliran Kerja, Keselamatan

Pengurusan Eksekutif Sambung

Pengurusan Infrastruktur

pengumpulan standard merentasi Kementerian dan Agensi akan dirangka dan dikuatkuasakan.

Analisis daripada pihak berkepentingan akan dilakukan terlebih dahulu bagi menentukan peranan dan tanggungjawab setiap institusi sebelum mengusulkan dasar yang akan mengawal selia perkongsian data dan menetapkan kaedah pengumpulan data. Ia kemudiannya diikuti dengan analisis keperluan data serta mengkaji kesenjangan data sedia ada. Strategi pengumpulan dan perkongsian data kemudiannya akan dilaksanakan melalui peta komunikasi. Setelah sistem data direkodkan dan pengurusan dilaksanakan, sistem akan dilaksana, dinilai, dan diperbaiki melalui kajian rintis.

Terdapat tujuh (7) langkah yang perlu diikuti sebelum penubuhan dasar ini. Proses tersebut digambarkan dalam Rajah 2.



Inisiatif 1.2 TERAJU sebagai Penyelaras BBDA


Selain pengumpulan dan perkongsian data, dasar ini juga akan menetapkan TERAJU sebagai penyelaras BBDA. TERAJU akan bertanggungjawab untuk pemilikan, peruntukan sumber, integrasi data antara Agensi, dan pematuhan oleh semua entiti berkepentingan Bumiputera.

TERAJU sebagai penyelaras utama TPB2030 akan menyelaras program pembangunan dan inisiatif bagi agenda Bumiputera sebagai saluran untuk memperkasa tadbir urus dan pemantauan inisiatif yang berasaskan Bumiputera di peringkat nasional. Integrasi data di setiap Agensi akan dikawal selia melalui dasar yang dicadangkan. TERAJU juga akan menyelaras peruntukan kewangan yang diperlukan untuk inisiatif, pembangunan modal insan, dan penyediaan peralatan serta teknologi yang diperlukan untuk memacu agenda Bumiputera. Penyeragaman pengurusan data pula akan diletakkan di bawah tanggungjawab pusat data Kerajaan. Pada akhirnya, TERAJU akan memperkasa platform BBDA dalam pengurusan data dan sumber maklumat.

Gudang Data Bumiputera yang dicadangkan untuk melengkapkan fungsi dan peranan BBDA digambarkan dalam Rajah 3.



Rajah 3: Integrasi Sistem yang ditempatkan di Penyimpanan Awan



1.3 Penubuhan Portal sebagai Pusat Sehenti Bagi Membolehkan Akses yang Lebih Baik Kepada Data Sedia Ada

Penyertaan Bumiputera yang rendah dalam bidang pekerjaan, keusahawanan, dan sektor swasta berkemahiran profesional juga dijangka akan dapat ditangani dengan wujudnya satu platform tunggal untuk mencari peluang yang bersesuaian dengan kelayakan mereka. Bumiputera akan dapat mengakses maklumat perkhidmatan dan faedah yang ditawarkan dengan mudah melalui portal sehenti interaktif ini.


Dengan data dan maklumat yang ditempatkan di bahagian *back-end* rangka kerja BBDA, portal pusat sehenti yang menyediakan akses ke semua maklumat dan perkhidmatan berkaitan Bumiputera akan dibina sebagai

'front-end interface'. Dengan gabungan fungsi dan maklumat institusi Bumiputera, portal ini akan memudahkan akses kepada penerima manfaat, seterusnya membolehkan maklumat program pembangunan dan inisiatif Bumiputera lebih mudah diperolehi oleh segmen Bumiputera yang lebih luas. Portal ini sangat penting dan berfungsi sebagai penghubung antara peluang berkaitan pendidikan, latihan, dan pekerjaan dengan penerima manfaat.

Bagi memastikan kejayaan inisiatif ini, kerangka kerja pengurusan perubahan akan dilaksanakan di setiap institusi Bumiputera untuk keluar daripada belunggu pengurusan yang tidak bersepadu yang telah menghalang pelaksanaan agenda Bumiputera yang berkesan.

Mandat yang diberikan kepada portal pusat sehenti ini akan meningkatkan keupayaan

Rajah 4: 7 Strategi Transformasi



Bumiputera. Dengan jumlah data Bumiputera yang diperoleh, enjin pemprofilan pelbagai dimensi berkaitan bakat, akan dapat menganalisis dan menilai prestasi dan pencapaian Bumiputera daripada pelbagai sektor. Keupayaan utama BBDA dan portal pusat sehenti adalah seperti yang digariskan di dalam Rajah 5.

Rajah 5: Keupayaan Utama BBDA dan Portal Berkaitan

- Carian kontekstual perusahaan global untuk data dan maklumat Bumiputera
- Enjin pemprofilan pelbagai dimensi bagi individu, usahawan, perniagaan dan syarikat Bumiputera dalam menganalisis dan menilai prestasi, pencapaian dan semakan data Bumiputera
- Enjin analisis sentimen kepada perniagaan dan syarikat Bumiputera dengan memanfaatkan sumber berita dan hantaran media sosial daripada sumber yang pelbagai
- Enjin analisis pemilih kepada perniagaan dan syarikat Bumiputera yang berada di seluruh negara
- Enjin pengemasan dan pengharmonian data untuk penyeragaman kamus dan hubungan data Bumiputera yang tepat
- Semakan integriti data oleh bukan pengguna IT
- Enjin analisis perbandingan dan persaingan prestasi antara perniagaan atau syarikat Bumiputera dalam pelbagai sektor
- Enjin analisis hubung kait antara penilaian prestasi perniagaan atau syarikat Bumiputera dengan bantuan yang diterima

Portal ini akan menghubungkan antara Kementerian, Agensi, GLC dan GLIC mengikut Rangka Konsep Integrasi Maklumat yang digambarkan dalam Rajah 6.

Rajah 6: Rangka Konsep Integrasi Maklumat



1.4 Pemusatan Bantuan Bumiputera bagi Perolehan Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas (OGSE)

Pada masa kini, terdapat pelbagai Agensi dan Kementerian yang menawarkan inisiatif Bumiputera dalam industri OGSE. Ketiadaan platform bagi menempatkan semua maklumat dan proses yang diperlukan bagi industri ini telah menyebabkan kerenah birokrasi dan kurangnya ketelusan dalam struktur dan proses penawaran kontrak. Halangan-halangan ini menyebabkan timbulnya masalah dalam pelaksanaan program terutamanya yang memanfaatkan Bumiputera.

Penubuhan pusat sehenti (*One Stop Centre - OSC*) OGSE sebagai platform akan membuka peluang program yang ada kepada umum, terutamanya perusahaan Bumiputera. Ini juga akan berfungsi sebagai platform aplikasi yang membolehkan permohonan pukat atau tawaran tunjuk minat. OSC juga akan memberi manfaat kepada Kementerian, Agensi, GLC dan GLIC yang menawarkan inisiatif Bumiputera untuk menyelaraskan penyesuaian atau penggabungan inisiatif pelengkap. Agensi yang berkaitan juga akan menyediakan saluran perhubungan untuk berinteraksi dalam talian OSC. OSC akan menampilkan fungsi yang pelbagai seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7.

Bagi menambah baik keupayaan pembekal Bumiputera dalam ekosistem OGSE, OSC akan menyelaraskan program yang berkaitan dengan Bumiputera. Lima (5) inisiatif utama ditunjukkan dalam Rajah 8: menyediakan akses pembiayaan; pembangunan modal insan; membuka jalan ke papan Bursa; pengantarabangsaan; dan menjalankan program pembangunan yang akan memanfaatkan pembekal Bumiputera.

Syarikat dan pembekal Bumiputera akan dapat memaksimumkan akses kepada inisiatif Bumiputera dalam OSC. Platform ini juga akan mengurangkan kelewatan mahupun pertindihan pelaksanaan inisiatif Bumiputera yang disediakan oleh Agensi OGSE dan entiti berkaitan. Akhir sekali, sumber antara Agensi akan digabungkan bagi memudahkan cara sokongan bantuan sesuai keperluan dan tujuan kepada Bumiputera.


Pembiayaan

Inisiatif ini secara keseluruhan memerlukan pelaburan bernilai RM58.01 juta untuk menyelesaikan masalah berkaitan pengumpulan data yang tidak bersepadu dan menterjemahkan penyelesaian ke dalam bentuk dasar pelaksanaan. Pembiayaan ini juga akan menyokong pembangunan BBDA dan melengkapkan portal saling hubung.

Impak

Penubuhan BBDA akan meningkatkan pengurusan data secara strategik untuk memperkasa ekosistem penyampaian perkhidmatan Bumiputera. Ini juga akan mempromosikan akses yang lebih baik kepada perkhidmatan yang ditawarkan oleh semua Kementerian, Agensi, GLC dan GLIC yang akan memanfaatkan Bumiputera.

Rajah 7: Fungsi Penubuhan Pusat Sehenti OGSE



Rajah 8: 5 Inisiatif Utama untuk Menambah Baik Keupayaan Pembekal Bumiputera dalam Ekosistem OGSE

1

Akses kewangan untuk pembekal

Dalam membantu pembekal yang berpotensi untuk memanfaatkan kewangan dengan objektif mengukuhkan ekosistem OGSE

2

Pembangunan Modal Insan untuk Pembekal

Pengurusan bakat untuk mendapatkan sejumlah pekerja yang berkemahiran, contohnya *fitters*, *scaffolders* bagi menyokong operasi minyak dan gas (O&G), dalam masa yang sama menyediakan peluang menggunakan bakat tempatan

3

Misi Pembekal ke BURSA

Kerjasama dengan Bursa untuk memudahkan penyenaian (*IPO*) pembekal tempatan dan menguatkan kemampuan pemain industri ke arah menambah baik ekosistem dan meningkatkan jumlah syarikat yang tersenarai

4

Pengantarabangsaan Pembekal

Mempelbagai dan mengembangkan pengalaman yang akan membantu pembekal Bumiputera mendapat akses kepada pasaran yang lebih besar

5

Program Pembangunan Pembekal

Meningkatkan lagi pemudahcaraan bagi Bumiputera untuk merebut peluang dalam industri minyak dan gas

Tema 2:

MEMPERKENAL TADBIR URUS DIPACU PRESTASI DI PERINGKAT INSTITUSI BUMIPUTERA

Inisiatif
#2

Penyelarasan Badan Kerajaan
serta Penghasilan Kad Skor
bagi Mencapai Keberhasilan
Bumiputera yang Lebih Besar

Rasional

Pada masa kini, kebanyakan Kementerian, Agensi, GLC, dan GLIC mengumpul data mengikut metrik yang hanya berkaitan dengan program dan keperluan mereka. Terdapat sebahagian Kementerian dan Agensi yang mempunyai pangkalan data sementara, namun kebanyakannya masih menggunakan kaedah pengumpulan data secara manual, contohnya melalui *Microsoft Excel Spreadsheet*. Walaupun terdapat banyak maklumat yang ada dan wujud dalam sistem yang berasingan, kebanyakan Kementerian dan Agensi tidak mempraktikkan perkongsian data yang akhirnya mengakibatkan perancangan atau analisis tertunda serta tidak selari. MyProjek, sebelum ini dikenali sebagai Sistem Pemantauan Projek (SPP II), dikembangkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), pada masa kini digunakan oleh Kerajaan untuk memantau pengeluaran dana yang efisien dan hasil daripada projek yang dilaksanakan.⁰³ Walau bagaimanapun, potensi sistem ini masih dapat dimaksimumkan sepenuhnya, misalnya dengan mengintegrasikan sistem ini dengan BBDA TERAJU.

⁰³ *Perbincangan Technical Working Group (TWG)*

Sehingga kini, tiada petunjuk pengukuran prestasi dasar Bumiputera kerana amalan pengumpulan data yang tidak bersepadu dan data masa nyata yang terhad. Keberhasilan indeks kemakmuran akan digunakan untuk memuktamadkan dan menyeragamkan definisi rasmi Bumiputera, disusuli dengan kajian untuk mengenal pasti langkah-langkah kemakmuran menurut asas dan parameter kesejahteraan setiap dasar berkaitan Bumiputera. Kamus konsep dan data yang mengikut piawaian akan dibentuk sebagai panduan kepada perkembangan Indeks Kemakmuran Bumiputera.

Langkah Pelaksanaan

Inisiatif 2.1: Membangunkan Sistem Pengurusan Prestasi

Institusi berkaitan Bumiputera, termasuk EDO dan SOE, akan menjalani penilaian

untuk menyelaraskan fungsi, peranan, mandat, dan program dalam agenda Bumiputera. Ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan sumber di samping mengurangkan pertindihan bidang kuasa melalui Sistem Pengurusan Prestasi, seperti yang digambarkan dalam Rajah 9. Perubahan akan disuntik ke dalam Agensi Bumiputera ini dalam bentuk program pengurusan prestasi yang mantap. Bagi meningkatkan pengukuran prestasi yang efektif, adalah penting agar KPI asas dapat ditentukan berdasarkan keberhasilan untuk memperkenalkan mekanisme pemantauan dan akauntabiliti.


Peralihan kepada budaya berprestasi tinggi akan disertai dengan program pengurusan perubahan bagi memudahkan pelaksanaan inisiatif tersebut.

Pengurusan prestasi yang berkesan memerlukan 4 komponen utama seperti

Rajah 9: Kerangka Pengurusan Prestasi



Rajah 10: Budaya Berprestasi Tinggi Memerlukan Rangka Kerja Pengurusan Program yang Dilengkapi dengan Program Pengurusan Perubahan



1 Menginstitusi pengurusan perubahan yang meluas kepada organisasi

- Menguruskan impak kepada perubahan organisasi
- Melatih pekerja untuk menerima guna perubahan
- Memenangi sokongan melalui libat urus dengan kumpulan yang lebih besar


2 Menambah baik proses dan prosedur sedia ada

- Menilai kembali proses dalaman (proses perniagaan, peruntukan bajet dan prosedur)
- Menambah baik pengurusan risiko

3 Mencipta suasana harmoni

- Membangunkan aktiviti memupuk hubungan pekerja & platform perkongsian
- Membolehkan komunikasi dan libat urus yang konsisten

yang ditunjukkan dalam Rajah 11: Menetapkan Objektif; Mengukur Prestasi; Kedudukan & Pemuktamadan; dan Perhubungan.



Inisiatif 2.2: Pelaksanaan Kad Skor

Kad skor sebagai alat pengukuran prestasi yang akan diperkenalkan di seluruh peringkat Kementerian, Agensi, GLC, GLIC, Pihak Berkuasa Tempatan, EDO, SOE, dan entiti Bumiputera yang berkaitan bagi memastikan komitmen mereka dalam mencapai matlamat Bumiputera yang disasarkan. Ini membolehkan KPI program pembangunan dan inisiatif Bumiputera digabungkan dengan pencapaian yang ditetapkan, seimbang dengan penilaian prestasi kualitatif oleh ketua organisasi yang disebutkan di atas. Kad skor ini juga akan memberikan skor keseluruhan untuk menilai kemajuan pelaksanaan program serta mengenal pasti sebarang keperluan tambahan dalam usaha menyempurnakan sistem penyampaian.

Struktur pelaporan yang jelas juga membolehkan Kementerian dan Agensi mengambil tindakan berdasarkan maklumat dan data. Unit pemantauan Bumiputera di setiap Kementerian dan Agensi (sama seperti UPEB sebelumnya) akan menentukan KPI Bumiputera di peringkat yang berkenaan. KPI akan dikawal selia dengan pendekatan berasaskan keberhasilan dan dilaksanakan menggunakan pendekatan *top to bottom*. KPI akan dinilai secara berkala, dan kemudiannya dibentangkan kepada MKB.

Penetapan KPI dan matlamat yang jelas yang dapat diukur secara keseluruhannya adalah penting untuk strategi organisasi dan kepentingan fungsi badan pelaksana. Seterusnya, sistem kad skor akan dilaksanakan secara automatik sepenuhnya menggunakan kaedah yang sesuai untuk membolehkan pemantauan kemajuan program pembangunan



secara masa nyata bagi tujuan pemantauan penuh pada setiap waktu yang berbeza sekali gus memastikan komitmen dan tanggungjawab daripada pemilik program pembangunan. Selain itu, sebagai manfaat tambahan sistem automatik ini, segala dokumen sokongan akan dipusatkan di bawah satu penyelaras.

Rajah 12: Membangun dan Melaksanakan Sistem Kad Skor

1. Menentukan Anggaran Strategi

- 1. Nilai Asas:** Menentukan prinsip panduan organisasi yang jelas
- 2. Visi:** Menentukan gambaran masa hadapan yang ingin dilihat oleh organisasi
- 3. Misi:** Menentukan matlamat sehingga peringkat tertinggi. Setiap konteks ditentukan oleh matlamat dan tindakan

2. Rumusan

- 1. Strategi Keutamaan:** Teras kepada strategi masa hadapan
- 2. Rangka Kerja:** Kad skor, analisis SWOT, analisis kesenjangan, pengurusan risiko, PESTEL dan lain-lain

3. Gambaran

- 1. Peta Strategi:** Matlamat perniagaan yang berkaitan dengan logik sebab dan akibat
- 2. Matlamat Perniagaan:** Membina blok strategi dan hipotesis strategik
- 3. KPI:** Pengkuantitian matlamat perniagaan membolehkannya diukur
- 4. Inisiatif:** Rasional strategi, bajet dan pelan tindakan

4. Lata

- 1. Ukuran yang mendahului:** Mengkuantitikan faktor kejayaan
- 2. Ukuran yang melambatkan:** Mengesahkan keputusan yang dicapai

5. Pelaksanaan

- 1. Melaksanakan inisiatif strategik**
- 2. Menjejak usaha dan keputusan melalui KPI**
- 3. Mekanisme Pelaporan**

Inisiatif 2.3: Indeks Kemakmuran Bumiputera (BPI)

BPI akan dibangunkan untuk mengukur impak intervensi Kerajaan terhadap kemakmuran komuniti Bumiputera secara menyeluruh. Indeks akan ditetapkan sebagai rujukan asas untuk membentuk inisiatif yang bersasar dan berkesan. Pelan Tindakan yang digariskan dalam Jadual 13 akan mengenal pasti elemen-elemen yang relevan untuk dimasukkan ke dalam BPI.

Sebelum proses pembangunan indeks, data utama dan sekunder perlu dikumpulkan. Kaedah pengumpulan data utama meliputi libat urus bersama orang awam dan kumpulan sasaran melalui soal selidik, perbincangan kumpulan fokus, dan sesi sindikasi bersasar bersama pihak berkepentingan dan penerima manfaat yang berkaitan. Data sekunder yang diperoleh akan digunakan untuk menyokong data utama. Ia juga akan mengenal pasti

Rajah 13: Langkah Pelaksanaan BPI



1. Pemilihan Indikator

Membincangkan dan mempersetujui taksonomi (sistem pengelasan) untuk mengukur kemakmuran bagi Bumiputera dengan pakar, menyusun struktur Indeks untuk membentuk teras kemakmuran yang disokong oleh elemen yang berfokuskan polisi



2. Penyeragaman

Indikator dalam Indeks didasarkan pada banyak unit pengukuran yang berbeza, termasuk jumlah peristiwa, tahun, peratusan dan skala ordinal. Petunjuk perlu dijadikan normal agar perbandingan antara indikator adalah bermakna



3. Mengambil Kira Purata

Apabila mengira skor secara keseluruhan, skor berwajaran populasi mestilah diambil kira. Ini dilakukan untuk mengenal pasti kesan ke atas individu dan bukannya ke atas populasi Bumiputera secara keseluruhan.



4. Petunjuk dan Elemen Pertimbangan

Setiap indikator diberikan wajaran, mengikut elemen yang akan mempengaruhi kemakmuran berdasarkan kepentingannya untuk kemakmuran



5. Skor Elemen dan Teras

Skor elemen dihasilkan dengan menggunakan pewajaran yang berasaskan hasil daripada penilaian terdahulu. Kaedah yang sama diulangi untuk menentukan skor teras dengan elemen di dalam teras, menggunakan peratusan yang dibincangkan pada langkah terdahulu

jurang maklumat dan kekurangan yang perlu diatasi dengan mengumpulkan data utama tambahan.

Petunjuk yang dicadangkan untuk BPI didasarkan pada petunjuk *Legatum Prosperity Index*,⁰⁴ yang disesuaikan dengan ekosistem Malaysia. Petunjuk ini ditunjukkan dalam Rajah 14.

Pembiayaan

Jumlah dana yang diperlukan untuk inisiatif ini adalah sebanyak RM9 juta untuk pembangunan dan pelaksanaan rangka kerja pengurusan prestasi dan mekanisme pemantauan, kad skor, dan BPI.

Impak

Institusi Bumiputera akan mempunyai sasaran, rancangan pelaksanaan, pemantauan prestasi, dan sistem pengurusan yang berfokus

bagi memacu keberhasilan yang lebih baik daripada program dan inisiatif tersendiri. Matlamat dan KPI akan dibina dalam kad skor untuk menggambarkan fungsi entiti berkaitan Bumiputera dan menyelaraskannya bersama strategi organisasi mereka. Sebagai pelengkap kepada kecekapan, tindakan ini akan memastikan bahawa usaha yang bersepadu dan memberikan keberhasilan mengikut sasaran kepada penerima yang telah ditentukan. BPI akan membantu mengukur kesejahteraan dan kejayaan pelaksanaan agenda Bumiputera secara keseluruhan.

⁰⁴ *The Legatum Prosperity Index™ menganalisis prestasi 167 negara terhadap 66 elemen fokus dasar, diukur oleh hampir 300 petunjuk peringkat negara. Kedudukan tahunan diterbitkan oleh Legatum Institute.*
⁰⁵ *Laporan TERAJU, 2021*

Rajah 14: Petunjuk yang dicadangkan untuk BPI



Tema 3: PENGARASAN LAPANGAN SAING BAGI PERNIAGAAN BUMIPUTERA UNTUK MEMBENTUK EKOSISTEM YANG BERDAYA SAING

Inisiatif #3 Memastikan Pengagihan Saksama Kontrak dalam Kalangan Pembekal Bumiputera

Rasional

Pembekal Bumiputera kurang mendapat pertimbangan dalam penawaran kontrak berikutan potensi harga yang lebih mahal, mempunyai kekurangan daripada segi kemampuan, dan tidak berdaftar dengan MOF.

Ketidaksaksamaan yang berlaku dalam

lapangan saing kepada pembekal Bumiputera berpunca daripada tawaran harga yang tinggi. Pembekal Bumiputera cenderung menawarkan harga yang lebih tinggi kerana ada dalam kalangan mereka yang akan memberikan sebahagian kerja kepada subkontraktor, daripada tawaran harga yang tinggi. sekali gus tidak menarik perhatian penawar/pemilik kontrak. Mereka juga berpotensi untuk tidak dapat menyiapkan mengikut masa yang ditetapkan kerana kekurangan keupayaan dan kemampuan. Selain itu, sebilangan pembekal juga memilih untuk kekal di kelas yang lebih rendah bagi mendapat manfaat yang ditawarkan terutamanya daripada Kerajaan, yang lebih baik daripada pembekal kelas yang lebih tinggi.

Lebih memburukkan lagi keadaan, sebilangan vendor Bumiputera yang berdaftar dengan MOF dan diberi kontrak memilih untuk melakukan amalan yang bercanggah daripada matlamat sebenar. Ini menjejaskan persaingan dalam pasaran serta peluang untuk vendor Bumiputera lain. Kelompokan yang ada dalam proses perolehan seperti ini menuntut agar wujudnya undang-undang bagi mengekang amalan yang bercanggah ini.

Proses perolehan Kerajaan yang diamalkan buat masa kini adalah seperti yang digambarkan dalam Rajah 15.⁰⁵

Rajah 15: Proses Perolehan Kerajaan - 5 Langkah yang Perlu diambil oleh Pembekal dalam 3 Kategori



Langkah Pelaksanaan

Inisiatif ini akan mengkaji dan memastikan keberkesanan serta impak keseluruhan daripada dasar perolehan Kerajaan yang sedia ada dalam menyumbang kepada objektif Bumiputera yang ditetapkan di bawah dasar negara yang lalu. Dalam mewujudkan kesetaraan, semua pembekal perlu untuk mendaftar dengan MOF.

Model Ekonomi Baru (NEM) dan WKB2030 telah menekankan keperluan untuk menyusun semula dasar perolehan Kerajaan yang lebih telus, bersesuaian dengan pendekatan tindakan afirmatif yang mesra pasaran. Walau bagaimanapun, hanya sebilangan kecil strategi dan dasar yang fokus kepada menangani pemilikan ekuiti Bumiputera secara langsung.

Keberkesanan dan impak keseluruhan dasar perolehan Kerajaan yang berkaitan dengan NEM, Dasar Kerajaan, dan Pekeliling

Perbendaharaan akan dinilai semula. Unit pemantauan Bumiputera juga akan menentu dan menetapkan data asas berkaitan dengan pencapaian Bumiputera untuk tujuan analisis dan perancangan strategik. Akhir sekali, program bersesuaian yang akan mendorong kejayaan BEC dalam memperoleh kontrak akan dikembangkan bersesuaian dengan keperluan industri.

Garis Panduan untuk Kerangka Pelaporan Pemunya Benifisial Berkaitan *Legal Persons* yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dapat dimanfaatkan dan dirujuk untuk tujuan meningkatkan kesamarataan dalam pembahagian kontrak antara pembekal Bumiputera.⁰⁶

Pembekal Bumiputera boleh mengambil bahagian dalam 4 jenis saluran perolehan Kerajaan. Antaranya ialah Kerajaan Persekutuan, badan berkanun, GLC, GLIC, SOE, dan kerjasama awam-swasta (PPP).

Rajah 16: 11 Dasar daripada Pekeliling Perbendaharaan Berkaitan Agenda Bumiputera



Impak

Langkah untuk mewajibkan semua pembekal berdaftar dengan MOF akan memastikan prosedur penawaran kontrak akan mematuhi sepenuhnya dasar perolehan Kerajaan dan Pekeliling Perbendaharaan, dan dilengkapi dengan Garis Panduan untuk Kerangka Pelaporan Pemunya Benifisial Berkaitan *Legal/Persons*. Polisi ini harus dibaca bersama dengan Garis Panduan Pencegahan Pengubahan Wang Haram oleh Bank Negara Malaysia (BNM).⁰⁷ Ini akan membantu meningkatkan ketelusan antara saluran penawaran kontrak kepada pembekal Bumiputera dan membolehkan mereka mengambil bahagian dalam pasaran yang lebih berdaya saing.

Inisiatif
#4

Cadangan Peluasan Akta Sedia
Ada

Rasional

Bagi memastikan produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melebihi nilai rangsangan dan penyertaan industri, pemupukan integriti dalam konteks tadbir urus yang baik adalah sangat penting.

Amalan yang bercanggah akan memudaratkan penyertaan Bumiputera dan seterusnya menjejaskan potensi sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Ini akan melebarkan lagi kesenjangan ekonomi antara Bumiputera dan bukan Bumiputera, sehingga mewujudkan jurang monopoli yang meletakkan situasi ekonomi pada tahap yang membimbangkan. Kesenjangan ini digambarkan melalui nilai sumbangan Lebihan Kendalian Kasar (GOS) syarikat Bumiputera yang hanya bernilai RM81 bilion berbanding RM727 bilion GOS korporat nasional pada tahun 2014.⁰⁸

Usul untuk peluasan akta sedia ada dibuat dengan tujuan untuk melindungi objektif dasar Bumiputera dan membantu sasaran negara dalam mencapai keseimbangan ekonomi antara kaum serta membuka jalan bagi pembangunan masyarakat Bumiputera yang adil. Ini akan melindungi semua dasar Bumiputera yang ada, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, DEB dan NEM.

Langkah Pelaksanaan

Inisiatif 4.1: Peluasan Akta Sedia Ada

Peluasan yang dicadangkan akan dilakukan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dengan jelas dan telus bagi mencapai tujuan utamanya. Perkara yang relevan dalam Perlembagaan yang akan dirujuk dalam Akta ditunjukkan dalam Rajah 17.

Rajah 17: Perkara yang berkaitan dalam Perlembagaan Persekutuan

Perkara 8	Kesamarataan
Perkara 89	Tanah Simpanan Melayu
Perkara 153	Perizaban kuota berkenaan dengan perkhidmatan, permit dan sebagainya bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak
Perkara 160	Tafsiran 'Orang Melayu'

Peluasan yang dicadangkan juga akan menyertakan definisi yang jelas untuk mengelakkan amalan yang bercanggah daripada objektif sebenar dasar ini. Peluasan Akta akan dilakukan dengan teliti dengan matlamat untuk menyumbang kepada kemakmuran sosioekonomi negara secara keseluruhan dan mengurangkan jurang antara kaum.

Peluasan akta yang dicadangkan untuk memperkukuh usaha membendung eksploitasi dan salah laku yang membawa kepada amalan bercanggah yang boleh memudaratkan Bumiputera akan disokong dengan perincian yang dijelaskan dalam Kotak Maklumat 18.

⁰⁶ *Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), 2020*

⁰⁷ *Dokumen polisi berkaitan Pencegahan pengubahan wang haram, pencegahan pembiayaan keganasan dan sekatan kewangan sasaran untuk Institusi Kewangan (AML/CFT dan TFS untuk FIs), Bank Negara Malaysia (BNM), 2019.*

⁰⁸ *WKB2030*

Kotak Maklumat 18


Peluasan Akta sedia ada adalah langkah untuk menghalang amalan yang bercanggah daripada matlamat sebenar dasar berkaitan menggunakan kaedah perundangan untuk meningkatkan sosioekonomi negara dan merapatkan jurang ekonomi antara kaum. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada amalan rasuah, monopoli, pecah amanah, amalan mengatur proksi, perjanjian perdagangan bebas tidak adil serta manipulasi data dan teks. Akta ini juga mengiktiraf dan melantik TERAJU sebagai Agensi penyelaras utama agenda sosioekonomi Bumiputera untuk negara.

Maklumat Utama dalam Peluasan Akta Sedia Ada

<p>1</p> <p>Perlu ada rujukan jelas kepada dasar Kerajaan sedia ada</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Termasuk Dasar Ekonomi Baru (DEB), Model Ekonomi Baru (NEM), Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB), Hak Adat Orang Asli, Dasar Agromakanan (DAN), Dasar Pengkorporatan Malaysia, Dasar Pendidikan Kebangsaan
<p>2</p> <p>Perlu berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dengan penjelasan dan ketelusan mencukupi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Perkara berkaitan seperti Perkara 8 : Kesamarataan, Perkara 89 : Tanah Simpanan Melayu, Perkara 153 : Perizaban kuota berkenaan dengan perkhidmatan, permit dan sebagainya bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak dan Perkara 160 : Takrifan 'Orang Melayu' dalam Perlembagaan
<p>3</p> <p>Perlu mengandungi definisi dan elemen yang bersesuaian untuk amalan bercanggah</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menghalang amalan menyimpang daripada matlamat sebenar dasar untuk meningkatkan sosioekonomi negara dan merapatkan jurang ekonomi antara kaum
<p>4</p> <p>Menggunakan Agensi penguatkuasaan sedia ada bagi pelaksanaan tindakan berkanun</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam)
<p>5</p> <p>Mengiktiraf dan melantik TERAJU sebagai Agensi penyelaras agenda sosioekonomi Bumiputera</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pemacu kepada penyelaras agenda sosioekonomi Bumiputera di Malaysia

Tindakan-tindakan yang bertentangan dan amalan yang bercanggah yang akan dirangkumkan dalam cadangan peluasan untuk Akta sedia ada, adalah seperti berikut:

Rajah 19: Proses Pembentukan Perundangan



Sumber: Jabatan Peguam Negara Malaysia (AGC)

Inisiatif 4.2: Mengangkat Akta dan Konvensyen Sedia Ada bagi Menyokong Usul Peluasan Akta

Undang-undang dan Konvensyen sedia ada yang mampu menyokong dan membantu pertimbangan usul peluasan Akta sedia akan diangkat bagi memastikan cadangan peluasan Akta ini dijalankan dengan terperinci. Antara Undang-undang dan Konvensyen sedia ada yang akan diangkat untuk melaksanakan inisiatif ini termasuk Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah (UNCAC) 2005 dan Seksyen 20 Akta SPRM 2009.

Rajah 20: Akta dan Konvensyen Sedia Ada yang Menyokong Usul Peluasan Akta Sedia Ada

Seksyen 20, Akta SPRM 2009

- Seseorang
- (a) Yang, dengan niat untuk memperoleh suatu kontrak daripada mana-mana badan bagi melaksanakan apa-apa kerja, mengadakan apa-apa perkhidmatan, melakukan apa-apa jua, atau membekalkan apa-apa barang, bahan atau benda, menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana orang yang telah membuat suatu tender untuk mendapatkan kontrak itu, sebagai dorongan atau upah bagi orang itu menarik balik tendernya itu; atau
- (b) Yang meminta atau menerima apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah baginya menarik balik suatu tender yang telah dibuat olehnya untuk mendapatkan kontrak itu,
- Melakukan suatu kesalahan

Akta dan Konvensyen Semasa Yang Menyokong Cadangan Akta Bumiputera

Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah (UNCAC) 2005

- Instrumen tunggal anti korupsi sejagat yang mengikat secara perundangan, meliputi pelbagai bentuk korupsi seperti rasuah, bertukar suapan, salah guna jawatan dan pelbagai salah laku korupsi dalam sektor awam dan swasta
- JKKMAR berhasrat menggubal undang-undang baharu selaras dengan peruntukan UNICAC:
 - Di mana tidak ada peruntukan kesalahan berkanun untuk salah laku tersebut
 - Wujud salah laku berat atau kegagalan disengajakan untuk menjalankan tugas pertanggungjawaban awam yang berpotensi besar atau mewujudkan kesan sebenar kepada awam
 - Salah guna jawatan awam yang boleh wujud disebabkan adanya tindakan atau kegagalan untuk bertindak

Pembiayaan

Inisiatif ini dianggarkan akan memerlukan pembiayaan sebanyak RM3.1 juta.

Impak

Cadangan untuk memperluas Akta sedia ada yang berkaitan untuk membendung amalan bercanggah akan dapat memberi manfaat seperti yang disenaraikan dalam Rajah 21.

Rajah 21: Manfaat Utama Peluasan Akta Sedia Ada

1. Semua matlamat dasar akan dipatuhi
2. Kepentingan sosioekonomi negara akan dilindungi
3. Kesaksamaan ekonomi dan kemakmuran bersama kaum dapat dicapai
4. Akta dicadangkan akan melindungi kelangsungan dasar yang tidak mempunyai perundangan khusus

KESIMPULAN

Menambah baik Tadbir Urus dan Perkhidmatan Penyampaian adalah langkah pertama yang penting untuk meningkatkan akauntabiliti dan kecekapan program yang disasarkan ke arah kebajikan Bumiputera. Pendekatan holistik untuk memperkukuh kesepaduan penyampaian program dan pengurusan data di seluruh Agensi Bumiputera akan memastikan pengagihan kekayaan yang adil. Ke arah digitalisasi sistem pemantauan dan membuat keputusan yang bersepadu, Kementerian, Agensi, GLC dan GLIC yang diberi mandat Bumiputera akan dapat menyelaraskan semula fungsi, peranan, dan program mereka meningkatkan kecekapan sumber di samping mengurangkan pertindihan bidang kuasa; pada masa yang sama berusaha mencapai sasaran agenda Bumiputera yang digariskan di bawah WKB2030 dan RMKe-12. Pelantikan Agensi penyelarasan pusat - dengan sokongan Dewan Negara dan pelaksanaan cadangan peluasan Akta sedia ada di seluruh negara akan membendung amalan menyimpang dan menerapkan objektif agenda Bumiputera sekali gus menggalakkan pembangunan saksama masyarakat Bumiputera. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah PA2 akan memastikan program-program pembangunan TPB2030 akan dapat membawa intervensi yang tepat pada masanya, tertumpu dan berkesan demi menambah baik kualiti kehidupan Bumiputera.






Memperkukuh Pendidikan Dan Memperkasa Modal Insan



Tema 1:
MENINGKATKAN
PENGLIBATAN BUMIPUTERA
DALAM KERJAYA
BERKEMAHIRAN TINGGI

Tema 2:
MENINGKATKAN KUALITI
DAN CAPAIAN PENDIDIKAN

Tema 3:
MEMPERHEBAT
KEBOLEHPASARAN MODAL
INSAN BUMIPUTERA



RINGKASAN EKSEKUTIF



Usaha memperkukuh dan memperkasa modal insan Bumiputera adalah salah satu daripada tujuh (7) Bidang Keutamaan (PA) di bawah Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) yang sejajar dengan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) dengan matlamat untuk meningkatkan taraf sosioekonomi Bumiputera. Tema utama Bidang Keutamaan 3 (PA3) adalah membina kemampuan tenaga kerja Malaysia terutamanya bakat Bumiputera melalui program pembangunan modal insan di setiap peringkat. Ini membolehkan penyertaan aktif bakat Bumiputera dalam ekonomi global yang terus berkembang, dengan penekanan dalam sektor yang dikenal pasti sebagai Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA). Usaha yang digariskan melalui hala tuju dan dasar Kerajaan seperti WKB2030, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan TPB2030 akan dilaksanakan untuk menyuntik 3.2 juta Bumiputera mahir ke dalam tenaga kerja menjelang tahun 2025. Strategi ini dapat direalisasikan dengan memperkukuh modal insan Bumiputera dengan menyediakan peluang dan akses pendidikan serta latihan yang setara di semua peringkat.

Untuk meningkatkan kelebihan bakat Bumiputera yang berdaya saing, 10 inisiatif akan menjadi pemacu kepada tiga (3) tema. Diterajui oleh pakar dan pengamal industri, program yang digariskan bertujuan

melengkapkan bakat Bumiputera dengan kelayakan yang diperlukan untuk memasuki tenaga kerja sebagai calon yang berkelayakan. Bumiputera akan lebih dikenali sebagai tenaga kerja yang lebih sinonim dengan kualiti dan daya tahan yang baik melalui kelayakan dan pengiktirafan yang bertauliah. Bagi memperluas akses dan peluang kepada pendidikan, Pusat Kecemerlangan Bumiputera (CoE) akan memainkan peranan penting dalam menyelaras semua bantuan kewangan dan latihan yang tersedia untuk bakat Bumiputera dan akan mengambil pendekatan berdasarkan keperluan dan prestasi. Bakat Bumiputera akan diberi pendedahan kepada peluang kerjaya tempatan dan antarabangsa yang bernilai tinggi yang seterusnya meningkatkan pendapatan penengah Bumiputera.

Inisiatif-inisiatif ini akan digerakkan bersama melalui kerjasama daripada pelbagai pihak berkepentingan seperti sektor awam dan swasta, untuk memperkasa modal insan Bumiputera. Keberhasilan inisiatif ini akan meningkatkan jumlah Bumiputera dalam kumpulan profesional berkemahiran tinggi, dilengkapi dengan kelayakan dan kemahiran yang diperlukan untuk menyesuaikan diri dengan cabaran dan permintaan pasaran pekerjaan di masa depan.





LATAR BELAKANG

Salah satu daripada 3 sasaran utama agenda Bumiputera dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) adalah untuk meningkatkan 60% penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan mahir. Sasaran ini telah berjaya dicapai pada tahap 62%⁰¹ bakat Bumiputera berada dalam bidang pekerjaan mahir. Oleh itu, TPB2030 akan meneruskan usaha untuk memacu kemajuan dalam pemerksaan modal insan Bumiputera.

Melalui iltizam dan inisiatif terpilih, kerjasama dengan pemain industri dalam membangunkan program latihan kemahiran tinggi dan profesional yang diperakui serta bertauliah adalah penting. Kepentingan kerjasama industri dapat dilihat melalui kejayaan program yang dijalankan di bawah RMKe-11.

Pada tahun 2019, 246,706 pelajar mendaftar dalam program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), termasuk program pengurusan dan profesional. Pelajar TVET ini berasal daripada pelbagai latar

belakang ekonomi dan pendidikan. Melalui inisiatif memperkasa modal insan Bumiputera dalam RMKe-11, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) telah memberikan bantuan kepada 26,900 pelajar daripada isi rumah berpendapatan rendah melalui program-program seperti Peneraju Tunas, Peneraju Skil, dan Peneraju Profesional. Di bawah program Peneraju Tunas, 71% peserta sekolah menengah dan 94% pelajar pendidikan tinggi memperoleh keputusan yang memuaskan. Program Peneraju Skil dan Peneraju Profesional mencapai hasil yang cemerlang, dengan 90.9% daripada 7,905 peserta memperoleh pekerjaan dalam bidang berkemahiran tinggi. 69.6% peserta program Peneraju Skil Mahir pula memperoleh gaji bulanan melebihi sasaran RM3,800. Dalam aspek melahirkan profesional yang berkelayakan di sektor kewangan, program Peneraju Profesional menghasilkan 694 peserta yang layak sebagai akauntan profesional, 51 Penganalisis Kewangan Berkanun, dan 3 Pengurus Risiko Kewangan. Seramai 91 pelatih daripada program ini memperoleh pengiktirafan global untuk prestasi akademik yang cemerlang.⁰²

KES UNTUK INTERVENSI

Menilai semula aspirasi agenda Bumiputera dalam TPB2030, inisiatif PA3 dirumuskan untuk menangani beberapa cabaran semasa dalam usaha memperkukuh modal insan Bumiputera. Dalam 10 tahun akan datang, potensi untuk mengembangkan modal insan Bumiputera adalah besar menilai kerana wujudnya jurang dalam bidang utama seperti kadar guna tenaga, penyertaan dalam pekerjaan mahir, dan gaji.

Pengangguran dan Pekerjaan Bergaji Rendah

Dalam mewujudkan komuniti Bumiputera yang berdaya tahan, salah satu cabaran yang perlu ditangani adalah kadar pengangguran Bumiputera yang tinggi. Bumiputera menyumbang kepada 64.5% daripada jumlah pengangguran di Malaysia, menjadikan Bumiputera sebagai kaum yang mempunyai pengangguran tertinggi di negara ini. Kadar pengangguran Bumiputera juga adalah lebih tinggi daripada purata nasional iaitu pada 3.7% (purata nasional: 3.3%). Kebanyakan Bumiputera yang menganggur berada dalam lingkungan umur 15 - 29 tahun.⁰³ Selain itu, sektor pekerjaan turut menerima impak besar akibat pandemik COVID-19 dan sekiranya tidak diatasi, ia akan memberi kesan yang lebih buruk terutamanya kepada Bumiputera.

Sebahagian besar tenaga kerja Bumiputera bekerja dalam pekerjaan kurang berkemahiran dan bergaji rendah. Bilangan pekerja mahir Bumiputera adalah rendah berbanding dengan bilangan pekerja mahir bukan Bumiputera. Daripada 14 bidang profesional, Bumiputera hanya menguasai dua (2) daripadanya walaupun kadar penyertaan Bumiputera merupakan sebahagian daripada 66% tenaga kerja nasional pada tahun 2019 (lebih daripada 80% pembantu perubatan dan jururawat adalah Bumiputera). Walau bagaimanapun, penyertaan Bumiputera dalam profesion lain seperti akauntan (31.3%), profesional harta tanah (36.8%), peguam (40.1%), ahli farmasi (40.7%), arkitek (41.6%), dan pereka dalaman (48.9%) adalah rendah.⁰⁴ Dalam bidang mahir, penyertaan Bumiputera hanya pada kadar

28.9%, lebih rendah berbanding kaum Cina pada 36.4% dan kaum India pada 31.9%.⁰⁵

Bagi pendaftaran TVET di sekolah menengah, Bumiputera mencapai 15%, berbanding India pada 4% dan Cina pada 1%. Pendaftaran yang rendah daripada kaum Cina dalam bidang TVET di peringkat sekolah menengah mungkin berpunca daripada peluang latihan yang lebih banyak melalui program perantisan atau perniagaan keluarga.⁰⁶

Kesannya, gaji dan upah penengah bulanan yang diterima oleh pekerja Bumiputera masih rendah iaitu RM2,415 berbanding pekerja Cina yang mencecah RM2,597 pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa gaji dan upah penengah bulanan untuk Bumiputera mencatat pertumbuhan tertinggi pada Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompaun (CAGR) 7.3% sejak tahun 2015, berbanding etnik lain.⁰⁷

Isu Pengiktirafan Sijil dari Sekolah Tahfiz yang Tidak Berdaftar

Terdapat juga kumpulan Bumiputera yang mempunyai potensi signifikan namun bakat mereka tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Golongan ini adalah kira-kira 1,854 pelajar sekolah tahfiz yang tidak berdaftar dengan sistem pendidikan arus perdana akibat perbezaan dengan kurikulum kebangsaan.

⁰¹ *Statistik Tenaga Buruh, 2019; Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)*

⁰² *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)*

⁰³ *Statistik Tenaga Buruh, 2019; DOSM*

⁰⁴ *Institut Profesional Berdaftar, berdasarkan Unit*

⁰⁵ *Perancang Ekonomi (EPU)*

Hwok-Aun Lee dan Muhammed Abdul Khalid, 'Discrimination of high degrees: Race and graduate hiring in Malaysia', Journal of the Asia Pacific Economy, 2016

⁰⁶ *Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), 2018*

⁰⁷ *Laporan Survei Gaji dan Upah, DOSM, 2019*

Pelajar yang lulus daripada sekolah tahfiz juga kekurangan kemahiran teknikal dan tidak mendapat pengiktirafan rasmi untuk kelayakan mereka, sekali gus membataskan peluang kerjaya. Tanpa pentauliahan formal, para *huffaz* tidak dapat meneruskan pengajian ke sistem pendidikan tinggi atau mendapat pekerjaan rasmi setelah tamat pengajian. Akibatnya, lulusan sekolah tahfiz terbatas untuk bekerja sendiri atau terlibat sebagai pekerja kebajikan sosial di sektor pekerjaan tidak rasmi.



VISI

Bagi mengatasi cabaran di atas, TPB2030 melalui 10 inisiatif di bawah 3 tema untuk memperkasa modal insan akan menggunakan pendekatan pelbagai peringkat bagi meningkatkan status sosioekonomi Bumiputera.

Faktor utama untuk memperoleh keberhasilan daripada inisiatif ini adalah penyertaan pemain industri serta penyediaan pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti. Penyertaan pemain industri adalah penting demi mencapai hasrat untuk meningkatkan penyertaan lebih 780,000 pekerja Bumiputera berkemahiran tinggi di dalam bidang pekerjaan. Kerjasama dengan pemain industri akan membuka peluang kepada graduan berkelayakan tinggi hasil daripada inisiatif ini untuk diserap masuk ke dalam bidang pekerjaan.

Pemain industri akan memainkan peranan penting dalam memberikan bimbingan kerjaya dan penempatan pekerjaan untuk pelatih. Bimbingan kerjaya daripada mentor berpengalaman dalam industri akan mempengaruhi keupayaan tenaga kerja Bumiputera dalam pasaran kerja. Di samping itu, kerjasama dengan industri akan membuka peluang penempatan pekerjaan untuk graduan seterusnya meningkatkan kadar penembusan Bumiputera ke dalam tenaga kerja.

Selain itu, pemain industri yang terlibat sebagai rakan strategik juga dapat menawarkan peserta dengan sijil atau kemahiran yang diiktiraf dan memenuhi permintaan pasaran semasa. Kerjasama strategik akan dapat menyiapkan bakat Bumiputera dengan pengetahuan dan kecekapan yang diperlukan untuk terus berdaya saing berbekalkan panduan mengenai keperluan kemahiran industri hasil bimbingan daripada rakan strategik industri.

Akses kepada pendidikan berkualiti dan latihan kemahiran penting kepada pembangunan modal insan Bumiputera. Selain itu, sukatan pelajaran program pembangunan serta bahan latihan harus sentiasa sesuai dengan permintaan pasaran semasa untuk menghasilkan bakat Bumiputera yang selari dengan kehendak pasaran kerja semasa.

Sukatan pelajaran semasa yang digunakan dalam program pembangunan perlu menjalani penilaian 2 tahun sekali untuk memastikan kemahiran dan pengetahuan yang diberikan kepada peserta sesuai dengan permintaan industri. Jaminan kualiti dalam sukatan pelajaran akan diterjemahkan kepada pengukuhan pengiktirafan yang lebih baik akan dianugerahkan kepada peserta program sekali gus dapat meningkatkan kebolehpasaran mereka. Kebolehcapaian juga boleh ditingkatkan dengan menambah belanjawan kewangan pendidikan yang ditawarkan kepada Bumiputera, terutamanya belia daripada kelompok pendapatan B40.⁰⁸ Ini akan memperluas jangkauan inisiatif dan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam tenaga kerja.

⁰⁸ B40 (Terendah 40%) merujuk kepada kelompok 40% pendapatan terendah dengan pendapatan isi rumah di bawah RM4,849, M40 (Pertengahan 40%) pula mempunyai pendapatan isi rumah antara RM4,850 dan RM10,959. T20 (Teratas 20%) mempunyai pendapatan isi rumah RM10,961 dan ke atas - Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, DOSM.







INISIATIF

Demi mencapai visi ini, fokus akan diberikan kepada usaha untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam kerjaya berkemahiran tinggi, kualiti dan akses kepada pendidikan, dan kebolehpasaran modal insan Bumiputera. Bakat Bumiputera akan dilengkapi dengan inisiatif strategik sebagai pemangkin transformasi dalam bidang ekonomi yang dipilih.

Tema 1:

MENINGKATKAN PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM KERJAYA BERKEMAHIRAN TINGGI

Tenaga kerja yang mahir adalah asas kepada pembangunan ekonomi. Dalam memastikan Bumiputera tidak ketinggalan, Kerajaan akan memperkenalkan program pembangunan profesional untuk melengkapkan bakat Bumiputera dengan kemahiran dan keupayaan yang diperlukan. Ini termasuk peluang kerjaya berkemahiran tinggi melalui kerjasama strategik dengan pakar industri. Kelayakan daripada program tersebut akan meningkatkan potensi pendapatan dan pendapatan penengah bakat Bumiputera dengan ketara. Ini juga akan memberi mereka peluang untuk menyertai bidang kerja yang ditawarkan oleh syarikat antarabangsa. Pembangunan program seperti ini juga akan menghasilkan bakat profesional berkemahiran tinggi untuk memenuhi permintaan industri yang berkembang pesat seperti ekonomi digital, Kewangan Islam, industri maritim, dan industri yang dibentuk menerusi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Inisiatif
#1

Meningkatkan Penglibatan Bumiputera dalam Program Kemahiran Digital yang Sedia Ada

Inisiatif
#2

**Program Pembangunan
Kontraktor Pelabuhan**

Inisiatif
#3

**Pelayar Bumiputera Menjelajah
Dunia**

Inisiatif
#4

**Memperkasa Ekosistem
Kewangan Islam**

Inisiatif
#5

**Memperhebat Latihan dan
Pendidikan Teknikal dan
Vokasional (TVET) untuk Bakat
Bumiputera**

Tema 2:

MENINGKATKAN KUALITI DAN CAPAIAN PENDIDIKAN

Pendidikan adalah asas utama kepada masyarakat yang berpengetahuan, berfungsi, dan produktif. Peningkatan produktiviti dan kemakmuran sering dikaitkan dengan peningkatan kualiti dan capaian pendidikan. Dalam mencapai aspirasi WKB2030, sukatan pelajaran kebangsaan akan ditambah baik bagi merangkumkan modul celik kewangan, kursus pelbagai disiplin, dan program kemahiran insaniah untuk melengkapkan belia Malaysia dengan kemahiran yang diperlukan sebagai tenaga kerja masa hadapan. Pembangunan bakat Bumiputera khususnya daripada pendidikan awal kanak-kanak hingga pendidikan tinggi akan dikendalikan oleh Bumiputera CoE. Organisasi ini akan memainkan peranan penting dalam menyelaras bantuan kewangan dan latihan berdasarkan keperluan dan kelayakan. Selain itu, sistem

yang kukuh bagi membantu bakat Bumiputera dengan sokongan yang diperlukan sehingga mereka dapat menggunakan potensi mereka akan diberikan. Pembiayaan pendidikan sedia ada juga akan diberi nafas baharu dengan mengutamakan teknologi terkini dan termaju seperti analitik data raya, kecerdasan buatan (AI), dan robotik bagi mempersiapkan graduan Bumiputera untuk pekerjaan teknologi termaju di masa hadapan.

Inisiatif
#6

**Peluang dan Capaian Saksama
untuk Sumber Manusia
Bumiputera**

Inisiatif
#7

**Pusat Kecemerlangan
Bumiputera (CoE)**

Tema 3:

MEMPERHEBAT KEBOLEHPASARAN MODAL INSAN BUMIPUTERA

Dalam membantu Bumiputera menembusi pasaran kerja, Kerajaan akan menyediakan program pembangunan berasaskan kemahiran yang ditambah baik untuk meningkatkan keupayaan dan kelayakan mereka untuk memenuhi tuntutan kemahiran yang relevan demi pasaran pekerjaan global. Kursus TVET akan menawarkan program pensijilan profesional yang diiktiraf oleh institusi antarabangsa yang mempunyai hubungan rapat dengan industri. Program pensijilan ini bertujuan untuk melahirkan lebih ramai pakar dan usahawan Bumiputera dalam industri teknikal yang dikenal pasti. Bakat Bumiputera yang kalis perubahan masa hadapan juga akan ditekankan dalam tema ini, sejajar dengan latihan kemahiran untuk industri IR4.0 dan



trend mega. Melalui program peningkatan kemahiran dan pemahaman semula yang memupuk amalan pembelajaran sepanjang hayat, bakat Bumiputera akan berdaya tahan terhadap kesan ekonomi COVID-19.

Walaupun sekolah tahfiz dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pentauliah yang diperlukan oleh pelajar tahfiz bagi membolehkan mereka menembusi sistem pendidikan tinggi arus perdana diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Ini akan menjadi langkah penting untuk mendedahkan mereka kepada peluang melanjutkan kerjaya di dalam tenaga kerja formal setelah tamat pengajian. Langkah awal yang perlu diambil adalah untuk menambah sukatan pelajaran sedia ada untuk memenuhi syarat minimum pendidikan nasional bagi pentauliah.

Inisiatif
#8

**Memperkukuh Kebolehpasaran
Modal Insan Bumiputera**

Inisiatif
#9

**Merencanakan Laluan
Pendidikan dan Kerjaya untuk
Pelajar Tahfiz**

Inisiatif
#10

**Mempromosi Peluang
Pekerjaan yang Saksama di
dalam MNC, SOE dan Sektor
Swasta**

Tema 1:

MENINGKATKAN PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM KERJAYA BERKEMAHIRAN TINGGI

Inisiatif
#1

Meningkatkan Penglibatan
Bumiputera dalam Program
Kemahiran Digital yang Sedia
Ada

Rasional

Ekonomi digital terus memperoleh momentum perkembangan yang baik. Oleh itu, program pembangunan bakat memainkan peranan penting dalam memastikan wujudnya ekosistem yang dinamik dipelopori oleh produk digital canggih serta diselia oleh juruteknologi yang berkemahiran tinggi.

Pada tahun 2020, Malaysia berada di kedudukan ke-26 dalam Indeks Daya Saing Bakat Global - satu kedudukan di atas Korea Selatan, sementara negara jiran Singapura berada di tempat ketiga (ke-3). Kepentingan untuk mengetengahkan bakat Bumiputera dalam ekonomi digital digariskan dalam Laporan Pekerjaan Masa Depan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang menyatakan lapan (8) daripada 10 jawatan pekerjaan baharu muncul memerlukan kemahiran teknologi digital. Kedudukan ini merangkumi penganalisis data dan saintis, internet benda (IoT), pakar transformasi digital, dan pakar keselamatan siber.⁰⁹ Walaupun terdapat program pembangunan bakat sedia ada yang memenuhi permintaan ekonomi digital secara khusus, penyertaan Bumiputera dalam program ini perlu ditingkatkan. Di samping itu, tiada sistem untuk menjejak penyertaan Bumiputera ke dalam program ini.

Langkah Pelaksanaan

Di bawah inisiatif ini, program latihan kemahiran yang ditawarkan oleh pelbagai Agensi akan dipasarkan untuk menarik penyertaan Bumiputera. Peningkatan kapasiti Bumiputera akan difokuskan untuk mengatasi jurang kemahiran. Ia juga penting untuk memupuk dan melatih belia Bumiputera yang berbakat untuk menjadi pereka inovasi digital di masa hadapan.

Sebagai permulaan, langkah penilaian stok akan dilakukan untuk mengkatalog kesemua program latihan digital yang tersedia di pasaran. Seterusnya, portal aplikasi sehenti akan dibangunkan dan membolehkan analisis keperluan jurang kemahiran pemohon dijalankan. Seterusnya portal ini akan terus menyesuaikan kemampuan pemohon dengan program latihan digital yang tersedia mengikut keupayaan dan kemampuan asas mereka.

Portal ini bukan sahaja dapat mengumpulkan data mengenai bakat Bumiputera, tetapi juga dapat memantau penyertaan Bumiputera dalam program tersebut. Fungsi lain portal ini adalah untuk mempromosikan program latihan digital untuk menarik minat orang ramai dan memberi makluman mengenai pelbagai peluang yang ada untuk pertumbuhan ekonomi digital.

Pembiayaan

Jumlah pembiayaan sebanyak RM7.5 juta akan

digunakan untuk pembangunan dan operasi inisiatif ini.

Impak

Usaha menjejak dan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam program pembangunan bakat dalam kerjaya berkemahiran tinggi akan membolehkan pengumpulan bakat digital Bumiputera yang dapat mengambil bahagian dalam ekonomi digital. Keupayaan mereka juga dapat diperluas untuk mengubah sektor melalui teknologi dan pendekatan digital.

Inisiatif
#2

Program Pembangunan
Kontraktor Pelabuhan

Rasional

Pelabuhan Malaysia telah berkembang sejak beberapa tahun kebelakangan ini, sekali gus mewujudkan permintaan untuk perkhidmatan penyelenggaraan aset dan infrastruktur di pelabuhan tersebut. Walau bagaimanapun, bekalan kontraktor Bumiputera yang kompeten dalam industri penyelenggaraan pelabuhan masih lagi rendah terutamanya dalam aspek tenaga pakar dan memerlukan penambahbaikan dalam program peningkatan kapasiti. Ketidaksepadanan permintaan kemahiran dan penawaran tenaga kerja Bumiputera menunjukkan betapa perlunya pembentukan program pembangunan yang melatih kontraktor Bumiputera yang mahir dalam perkhidmatan penyelenggaraan pelabuhan.

Langkah Pelaksanaan

Usaha pembangunan kapasiti akan dimulakan terlebih dahulu dengan menubuhkan badan latihan untuk menempatkan Program Pembangunan Kontraktor Bumiputera yang akan memberi fokus kepada penyelenggaraan pelabuhan. Kepakaran jurutera pelabuhan sambilan akan terlibat dalam inisiatif ini sebagai pelatih. Inisiatif ini akan dijalankan dengan potensi untuk bekerjasama dengan sekurang-kurangnya tujuh (7) pelabuhan persekutuan di seluruh negara. Melalui usaha berterusan pelbagai pihak, pangkalan data kontraktor dan jurutera Bumiputera

juga akan dibina dalam memberi panduan untuk membuat keputusan semasa program berjalan.

Kesan jangka panjang bagi Program Pembangunan Kontraktor Bumiputera akan membolehkan kontraktor Bumiputera mendapat pengetahuan khusus, meningkatkan kemahiran, dan mempunyai peluang pekerjaan dengan syarikat dari luar negara. Lulusan program ini akan mempunyai kepakaran yang lebih baik, seterusnya akan membantu meningkatkan gaji penengah pekerja Bumiputera.

Pembiayaan

Dalam mewujudkan bekalan kontraktor Bumiputera yang lebih tinggi, pelaburan sebanyak RM8.32 juta akan diperlukan. Dana tersebut akan dikhaskan untuk membangun dan memudah cara program latihan. Ia juga akan digunakan untuk melengkapkan pusat latihan dengan peralatan dan kemudahan yang diperlukan.

Impak

Penyertaan Bumiputera dalam industri ini akan meningkat melalui penciptaan peluang pekerjaan hasil daripada penubuhan pusat latihan. Bakat Bumiputera akan dapat mengambil peranan sebagai pelatih, manakala mereka yang menjalani latihan akan dianggap sebagai tenaga mahir dan kontraktor. Kontraktor dan pekerja Bumiputera akan terlibat dalam sekurang-kurangnya 30% kerja-kerja penyelenggaraan pelabuhan. Ini akan membolehkan sumbangan Lebihan Kendalian Kasar (GOS) bernilai RM0.5 juta kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2030.

⁰⁹ Laporan Pekerjaan Masa Depan 2020, Forum Ekonomi Dunia (WEF)

**Inisiatif
#3**
**Pelayar Bumiputera Menjelajah
Dunia**

Rasional

Akibat kesan globalisasi yang mempengaruhi dunia pekerjaan, kepentingan penyertaan pelayar Bumiputera ke dalam industri maritim global menjadi semakin penting. Pelayar Bumiputera akan dipromosikan ke pasaran global melalui pembangunan modal insan yang telah dikenal pasti sebagai pemacu perubahan yang akan menjadi pemangkin kepada impak dalam aspirasi nasional seperti yang digariskan dalam WKB2030.

Langkah Pelaksanaan

Usaha sama untuk meningkatkan pendapatan Bumiputera menjelang 2030 oleh TERAJU dan institusi berkaitan boleh dicapai dengan memastikan pelayar Bumiputera dilengkapi dengan kemahiran untuk berkhidmat di peringkat antarabangsa. Pada masa ini, gaji tahunan purata pelayar pada peringkat permulaan di Malaysia adalah RM42,578 tetapi dianggarkan meningkat 21% kepada RM68,746 dalam lima (5) tahun akan datang. Unjuran kenaikan gaji ini, tidak hanya menunjukkan potensi inisiatif ini, bahkan tepat dengan tempoh pelaksanaan inisiatif yang mensasarkan penempatan 500 pegawai dan jurutera kapal yang berpengalaman ke pasaran global menjelang tahun 2025.

Sehingga kini, institusi maritim tempatan mempunyai kemampuan untuk menghasilkan lebih daripada 1,000 penilaian dek dan penilaian enjin kepada pegawai dan jurutera setiap tahun. Lulusan ini memerlukan peningkatan dan perakuan lanjut untuk menjadi pegawai kapal dan jurutera yang memiliki Sijil Perakuan Kekompetenan (*Certificate of Competency* – COC) WKO dan WKE, serta kelulusan dalam Ujian Modular dan Modul Komunikasi Maritim. Dalam memastikan peningkatan kemahiran dan program pensijilan yang relevan mengikut keperluan industri, Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPPL) akan bekerjasama dengan pihak berkepentingan utama lain termasuk TERAJU, Kementerian

Pengangkutan Malaysia (MOT), Kementerian Sumber Manusia (MOHR), Unit Perancang Ekonomi (EPU), dan institusi maritim di seluruh Malaysia.

Pembiayaan

Pelaksanaan inisiatif ini akan disokong dengan pelaburan sebanyak RM7.88 juta untuk membiayai kos sijil perakuan penilaian dek kepada pegawai dan kos sijil penilaian enjin kepada jurutera serta program lain untuk meningkatkan kemahiran pegawai dan jurutera kapal.

Impak

Peningkatan kemahiran pelayar Bumiputera akan memberi kesan langsung kepada peningkatan gaji pegawai dan jurutera, serta mengurangkan kebergantungan kepada 6,000 pelayar asing yang terdapat di Malaysia. Kerjaya ini adalah salah satu jalan untuk meningkatkan gaji penengah buruh Bumiputera. Bumiputera dalam bidang ini akan memperoleh gaji bulanan minimum RM3,548 berbanding dengan gaji bulanan purata mereka sekarang iaitu RM1,500 melalui program peningkatan kemahiran dan pensijilan.¹⁰ Menjelang tahun 2025, program ini akan menghasilkan 500 pegawai dan jurutera kapal Bumiputera berpangkat tinggi yang dilengkapi dengan pentauliahan yang memenuhi permintaan pasaran antarabangsa.

**Inisiatif
#4**
**Memperkasa Ekosistem
Kewangan Islam**

Rasional

Peningkatan permintaan untuk Industri Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSI) di seluruh dunia telah menghasilkan anggaran nilai aset melebihi ASD1 trilion pada tahun 2023 di Asia sahaja. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan dan badan kawal selia di seluruh dunia, yang terus menggalakkan pertumbuhan industri.¹¹ Walaupun Malaysia merupakan antara negara yang menyediakan peluang pekerjaan kepada IFSI, namun kekurangan bakat adalah penghalang untuk pekerja Bumiputera untuk

mendapatkan tempat di dalam industri ini. Di samping itu, landskap industri ini terus berkembang dengan peraturan yang lebih ketat, kemajuan teknologi, dan revolusi gaya kerja digital. Komitmen Kerajaan untuk memperluas penyertaan Bumiputera dalam industri ini ditekankan dengan mengenal pasti Hab Kewangan Islam 2.0 (KEGA4) sebagai salah satu KEGA di bawah WKB2030.

Langkah Pelaksanaan

Secara keseluruhan, inisiatif untuk meningkatkan dan menyusun golongan profesional Bumiputera untuk memperkasa ekosistem Kewangan Islam, yang juga dipacu oleh KEGA4, akan memerlukan komitmen daripada pelbagai pakar industri. Melalui 3 program pembangunan modal insan khas, kumpulan profesional Kewangan Islam yang kompeten akan dikembangkan untuk memenuhi permintaan pasaran IFSI yang semakin meningkat. Dalam memenuhi permintaan pasaran berkaitan tenaga kerja dan kompetensi, institusi Kewangan Islam, persatuan Takaful, perbankan Islam, dan

Jadual 1: Penyelarasan Program Pembangunan dengan Objektif Program Pembangunan Kewangan Islam

Program Pembangunan Peningkatan Kemahiran dan Pemahiran Semula bagi Memperkasa Ekosistem Kewangan Islam	Objektif Program Pembangunan Kewangan Islam		
	Membangunkan Perniagaan Bumiputera dalam Pelbagai Industri	Meningkatkan Jumlah Pengamal Bumiputera Berkemahiran dalam IFSI	Meningkatkan Kadar Penembusan Takaful di Malaysia
Program Pembangunan Ejen Takaful Profesional	✓	✓	✓
Program Pembangunan Profesional		✓	
Program Pembangunan Usahawan	✓		

pengendali Takaful akan terlibat untuk mendapatkan kepakaran industri. Institusi ini akan bersama-sama menawarkan Program Pembangunan Ejen Profesional Takaful, Program Pembangunan Profesional, dan Program Pembangunan Usahawan.

Peserta yang didaftarkan di bawah program pembangunan ini akan diberi peluang untuk meningkatkan kemahiran termasuk *design thinking*, pemasaran digital, dan blok rantai untuk teknologi kewangan. Selain itu, fokus kepada Kewangan Islam sebagai KEGA telah membolehkan setiap program pembangunan dapat dirancang agar dapat berfungsi seiring dengan inisiatif Kerajaan.

Program Pembangunan Ejen Profesional Takaful

Program ini bertujuan untuk melahirkan ejen Takaful berkemahiran serta *techpreneur* yang mempunyai pengetahuan kukuh dalam perniagaan Takaful; dilengkapi dengan kemahiran teknologi; dan didorong oleh pemikiran keusahawanan yang membolehkan mereka menceburkan diri dalam ekonomi teknologi kewangan (*fintech*) sekali gus memenuhi permintaan buruh dalam pasaran IFSI. Ini bukan sahaja akan mendorong peningkatan bilangan pengamal Takaful Bumiputera yang mahir di dalam industri, tetapi juga akan meningkatkan peluang untuk menembusi pasaran Takaful di Malaysia, dan mengembangkan perusahaan Bumiputera dalam industri Takaful.

Program Pembangunan Ejen Profesional Takaful merangkumi 3 peringkat. Pada peringkat permulaan, peserta perlu menghadiri sesi latihan selama 15 hari yang akan dilaksanakan oleh institusi Kewangan Islam swasta di bawah *Takaful + Support Programme*. Modul dalam tempoh ini merangkumi Asas Syariah untuk Perniagaan Takaful, Etika dan Profesionalisme, Operasi Perniagaan Takaful, Produk Takaful I & II, Pemasaran Produk Takaful, *Design Thinking*, dan blok rantai untuk perniagaan. Di samping latihan yang akan diberikan oleh fakulti dan alumni, peserta juga

¹⁰ Jabatan Laut Malaysia (JLM); Jobstreet

¹¹ Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia

akan dilatih oleh pengamal industri dan pakar teknologi. Setelah menamatkan latihan, para peserta akan menduduki Peperiksaan Asas Takaful yang dikendalikan oleh Persatuan Takaful Malaysia (MTA). Peserta yang berjaya menamatkan program pembangunan ini akan diserap untuk menyertai Organisasi Takaful sebagai Ejen Takaful.

Inisiatif ini mensasarkan seramai 100 pengamal Takaful Bumiputera mahir menjelang tahun 2023.

Rajah 2: Program Pembangunan Ejen Profesional Takaful



Program Pembangunan Profesional

Program Pembangunan Profesional akan membantu Kerajaan untuk mencapai matlamat meningkatkan bilangan pengamal Bumiputera yang mahir dalam industri Kewangan Islam, terutama mereka yang diiktiraf dengan Sijil Profesional dalam Kewangan Islam (PCIF).

Program ini akan menawarkan kursus dengan pengkhususan dalam Perbankan Islam, Pasaran Modal Islam, Pengurusan Kekayaan, Syariah serta Audit dan Pematuhan Syariah, bagi memastikan bakat Bumiputera masa depan dilengkapi dengan pengetahuan holistik mengenai industri.

Program Pembangunan Usahawan

Program Pembangunan Usahawan bertujuan untuk menghasilkan tenaga profesional IFSI yang mahir dengan teknologi dan mempunyai kemahiran pengurusan perniagaan yang unggul. Peserta program pembangunan ini akan dipilih dalam kalangan mereka yang telah berdaftar dalam Program Pembangunan Ejen Profesional Takaful dan Program Pembangunan Profesional dengan kecenderungan untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Program Pembangunan Usahawan mendorong perusahaan Bumiputera untuk berkembang dalam pelbagai bidang, khususnya; teknologi kewangan, keusahawanan sosial, dan pertanian.

Pembiayaan

Inisiatif ini akan dilaksanakan dengan sokongan pelaburan sebanyak RM9.12 juta pada tahun 2030. Pembiayaan ini akan digunakan untuk operasi program pembangunan, pembiayaan latihan dan yuran kejurulatihan.

Impak

960 pelatih telah disasarkan untuk memperoleh kelulusan daripada Program Pembangunan Ejen Profesional Takaful, Program Pembangunan Profesional, atau Program Pembangunan Usahawan pada tahun 2030. Selain itu, 1,200 sarjana Islam profesional akan dihasilkan melalui inisiatif ini menjelang tahun 2030.

Inisiatif
#5

Memperhebat Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk Bakat Bumiputera

Rasional

Inovasi teknologi ekonomi digital yang terhasil lantaran ledakan IR4.0, sentiasa mendesak perubahan menjangkau batas arus pemodenan. Kesan jangka masa panjang disebabkan oleh teknologi baharu dapat dirasakan dalam dunia pekerjaan khususnya daripada aspek kemahiran yang diperlukan oleh industri. Program pembangunan, peningkatan kemahiran, dan pemahiran

semula dirancang untuk mempersiapkan tenaga kerja Malaysia terutamanya bakat Bumiputera dengan kelayakan dan pengetahuan yang diperlukan bagi memastikan mereka berdaya saing dalam pasaran pekerjaan IR4.0. Sasaran ini turut ditekankan dalam WKB2030 untuk mencapai pengagihan kekayaan yang adil, berfokuskan kepada keusahawanan modal insan dan pemilikan kekayaan dengan memperkasa ekosistem TVET Malaysia.

Usaha Kerajaan dalam mengenal pasti keperluan usaha sama antara penggubal kurikulum dan industri dalam memenuhi tuntutan kemahiran teknikal vokasional telah membantu mengembangkan ekosistem TVET yang kini semakin mendapat sambutan dan menjadi pilihan utama. Inisiatif ini akan membentuk tenaga kerja yang terdiri daripada sekurang-kurangnya 35% pekerja berkemahiran tinggi seiring dengan sasaran WKB2030.

Selain itu, TPB2030 juga bertindak bagi menangani impak COVID-19 terhadap peluang pekerjaan melalui peningkatan kemahiran. Pemerksaan TVET memainkan peranan penting dalam pemulihan pekerjaan pasca pandemik kerana ia memudahkan pengekalan pekerjaan, penciptaan pekerjaan baharu, serta peningkatan kemahiran dan pemahiran semula pekerja. Proses pemulihan juga memerlukan program pembinaan kemahiran yang akan menyumbang kepada pemulihan ekonomi.

Langkah Pelaksanaan

Objektif Program Pembangunan Profesional adalah untuk menghasilkan tenaga kerja Bumiputera yang kompeten secara teknikal dalam industri Automotif (Hibrid dan Am), Kimpalan, dan Pemesin, seterusnya meningkatkan jumlah tenaga mahir dalam industri tersebut. Program pembangunan ini juga akan mendorong pekerja mahir dengan kemahiran keusahawanan untuk membolehkan dan mempercepat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera mencapai sasaran.

Terdapat 2 program latihan yang ditawarkan di bawah Program Pembangunan Profesional yang bersesuaian dengan kehendak industri. Program-program ini akan dikaji semula setiap 2 tahun, selari dengan permintaan pasaran dan kemajuan teknologi.

Rajah 3: Jenis Program Kemahiran

Program Latihan Peningkatan Kemahiran / Pemahiran Semula

Industri	Program Latihan Peningkatan Kemahiran / Pemahiran Semula
Automotif (Hibrid)	Sijil Profesional dalam <i>Hybrid Technology</i> dari Institute of the Motor Industry (IMI), United Kingdom (UK)
Kimpalan	Sijil Profesional dalam <i>6G Shielded Metal Arc Welding (SMAW)</i> dari Lloyd's Register, UK

Program Latihan Kemahiran

Industri	Program Latihan Kemahiran
Automotif (Am)	Sijil Profesional dalam <i>Light Vehicle Maintenance</i> dari IMI, UK
Pemesin	Industri Pemesin: Juruteknik Pengilangan CNC Dengan Sijil Profesional Mastercam[1] [ASMZ2]



Kotak Maklumat 4: Perincian Program Pembangunan Profesional

Pensijilan Automotif Hibrid

Program Latihan Peningkatan Kemahiran/ Pemahiran Semula ini yang disasarkan kepada pekerja industri automotif yang sedia ada. Objektifnya adalah bagi mewujudkan pekerja dengan kemahiran dan kecekapan yang mantap dalam Teknologi Hibrid bagi memenuhi permintaan industri untuk kemahiran dan tenaga kerja. Program selama 3 bulan ini dijalankan dengan kerjasama IMI, UK. Peserta yang menamatkan program ini akan memperoleh pengiktirafan Sijil Profesional dalam Teknologi Hibrid.

Pensijilan Automotif Am

Program Latihan Kemahiran ini bertujuan untuk menghasilkan profesional dan pekerja yang berkelayakan untuk industri automotif. Objektifnya adalah untuk mewujudkan pekerja dengan kemahiran dan kecekapan yang baik dalam Servis Kenderaan Ringan agar sesuai dengan permintaan industri. Program selama 6 bulan ini dijalankan dengan kerjasama IMI, UK. Peserta yang menyelesaikan program ini akan mendapat pengiktirafan Sijil Profesional dalam Servis Kenderaan Ringan.

Pensijilan Kimpalan

Program Latihan Peningkatan Kemahiran/ Pemahiran Semula yang disasarkan kepada pekerja yang berpengalaman dalam industri

kimpalan; termasuk minyak dan gas, fabrikasi, dan pembuatan. Objektifnya adalah untuk mewujudkan pekerja dengan kemahiran dan kecekapan yang mantap dalam kimpalan agar sesuai dengan permintaan Industri. Program selama 3 bulan ini dijalankan dengan kerjasama LLoyd's Register, UK. Peserta yang menamatkan program ini akan mendapat pengiktirafan Sijil Profesional dalam *6G Shielded Metal Arc Welding (SMAW) (AWS D1.1: 2010)*.

Pensijilan Juruteknik Pembuatan

Program Latihan Kemahiran yang akan melahirkan profesional dan pekerja yang berkelayakan dalam industri pembuatan. Objektif program ini adalah untuk mewujudkan pekerja dengan kemahiran dan kecekapan yang kukuh dalam pembuatan agar sesuai dengan permintaan industri untuk kemahiran dan tenaga kerja. Program selama 3 bulan ini dijalankan dengan kerjasama Mastercam, Malaysia. Peserta yang menamatkan program ini akan mendapat pengiktirafan Sijil Profesional dalam Sijil Mastercam Associate.

Pembiayaan

Inisiatif TVET memerlukan dana sejumlah RM173.95 juta hingga tahun 2030. Dana ini akan untuk disalurkan ke arah peningkatan dan pemahiran semula profesional dalam industri Automotif (Hibrid dan Am), Kimpalan, dan Pemesin.

Impak

13,000 Cendekiawan Pembangunan Profesional berpotensi dihasilkan menjelang tahun 2030. Lulusan program pembangunan akan diserap ke laluan yang berbeza untuk

menangani pemulihan ekonomi dalam pendekatan pelbagai aspek; 60% akan diserap ke dalam pekerjaan, 20% akan menjadi usahawan, dan 20% akan mendapatkan pendidikan tinggi. Kerjasama konsortium pihak berkepentingan utama daripada setiap industri yang diketuai oleh Kementerian Sumber Manusia (MOHR) dan akademi latihan pendidikan vokasional adalah penting dalam memastikan keberhasilan inisiatif ini.

Tema 2:

MENINGKATKAN KUALITI DAN CAPAIAN PENDIDIKAN

Inisiatif
#6

Peluang dan Capaian Saksama
untuk Sumber Manusia
Bumiputera

Rasional

Bakat Bumiputera daripada pelbagai latar belakang ekonomi dan pendidikan akan diperkasa melalui peluang yang setara dalam pendidikan dan pekerjaan yang berkualiti di semua peringkat. Pada masa yang sama, inisiatif ini bermatlamat untuk mengurangkan kebergantungan kepada pembiayaan pendidikan Kerajaan, melalui pendekatan pemberian bantuan mengikut keperluan. Inisiatif ini bertujuan untuk melatih Bumiputera

yang berkebolehan sejak dari awal. Inisiatif ini akan bertindak sebagai *mentor* kepada bakat Bumiputera untuk maju ke tahap pekerjaan yang lebih baik dengan gaji yang lebih tinggi, sekali gus menambah baik status sosioekonomi Bumiputera, sejajar dengan WKB2030 dan RMKe-12.

Langkah Pelaksanaan

YPPB dan TERAJU akan mengetuai kerjasama dengan pihak berkepentingan utama, iaitu; Yayasan Pendidikan MARA (YPM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), KPM, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), EPU, KPT, dan Bank Negara Malaysia (BNM).

Pelaburan dalam program pengkhususan kepada empat (4) tonggak inisiatif berikut: Celik Kewangan, Kursus Pelbagai Disiplin, Bantuan Pendidikan, dan Sekolah Asrama Swasta.

Pembiayaan

Dalam memastikan akses Bumiputera kepada pendidikan dan bantuan pendidikan yang berkualiti, sejumlah RM11 juta akan dilaburkan. Dana dan pembiayaan akan disuntik untuk memasukkan sukatan pelajaran berkenaan celik



Celik Kewangan

Pada masa ini, rakyat Malaysia secara amnya mempunyai pengetahuan kewangan yang rendah.¹²

Satu (1) daripada 3 orang menilai diri mereka mempunyai pengetahuan kewangan yang rendah. Golongan yang mempunyai masalah kewangan peribadi terdedah kepada risiko kewangan, meskipun pada usia muda. Program Celik Kewangan akan memupuk budaya celik kewangan, pemikiran kritis, dan kemahiran insaniah di dalam pendidikan rendah dan menengah. Usaha ini akan memastikan belia Malaysia terutamanya Bumiputera akan lebih berhemah dalam pengurusan kewangan dan bersedia dengan pelbagai risiko kewangan pada masa hadapan.

Kursus Pelbagai Disiplin

Ekonomi yang sentiasa berkembang memberikan cabaran yang belum pernah terjadi sebelumnya terutamanya kepada bakat Bumiputera dalam mendapatkan pekerjaan yang diidamkan. Oleh itu, bakat Bumiputera perlu mempunyai sifat dinamik dan dilengkapi dengan kemahiran pelbagai disiplin yang dapat menyelesaikan masalah dengan berkesan dalam pelbagai bidang. Kursus dan modul latihan pelbagai disiplin, termasuk keusahawanan serta kemahiran insaniah dan teknikal, akan dirangkumkan dalam sukatan pelajaran arus perdana bagi melengkapkan graduan Bumiputera dengan kemahiran yang pelbagai yang diperlukan untuk terus berdaya saing dalam pasaran pekerjaan hari ini.

Bantuan Pendidikan

Skim pembiayaan pendidikan sedia ada biasanya diberikan kepada pelajar yang mengikuti kursus seperti bidang subjek perakaunan, undang-undang, sains, teknologi, kejuruteraan, dan

matematik (STEM), dan perubatan. Walau bagaimanapun, bakat Bumiputera perlu memperoleh kelayakan yang relevan sesuai dengan tuntutan masa depan industri bagi meningkatkan potensi mereka mendapatkan pekerjaan. Oleh itu, kelayakan bagi skim bantuan yang ditawarkan perlu diukur semula mengikut bidang yang mendapat permintaan tinggi bersesuaian dengan trend IR4.0, seperti pembuatan termaju, analitik data raya, robotik, dan AI. Melalui TPB2030, program bantuan pendidikan untuk kursus kemahiran dan profesional dalam bidang pertumbuhan baharu akan ditingkatkan untuk memastikan kebolehpasaran graduan Bumiputera di masa hadapan dan membolehkan mereka memberi sumbangan aktif terhadap aspirasi negara.

Menubuhkan Sekolah Berasrama Swasta

Kerajaan berhasrat untuk menempatkan semula sebahagian besar kekosongan di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dengan membuka peluang kepada pelajar daripada isi rumah B40. Pengagihan ini memerlukan penyusunan semula kerana masih akan wujud permintaan untuk kualiti pendidikan yang disediakan di MRSM untuk pelajar daripada isi rumah M40 dan T20. Bagi memenuhi permintaan ini dan sekaligus mengurangkan bebanan kewangan Kerajaan, 5 MRSM swasta akan diwujudkan menjelang 2030 untuk membolehkan pelajar daripada isi rumah M40¹³ dan T20¹⁴ menghadiri sekolah berasrama penuh yang dikendalikan oleh Kerajaan dengan harga yang sederhana. Dengan persaingan yang semakin berkurangan, lebih banyak pelajar daripada isi rumah B40 akan dapat mengikuti program di MRSM dengan subsidi penuh. Inisiatif ini akan memperkukuh potensi belia Malaysia, tanpa mengira latar belakang ekonomi mereka, dengan meningkatkan kesamarataan dan akses kepada pendidikan berkualiti.

kewangan ke dalam kurikulum kebangsaan dan penganjuran program kesedaran. Sebilangan besar pelaburan akan digunakan untuk menubuhkan 5 sekolah MRSM swasta, sementara dana selebihnya akan merangkumi

kos pengoperasian program, mewujudkan skim bantuan pendidikan yang ditambah baik, serta membangun dan memasukkan kursus pelbagai disiplin ke dalam kurikulum kebangsaan.

Impak

Bakat Bumiputera daripada pelbagai latar belakang kewangan dan pendidikan akses pendidikan yang sama terhadap pendidikan dan bantuan yang berkualiti, bergantung kepada keperluan dan kebolehan mereka.

Inisiatif
#7

Pusat Kecemerlangan
Bumiputera (CoE)

Rasional

Pusat Kecemerlangan Bumiputera (CoE) akan ditubuhkan sebagai pusat untuk memantau perkembangan bakat Bumiputera daripada pendidikan awal hingga pendidikan tinggi serta menyelaraskan bantuan kewangan dan latihan berdasarkan keperluan dan kelayakan. Inisiatif ini menyediakan pusat sehati yang menerapkan pendekatan yang saksama untuk menyokong bakat Bumiputera dalam memaksimumkan potensi mereka. Pada masa ini, penaja awam dan swasta menawarkan program bantuan secara bebas dan sering disasarkan kepada pelajar pada tahap pendidikan tertentu. Oleh itu, wujud keperluan untuk satu pusat yang bersepadu bagi menyelaraskan pelbagai program bantuan kewangan yang ditawarkan kepada pelajar Bumiputera bagi memudahkan usaha mengenal pasti dan menyampaikan bantuan kepada bakal penerima.

Terdapat banyak program pengembangan bakat yang memfokuskan kepada tahap pendidikan tertentu. Sebagai contoh, sebuah CoE mengenal pasti pelajar yang cemerlang pada peringkat sekolah rendah dan menawarkan bantuan kewangan serta program pembangunan bakat, tetapi terhad sehingga ke peringkat sekolah menengah. Disebabkan sifat program yang tidak bersepadu, sukar untuk menilai proses kemajuan ke tahap pendidikan seterusnya. Selain itu, penubuhan pusat bersepadu ini juga akan dapat menangani isu kekurangan perkongsian pengetahuan antara institusi-institusi ini di samping mewujudkan amalan terbaik pendidikan kepada bakat Bumiputera. Kewujudan kedua-dua fungsi di bawah satu (1) pusat akan memperkemas usaha untuk memaksimumkan potensi Bumiputera.

Langkah Pelaksanaan

Salah satu fungsi utama CoE Bumiputera adalah untuk memusatkan semua bantuan kewangan yang ditawarkan kepada pelajar Bumiputera. CoE ini akan menyelaras bantuan kewangan yang ditawarkan kepada pelajar Bumiputera daripada penaja awam dan swasta di samping bertanggungjawab untuk memperkenalkan sumber-sumber baharu pembiayaan biasiswa seperti zakat, wakaf, atau pendanaan awam (*crowdfunding*).

Peranan lain yang akan dimainkan oleh CoE Bumiputera adalah untuk mengenal pasti dan memupuk perkembangan bakat Bumiputera bermula daripada peringkat awal kanak-kanak hingga ke peringkat pengajian tinggi. CoE akan mengenal pasti, memantau, dan mengesan kemajuan bakat Bumiputera yang berpotensi tinggi sehingga mereka dapat diberikan peluang dan bantuan terbaik, sesuai dengan keperluan dan kelayakan mereka. CoE juga akan menggabungkan dan berkongsi amalan pengajaran terbaik melalui program latihan dan sesi perkongsian rakan sebaya. Pengurusan bakat Bumiputera, program pembangunan, dan bantuan kewangan yang lebih baik melalui rangka kerja yang diselaraskan akan memastikan bakat Bumiputera muncul sebagai tenaga pekerja yang berdaya saing.

Pembiayaan

Pelaburan bernilai RM104 juta telah dikenal pasti untuk menubuhkan CoE Bumiputera. Ini termasuk kos untuk mengembangkan dan menjalankan operasi program pemupukan bakat serta mewujudkan dana biasiswa.

¹² *Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Strategi Literasi Kewangan 2019-2023*

¹³ *B40 (Terendah 40%) merujuk kepada kelompok 40% pendapatan terendah dengan pendapatan isi rumah di bawah RM4,849, M40 (Pertengahan 40%) pula mempunyai pendapatan isi rumah antara RM4,850 dan RM10,959. T20 (Teratas 20%) mempunyai pendapatan isi rumah RM10,961 dan ke atas - Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, DOSM.*

¹⁴ *Ibid*

Impak

Bumiputera yang berbakat dan berpotensi tinggi dapat dikenal pasti dan dipupuk sejak usia yang sangat muda dan akan diberi akses serta peluang terbaik bagi mencapai potensi mereka yang sebenar sebenarnya melalui jalan yang disediakan. Sumber tambahan daripada zakat, wakaf, atau pendanaan awam (*crowdfunding*) akan meningkatkan dana peruntukan biasiswa sedia ada oleh Kerajaan dan seterusnya memperluas dan mempelbagaikan penerima bantuan kewangan.

Tema 3:

MEMPERHEBAT KEBOLEHPASARAN MODAL INSAN BUMIPUTERA

Inisiatif

#8

Memperkukuh Kebolehpasaran
Modal Insan Bumiputera

Rasional

Bakat Bumiputera perlu menerima perubahan teknologi seiring dengan penerimgunaan di peringkat industri agar kekal berdaya saing untuk memenuhi pasaran kerja. Kebolehpasaran graduan TVET yang semakin meningkat mengikut permintaan yang tinggi oleh majikan, dan telah merubah persepsi negatif terhadap TVET sebagai pilihan kerjaya kelas kedua oleh belia dan ibu bapa secara beransur-ansur.

Dalam situasi semasa, keraguan yang wujud dalam kalangan belia dan ibu bapa terhadap TVET berpunca daripada stigma bahawa ia adalah alternatif kepada pendidikan akademik arus perdana di institusi pengajian tinggi bagi pelajar yang kurang berminat dengan aliran akademik biasa. Walaupun pelaksanaan sistem akreditasi tunggal adalah tidak selari,

namun, penjenamaan TVET sebagai pilihan kerjaya masih mempunyai banyak ruang untuk diperbaiki. Antaranya ialah dengan memperluas program latihan berstruktur TVET dengan perakuan antarabangsa dan industri yang diperakui oleh majikan pekerja akan menjayakan usaha memerangi persepsi negatif berkaitan TVET.

IR4.0 sedang bergerak ke hadapan dan tenaga kerja harus bersiap siaga untuk menyesuaikan diri dengan kemajuan teknologi dan trend mega yang akan datang. Terdapat penambahbaikan yang perlu dilakukan terhadap keupayaan tenaga kerja Malaysia oleh pemain industri dan institusi latihan TVET melalui jalinan hubungan kerja strategik yang erat bagi memudahkan pemindahan pengetahuan dan perkongsian sumber. Program latihan akan dimudahkan dan dipergiatkan digiatkan bagi menyesaikannya dengan keperluan KEGA.

Langkah Pelaksanaan

Kursus TVET akan merangkumi sijil profesional oleh institusi antarabangsa dan pihak industri untuk membangunkan pakar dan usahawan Bumiputera dalam bidang vokasional tertentu. Ini bagi memastikan tenaga kerja Bumiputera daripada semua peringkat umur, latar belakang ekonomi, dan akademik dilengkapi dengan kebolehan serta kemahiran. Bakat Bumiputera juga akan kalis perubahan masa hadapan melalui latihan kemahiran dalam IR4.0 dan trend mega. Program peningkatan kemahiran dan pemahiran semula akan membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan setelah berakhirnya cabaran pandemik, sekali gus memastikan pembelajaran sepanjang hayat bagi pekerja untuk mengekalkan kelebihan daya saing mereka.








Dalam menilai semula kemahiran dan kelayakan yang diutamakan, ia memerlukan kerjasama yang sistematik daripada pihak berkepentingan. MOHR akan mengetuai usaha ini, dengan sokongan Majlis Amanah Rakyat (MARA), KPM, institusi TVET, KBS, YPPB, dan KPT.

Menjenamakan semula TVET sebagai Laluan Kerjaya Pilihan

Terdapat 3 komponen untuk inisiatif ini. Pertama adalah memperkukuh dan memperluas kursus

TVET dengan merangkumkan program pensijilan profesional oleh institusi antara-bangsa dan pihak industri. Usaha penjenamaan akan disertakan dengan akreditasi yang diperakui program pembangunan profesional. Program-program ini akan berfungsi untuk menghasilkan Bumiputera yang berkelayakan secara teknikal dalam bidang vokasional tertentu, dan membolehkan mereka menjadi pakar serta usahawan dalam industri masing-masing. Penawaran kursus TVET tahap tinggi kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan belia yang menganggur akan menyediakan pilihan kepada mereka memperoleh jawatan berkemahiran dan bernilai tinggi yang diperlukan untuk IR4.0. Dengan ekosistem TVET yang dinamik, tenaga kerja Bumiputera akan bersedia memasuki pasaran, dilengkapi dengan kelayakan dan kemahiran yang diperlukan oleh ekonomi masa depan. TPB2030 akan menyokong pelbagai usaha sedia ada dilaksanakan Kerajaan yang menjurus ke arah meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET melalui inisiatif yang ditunjukkan dalam Rajah 6. Peningkatan inisiatif ini akan memastikan bahawa graduan TVET terutamanya bakat Bumiputera dianggap sebagai pilihan utama tenaga mahir yang berdaya saing.

Rajah 6: Inisiatif untuk Memperhebat Kebolehpasaran Modal Insan Bumiputera

1	 Menawarkan jurusan TVET dengan kerjasama industri bagi belia yang keciciran sekolah dan belia menganggur untuk menjadikan graduan bersedia dengan industri
2	 Mengembangkan struktur program latihan TVET dengan sijil pengiktirafan antarabangsa dan industri melalui institusi latihan berasaskan kemahiran
3	 Memperhebat latihan kepada kerja berkemahiran yang selari dengan IR4.0 dan trend mega melalui kerjasama strategik dengan industri
4	 MARA akan mengetuai dan membangunkan set kemahiran baharu kepada belia lepasan SPM berdasarkan keperluan pasaran kerja masa hadapan
5	 Menawarkan kursus jangka masa pendek dengan kerjasama universiti terkemuka dunia bagi menyediakan pelajar dan pekerja Bumiputera dengan pengiktirafan antarabangsa
6	 Menggalakkan majikan untuk menawarkan insentif pendidikan kepada pekerja yang menjalani pembelajaran sepanjang hayat, peningkatan kemahiran dan pemahiran semula serta program latihan pelbagai kemahiran untuk ekonomi baharu
7	 Menggalakkan modal insan Bumiputera meneroka peluang pekerjaan serantau dan global

Bagi menyelaraskan inisiatif ini dengan industri KEGA yang dikenal pasti, penekanan harus diberikan dalam mendukung dan meningkatkan program TVET sedia ada yang dijalankan oleh KPT dengan kerjasama industri yang kukuh. Bantuan kewangan juga berfungsi sebagai insentif untuk menyertai kursus-kursus yang memfokuskan kepada program peningkatan kemahiran dan pemahiran semula, serta pembangunan lebih banyak program TVET yang mencerminkan tuntutan industri KEGA yang dikenal pasti.

Rajah 7: Program TVET yang Berpotensi untuk KEGA

Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA)	Program TVET yang Berpotensi
Pertanian dan Komoditi	<ul style="list-style-type: none"> Sijil Latihan Tanaman Pertanian Sijil Latihan Ternakan Industri Tani Sijil Latihan Unggas Tani Industri Latihan Teknologi Mekanisasi Pertanian Akuakultur Hortikultur
Ekonomi Digital	<ul style="list-style-type: none"> Sistem dan Rangkaian Komputer Multimedia dan Animasi Kreatif Reka Bentuk Grafik dan Media Cetak Sistem Maklumat Pengurusan dan Aplikasi Pangkalan Data
Hab Halal dan Makanan	<ul style="list-style-type: none"> Sijil Latihan Pembuatan Makanan
Hab Kewangan Islam 2.0	<ul style="list-style-type: none"> Insurans

Logistik, Pengangkutan & Mobiliti Lestari	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil Latihan Pelayar
Pembuatan	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil Latihan Teknologi Mesin Industri
Pelancongan	<ul style="list-style-type: none"> • Seni Kulineri • Sijil Latihan Roti dan Pastri • Sijil Latihan Pelancongan

Menyiapkan Tenaga Kerja Bumiputera untuk IR4.0

Dalam komponen ini, terdapat usaha untuk melahirkan bakat Bumiputera yang kalis perubahan masa hadapan melalui latihan untuk kemahiran dan pekerjaan yang berkaitan dengan IR4.0. Selain itu, MARA akan mengambil peranan utama dan membangunkan program yang dirancang untuk menyemai kemahiran baharu kepada belia, sesuai dengan permintaan pasaran masa depan. Ini akan memastikan tenaga kerja Bumiputera terus berdaya saing dan sentiasa diperlukan pada masa akan datang.

Memupuk Amalan Pembelajaran Sepanjang Hayat di Setiap Industri

Komponen terakhir adalah menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan majikan dan pekerja di semua industri. Rasional di sebalik pemupukan amalan ini adalah kerana keperluan kemahiran akan sentiasa berkembang serta ekonomi sentiasa berubah dengan pantas. Oleh itu, kemahiran dan kelayakan sedia ada tidak lagi relevan dalam masa 3 hingga 4 tahun lagi. Maka, wujud keperluan yang menggalakkan pekerja Bumiputera untuk terus memperoleh sijil kemahiran setelah memasuki pasaran kerja. Majikan juga digalakkan untuk mengambil sikap proaktif dengan memberi insentif kepada pekerjanya untuk terus menambah baik dan menyesuaikan diri, selari dengan pasaran

terkini, untuk mencapai kelebihan daya saing yang berterusan. Bakat Bumiputera digalakkan untuk menerokai peluang pekerjaan serantau dan global dengan berbekalkan kemahiran terkini.

Impak

Memperkukuh kebolehpasaran modal insan Bumiputera melalui peningkatan kemahiran dan pemahiran semula akan memastikan penghasilan bakat pekerjaan yang sesuai mengikut perubahan zaman. Program seperti itu juga akan membantu bakat Bumiputera mengekalkan kelebihan daya saing untuk menghadapi tempoh pemulihan ekonomi pasca pandemik COVID-19.

Inisiatif
#9

Merencanakan Laluan Pendidikan dan Kerjaya untuk Pelajar Tahfiz

Rasional

Laluan pelajar lulusan sekolah tahfiz hanya terhad kepada sektor tidak formal, seperti bekerja sendiri dan kebajikan sosial. Peluang kerjaya yang terhad untuk para *huffaz* ini berpunca daripada kekurangan kemahiran teknikal yang diperlukan oleh bakal majikan dan pengiktirafan formal bagi kelayakan mereka. Walaupun institusi tidak rasmi ini menghasilkan sebilangan besar pelajar di Malaysia khususnya, 15,935 graduan tanpa sijil SPM, namun kira-kira 1,854 (76%) sekolah dianggarkan tidak berdaftar.¹⁵ Sebilangan besar daripada sukatan pelajaran di sekolah tahfiz tidak sama dengan sukatan pelajaran sekolah kebangsaan, dan hanya memfokuskan kepada penghafalan kitab suci. Kesannya, para *huffaz* tidak memperoleh akreditasi formal yang diperlukan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi atau berpeluang untuk memulakan kerjaya dalam tenaga kerja formal. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak bagi membangunkan kerangka atau membuka peluang bagi membimbing graduan tahfiz mengenai pilihan mereka setelah menamatkan pendidikan tidak formal. Pembukaan peluang seperti ini akan membolehkan majikan mengakses potensi yang ada pada para pelajar tahfiz dengan membolehkan mereka melanjutkan pengajian

¹⁵ *Kajian Separuh Penggal RMKe-11*

secara formal di universiti tempatan dan antarabangsa serta institusi pengajian tinggi yang lain.

Langkah Pelaksanaan

Dalam usaha memperluas pelbagai peluang yang ada untuk pelajar tahfiz, sukatan pelajaran yang digunakan di sekolah tahfiz akan diselaraskan dengan kurikulum kebangsaan. Ini akan memberikan akreditasi formal dan membolehkan para *huffaz* melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi atau meneroka kerjaya dalam sektor tenaga kerja formal setelah tamat pengajian. Hakikatnya, unsur penghafalan Al-Quran di sekolah-sekolah tidak formal ini menunjukkan fungsi kognitif yang tinggi dimiliki oleh para *huffaz*. Oleh itu, para *huffaz* mempunyai peluang yang tidak terbatas untuk bersaing dalam dunia akademik. Namun begitu wujud keperluan untuk memberi kelas tambahan bagi pelajar tahfiz Tingkatan Empat dan Lima, terutamanya untuk enam (6) mata pelajaran teras SPM bagi memperoleh pengiktirafan formal.

Sebagai alternatif, pelajar tahfiz boleh memilih program SPM laluan pantas yang dijalankan oleh sekolah arus perdana atau rakan strategik. Usaha ini memudahkan akses pendidikan dan modul yang memenuhi syarat minimum kebangsaan bagi akreditasi formal yang diperakui oleh KPT untuk membolehkan peralihan mereka ke institusi pendidikan tinggi. Program sijil teknikal dan profesional yang penting juga akan ditawarkan kepada pelajar tahfiz untuk meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran mereka agar dapat bersaing dalam tenaga kerja arus perdana.

Impak

Inisiatif ini bertujuan untuk membolehkan pelajar tahfiz beralih daripada ekosistem pendidikan tidak formal ke arah pendidikan tinggi, dan akhirnya ke pasaran pekerjaan formal. Matlamat ini akan dicapai melalui kerjasama KPM (Bahagian Pendidikan Islam) dan YPPB serta melibatkan TERAJU sebagai penyelaras TPB2030, di samping penglibatan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Negeri, dan institusi tahfiz swasta. Sebagai badan yang menyelia sekolah tahfiz, KPM akan bekerjasama dengan KPT

untuk menghasilkan sukatan pelajaran yang memenuhi syarat minimum untuk memasuki institusi pendidikan tinggi formal.

Inisiatif
#10

Mempromosi Peluang
Pekerjaan yang Saksama di
dalam MNC, SOE dan Sektor
Swasta

Rasional

Inisiatif yang berbentuk tindakan afirmatif ini bertujuan untuk mengurangkan jurang pendapatan antara Bumiputera dan etnik lain dengan meningkatkan pekerja profesional Bumiputera dalam Syarikat Multinasional (MNC), Syarikat Milik Kerajaan (SOE), dan sektor swasta.

Pada masa ini, tiada platform berpusat yang memenuhi permintaan pencari kerja Bumiputera untuk mengenal pasti peluang pekerjaan, sehingga menimbulkan kesulitan untuk menyesuaikan calon dengan syarat pekerjaan yang diperlukan. Ketiadaan pangkalan data berpusat juga menyebabkan pemantauan trend pekerjaan tidak dapat dilakukan, sekali gus mengakibatkan bakat Bumiputera kehilangan peluang untuk menyertai bidang pekerjaan yang berpotensi tinggi. Terdapat juga keperluan bagi calon Bumiputera untuk menambah baik pencalonan mereka dengan mendapatkan perakuan dan lesen yang diperlukan. Inisiatif ini akan berfungsi secara bersepadu dengan memasukkan maklumat ke dalam Analitik Data Raya Bumiputera (BBDA) untuk menyelesaikan masalah kemampuan dan ketidaksepadanan calon.

Langkah Pelaksanaan

Penilaian pekerjaan dan kecekapan adalah disarankan untuk membantu organisasi berkaitan memperkasa agenda Bumiputera termasuk dengan menangani isu-isu seperti keadilan gred gaji di syarikat, pembangunan kerjaya, daya saing luar, serta mobiliti merentasi fungsi untuk mempromosikan bidang yang selaras.

Di samping itu, penilaian akan dilakukan untuk mengukur kecekapan tingkah laku dan teknikal calon, berdasarkan kenyataan daripada segi

pengetahuan, kemahiran, dan tingkah laku. Dasar pengambilan pekerja juga biasanya menilai keperibadian, kemampuan kognitif, dan kecekapan calon. Walau bagaimanapun, setiap organisasi harus memasukkan agenda Bumiputera ke dalam kriteria ini semasa proses pertimbangan. Selain itu, MNC, SOE, dan sektor swasta akan bekerjasama dengan TERAJU dengan membangunkan kemahiran dan bakat yang diperlukan dalam usaha membina kumpulan Bumiputera yang sesuai dengan keperluan industri semasa.

Organisasi akan menerima pakai inisiatif tindakan afirmatif ini dan menyemak semula polisi pengambilan pekerjaan mereka untuk menyingkirkan amalan berat sebelah dan mempraktikkan amalan pengambilan yang lebih adil, menuju ke arah penilaian kompetensi berdasarkan peningkatan kemampuan yang merangkumi keupayaan tingkah laku dan teknikal.¹⁶

Impak

Pelaksanaan akan dilakukan oleh pihak berkepentingan bagi mempromosikan peluang pekerjaan secara adil. Inisiatif ini akan dirancang dengan kaedah yang menggalakkan persaingan, dan peluang akan diberikan kepada individu yang berkelayakan dan berkebolehan. Setelah semakan semula dasar pengambilan pekerja di MNC, SOE, dan sektor swasta dilakukan, penyertaan Bumiputera dalam tenaga kerja akan dapat ditingkatkan. Melalui pelaksanaan dasar pengambilan pekerja yang adil, bakat Bumiputera memiliki peluang yang lebih tinggi untuk menjadi sebahagian daripada pekerjaan berkemahiran tinggi.

¹⁶ *The Centre for Governance and Political Studies, Racism in Recruitment: A Study on Racial Bias For Entry Level Jobs in Malaysia, 2019.*





KESIMPULAN

Di bawah PA3, status sosioekonomi Bumiputera akan dibangunkan melalui pembangunan modal insan dengan peluasan akses dan peluang pendidikan, terutama untuk program profesional yang diperakui dalam industri maritim, Kewangan Islam, dan industri baharu muncul dalam IR4.0. Peningkatan keupayaan dan kemampuan akan membolehkan bakat Bumiputera memperoleh peluang pekerjaan berkemahiran tinggi serta menghasilkan modal insan yang seimbang daripada segi pengetahuan, kemahiran, dan nilai moral.

Peluang pendidikan yang berkualiti akan lebih mudah dicapai oleh Bumiputera di semua peringkat pendidikan. Inisiatif ini merangkumi elemen menyeluruh seperti celik kewangan dan pemikiran kritis, serta akses yang sama terhadap pendidikan berkualiti melalui penubuhan sekolah berasrama penuh swasta. Tambahan pula, pemusatan program pendidikan dan bantuan yang tersedia dalam satu platform, serta usaha jejak dan bimbing yang ditempatkan di bawah CoE Bumiputera, akan memastikan bahawa bakat Bumiputera akan mendapat bantuan apabila mereka memerlukan. Tumpuan juga akan diberikan untuk memaksimumkan potensi lulusan tahfiz melalui akreditasi formal yang akan membantu mereka beralih ke sektor pendidikan formal dan pasaran pekerjaan.

Melalui inisiatif yang dikenal pasti untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera ke dalam profesion mahir, meningkatkan kualiti dan akses kepada pendidikan, dan meningkatkan kebolehpasaran modal insan Bumiputera; Bumiputera akan memainkan peranan yang lebih menonjol dan proaktif dalam tenaga kerja Malaysia, melalui inisiatif dan sasaran TPB2030. Seiring dengan aspirasi WKB2030, PA3 akan menjadi pemangkin kepada peluang penyediaan bakat Bumiputera yang memiliki asas yang kukuh, holistik dan mampu memenuhi tenaga kerja berkemahiran tinggi. Ini merupakan salah satu elemen utama bagi mendepani cabaran masa hadapan sekali gus membolehkan mereka menyumbang kepada usaha pembangunan negara.






Meningkatkan Daya Tahan Dan Kemampuan Perniagaan Bumiputera



Tema 1:
PENGGARISARUSAN
EKOSISTEM PEMBANGUNAN
KEUSAHAWANAN
BUMIPUTERA

Tema 2:
MEMACU USAHAWAN
BUMIPUTERA KE
SEKTOR BERNILAI TINGGI

Tema 3:
MENINGKATKAN
PENGLIBATAN MENERUSI
PELUASAN DASAR
CARVE-OUT AND COMPETE



RINGKASAN EKSEKUTIF



Memelihara intipati memperkasa perniagaan Bumiputera yang digemakan melalui Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Bidang Keutamaan 4 (PA4) bermatlamat untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) yang dikenal pasti. Dengan sasaran sumbangan Lebihan Kendalian Kasar (GOS) perniagaan Bumiputera sebanyak 20% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2030 dan menuju ke arah sektor nilai tambah tinggi, prasyarat peningkatan keupayaan, dan daya tahan perlu diutamakan. Oleh itu, PA4 menggariskan tiga (3) tema yang diperkuat oleh empat (4) inisiatif untuk mencapai objektifnya.

Sejajar dengan WKB2030 dan RMKe-12, PA4 menetapkan sasaran untuk meningkatkan sumbangan GOS Bumiputera kepada KDNK daripada 7% kepada 20% pada tahun 2030. Perusahaan Bumiputera dijangka mencapai jumlah keseluruhan GOS sebanyak RM438 bilion.

TERAJU akan memegang peranan sebagai penyelaras utama untuk program pembangunan kapasiti dan bantuan kewangan berpusat, serta pengurusan pangkalan data untuk memantau dan menyokong keberkesanan program pembangunan keusahawanan Bumiputera. PA4 juga akan mengatasi isu kekurangan penyertaan Perusahaan Kecil dan Sederhana

(PKS) Bumiputera dalam bidang ekonomi yang berimpak tinggi dan sektor baru muncul. Pengenalpastian juara dan peneraju Bumiputera akan membolehkan kemasukan vendor Bumiputera ke segmen rantai bekalan bernilai tinggi, bagi membuka jalan kepada bakal usahawan Bumiputera untuk memasuki sektor yang disasarkan ini pada masa hadapan. Usaha ini seiring dengan kerjasama penubuhan hab pemacu di negeri-negeri membangun untuk mempromosikan akses dan peluang yang sama kepada perniagaan Bumiputera yang terletak di luar bandar-bandar utama. Akhirnya, dasar *Carve-Out and Compete* juga akan diperluas untuk merangkumkan semua aspek perolehan awam dan swasta, melangkaui pembinaan dan infrastruktur, dalam KEGA yang dikenal pasti.

PA4 bertujuan untuk mempersiapkan usahawan Bumiputera dengan kemahiran dan pemikiran yang diperlukan untuk menjadi pengusaha yang berdaya saing dalam industri bernilai bernilai tambah tinggi semasa dan masa depan. Kerjasama awam-swasta (PPP) di semua peringkat tadbir urus dan industri diperlukan untuk mencapai objektif yang disasarkan. Dengan gabungan pelaburan kewangan, sebuah ekosistem yang menyokong pertumbuhan usahawan Bumiputera akan diwujudkan untuk membuka potensi dan kemampuan mereka bagi meningkatkan status sosioekonomi keseluruhan.





LATAR BELAKANG

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) telah meletakkan agenda Bumiputera sebagai fokus utama dengan sasaran untuk meningkatkan status sosioekonomi Bumiputera dan memacu kejayaan Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC). Ia disasarkan untuk mencapai sekurang-kurangnya 60% penyertaan Bumiputera dalam kategori pekerjaan mahir; 90% isi rumah Bumiputera dengan pemilikan unit kediaman; dan 30% pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dengan kawalan berkesan.⁰¹ Pencapaian tujuan ini berakar umbi kepada peningkatan keupayaan dan kemampuan modal insan Bumiputera, peningkatan kawalan efektif dalam pemilikan ekuiti korporat Bumiputera, pengembangan pemilikan kekayaan Bumiputera, dan pengukuhan BEC yang mampan dan berdaya tahan.

Pemeriksaan BEC didorong oleh inisiatif untuk meningkatkan program pembiayaan dan pembangunan untuk usahawan

Bumiputera. Strategi ini disokong oleh geran berjumlah RM485.5 juta untuk membantu 215 syarikat Bumiputera memikul 259 projek dengan pelaburan berjumlah hingga RM3.8 bilion. Hasilnya, 11,000 pekerjaan baru dicipta. Bantuan kewangan tambahan sebanyak RM2.8 bilion diagihkan oleh organisasi pembangunan usahawan (EDO) dalam bentuk geran dan pinjaman kepada lebih daripada 100,000 usahawan Bumiputera, yang mewujudkan 51,000 peluang pekerjaan baru. TEKUN Nasional (TEKUN) juga mengeluarkan pinjaman mudah berjumlah RM1.7 bilion kepada 132,650 usahawan mikro Bumiputera dalam industri asas tani, dan runcit.⁰² Program pembangunan usahawan Bumiputera juga diatur untuk membangun daya tahan dan daya saing perniagaan Bumiputera, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada bantuan Kerajaan.

Selain itu, bagi memperluas ekosistem keusahawanan Malaysia, Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (NEP2030) dikembangkan untuk menyediakan strategi jangka panjang

bagi Malaysia sebagai negara keusahawanan utama menjelang 2030. NEP2030 bertujuan untuk menjadi pemangkin kemakmuran Malaysia dan membimbing pembangunan negara secara berterusan dengan pengagihan ekonomi yang lebih adil dan inklusif. Dasar ini dibina berdasarkan aspirasi yang digariskan dalam WKB2030, dengan penekanan utama kepada peningkatan sumbangan Bumiputera terhadap KDNK nasional. Ini juga menghuraikan pelaksanaan dasar *Carve-Out and Compete* dan sindikasi pihak berkepentingan yang berkaitan.

KES UNTUK INTERVENSI

Walaupun usaha bersepadu untuk mendorong keusahawanan dalam kalangan Bumiputera dalam sektor utama, bilangan PKS Bumiputera tetap rendah. Pada tahun 2015, hanya 39.1% daripada jumlah PKS di Malaysia dimiliki oleh Bumiputera.⁰³ Daripada jumlah itu, 83.5% PKS Bumiputera ini dikategorikan sebagai perusahaan mikro yang membekalkan produk dan perkhidmatan bernilai tambah rendah yang hampir tidak menyumbang kepada ekonomi dan kesejahteraan Bumiputera.⁰⁴

Pembangunan Berpusat di Sekitar Negeri Maju

Terdapat beberapa cabaran dalam landskap perusahaan Bumiputera yang telah menghalang perkembangan mereka. Antaranya ialah peluang pertumbuhan yang terhad di negeri membangun. PKS Bumiputera secara khasnya tertumpu di sekitar negeri maju dengan ekonomi berkembang seperti Selangor, Johor, dan Pulau Pinang. PKS Bumiputera mempunyai ruang yang terhad untuk berkembang di kawasan lain kerana kurangnya pembangunan di wilayah tersebut. Namun, sekiranya projek pembangunan berlaku di peringkat negeri, kontrak biasanya diberikan kepada pemain industri yang telah lama bertapak dan berpengalaman sehingga menimbulkan halangan kepada PKS Bumiputera untuk menembusi ruang dan peluang ini.

Kekurangan Kapasiti dan Keupayaan untuk Bersaing

Penyertaan syarikat Bumiputera dalam rantaian bekalan sektor bernilai tambah tinggi adalah rendah berikutan kekurangan keupayaan dan kemampuan mereka untuk bersaing dengan syarikat bukan Bumiputera, Syarikat Multinasional (MNC), dan Syarikat Milik Kerajaan (SOE). Jurang antara syarikat Bumiputera dari aspek pengalaman, kepakaran, dan kemampuan sumber menghalangnya daripada bersaing dengan syarikat sedia ada untuk melaksanakan projek ini. Akses dan capaian terhad oleh perusahaan Bumiputera membataskan ia kepada industri bernilai tambah rendah. Situasi ini menunjukkan perlunya inisiatif strategik yang dapat membina nama, pengalaman, dan kredibiliti jenama syarikat Bumiputera agar mereka dapat menembusi sektor utama.

Di samping itu, PKS Bumiputera juga terbiasa dengan perolehan dan sokongan Kerajaan. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan pertumbuhan perniagaan Bumiputera dan membantu mereka mengatasi setiap halangan yang dihadapi. Dasar perolehan Kerajaan dalam penawaran kontrak telah menjadikan PKS Bumiputera sangat bergantung kepada bantuan Kerajaan. Akibatnya, mereka menjadi kurang berdaya saing. Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) menggariskan intervensi strategik yang akan membina keupayaan PKS Bumiputera dan memupuk daya tahan untuk melahirkan pengusaha Bumiputera yang berdaya saing di peringkat global. Kerajaan akan terus bekerjasama dengan pemain industri untuk menghulurkan bantuan apabila diperlukan, berdasarkan merit dan pendekatan keperluan.

⁰¹ *Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)*

⁰² *Kajian Separuh Penggal RMKe-11*

⁰³ *Statistik Bumiputera, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), 2015*

⁰⁴ *Ibid*

VISI

Isu-isu yang digariskan merupakan sebahagian daripada cabaran persekitaran usahawan Bumiputera. Untuk mengurangkan halangan ini, TPB2030 telah mengenal pasti 4 inisiatif di bawah PA4 yang memberi fokus kepada pembangunan usahawan Bumiputera, untuk memacu kejayaan tujuh (7) KEGA yang dikenal pasti. Antara sasarannya adalah untuk meningkatkan sumbangan GOS perusahaan Bumiputera kepada KDNK berjumlah 20% pada tahun 2030 berbanding 7% setakat ini.

Pembangunan dan daya saing perusahaan Bumiputera sangat bergantung kepada ekosistem yang menyokong, seperti yang digambarkan oleh Rajah 1 dan Rajah 2.


TPB2030 akan melakukan pemerksaan usahawan Bumiputera melalui program pembangunan kapasiti yang holistik untuk meningkatkan keupayaan dan daya saing mereka. Program pembangunan juga akan

menyemai pengetahuan untuk mendorong daya tahan mereka di dalam pasaran. Inisiatif strategi, serta kerjasama dengan rakan industri, akan turut mendorong mereka menyertai pertumbuhan industri masa depan dan sektor berimpak tinggi. Latihan, nasihat, pembiayaan, dan mudah cara jaringan perhubungan juga akan diberikan pendekatan berdasarkan keperluan dan merit untuk memperluas peluang yang tersedia untuk PKS Bumiputera.

Objektif utama PA4 adalah untuk meningkatkan penyertaan dan daya tahan usahawan Bumiputera dalam ekonomi, dengan penekanan khas kepada 7 KEGA. 4 inisiatif telah dikenal pasti untuk memperkukuh ekosistem pembangunan keusahawanan Bumiputera, mendorong perniagaan Bumiputera ke sektor bernilai tinggi, membangun hab pemacu, dan meningkatkan penyertaan melalui pembangunan dasar *Carve-Out and Compete*.

⁰⁵ Dasar Keusahawanan Negara, 2030

Rajah 1 : Kerangka Keseluruhan untuk Meningkatkan Penyertaan Usahawan Bumiputera



Sumber: Dasar Keusahawanan Negara 2030

Rajah 2: Ekosistem yang Menyokong Pembangunan dan Daya Saing Usahawan⁰⁵





INISIATIF

Tema 1:

PENGGARISARUSAN EKOSISTEM PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN BUMIPUTERA

Kapasiti dan kemampuan usahawan Bumiputera akan dipupuk melalui program dan bantuan pembangunan yang holistik dan diperkemas berdasarkan merit dan keperluan, di samping menanam budaya pengetahuan dan berprestasi tinggi yang diperlukan untuk kejayaan usaha Bumiputera. Pakar industri akan memimpin pembangunan program khas melalui program bimbingan untuk mempercepat pertumbuhan usahawan Bumiputera yang baru bermula. TERAJU akan mengemudi usaha ini dengan memainkan peranan sebagai penyelaras utama untuk memastikan sistem pembangunan yang bersepadu yang menjajarkan semua program pembangunan keusahawanan Bumiputera dan diselaraskan dengan 7 KEGA yang dikenal pasti.

Inisiatif
#1

Pusat Penyelaras dan Pengurusan Pangkalan
Data Ekosistem Keusahawanan Bumiputera
oleh TERAJU

Tema 2: MEMACU USAHAWAN BUMIPUTERA KE SEKTOR BERNILAI TINGGI

Usahawan Bumiputera akan dipacu daripada sektor bernilai tambah rendah ke sektor yang lebih strategik dengan potensi pertumbuhan tinggi, termasuk industri utama seperti bioteknologi, tenaga boleh diperbaharui, aeroangkasa, robotik, automasi, ekonomi digital, dan industri Halal. Sokongan yang diperlukan akan diberikan kepada usahawan Bumiputera dari aspek infrastruktur, akses kepada teknologi, jalinan perkongsian pintar, pembiayaan, hingga pengembangan pasaran bagi memudah cara peralihan ini. Pada akhirnya, tema ini akan bergerak seiring dengan sasaran RMKe-12 untuk mengembangkan perusahaan Bumiputera yang berdaya saing dan siap siaga ke arah ekonomi global baru muncul. Di peringkat nasional, juara industri Bumiputera dalam sektor strategik akan dikenal pasti untuk membolehkan kemasukan, penyertaan, dan pertumbuhan seterusnya vendor Bumiputera dalam rantaian bekalan bernilai tinggi.

Inisiatif
#2

Memudah Cara Usahawan Bumiputera untuk Meningkatkan Kedudukan Rantaian Nilai serta Menyertai Projek Negeri dan Koridor Ekonomi

Inisiatif
#3

Menubuhkan Hab Pemacu di Negeri Membangun

Tema 3: MENINGKATKAN PENGLIBATAN MENERUSI PELUASAN DASAR *CARVE-OUT* *AND COMPETE*

Dasar *Carve-Out and Compete* pada awalnya diperkenalkan untuk membuka peluang bagi syarikat Bumiputera berpotensi tinggi untuk dianugerahkan projek dan konsesi dalam projek mega dan ikonik. Dasar semasa memperuntukkan sekurang-kurangnya 40% daripada nilai kontrak, vendor, dan peluang perniagaan kepada syarikat Bumiputera. Sehingga kini, dasar ini telah menghasilkan nilai kontrak berjumlah RM67.4 bilion yang diberikan kepada syarikat Bumiputera melalui projek mega.

Inisiatif
#4

Peluasan Dasar '*Carve-Out and Compete*' untuk Perlesenan dan Konsesi untuk Usahawan Bumiputera yang Layak



Tema 1:

PENGGARISARUSAN EKOSISTEM PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN BUMIPUTERA

Inisiatif
#1

Pusat Penyelaras dan
Pengurusan Pangkalan Data
Ekosistem Keusahawanan
Bumiputera oleh TERAJU

Rasional

Pada masa ini, tidak ada Agensi pusat yang memiliki pangkalan data keusahawanan Bumiputera yang merangkumi kesemua Kementerian dan Agensi. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) ditubuhkan pada tahun 2018 untuk memainkan peranan utama dalam pembangunan keusahawanan, dengan sokongan sekurang-kurangnya 7 Kementerian dan pelbagai Agensi lain, termasuk Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC). Hasilnya, terdapat pertindihan dalam usaha memantau program pembangunan keusahawanan untuk Bumiputera. Pada tahun 2019, NEP2030 dibangunkan untuk memberikan panduan strategik untuk memacu Malaysia menjadi sebuah negara keusahawanan pada tahun 2030. Walau bagaimanapun, pertindihan yang disebabkan oleh penglibatan banyak Kementerian dan Agensi berbeza telah menyebabkan penggunaan dana dan sumber yang tidak berkesan. Akibatnya, pembangunan

keusahawanan Bumiputera masih ketinggalan walaupun terdapat usaha dan pembiayaan yang agresif oleh Kerajaan, yang menyebabkan sumbangan GOS usahawan Bumiputera kepada KDNK negara berada di bawah 10%.

Langkah Pelaksanaan

TERAJU, sebagai penyelaras utama TPB2030 akan menyokong pelaksanaan program keusahawanan Bumiputera merentas Kementerian dan Agensi. Ini akan memudahkan cara usaha penyelaras semua program pembangunan keusahawanan Bumiputera.

Dalam usaha mendorong penggabungan dan pemudahcaraan program Keusahawanan Bumiputera, TERAJU akan melakukan analisis jurang terhadap keseluruhan ekosistem, termasuk melalui kumpulan fokus dengan usahawan Bumiputera, di samping menilai keberkesanan program latihan dan pembangunan sedia ada. Setelah mengenal pasti jurang ini, program akan disatukan dan pangkalan data pusat akan dibentuk, dilengkapi dengan penubuhan metrik prestasi dan mekanisme pemantauan untuk mengukur keberkesanan program baru ini. Sistem ini akan memainkan peranan penting dalam memantau keberhasilan program agar rangka kerja maklum balas, seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3, dapat dibangun untuk mengatasi jurang dan masalah dengan pantas. Selain itu, pangkalan data akan memudahkan penyampaian bantuan kepada penerima manfaat. Kementerian dan Agensi yang relevan akan melakukan sindikasi dalam proses pelaksanaan untuk memastikan pendekatan yang lebih padu dan holistik terhadap pembangunan keusahawanan Bumiputera, dengan fokus kepada kecekapan dan keberhasilan.


Berdasarkan kajian daripada analitik jurang awal yang dilakukan, program khusus industri akan dikembangkan dengan kerjasama pakar industri untuk memastikan program efektif yang sesuai dapat dirancang dan dilaksanakan bagi meningkatkan kemampuan usahawan Bumiputera. Program-program ini akan memupuk pola fikir melalui advokasi pengetahuan, prestasi, dan produktiviti untuk meningkatkan daya tahan perniagaan. Program berstruktur akan dibina menggunakan model bimbingan di mana usahawan baharu akan

dipadankan dengan pemain industri yang berjaya bagi menggalakkan pemindahan pengetahuan dan perkongsian amalan terbaik. Program Keusahawanan Syarikat di peringkat pemula, seperti Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB), juga akan diperluas untuk mewujudkan *spin-off*, menjana peluang pekerjaan, dan mengkomersialkan Harta Intelek (IP) tempatan. Selain itu, program keusahawanan belia sedia ada akan diperkukuhkan untuk mendorong usahawan muda menceburkan diri dalam industri yang berinovasi dan berasaskan pengetahuan. Program-program ini dirancang untuk menghasilkan dan menyalurkan bakat Bumiputera ke arah pembangunan dalam 7

KEGA yang dikenal pasti.

TERAJU akan bekerjasama dengan pakar industri tempatan untuk membina program latihan dan pembangunan latihan khusus industri yang bertujuan meningkatkan keupayaan usahawan Bumiputera. Program bimbingan dan latihan, seperti yang disediakan oleh *Technology Park Malaysia* (TPM), yang menghubungkan usahawan dan fokus kepada keberhasilan yang mampan akan diutamakan. TERAJU akan memainkan peranan penting untuk menghubungkan mentor serta jurulatih Bumiputera untuk setiap program pembangunan Kementerian atau Agensi masing-masing.

Rajah 3: Pangkalan Data Pusat yang Membentuk Gelung Maklum Balas untuk Mengatasi Jurang dan Masalah Dengan Cepat



Rajah 4: Pihak Berkepentingan Utama

Penyelaras Utama
<ul style="list-style-type: none"> • TERAJU
Pihak berkepentingan lain
<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) • Kementerian Belia dan Sukan (KBS) • Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) • Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) • Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) • Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) • Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) • Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) • GLC dan GLIC • <i>Technology Park Malaysia (TPM)</i>

Pembiayaan

Rombakan sistem ini merupakan usaha besar yang memerlukan kerjasama daripada beberapa pihak berkepentingan utama dan pelaburan keseluruhan sebanyak RM13 juta. Selama satu dekad, pembiayaan akan disalurkan untuk melakukan kajian analisis jurang setiap dua tahun; membangunkan metrik dan sistem pemantauan; dan yang paling penting, untuk membina dan mengoperasikan pangkalan data pusat.

Impak

Penggarisaran melalui badan pusat akan memastikan keberkesanan program yang lebih baik, untuk memastikan pendekatan

holistik diguna pakai supaya semua data yang berkaitan telah lengkap dan jurang dalam ekosistem yang ada dianalisis serta dapat diakses di bawah TERAJU .

Tema 2:

MEMACU USAHAWAN BUMIPUTERA KE SEKTOR BERNILAI TINGGI

Inisiatif
#2

Memudah Cara Usahawan Bumiputera untuk Meningkatkan Kedudukan Rantaian Nilai serta Menyertai Projek Negeri dan Koridor Ekonomi

Rasional

RMKe-12 dirancang untuk memacu Malaysia untuk maju ke rantaian nilai global sekali gus mendorong usahawan Bumiputera ke arah industri teknologi tinggi dengan potensi pertumbuhan tinggi untuk mempromosikan pembangunan yang lebih mampan. Kerajaan komited untuk memberikan nasihat, mudahcara, dan sokongan melalui pihak berkepentingan utama termasuk TERAJU, MITI, dan MEDAC. Malaysia mempunyai hubungan perdagangan dengan 234 negara, menjadikannya pengeksport ke-24 terbesar di dunia.⁰⁶ Walau bagaimanapun, menurut Papan Skor *Science, Technology and Innovation* (STI), Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), Malaysia berada di kedudukan rendah dalam rantaian nilai global, iaitu di tempat ke-53 daripada 63 negara.⁰⁷ Pada masa ini, syarikat Bumiputera tertumpu di sektor bernilai tambah rendah,

menghasilkan sumbangan yang sangat rendah terhadap KDNK. Penyertaan Bumiputera dalam rantaian penawaran sektor strategik yang bernilai tambah tinggi sangat kecil kerana mereka tidak mempunyai kepakaran dalam rantaian bekalan untuk bersaing.

Langkah Pelaksanaan

Oleh yang demikian, TERAJU akan menjalankan kajian mendalam untuk 7 KEGA yang dikenal pasti untuk memberi pencerahan mengenai isu-isu, cabaran, dan peluang-peluang tertentu yang sesuai dengan kemampuan usahawan Bumiputera untuk menyertai rantaian bekalan bernilai tambah tinggi. Kekuatan usahawan Bumiputera akan dikenal pasti dan ditingkatkan untuk melengkapkan mereka dengan kecekapan yang diperlukan untuk kekal berdaya saing. Sepanjang proses ini, mekanisme pemantauan, pengesanan, dan intervensi yang mapan akan memastikan keberhasilan pelaksanaan program.

Untuk mempercepat peralihan ke arah kedudukan yang lebih tinggi dalam rantaian nilai global, usahawan Bumiputera akan didorong untuk menceburkan diri dalam industri utama seperti bioteknologi, tenaga boleh diperbaharui, aeroangkasa, robotik, kecerdasan buatan (AI), automasi, ekonomi digital, dan industri Halal. Dengan memacu pengusaha ke arah industri ini, secara tidak langsung membolehkan mereka memanfaatkan infrastruktur teknologi tinggi seperti landasan rel berkelajuan tinggi dan rangkaian/ jaringan 5G.

Dengan memanfaatkan teknologi jaringan canggih seperti 5G, ia dapat memberi kelebihan kepada perniagaan Bumiputera dalam ekonomi yang terkesan akibat pandemik. Mobiliti terhadap yang disebabkan oleh penularan wabak COVID-19 telah menuntut perubahan tingkah laku termasuk dalam aktiviti seharian perniagaan. Kebanyakan perniagaan tidak perlu melakukan perjalanan atau hadir secara fizikal, yang dapat meminimumkan kos operasi di kawasan bandar dan luar bandar. Dengan model perniagaan yang menjimatkan kos ini, mereka kemudian dapat mengeksport kepakaran mereka dan mengambil bahagian dalam ekonomi digital dan global melalui pasaran baharu muncul seperti e-Dagang.

Penyertaan usahawan Bumiputera ke dalam ekonomi digital akan dimudah cara melalui reka bentuk dan penyampaian program pembangunan keusahawanan yang disasarkan. Peningkatan capaian kepada peluang ini dapat diakses melalui pangkalan data berpusat, Analitik Data Raya Bumiputera (BBDA). Selain itu, seiring dengan perkembangan trend mega keusahawanan, program pembangunan modal insan juga akan dirancang untuk melengkapkan usahawan Bumiputera dengan kecekapan yang diperlukan untuk menembusi pasaran baharu muncul seperti teknologi kewangan (*fintech*), pemasaran digital, dan keusahawanan sosial. Inisiatif selanjutnya juga akan dikaji untuk mengenal pasti peluang keusahawanan dalam Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) yang bersesuaian dengan aspirasi TPB2030 bagi mempertingkatkan ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Pada masa yang sama, ketika para usahawan mulai bergerak maju ke arah industri bernilai tinggi, kerangka kerja dasar dan tadbir urus perlu ditingkatkan untuk mencerminkan keutamaan yang diberikan kepada inisiatif ini. Dana perolehan teknologi yang lebih besar akan dibentuk untuk membolehkan perolehan teknologi asing dan IP yang akan mempercepat inovasi dalam kalangan usahawan Bumiputera. Syarikat peneraju Bumiputera yang terlibat dalam sektor perbankan digital juga perlu dikenal pasti agar penawaran skim pembiayaan alternatif kepada usahawan Bumiputera dapat diberikan. Dasar perolehan Kerajaan akan ditambah baik untuk membangunkan pembinaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan kemudahan pengeluaran yang menawarkan program peningkatan kemahiran kepada pekerja untuk memastikan peningkatan kemampuan bakat Bumiputera secara berterusan. Tambahan pula, dasar pemisah yang jelas untuk PKS Bumiputera perlu digubal dengan sokongan EDO dan sektor swasta. Ini akan memberi peluang pendedahan PKS Bumiputera kepada pasaran terbuka dan membantu meningkatkan daya tahan mereka. Rangka kerja seperti ini diperlukan untuk menghasilkan perniagaan Bumiputera yang berpandangan ke depan dan

⁰⁶ *Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)*

⁰⁷ *Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) STI Scoreboard, 2017*

berwawasan serta mampu bersaing dalam ekonomi global baharu muncul.

Juara industri Bumiputera akan dikenal pasti untuk menjadi mentor bagi membangunkan usahawan Bumiputera menjadi peneraju industri di dalam sektor strategik tertentu. Usahawan yang berkeupayaan kemudiannya akan dapat memanfaatkan peluang melalui Program Pembangunan Vendor Bumiputera (VDP), memperoleh sokongan lanjutan selain GLC dan GLIC. Walaupun begitu, GLC dan GLIC akan tetap memainkan peranan penting dalam VDP untuk memudah cara usahawan Bumiputera pada pelbagai peringkat.

Langkah selanjutnya perlu diambil oleh TERAJU dan pihak berkepentingan utama untuk memperkukuh kehadiran vendor Bumiputera dalam rantai bekalan bernilai tambah yang lebih tinggi. Untuk memastikan kecekapan, penekanan akan diberikan pada peningkatan dan pengukuhan serta penyertaan dalam rantai bekalan KEGA di kawasan pertumbuhan ekonomi baharu kepada semua syarikat yang mengambil bahagian dalam VDP. PKS Bumiputera akan memudah cara pembentukan sebuah konsortium usahawan Bumiputera berpotensi tinggi. Konsortium ini akan memperhebat dan mempercepat pembangunan Industri Alat, Dai, dan Acuan Automotif Bumiputera (TDM) menggunakan pendekatan Pembangunan Keupayaan dan Kapasiti Kejuruteraan (ECCD).


Untuk memperoleh hasil ini, perusahaan Bumiputera akan memanfaatkan peruntukan dalam Belanjawan 2021 bagi meningkatkan dan memperkasa kemampuan Bumiputera.

Syarikat utama Bumiputera juga dapat menarik minat perusahaan Bumiputera untuk mengambil bahagian dalam projek negeri dan koridor ekonomi untuk merangsang pertumbuhan perniagaan di luar negeri maju. Agensi sedia ada akan memberikan sokongan seperti bantuan pembiayaan, maklumat pasaran, dan program latihan. Walaupun terdapat banyak projek dengan peruntukan yang besar kepada kontraktor Bumiputera di peringkat negeri dan koridor ekonomi, kadar penyertaan Bumiputera masih rendah akibat kurangnya akses kepada pembiayaan, pasaran dan kecerdasan, serta kecekapan kemahiran.

Rajah 5: Langkah Syarikat Peneraju untuk Memudahkan Penglibatan Perusahaan Bumiputera



RANTAIAN NILAI LOGISTIK



Walau bagaimanapun, syarikat peneraju Bumiputera yang dikenal pasti terlibat dalam projek utama akan dapat membantu kemasukan perusahaan Bumiputera lain.

Melalui syarikat peneraju, perusahaan Bumiputera dapat mengambil bahagian dalam projek mega, contohnya dalam infrastruktur dan pembangunan, melalui dasar *Carve-Out and Compete* di mana projek-projek ini dapat disusun dan ditawarkan kepada perniagaan Bumiputera yang lebih kecil dengan halangan masuk yang lebih minimum. Sebagai contoh, penyertaan syarikat peneraju dalam projek Pelabuhan Dalam seluas 500 ekar akan turut dapat melibatkan syarikat Bumiputera lain ke dalam projek tersebut.

Kerajaan mengumumkan bahawa 40% daripada kos infrastruktur yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia akan dikhaskan untuk kontraktor Bumiputera. Komitmen yang sama akan disusun dalam setiap projek

Rajah 6: Peruntukan Belanjawan 2021



RM2 billion

Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) untuk membiayai PKS Bumiputera

RM1.3 billion

Pelbagai program peningkatan kapasiti, termasuk pengembangan profesional, dan Dana Kemakmuran Bumiputera

RM510 juta

Program peningkatan keupayaan oleh Bank Pembangunan Malaysia (BPMB) dan SME Bank

RM800 juta


TEKUN dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) untuk pembiayaan PKS Bumiputera dan PKS mikro

pembangunan negeri untuk membolehkan syarikat Bumiputera berpotensi tinggi bertindak sebagai pemangkin penyertaan syarikat Bumiputera lain di bawah lembayung yang sama. Hasilnya, syarikat-syarikat peneraju ini akan bertindak sebagai juara di kawasan pertumbuhan ekonomi baharu yang terdapat di setiap negeri. Ini akan turut mendorong para usahawan Bumiputera untuk menetapkan asas di kawasan ekonomi penting melalui kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan koridor ekonomi. Pelaburan ke arah pembangunan usahawan di luar negeri maju akan membantu agihan faedah projek berimpak tinggi.

Untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan di luar negeri maju, TERAJU akan membantu usaha sindikasi dan mudah cara dengan koridor ekonomi dan Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti bakal usahawan Bumiputera yang sesuai untuk dilibatkan dalam projek-projek mega. Peluang perniagaan dalam 7 KEGA dijadikan keutamaan. Untuk meningkatkan penyertaan, TERAJU akan melibatkan Kerajaan Negeri, Lembaga Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) di Johor, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Lembaga Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA), dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE). Agensi sedia ada akan dimanfaatkan sebagai pusat sehati yang menyediakan akses kepada bantuan pembiayaan, sumber maklumat pasaran, dan latihan kepada maklumat yang berpusat di luar bandar. Selain itu, Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) akan digalakkan untuk menyokong syarikat inovatif yang ingin memasuki sektor bernilai tambah tinggi.

Pembiayaan

Inisiatif ini memerlukan dana berjumlah RM11.5 juta. Pembiayaan ini akan dibahagi antara melaksanakan kajian mengenai rantai bekalan bernilai tinggi dalam sektor KEGA, diikuti dengan mengenal pasti dan melantik syarikat peneraju Bumiputera dalam sektor tersebut. Terdapat juga pembiayaan berkala yang akan didukung oleh dana pelaburan ini sebagai insentif kepada Kerajaan Negeri dan koridor ekonomi untuk merangkumkan perniagaan Bumiputera.

Rajah 7: PKS Bumiputera Tertumpu di Sekitar Negeri-Negeri Maju⁰⁸⁰⁸ DOSM, 2018

Impak

Inisiatif ini berhasrat untuk mendorong usahawan Bumiputera untuk meningkatkan rantai nilai melalui syarikat peneraju di peringkat koridor negeri atau ekonomi, sekali gus meningkatkan sumbangan GOS Bumiputera kepada KDNK sebanyak 20% pada tahun 2030.

Inisiatif #3 **Menubuhkan Hab Pemacu di Negeri Membangun**

Rasional

Kemajuan teknologi telah mengubah corak industri utama di seluruh dunia, sehingga membuka peluang bagi syarikat pemula untuk bersaing di pasaran yang matang. Ekonomi terkemuka seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, China, dan India - serta negara jiran Singapura, Vietnam, dan Indonesia - mempromosikan ekosistem yang sihat untuk syarikat pemula meningkatkan daya saing mereka di masa hadapan. Bantuan strategik



Rajah 8



Y Combinator adalah model pemacu kepada syarikat pemula Amerika Syarikat (AS) yang dilancarkan pada Mac 2005. Ia telah digunakan untuk melancarkan lebih daripada 2,000 syarikat, termasuk Stripe, Airbnb, Cruise Automation, DoorDash, Coinbase, Instacart, Dropbox, Twitch, dan Reddit.

pada setiap peringkat pembangunan adalah instrumen penting dalam ekosistem ini.

Program pemacu akan dapat mendorong pertumbuhan permulaan dengan lebih cepat daripada model perniagaan tradisional dengan memanfaatkan teknik organisasi baharu, teknologi inovatif, dan pendekatan 360 darjah untuk mengembangkan kerjasama strategik. Program ini akan mengguna pakai program pemacu yang ada, seperti Y Combinator (YC), yang merupakan salah satu program pemacu/pendanaan yang paling terkemuka di dunia. Dengan melaksanakan proses inkubasi seperti yang digambarkan dalam Rajah 8, YC mempelopori dan merevolusikan pendekatan untuk pembangunan syarikat pemula dengan menawarkan platform pertumbuhan yang mampan melalui bimbingan dan pembiayaan yang berterusan. Hab pemacu akan menyediakan persekitaran yang kondusif di mana syarikat pemula dapat menguji idea-idea yang berpotensi secara proaktif di samping memperkukuh perniagaan utamanya. Ia juga berfungsi sebagai tempat di mana idea-idea itu dapat dilindungi dan pada masa yang sama memberikan sokongan apabila perlu.




Langkah Pelaksanaan

Hab pemacu akan ditubuhkan di negeri-negeri membangun untuk merangsang pertumbuhan syarikat Bumiputera di seluruh Malaysia. Fokus kepada negeri-negeri membangun adalah berikutan program pemacu syarikat pemula di Malaysia yang hanya tertumpu di kawasan Lembah Klang, seperti yang ditunjukkan pada Rajah 9. Dengan jangka masa latihan antara 3 hingga 12 bulan ia menyukarkan penyertaan PKS dari negeri lain yang tidak dapat meninggalkan premis perniagaan

mereka untuk tempoh yang panjang. Oleh itu, inisiatif program pemacu ini akan diperluaskan ke 7 negeri, merangkumi bandar-bandar besar seperti Ipoh, Melaka, Kota Bharu, Kuala Terengganu, Johor Bahru, Kuching, dan Kota Kinabalu.

Inisiatif ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Agensi dan sektor swasta untuk memanfaatkan program yang ada seperti program yang ditawarkan oleh TPM, *Selangor Accelerator Programme*, dan entiti swasta lain yang berkaitan.

Rajah 9 : Lokasi Hab Pemacu yang Dicadangkan



Pembiayaan

RM100.5 juta akan diperlukan untuk memulakan kerjasama awam-swasta yang akan mengendalikan hab pemacu di negeri-negeri yang dikenal pasti.

Impak

Hab pemacu akan menyediakan akses program pemacu kepada semua PKS yang terletak di luar ibu kota. Dengan bimbingan daripada program pemacu ini, syarikat pemula Bumiputera di negeri membangun di seluruh Malaysia akan mempunyai keyakinan untuk meneroka idea baharu dan mengembangkan perniagaan mereka.

Tema 3:

MENINGKATKAN PENGLIBATAN MENERUSI PELUASAN DASAR 'CARVE-OUT AND COMPETE'

Inisiatif
#4

Peluasan Dasar 'Carve-Out and Compete' untuk Pelesenan dan Konsesi bagi Usahawan Bumiputera yang Layak

Rasional

Pada masa ini, terdapat potensi projek *Carve-Out and Compete* berjumlah hampir RM228 bilion dalam Nilai Pembangunan Kasar (GDV) yang digariskan. Salah satu contoh penerapan dasar 'Carve-Out and Compete' adalah memperluas potensi sekurang-kurangnya 80% peluang runcit tambahan kepada pengusaha Bumiputera di premis pengangkutan awam oleh Malaysia Airports Holdings Berhad

(MAHB) menjelang tahun 2023. Ini akan membolehkan pengusaha Bumiputera memasarkan dan mengembangkan produk mereka di premis pengangkutan awam termasuk stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Transit Aliran Massa (MRT), Transit Aliran Ringan (LRT), dan terminal transit seperti KL Sentral, Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) Bandar Tasik Selatan, ITT Gombak, dan lapangan terbang.

Rajah 10: Peluang yang telah Dicapai melalui Dasar 'Carve-Out and Compete'

RM10.6 bilion	MRT Corp (Laluan 1)
RM2.5 bilion	Menara Warisan Merdeka
RM14.1 bilion	MRT Corp (Laluan 2)
RM2 juta	EMKAY Group
RM3.2 bilion	Sungai Besi - Ulu Klang Elevated Expressway (SUKE)
RM1.5 bilion	Projek West Coast Expressway (Taiping - Banting)
RM1.5 bilion	Bukit Bintang City Centre (BBCC)
RM4.7 bilion	Pembangunan Institute Penyelidikan Getah (RRI) di Sungai Buloh
RM390 juta	Malaysian Rubber Board Excellence Centre
RM244 juta	MITEC oleh NAZA TTDI
RM3 bilion	Damansara - Shah Alam Elevated Expressway (DASH)
RM5.9 bilion	LRT 3 oleh PRASARANA
RM4 bilion	Nilai projek LRT 3 oleh PRASARANA
RM6.4 bilion	Pan Borneo Highway oleh Borneo Highway PDP Sdn Bhd
RM2.24 bilion	Setiawangsa-Pantai Expressway (SUKE 3)

Contoh lain daripada keberhasilan penerapan dasar 'Carve-Out and Compete' dapat dilihat dalam pencapaian Program Transformasi GLC. Ringkasan dari penilaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) graduan program menunjukkan bahawa GLC telah berjaya mencapai hasil yang disasarkan. Pembayaran kontrak, lesen, kredit dan bantuan kewangan dapat menjadi instrumen yang efektif untuk mengembangkan usaha, kemampuan dan pengetahuan.

Walau bagaimanapun, masih ada keperluan untuk melakukan penilaian mengenai kesan jangka panjang intervensi ini terhadap perniagaan Bumiputera yang mendapat manfaat daripada program ini. Penilaian perlu dilakukan bagi membantu mengurangkan *rent-seeking* dan kebergantungan. Oleh itu, keperluan untuk menerapkan penilaian yang teliti terhadap hasil program tersebut adalah mustahak sekiranya ingin memberikan faedah jangka panjang untuk Bumiputera.⁰⁹

Langkah Pelaksanaan

Perluasan Dasar 'Carve-Out and Compete' akan berdasarkan pada enam (6) prinsip (mesra pasaran, berdasarkan keperluan, berdasarkan prestasi, telus, pro-pertumbuhan dan daya saing yang mampan) di dalam Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 1.0 (BETR 1.0) dan bertujuan untuk membantu mengurangkan halangan masuk ke sektor strategik bagi syarikat Bumiputera. Rantaian bekalan sektor-sektor strategik ini biasanya dikendalikan dan dimonopoli oleh MNC dan syarikat bukan Bumiputera. Usahawan Bumiputera tidak mempunyai keupayaan untuk bersaing dan tidak dapat memperoleh dana untuk pembangunan kapasiti. Perluasan dasar ini akan memudahkan jaringan dan kerjasama perniagaan untuk syarikat Bumiputera berpotensi tinggi melalui pertukaran pengetahuan mengenai maklumat pasaran domestik dan antarabangsa.

Hasil penemuan dan cadangan daripada kajian mengenai rantaian nilai dan penawaran di sektor strategik yang ditauliahkan oleh TERAJU akan menjadi asas bagi saranan untuk meluaskan Dasar 'Carve-Out and Compete'. Saranan tersebut secara strategiknya akan berorientasikan penyertaan usahawan Bumiputera dalam 7 KEGA. Pengembangan

yang dicadangkan akan melengkapkan 11 Pekeliling Perbendaharaan sedia ada yang menyokong agenda Bumiputera dalam perolehan Kerajaan dan juga memperluas amalan perolehan GLC dan GLIC.

Rajah 11 : 11 Pekeliling Perbendaharaan Sedia Ada yang Menyokong Agenda Bumiputera¹⁰

Dasar 1	Pendaftaran Khas untuk Syarikat Bumiputera
Dasar 2	Penentuan Peruntukan untuk Bumiputera berdasarkan Had Nilai Perolehan
Dasar 3	Peruntukan 30% dari Nilai Projek
Dasar 4	Margin Keutamaan (MOP) untuk Syarikat Bumiputera
Dasar 5	Rundingan Langsung dengan Syarikat Pembuatan Bumiputera
Dasar 6	Kontrak Pusat, Panel Pusat Kontrak dan Skim Anak Angkatan
Dasar 7	Perolehan Minyak di Semenanjung Malaysia
Dasar 8	Pengimport Bumiputera
Dasar 9	Pembinaan, Pembaikan dan Penyelenggaraan Kapal Kerajaan melalui Kilang Kapal/ Kontraktor Tempatan
Dasar 10	Program Kolaborasi Industri (ICP)
Dasar 11	Kemudahan Pembayaran

⁰⁹ Laurence Todd, 'GLCs and Shared Prosperity', IDEAS, Ogos 2021

¹⁰ TERAJU, 2021

Jalinan perkongsian dan kerjasama dengan pengendali premis juga akan dapat menjadi batu loncatan untuk meningkatkan pasaran jenama dan produk Bumiputera di pentas antarabangsa. Contohnya, mempamerkan produk Bumiputera di KLIA yang menerima jumlah pelawat yang tinggi setiap tahun. Hampir 20% daripada 800 kedai runcit dalam rangkaian Malaysia Airports dihuni oleh pengusaha Bumiputera.

Selain itu, peluasan dasar akan mewujudkan jalan untuk usahasama, francais, dan menerima konsesi utama antara pengusaha perniagaan dan usahawan Bumiputera.

Pembiayaan

Peluasan dasar ini akan memerlukan dana bernilai RM2 juta menjelang tahun 2030. Sebahagian besar dana akan digunakan untuk pengoperasian dasar '*Carve-Out and Compete*', manakala sebahagian lagi akan digunakan untuk khidmat perundingan program pembangunan dan inisiatif melalui kajian komprehensif. Ini dilakukan untuk mengenal pasti sebarang aktiviti amalan yang bercanggah yang dilakukan dalam proses pelaksanaan dasar yang boleh menjejaskan usaha.

Impak

Kejayaan inisiatif ini akan membawa kepada pelaksanaan dasar '*Carve-Out and Compete*' untuk usahawan Bumiputera melalui lesen dan konsesi. Sebagai tambahan kepada sumbangan GOS Bumiputera kepada KDNK negara yang meningkat kepada 20% pada tahun 2030, inisiatif ini bertujuan untuk memberikan kesan limpahan yang memberi inspirasi kepada perkembangan usahawan Bumiputera masa depan.¹¹

¹¹ *Siaran Media Malaysia Airports, 'Elevating Bumiputera Entrepreneurship Through Opportunities At The Airport', 19 Ogos 2020*





KESIMPULAN

Pengukuhan ekosistem keusahawanan Malaysia adalah kunci dalam meningkatkan daya tahan dan kesinambungan perusahaan Bumiputera yang membolehkan mereka meningkatkan rantaian nilai. Ia juga penting untuk memperkasa keupayaan dan kemampuan usahawan Bumiputera dan mempromosikan budaya berprestasi tinggi. Sebagai tambahan kepada akses pembiayaan untuk memudahkan pemerolehan teknologi tempatan dan asing serta IP, PA4 juga memastikan program pembangunan sedia ada yang berkualiti melalui bimbingan dan panduan daripada usahawan yang telah berjaya. Program pembangunan ini juga akan difokuskan untuk melahirkan usahawan Bumiputera dalam pasaran baru muncul, terutamanya industri yang dikenal pasti sebagai KEGA dan Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA).

PA4 juga akan menggunakan dasar *Carve-Out and Compete* dan memanfaatkan VDP. Syarikat peneraju Bumiputera akan membantu mengurangkan halangan kemasukan pasaran bagi perusahaan Bumiputera yang lebih kecil untuk meningkatkan penyertaan mereka di seluruh rantaian bekalan. Dalam hal ini, suntikan modal teroka dengan kawalan berkesan oleh kepentingan Bumiputera akan diberikan. Selain itu, dasar pemisah yang jelas akan digubal untuk mendorong PKS Bumiputera yang berjaya menjadi lebih berdikari dan berdaya tahan.

Kesimpulannya, inisiatif yang dikenal pasti akan melancarkan perusahaan Bumiputera ke dalam industri bernilai tinggi untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera di semua KEGA. Pemusatan pangkalan data yang mengandungi program dan bantuan peningkatan kapasiti akan berfungsi seiring dengan tadbir urus yang diperkuat dan dasar *Carve-Out and Compete* untuk mewujudkan pelaksanaan yang jelas bagi perusahaan Bumiputera untuk membina daya tahan, memperluas pengaruhnya, penyertaan secara berterusan dalam aktiviti ekonomi, dan seterusnya mencapai sasaran 20% sumbangan GOS kepada KDNK nasional yang diaspirasikan oleh WKB2030.





Meningkatkan Penciptaan Kekayaan Bumiputera




Tema 1:
**MEMBANGUNKAN SATU
KAJIAN KEPERLUAN
PERUMAHAN BUMIPUTERA
UNTUK PENAMBAHBAIKAN
DASAR**

Tema 2:
**MENGALAKKAN PEMILIKAN
KEKAYAAN OLEH
BUMIPUTERA**

Tema 3:
**MENINGKATKAN NILAI ASET
MILIK BUMIPUTERA**

05



RINGKASAN EKSEKUTIF



Pemilikan harta tanah sentiasa dikaitkan dengan konsep penciptaan kekayaan. Oleh yang demikian, Bidang Keutamaan 5 (PA5) Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) bermatlamat untuk mengembangkan usaha memperoleh aset jangka panjang untuk Bumiputera. Pemilikan aset harta tanah komersial dan industri Bumiputera adalah

sangat rendah jika dibandingkan dengan bukan Bumiputera. Sebagai gambaran, agihan pemilikan aset Bumiputera secara keseluruhan berbanding penduduk Malaysia berada pada tahap 50% aset kediaman, 7% aset komersial dan hanya 2% aset industri.⁰¹ Kekurangan keupayaan modal yang mencukupi dalam kalangan Bumiputera untuk memperoleh dan

memiliki harta tanah komersial dan industri telah mengakibatkan penyertaan yang rendah dalam segmen harta tanah.

Sejak tahun 2011, harga harta tanah meningkat saban tahun dan ia diburukkan lagi dengan pandemik COVID-19, yang terus memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat Malaysia. Ini bukan sahaja menjadikan pemilikan kediaman semakin sukar bahkan terus memberi impak kepada pemilikan aset komersial dan industri yang mempunyai nilai pelaburan yang tinggi dan pulangan jangka masa panjang yang lebih baik kepada Bumiputera.

Bagi kebanyakan kelompok masyarakat, pemilikan kediaman adalah lambang kepada kestabilan, kemerdekaan dan kehidupan dewasa. Ia memberi perlindungan, keselamatan, keselesaan, rasa memiliki dan kebebasan kepada individu dan ahli keluarga. Pemilik rumah juga tidak perlu berhadapan dengan kebarangkalian untuk kehilangan rumah dan tempat perlindungan secara tiba-tiba akibat kecemasan seperti kehilangan pekerjaan. Bagi kebanyakan mereka yang baharu menganjak dewasa dan masih muda, kediaman adalah lambang kepada dunia dewasa dan pemilikan kekayaan.

Di samping itu, harta tanah adalah antara pelaburan yang dianggap bijak oleh kebanyakan orang kerana ia menawarkan peluang membina kekayaan disebabkan nilai yang tidak susut. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) nilai harta tanah telah menunjukkan peningkatan secara stabil saban tahun sejak sedekad yang lalu. Malahan, Indeks Harga Rumah Malaysia telah menunjukkan nilai berganda sejak 10 tahun yang lalu, daripada 100 mata pada tahun 2010 kepada 197.5 mata pada tahun 2019.⁰²

Tiga (3) inisiatif di bawah 3 tema telah dikenal pasti bagi mencapai matlamat TPB2030 untuk meningkatkan pemilikan kekayaan Bumiputera. Tema pertama di bawah PA5 akan melaksanakan kajian bagi pangkalan data perumahan Bumiputera yang berpusat dengan mengintegrasikan penilaian keperluan perumahan mengikut kumpulan pendapatan berbeza. Skim Sewa untuk Beli (RTO) akan diperluas dengan merangkumkan aset perindustrian dan komersial bagi menggalakkan pemilikan kekayaan di bawah tema kedua. Akhir sekali, tema ketiga akan memberi fokus untuk meningkatkan nilai aset milik Bumiputera di mana penilaian pasaran yang komprehensif akan dijalankan untuk mengkaji peluang yang akan membantu peruncit Bumiputera memperoleh akses pasaran yang lebih baik. Penyampaian inisiatif-inisiatif ini akan bergerak seiring dengan aspirasi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bagi memastikan pemilikan aset kediaman Bumiputera mencapai 75% menjelang tahun 2025.

⁰¹ Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM); Analisis Pelaburan Hartanah Berhad

⁰² Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)



LATAR BELAKANG


Usaha untuk meningkatkan penciptaan kekayaan Bumiputera adalah langkah berterusan yang telah dilakukan Kerajaan melalui pelbagai dasar dan pelaksanaan dalam agenda pemeraksanaan Bumiputera. Dasar ini antaranya meliputi pengukuhan program berasaskan institusi bagi pemilikan aset serta memperkenalkan mekanisme pembiayaan baharu kepada aset bukan kewangan.

Dasar Perumahan Mampu Milik (DRMM), telah dilancarkan di bawah Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018 - 2025 untuk menangani isu pemilikan rumah mampu milik secara menyeluruh.⁰³ Pihak pemaju diberikan garis panduan untuk membina rumah mampu milik yang merangkumi dan mengambil kira faktor piawaian bangunan, spesifikasi utama, dan harga siling bagi memastikan rumah mampu milik yang ditawarkan kepada orang ramai memenuhi keperluan piawaian terbaik dari aspek keselamatan dan keselesaan, serta mengambil kira golongan berpendapatan rendah.

Terdapat pelbagai skim dan insentif tersedia yang ditawarkan oleh sektor awam dan swasta. Contohnya, melalui Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA), Rumah Mesra Rakyat (RMR), dan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) yang diperkenalkan masing-masing oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). Skim dan insentif yang sama telah diperluas oleh Kerajaan Negeri termasuk di Johor, Selangor, dan Pulau Pinang.

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), fokus diberikan untuk menambah baik peluang dan meningkatkan pemilikan kekayaan Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC). Antara tempoh tahun 2016 dan tahun 2019, RMKe-11 telah menjalankan inisiatif untuk merealisasikan aspirasi ini melalui 3 sasaran - penglibatan Bumiputera dalam tenaga kerja mahir; jumlah isi rumah Bumiputera yang memiliki unit kediaman; dan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dengan usaha dan kawalan yang efektif seperti yang digambarkan dalam Rajah 1.⁰⁴


Rajah 1: 3 Sasaran Terpilih di dalam RMKe-11 untuk Meningkatkan Penciptaan Kekayaan Bumiputera




Sumber: Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)

Walau bagaimanapun, keupayaan untuk memiliki aset kediaman kekal sebagai cabaran dan semakin membimbangkan dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu sejak tahun 2020 diakibatkan oleh pandemik COVID-19. Berdasarkan statistik, Bumiputera masih lagi merupakan kelompok termiskin, dengan kadar kemiskinan mutlak yang tinggi sebanyak 7.2% pada tahun 2019 berbanding kaum Cina (1.4%) dan kaum India (4.8%). Ini turut terbukti dalam nilai penengah dan

Rajah 2 : Kemiskinan Mutlak oleh Kumpulan Etnik (2016 dan 2019)



Pendapatan Isi Rumah Bulanan Penengah dan Purata (2019)
RM




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), 2019

purata pendapatan isi rumah Bumiputera yang ketinggalan berbanding komuniti Cina dan India.⁰⁵

Kesan daripada pemilikan kekayaan yang rendah telah merentasi petunjuk lain seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3. Lebihan Kendalian Kasar (GOS) bagi perusahaan Bumiputera masih berada pada tahap yang rendah iaitu 7% daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), manakala Pemilikan Ekuiti Korporat Bumiputera hanya 16% berbanding pemilikan bukan Bumiputera iaitu 31% dan pemilikan Asing sebanyak 45%.⁰⁶

Rajah 3 : Komponen Dalam KDNK (2014)
RM Bilion




Komponen dalam KDNK Malaysia (2014)

¹ Termasuk cukai dan subsidi pendapatan
² Lebihan Kendalian Operasi (GOS)
³ Upah Pekerja (CE)

Sumber: Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)

Pemilikan Ekuiti Korporat (2015)
% daripada jumlah pemilikan



Jumlah Pemilikan Ekuiti Korporat (2015)

Sumber: WKB2030

KES UNTUK INTERVENSI

Faktor umum yang menyumbang kepada kekurangan kemampuan termasuklah harga rumah yang meningkat lebih cepat berbanding pendapatan; ketidaksepadanan antara harga harta tanah dan kemampuan; dan perubahan bilangan isi rumah. Walaupun terdapat limpahan inisiatif dan dasar mengenai pemilikan harta tanah Bumiputera, namun potensinya masih belum dioptimumkan sepenuhnya sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Pemilikan kediaman turut diberi keutamaan dalam Belanjawan 2021 yang dibentangkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) melalui Matlamat Pertama Kesejahteraan Rakyat. Pemilikan harta tanah Bumiputera kekal rendah dan penyertaan Bumiputera semakin terpinggir daripada pembangunan ekonomi arus perdana akibat harga harta tanah yang tinggi.

⁰³ Property Talk 2019; IKPKT: Dasar Perumahan Negara: Cabaran dan Masa Hadapan

⁰⁴ Sasaran Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)


⁰⁵ Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, DOSM

⁰⁶ Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)


Gabungan harga harta tanah yang tinggi dan pemilikan kekayaan yang rendah mengakibatkan Bumiputera menjadi kelompok terbesar yang tidak memiliki aset kediaman. Meskipun berlaku peningkatan dalam pemilikan kediaman oleh isi rumah Bumiputera iaitu daripada 72.7% pada tahun 2014 kepada 73.7% pada tahun 2019, namun ia masih berada di bawah purata nasional iaitu 76.9%.⁰⁷ Berdasarkan data oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), terdapat kira-kira 1.25 juta isi rumah Bumiputera yang tidak memiliki aset kediaman diikuti Cina dan India masing-masing sebanyak 251,000 isi rumah dan 170,000 isi rumah tanpa pemilikan kediaman.⁰⁸

Urus niaga aset bukan kewangan Bumiputera kekal pada tahap minimum merentasi pasaran kediaman, komersial dan perindustrian. Rajah 5 menunjukkan urus niaga aset bukan kewangan Bumiputera hanya mewakili 33% daripada keseluruhan urus niaga aset bukan kewangan pada tahun 2018 (untuk pasaran utama dan sekunder), dengan tumpuan tinggi dalam harta tanah kediaman. Bagi harta tanah komersial, penglibatan Bumiputera dalam

Rajah 4 : Pemilikan Kediaman dalam Peratusan Mengikut Isi Rumah oleh Kumpulan Etnik (2014, 2016, 2019)
% isi rumah




Bilangan Isi Rumah tanpa Pemilikan Kediaman (2019)
Ribu



Sumber: DOSM

pasaran hanya menyumbang 13% daripada keseluruhan urus niaga pasaran komersial dan 6% urus niaga pasaran industri.⁰⁹

Rajah 5: Transaksi Aset Bukan Kewangan - Pasaran Utama dan Sekunder (2018)
Jumlah Transaksi
RM Juta



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Ketidaksepadanan Harga Rumah dengan Pendapatan Isi Rumah

Secara asasnya, urus niaga minimum dalam aset bukan kewangan Bumiputera adalah disebabkan peningkatan kesenjangan antara harga rumah dan pendapatan isi rumah. Ketidaksepadanan antara harga rumah dalam pasaran dan kuasa beli yang rendah mendesak Kerajaan untuk menggubal dasar perumahan yang memberi fokus kepada penambahbaikan secara berterusan kepada pasaran kediaman secara berkesan dan mampan. Faktor utama ekosistem pemilikan kediaman ini terletak kepada usaha menangani isu pendapatan sebenar dan kos sara hidup.

Intipati kepada masalah pemilikan kediaman ini berpunca daripada harga rumah yang meningkat dengan kadar yang tidak seiring dengan peningkatan isi rumah sebenar. Rajah 6 menunjukkan jurang antara pendapatan penengah tahunan berbanding harga penengah rumah yang telah meningkat daripada RM75,412 pada tahun 2002 kepada RM250,264 pada tahun 2016.¹⁰ Menurut Bank Negara Malaysia (BNM), harga rumah mampu milik maksimum adalah RM282,000. Namun begitu, harga purata harta tanah kediaman yang baharu dilancarkan adalah pada RM417,262.¹¹

Penawaran aset harta tanah sedia ada tidak dapat memenuhi permintaan pasaran akibat kesenjangan antara pendapatan dan harga rumah yang semakin melebar, mengakibatkan

lambakan harta tanah yang tidak terjual di pasaran. Rajah 7 menunjukkan 75% daripada harta tanah yang tidak terjual adalah tidak mampu dimiliki - unit tidak terjual berharga RM300,000 ke atas dengan kebanyakan unit berharga antara lingkungan RM500,000 sehingga RM1 juta.¹²

⁰⁷ DOSM

⁰⁸ Ibid


⁰⁹ NAPIC

¹⁰ Cindy Yeap, 'The State of the Nation: House prices now at 'severely unaffordable' levels', *The Edge*, 23 Oktober 2017; DOSM; NAPIC; Khazanah Research Institute (KRI)

¹¹ DOSM, 2016; *Anggaran Bank Negara Malaysia (BNM), 2016*


¹² NAPIC

Rajah 6 : Pendapatan Penengah Isi Rumah Tahunan berbanding Harga Penengah Rumah (2002-2016)
RM



Sumber: Cindy Yeap, 'The State of the Nation: House prices now at 'severely unaffordable' levels', *The Edge*, 23 Oktober 2017; DOSM; NAPIC; Khazanah Research Institute (KRI)

Rajah 7: Jumlah Harta Tanah Kediaman yang Tidak Dijual mengikut Harga Unit (Ribu)



75% jumlah unit yang tidak terjual adalah berharga lebih daripada RM300,000

34% daripada 171,000 rumah yang tidak terjual pada suku ketiga 2020 adalah berharga antara RM500,000-RM1 juta manakala 27% berharga antara RM300,000 - RM500,000. Perlu juga diberi perhatian bahawa peratusan unit-unit yang tidak terjual dalam julat <RM300,000 adalah secara relatifnya masih tinggi (25%) disebabkan oleh isu-isu dalam kelayakan pinjaman.

Sumber: Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA)

Jumlah harta tanah kediaman yang tidak terjual telah mengakibatkan lambakan dalam pasaran yang memburukkan lagi keadaan. Jumlah ini bukan sahaja meningkat bahkan telah berganda sejak sedekad lalu menjadikan isu ketidaksepadanan antara harga rumah dan pendapatan isi rumah semakin meruncing. Purata harta tanah yang tidak terjual meningkat daripada 71,472 unit bagi tempoh 2010-2015 sehingga kira-kira 160,000 unit bagi tempoh 2018-2020,¹³ seperti ditunjukkan dalam Rajah 8.


Selain itu, kesenjangan antara pendapatan dan harga rumah telah mengakibatkan kadar permohonan pinjaman perumahan yang ditolak meningkat. Harga purata harta tanah yang baharu dilancarkan adalah RM417,262, berdasarkan nilai urus niaga purata di pasaran utama yang mempunyai kadar pinjaman perumahan yang diluluskan sebanyak 74.6%. Sementara itu, bagi rumah dengan kategori harga di bawah RM300,000, kadar pinjaman yang diluluskan berada pada kadar kira-kira 70%.¹⁴ Kebanyakan pinjaman yang diluluskan adalah bagi pinjaman rumah pertama, sementara 80% pinjaman ditolak kerana harga rumah bernilai tiga kali ganda daripada nisbah pendapatan tahunan pemohon. Antara faktor yang turut menyumbang kepada permohonan pinjaman yang tidak diluluskan termasuk hutang sedia ada pemohon yang tinggi, rekod kewangan yang lemah dan kekurangan dalam aspek dokumentasi.¹⁵

Pemilikan Kediaman sebagai Sumber Pendapatan

Kepentingan pemilikan kediaman yang dapat membuka potensi sebagai sumber pendapatan alternatif kepada Bumiputera ditunjukkan dalam Rajah 9. Sumbangan pendapatan daripada pelaburan dan aset harta tanah kepada peratusan pendapatan kasar ketua isi rumah telah meningkat daripada 9.6% pada tahun 2012 kepada 12.9% pada tahun 2019, menunjukkan betapa pentingnya aset harta tanah dalam menjana kekayaan. Pendapatan penengah isi rumah bulanan kasar bagi ketua isi rumah di dalam sektor harta tanah adalah yang tertinggi berbanding lain-lain industri pada nilai RM14,801, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 9.¹⁶ Pemilikan kediaman dapat menghasilkan pendapatan tambahan dalam bentuk pengumpulan yuran sewa atau modal keuntungan yang boleh melengkapkan gaji pokok.


Berdasarkan situasi yang digambarkan, pemilikan aset harta tanah Bumiputera akan kekal rendah, mengakibatkan Bumiputera terpaksa menghadapi risiko semakin terpinggir dalam pembangunan ekonomi arus perdana. Walaupun pelbagai dasar dan rancangan perumahan mampu milik yang dilaksanakan telah menguntungkan kebanyakan rakyat Malaysia, pemilikan harta tanah Bumiputera terutama bagi aset bukan kediaman masih rendah. Oleh itu, fokus PA5 untuk meningkatkan penciptaan kekayaan

Rajah 8 : Harta Tanah Kediaman yang Tidak Terjual Unit (Ribu)




Sumber: REHDA

Rajah 9 : Pendapatan Kasar Isi Rumah Bulanan (2012, 2014, 2016 & 2019)
% daripada Pendapatan Kasar Ketua Isi Rumah



Purata Pendapatan Kasar Isi Rumah Bulanan bagi Ketua Isi Rumah Berdasarkan Industri (2019)
RM



Sumber: DOSM

Bumiputera akan memperhebat pemilikan aset kediaman, komersial dan perindustrian, meningkatkan nilai urus niaga, dan juga mempromosikan budaya pelaburan dalam kalangan Bumiputera.

Inisiatif TPB2030 akan berusaha memperkukuh pemilikan kediaman melalui perancangan pembangunan yang bersasar dan mempromosikan kaedah pembinaan alternatif bagi mengurangkan kos pemilikan kediaman di samping menangani kenaikan harga rumah.

VISI

Ketidaksepadanan antara harga rumah dan pendapatan isi rumah akan ditangani dan diberi perhatian dalam dasar perumahan untuk memastikan bahawa bekalan perumahan bukan sahaja mencukupi, malah mampu dimiliki. Penyelesaian yang dicadangkan harus berfokus kepada peningkatan kecekapan dan kemampunan pasaran aset kediaman, mengatasi jurang pendapatan dan kos sara hidup, serta sistem sokongan sosioekonomi. Matlamat utamanya adalah untuk mewujudkan ekosistem perumahan nasional yang kondusif, dan usaha ini memerlukan kerjasama semua pihak.

Mekanisme pembiayaan seperti skim RTO akan diperluas untuk projek perumahan Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan diperkenalkan dan diperluas kepada pemilikan aset komersial dan perindustrian bagi memudah cara lebih banyak pemerolehan Bumiputera. Selain itu, inisiatif pembangunan komersial strategik akan diambil untuk meningkatkan nilai aset komersial Bumiputera.

Terdapat 3 tema yang telah dikenal pasti untuk memastikan usaha ini dapat dilaksanakan, menggalakkan pemilikan kekayaan individu Bumiputera, menambah baik pemangkin untuk menyokong pembangunan dan pemilikan harta tanah, dan meningkatkan nilai aset Bumiputera. 3 tema ini akan disokong oleh 3 inisiatif yang akan mendorong usaha meningkatkan pemilikan kekayaan Bumiputera.

Strategi dan inisiatif teras PA5 akan merealisasikan sasaran untuk meningkatkan pemilikan aset kediaman Bumiputera kepada 75% menjelang tahun 2025.

¹³ NAPIC

¹⁴ BNM

¹⁵ Ibid

¹⁶ DOSM



INISIATIF

Tema 1:

MEMBANGUNKAN SATU KAJIAN KEPERLUAN PERUMAHAN BUMIPUTERA UNTUK PENAMBAHBAIKAN DASAR

Amalan terbaik perumahan mampu milik akan diterima pakai melalui kajian data Keselajaran Keperluan Perumahan (*Housing Needs Continuum*). Analisis keperluan perumahan Bumiputera yang tepat dan berpusat akan dilakukan untuk mengkaji konsep penilaian keperluan perumahan bagi Bumiputera daripada kumpulan pendapatan dan demografi yang berbeza. Langkah ini akan membolehkan penggubal dasar untuk menafsir penyelesaian bersasar yang seimbang untuk kumpulan bukan pasaran dan menyediakan tempat perlindungan yang mencukupi bagi mereka yang memerlukan. Pelaksanaan kajian ini adalah tepat pada masanya dengan mengambil kira impak pandemik COVID-19 yang memberi kesan kepada isu kemampuan pemilikan rumah dan seterusnya memberi impak kepada Bumiputera.

Amalan terbaik untuk perumahan mampu milik akan diguna pakai melalui pengembangan kajian dalam inisiatif 1.

Inisiatif

#1

Melaksanakan Kajian Keselajaran Keperluan Perumahan (*Housing Needs Continuum*)

Tema 2: MENGALAKKAN PEMILIKAN KEKAYAAN OLEH BUMIPUTERA

Skim RTO yang membolehkan usaha pemilikan kekayaan Bumiputera akan diteruskan untuk aset kediaman dan diperluas untuk merangkumkan aset industri dan komersial. Ini juga termasuk memberikan bantuan pembiayaan untuk mendapatkan harta tanah yang sudah berada di dalam skim ini. Objektifnya adalah untuk mencontohi kejayaan pemilikan aset kediaman melalui skim RTO dan diperluas kepada set komersial dan perindustrian. Peluasan skim RTO akan memberi peluang kepada pengusaha Bumiputera untuk memiliki premis perniagaan mereka. Program perintis ini akan diperluas untuk mendorong lebih banyak organisasi pembangunan usahawan (EDO) memperoleh dan mengembangkan aset komersial dan perindustrian di bawah skim RTO untuk usahawan Bumiputera.

Inisiatif
#2

Peluasan Skim Sewa-untuk-Beli (RTO)

Tema 3: MENINGKATKAN NILAI ASET MILIK BUMIPUTERA

Untuk meningkatkan nilai aset komersial Bumiputera, pengenalan *Bumiputera Big Box* (3B) akan memastikan penyewa berprofil tinggi yang dapat menarik pengguna berpendapatan tinggi untuk berkongsi keuntungan kepada peruncit Bumiputera yang lebih kecil. Ini akan memberikan akses pasaran yang lebih besar bagi perniagaan Bumiputera untuk beroperasi di pusat membeli-belah yang lengkap, dengan penyewaan yang fleksibel dan dikendalikan oleh penyewa utama yang berpengalaman. Analisis pasaran akan dilakukan untuk menentukan kemungkinan pelaksanaan 3B.

Inisiatif
#3

Melakukan Analisis Menyeluruh Pasaran 'Bumiputera Big Box' (3B)



Tema 1:

MEMBANGUNKAN SATU KAJIAN KEPERLUAN PERUMAHAN BUMIPUTERA UNTUK PENAMBAHBAIKAN DASAR

Inisiatif
#1

Melaksanakan Kajian
Keselajaran Keperluan
Perumahan (*Housing Needs
Continuum*)

Housing Needs Continuum akan memungkinan pemetaan keperluan perumahan Bumiputera dilakukan bagi membantu penggubal dasar dalam merumus dan mentafsirkan penyelesaian yang sesuai untuk komuniti yang kurang mendapat liputan, sekali gus mendorong pemilikan kediaman Bumiputera. Walaupun terdapat pelbagai usaha yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan pemilikan aset Bumiputera, masih terdapat ketidaksepadanan antara penawaran dan permintaan perumahan mampu milik. Kekurangan data kritikal juga menghalang penilaian sebenar keperluan Bumiputera dan dengan itu mengakibatkan penawaran tanpa keperluan. Selain isu ketidakmampuan, terdapat juga masyarakat yang tidak mendapat tempat tinggal akibat perpindahan, pengangguran, dan bencana lain. Pandemik COVID-19 telah memberi kesan negatif kepada isu sedia ada.

Inisiatif ini akan melakukan kajian untuk menilai keperluan perumahan Bumiputera dengan tepat daripada pelbagai peringkat komuniti dan membolehkan pendekatan yang lebih bersasar kepada mekanisme penawaran, harga, dan pemilikan tempat tinggal sementara dan rumah mampu milik. Kajian


ini juga akan memberi nilai tambah kepada perumusan dasar perumahan yang rasional dan berdasarkan maklumat.

Housing Needs Continuum adalah konsep yang digunakan oleh pembuat dasar untuk mempertimbang kepelbagaian jenis kediaman yang tersedia bagi perlindungan kepada sebilangan isi rumah yang berada dalam tahap yang berbeza. Ia menilai skala antara perumahan bukan pasaran ke pasaran. Di peringkat bawah keseluruhan keperluan ini, perumahan sebahagian besarnya disediakan oleh Kerajaan, Agensi, atau Organisasi Bukan Kerajaan (NGO). Ke arah kemajuan peringkat keseluruhan keperluan yang lebih tinggi, subsidi dan bantuan akan berkurangan dan penyelesaian perumahan yang ditawarkan beralih kepada perumahan bukan pasaran ke pasaran.

Kajian yang dicadangkan ini akan merangkumi skema yang berbeza, termasuk penyewaan dengan bantuan bersasar dan penyewaan swasta. Gabungan Kementerian, Agensi, atau NGO mempunyai keupayaan untuk menawarkan penyelesaian perumahan mengikut keperluan komuniti terabai yang akan menjadi jalan keluar bagi keluarga dan individu daripada demografik berbeza yang menghadapi pelbagai masalah dan cabaran dalam kehidupan. Ini termasuk program yang bersesuaian dengan profil keluarga dan individu yang kehilangan tempat tinggal atau berisiko kehilangan tempat tinggal. Rajah 10 menunjukkan bagaimana Keselajaran Keperluan Perumahan menyesuaikan penyelesaian untuk keperluan yang berbeza.¹⁷

¹⁷ Syazwani Drani, et al, 'Combating Homelessness: Insights from a Homeless Population', *Universiti Sains Malaysia, 2020; DOSM*

Rajah 10 : Kajian 'Housing Needs Continuum' tersebut akan Mengenal Pasti Isu dan Keperluan Berbeza dalam Merangka Dasar dan Intervensi Kerajaan



Tujuan:
Menyediakan tempat perlindungan kecemasan dan sementara kepada gelandangan

Badan Pelaksana:
Jabatan Kebajikan Masyarakat, Agensi Negeri

Tujuan:
Menyediakan tempat tinggal yang selesa untuk isi rumah berpendapatan rendah


Badan Pelaksana/Program:
PR1MA, Smart Sewa

Tujuan:
Memberi peluang pemilikan rumah untuk rumah mampu milik


Badan Pelaksana:
KPKT, SPNB, KWP, PPR, PPAM, PR1MA

Penerima Manfaat


Jumlah Gelandangan di Kuala Lumpur




Mengikut kertas kerja 'Combating homelessness: Insights from a homeless population', Orang Melayu mewakili 60% jumlah gelandangan yang ditinjau



Bilangan Isi Rumah dengan Pendapatan Isi Rumah Bawah RM2,000 (Ribu)



Bilangan Isi Rumah dengan Pendapatan Isi Rumah antara RM2,000 hingga RM6,000 (Ribu)



Langkah Pelaksanaan

Housing Needs Continuum akan diwujudkan untuk memberi gambaran keperluan perumahan di Malaysia dengan lebih baik dan cadangan penyelesaian yang lebih jelas mengenai mekanisme harga dan model yang berbeza sebelum beralih kepada pemilikan. Pembinaan analisis memerlukan penambahbaikan garis panduan semasa dan kaedah pengumpulan data yang ada untuk memahami tahap keperluan perumahan yang berbeza. Prasyarat untuk usaha ini adalah dengan mewujudkan kajian untuk Keselajaran Keperluan Perumahan.

Housing Needs Continuum adalah amalan terbaik yang dilaksanakan di seluruh dunia untuk meningkatkan kemampuan pemilikan kediaman. Di Australia, inisiatif ini diselaraskan dengan keseluruhan perumahan mampu milik, di mana intervensi khusus akan dirancang untuk mengatasi masalah bagi kelompok pendapatan tertentu, seperti yang digambarkan dalam Rajah 11. Langkah-langkah ini dilakukan untuk meningkatkan keberhasilan, seperti menyediakan perumahan untuk golongan kurang bernasib baik melalui program yang disasarkan kepada keluarga yang kehilangan tempat tinggal atau berisiko kehilangan tempat tinggal, dan mempromosikan skim RTO untuk meningkatkan pemilikan rumah.

Sebagai tambahan kepada amalan di Australia, pendekatan serupa telah dilaksanakan oleh Kesatuan Eropah (EU). EU membangunkan *Housing Partnership Action Plan* yang mengintegrasikan Keselajaran Keperluan Perumahan dengan sistem pemantauan. Kepentingan penyelesaian dengan data bersepadu ini berpunca daripada keperluan menangani kenaikan harga rumah dan sewa pasaran yang meruncing dan berterusan di kebanyakan bandar EU, yang mewujudkan pasaran perumahan yang berselerak. Semakin banyak warga EU - daripada isi rumah berpendapatan rendah hingga menengah, terjejas dan menghadapi masalah untuk memiliki rumah, beban kos perumahan yang tinggi, keadaan perumahan berkualiti rendah dan sesak, dan risiko diusir. *Housing Partnership Action Plan* berfungsi untuk menyediakan perumahan mampu milik kepada semua warganya dalam masyarakat yang inklusif dan

mampun.¹⁸

Terdapat 3 jenis program yang akan dimasukkan dalam keseluruhan keperluan mengikut kesesuaian 3 profil keluarga yang kehilangan tempat tinggal atau berisiko kehilangan tempat tinggal. Program-program tersebut adalah:

- perumahan sokongan untuk keluarga tanpa tempat tinggal yang berstatus kritikal;
- perumahan sokongan untuk keluarga yang menghadapi kehilangan tempat tinggal berepisod; dan
- perkhidmatan bantuan untuk keluarga yang berisiko kehilangan tempat tinggal

Housing Needs Continuum mempertimbang sumber-sumber sedia ada dan rangkaian perumahan yang ada dalam sebuah komuniti. Kajian ini juga akan mengemukakan pelbagai pilihan dan jenis perumahan, masing-masing mengikut kepentingan individu pada tahap keperluan yang berbeza.

¹⁸ *European Spatial Planning Observation Network (ESPON), 'State of the European Territory Digital Innovation Paving the Way for Territorial Cohesion' Seminar, November 2019*

Rajah 11: Inspirasi daripada Amalan Terbaik - Australia

Di Australia, peningkatan kemampuan perumahan disasarkan dengan baik dan diselaraskan di seluruh spektrum Keselajaran Perumahan Mampu Milik dengan tahap intervensi khusus untuk meningkatkan hasil perumahan yang akhirnya akan membolehkan pemilikan rumah.

Keselajaran Perumahan Mampu Milik di Australia



Sumber: Housing Affordability Plan Australia

Meningkatkan hasil untuk yang memerlukan

AUD4.6 bilion Perjanjian Perumahan dan Gelandangan Kebangsaan

Membuka bekalan dan bantuan perumahan

- Melepaskan tanah komanwel yang sesuai untuk pembangunan perumahan mampu milik
- Membangunkan piawaian pajakan jangka masa panjang

Mencipta insentif yang betul

- Mempromosikan sewa-untuk-beli dan skim perkongsian ekuiti
- Membenarkan pembeli rumah pertama untuk mengumpul deposit dengan wang

Kotak Maklumat 12 : Konsep 'Housing Needs Continuum'



Tempat Perlindungan Kecemasan

Sesetengah orang mendapati diri mereka pada tahap ini kehilangan rumah kerana pengusiran, keganasan rumah tangga atau masalah keluarga. Ada yang berakhir di tempat perlindungan setelah keluar daripada beberapa jenis institusi tertentu, seperti pusat jagaan, hospital atau tahanan. Tempat perlindungan kecemasan adalah pelan sokongan krisis jangka pendek. Walau bagaimanapun terdapat individu dalam komuniti yang bergantung kepada pusat ini untuk jangka masa yang lebih panjang seperti gelandangan tegar.

Perumahan Peralihan

Perumahan peralihan adalah penyelesaian sementara yang bertujuan untuk merapatkan jurang kehilangan tempat tinggal ke perumahan tetap. Sebilangan besar orang yang tinggal di perumahan peralihan menggunakannya untuk sokongan, atau rawatan. Sebagai contoh, termasuk rawatan ketagihan atau sokongan kesihatan mental.

Perumahan Komuniti

Perumahan komuniti juga dikenali sebagai perumahan sosial atau perumahan bersubsidi. Ini adalah tempat tinggal bagi golongan yang berpendapatan rendah yang tidak mampu membeli pangsapuri dengan harga pasaran. Perumahan komuniti boleh merangkumi pembangunan perumahan berpendapatan rendah yang dibuat khusus, unit bersubsidi di bangunan dengan harga pasaran, atau pangsapuri dengan harga pasaran yang sebahagiannya dibayar dengan tambahan sewa oleh pihak berwajib.



Sewa yang Berpatutan

Isi rumah yang membelanjakan kurang daripada 30% pendapatan sebelum cukai untuk tempat tinggal dianggap sebagai rumah mampu milik. Kos perumahan yang melebihi 30% pendapatan akan menelan perbelanjaan yang sepatutnya dibelanjakan untuk keperluan lain seperti makanan, pengangkutan, telefon, dan simpanan peribadi. Pada masa lalu, rumah bilik merupakan sumber utama sewaan yang berpatutan, dan hari ini, unit ruang bawah tanah dan studio yang murah terus menyediakan pilihan sewa yang berpatutan. Namun, unit-unit seperti ini pun telah menjadi semakin mahal, dan biasanya dijadikan unit-unit sewaan jangka pendek untuk platform-platform dalam talian.

Pemilikan Rumah Mampu Milik

Sama seperti sewaan yang berpatutan, kos pemilikan rumah yang berpatutan sepatutnya hanya merangkumi 30% daripada pendapatan - ini menjadikan golongan berpendapatan rendah sukar untuk memiliki rumah sendiri. Namun, ada juga bantuan yang disediakan, termasuk dari organisasi-organisasi bukan keuntungan seperti Habitat for Humanity dan program-program kerajaan yang memberikan bantuan bayaran pendahuluan. Terdapat juga program-program untuk membantu pemilik rumah berpendapatan rendah menjadikan rumah mereka lebih cekap tenaga.

Perumahan Sewa Mengikut Pasaran

Rumah sewa mengikut pasaran adalah di mana tuan tanah menetapkan apa yang mereka mahukan. Tidak ada subsidi atau potongan untuk golongan yang berpendapatan rendah.

Pemilikan Rumah mengikut Pasaran

Pemilikan rumah pasaran tidak disubsidi. Pemilik bertanggungjawab untuk membayar dan menjaga harta tanah mereka. Walau bagaimanapun, kadar tersebut telah meningkat dengan cepat dalam beberapa tahun terakhir.

TERAJU akan melakukan Kajian Keselajaran Keperluan Perumahan dalam 2 bahagian: Analisis Keperluan Keselajaran dan Kajian Keperluan Keselajaran, seperti yang ditunjukkan dalam Kotak Maklumat 13.



Pembiayaan

Pembiayaan berjumlah RM3.26 juta akan diperlukan untuk menjalankan Kajian Keselajaran Keperluan Perumahan untuk mengenal pasti dengan jelas keperluan masyarakat yang berbeza dan mekanisme penyelesaian yang bersesuaian.

Impak

Kajian Keselajaran Keperluan Perumahan akan memberi maklumat mengenai penawaran, permintaan, dan juga keperluan perumahan Bumiputera secara berterusan dengan penyelesaian bersasar untuk kumpulan pendapatan yang berbeza. Ini juga akan membantu mengurangkan bilangan rumah yang tidak terjual disebabkan oleh ketidaksepadanan penawaran dan permintaan serta menangani masalah kehilangan tempat tinggal. Dengan pelaksanaan hasil kajian secara beransur-ansur, pemilikan kediaman Bumiputera berpotensi meningkat dari masa ke masa.

Kotak Maklumat 13 : Analisis dan Kajian Keselajaran





Tema 2 :

MENGALAKKAN PEMILIKAN KEKAYAAN OLEH BUMIPUTERA

Inisiatif
#2

Peluasan Skim Sewa-untuk-Beli (RTO)

Rasional

Inisiatif pemilikan kekayaan Bumiputera setakat ini hanya tertumpu pada aset kediaman, manakala pemilikan aset komersial dan industri kekal rendah. Kekurangan pembelian aset komersial dan industri telah mempengaruhi harga pasaran. Oleh itu, skim RTO akan diperluas untuk merangkumi harta tanah industri dan komersial bagi meningkatkan pemilikan kekayaan Bumiputera, sambil

meneruskan inisiatif ini untuk aset kediaman. Inisiatif ini juga akan memberikan bantuan dalam mendapatkan pembiayaan bagi memperoleh harta tanah yang tersedia.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2018, skim RTO berjaya meningkatkan pemilikan rumah Bumiputera. Skim ini membolehkan pemilikan aset, terutama bagi pembeli yang tidak berkemampuan untuk melaburkan sejumlah besar wang sebagai wang pendahuluan atau deposit. Ini membolehkan pembeli berpotensi untuk menyewa aset kediaman untuk jangka masa yang ditentukan dengan pilihan untuk membeli harta tanah pada akhir kontrak.

Di bawah Belanjawan 2021, RM1 bilion telah diperuntukkan untuk pembeli rumah pertama PRIMA, dengan jumlah 5,000 unit disasarkan kepada golongan berpendapatan sederhana. Selain PRIMA, skim RTO ini juga dilaksanakan di peringkat negeri oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui program 'Smart Sewa', dan juga oleh GLC seperti Maybank melalui program Maybank HouzKEY. Institusi kewangan lain seperti Bank Islam juga telah mengambil langkah untuk menawarkan skim serupa kepada golongan berpendapatan rendah.

Rajah 14: Panduan Umum untuk Skim Sewa-Untuk-Beli (RTO)



1

Mereka yang ingin membeli harta tanah memasuki pajakan, iaitu kontrak antara pemaju dengan bakal pembeli



2

Kontrak menentukan jangka masa tertentu di mana pembeli akan terlebih dahulu menyewa rumah.



3

Harta tanah itu kemudiannya akan disewakan untuk tempoh yang ditentukan dalam kontrak, misalnya 2, 5, atau 20 tahun.



4

Pada akhir kontrak ini, penyewa boleh memilih untuk membeli harta tanah.



Sewa-Untuk-Beli
(RTO)

Individu yang memenuhi kriteria boleh menggunakan pelbagai skim sewa-untuk-beli di Malaysia jika mereka tidak dapat (atau tidak mahu) membayar wang pendahuluan yang besar untuk membeli harta tanah. Skim ini biasanya paling sesuai untuk mereka yang belum mempunyai kemampuan bagi memenuhi syarat pinjaman harta tanah.

Sumber: www.propertyguru.com.my

Langkah Pelaksanaan

Kejayaan inisiatif ini dalam aset kediaman akan direplikasi dalam aset komersial dan perindustrian melalui peluasan konsep RTO kepada aset komersial dan industri oleh Agensi yang diberi mandat oleh Bumiputera. Kemasukan skim RTO dalam modul pembangunan usahawan Bumiputera yang ada akan membantu mempercepat pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera. Skim ini akan membolehkan peserta menyewa premis perniagaan mereka, dengan pilihan untuk membeli setelah tempoh sewaan berakhir. Sekiranya dipersetujui, pemilik aset baharu akan mengambil alih pembayaran gadai janji untuk pembelian. Perluasan skim RTO ke aset komersial dan industri akan diteruskan melalui Agensi yang berkaitan. Pada masa ini, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) telah memperluas skim ini kepada pengusaha Bumiputera. Pengusaha Bumiputera diberi pilihan untuk membeli aset tersebut setelah tempoh 3 atau enam (6) tahun.


Sebagai penyelaras utama TPB2030, TERAJU akan memastikan bahawa hasrat ini dapat diteruskan kepada Agensi lain dengan memupuk ekosistem yang kondusif untuk

pelaksanaan usaha ini dengan meningkatkan pemilikan aset komersial dan industri secara strategik. TERAJU akan memudah cara pelaksanaan, mendorong penglibatan lebih banyak Agensi, dan memantau penyertaan Bumiputera dalam skim ini. Untuk memastikan keberhasilan inisiatif ini, TERAJU akan menggalakkan kerjasama antara Kerajaan dan sektor swasta, termasuk dalam menggubal dasar, memperkenalkan peraturan, dan mendukung kerjasama dalam pemilikan aset Bumiputera.

Peluasan skim RTO untuk perumahan, komersial, dan harta tanah industri juga akan merangkumi bantuan kewangan untuk golongan berpendapatan rendah untuk memiliki aset kediaman. Beberapa institusi perbankan menawarkan insentif untuk B40,¹⁹ termasuk skim RTO, untuk membantu mempromosikan pemilikan harta tanah.

¹⁹ B40 (Terendah 40%) merujuk kepada kelompok 40% pendapatan terendah dengan pendapatan isi rumah di bawah RM4,849, M40 (Pertengahan 40%) pula mempunyai pendapatan isi rumah antara RM4,850 dan RM10,959. T20 (Teratas 20%) mempunyai pendapatan isi rumah RM10,961 dan ke atas - Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, DOSM.

Rajah 15 : Peluasan Skim Sewa-Untuk-Beli (RTO)



Pembiayaan

Peluasan skim RTO kepada aset komersial dan perindustrian akan memerlukan dana berjumlah RM29.5 juta dan sokongan daripada sektor swasta melalui saluran peruntukan kewangan masing-masing.

Impak

Skim RTO menyediakan pelan yang jelas untuk mencapai pemilikan aset kediaman Bumiputera hingga 75% pada tahun 2025. Ini juga membolehkan peningkatan pemilikan aset komersial Bumiputera. Penciptaan ekosistem yang kondusif untuk pembangunan skim RTO sangat penting dan tepat kerana lebih banyak Agensi dan institusi telah meneliti skim ini, menilai kepada daya tarikan dan kesesuaiannya di pasaran Malaysia.

Tema 3:

MENINGKATKAN NILAI ASET MILIK BUMIPUTERA

Inisiatif
#3

Melakukan Analisis Menyeluruh Pasaran 'Bumiputera Big Box' (3B)

Rasional

Sebilangan besar peruncit Bumiputera tidak mempunyai akses kepada lokasi strategik dengan pengguna berpendapatan tinggi akibat kos sewa yang tinggi. Peruncit Bumiputera kini menempati ruang perdagangan yang biasanya tidak terletak di kawasan strategik. Mereka menghadapi halangan untuk mendapatkan pendahuluan sewa yang rendah kerana ketidakmampuan untuk menembusi premis perniagaan yang berada dalam lokasi kelompok berpendapatan tinggi.

Bumiputera Big Box (3B) akan membolehkan peruncit Bumiputera beroperasi di kawasan strategik dengan harga sewa yang berpatutan yang boleh dirunding mengikut margin keuntungan mereka, berbanding menghadkan mereka di ruang perniagaan yang lebih murah yang jauh daripada capaian pelanggan berpendapatan tinggi.

3B adalah konsep hiburan-runcit, di mana pusat membeli-belah dengan penyewa utama akan menarik pengguna berpendapatan

Rajah 16 : Konsep 'Bumiputera Big Box' (3B)



- 'Big Box' merujuk kepada kedai yang disebut sebagai "box" kerana bentuk kebiasaan kotak atau segi empat sama kedai biasa.
- Kebiasaannya, stor runcit ini adalah unit satu tingkat tanpa tingkap berbentuk segi empat tepat dan memiliki rekaan luaran yang standard dan dilengkapi dengan kawasan tempat letak kereta.
- Dari aspek saiz, peruncit *Big-Box* mempunyai ruang berukuran lebih daripada 50,000 kaki persegi dan kebanyakannya berada dalam julat 90,000 hingga 200,000 kaki persegi.
- Jenis peruncit *Big Box* lain termasuk pakar kategori dan kedai khusus (seperti IKEA).

tinggi, yang akan menguntungkan perusahaan Bumiputera dengan peluang beroperasi di premis yang sama.

Konsep 3B membolehkan peruncit Bumiputera yang lebih kecil menjalankan perniagaan bersama penyewa utama untuk membolehkan mereka mengakses pasaran dengan lebih baik kepada pelanggan dengan kuasa beli yang lebih tinggi. Penyewa utama yang ada berpotensi menarik sekitar 1,000 hingga 3,000 pelanggan sehari.

Langkah Pelaksanaan

Sebelum pengenalan 3B, kajian kebolehlaksanaan dan analisis pasaran harus dilakukan untuk mengenal pasti dan menarik minat penyewa utama untuk menjadi sebahagian daripada program ini. Analisis ini akan memberi maklumat kepada Kerajaan mengenai strategi yang sesuai untuk menjamin penerimaan konsep ini oleh penyewa utama dengan mewujudkan situasi menang-menang bagi penyewa utama dan peruncit Bumiputera. Penyewa utama akan menikmati penyewaan bersubsidi, sementara peruncit Bumiputera boleh beroperasi di kompleks membeli-belah yang lengkap dengan harga sewa yang fleksibel setanding dengan margin keuntungan mereka.

Selain itu, analisis akan mengenal pasti kaedah untuk menggunakan konsep 3B untuk menghidupkan semula pusat membeli-belah yang ada dengan mengurangkan halangan yang dihadapi oleh penyewa semasa dan menarik penyewa baharu. Untuk menjamin kos modal minimum dengan sewa rendah, pusat membeli-belah 3B akan dibangun di atas tanah yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (FLC) melalui proses yang sama dengan projek pembangunan awam, seperti sekolah atau hospital. Dana pembangunan juga akan disediakan oleh Kerajaan melalui Agensi sedia ada.

Kejayaan penubuhan 3B akan meningkatkan pemilikan aset komersial Bumiputera dan merangsang pertumbuhan PKS Bumiputera. Model yang digunakan oleh Sunway Big Box Boulevard di Nusajaya, Johor digambarkan dalam Kotak Maklumat 17 dapat digunakan sebagai rujukan untuk projek perintis.

Kotak Maklumat 17 : Kes Kajian Sunway Big Box Boulevard di Nusajaya, Johor

SUNWAY BIG BOX RETAIL PARK



- Sunway Big Box Retail Park adalah taman runcit pertama seumpamanya di negara ini yang mempunyai kedai konsep gudang besar di persekitaran pusat membeli-belah terbuka.
- Sunway Big Box Retail Park akan menjadi tarikan utama di wilayah Selatan Malaysia.
- Sunway Big Box Village mewakili pendekatan inovatif untuk seni bina pusat membeli-belah di Malaysia.
- Kawasan runcit ini menjadi pemangkin pembangunan rancangan induk Iskandar.
- Mempunyai kedai konsep gudang di persekitaran terbuka.

- Reka bentuk bangunan yang dinamik dan terang disusun dengan rangkaian kotak cahaya pelbagai warna yang besar
- Ruang interaksi dengan laluan pejalan kaki sebesar 24 hektar yang terbuka secara semula jadi mewujudkan ruang luaran yang selesa untuk bersantai, di samping taman X-treme dan hotel dengan 288 bilik.



Lokasi :

Sunway Iskandar, Johor Bahru; 5 minit daripada Malaysia-Singapore Link Kedua melalui *Coastal Highway Southern Link (CHSL)*

Saiz : 1,139,973 kaki persegi

Status: Siap pada tahun 2019

Kawasan Sewaan Bersih: 500,000 kaki persegi

Tempat Letak Kereta: 2,000

Bilangan Kedai: Lebih kurang 100

Pembiayaan

Pelaksanaan analisis pasaran menyeluruh untuk mengesahkan konsep 3B akan memerlukan kira-kira RM1 juta.

Impak

Analisis pasaran yang menyeluruh akan dilakukan untuk menilai pembuktian konsep, mengembangkan kerangka 3B, mengenal pasti rakan niaga strategik, dan menentukan dasar dan saranan pelaksanaan untuk inisiatif ini.





KESIMPULAN

Usaha untuk meningkatkan penciptaan kekayaan Bumiputera perlu diorientasikan semula kepada individu dan PKS untuk pemilikan harta tanah kediaman, komersial, dan perindustrian. Penyelesaian yang bersasar dan berasaskan data dapat membantu memastikan bahawa Bumiputera dapat mengambil bahagian dalam ekonomi secara proaktif melalui pemilikan aset bukan kewangan untuk menjana pendapatan isi rumah yang lebih tinggi.

Dari segi pemilikan kediaman, kerjasama dengan Kerajaan Negeri, GLC, Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), dan institusi kewangan akan menyumbang untuk mengurangkan masalah pemilikan perumahan. Penyelesaian ini akan dimaklumkan melalui cadangan Keselajaran Keperluan Perumahan, setelah meneliti kebarangkalian pelaksanaannya. Selain itu, pengenalan mekanisme pembiayaan baharu untuk aset bukan kewangan akan memungkinkan peningkatan pemerolehan aset komersial dan perindustrian oleh usahawan Bumiputera melalui skim RTO.

Kejayaan pelaksanaan inisiatif ini, seiring dengan hasrat RMKe-12 akan memastikan pemilikan aset kediaman Bumiputera mencapai 75% menjelang tahun 2025. Pada akhirnya, inisiatif dalam PA5 akan memastikan jurang pendapatan dapat dirapatkan dan pemilikan aset yang lebih adil dan saksama.





Memfaatkan Sepenuhnya Tanah Rizab Melayu dan Instrumen Wakaf










Tema 1:
MENINGKATKAN NILAI
TANAH RIZAB MELAYU

Tema 2:
MENGEWANGKAN
(MONETISING) TANAH
RIZAB MELAYU

06



RINGKASAN EKSEKUTIF



Mengoptimumkan Tanah Rizab Melayu (TRM) telah dikenal pasti sebagai Bidang Keutamaan 6 (PA6) dalam Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) selaras dengan agenda pembangunan Bumiputera yang digariskan di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Dengan

matlamat untuk membangunkan status sosioekonomi dan pendapatan penengah masyarakat Bumiputera Melayu, TPB2030 akan meningkatkan nilai TRM dengan memanfaatkan aset tanah bagi pembangunan zon kediaman dan ekonomi baharu. Pembangunan 500,000 unit harta tanah kediaman mampu milik di TRM akan meningkatkan lagi nilai pasaran. Empat

(4) inisiatif akan didukung oleh dua (2) tema bagi memperkukuh pembangunan tanah dan mendorong penyertaan Bumiputera dalam pelaburan harta tanah.

Meskipun akses eksklusif harta tanah diberikan kepada Bumiputera, pembangunan masih lagi terhad. Salah satu sebab kurangnya penggunaan TRM adalah kerana sifat bekalan. Secara konvensional, TRM boleh diperolehi melalui pengambilan tanah menurut undang-undang tetapi mesti diganti dengan tanah yang mempunyai sifat dan keluasan yang serupa. Kesukaran menggantikan TRM telah mengakibatkan jumlah saiz mengalami turun naik, bergantung kepada projek pembangunan atau pemerolehan bagi tujuan lain. Pada tahun 2019, jumlah ukuran TRM merosot kepada 4.88 juta hektar berbanding 5.04 juta hektar pada tahun 2017.⁰¹ Pengurangan luas dan nilai kawasan TRM disebabkan oleh penangguhan penggantian tanah, atau penggantian tanah di lokasi yang tidak strategik, atau nilai yang tidak setara.

Tema pertama di bawah PA6 memberi fokus kepada asas yang diperlukan untuk merangsang pembangunan tanah Bumiputera. Penyelarasan dasar dan tadbir urus tanah Bumiputera adalah inisiatif penting bagi memacu program-program pembangunan dan dapat dilakukan dengan mewujudkan kerangka peraturan peringkat nasional yang berkesan untuk mentadbir tanah tersebut. Kumpulan Wang Amanah dan Insentif Pembangunan Tanah Bumiputera akan memainkan peranan penting dalam menarik minat pemaju melalui proses pemerolehan dan penggabungan tanah Bumiputera. Insentif yang ditawarkan juga akan memastikan bahawa pemilik tanah Bumiputera terus mendapat keuntungan daripada pembangunan yang dirancang walaupun selepas penjualan tanah mereka. Tema ini akan memastikan peningkatan nilai tanah Bumiputera dengan mengutamakan program pembangunan nasional bernilai tinggi agar bersebelahan dan terhubung dengan TRM. Tambahan pula, inisiatif ini bukan sahaja dapat meningkatkan pemilikan Bumiputera terhadap harta tanah kediaman, komersial, dan perindustrian; ia juga akan menangani isu pemilikan perumahan.

Dengan penyusunan asas yang kukuh di

bawah Tema 1, Tema 2 menetapkan model penjanaaan kekayaan baharu bagi pemilik tanah Bumiputera. Platform Pertukaran Harta Tanah Bumiputera akan dicadangkan sebagai pemacu perubahan yang memberi ruang kepada tanah Bumiputera yang digabungkan untuk dijana dan dimanfaatkan. Model sedemikian akan mendorong penyertaan Bumiputera dalam pelaburan harta tanah dan meningkatkan potensi kepada pemilik tanah Bumiputera untuk mencapai keselamatan kewangan.

Usaha bersepadu dan komitmen kewangan yang diperlukan untuk memenuhi objektif PA6 menjadi pendorong untuk memberi kuasa kepada pemilik tanah. Penciptaan kekayaan dengan memaksimumkan potensi tanah Bumiputera yang diperkuat oleh rangka kerja tadbir urus dan peraturan yang diperkemas akan memberi impak bermanfaat yang tidak terhad kepada status sosioekonomi Bumiputera.

⁰¹ *Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian*



LATAR BELAKANG

TPB2030 akan meneruskan agenda pembangunan Bumiputera yang ditegakkan oleh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) sebagai fokus utama. Kerangka keseluruhan PA6 menerusi agenda ini bagi meningkatkan nilai TRM dengan memanfaatkan aset pembangunan zon kediaman dan ekonomi baharu. Inisiatif yang digariskan ini akan berfungsi selari dengan inisiatif yang akan dilakukan oleh PA6 untuk mengatasi masalah pertindihan dari sudut penawaran, dasar, dan peraturan.

KES UNTUK INTERVENSI

Kawasan Tanah Tidak Terpakai dan Strategik

Kedudukan TRM yang tidak strategik dan berada di kawasan luar bandar yang jauh dari bandar utama bermaksud permintaan perumahan dan aktiviti komersial agak rendah. Ini mengakibatkan pembangunan ekonomi dan peluang pelaburan yang rendah oleh sektor swasta kerana kemampuan untuk mengkomersialkan lokasi-lokasi ini menjadi isu utama. Faktor utama yang menyumbang kepada permintaan tanah dan harta tanah seperti lokasi, kemudahan di kawasan sekitarnya, ketersediaan pengangkutan awam, pengezonan, kegiatan komersial yang menjadi sebab harga tanah di pusat bandar seperti Kuala Lumpur tetap tinggi meskipun dalam situasi pandemik.

Walaupun terdapat peruntukan yang membenarkan pertukaran TRM dengan nilai yang setara, namun ia merupakan amalan yang sukar. Ini kerana TRM biasanya bersaiz kecil dengan kedudukan yang berselerak. Lokasi yang tidak strategik menghalang potensi pembangunan bernilai tinggi. Jika tanah-tanah ini ingin dibangunkan, ia harus digabungkan terlebih dahulu. Tindakan tersebut memerlukan kemampuan kewangan

yang besar dan di luar kemampuan pemilik tanah individu. Lebih-lebih lagi, penggunaan TRM dikhususkan kepada Bumiputera, sehingga mengehendkan potensi pembangunan yang mampu meningkatkan nilai.

Kekurangan Dasar dan Strategi yang Jelas dan Komprehensif

Kekurangan dasar dan strategi yang jelas dan komprehensif menyukarkan proses dokumentasi dan pembuktian pemilikan tanah. Kebanyakan TRM merupakan tanah yang diwarisi oleh keluarga dari beberapa generasi tanpa pendaftaran dan dokumentasi yang sah dan betul di pejabat tanah dan daerah. Contohnya, tanah dan harta tanah di Kampong Bharu yang sering mengalami perselisihan dan pertikaian mengenai isu pemilikan, mengakibatkan kesulitan dan halangan besar dalam mencapai kebolehpasaran dan penerimaan pelaburan.

Hal ehwal dalam pentadbiran tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri di mana terdapat perbezaan dari segi amalan dan prosedur di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Hal ini berikutan terdapatnya perbezaan dalam konteks undang-undang berkaitan tanah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Di Semenanjung Malaysia, secara amnya Kanun Tanah Negara 1965 merupakan rujukan perundangan yang terpakai dalam hal ehwal pentadbiran tanah. Bagi TRM pula, secara amnya Enakmen Rizab Melayu akan dijadikan rujukan utama. Dalam pada itu, Tanah Adat di Sabah pula tertakluk di bawah Ordinan Tanah Sabah manakala Tanah Hak Adat Bumiputera di Sarawak tertakluk di bawah Kanun Tanah Sarawak.

Perbezaan dari sudut perundangan ini bukan sahaja menyukarkan pengoperasian malah menyulitkan usaha pembangunan tanah Bumiputera secara bersepadu. Pengkomersialan tanah Bumiputera dirumitkan lagi dengan tatacara yang berbeza dalam hal ehwal pentadbiran tanah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Ketidakterseragaman dari segi dasar dan tatacara di peringkat Kerajaan dan Agensi



yang berlainan juga menyebabkan kurangnya perkongsian data yang memainkan peranan penting dalam membentuk kerangka tadbir urus nasional yang praktikal dan komprehensif khususnya dalam konteks pembangunan tanah Bumiputera.

VISI

Untuk mengatasi masalah yang dihadapi dan mencapai matlamat PA6, 2 tema

telah dirumuskan; meningkatkan nilai dan mengewangkan (*monetising*) TRM bagi pembangunan Zon Kediaman dan Ekonomi Baharu. Ini adalah sejajar dengan matlamat RMKe-12 iaitu meningkatkan pemilikan kediaman dan menjana kekayaan bagi Bumiputera. Inisiatif di bawah PA6 juga dapat diaplikasikan untuk mengoptimumkan Tanah Adat dan Tanah Hak Adat Bumiputera.

Dasar, Peraturan serta Mekanisme Penyampaian adalah faktor utama keberhasilan PA6. Oleh yang demikian, inisiatif untuk mengintegrasikan dasar dan tadbir urus Bumiputera telah dilaksanakan sebagai inisiatif yang menjadi landasan untuk mencapai tema yang telah digariskan.



INISIATIF

Tema 1:

MENINGKATKAN NILAI TANAH RIZAB MELAYU

Pelan Induk akan diwujudkan dan disatukan ke dalam pelbagai peringkat Kerajaan - termasuk peringkat persekutuan dan negeri, serta Agensi yang ada - bagi memastikan kesesuaian dasar dan tadbir urus tanah Bumiputera. Pembangunan tanah Bumiputera akan ditingkatkan melalui penyatuan dasar dan tadbir urus bagi menghasilkan kerjasama dan hasil yang lebih baik. Pemilik tanah Bumiputera dapat memanfaatkan aset tanah mereka melalui inisiatif di bawah tema ini yang akan mengurangkan halangan, menggabungkan tanah Bumiputera bagi memudahkan pembangunan bernilai tinggi, dan menyelaraskan projek pembangunan nasional dengan tanah Bumiputera untuk meningkatkan nilai mereka.

Inisiatif
#1

Dasar dan Tadbir Urus Bersepadu Tanah Bumiputera

Inisiatif
#2

Tabung Amanah dan Insentif Pembangunan Tanah Bumiputera

Inisiatif
#3

Projek Pembangunan Bumiputera di Peringkat Nasional

Tema 2:

MENGEWANGKAN (MONETISING) TANAH RIZAB MELAYU

Model penjanaan kekayaan baharu, seperti Platform Pertukaran Harta Tanah Bumiputera yang dicadangkan, akan membolehkan pemilik tanah Bumiputera memaksimumkan manfaat ekonomi tanah mereka. Untuk menjana keuntungan tanah Bumiputera, plot akan diambil alih, digabungkan, dan ditukar menjadi ekuiti yang boleh dimanfaatkan melalui Platform Pertukaran Harta Tanah Bumiputera. Selain meningkatkan pulangan pelaburan kepada pemilik tanah Bumiputera, pembentukan Platform Pertukaran ini akan mendorong penyertaan Bumiputera dalam pelaburan harta tanah.

Untuk memperoleh manfaat model penjanaan kekayaan tersebut kepada pemilik tanah Bumiputera, Tema 2 didorong oleh inisiatif berikut:

Inisiatif
#4

Platform Pertukaran (*Exchange Platform*) Harta Tanah Bumiputera



كَمْپُونڠ بھارو

KAMPONG BHARU



DEWAN PERBANDARAN
KAMPONG BHARU



Tema 1: MENINGKATKAN NILAI TANAH RIZAB MELAYU

Inisiatif #1 Dasar dan Tadbir Urus Bersepadu Tanah Bumiputera


Rasional

Terdapat beberapa masalah yang berkaitan dengan sistem sedia ada yang akan dapat ditangani dengan melaksanakan kerangka dasar dan tadbir urus berintegrasi untuk TRM. Pada masa ini, pemilik tanah Bumiputera tidak dapat memanfaatkan tanah mereka kerana potensi nilai ekonomi tanah tersebut masih belum dapat dioptimumkan. Ini disebabkan oleh ketidakseragaman undang-undang oleh Pihak Berkuasa Negeri mengenai isu tanah; menyebabkan keperluan untuk mewujudkan kerangka peraturan peringkat nasional yang efektif untuk mentadbir urus tanah. Tadbir

urus dan dasar yang tidak menyeluruh menyebabkan kekurangan data penting yang komprehensif dan terkini mengenai pemilikan, ukuran, dan nilai tanah Bumiputera, sehingga menghalang pendekatan strategik untuk pembangunan tanah Bumiputera. Namun, terdapat juga data menunjukkan bahawa tanah Bumiputera kurang dimanfaatkan kerana saiz tanahnya kecil, terletak di lokasi yang berselerak, dan tidak strategik. Undang-undang yang terhad mengenai penjualan, dan perselisihan serta pertikaian mengenai isu pemilikan telah menjejaskan lagi nilainya. Secara kolektif, inisiatif perlu dilaksanakan agar pemilik tanah Bumiputera memiliki model penajaan kekayaan baharu yang dapat digunakan untuk meningkatkan pulangan pelaburan tanah dan memperoleh nilai yang lebih besar daripada aset ini.

Walaupun keluasan TRM meningkat daripada 2.42 juta hektar pada tahun 1947 menjadi 5.04 juta hektar pada tahun 2017, ia menurun menjadi 4.83 juta hektar pada tahun 2018, dan meningkat semula dengan jumlah yang sedikit menjadi 4.88 juta hektar pada tahun 2019.⁰² Trend turun naik yang ditunjukkan dalam Rajah 1 adalah bukti kehilangan TRM tidak dapat pulih dengan mudah; dan jika ia diganti, tanah tersebut mungkin tidak mempunyai nilai yang sama.

Rajah 1: Tanah Rizab Melayu (1947-2019) setakat 31 Oktober 2019
Ribu Hektar



Sumber: Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan

Langkah Pelaksanaan

Untuk melakukan perubahan secara sistematis dan berkesan, gabungan antara dasar tanah Bumiputera di semua peringkat tadbir urus perlu dipertingkatkan melalui pembentukan Pelan Induk bersepadu untuk TRM. Kerangka holistik ini akan disatukan ke dalam pembangunan strategi Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan. Peningkatan kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan dilakukan seiring dengan pembangunan pangkalan data tanah Bumiputera yang komprehensif, yang dicadangkan untuk disatukan di bawah Analitik Data Raya Bumiputera (BBDA) TERAJU. Data yang dikumpul dan diperolehi melalui gabungan tindakan yang seiring dan berhubung kait akan mempunyai analisis yang lebih baik dan boleh digunakan sebagai bukti dan rujukan pihak berkepentingan. Pangkalan data yang lebih kukuh juga akan membolehkan kajian dilakukan oleh Agensi berkepentingan bagi menghasilkan rancangan tindakan pembangunan holistik yang menggabungkan TRM yang lebih kecil dan berselerak kepada sebidang tanah yang lebih besar. Selain itu, Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Data Tanah Rizab Melayu Semenanjung Malaysia akan memperluas peranan dan skopnya untuk memberikan garis panduan mengenai pembangunan tanah dan penciptaan nilai.

Langkah ini juga akan dilengkapi dengan pendekatan penerapan pengembangan inovatif dengan menjalin kerjasama strategik dengan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), dan badan yang diberi mandat di peringkat negeri untuk bimbingan dan nasihat mengenai penggunaan konsep instrumen wakaf bagi mengoptimalkan nilai TRM.

Konsep Istibdal dapat diterapkan sebagai langkah untuk menyelesaikan masalah kehilangan TRM. Istibdal, menurut Enakmen Wakaf Negeri Selangor dan Enakmen Wakaf Melaka, adalah penggantian harta tanah wakaf dengan harta tanah atau wang lain dengan nilai yang sama atau lebih tinggi sama ada melalui penggantian, pembelian, penjualan atau cara lain mengikut prinsip Syariah.⁰³ Definisi Istibdal juga disebut dalam Enakmen Wakaf Negeri Sembilan.⁰⁴ Melalui penerapan konsep Istibdal

dalam transaksi TRM, penggantian harta tanah TRM dengan harta lain dengan nilai yang setara akan mengurangkan kerugian TRM.

Faktor lain yang menyumbang kepada kehilangan TRM adalah pengelasan semula TRM. Apabila pihak berkuasa mengklasifikasikan semula TRM sebagai harta kediaman atau komersial, mereka diwajibkan oleh undang-undang untuk mengganti tanah tersebut dengan mengklasifikasikan semula tanah di tempat lain sebagai TRM. Walau bagaimanapun, proses penggantian tanah adalah lama.

TRM memberi akses eksklusif kepada harta tanah untuk komuniti Bumiputera Melayu, yang dapat dimanfaatkan untuk menghasilkan nilai melalui pemilikan aset dan pertumbuhan pendapatan. Untuk membuka potensi maksimum tanah, pindaan yang diusulkan pada Kanun Tanah Negara akan dipertimbangkan untuk tujuan meningkatkan nilai TRM. Pada masa ini, peluang pembangunan dan hasil ekonomi bagi pemilik tanah Bumiputera adalah minimum kerana penyewaan dan penggunaan TRM yang terhad kepada masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, status khasnya menyebabkan pembangunan TRM tidak diberi perhatian dan sekali gus menyumbang kepada penurunan nilainya.

Majlis Pembangunan Tanah Rizab Melayu & Wakaf akan ditubuhkan untuk memastikan bahawa inisiatif yang digariskan dalam PA6 dilaksanakan dengan pengawalseliaan oleh pasukan pemantau prestasi yang berdedikasi. Majlis ini juga akan memberikan panduan dan menyelesaikan permasalahan berkaitan yang timbul.

Pindaan yang diusulkan oleh Kanun Tanah Negara akan merangkumi pelonggaran halangan yang ada dengan membenarkan penempatan dan penggunaan kediaman harta tanah yang dibina di atas TRM untuk

⁰² *Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian*

⁰³ *Enakmen Wakaf Negeri Selangor, 1999; Enakmen Wakaf Melaka, 2005*

⁰⁴ *Enakmen Wakaf Negeri Sembilan, 2005*

merangkumkan komuniti bukan Melayu. Walau bagaimanapun, pemilikan TRM akan kekal secara eksklusif dengan pemilik individu atau perusahaan Melayu. Manfaat membuka TRM untuk kegiatan ekonomi dapat dilakukan, bermula dengan pembentangan enakmen di Parlimen oleh Kementerian yang berkenaan.

Cadangan inisiatif ini adalah berlandaskan kesedaran terhadap cabaran yang mungkin dihadapi. Cabaran ini termasuk masalah tanah yang dikategorikan di bawah bidang kuasa negeri terbabit, serta sebarang perubahan enakmen akan mengambil masa. Ini juga akan

memakan masa sebelum manfaat daripada inisiatif ini dapat dikumpulkan berikutan status TRM pada ketika ini berada di bawah nilai pasaran, tidak aktif, dan kurang diusahakan. Untuk mengatasi cabaran ini, pindaan yang diusulkan Kanun Tanah Negara akan dimulakan dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (FLC). Pembangunan semula Kampung Bharu diaktifkan melalui penggubalan Akta Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu 2011, mewujudkan duluan dan contoh untuk kemungkinan pindaan dibuat terhadap Kanun Tanah Negara bagi memenuhi tujuan yang digariskan.

Kotak Maklumat 2 : Kisah Kejayaan - Akta Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu 2011

Akta Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu 2011 [Akta 733]

Akta Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu 2011 [Akta 733] diluluskan oleh Parlimen pada 7 Disember 2011. Hasil daripada Akta 733, Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB) ditubuhkan pada 1 April 2012. PKB telah diberi kepercayaan sebagai penyelaras, fasilitator, dan penggerak utama dalam pembangunan semula Kampung Bharu.



Perkara Utama	Perincian
Visi	<ul style="list-style-type: none"> Menjana potensi harta tanah dan mengubah ekonomi ke arah kesejahteraan yang lebih besar yang seimbang dengan pemeliharaan nilai sejarah, ciri-ciri budaya dan warisan Melayu Kampung Bharu.
Misi	<ul style="list-style-type: none"> Tidak ada pemilik tanah dan pewaris yang akan dipinggirkan dalam arus perdana Pembangunan Kampung Bharu menjelang tahun 2020.
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> Untuk menjadi penggerak utama dan fasilitator dalam melaksanakan dasar, arahan dan strategi yang cekap dan berkesan dalam Pembangunan Semula Kampung Bharu; Menyediakan pelbagai inisiatif perkhidmatan untuk pembangunan serta khidmat nasihat yang layak dalam pembangunan semula atau peningkatan kawasan Pembangunan Semula Kampung Bharu; Untuk memacu, merangsang dan mempromosikan aktiviti bagi pertumbuhan ekonomi, komersial dan industri melalui pakatan strategik dan perkongsian yang memberi manfaat kepada pemilik tanah dan pewaris tanah Kampung Bharu; Untuk memastikan pengurusan profesional dalam pembangunan dan pentadbiran kewangan, dan Untuk memastikan bahawa semua ciri pembangunan adalah berdasarkan pemeliharaan budaya dan warisan Melayu serta kebajikan Islam.

Pembiayaan

Untuk memastikan manfaat inisiatif ini disalurkan kepada penerima manfaat dengan tepat, pihak berkepentingan utama yang dikenal pasti akan beroperasi dengan nilai pelaburan kira-kira RM26 juta untuk mengintegrasikan dan menggabungkan dasar, tadbir urus, dan usaha melalui pembinaan Rancangan Induk.

Rajah 3 : Pihak Berkepentingan Utama

Penyelaras Utama
<ul style="list-style-type: none"> • TERAJU / Syarikat Tujuan Khas
Pihak Berkepentingan Lain ⁰⁵
<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) • Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) • Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) • Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA) • Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) • Majlis Amanah Rakyat (MARA) • Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) • Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) • Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) • Permodalan Nasional Berhad (PNB) • Tabung Haji Properties (THP) • Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) • Universiti Teknologi MARA (UiTM) • Jabatan Tanah dan Galian (JTG) • Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) • Unit Perancang Ekonomi (EPU) • Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) • Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG)

Impak

Pelaksanaan inisiatif Dasar dan Tadbir Urus Bersepadu Tanah Bumiputera akan membuka potensi nilai ekonomi TRM.

Inisiatif
#2

Tabung Amanah dan Insentif
Pembangunan Tanah
Bumiputera

Rasional

Kekurangan pembangunan dan nilai TRM yang rendah berpunca daripada lokasi yang berselerak, di samping saiz TRM yang kecil, kurang digunakan, dan tidak berada di lokasi yang strategik. Pembangunan TRM memerlukan sumber yang besar di luar kemampuan kewangan pemilik tanah individu, seterusnya menjejaskan nilainya. Oleh itu, Kumpulan Wang Amanah dan Insentif Pembangunan Tanah Bumiputera akan berfungsi sebagai dana khusus untuk membolehkan Organisasi Pembangunan Usahawan (EDO) bekerjasama dengan pemilik tanah bagi mengembangkan aset komersial bernilai tinggi di TRM.

Langkah Pelaksanaan

Tabung Amanah dan Insentif Pembangunan Tanah Bumiputera akan ditubuhkan bagi membangunkan TRM. Penggunaan 'Skema Kolektif' sangat penting dalam memastikan keberkesanan dan kecekapan penyampaian dana. Tabung Amanah ini juga akan menggalakkan penyertaan pemilik tanah dalam program pembangunan harta tanah dengan penyerahan tanah sebagai ekuiti.

⁰⁵ Senarai pihak berkepentingan yang dicadangkan untuk terlibat dalam inisiatif ini dan tidak muktamad

Rajah 4: Taburan TRM di Semenanjung Malaysia
Hektar

TANAH RIZAB MELAYU

PERLIS

Luas negeri
79,521.41



Keluasan TRM
hingga 2014
37,073.10
(0.90%)

Nisbah
(46.62%)

Luas negeri
942,753.79



Keluasan TRM
hingga 2014
600,087.39
(14.59%)

Nisbah
(63.65%)

Luas negeri
2,101,065.60



Keluasan TRM
hingga 2014
913,981.83
(22.22%)

Nisbah
(43.50%)

Petunjuk:

■ Luas Negeri

■ TRM: Tanah Rizab Melayu




KUALA LUMPUR

Luas negeri
24,276.54

Keluasan TRM
hingga 2014
803.45
(0.02%)

Nisbah
(3.31%)



Luas negeri
793,233.54



Keluasan TRM
hingga 2014
160,237.35
(3.90%)

Nisbah
(20.20%)

Luas negeri
665,888.26



Keluasan TRM
hingga 2014
225,896.90
(5.49%)


Nisbah
(33.92%)

JUMLAH

Luas negeri
12,910,138.39

Keluasan TRM hingga 2014
4,113,182.44
(100%)

Nisbah
(31.86%)




Luas negeri
1,510,868.72



Keluasan TRM
hingga 2014
1,308,686.97
(31.82%)

Nisbah
(86.62%)

Luas negeri
1,295,862.84




Keluasan TRM
hingga 2014
118.21
(0.003%)

Nisbah
(0.009%)

Tanah Pegangan Melayu ialah tanah milik orang Melayu berkeluasan kurang daripada 4 hektar (10 ekar)

Di Terengganu adalah berjumlah 60% dengan keluasan 1.295 juta hektar

Luas negeri
3,597,468.43



Keluasan TRM
hingga 2014
436,910.47
(10.62%)

Nisbah
(12.14%)

Luas negeri
1,899,199.26



Keluasan TRM
hingga 2014
429,386.77
(10.44%)

Nisbah
(22.61%)

Keluasan dalam Hektar

Sumber : Dr Mohd Hasrol Haffiz Aliasak, 'Tanah Rizab Melayu', Universiti Teknologi MARA, 2014

Seterusnya, insentif akan ditawarkan bagi mendorong pertanian pintar dan pertanian menegak (*vertical farming*). Hasil pertanian dan akuakultur akan memberikan pendapatan yang tinggi bagi pemilik tanah ini dan seterusnya akan meningkatkan nilai tanah.

Tabung Amanah dapat dilaksanakan melalui penubuhan Syarikat Tujuan Khas (SPV) atau melalui mandat kepada Agensi yang sedia ada. Dengan menggunakan modal pusingan tahunan, Tabung Amanah akan melaksanakan inisiatif melalui beberapa fungsi.

Pertama, Tabung Amanah akan terlibat dalam pemerolehan tanah. Pemilik tanah akan diberi insentif untuk memindahkan tanah mereka ke Tabung Amanah dengan saham dalam SPV, pampasan tunai, atau dividen dijamin 7% untuk lima (5) tahun pertama. Ini akan memudahkan dan mempercepat inisiatif fasa pengambilan tanah. Langkah ini juga akan diwajibkan bagi tanah yang diperolehi untuk mengekalkan status TRM.

Kemudian, Tabung Amanah akan mendorong penyertaan pemilik tanah. Organisasi ini akan menyampaikan maklumat secara berkesan mengenai manfaat berterusan daripada pembangunan yang dirancang untuk pemilik tanah setelah penjualan tanah mereka. Tabung Amanah bertanggungjawab untuk memastikan keuntungan dan kesinambungan kewangan projek pembangunan dapat mengagihkan pulangan yang memuaskan kepada semua pelabur, berdasarkan ekuiti

mereka. Kredibiliti dan hubungan organisasi akan dibina melalui perwakilan Kerajaan dan pelaburan yang menarik.

Pampasan yang menarik juga harus dijamin melalui tadbir urus yang jelas dan ketelusan struktur SPV. Dana akan digunakan untuk pengoperasian awal SPV, perolehan tanah, dan sebagai jaminan jika terjadi kekurangan pemilik tanah. SPV juga akan memastikan bahawa projek-projek pembangunan berkemampuan dari segi kewangan.

Beroperasi sebagai SPV, Tabung Amanah akan meminimumkan peraturan dan kepatuhan luar, kerja pentadbiran, dan biaya terkait dalam pelaksanaan inisiatif ini. Pemilik tanah dan pelabur akan ditawarkan pilihan keluar yang mudah dan terkawal.

Tadbir urus yang jelas dan telus akan meningkatkan akauntabiliti dan membantu mencapai hasil yang disasarkan serta menambah keyakinan bagi menggalakan penyertaan dalam program ini. Tadbir urus dan ketelusan yang diselaraskan akan menjadi nilai yang terpenting dalam membina kepercayaan antara Tabung Amanah, pelabur dan pemilik tanah. Hubungan ini akan saling menguntungkan dan akan membantu memudahkan pelaksanaan inisiatif supaya ia lancar dan cepat. Selain itu, tadbir urus yang berkesan juga akan membantu memberi kesedaran tentang peranan Tabung Amanah yang akan menyimpan hak milik sambil membolehkan nilai tanah berkembang.

Rajah 5: Proses Penubuhan Skim Amalgamasi Tanah TRM - Pendekatan Berpotensi



Kotak Maklumat 6 : Kajian Kes - Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Pada awal kemerdekaan, kemiskinan luar bandar berpunca daripada kebergantungan penduduk luar bandar pada pegangan kecil, tidak ekonomi, dan sering berselerak yang menyukarkan adaptasi kemajuan teknologi. Penerapan inovasi akan dapat meningkatkan hasil pengeluaran dan meningkatkan pendapatan melebihi garis kemiskinan.

Penubuhan FELDA pada tahun 1956 adalah skema penempatan semula tanah yang unik. Ini menyatukan keluarga pribumi yang miskin dan tidak bertanah dan melibatkan mereka dalam sektor pertanian sebagai petani kecil moden yang menghasilkan tanaman agro industri yang diusahakan untuk eksport. Pada mulanya, skema ini memberi tumpuan kepada getah tetapi telah beralih kepada kelapa sawit. FELDA menyediakan kawasan perumahan seluas 1,000 hektar kepada peneroka di kawasan tersebut dan setiap peneroka menerima kawasan penanaman seluas 4 hektar. Peneroka mendapat pendapatan minimum yang dijamin bermula dari tahun-tahun awal sehingga tanah dapat menghasilkan pulangan yang stabil.

Pada mulanya, peneroka dikumpulkan di bawah koperasi, yang membolehkan perkhidmatan yang berkesan untuk FELDA. Mereka kemudian diberikan sebidang tanah khas yang digabungkan di seluruh negara. Kos pembangunan yang ditanggung oleh FELDA ditukar menjadi pinjaman selama 15 tahun. Setelah berjaya memenuhi pembayaran pinjaman, peneroka diberikan hak milik tanah.⁰⁶



Penubuhan Tabung Amanah dan Insentif Pembangunan Tanah Bumiputera akan dilakukan oleh pihak berkepentingan berikut:

Rajah 7: Pihak Berkepentingan Utama

Penyelaras Utama
<ul style="list-style-type: none"> • TERAJU / Syarikat Tujuan Utama (SPV)
Pihak Berkepentingan ⁰⁷
<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kewangan Malaysia(MOF) • Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) • Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) • Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) • Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) • Majlis Amanah Rakyat (MARA) • Permodalan Nasional Berhad (PNB) • Tabung Haji Properties (THP) • Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) • Universiti Teknologi MARA (UiTM) • Jabatan Tanah dan Galian (JTG) • Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) • Unit Perancang Ekonomi (EPU)

Pembiayaan

Untuk memulakan inisiatif ini, Tabung Amanah akan ditubuhkan dengan pelaburan awal bernilai RM1 bilion menjelang tahun 2025. Dana ini juga akan membolehkan pembangunan komersial tanah TRM yang digabung.

Impak

Penubuhan Tabung Amanah Pembangunan Tanah Bumiputera yang akan menggabungkan semua TRM yang kemudiannya akan diperuntukkan kepada pembangunan Bumiputera. TRM akan disepadu dan diuruskan sebagai ekuiti kepada dana amanah. Sebagai tambahan kepada kerjasama awam-swasta (PPP), Tabung Amanah akan memudahkan

⁰⁶ Yuleng Khor, 'The FELDA Case Study', LMC International LTD, 2015

⁰⁷ Senarai pihak berkepentingan yang dicadangkan untuk terlibat dalam inisiatif ini dan tidak muktamad

penyesuaian semula tanah dan mempercepat kemajuan pembangunan harta tanah untuk membolehkan Agensi dan entiti swasta yang berkaitan melakukan pembangunan aset komersial bernilai tinggi seperti pasar raya, pusat membeli-belah, penginapan pelajar, dan kemudahan penjagaan orang tua untuk memaksimumkan nilai tanah.

Inisiatif
#3

**Projek Pembangunan
Bumiputera di Peringkat
Nasional**

Rasional

Projek Pembangunan Bumiputera di Peringkat Nasional adalah inisiatif bagi membangunkan sebuah perbandaran mega yang berdekatan dengan lokasi TRM. Di samping meningkatkan nilai tanah, pembangunan bandar mega di kawasan pinggir bandar dengan infrastruktur yang baik seperti perbandaran baharu, rangkaian kereta api, dan lebuh raya akan meningkatkan nilai aset Bumiputera; mempromosikan pemilikan harta tanah kediaman, komersial, dan perindustrian; serta menangani masalah pemilikan perumahan.

Isu pemilikan rumah untuk Bumiputera amat kritikal di Lembah Klang, di mana model bantuan konvensional untuk pemilikan rumah oleh Bumiputera amat sukar untuk dilaksanakan. Apabila nilai harta tanah berubah, strategi Bumiputera untuk memiliki rumah beralih ke lokasi yang terletak di pinggir bandar utama di mana rumah yang ditawarkan adalah lebih mampu milik. Inisiatif ini mendorong pembangunan kawasan perbandaran baharu di kawasan pinggir bandar yang menggabungkan aset harta tanah berbeza termasuk kediaman, komersial, dan perindustrian.

Perbandaran besar di pinggir bandar Kuala Lumpur, seperti Putrajaya dan Cyberjaya, harus dicontohi. Perbandaran berskala ini akan menarik pembangunan infrastruktur seperti rangkaian kereta api atau lebuh raya yang akan memberikan jaringan pengangkutan dan perhubungan ke pusat bandar bagi penduduk yang bekerja di sana, sekali gus memudahkan penurunan harga harta tanah di kawasan

berikut akibat peningkatan permintaan. Ia juga akan mendorong penciptaan kekayaan bagi pemilik kediaman Bumiputera pada masa akan datang. Antara bandar yang berjaya dibentuk yang menjadi pendahulu inisiatif ini adalah penubuhan Shah Alam dan Bandar Baru Bangi.

Selama tiga (3) dekad yang lalu, pembangunan Shah Alam telah mendorong pertumbuhan bandar satelitnya, iaitu Setia Alam, Bandar Puncak Alam, Denai Alam, dan Elmina yang bersambung di sepanjang Lebuhraya Guthrie Corridor dan projek Transit Aliran Ringan 3 (LRT 3).

Langkah Pelaksanaan

Pelaksanaan inisiatif ini memerlukan Agensi untuk mengumpulkan sumber mereka mengikut kategori aset masing-masing bagi mewujudkan bandar baharu, rangkaian kereta api, dan lebuh raya yang akan terletak berhampiran dengan tanah Bumiputera. Namun, pada masa ini, belum terdapat keperluan bagi kebolehcapaian projek ini dan hanya akan dilaksanakan setelah mencapai skala ekonomi yang mencukupi. Selain itu, lokasi TRM yang berselerak dan tidak bersatu menghalang projek pembangunan nasional berskala besar. Oleh itu, titik permulaan inisiatif ini adalah untuk mengenal pasti jumlah besar TRM yang dapat digabungkan untuk menyokong projek-projek pembangunan ini dan mencapai skala ekonomi pembangunan. Tanah yang disatukan harus terletak berhampiran dengan projek-projek nasional baharu yang dapat menyediakan rangkaian dengan bandar-bandar besar yang dicadangkan; sebagai contoh, Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Lebuhraya Pantai Barat (WCE), atau laluan Aliran Transit Massa (MRT). Untuk memberikan akses yang lebih baik kepada bandar baharu yang dicadangkan di tanah gabungan yang dikenal pasti, jaringan hubungan kepada infrastruktur perlu diwujudkan melalui pembangunan akses jaringan baharu. Prasarana ini akan memudahkan aliran penduduk kelas pertengahan dari kawasan pinggir bandar ke pusat bandar. Ini akan membolehkan penyertaan Bumiputera yang lebih besar dalam pembangunan bandar sambil mengekalkan rumah mampu milik, sekali gus menyumbang kepada peningkatan pemilikan dan nilai aset kediaman Bumiputera.

Rajah 8: Pihak Berkepentingan Utama

Penyelaras Utama
<ul style="list-style-type: none"> • TERAJU / Syarikat Tujuan Khas
Pemegang Taruh ⁰⁸
<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) • Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) • Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) • PR1MA Corporation Malaysia (PR1MA) • Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) • Majlis Amanah Rakyat (MARA) • Permodalan Nasional Berhad (PNB) • Tabung Haji Properties (THP) • Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) • Universiti Teknologi MARA (UiTM) • Jabatan Tanah dan Galian (JTG) • Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) • Unit Perancang Ekonomi (EPU) • Kerajaan Negeri

Pembiayaan

Projek Pembangunan Bumiputera di Peringkat Nasional memerlukan gabungan Agensi bermandat oleh Bumiputera dan sektor swasta untuk beroperasi dalam anggaran pelaburan berjumlah RM1 bilion serta mewujudkan SPV Pembangunan Bumiputera di Peringkat Nasional.

Impak

Pembangunan bandar mega di kawasan pinggir bandar dengan jaringan rangkaian dan infrastruktur yang baik akan memudahkan aliran penduduk kelas pertengahan dari kawasan pinggir bandar ke pusat bandar. Ini akan membolehkan penyertaan Bumiputera yang lebih tinggi dalam pembangunan bandar sambil mengekalkan rumah mampu milik, sekaligus meningkatkan potensi pemilikan dan nilai aset kediaman Bumiputera.

⁰⁸ Senarai pihak berkepentingan yang dicadangkan untuk terlibat dalam inisiatif ini dan tidak muktamad

Tema 2:

MENGEWANGKAN (MONETISING) TANAH RIZAB MELAYU

Inisiatif
#4

Platform Pertukaran (*Exchange Platform*) Harta Tanah Bumiputera

Rasional

Pemilik tanah Bumiputera tidak dapat mengoptimalkan keuntungan ekonomi tanah mereka kerana TRM kini dinilai rendah dan kurang berkembang akibat kekangan undang-undang. Pada masa ini, terdapat kekurangan model penjana kekayaan yang dapat mengatasi halangan ini untuk meningkatkan pulangan pelaburan bagi pemilik. Model penjanaan kekayaan baharu akan membolehkan pengewangan tanah Bumiputera dengan menukarnya menjadi unit yang boleh dilaburkan yang akan dimanfaatkan di Platform Pertukaran Harta Tanah Bumiputera yang dicadangkan.


Langkah Pelaksanaan

Platform Pertukaran Harta Tanah Bumiputera akan mengembangkan rangka kerja perundangan dan peraturan untuk mewujudkan platform dan membolehkan unit ekuiti tanah Bumiputera boleh dilabur dan didagangkan.

Melalui inisiatif ini, tanah Bumiputera yang terletak secara berserakan di seluruh Semenanjung Malaysia akan dikenal pasti dan dikatalogkan. Kumpulan Wang Amanah dan Insentif Pembangunan Tanah Bumiputera akan memperoleh aset tanah daripada pemilik tanah Bumiputera menggunakan pembiayaan awal daripada Kerajaan untuk menyatukan tanah. Ini bagi membolehkan perdagangan unit pelaburan tanah Bumiputera, aset tanah

dan harta tanah Bumiputera dikategorikan sebagai aset yang boleh diperdagangkan. Ia kemudian dinilai dan dijana kepada unit ekuiti bernilai RM10 seunit. Sebagai contoh, jika aset tanah bernilai RM1 juta, 100,000 unit ekuiti akan dikeluarkan untuk memperoleh tanah tersebut. Unit ekuiti ini kemudiannya akan diperdagangkan di Platform Pertukaran (*Exchange Platform*) di pasaran pelaburan. Model pengewangan yang disediakan melalui penubuhan Platform Pertukaran (*Exchange Platform*) akan mendorong penyertaan Bumiputera dalam pelaburan harta tanah kerana nilai aset dipecah menjadi unit ekuiti yang berpatutan untuk pembelian dan penjualan. Perdagangan aset harta tanah di Platform Pertukaran juga akan menaikkan nilai tanah Bumiputera, sehingga menghasilkan pulangan yang lebih tinggi bagi pemilik tanah dan pemegang saham.

Rajah 9: Platform Pertukaran Harta Tanah Bumiputera (*Exchange Platform*)



Pembiayaan

Inisiatif ini disokong oleh pelaburan sebanyak RM802 juta untuk mewujudkan Platform Pertukaran (*Exchange Platform*) Harta Tanah Bumiputera. Pada masa yang sama, pembiayaan akan digunakan untuk menggabungkan aset tanah Bumiputera yang diperolehi untuk mengubahnya menjadi ekuiti yang boleh diperdagangkan di Platform Pertukaran (*Exchange Platform*) menjelang 2030.

Rajah 10: Pihak Berkepentingan Utama



Impak

Pewujudan kerangka undang-undang dan peraturan untuk penubuhan Platform Pertukaran (*Exchange Platform*) Harta Tanah Bumiputera memerlukan komitmen daripada pihak berkepentingan utama dan akan membantu menambah nilai melalui dagangan unit pelaburan ekuiti TRM.

⁰⁹ Senarai pihak berkepentingan yang dicadangkan untuk terlibat dalam inisiatif ini dan tidak muktamad



KESIMPULAN

Usaha meningkatkan nilai aset tanah Bumiputera memerlukan penggunaan instrumen seperti insentif, amanah, dana, dan model penjanaaan kekayaan yang akan membolehkan pemilik Bumiputera mengoptimumkan keuntungan ekonomi tanah mereka. Langkah memajukan dan mengewangkan (*monetising*) tanah Bumiputera secara strategik akan memupuk nilai dan merangsang permintaan untuk aset ini, memberikan lebih keuntungan kepada Bumiputera apabila menyertai dalam urusan niaga harta tanah.

Kerjasama akan diperlukan untuk merumuskan pelan induk bersepadu mengenai pembangunan TRM bagi memacu perancangan pembangunan tanah di peringkat negeri dan tempatan, serta memastikan pelaksanaan dasar yang selaras di semua peringkat tadbir urus. Ini akan dilengkapi dengan peluasan peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Data Tanah Rizab Melayu Semenanjung Malaysia untuk memberikan garis panduan yang berkaitan dengan pembangunan tanah dan penciptaan nilai. Kerjasama strategik lanjut akan diperlukan daripada JAWHAR, MAIN, dan badan yang diberi mandat di peringkat Negeri untuk bimbingan dan nasihat mengenai penggunaan konsep instrumen wakaf bagi mengoptimumkan nilai TRM.

Di samping itu, perolehan dan pampasan TRM yang adil oleh Kumpulan Wang Amanah dan Insentif Pembangunan Tanah Bumiputera akan menggabungkan TRM yang kurang digunakan dan dinilai rendah untuk membuka jalan bagi projek pembangunan bernilai tinggi. Ini diikuti oleh Projek Pembangunan Bumiputera di peringkat Nasional yang berfungsi untuk memastikan perbandaran mega akan dibangunkan bersebelahan dengan TRM yang disatukan di kawasan pinggir bandar dengan infrastruktur hubungan yang baik seperti perbandaran baharu, rangkaian kereta api, dan lebuh raya untuk meningkatkan nilai aset Bumiputera; mempromosikan pemilikan harta tanah kediaman, komersial, dan perindustrian; serta menangani masalah kemampuan perumahan. Selain itu, model penjanaaan kekayaan baharu seperti Platform Pertukaran (*Exchange Platform*) Harta Tanah Bumiputera yang membolehkan pengewangan (*monetisation*) tanah Bumiputera dengan menukarnya menjadi unit yang boleh dilaburkan. Akhirnya, inisiatif ini juga akan membolehkan penciptaan kekayaan dalam kalangan Bumiputera.

Melalui pelaksanaan inisiatif ini, masyarakat Bumiputera akan dihubungkan dengan pembangunan bandar sekali gus dapat menangani masalah pemilikan perumahan. Sejar dengan WKB2030, PA6 akan berusaha meningkatkan pemilikan kediaman dan menjana kekayaan untuk Bumiputera, yang sekali gus meningkatkan status sosioekonomi Bumiputera.






Memastikan Pemilikan Ekuiti Korporat Yang Mampan



Tema 1:
MERANGSANG
PERKEMBANGAN PESAT
SYARIKAT PEMULA

Tema 2:
MENINGKATKAN
PERTUMBUHAN DAN NILAI
PERUSAHAAN KECIL DAN
SEDERHANA (PKS)
BUMIPUTERA MENERUSI
INISIATIF BERSTRATEGI



RINGKASAN EKSEKUTIF



Melalui Bidang Keutamaan 7 (PA7), inisiatif di dalam Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) akan mendorong pertumbuhan syarikat Bumiputera baharu dengan sokongan hab pemacu dan memudah cara pembiayaan alternatif untuk memastikan peningkatan yang mampan dalam pemilikan ekuiti korporat Bumiputera. Pegangan pemilikan ekuiti juga akan meningkat dengan mengukuhkan nilai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera melalui penyenaian, perkongsian strategik, dan/ atau pengambilalihan untuk pertumbuhan. Jurang ketara dalam pengagihan kekayaan terus wujud dari segi pemilikan ekuiti dalam kalangan Bumiputera. Trend kemerosotan ini telah berlaku sejak tahun 2011.

Kemerosotan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera juga disebabkan oleh peningkatan berterusan pelabur asing yang memperoleh ekuiti dalam syarikat tempatan. Di samping itu, liberalisasi beberapa sektor ekonomi, termasuk kelonggaran dalam syarat 30% pemilikan ekuiti Bumiputera untuk lesen pembuatan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, turut mempengaruhi pemilikan ekuiti Bumiputera.

Kerangka komprehensif di bawah PA7 telah mengenal pasti dua (2) tema untuk menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pemilikan ekuiti Bumiputera, merangsang pertumbuhan

pesat syarikat pemula dan meningkatkan pertumbuhan dan nilai PKS Bumiputera. Faktor pemangkin ini digabungkan dalam pembangunan inisiatif di bawah PA7.

Inisiatif-inisiatif strategik ini ditetapkan untuk memastikan peningkatan ekuiti yang mampan untuk mencapai semua sasaran Bumiputera di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), iaitu untuk meningkatkan status sosioekonomi Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC).




LATAR BELAKANG

Sasaran 30% pemilikan ekuiti korporat Bumiputera sentiasa menjadi fokus utama dalam pembangunan ekonomi negara. Permodalan pasaran dikuasai Bumiputera, yang merangkumi sebahagian besar pemilikan ekuiti korporat, meningkat sebanyak RM70 bilion kepada RM277 bilion antara tahun 2011 dan tahun 2014.⁰¹ Kemajuan yang signifikan telah dicapai dalam membasmi kemiskinan dan mengurangi kesenjangan pendapatan sejak tahun 1970, melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Jumlah peratusan Bumiputera di bawah garis kemiskinan telah menurun daripada 66% pada tahun 1970 kepada 7.2% pada tahun 2019. Jurang pendapatan purata antara Bumiputera dan etnik lain seperti kaum Cina misalnya, dikurangkan daripada 1: 2.29 kepada 1: 1.36 dalam tempoh yang sama. Selain itu, jurang pendapatan purata antara Bumiputera dan India juga dikurangkan daripada 1: 1.77 kepada 1: 1.10 dalam tempoh yang sama.⁰²

Rajah 1


Status Kemiskinan antara Kumpulan Etnik (1970)
%



Kesenjangan Pendapatan (1970)
Purata

Kategori	Purata
Bumiputera : Cina	1:2.29
Bumiputera : India	1:1.77
India : Cina	1:1.30

Status Kemiskinan antara Kumpulan Etnik (2019)
%



Kesenjangan Pendapatan (2019)
Purata

Kategori	Purata
Bumiputera : Cina	1:1.36
Bumiputera : India	1:1.10
India : Cina	1:1.24

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (EPU)

KES UNTUK INTERVENSI

Walaupun dengan pencapaian DEB serta kesinambungan dasar dan rancangan ekonomi yang berterusan, masih terdapat keperluan untuk mengatasi ketidakseimbangan semasa

dari segi penyertaan ekonomi dan penciptaan kekayaan. Dalam aspek penyertaan ekonomi, beberapa cabaran masih dihadapi oleh BEC, termasuk penyertaan rendah bakat dan daya saing keusahawanan Bumiputera yang rendah.


Bakat & Daya Saing Keusahawanan Bumiputera yang Rendah

Penyertaan bakat Bumiputera sedia ada tertumpu di sektor awam, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), sementara jumlah penyertaan dalam bidang keusahawanan melalui PKS hanya mewakili 38% daripada jumlah PKS di Malaysia. Daripada 38% ini, 85% usahawan Bumiputera masih menjalankan perusahaan mikro dengan kebergantungan pembiayaan yang tinggi kepada Kerajaan.⁰³


Pemilikan ekuiti korporat Bumiputera terus menurun, daripada 22% pada tahun 2008 kepada 17.2% pada tahun 2019. Trend yang sama berlaku untuk pemilikan ekuiti korporat bukan Bumiputera yang menurun daripada 37% pada tahun 2008 kepada 25% pada tahun 2019. Pemilikan ekuiti sektor korporat yang dilaporkan untuk tahun 2015 untuk pegangan saham didasarkan pada nilai nominal,⁰⁴ yang diagihkan oleh Bumiputera, bukan Bumiputera, pelabur asing, dan nomini,⁰⁵ seperti yang digambarkan dalam Rajah 2.

Rajah 2

Pemilikan dan Penguasaan Efektif Sektor Korporat (1970)
%



Pemilikan dan Penguasaan Efektif Sektor Korporat (2019)
%




Sasaran DEB: 30% Ekuiti Korporat Bumiputera

Sumber: EPU; SME Corp; Bursa Malaysia


Rajah 3 mempamerkan kemerosotan penurunan berterusan sejak 2011. Berdasarkan trend semasa, Malaysia memerlukan satu inisiatif sebagai pemacu perubahan untuk mencapai sasaran 30% Bumiputera dalam pegangan saham korporat.

Rajah 3

Pemegang Saham Ekuiti Bumiputera (2008-2019)
%



Ekuiti Korporat Mengikut Etnik (2019)
%



- Pemilikan asing mewakili kumpulan terbesar pada tahun 2019
- Pemilikan Bukan Bumiputera adalah 1.5x lebih besar daripada Bumiputera
- Sekiranya trend semasa berterusan, pemilikan ekuiti korporat Bumiputera diunjurkan merosot kepada 9.3% pada tahun 2021

Sumber: EPU; TERAJU; Bursa Malaysia

Walaupun pelbagai langkah telah dilaksanakan untuk meningkatkan pemilikan korporat Bumiputera, perbezaan yang ketara dalam pengagihan kekayaan tetap wujud. Kadar penyertaan Bumiputera dalam pelaburan kekal rendah kerana kekurangan simpanan dan kadar celik pelaburan yang rendah.

Liberalisasi Ekonomi

Kemerosotan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera yang ketara juga disebabkan oleh peningkatan penyertaan berterusan pelabur asing dalam pasaran ekuiti Malaysia, yang turut memberi kesan kepada pemilikan ekuiti bukan Bumiputera. Matlamat pemilikan ekuiti korporat juga tidak dapat dicapai kerana liberalisasi beberapa sektor ekonomi termasuk kelonggaran dalam syarat 30% pemilikan ekuiti Bumiputera untuk lesen pembuatan di bawah Akta Penyelarasan Industri 1975. Langkah liberalisasi ekonomi ini bertujuan untuk menarik pelabur asing dengan membuka peluang kepada mereka untuk memperoleh syarikat tempatan dan menubuhkan syarikat tanpa rakan perniagaan tempatan.

⁰¹ Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 (BETR 2.0), 2018

⁰² Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri


⁰³ EPU, SME Corp, Bursa Malaysia

⁰⁴ Maklumat adalah berdasarkan laporan tahunan dan penyata kewangan yang diserahkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Bursa Malaysia

⁰⁵ Syarikat yang menawarkan perkhidmatan sebagai nomini atau pemegang amanah (*trustee*) yang dilantik untuk menjalankan transaksi pelaburan atau apa sahaja bentuk transaksi bagi pihak pemilik keuntungan. Memandangkan pemilik keuntungan tidak diisytihar, status etnik pemegang syer tidak dapat dikenal pasti.

Trend kemerosotan ini turut disumbang oleh penyertaan individu Bumiputera dan PKS yang rendah dalam pemerolehan ekuiti korporat. Cabarannya⁰⁶ merangkumi;

Rajah 4 : Cabaran yang Dihadapi dalam Pertumbuhan Pemilikan Ekuiti Bumiputera



Penyertaan, pemilikan, dan penguasaan efektif ekuiti dalam kalangan Bumiputera adalah terhad. Selain daripada penyertaan PKS Bumiputera yang rendah pada kadar 38%, pendapatan penengah isi rumah Bumiputera masih lebih rendah berbanding purata negara, dengan anggaran 48% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita nasional pada tahun 2015. Pendapatan penengah isi rumah yang rendah telah mengehadkan kemampuan Bumiputera untuk menyimpan dan melabur sekali gus mengekang pertumbuhan pemilikan ekuiti korporat. Pendekatan untuk menjamin pengagihan ekuiti korporat dalam perniagaan telah berjaya meningkatkan pemilikan ekuiti, namun prestasi pemilikan Bumiputera masih ketinggalan.

Pemilikan ekuiti korporat Bumiputera yang mampan akan menyumbang kepada pengagihan kekayaan, struktur pekerjaan, sistem ekonomi yang adil, dan juga memberikan kesan limpahan yang lebih baik terhadap pembangunan sosioekonomi

Bumiputera. Pemilikan kekayaan dalam kalangan Bumiputera akan meningkatkan kuasa beli dan memperbaiki taraf kehidupan mereka.


Penstrukturan semula ketidakseimbangan pengagihan dalam sektor pekerjaan akan memberi peluang untuk meningkatkan sumber pendapatan dalam kalangan Bumiputera. Selain itu, peningkatan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera yang mampan dapat diaktifkan melalui program latihan dan kesedaran yang meningkatkan kadar celik kewangan. Buat masa ini, satu (1) daripada tiga (3) rakyat Malaysia menilai tahap pengetahuan kewangan yang dimiliki diri sendiri sebagai rendah.⁰⁷

Ekosistem ekonomi Bumiputera yang kompetitif dapat dipupuk untuk membuka

Rajah 5
Kekangan Menghalang Pertumbuhan Perniagaan PKS



Kadar penolakan untuk perniagaan yang berbeza



Sumber: SME Finance Survey 2018, Bank Negara Malaysia (BNM)

peluang ekonomi yang lebih besar melalui pengambilalihan oleh BEC. Ini akan meningkatkan penyertaan PKS dan pembekal Bumiputera dalam sektor ekonomi bernilai tambah tinggi.

Persaingan yang meningkat telah dikenal pasti sebagai kekangan terbesar dalam pertumbuhan PKS. Lebih-lebih lagi, syarikat yang terlibat dalam industri dan projek seperti inovasi, automasi, pembuatan, dan eksport menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan, ditambah dengan kadar penolakan yang lebih tinggi. Kadar penolakan yang tinggi adalah kerana sektor ini dianggap mempunyai risiko yang lebih tinggi dengan pulangan keuntungan yang tidak menentu.

Melalui PA7, TPB2030 bermatlamat untuk memastikan pemilikan ekuiti korporat yang mampan dengan menggunakan pendekatan yang akan mengembangkan dan mempercepat pertumbuhan PKS Bumiputera yang berpotensi tinggi. Tumpuan harus dialihkan kepada industri yang berkembang pesat dan berteknologi tinggi untuk mempercepat pertumbuhan PKS Bumiputera agar mereka dapat bersaing di pasaran terbuka melalui intervensi yang tersasar.



VISI

Berdasarkan analisis dalaman oleh TERAJU, intervensi yang bersasar merupakan sebahagian daripada usaha membangunkan PKS Bumiputera yang berpotensi tinggi. Ia penting bagi mengatasi masalah pembiayaan bagi tujuan pengembangan, penggabungan dan pengambilalihan (M&A), dan memudah cara PKS ke pasaran baharu yang akan membantu meningkatkan daya saing PKS Bumiputera.

Oleh itu, untuk membangunkan PKS Bumiputera yang berpotensi tinggi, intervensi yang bersasar diperlukan untuk menangani masalah daya saing pasaran dan pembiayaan untuk PKS Bumiputera. Untuk

meningkatkan pendapatan PKS Bumiputera, peluang pemangkin boleh ditawarkan oleh Kerajaan, GLC dan GLIC dalam bentuk kontrak perolehan, penjualan, dan kegiatan penyumberan luar. Pintu masuk pasaran baharu oleh PKS Bumiputera juga dapat dipermudahkan melalui kepelbagaian aliran pendapatan, terutama melalui perdagangan dan eksport. Ini juga dapat mengurangkan kebergantungan PKS Bumiputera kepada Kerajaan. Antara bentuk intervensi lain yang dapat meningkatkan trend pertumbuhan PKS Bumiputera termasuk penggabungan dan pengambilalihan serta pemberian geran pembiayaan untuk usaha pembangunan atau pengembangan perniagaan teknologi baharu.

Teladan boleh diambil daripada kejayaan penyenaian awam di Amerika Syarikat (AS) oleh salah sebuah syarikat pemula paling berharga di Asia Tenggara, Grab Holdings Inc. Ia adalah unikon teknologi Asia Tenggara pertama yang disenaraikan secara terbuka melalui syarikat pemerolehan tujuan khas (SPAC), yang membolehkannya terus berkembang merentasi rantau. Ini akan meletakkan syarikat tersebut dalam kedudukan yang baik untuk mengembangkan kegiatan perniagaannya ke pasaran AS, dan juga mendapatkan pendedahan yang lebih luas kepada kumpulan pelabur yang lebih besar.

Contoh kejayaan lain adalah Hibiscus Petroleum Berhad yang baru-baru ini memperoleh keseluruhan kepentingan ekuiti dalam Fortuna International Petroleum Corporation (FIPC) dengan bayaran tunai ASD212.5 juta yang membolehkannya memperluas

⁰⁶ *Focus Group on Bumiputera Corporate Equity Ownership (FG-BCEO) analysis; WKB2030*

⁰⁷ *Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)*

⁰⁸ *SME Finance Survey 2018, Bank Negara Malaysia (BNM)*

pengeluarannya.⁰⁹ Carsome Sdn. Bhd., yang berpusat di Kuala Lumpur, melaksanakan pusingan pendanaan pra-IPO kerana syarikat ini mempertimbangkan penyenaian awam di AS melalui SPAC.¹⁰ Dengan tumpuan yang semakin meningkat daripada pelabur asing di rantau ini, ini adalah masa yang sesuai bagi PKS Bumiputera untuk meneroka jalan yang tersedia untuk pengembangan perniagaan.

Terdapat 2 tema yang dikenal pasti untuk menyokong PA7 iaitu: merangsang pertumbuhan pesat syarikat pemula; dan meningkatkan pertumbuhan dan nilai PKS Bumiputera. Lima (5) inisiatif yang digariskan bertujuan untuk memastikan peningkatan ekuiti yang mampan sekali gus menambah baik pemilikan ekuiti korporat Bumiputera secara berterusan.

Kejayaan pelaksanaan inisiatif PA7 terletak pada beberapa faktor pemangkin seperti peningkatan bakat dan penyertaan Bumiputera dalam bidang keusahawanan, meningkatkan program pengembangan keusahawanan, meningkatkan program pembangunan keusahawanan dan kesedaran terhadap platform pembiayaan alternatif, serta sokongan dan pemudahcaraan agar syarikat Bumiputera disenaraikan di pasaran saham.

⁰⁹ Ronnie Teo, 'Hibiscus Petroleum Expands Production with New Acquisition', *The Borneo Post*, 3 Jun 2021

¹⁰ *The Star*, 'Malaysia's Carsome Weighs US Listing with SPAC as Option', 18 Jun 2021







INISIATIF

Rangka kerja holistik dibangun untuk meningkatkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera secara berterusan. Kerangka ini telah mengenal pasti 2 pemboleh daya untuk memangkin pertumbuhan pemilikan ekuiti Bumiputera; iaitu, memastikan akses kepada pembiayaan dan meningkatkan daya saing. 2 faktor ini akan dipupuk dalam pembangunan tema dan inisiatif kepada PA7 untuk menyokong penyertaan PKS berpotensi tinggi dalam sektor bernilai tambah tinggi sambil memastikan pemilikan ekuiti yang berterusan.

Untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera, penekanan diberikan kepada sektor strategik di bawah tujuh (7) Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) TPB2030. Organisasi pembangunan usahawan (EDO) akan meningkatkan peranan mereka dalam pembangunan untuk memastikan peningkatan berterusan dalam ekuiti korporat Bumiputera. TERAJU akan meneruskan mandatnya untuk menyelaraskan GLC dan GLIC terpilih untuk menyokong agenda Bumiputera dalam meningkatkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera. Institusi-institusi bermandat Bumiputera akan mengkaji model pelaburan mereka untuk memastikan pulangan optimum daripada pelaburan dan penjualan secara strategik kepada syarikat Bumiputera. Badan pengawalseliaan akan memantau setiap pelupusan hak milik oleh syarikat Bumiputera untuk mengekalkan tahap pemilikan ekuiti Bumiputera.

Terdapat 2 tema yang telah dikenal pasti untuk mencapai dan mengekalkan sasaran pemilikan ekuiti Bumiputera.

Tema 1:

MERANGSANG PERKEMBANGAN PESAT SYARIKAT PEMULA

Untuk akses kepada pembiayaan, sumber pembiayaan alternatif seperti Pendanaan Awam Ekuiti (ECF) dan *Peer-to-Peer* (P2P) akan membolehkan syarikat pemula Bumiputera mendapatkan dana daripada orang awam untuk merealisasikan idea perniagaan mereka. Geran padanan akan diagihkan kepada syarikat yang dapat mengumpulkan dana melalui saluran ini sebagai insentif. Pembiayaan modal teroka juga akan diperuntukkan kepada perniagaan dengan kawalan berkesan oleh pihak berkepentingan Bumiputera. Alternatif ini akan mengurangkan kebergantungan perusahaan Bumiputera kepada pembiayaan Kerajaan.

Perkongsian strategik, M&A, dan penyenaiaan dapat meningkatkan nilai syarikat Bumiputera serta meningkatkan pegangan pemilikan ekuiti Bumiputera. Untuk mencapai matlamat ini, syarikat Bumiputera akan diberi hak penolakan pertama ke atas pelupusan aset bukan teras oleh Agensi bermandat Bumiputera. Selain itu, perusahaan Bumiputera akan dapat berkembang dan berubah menjadi pemain global dengan bantuan pelabur asing dan pengurus dana melalui perkongsian strategik dan geran sepadan yang diberikan oleh Kerajaan.

Lebih banyak syarikat Bumiputera akan digalakkan untuk menjadi syarikat tersenarai awam dan menjalankan M&A untuk mengukuhkan nilai mereka. Selain itu, usaha sama akan digalakkan antara syarikat Bumiputera dan bukan Bumiputera untuk memudahkan pertumbuhan semua syarikat yang terlibat. Ini dapat dicapai melalui peningkatan pendedahan industri dan kepakaran daripada rakan usaha sama tersebut, lantas merangsang pemilikan ekuiti.

Inisiatif
#1

Mengukuhkan Platform
Pembiayaan Alternatif untuk
PKS Bumiputera

Inisiatif
#2

Memudah Cara
Pengambilalihan Aset
Bukan Teras Oleh Usahawan
Bumiputera

Inisiatif
#3

Menjalinkan Kerjasama
Strategik dengan Pelabur
Asing untuk Pembangunan
PKS Bumiputera

Inisiatif
#4

Pengembangan Program untuk
Memudahkan Penyenaiaan
dan Penggabungan &
Pengambilalihan (M&A)

Inisiatif
#5

Menggalakkan Usaha Sama
dengan Syarikat Bukan
Bumiputera

Tema 2:

MENINGKATKAN PERTUMBUHAN DAN NILAI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) BUMIPUTERA MENERUSI INISIATIF BERSTRATEGI



Tema 1:

MERANGSANG PERKEMBANGAN PESAT SYARIKAT PEMULA

Inisiatif
#1

Mengukuhkan Platform Pembiayaan Alternatif
untuk PKS Bumiputera

Rasional

Instrumen pembiayaan tradisional yang ditawarkan oleh bank biasanya tidak dapat diakses pada peringkat awal perniagaan kerana syarat kelayakan yang ketat yang dikenakan kepada syarikat, termasuk syarat untuk rekod prestasi yang baik dan keuntungan minimum. Sumber pembiayaan alternatif, seperti pendanaan awam akan diperkenalkan kepada PKS Bumiputera. Bagi PKS peringkat pemula, sumber pendanaan alternatif ini penting untuk menyokong fasa penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk meneroka dan memperaku idea perniagaan yang mampan dan membiayai proses pembuktian konsep (PoC).

Pada masa ini, pasaran ECF di Malaysia sedang berkembang. Platform pendanaan alternatif menyaksikan prestasi bercampur pada tahun 2020, dengan ECF dan P2P mencatat pertumbuhan pengumpulan dana yang tinggi sebanyak 43% sementara modal teroka dan syarikat ekuiti swasta mencatatkan penurunan 41%. Pertumbuhan ini mendorong penyertaan daripada syarikat pemula tempatan yang telah memanfaatkan peluang untuk mewujudkan saluran pendanaan baharu ini. Oleh itu, pengukuhan platform pembiayaan alternatif adalah tepat pada masanya dan perlu bagi menarik penyertaan syarikat Bumiputera sebagai pengumpul dana dan pelabur individu.¹¹

Langkah Pelaksanaan

Dalam usaha untuk menyokong pertumbuhan PKS dan membantu dalam pembiayaan orang awam, Kerajaan boleh menawarkan geran padanan untuk dana yang diperoleh melalui platform P2P dan ECF.

Sumber pembiayaan alternatif, seperti P2P dan ECF, adalah secara relatifnya masih baharu di Malaysia dan memiliki potensi

Rajah 6


Ekosistem Kewangan PKS di Malaysia

- Keperluan yang tinggi untuk disenaraikan dalam Bursa Malaysia. Memerlukan rekod yang baik dan keuntungan yang konsisten.

- Ekuiti swasta dan modal usaha niaga merupakan sumber pembiayaan yang matang di Malaysia
- Dana awam, P2P dan *Angel* Perniagaan adalah masih baharu di Malaysia.

- Sumber kewangan paling mampan untuk PKS di Malaysia
- Melibatkan 97% daripada jumlah dana yang dikumpul di Malaysia

¹¹ Laporan Tahunan SC, 2020



Sumber: Laporan Tahunan SC, 2020

yang belum dimanfaatkan untuk ekosistem pembiayaan PKS, seperti dalam Rajah 6. P2P dan ECF adalah kaedah pengumpulan dana yang telah terbukti berkesan bagi kebanyakan perniagaan di seluruh dunia. Ini membolehkan syarikat tanpa rekod untuk mendapatkan dana daripada orang awam untuk menyokong idea perniagaan mereka jika tidak dapat mengakses pembiayaan tradisional. Walaupun wujud kepelbagaian dalam pembiayaan alternatif,

namun PKS masih bergantung kepada pembiayaan daripada institusi perbankan.


Di Malaysia, P2P dan ECF telah mengumpul RM195.11 juta pada tahun 2018. Di antara kedua-dua platform ini, ECF mempunyai kadar kejayaan 100% dengan purata dana terkumpul sebanyak RM1.07 juta bagi setiap kempen, seperti yang ditunjukkan Kotak Maklumat 7.¹²

Kotak Maklumat 7


Nota: Tarikh setakat 31 Disember 2020

Pasaran ECF

Bilangan kempen



Jumlah pembiayaan (RM Juta)



Sorotan Utama

80

Kempen berjaya pada tahun 2020 berbanding 28 kempen pada tahun 2019

458%

Pertumbuhan dalam pengumpulan dana daripada RM22.9 juta kepada RM127.7 juta pada tahun 2020

RM1.6 Juta

Purata jumlah pengumpulan dana pada tahun 2020 dibandingkan kepada RM819,000 pada tahun 2019

70%

Kempen pada tahun 2020 mempunyai ≤ 60 pelabur
Bilangan pelabur terkecil: 2
Bilangan pelabur terbesar: 479


¹² Laporan Tahunan SC, 2020

¹³ Laporan Tahunan MyCIF (S4 2019 - S4 2020), SC


Nota: Tarikh setakat 31 Disember 2020

Pasaran P2P

Bilangan kempen



Jumlah pembiayaan (RM Juta)



Sorotan Utama

7,760 Kempen berjaya pada tahun 2020 berbanding 5,583 kempen pada tahun 2019	20% Pertumbuhan jumlah pengumpulan dana daripada RM419 juta pada 2019 RM503 juta pada tahun 2020	77% Nota dikeluarkan pada tahun 2020 adalah pembiayaan jangka pendek dengan tempoh 3 bulan atau kurang	12.7% Kadar faedah purata tahunan untuk nota dikeluarkan pada tahun 2020	3.7% Kadar lalai setakat penghujung Disember 2020
--	--	--	--	---

Sejak dimulakan pada tahun 2018, pembiayaan ECF dan P2P telah mengumpulkan dana lebih daripada RM1.3 bilion menjelang tahun 2020, memberi manfaat kepada 2,951 perusahaan mikro, kecil dan sederhana dengan sejumlah 16,021 perjanjian yang berjaya di kedua-dua platform.¹³

Pembangunan platform pembiayaan alternatif seperti ECF dan P2P menghubungkan pemodal dengan kumpulan pelabur yang pada kebiasaannya tidak mempunyai akses kepada pembiayaan melalui kaedah penyampaian yang boleh diakses, lebih cepat dan mudah. Saluran-saluran ini juga bertujuan memenuhi permintaan para pelabur yang kurang mendapat liputan. Pertumbuhan pembiayaan ECF dan P2P yang berterusan pada tahun 2019 telah banyak menguntungkan sektor perkhidmatan. Terdapat juga keseimbangan yang baik antara syarikat teknologi dan bukan teknologi yang berjaya mendapat manfaat daripada platform ECF dan P2P yang akan mempelbagaikan industri yang melibatkan PKS Bumiputera.

Inisiatif ini, seperti yang ditunjukkan pada Rajah 8, akan dilaksanakan dengan kerjasama pengendali ECF dan P2P yang ada di Malaysia. Sebagai insentif, Kerajaan akan menawarkan geran padanan dengan pembiayaan yang diperoleh melalui platform ini. Sebagai tambahan kepada pengembangan pendanaan memperkukuh ekuiti, inisiatif ini juga bertujuan untuk memperkukuhkan perusahaan pembiayaan modal teroka kepada perniagaan dengan penguasaan efektif berkesan oleh pihak berkepentingan Bumiputera. Melalui penyediaan sumber pembiayaan,

perusahaan Bumiputera akan memperoleh lebih banyak peluang untuk menubuhkan dan mengembangkan perniagaan sambil mengurangkan kebergantungan kepada pembiayaan Kerajaan.

Selain itu, saluran pendanaan alternatif menjadi semakin mudah untuk diakses oleh PKS, termasuk syarikat Bumiputera, dengan kemunculan perbankan digital. Platform ini membolehkan syarikat Bumiputera mengakses dan mengumpulkan dana secara langsung. Lesen Bank Borong Digital membolehkan pengoperasian platform ini di Malaysia. Lesen ini dikendalikan di bawah Dokumen Dasar Bank Negara mengenai Rangka Kerja Pelesenan Bank Digital Malaysia. Rangka kerja ini mencari model perniagaan yang inovatif untuk menyokong segmen yang kurang mendapat liputan dan tercicir. Oleh kerana keperluan modal yang rendah, lesen bank digital Malaysia diharapkan dapat menarik lebih banyak pemohon berbanding Singapura dan Hong Kong.

Beberapa faktor kejayaan utama inisiatif ini termasuk dana tambahan daripada Kerajaan untuk membantu PKS Bumiputera dalam mengumpulkan pembiayaan melalui platform pembiayaan alternatif; pembelian daripada pengendali ECF dan P2P sedia ada; dan

Rajah 8 : Inisiatif yang akan Dilaksanakan dengan Kerjasama Pengendali ECF dan P2P



membentuk rangka kerja yang meningkatkan kesedaran dan keyakinan masyarakat terhadap ECF dan P2P.

Pembiayaan

Inisiatif yang bertujuan untuk mewujudkan program pendanaan awam ekuiti Bumiputera ini memerlukan jumlah pelaburan sebanyak RM94 juta untuk menyokong promosi skim pembiayaan baharu kepada syarikat Bumiputera dan juga untuk melaksana program tersebut.

Impak

Perusahaan Bumiputera yang tidak memenuhi syarat untuk pembiayaan tradisional dalam sistem yang ada boleh menggunakan alternatif P2P dan ECF melalui platform ini untuk membiayai pengembangan perniagaan mereka, mengambil bahagian dalam M&A, dan memudahkan kemasukan ke dalam pasaran baharu. Secara keseluruhan, inisiatif ini akan meningkatkan daya saing PKS Bumiputera.

Tema 2: MENINGKATKAN PERTUMBUHAN DAN NILAI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) BUMIPUTERA MENERUSI INISIATIF BERSTRATEGI

Inisiatif
#2

Memudah Cara
Pengambilalihan Aset
Bukan Teras oleh Usahawan
Bumiputera

Rasional

Keutamaan akan diberikan kepada syarikat Bumiputera dalam pengambilalihan aset bukan teras yang akan dilupuskan oleh Syarikat Milik Kerajaan (SOE), GLC, dan GLIC. Sehingga 2019, pemilikan ekuiti korporat Bumiputera kekal rendah pada 17.2%.¹⁴ Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera secara signifikan dengan memanfaatkan penjualan aset bukan teras secara progresif oleh SOE, GLC, dan GLIC untuk tempoh pegangan ekuiti yang lebih lama.

Langkah Pelaksanaan

TERAJU, sebagai penyelaras utama, akan memudah cara pengambilalihan perniagaan bukan teras daripada SOE, GLC dan GLIC dalam jangka masa lebih lama untuk membantu meningkatkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera secara berkesan. Dana pembelian akan disediakan oleh firma ekuiti swasta untuk membolehkan proses pengambilalihan oleh usahawan Bumiputera yang berhasrat untuk mengambil alih aset bukan teras tetapi mengalami masalah dalam aspek kekurangan dana.

Untuk memastikan keberkesanan pemudahcaraan, beberapa faktor kejayaan utama merangkumi dana tambahan daripada Kerajaan untuk proses pengambilalihan. Penyertaan SOE, GLC dan GLIC adalah penting supaya usahawan Bumiputera yang berkelayakan akan mendapat hak penolakan pertama (*first rights of refusal*).

SOE, GLC dan GLIC telah menjual aset bukan teras mereka selama bertahun-tahun untuk mengurangkan peranan Kerajaan dalam perniagaan. Sebagai contoh penjualan GLIC kepada syarikat Bumiputera; Khazanah,

¹³ Laporan Tahunan MyCIF (S4 2019-S4 2020), SC

¹⁴ Ucapan YAB Perdana Menteri; Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)

pada tahun 2021, telah melepaskan saham SilTerra kepada DNeX dengan harga RM273 juta.¹⁵ Walau bagaimanapun, penjualan kepada pembeli asing yang dominan terus mengurangkan pemilikan ekuiti Bumiputera selama ini. Contohnya, Prima Baguz dijual pada tahun 2020 kepada syarikat daging berproses yang berpangkalan di AS, Johnsonville International LLC dengan harga RM175 juta.¹⁶ Untuk mengatasi kemerosotan ini, pengambilalihan strategik oleh usahawan Bumiputera boleh dimudah cara oleh firma ekuiti swasta melalui pengembangan peranan mereka yang sedia ada. Untuk mencapai tempoh pegangan ekuiti yang lebih lama, peranan pengembangan syarikat ekuiti swasta akan ditingkatkan untuk memastikan peningkatan berterusan dalam ekuiti korporat Bumiputera. Ini dapat dilakukan, misalnya, dengan menyusun struktur kewangan pengambilalihan dengan jangka masa lebih lama. Pembiayaan tambahan daripada Kerajaan untuk tujuan ini, serta peranan yang diambil TERAJU dan firma ekuiti swasta sebagai pembangun untuk usahawan Bumiputera adalah faktor kejayaan utama inisiatif ini.

Rangka kerja dalam Rajah 9 menggambarkan struktur pembiayaan yang akan memastikan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera yang berkekalan dengan tempoh pegangan ekuiti yang lebih panjang, dilengkapi dengan peranan pembangunan oleh syarikat ekuiti swasta dan strategi penyahlaburan yang bersesuaian.

Rajah 9 : Struktur Pembiayaan Pemilikan Ekuiti Korporat Bumiputera



Pemboleh daya utama

- Dana pemboleh inisiatif yang baharu
- Tempoh pegangan lebih lama

Peluang 1: Pengambilalihan Blue Archipelago milik Khazanah oleh Konsortium Bumiputera Tempatan

Terdapat 2 peluang yang tersedia yang dapat dimanfaatkan melalui M&A. Yang pertama adalah pengambilalihan Blue Archipelago oleh konsortium Bumiputera tempatan (Syarikat A).

Khazanah merancang untuk melepaskan perniagaan penternakan udang, Blue Archipelago. Ia adalah kemudahan ternakan udang terbesar di Malaysia dengan jumlah pelaburan melebihi RM400 juta. Untuk memastikan kelangsungan usaha tersebut, sangat mustahak bahawa kemudahan itu dikendalikan oleh pengendali Bumiputera yang berkebolehan. Blue Archipelago kini mengendalikan 2 ladang: iKERPAN (Integrated Kerpan) - Arca Biru di Kedah, dan iSHARP (Integrated Shrimp Aquaculture Park) di Setiu, Terengganu. Mereka juga memiliki kilang pemprosesan dan rangkaian tempat penetasan. Profil syarikat ditunjukkan dalam Kotak Maklumat 10.

Kotak Maklumat 10 : Profil Syarikat Blue Archipelago Berhad



Latar Belakang Blue Archipelago

- Diperbadankan pada tahun 2004 dengan aktiviti utama sebagai syarikat induk pelaburan untuk perdagangan dan pemprosesan udang
- Ibu pejabatnya terletak di Puchong, Selangor
- Blue Archipelago mengusahakan 2 ladang iaitu iKERPAN (Integrated Kerpan) - Arca Biru di Kedah dan iSHARP (*Integrated Shrimp Aquaculture Park*) di Setiu, Terengganu, dengan kilang pemprosesan dan rangkaian tempat penetasan
- iSharp mampu menghasilkan 3,500 tan metrik udang setahun dan iKerpan mampu menghasilkan 2,200 tan metrik udang setahun
- Pasaran eksport syarikat merangkumi China, New Zealand, Singapura dan Eropah
- Blue Archipelago juga memiliki 51% saham dalam AB Hatchery Sdn Bhd, yang mengendalikan penetasan udang di Setiu, Terengganu. Mempunyai pengkhususan dalam pengeluaran post larva udang untuk Blue Archipelago dan ladang lain di Malaysia

Pada masa ini, ladang beroperasi dengan kapasiti kurang daripada 50%, dengan kerugian terkumpul sekitar RM348 juta setakat tahun 2019. Selama empat (4) tahun terakhir, terdapat trend kerugian, dengan kerugian terbesar pada tahun 2017 dilaporkan berjumlah RM74.2 juta.

Objektif utama M&A ini adalah untuk memanfaatkan kapasiti tambahan Blue Archipelago untuk meningkatkan pengeluaran, seperti yang ditunjukkan dalam Kotak Maklumat 11.

Kotak Maklumat 11

Syarikat A

Latar Belakang

- Diperbadankan pada tahun 1997 dengan operasi utama yang berpusat di Kuantan, Pahang
- Pemain utama dalam pertanian dan pemprosesan Tilapia beku, serta pemasaran antarabangsa untuk eksport ke pasaran asing
- Pada mulanya ditubuhkan sebagai pembekal makanan ke hospital di Lembah Klang dan menjadi pengeksport ikan beku terkemuka
- Mempunyai rekod prestasi yang baik dengan sokongan daripada pelbagai Agensi Kerajaan seperti LKIM, MTDC, MARDI, SME Corp dan MATRADE

Syarikat B*

Rasional

- Blue Archipelago tidak dapat beroperasi secara penuh kapasiti dalam masa terdekat ini
- Syarikat A adalah salah satu daripada pemain-pemain utama dalam pemprosesan produk akukultur beku dan berpendapat bahawa ketidakcekapan utilisasi masa kini Blue Archipelago sebagai peluang untuk mengembangkan operasinya
- Visi Syarikat A adalah untuk menambah produk udang ke dalam produk-produk utama mereka dan mengambil manfaat daripada kehadiran dan hubungan pasaran antarabangsa Blue Archipelago

*Syarikat B adalah entiti yang dibentuk setelah pengambilalihan Blue Archipelago oleh Syarikat A

Peluang 2: Pengambilalihan Operasi Ladang Udang LKPP Pahang oleh Syarikat Bumiputera Tempatan

Anak syarikat Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang (LKPP) Pahang, Makmur Akuakultur (MASB), menamatkan perjanjian mereka dengan pengendali usaha sama (JV) bukan Bumiputera pada Oktober 2020 dan kini sedang mencari syarikat Bumiputera yang berkebolehan untuk mengendalikan operasi ladang udang. Terdapat banyak syarikat yang berminat untuk terlibat dengan MASB, oleh itu penting untuk memastikan bahawa kemudahan ini dikendalikan oleh pengendali Bumiputera yang berkebolehan. Pada masa ini, terdapat lebih daripada 50 kolam yang beroperasi.

M&A ini akan menyalurkan sebahagian pelaburan untuk menambah baik ladang-ladang tersebut. Ini termasuk penggunaan lapisan kolam yang memenuhi spesifikasi pasaran antarabangsa.

Selain itu, pelaburan yang dicadangkan akan digabungkan dengan kepakaran mereka untuk melaksanakan metodologi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) untuk memantau keadaan ladang untuk menyediakan data dan maklumat masa nyata untuk memastikan hasil dan produktiviti yang lebih baik. Dengan rancangan untuk


¹⁵ *Dagang NeXchange Berhad, 'DNeX and Strategic Partner Acquire SiITerra for RM273 million', 31 Mac 2021*

¹⁶ *Wong Ee Lin, 'Ekuinas Divests Entire Stake in Food Manufacturing Business, Generating 22.1% IRR', The Edge Markets, 26 Ogos 2020*

menyenaraikan usaha sama pada tahun ketiga operasi, strategi perniagaan akan dirangka untuk memastikan ekuiti yang lebih besar bagi pemegang saham Bumiputera.


Sebagai sebahagian daripada rancangan pemulihan, syarikat Bumiputera akan melaksanakan program transformasi untuk ladang dan kilang MASB. Program transformasi ini digariskan dalam Kotak Maklumat 12.

Kotak Maklumat 12 : Program Transformasi Kilang dan Program Transformasi Ladang



Program Transformasi Kilang

- Untuk menambah peringkat memasak ke dalam kelengkapan kilang sedia ada
- Untuk merangkumkan nilai tambah ke dalam produk sedia ada - dimasak, dirangka dan potongan bahagian belakang ikan
- Untuk menambah pensijilan kilang -*Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP)*, dan *Good Manufacturing Practice (GMP)*
- Untuk menambah baik jenama dan memperkenalkan produk kepada pasaran antarabangsa berdasarkan identiti sedia ada



Program Transformasi Ladang

- Untuk memperkenalkan lining kolam yang akan mengatasi masalah kandungan besi dan fosforus yang tinggi dalam kolam
- Untuk memperkenalkan polikultur kepada ladang
- Untuk memperaku ladang - *Fish Quality Certificate (FQC)*
- Memperkenalkan teknologi IR 4.0

Pembiayaan

Jumlah pembiayaan menjelang tahun 2030 adalah RM450 juta. Pembiayaan ini akan digunakan untuk memudah cara perolehan aset bukan teras oleh Bumiputera.

Impak

Inisiatif strategik ini akan dapat meningkatkan pengambilalihan aset bukan teras oleh usahawan / konsortium Bumiputera yang berkelayakan dan meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera. Tambahan pula, pulangan daripada pelupusan ini akan diagihkan di antara Agensi bermandat Bumiputera untuk penyaluran semula pembiayaan dengan tujuan meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi Bumiputera. Ini merangkumi potensi 2 peluang M&A;

- **Pengambilalihan Blue Archipelago milik Khazanah oleh konsortium Bumiputera tempatan** berpotensi membawa RM64 juta dalam Lebihan Kendalian Kasar (GOS) pada tahun 2030 dengan konsortium milik Bumiputera sebagai pengeluar udang terbesar di negara ini.
- **Pengambilalihan Operasi Ladang Udang LKPP Pahang oleh syarikat Bumiputera tempatan** berpotensi akan membawa RM32 juta dalam GOS pada tahun 2030 sambil meletakkan konsortium milik Bumiputera sebagai pengeluar udang terbesar di negara ini.

Inisiatif
#3


Menjalinkan Kerjasama
Strategik dengan Pelabur
Asing untuk Pembangunan
PKS Bumiputera

Rasional

PKS Bumiputera menghadapi cabaran seperti kos infrastruktur yang tinggi, dana yang tidak mencukupi, kekurangan kemahiran pengurusan perniagaan, dan akses yang rendah kepada teknologi. Halangan ini telah menyebabkan PKS Bumiputera ketinggalan dari segi daya saing dan ketidakmampuan untuk memanfaatkan potensi mereka untuk menjadi pemain global.

Pelabur dan pengurus dana antarabangsa akan dapat membantu PKS Bumiputera untuk memasuki pasaran global baharu dengan menyumbang kepakaran dan sumber tempatan.

Rajah 13: Sokongan dan Pemindahan Pengetahuan dari Pelabur Asing dapat Memacu Pertumbuhan PKS / Syarikat Bumiputera di Dalam dan Luar Negara




Sumber: A Review of Global Challenges and Survival Strategies of Small and Medium Enterprises (SMEs), Laporan MDPI 2020

Langkah Pelaksanaan

Kerjasama strategik dengan pelabur asing dan pengurus dana akan dijalin dengan pemudahcaraan oleh TERAJU dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ke arah mempersiapkan PKS Bumiputera untuk menjadi pemain global. Untuk mendorong pertumbuhan, geran padanan akan diberikan bagi menambah pelaburan mereka di dalam PKS Bumiputera terpilih. Rajah 14 menggambarkan rangka kerja umum inisiatif yang akan dikembangkan berdasarkan kerjasama untuk memastikan syarikat Bumiputera dapat memanfaatkan sumber dan sokongan asing.

Rajah 14 : Rangka Kerja Umum Inisiatif Kerjasama Strategik antara Syarikat Bumiputera bersama Pelabur Asing / Pengurus Dana



PKS Bumiputera akan mempunyai akses kepada nasihat dan perspektif baharu untuk membimbing pembangunan, termasuk amalan terbaik, untuk mempersiapkan mereka untuk persaingan di peringkat global. Pelabur juga dapat memudahkan perkongsian strategik antara PKS Bumiputera dan syarikat pelaburan lain untuk mempercepat pertumbuhan mereka di luar negara.

Kotak Maklumat 15 menunjukkan 2 kes kajian. Pertama, adalah syarikat ekuiti swasta antarabangsa yang memfokuskan usaha untuk bekerjasama dengan usahawan bagi mengembangkan perniagaan bertaraf dunia dan berpotensi untuk terlibat dalam inisiatif ini. Kes kajian yang kedua menunjukkan kejayaan PENJANA Kapital dalam mengumpulkan RM676 juta untuk merangsang ekonomi Malaysia.

Kotak Maklumat 15 : Kajian Kes Creador dan Penjana Kapital

Creador®

Latar Belakang

Creador adalah firma ekuiti swasta yang memberi fokus untuk bekerjasama dengan usahawan yang berminat untuk mengembangkan perniagaan bertaraf dunia di Asia Selatan dan Asia Tenggara

Mengumpulkan ASD565 juta dari luar negara pada pusingan keempat pengumpulan dana dan komited untuk memperuntukkan RM1 bilion untuk melabur di Malaysia

Penciptaan Nilai Berfokus

Fokus pada pasaran dengan pertumbuhan tinggi di Asia Selatan dan Asia Tenggara. Pemahaman mendalam berkenaan pasaran ini memberi kami dapatan pasaran yang unik dan peluang mencipta nilai.

penjana Kapital

Model

Penerima Manfaat

- Modal baharu sektor swasta - menawarkan dana kepada syarikat pemulaan
- Syarikat modal baharu tempatan dan syarikat pemula - mendapat manfaat daripada program pemindahan pengetahuan yang akan dijalankan oleh syarikat modal teroka asing

Sumber: Penjana Kapital

Perspektif Jangka Panjang

Kami berhasrat untuk mengoptimumkan 'arbitrage jangka masa' dalam kesediaan untuk menjadi pelabur kontrarian. Kami membuat pelaburan melalui kitaran pasaran dengan jangka masa panjang.

Badan Strategik

Pasukan pengurusan kami, Penasihat Kanan dan Lembaga Penasihat Global memberi pengetahuan mendalam mengenai peluang dan cabaran pasaran yang membolehkan kami membantu syarikat portfolio kami memanfaatkan potensi sepenuhnya

Penyelarasan Penuh

Falsafah kami dibina berdasarkan asas bahawa Pengurus Eksekutif firma harus selaras sepenuhnya dengan kepentingan jangka panjang pelabur kami. Dalam hal ini, pasukan kepimpinan kami komited sepenuhnya sebagai salah satu pelabur terbesar dalam dana kami

Portfolio



Latar Belakang

- Dana pelaburan bernilai RM600 juta oleh Kerajaan Malaysia untuk firma modal teroka untuk melabur dalam syarikat baharu. Jumlah ini akan dipadankan berasaskan 1 : 1 oleh institusi pelaburan asing untuk menarik pelabur.
- Secara keseluruhan, peruntukan RM1.2 bilion akan disediakan untuk meningkatkan lagi digitalisasi dan automasi perniagaan Malaysia dan pada masa yang sama menghidupkan semula ekonomi Malaysia.
- Sehingga Mei 2021, RM676 juta telah dikumpulkan, di mana RM372 juta atau 55% datang daripada pelbagai pelabur asing.

Pendekatan

- Mekanisme *Fund of Funds (FOF)*:
- Dana pelaburan akan ditubuhkan oleh firma modal baharu dan dana yang dibawa oleh mereka akan dipadankan berdasarkan 1 : 1
- Ia akan merangkumi kitaran hayat pelaburan modal baharu.

Kitaran Hayat Modal Baharu

-  Pemula/Ciptaan Bersama
-  Siri A/B
-  Tahap Pertumbuhan
-  Hutang Penerokaan

Pembiayaan

Inisiatif ini akan dilaksanakan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM900 juta. Pembiayaan ini akan digunakan untuk menubuhkan sebuah Syarikat Tujuan Khas (SPV) baharu untuk mengendalikan program ini.

Impak

Inisiatif ini akan membolehkan PKS Bumiputera mendapat akses pembiayaan daripada pelabur asing untuk menyokong pengembangan perniagaan global. Dengan bimbingan daripada para pelabur ini, PKS Bumiputera akan dilengkapi dengan asas yang diperlukan untuk membina kehadiran pasaran global dan memperkukuh daya saing.

Inisiatif
#4

Pengembangan Program untuk Memudahkan Penyenaraian dan Penggabungan & Pengambilalihan (M&A)

Rasional

Program sedia ada yang menyokong dan memudah cara penyenaraian dan M&A berpotensi untuk membantu lebih banyak syarikat Bumiputera. Pada masa ini, ia memberikan sokongan nasihat yang komprehensif hanya kepada syarikat Bumiputera yang berpotensi untuk disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia. Program ini juga mengembangkan rancangan untuk meningkatkan kemamparan perniagaan melalui pertumbuhan organik dan tak organik, pembiayaan akses nasihat, dan pengukuhan proses tadbir urus.

Nilai semasa penembusan pasaran modal syarikat Bumiputera adalah sangat rendah. Hingga kini, setelah 3 tahun dimulakan, 34 syarikat telah tersenarai di Pasaran Leading Entrepreneur Accelerator Platform (LEAP), adalah bukan PKS Bumiputera. Pasaran LEAP adalah platform pengumpulan modal alternatif di Bursa Malaysia yang disasarkan untuk memberi PKS akses kepada pengumpulan modal. Ini sebahagiannya adalah kerana PKS milik Bumiputera hanya menyumbang 38% daripada semua PKS milik Malaysia, dengan kebanyakan PKS Bumiputera tertumpu pada

bahagian mikro spektrum ini. Sebenarnya, 88% Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana Bumiputera (MSME) tetap diklasifikasikan sebagai mikro, 11% adalah kecil sementara selebihnya 1% MSME Bumiputera memenuhi syarat sebagai bersaiz sederhana. Jurang ini sangat ketara jika dibandingkan dengan MSME bukan Bumiputera di mana 69% adalah bersaiz mikro, 28% adalah syarikat bersaiz kecil, sementara selebihnya 3% diklasifikasikan sebagai bersaiz sederhana.¹⁷

Perluasan skop program yang ada untuk memasukkan penyenaraian dan M&A di pasaran ACE (yang bermaksud *Akses, Kepastian, Kecekapan*) dan LEAP akan membolehkan lebih banyak penyenaraian syarikat Bumiputera di Bursa Malaysia. Sehingga kini, program sedia ada telah menyokong 15 penyenaraian syarikat dengan jumlah nilai penciptaan RM6.15 bilion melalui proses ini.

Rajah 16

15

Tersenarai di Bursa Malaysia

RM5.2 bilion

Permodalan Pasaran pada Masa Penyenaraian

RM11.45 bilion

Nilai Pasaran pada April 2020

RM6.15 bilion

Nilai yang Dicipta Melalui Penyenaraian Syarikat

Kejayaan program sedia ada akan dicontohi dan diperluas untuk meningkatkan penyenaraian dan M&A PKS Bumiputera.

Langkah Pelaksanaan

Program sedia ada akan memperluas perkhidmatannya untuk memudah cara penyenaraian secara aktif ACE dan LEAP, serta

memberikan pembiayaan dan nasihat untuk proses M&A. Ini sebagai tambahan kepada skop sedia ada untuk menawarkan bimbingan pembangunan syarikat yang mampan melalui pertumbuhan organik dan tak organik, akses pembiayaan, dan pengukuhan tadbir urus.

Rajah 17: Pelan Pengembangan Perniagaan

- Memberikan sokongan nasihat yang komprehensif kepada syarikat Bumiputera yang berpotensi untuk disenaraikan di **Papan Utama Bursa Malaysia** sahaja
- Mengembangkan rancangan untuk meningkatkan kemampuan perniagaan melalui pertumbuhan organik dan tak organik, memberi nasihat akses dana dan memperbaiki proses tadbir urus



Program yang Diperluas: Menyenaikan (ACE dan LEAP) dan Sokongan M&A untuk Syarikat Awam Bumiputera


BAHARU

1

Mengembangkan sokongan untuk syarikat untuk disenaraikan dalam pasaran ACE dan LEAP

2

Memudah cara M&A untuk syarikat awam berhad Bumiputera dengan penyediaan dana dan khidmat nasihat



Faktor Kejayaan Utama:

1. Dana tambahan daripada Kerajaan untuk membiayai program yang diperluas

Di bawah inisiatif ini, kejayaan program ini akan diperluas untuk membantu lebih banyak PKS Bumiputera berskala kecil untuk disenaraikan di Pasaran ACE dan LEAP.

Berbanding dengan Pasaran Utama, Pasaran ACE menetapkan syarat yang kurang ketat, termasuk kos yang lebih rendah dan garis masa yang lebih pendek untuk penyenaian. Syarikat dengan saiz modal berbayar minimum RM5 juta sudah layak disenaraikan di Pasaran ACE, berbanding saiz modal minimum RM50 juta yang perlu untuk disenaraikan di Pasaran Utama.


Pasaran LEAP adalah platform pengumpulan modal alternatif di Bursa Malaysia yang disasarkan untuk memberi PKS akses kepada pengumpulan modal. Pentingnya penyenaian PKS Bumiputera di Pasaran LEAP adalah kerana ia membolehkan syarikat-syarikat ini berkembang melalui peningkatan modal di pasaran. Untuk menggalakkan mereka tersenarai di platform, Kerajaan dicadangkan untuk mengurangkan peraturan birokrasi kepada PKS Bumiputera kerana kebanyakan daripada mereka tertumpu pada spektrum mikro PKS dan oleh itu, tidak dapat memenuhi peraturan tertentu untuk penyenaian silang ke Pasaran LEAP. Selain itu, GLC dan GLIC akan diberi mandat untuk menjadi pelabur bagi PKS yang berjaya disenarai silang ke Pasaran LEAP.

Proses penyenaian untuk Pasaran ACE ditunjukkan dalam Rajah 18, hanya memerlukan 4 hingga enam (6) bulan dengan kos purata dari RM1.5 juta hingga RM3 juta, berbanding dengan 6 hingga 12 bulan dengan kos RM2 juta hingga RM3 juta bagi penyenaian di Pasaran Utama. Untuk Pasaran LEAP, proses penyenaian akan memerlukan 1 hingga 3 bulan dengan kos purata RM250,000. Dengan memperluas program untuk merangkumi Pasaran ACE dan LEAP, lebih banyak PKS Bumiputera akan dapat membuka potensi nilai syarikat mereka melalui penyenaian. Inisiatif ini akan bekerjasama dengan program jangkauan masyarakat untuk menggalakkan penyertaan dalam IPO melalui peruntukan khas untuk saham Bumiputera.

¹⁷ Bursa Malaysia

Rajah 18

Syarat untuk Disenaraikan di Bursa Malaysia

	 MAIN Market	 ACE Market	 LEAP Market
Modal Syarikat	> RM50 juta	RM5 – 10 juta	~ RM2 juta
Garis Masa	~ 6 – 12 bulan	~ 4 – 6 bulan	~ 1 – 3 bulan
Kos	~ RM2 juta - 3 juta	~RM1.5 juta - 3 juta	~ RM250,000
Jenis pelabur	Institusi	Institusi	Pelabur sofistikated
Syarat kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • 12 bulan modal kerja • Aliran tunai operasi positif • Tiada kerugian terkumpul 	12 bulan modal kerja	Tiada syarat
Syarat Tambahan	<ul style="list-style-type: none"> • Ujian Keuntungan • Ujian Permodalan Pasaran • Ujian Perbadanan Projek Infrastruktur 	Tiada syarat	Tiada syarat

Bantuan dan pendedahan kepada M&A akan membantu syarikat Bumiputera memahami peluang yang ada untuk meningkatkan pemilikan ekuiti

Edge Weekly
January 5, 2021

IPO: 2020 listings a prelude to vibrant IPO market in 2021

The 18 initial public offerings (IPOs) on Bursa Malaysia this year may be 12 entries shy of the 30 recorded in 2019, but these debutants have shown that even an unprecedented event such as the Covid-19 pandemic could not deter them from their listing plans.

The ACE Market saw the highest number of listings with 10, followed by the LEAP Market with six and the Main Market, two. It is worth noting that the IPO of Main Market-listed Mr DIY Group (M) Bhd — with its RM10 billion market capitalisation and RM1.5 billion of proceeds raised from institutional and retail investors — was the largest since that of Lotte Chemical Titan Holding Bhd, which raised RM3.77 billion on its debut in July 2017.

Sumber: Bursa Malaysia

Di samping penyenaian, penekanan terhadap strategi M&A adalah sama penting dengan usaha untuk meningkatkan penyenaian kerana dapat membolehkan syarikat Bumiputera memperoleh nilai paling tinggi daripada pemerolehan syarikat mereka. Oleh itu, pengembangan program yang ada juga akan merangkumi pemudahcaraan M&A untuk syarikat-syarikat persendirian Bumiputera

melalui pembiayaan dan kapasiti nasihat. Sokongan aktiviti M&A untuk syarikat-syarikat persendirian Bumiputera adalah penting kerana dapat meningkatkan peratusan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dengan ketara. Ia juga dapat meningkatkan daya saing dan nilai syarikat. Selain itu, kejayaan M&A di sektor teknologi disebabkan oleh penerimgunaan teknologi boleh dimanfaatkan

oleh syarikat Bumiputera yang terlibat dalam sektor ini. Manfaat lain untuk menggalakkan M&A dapat dilihat dalam Kotak Maklumat 19.

Kotak Maklumat 19

- M&A secara amnya merujuk kepada penyatuan syarikat atau aset melalui pelbagai jenis urus niaga. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, keadaan M&A di Malaysia semakin perlahan kerana jumlah M&A yang selesai di Malaysia yang melibatkan syarikat yang disenaraikan menurun daripada 338 pada tahun 2013 kepada 78 pada tahun 2017
- Walaupun dengan kemerosotan ini, 55% aktiviti M&A di Malaysia disebabkan oleh sektor pengguna dan kewangan daripada tahun 2012 hingga tahun 2015
- Tujuan program ini adalah untuk membantu syarikat Bumiputera (terutamanya dalam sektor teknologi) yang berpengalaman dan dapat menunjukkan titik perubahan positif pada tahap pertumbuhan mereka menjadikan mereka menarik bagi kemungkinan pembelian korporat, M&A, atau IPO
- IPO boleh menjadi salah satu pilihan terbaik untuk mana-mana syarikat, namun aktiviti M&A biasanya akan berlaku apabila pelaksanaan penyenaraian awam menjadi pilihan bagi syarikat
- Dengan meningkatnya penggunaan teknologi yang didorong oleh pandemik COVID-19 global yang memuncak, banyak syarikat teknologi akan berada di kedudukan utama untuk penyenaraian awam atau M&A, dengan pendapatan yang dihasilkan. Norma baharu akan berpandukan kepada teknologi, membuka jalan untuk pertumbuhan masa depan yang mampan

The Star, 1 March 2021


M&A Uptrend

The pace of mergers and acquisitions (M&A) in Malaysia, which has been affected by the COVID-19 pandemic, is expected to gain momentum going into the second half of the year.

According to experts from professional services firms, the positive momentum is expected to be supported by low interest rates, accommodating capital markets and ample private capital environment. Although the number of M&A deals in the country may not be as high as in 2019, it is expected to pick up steam this year. Experts also opined that the M&A landscape could return to the pre-COVID-19 pandemic levels in 2022.

Capital Confidence Barometer Analysis for Malaysia


- Expectation to pursue M&A in the next 12 months Malaysia vs Global



2012 2013 2014 2015 2016 2017 2018 2019 2020 2021

Key M&A drivers for Malaysian companies

What are the main strategic drivers for pursuing acquisitions?



Sumber: EY

TheStar graphics

Pembiayaan

Secara keseluruhan, inisiatif ini memerlukan pelaburan sebanyak RM346 juta menjelang tahun 2030 untuk memperluas program sedia ada dan mencontohi kejayaan sedia

ada demi manfaat PKS Bumiputera bersaiz lebih kecil.

Impak

Peningkatan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dalam syarikat yang disenaraikan secara terbuka akan sekali gus meningkatkan penilaian syarikat. Pada akhirnya, inisiatif ini akan mencapai perkara berikut:

- 45 syarikat Bumiputera yang tersenaraikan di Pasaran Utama, ACE, atau LEAP
- 31 syarikat Bumiputera menawarkan Penawaran Pembelian (BO), M&A, atau IPO

Inisiatif
#5

Menggalakkan Usaha Sama
dengan Syarikat Bukan
Bumiputera

Rasional

Berdasarkan prestasi masa lalu, syarikat Bumiputera mempunyai kadar kejayaan yang lebih rendah dalam membida projek yang ditawarkan oleh organisasi di dalam dan luar negara. Oleh itu, usaha sama antara syarikat Bumiputera dan bukan Bumiputera akan digalakkan untuk melaksanakan usaha antarabangsa secara bersama, dan akhirnya meningkatkan kadar kejayaan syarikat Bumiputera dalam tawaran tender. Insentif akan diberikan oleh Kerajaan untuk mendorong kerjasama ini. Ini untuk memastikan syarikat Bumiputera yang berkebolehan mendapat sokongan yang mencukupi untuk mengembangkan perniagaan mereka di luar Malaysia, dan mendapatkan pendedahan serta pengalaman antarabangsa.

Kajian membuktikan bahawa perniagaan dengan amalan kolaborasi yang baik cenderung mengungguli perniagaan tanpa perkongsian pada kadar 2 kali ganda dalam aspek pertumbuhan dan metrik prestasi lain.¹⁸

¹⁸ McKinsey & Company, 'Taking Supplier Collaboration to the Next Level', 7 Julai 2020

Langkah Pelaksanaan

Untuk memastikan kejayaan usaha sama, syarikat rakan kongsi akan didorong untuk menerapkan rangka kerja kolaborasi yang didukung oleh 5 kriteria: penyelarasan strategik, komunikasi dan kepercayaan,

libat urus silang fungsi, penciptaan dan perkongsian nilai, dan tadbir urus organisasi. Ini akan memberi akses kepakaran industri kepada perniagaan Bumiputera melalui rakan bukan Bumiputera, dan membolehkan mereka mengumpulkan sumber untuk meningkatkan daya saing keseluruhan mereka.

Rajah 20: Kriteria Utama Usaha Sama yang Berjaya antara Syarikat

Penjajaran Strategik


- Tujuan dan objektif strategik keseluruhan syarikat
- Skop inisiatif kerjasama

Libat Urus Silang Fungsi

- Keluasan hubungan melangkaui organisasi
- Kualiti dan hasil keterlibatan
- Keupayaan untuk melangkaui organisasi masing-masing

Tadbir Urus Organisasi

- Struktur insentif untuk kerjasama yang mampan
- Jenis dan kekerapan untuk maklum balas bersama
- Metrik yang dipersetujui untuk mengukur prestasi dan kemajuan



Sumber: McKinsey & Company, 'Taking Supplier Collaboration to the Next Level', 7 Julai 2020

Usaha sama ini dapat diberi insentif melalui pengecualian cukai atas kos tertentu atau subsidi gaji untuk pekerja projek. Bagi penerbit tender tempatan, insentif untuk memberikan kontrak kepada syarikat usaha sama Bumiputera dan bukan Bumiputera juga akan diberikan melalui pengecualian cukai atau pengurangan cukai berganda atas kos yang dikeluarkan untuk projek tersebut. Untuk mengelakkan penyalahgunaan insentif ini, tujuan usaha sama mesti dinyatakan dengan jelas, merangkumi tanggungjawab, risiko, dan implikasi untuk semua pihak yang terlibat. Kerjasama kukuh antara syarikat Bumiputera dan syarikat bukan Bumiputera dapat didorong melalui insentif dan pemantauan ketat, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 21. Proses kelulusan yang ketat memastikan situasi menang-menang bagi

semua pihak yang terlibat dan pada masa yang sama meningkatkan pertumbuhan syarikat Bumiputera.


Pembiayaan

Inisiatif ini memerlukan pelaburan sebanyak RM97 juta bagi menggalakkan usaha sama dengan syarikat bukan Bumiputera.

Impak

Inisiatif ini akan meningkatkan kadar kejayaan syarikat Bumiputera membida tender projek yang ditawarkan oleh organisasi di dalam dan luar negara. Melalui usaha sama ini, syarikat Bumiputera akan menikmati pendedahan yang lebih baik, peningkatan sumber daya, dan akan dapat menikmati manfaat berskala besar.

Rajah 21 : Insentif-insentif yang Dicadangkan untuk Memupuk Kerjasama antara Syarikat Bumiputera dan Syarikat Bukan Bumiputera



KESIMPULAN

Pemilikan ekuiti korporat kini perlu difokuskan kepada penubuhan PKS dan penempatan bakat Bumiputera di peringkat tertinggi GLC dan GLIC. Perlu ada pertumbuhan yang mampan serta dirangsang melalui pembiayaan, pengambilalihan, pelaburan asing, dan pembidaan projek yang berjaya.

Pemilikan ekuiti korporat Bumiputera yang mampan juga dapat dimudah cara dengan memberi tumpuan kepada strategi pelaburan baharu dan mempromosikan celik kewangan dan pelaburan dalam kalangan Bumiputera. Inisiatif ini akan membolehkan peluang penciptaan kekayaan kepada Bumiputera. Model pelaburan di Agensi bermandat Bumiputera akan memberi tumpuan kepada sektor strategik untuk memastikan pulangan optimum daripada pelaburan strategik dan penjualan kepada syarikat Bumiputera. Keutamaan juga akan diberikan kepada konsortium Bumiputera yang layak dengan hak penolakan pertama. Pulangan daripada penyahlaburan akan diagihkan dan dikongsi dengan Agensi amanah Bumiputera lain untuk meningkatkan pengagihan kekayaan Bumiputera. Pelupusan hak milik oleh syarikat milik Bumiputera akan dipantau oleh pengawal selia sektor untuk mengekalkan pemilikan ekuiti Bumiputera. Peluasan program yang ada juga akan memudahkan lebih banyak syarikat Bumiputera disenaraikan di Pasaran ACE dan LEAP.

Sejajar dengan sasaran yang ditetapkan oleh WKB2030, TPB2030 bertujuan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera melalui pengukuhan keupayaan dan kapasiti modal insan dan mewujudkan ekosistem yang lebih inklusif dan pelbagai serta kondusif untuk pertumbuhan PKS Bumiputera. Hasil inisiatif yang digariskan dalam PA7 bertumpu untuk meningkatkan status keseluruhan sosioekonomi Bumiputera.





LAMPIRAN

A

ACE	Capaian, Kepastian, Kecekapan
ADIMS	Sistem Pengurusan Maklumat Pertanian Digital
AGC	Jabatan Peguam Negara
AGC	Bekalan Umum Pesawat Udara
AI	Kecerdasan Buatan
AIBIM	Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia
AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
ALFIMER	Pengolahan Perlombongan Tanah Timbus dengan Pemulihan Bahan & Sumber Tenaga
AML/CFT	Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan
AP	Lesen Import
APEC	Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik
APS	Sistem Platform Pertanian
AR	Realiti Terimbuh
AS	Amerika Syarikat
ASD	Dolar Amerika Syarikat
ASEAN	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara
AS9100	Sistem Pengurusan Kualiti Antarabangsa Industri Aeroangkasa dan Pertahanan
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
AUD	Dolar Australia
AuM	Aset Di Bawah Pengurusan
AVs	Kenderaan Autonomi

B

BA	Blue Archipelago
BBCC	Bukit Bintang City Centre
BBDA	Analisis Data Raya Bumiputera

BCMS	Sistem Pengurusan Kesyntambungan Perniagaan
BEC	Komuniti Ekonomi Bumiputera
BETA	Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera
BETR 1.0	Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 1.0
BETR 2.0	Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0
BKB	Bahagian Kemakmuran Bumiputera
BMS	<i>Battery Management System</i>
BNM	Bank Negara Malaysia
BO	Tawaran/Penawaran Pembelian
BO	Bina-Kendali
BOT	Bina-Kendali-Pindah
BPI	Indeks Kemakmuran Bumiputera
BPMB	Bank Pembangunan Malaysia Berhad
BRI	Inisiatif Jalur dan Laluan
BRO	Persatuan Peruncit Bumiputera
BSF	Lalat Askar Hitam
BURSA	BURSA Malaysia Berhad
B2B	Perniagaan-kepada-Perniagaan
B2C	Perniagaan-kepada-Pengguna
B40	Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40% Terendah

C

CAD	Cipta, Gugusan dan Edaran
CAESE	Penubuhan Pusat Perkhidmatan Kejuruteraan Aeroangkasa
CAGR	Kadar Pertumbuhan Tahunan Kompaun
CAPEX	Perbelanjaan Modal
CAP55	Pembangunan Keupayaan 2055
CBM	Kaedah Pembinaan Konvensional

CBMs	Keyakinan Ukuran Bangunan	DFI	Institusi Kewangan
CBU	Siap Bina		Pembangunan
CCDC	Pusat Pengumpulan dan Penedaran	DfMA	Reka Bentuk untuk Pembuatan dan Pemasangan
CCPFH	Pusat Pengeluaran Komersial Florikultur dan Hortikultur	DFTZ	Zon Perdagangan Bebas Digital
CE	Pampasan Pekerja	DIPKN	Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara
CEDAR	Pusat Pembangunan dan Penyelidikan Usahawan	DOF	Jabatan Perikanan Malaysia
CEMA	Aktiviti Siber Elektromagnetik	DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
CEP	Kurier, Ekspres, Bungkus	DPCH	Digital Perak Corporation Holdings
CERT	Pasukan Respons Kecemasan Komputer	DRMM	Dasar Perumahan Mampu Milik
CGMP	Amalan Pembuatan Baik Semasa	DRN	Dasar Perumahan Negara
CIA	Agensi Risikan Pusat	DROPEE	Macro Tech Ventures Sdn Bhd
CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia	DWP	Kertas Putih Pertahanan
CIMP	Pelan Utama Industri Pembinaan	D3	Reka Bentuk Rumah Mencapai
CITP	Program Transformasi Industri Pembinaan 2016-2020	D-8	Pertubuhan Kerjasama Ekonomi Kumpulan Lapan Negara Membangun
CMCO	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat	E	
CNII	Infrastruktur Rangkaian dan Maklumat Kritikal Negara	EAP	Asia Timur dan Pasifik
COC	Sijil Perakuan Kekompetenan	ECCD	Pembangunan Kemampuan dan Keupayaan Kejuruteraan
CoE	Pusat Kecemerlangan	ECER	Wilayah Ekonomi Pantai Timur
Co-op	Koperasi	ECF	Pendanaan Ekuiti Awam
CPI	Indeks Harga Pengguna	ECRL	Laluan Rel Pantai Timur
CPO	Minyak Sawit Mentah	EDO	Organisasi Pembangunan Usahawan
CREAM	Institut Penyelidikan Pembinaan Malaysia	EEP	Program Pemerksaan Ekonomi
CSR	Tanggungjawab Sosial Korporat	EMEA	Agensi Penilaian Ubat Eropah
CTRM	Penyelidikan Teknologi Komposit Malaysia	EPP	Projek Permulaan
C2C	Pengguna-kepada-Pengguna	EPU	Unit Perancang Ekonomi
D		ESG	Ekonomi, Sosial dan Tadbir Urus
DAN	Dasar Agromakanan Negara	ETL	Ekstrak, Ubah, Muat
DASH	Lebuhraya Bertingkat Damansara - Shah Alam	ETP	Program Transformasi Ekonomi
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	EU	Kesatuan Eropah
DCA	Pihak Berkuasa Kawalan Dadah	EVs	Kenderaan Elektrik
DCP	Permit Pembinaan	E2EE	Penyulitan Hujung-ke-Hujung
DEB	Dasar Ekonomi Baru	F	
		FAO	Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu
		FDA	Pentadbiran Makanan dan

	Ubat-Ubatan Amerika Syarikat	GVC	Kandungan Permainan Video
FDI	Interfasa Makanan-Ubat	G1-G7	Kategori Kontraktor Lesen
FDIs	Pelaburan Langsung Asing		CIDB
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan	G2G	Kerajaan-dengan-Kerajaan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	G8	Kumpulan Lapan
FG	Kumpulan Sasar	H	
FG-BCEO	Kumpulan Sasar Pemilikan Ekuiti Korporat Bumiputera	HACCP	Hazard Analysis Critical Control
FI	Institusi Kewangan	HALMAS	Taman Halal Malaysia
FIC	Jawatankuasa Pelaburan Asing	HC-Uber	<i>Uberisation</i> Penjagaan Kesihatan
FINTECH	Teknologi Kewangan	HDC	Perbadanan Pembangunan Halal Berhad
FIPC	Fortuna International Petroleum Corporation	HIMP2030	Pelan Induk Industri Halal 2030
FLC	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan	HKTB	Lembaga Pelancongan Hong Kong
FOF	<i>Fund of Funds</i>	HRD Corp	Pembangunan Sumber Manusia Berhad
FQC	<i>Fish Quality Certificate</i>	I	
FRI	Institut Penyelidikan Perikanan	IAPG	Kumpulan Perancangan Antara Agensi
FRIM	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia	IBS	Sistem Binaan Industri
FSMP	Pelan Induk Sektor Kewangan	ICA1-7	Kategori Lesen-Lesen Pembuatan
FSQ	Keselamatan dan Kualiti Makanan	ICM	Pasaran Modal Islam
FTA	Perjanjian Perdagangan Bebas	ICMTM	Institut Bahan Kritikal Teknologi Malaysia
F&B	Makanan dan Minuman	ICP	Program Kolaborasi Industri
F&DT	<i>Fatigue and Damage Tolerance</i>	ICS	ISistem Kawalan Industri
G		ICT	Teknologi Informasi dan Maklumat
GAP	Amalan Pertanian Baik	ICU	Unit Penyelarasan Pelaksanaan
GCC	Majlis Kerjasama Negara-Negara Arab Teluk	IDEAS	<i>Institute for Democracy and Economic Affairs</i>
GCC	Kerjasama Negara-Negara Arab Teluk	IFDI	Indikator Pembangunan Kewangan Islam
GDV	Nilai Pembangunan Kasar	IFSB	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam
GHG	Gas Rumah Hijau	IFSI	Industri Perkhidmatan Kewangan Islam
GIACC	Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional	IIFM	Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa
GIEI	Indikator Ekonomi Islam Global	IILM	Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa
GIER	Laporan Ekonomi Islam Global	IIUM	Universiti Islam Antarabangsa
GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan		
GLIC	Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan		
GLP	Amalan Makmal Baik		
GMP	Amalan Pengilangan yang Baik		
GNI	Pendapatan Negara Kasar		
GOS	Lebih Kendalian Kasar		
GTP	Program Transformasi Kerajaan		

	Malaysia		
iKERPAN	Integrated Kerpan	JKPTG	Kemakmuran Bumiputera Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
IMI	Institut Industri Motor		
IMO	Pertubuhan Maritim Antarabangsa	JLM	Jabatan Laut Malaysia
IMPAC	Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia	JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
IMP	Pelan Induk Perindustrian	JPAB	Jawatankuasa Pemerkasaan Agenda Bumiputera
INCEIF	Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam	JPM	Jabatan Perdana Menteri
Industry4WRD	Dasar Nasional untuk IR4.0	JPMKB	Jawatankuasa Pemandu Majlis Kemakmuran Bumiputera
IoT	Internet Kebendaan	JTG	Jabatan Tanah dan Galian
IP	Harta Intelekt	JUPEM	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
IPC	Komuniti Lada Antarabangsa	JV	Usahasama
IPO	Penawaran Awam Awal		
IR 4.0	Revolusi Perindustrian Keempat		
IRDA	Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar	K	
iSHARP	Taman Akuakultur Udang Bersepadu	KADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
ISMS	Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat	KBI	Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad
ISRA	Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam	KBS	Kementerian Belia dan Sukan
ISTAR	Perisikan, Pengawasan, Pengesanan dan Peninjauan	KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
IT	Teknologi Maklumat	KEGA	Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama
ITT	Terminal Pengangkutan Bersepadu	KeTSA	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
IWK	Indah Water Konsortium Sdn Bhd	KFH	Kuwait Finance House
		KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
J		KLCE	Bursa Komoditi Kuala Lumpur
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri	KLIA	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	KMF	Persekutuan Muslim Korea
JASA	Jabatan Hal Ehwal Khas	KoJiD Preneur	Program Pembangunan Koperasi Masjid dan Usahawan Tahfiz
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji	KOL	Pemimpin Pendapat Utama
JENDELA	Jalanan Digital Negara	KPDNHEP	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna
JFC	Markas Angkatan Bersama	KPI	Petunjuk Prestasi Utama
JIT	Tepat Pada Masa	KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
JKHAS	Jawatankuasa Khas GLC & GLIC	KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
JKKMAR	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah	KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
JKM	Jabatan Kebajikan Malaysia	KPP	Kertas Putih Pertahanan
JKMKB	Jawatankuasa Kerja Majlis		

KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KKR	Kementerian Kerja Raya Malaysia
KSU	Ketua Setiausaha
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
KTOE	Kilo Tan Minyak Setara
KWP	Kementerian Wilayah Persekutuan
KWPPL	Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut

L

LDAP	Lightweight Directory Access Protocol
LEAP	Platform Pemecut Usahawan Utama
LED	Diod Pemancar Cahaya
LGE	<i>Litres Gasoline Equivalent</i>
LGM	Lembaga Getah Malaysia
LiDAR	<i>Light Detection and Ranging</i>
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LKM	Lembaga Koko Malaysia
LKTN	Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara
LKPP	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang
LMD	Penghantaran Jarak Terakhir
LNG	Gas Asli Cecair
LOR	<i>Learning Object Repository</i>
LPI	Indeks Prestasi Logistik
LPMM	Lembaga Pembangunan Industri Mineral Malaysia
LPNM	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
LRT	Transit Aliran Ringan
LRT3	Transit Aliran Ringan 3
LSPs	Pembekal Perkhidmatan Logistik
LTN	Lembaga Tembakau Negara

M

MaaS	Mobiliti sebagai Perkhidmatan
MAC	Majlis Aeroangkasa Malaysia
MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
MAFI	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
MAG	Kumpulan Penerbangan Malaysia
MaGIC	Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia
MAH	Persatuan Hotel Malaysia
MAHB	Malaysia Airports Holdings Berhad
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MAPAN	Majlis Pembangunan Pertahanan Negara
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
MAQIS	Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia
MASA	Institut Masa Depan Malaysia
MASB	Makmur Akuakultur Sdn Bhd
MASCO	Senarai Pekerjaan Piawai Pengelasan Pekerjaan Malaysia
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
M&A	Penggabungan dan Pemerolehan
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam
MBSJ	Majlis Bandaraya Subang Jaya
MCSS	Strategi Keselamatan Siber Malaysia
MDA	Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
MDEC	Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia
MEA	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
MEDAC	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
MHTC	Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia
MIDA	Lembaga Pembangunan

MIFC	Pelaburan Malaysia Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia	MRRDB	dan Baik Pulih Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia
MinDef	Kementerian Pertahanan Malaysia	MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
MITEC	<i>Malaysia International Trade and Exhibition Centre</i>	MRT	Aliran Transit Massa
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	MRT2	Transit Aliran Massa 2
MKB	Majlis Kemakmuran Bumiputera	MRT3	Transit Aliran Massa 3
MKHA	Persatuan Kampungstay dan Homestay Malaysia	MSMP	Pelan Induk Perkapalan Nasional 2017-2022
MNC	Syarikat Multinasional	MSW	Sisa Pepejal Perbandaran
MOD	Mobiliti Atas Permintaan	MTA	Persatuan Takaful Malaysia
MOE	Kementerian Pendidikan Malaysia	MTIB	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia	MTC	Majlis Kayu Kayan Malaysia
MOH	Kementerian Kesihatan Malaysia	MTCC	Majlis Pensijilan Kayu Malaysia
MOHR	Kementerian Sumber Manusia	MTDC	<i>Malaysian Technology Development Corporation</i>
MOP	Margin Keutamaan	MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	MVNO	<i>Mobile Virtual Network Operator</i>
MOT	Kementerian Pengangkutan Malaysia	MyCC	Suruhanjaya Persaingan Malaysia
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia	MyCEB	Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia
MoU	Memorandum Persefahaman	MyDIGITAL	Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia
MPB	Lembaga Lada Malaysia	MyGAP	Amalan Pertanian Baik Malaysia
MPBP	Majlis Perbandaran Batu Pahat	MyGDX	Hab Perkongsian Data Kerajaan
MPIC	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	M/M	<i>Mass by Mass</i>
MPC	Perbadanan Produktiviti Malaysia	M2M	Mesin-ke-Mesin
MPMB	Lembaga Pemasaran Lada Hitam Malaysia	M40	Kumpulan Isi Rumah Pendapatan 40% Pertengahan
MPM	Majlis Perundingan Melayu	N	
MPOB	Lembaga Minyak Sawit Malaysia	Nadcap	Program Akreditasi Kontraktor Aeroangkasa dan Pertahanan Nasional
MPOC	<i>Malaysia Palm Oil Council</i>	NAICO	Pejabat Koordinasi Industri Aeroangkasa Kebangsaan
MPRC	Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia	NAPIC	Pusat Maklumat Harta Tanah Negara
MPSO	Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia	NAP 2020	Dasar Automotif Negara 2020
MRELB	Lembaga Pasaran Getah Malaysia	NATIP	Pelan Industri Perakayuan Negara
MREPC	Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia	NCER	Wilayah Ekonomi Koridor Utara
MRO	Penyelenggaraan, Pembaikan	NCO	Rangkaian Operasi Berpusat
		NEKMAT	Persatuan Nelayan Kebangsaan
		NEM	Model Ekonomi Baru

NEP 2030	Dasar Keusahawanan Negara
NGO	Organisasi Bukan Kerajaan
NKEA	Bidang Ekonomi Utama Negara
NPRA	Bahagian Regulatori Farmasi Negara
NTP	Dasar Pengangkutan Negara
NTP	Program Transformasi Negara
NxGV	Kenderaan Generasi Baharu

O

OBHGR	<i>On-Board Hydrogen Reactor</i>
OECD	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
OEMs	Pengilang Peralatan Asal
OGSE	Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas
OGSE OSC	Pusat Sehenti Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas
OIC	Pertubuhan Kerjasama Islam
OIFI	Institusi Kewangan Islam Lain
OSC	Pusat Sehenti
OSV	Kapal Pesisir Pantai
OTA	Agensi Pelancongan dalam Talian

P

PA	Bidang Keutamaan
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PCIF	Sijil Profesional dalam Kewangan Islam
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PERHEBAT	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera
PESTEL	Politik, Ekonomi, Sosial, Teknologi, Persekitaran, Undang-Undang
PHB	Pelaburan Hartanah Berhad
PIC/S	Skim Kerjasama Pemeriksaan Farmaseutikal
PIP	Pelabuhan Darat Perlis
PKA	Lembaga Pelabuhan Klang
PKB	Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan

PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PNB	Permodalan Nasional Berhad
PNK	Persatuan Nelayan Kawasan
PNN	Persatuan Nelayan Negeri
PM	Perdana Menteri
PMKS	Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
PMO	Pejabat Perdana Menteri
PMT	Pasukan Pengurusan Program
PoC	Bukti Konsep
PPAM	Perumahan Penjawat Awam Malaysia
PPE	Kelengkapan Pelindung Diri
PPP	Kerjasama Awam-Swasta
PPSEV	Program Pembangunan Sosio Ekonomi Veteran
PPVC	Pembinaan Volumetrik Prafabrikasi Prasiap
PRIMA	Perumahan Rakyat 1Malaysia
PSM	Mesyuarat Penyelesaian Masalah
PTA-D8	Perjanjian Tarif Keutamaan Kumpulan 8 Negara Membangun
PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
PUU	Pejabat Penasihat Undang-Undang
P2P	Rakan Sebaya

R

RADAR	Pengesanan dan Jarak Radio
RAS	Sistem Akuakultur Kitar Semula
RDF	<i>Refuse Derived Fuel</i>
REE	Unsur Nadir Bumi
RFQ	Permintaan Sebut Harga
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
RKBPN	Rangka Kerja Bandar Pintar Nasional
RMB	Matawang China Renminbi
RPEL	Pengiktirafan Pembelajaran Melalui Pengalaman
RTE	Sedia Dimakan
RMKe-3	Rancangan Malaysia Ketiga Belas

RMKe-11	Rancangan Malaysia Kesebelas	SMR	Standard Getah Malaysia
RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas	SOEs	Syarikat Milik Kerajaan
RMKe-13	Rancangan Malaysia Ketiga Belas	SOP	Prosedur Operasi Standard
RMR	Rumah Mesra Rakyat	SPAC	Syarikat Pemerolehan Tujuan Khas
ROI	Pulangan Pelaburan	SPC	Syarikat Tujuan Khas
RRI	Institut Penyelidikan Getah	SPE	Entiti Tujuan Khas
RRIM	Institut Penyelidikan Getah Malaysia	SPNB	Syarikat Perumahan Negara Berhad
RTKP	Rangka Tindakan Kapasiti Pertahanan	SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
RTM	Radio Televisyen Malaysia	SPP	Sistem Pemantauan Projek
RTO	Sewa Untuk Beli	SPPE	Skim Peningkatan Produktiviti Enterprise
RT-PCR	Reaksi Rantai Polimerase	SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
RUMAWIP	Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan	SPV	Syarikat Tujuan Khas
R&D	Penyelidikan dan Pembangunan	SPV	Kenderaan Tujuan Khas
R&T	Penyelidikan dan Teknologi	SPVco	Syarikat Tujuan Khas
		SRI	Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab
		SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
		SSR	Kadar Sara Diri
		SSO	<i>Single Sign-On</i>
		STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
		STRIDE	Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan
		S-SDLC	Kitaran Hidup Pembangunan Perisian
		SUKE	Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi - Ulu Klang
		SUKE3	Lebuhraya Setiawangsa-Pantai
		SUPERB	Skim Usahawan Permulaan Bumiputera
		SWOT	Kekuatan, Kelemahan, Peluang, Ancaman
		T	
		TB	<i>Tuberculosis</i>
		TDM	Alatan, Dai dan Acuan
		TEKUN	TEKUN Nasional
		TERAJU	Unit Peneraju Agenda Bumiputera
		TEUs	Unit Setaraf Dua Puluh Kaki
		TFS	Sekatan Kewangan Bersasaran
		TGA	Pentadbiran Barang Rawatan Australia
		THP	<i>Tabung Haji Properties</i>
SATCOM	Satelit Komunikasi		
SBP	Sekolah Berasrama Penuh		
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia		
SCL	Tahap Daya Saing Pembekal		
SCORE	Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak		
SDGs	Matlamat Pembangunan Mampan		
SDP	<i>Sime Darby Property</i>		
SEDIA	Lembaga Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah		
SEZ	Zon Ekonomi Khas		
SIS	<i>Student Information System</i>		
SJPP	Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan		
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia		
SMA	Sarawak Multimedia Authority		
SMAW	Kimpalan Arka Logam Terlindung		
SME Corp	Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia		
SMIDEC	<i>Small and Medium Industries Development Corporation</i>		
SMP	Pelan Pemasaran Strategik Acara Perniagaan Malaysia 2021-2030		

TNB	Tenaga Nasional Berhad
TPA	Akses Pihak Ketiga
TPB2030	Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030
TPM	Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd
TRM	Tanah Rizab Melayu
TVET	Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional
TWG	Pasukan Kerja Teknikal
T20	Kumpulan Pendapatan Isi Rumah 20% Teratas

U

UAE	Emiriah Arab Bersatu
UAV	Pesawat Udara tanpa Pemandu
UDA	Perbadanan Pembangunan Bandar
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UITP	Persatuan Pengangkutan Awam Antarabangsa
UK	Kerajaan Bersatu Britain Raya dan Ireland Utara (United Kingdom)
UNCAC	Persidangan Menentang Rasuah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNESCO	Pertubuhan Pendidikan, Saintifik, dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNCTAD	Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
UNSD	<i>United Nations Statistics Division</i>
UNSDGs	Matlamat Pembangunan Mampan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNWTO	Pertubuhan Pelancongan Dunia Bangsa-Bangsa Bersatu
UPAB	Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera
UPEB	Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera
UPM	Universiti Putra Malaysia
USDoT	Jabatan Pengangkutan Amerika Syarikat
USFDA	Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan Amerika Syarikat
UXP	Platform Pengalaman Pengguna

V

VA	Penilaian Kerentanan
VC	Modal Teroka
VCP	<i>Vehicle Currency Pricing</i>
VDP	Program Pembangunan Vendor
VETA	Akademi Latihan Pendidikan Vokasional
VFR	Lawatan Kawan atau Saudara Mara
VR	Realiti Maya
V2X	<i>Vehicle to Everything</i>

W

WCE	Lebuhraya Pantai Barat
WEF	Forum Ekonomi Dunia
WFH	Kerja dari Rumah
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia
WISDEC	Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu
WKB2030	Wawasan Kemakmuran Bersama 2030
WKE	Pegawai Bertugas bagi Pengawasan Kejuruteraan
WKO	Pegawai Bertugas bagi Pengawasan Pelayaran
WtE	Sisa Buangan kepada Tenaga
WTO	Pertubuhan Perdagangan Dunia
WtM	Sisa Buangan kepada Material
WTTC	Majlis Pelancongan & Pelancongan Dunia
WWII	Perang Dunia Kedua

Y

YC	YCombinator
YPM	Yayasan Pelajaran MARA
YPPB	Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera

Z

ZIA	Zon Industri Akuakultur
-----	-------------------------

3B	<i>Bumiputera Big Box</i>
3PL	Logistik Pihak Ketiga
3PN	Pelan Pelaburan Pertahanan Negara
4DMAF	Dimensi Keempat Angkatan Tentera Malaysia
4IR	Dasar Revolusi Perindustrian Keempat
#15to5	Program Transformasi 15to5



www.tpb2030.gov.my

Ikuti Kami di

